

PEMBIAYAAN PERDAGANGAN DAN  
PERLAKSANAANNYA DALAM SISTEM PERBANKAN  
ISLAM DI MALAYSIA

AHMAD KHILMY BIN ABDUL RAHIM

DOKTOR FALSAFAH  
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA  
Ogos 2013

PEMBIAYAAN PERDAGANGAN DAN PERLAKSANAANNYA DALAM SISTEM  
PERBANKAN ISLAM DI MALAYSIA

Oleh

AHMAD KHILMY BIN ABDUL RAHIM

Diserahkan kepada  
Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business,  
Universiti Utara Malaysia  
bagi Memenuhi Keperluan Pengijazahan Doktor Falsafah

## **KEBENARAN MERUJUK**

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi keperluan pengurniaan Ijazah Doktor Falsafah daripada Universiti Utara Malaysia (UUM). Saya dengan ini bersetuju membenarkan pihak perpustakaan UUM mempamerkannya sebagai bahan rujukan umum. Saya juga bersetuju bahawa sebarang bentuk salinan sama ada secara keseluruhan atau sebahagian daripada tesis ini untuk tujuan akademik perlulah mendapat kebenaran daripada Penyelia Tesis atau Dekan Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business terlebih dahulu. Sebarang bentuk salinan dan cetakan bagi tujuan komersial adalah dilarang sama sekali tanpa kebenaran bertulis daripada penyelidik. Pernyataan rujukan kepada penyelidik dan UUM perlulah dinyatakan jika rujukan terhadap tesis ini dilakukan.

Kebenaran untuk menyalin atau menggunakan tesis ini sama ada secara sebahagian atau sepenuhnya hendaklah dipohon melalui:

Dekan  
Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business  
Universiti Utara Malaysia  
06010 UUM Sintok  
Kedah Darul Aman  
Malaysia

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis pelaksanaan produk-produk pembiayaan perdagangan Islam yang diaplikasikan oleh bank-bank Islam di Malaysia. Kajian memfokuskan kepada aplikasi kontrak-kontrak *muamalat* dan isu-isu syariah yang wujud ketika pelaksanaan produk-produk tersebut. Kajian-kajian terdahulu mengetengahkan beberapa isu syariah dalam operasi produk-produk perbankan Islam. Antaranya ialah isu penggunaan kontrak-kontrak kontroversi, caj perkhidmatan yang tinggi, dan *ta'wid*. Kajian ini menetapkan lima objektif untuk dicapai. Pertama ialah mengenal pasti produk-produk pembiayaan perdagangan yang dilaksanakan oleh bank-bank Islam di Malaysia. Kedua pula ialah untuk mengenal pasti dan menganalisis kontrak-kontrak syariah yang digunakan. Ketiga ialah membuat kajian terperinci dan perbandingan antara bank-bank yang terpilih daripada aspek aplikasi kontrak-kontrak syariah dan isu-isu syariah yang wujud. Isu keempat pula ialah menentukan sejauh mana kepatuhan bank terhadap syariah dalam pelaksanaan produk-produk tersebut. Sementara itu, isu kelima ialah mencadangkan alternatif terhadap isu-isu syariah yang timbul. Secara umumnya, sampel kajian meliputi 16 buah bank Islam di Malaysia. Manakala kajian terperinci difokuskan kepada 5 buah bank Islam iaitu Bank Islam Malaysia Berhad, Bank Muamalat Malaysia Berhad, Kuwait Finance House (M), RHB Islamic dan Maybank Islamic. Metodologi kajian yang digunakan ialah kualitatif yang bersesuaian dengan matlamat dan objektif kajian. Kaedah pengumpulan data pula ialah melalui kajian perpustakaan dan kajian lapangan yang merangkumi kaedah temu bual dan analisis dokumen. Penemuan kajian mendapati terdapat sembilan kontrak yang diaplikasikan dalam produk-produk pembiayaan perdagangan Islam iaitu *murabahah*, *bay' al-dayn*, *bai' al-'inah*, *tawarruq*, *bai' bithaman ajil*, *wakalah*, *kafalah*, *mudarabah*, *musyarakah* dan prinsip *al-wa'ad*. Hasil kajian mengenal pasti lapan isu-isu syariah yang berbangkit iaitu riba, isu barangan, isu-isu berbangkit dari kontrak-kontrak yang digunakan, insuran, UCP 600, mata wang asing, dokumentasi dan isu-isu teknikal berkaitan akad. Kajian ini mengenal pasti beberapa faktor yang membawa kepada timbulnya isu-isu syariah dan ketidakselarasan antara bank daripada aspek pelaksanaan produk-produk dan kontrak-kontrak iaitu ketiadaan garis panduan khusus daripada Bank Negara Malaysia (BNM), kecenderungan rujukan penasihat syariah bank dan status bank sama ada tempatan atau bank luar.

**Kata kunci:** bank-bank Islam, kontrak-kontrak *Muamalat*, produk-produk pembiayaan perdagangan Islam, isu-isu Syariah

## ABSTRACT

This study aims to analyse the implementation of the Islamic Trade Finance (ITF) products in the Islamic banks in Malaysia. The research focuses on the application of the *muamalat* contracts and the related issues that arise during the implementation of these instruments. Previous literature highlights several issues in the operation of the Islamic banking products such as using controversial contracts, high service charges and *ta'wid*. The study sets five objectives to be achieved. First, to identify the types of business financing products offered by Islamic banks; second, to identify and analyse the syariah contracts being used; third, to examine and compare selected banks with respect to the application of the syariah contract and related issues that arise; fourth, to determine how far the banks adhered to the syariah framework in the implementation of the products; and fifth, to suggest alternative banking solutions to the syariah issues that arise. The research sample involved 16 Islamic banks, whilst the detailed study was directed at 5 selected banks: Bank Islam Malaysia Berhad, Bank Muamalat Malaysia Berhad, Kuwait Finance House (M), RHB Islamic and Maybank Islamic. Based on the aims and objectives of the study, the methodology employed is qualitative in nature. The procedures used to gather data were library research and field work involving interview and document analysis. Findings from this study revealed that 9 contracts were applied in the Islamic Trade Finance products, which are, *murabahah*, *bay' al-dayn*, *bay' al-'inah*, *tawarruq*, *bay' bithaman ajil*, *wakalah*, *kafalah*, *mudarabah*, *musyarakah* and the *al-wa'ad* principle. The findings subsequently identified 8 syariah issues that arise, which are: (a) *riba*, (b) issues about subject matter, (c) issues arising from contracts being used, (d) insurance, (e) UCP 600, (f) foreign currency, (g) documentation, and (h) technical issues related to *akad*. Finally, the study identified several factors concerning syariah issues and differences among the banks in terms of product implementation and contracts, which include no specific guidelines from BNM, the referential preference of the syariah bank advisors and the bank status, either local or foreign in nature.

**Keywords:** Islamic banks, *Muamalat* contracts, Islamic trade finance products, *Syariah* issues

## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasih

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. dengan limpah rahmatNya. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w. yang menjadi *qudwah* semesta alam. Tanpa izinNya pasti semua perancangan sepanjang pengajian ini tidak akan terlaksana.

Sesungguhnya dalam menyempurnakan kajian ini, banyak dugaan dan rintangan yang telah dihadapi. Alhamdulillah, dengan bimbingan dan kerjasama dari pelbagai pihak, kajian ini dapat disempurnakan dengan jayanya. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga ditujukan khas kepada penyelia yang dihormati Prof Madya Dr Asmadi bin Mohamed Naim dan Dr Zairani Bt Zainol yang menjadi mentor sepanjang kajian ini dijalankan. Segala bentuk tunjuk ajar, motivasi, bimbingan, nasihat dan perkongsian ilmu dan pengalaman telah banyak membantu dalam usaha menyiapkan kajian ini. Juga tidak dilupakan kepada Prof. Madya. Dr Hj Abdullah b Hj Abdul Ghani serta para pensyarah dari Pusat Pengajian Perniagaan Islam (IBS), Universiti Utara Malaysia.

Tidak dilupakan kepada penaja iaitu Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Bahagian Pengajian Politeknik, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia yang memberikan kemudahan biasiswa dan cuti belajar. Penghargaan ini juga ditujukan kepada pihak pengurusan Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS) atas sokongan yang diberikan. Tidak dilupakan rakan-rakan dari Jabatan Pengajian Am, POLIMAS khususnya Unit Pendidikan Islam dan Moral. Terima kasih dan penghargaan juga kepada semua ahli keluarga dan sahabat handai yang turut memberi sokongan moral sepanjang tempoh pengajian ini.

Selain itu, penghargaan ini juga ditujukan kepada pegawai-pegawai bank yang terlibat dengan kajian, khususnya dari bahagian pembiayaan perdagangan dan bahagian pengurusan syariah yang telah memberikan kerjasama yang sangat baik sepanjang kajian

ini dijalankan. Tanpa bantuan dan kerjasama anda semua pasti akan timbul kesukaran untuk memperolehi maklumat-maklumat penting berkaitan kajian ini.

Tesis ini didedikasikan khas buat bonda dan ayahanda yang tercinta Rahmah bt Nasir dan Abdul Rahim b Ahmad, isteri yang tersayang Nor Afriza bt Udzir serta permata-permata hatiku anakanda Nadhratul Huda, Muhd Nu'man Basyir, Nur Mujahidah, Nur Iffah Nabilah dan Muhammad Miqdad yang menjadi sumber inspirasi akademik yang amat bermakna buat diriku.

Akhir sekali, kupanjatkan doa khas buat guru-guruku agar dianugerahkan oleh Allah s.w.t. dengan sebaik-baik ganjaran dan pahala di atas segala amal bakti ilmu yang telah kuterima selama ini.

## SENARAI KANDUNGAN

|                       |       |
|-----------------------|-------|
| MUKA SURAT TAJUK      | i     |
| PERAKUAN KERJA TESIS  | ii    |
| KEBENARAN MERUJUK     | iv    |
| ABSTRAK               | v     |
| ABSTRACT              | vi    |
| PENGHARGAAN           | vii   |
| SENARAI KANDUNGAN     | ix    |
| SENARAI JADUAL        | xvi   |
| SENARAI RAJAH         | xvii  |
| SENARAI KEPENDEKAN    | xviii |
| PANDUAN TRANSLITERASI | xx    |

### **BAB SATU : PENDAHULUAN**

|                                |    |
|--------------------------------|----|
| 1.0 Pengenalan                 | 1  |
| 1.1 Pernyataan Masalah         | 13 |
| 1.2 Persoalan Kajian           | 22 |
| 1.3 Objektif Kajian            | 23 |
| 1.4 Kepentingan Kajian         | 24 |
| 1.5 Limitasi Kajian            | 26 |
| 1.6 Huraian Konsep dan Istilah | 29 |
| 1.7 Organisasi Tesis           | 39 |

### **BAB DUA : SOROTAN LITERATUR**

|  |    |
|--|----|
| 2.0 Pendahuluan  | 41 |
| 2.1 Latarbelakang Sejarah Perbankan Islam                            | 42 |
| 2.2 Kontrak-kontrak dalam Sistem Perbankan Islam                     | 45 |
| 2.3 Perdagangan Antarabangsa dalam Sistem Konvensional               | 52 |
| 2.4 Perlaksanaan Kontrak-kontrak dalam Produk-produk Perbankan Islam | 54 |
| 2.5 Pematuhan Terhadap Syariah ( <i>syariah compliant</i> )          | 68 |

|                     |    |
|---------------------|----|
| 2.6 Maqasid Syariah | 73 |
| 2.7 Penutup         | 75 |

### **BAB TIGA : METODOLOGI**

|   |    |
|---|----|
| 3.0 Pendahuluan                               | 77 |
| 3.1 Pemilihan Kaedah Kajian                   | 77 |
| 3.2 Pengumpulan Data Kajian                   | 79 |
| 3.2.1 Kaedah Penyelidikan Perpustakaan        | 80 |
| 3.2.2 Kaedah Penyelidikan Lapangan            | 81 |
| 3.2.2.1 Metode Temu Bual                      | 82 |
| 3.2.2.2 Metode Analisis Dokumen               | 85 |
| 3.3 Sampel Kajian                             | 86 |
| 3.4 Analisis Data                             | 89 |
| 3.4.1 Kesahan dan Kebolehpercayaan Data       | 90 |
| 3.4.1.1 Kaedah Triangulasi                    | 90 |
| 3.4.1.2 Penilaian Rakan                       | 91 |
| 3.4.2 Analisis Data Kualitatif                | 92 |
| 3.4.2.1 Analisis Suntingan                    | 92 |
| 3.4.2.2 Analisis Kerangka ( <i>Template</i> ) | 93 |
| 3.5 Penutup                                   | 94 |

### **BAB EMPAT : PEMBIAYAAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA: LATARBELAKANG DAN APLIKASI**

|  |     |
|--|-----|
| 4.0 Pendahuluan                                      | 96  |
| 4.1 Faktor-faktor Kewujudan Perdagangan Antarabangsa | 98  |
| 4.1.1 Perbezaan Anugerah Semulajadi                  | 99  |
| 4.1.2 Perbezaan Saiz Modal                           | 100 |
| 4.1.3 Kecekapan dan Kemahiran yang Berbeza           | 100 |
| 4.1.4 Memperluaskan Pasaran                          | 101 |
| 4.1.5 Memperolehi Sumber-sumber                      | 101 |

|  |     |
|--|-----|
| 4.1.6. Mengurangkan Risiko Persaingan  | 102 |
| 4.2 Transaksi dalam Perdagangan Antarabangsa                                 | 103 |
| 4.2.1 Kaedah Pembayaran dalam perdagangan antarabangsa                       | 104 |
| 4.2.1.1 Akaun Terbuka  | 105 |
| 4.2.1.2 Bayaran Pendahuluan  | 106 |
| 4.2.1.3 Konsainan  | 107 |
| 4.2.1.4 Pemungutan   | 107 |
| 4.2.1.5 Surat Kredit   | 112 |
| 4.3 Produk-produk dan Instrumen Pembiayaan Perdagangan Antarabangsa          | 121 |
| 4.3.1 Bil Pertukaran   | 122 |
| 4.3.2 Penerimaan Jurubank  | 123 |
| 4.3.3 Resit Amanah   | 126 |
| 4.3.4 Jaminan Perkapalan   | 128 |
| 4.3.5 Pembiayaan Semula Kredit Eksport                                       | 130 |
| 4.3.5.1 Pembiayaan Semula Pra-Penghantaran                                   | 131 |
| 4.3.5.2 Pembiayaan Semula Selepas Penghantaran                               | 133 |
| 4.3.6. Jaminan Bank  | 134 |
| 4.3.6.1 Bon Tender atau Bida   | 135 |
| 4.3.6.2 Bon Prestasi   | 135 |
| 4.3.6.3 Bon Bayaran Pendahuluan atau Progres                                 | 135 |
| 4.3.6.4 Bon Waranti  | 136 |
| 4.4 Pembiayaan Perdagangan dalam Sistem Perbankan di Malaysia                | 137 |
| 4.4.1 Pembiayaan Perdagangan dalam Sistem Perbankan Konvensional di Malaysia | 138 |
| 4.4.2 Pembiayaan Perdagangan dalam Sistem Perbankan Islam di Malaysia        | 141 |
| 4.5 Penutup  | 148 |

**BAB LIMA : KONTRAK-KONTRAK DALAM PEMBIAYAAN  
PERDAGANGAN ANTARABANGSA ISLAM**

|   |     |
|---|-----|
| 5.0 Pendahuluan   | 150 |
| 5.1 Konsep Akad   | 151 |
| 5.1.1 Definisi Akad Secara Umum                                     | 151 |
| 5.1.2 Definisi Akad Secara Khusus                                   | 152 |
| 5.2 Pembahagian Akad  | 154 |
| 5.2.1 Dari Segi Status Kesahihan Akad                               | 154 |
| 5.2.2 Dari Segi Penamaan Akad                                       | 155 |
| 5.2.3 Dari Segi Objektif Akad                                       | 156 |
| 5.2.4 Dari Segi Kehadiran Barang dan Penyerahan Semasa Akad         | 158 |
| 5.2.5 Dari Segi Keberkesanan  | 159 |
| 5.3 Prinsip-prinsip Umum <i>Muamalat</i> Islam                      | 166 |
| 5.4 Elemen-elemen yang Dilarang dalam Sistem <i>Muamalat</i> Islam  | 168 |
| 5.4.1 Riba dan Pembahagiannya                                       | 168 |
| 5.4.2 <i>Gharar</i>   | 177 |
| 5.4.3 <i>Maysir/ Qimar</i>  | 183 |
| 5.5 Kontrak-kontrak dalam Pembiayaan Perdagangan Antarabangsa Islam | 185 |
| 5.5.1 Kontrak-kontrak Berkaitan Jual-Beli ( <i>al-Bay'</i> )        | 188 |
| 5.5.1.1 <i>Murabahah</i>  | 190 |
| 5.5.1.2 <i>Bay' al-Dayn</i>   | 197 |
| 5.5.1.3 <i>Bay' al-'Inah</i>  | 206 |
| 5.5.1.4 <i>Tawarruq</i>   | 212 |
| 5.5.1.5 <i>Bay' Bithaman Ajil</i>                                   | 219 |
| 5.5.2 Kontrak Penyerahan ( <i>al-Itlaqat/al-Tafwid</i> )            | 226 |
| 5.5.2.1 <i>Wakalah</i>  | 226 |
| 5.5.3 Kontrak Jaminan ( <i>al-Tawsiqat</i> )                        | 233 |
| 5.5.3.1 <i>Kafalah</i>  | 234 |
| 5.5.4 Kontrak-kontrak Perkongsian ( <i>al-Isytirak</i> )            | 242 |

|                                     |     |
|-------------------------------------|-----|
| 5.5.4.1 <i>Mudarabah</i>            | 243 |
| 5.5.4.2 <i>Syarikah/ musyarakah</i> | 252 |
| 5.5.5 Prinsip <i>al-wa'ad</i>       | 258 |
| 5.6 Penutup                         | 262 |

**BAB ENAM : ANALISIS PERLAKSANAAN KONTRAK-KONTRAK DALAM  
PRODUK-PRODUK PEMBIAYAAN PERDAGANGAN  
ANTARABANGSA ISLAM**

|  |     |
|--|-----|
| 6.0 Pendahuluan  | 265 |
| 6.1 Profil Responden   | 266 |
| 6.1.1 Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)  | 266 |
| 6.1.2 Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB)   | 269 |
| 6.1.3 RHB Islamic Bank Berhad  | 271 |
| 6.1.4 Maybank Islamic Berhad   | 273 |
| 6.1.5 Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad   | 275 |
| 6.2 Aplikasi Kontrak-kontrak dalam Produk-produk Pembiayaan Perdagangan Antarabangsa Islam | 277 |
| 6.2.1 Surat Kredit-i ( <i>Letter of credit/ LC-i</i> )                                     | 277 |
| 6.2.1.1 Surat Kredit <i>Wakalah</i>  | 279 |
| 6.2.1.2 Surat Kredit <i>Murabahah</i>  | 282 |
| 6.2.1.3 Surat Kredit <i>Musyarakah</i>   | 285 |
| 6.2.2 Resit Amanah-i ( <i>Trust Receipt/ TR-i</i> )  | 287 |
| 6.2.3 Bil Penerimaan ( <i>Accepted Bills/ AB-i</i> )                                       | 290 |
| 6.2.4 Bil-bil Pertukaran Belian ( <i>Bill of Exchanged Purchased/BEP-i</i> )               | 294 |
| 6.2.5 Pembiayaan Semula Kredit Eksport ( <i>Export Credit Refinancing ECR-i</i> )          | 297 |
| 6.2.6 Jaminan Perkapalan ( <i>Shipping Guarantee/ SG-i</i> )                               | 302 |
| 6.2.7 Jaminan Bank ( <i>Bank Guarantee/ BG-i</i> )   | 306 |
| 6.3 Isu-Isu Syariah dalam Pembiayaan Perdagangan Antarabangsa Islam                        | 310 |
| 6.3.1 Isu Riba   | 310 |
| 6.3.2 Isu Barangan ( <i>Subject Matter</i> )   | 316 |
| 6.3.3 Isu-Isu yang Berbangkit dari Kontrak-Kontrak yang Digunakan                          | 320 |

|   |     |
|---|-----|
| 6.3.3.1 <i>Murabahah</i>  | 321 |
| 6.3.3.2 <i>Bay' al-Dayn</i>   | 339 |
| 6.3.3.3 <i>Kafalah</i>  | 345 |
| 6.3.3.4 <i>Wakalah</i>  | 351 |
| 6.3.4 Isu Insuran dan INCOTERMS   | 362 |
| 6.3.5 Isu UCP 600 dalam Transaksi Surat Kredit  | 369 |
| 6.3.6 Isu Matawang Asing ( <i>Foreign Currency</i> ) dalam Perdagangan Antarabangsa   | 373 |
| 6.3.7 Dokumentasi dalam Produk-produk Pembiayaan Perdagangan Antarabangsa Islam   | 377 |
| 6.3.8 Isu-isu Teknikal Berkaitan Akad   | 381 |
| 6.3.8.1 Kesilapan dalam Dokumen-Dokumen Surat Kredit  | 381 |
| 6.3.8.2 Dua Kontrak dalam Satu Transaksi ( <i>Wakalah dan Murabahah</i> )   | 382 |
| 6.5 Penutup   | 385 |
| <br><b>BAB TUJUH : KESIMPULAN DAN PENUTUP</b>   |     |
| 7.0 Pendahuluan   | 387 |
| 7.1 Perbincangan Tentang Dapatan Kajian   | 388 |
| 7.1.1 Pembiayaan Perdagangan Antarabangsa Islam yang Ditawarkan oleh Bank-Bank Islam di Malaysia                            | 388 |
| 7.1.2 Kontrak-Kontrak dalam Produk-Produk Pembiayaan Perdagangan Antarabangsa Islam   | 390 |
| 7.1.3 Analisis Terperinci Berkaitan Kontrak-Kontrak dan Isu-Isu Syariah yang Berbangkit antara Lima Buah Bank yang Terpilih | 392 |
| 7.1.3.1 Isu-Isu Syariah yang Berbangkit dari Pelaksanaan Kontrak Kontrak  | 392 |
| 7.1.3.2 Wujudnya Unsur-Unsur yang Dilarang dalam <i>Muamalat</i> Islam seperti Riba   | 403 |

|  |     |
|--|-----|
| 7.1.3.3 Kewujudan Elemen-Elemen yang Bertentangan dengan Rukun dan Syarat-Syarat Jual Beli                   | 404 |
| 7.1.3.4 Dokumentasi Produk-Produk Pembiayaan Perdagangan Antarabangsa Islam                                  | 407 |
| 7.1.3.5 Faktor-Faktor Lain seperti Penggunaan Insuran Konvensional Tukaran Wang Asing dan Isu-Isu Teknikal   | 408 |
| 7.1.4 Kepatuhan terhadap syariah ( <i>syariah compliant</i> )  | 411 |
| 7.2 Alternatif-alternatif yang Dicadangkan   | 413 |
| 7.2.1 Aplikasi Kontrak-Kontrak Baru dalam Produk Pembiayaan Perdagangan Antarabangsa Islam                   | 414 |
| 7.2.1.1 Kontrak Baru dalam Surat Kredit-i ( <i>kafalah/daman</i> )   | 415 |
| 7.2.1.2 Kontrak-Kontrak Baru dalam Produk-Produk Pembiayaan Perdagangan Antarabangsa Islam yang Lain         | 418 |
| 7.2.2 Penubuhan Dewan Perniagaan Antarabangsa Untuk Kewangan Islam dan UCP-i                                 | 425 |
| 7.2.3 Garispanduan yang Khusus Berkaitan Pembiayaan Perdagangan Antarabangsa Islam oleh Bank Negara Malaysia | 427 |
| 7.2.4 Penggunaan Insuran secara Islam (Takaful)  | 428 |
| 7.2.5 Wujudkan Eksekutif Syariah yang Khusus dalam Aspek Perdagangan Antarabangsa Islam                      | 429 |
| 7.2.6 Wujudkan Eksekutif Syariah di Setiap Negeri  | 430 |
| 7.2.7 Memperkemaskan Perlaksanaan Akad (Kontrak)   | 431 |
| 7.2.8 Program-program Ilmu <i>Muamalat</i> yang Khusus untuk Pegawai Bank                                    | 431 |
| 7.3 Cadangan-cadangan Untuk Kajian Lanjutan  | 432 |
| 7.4 Penutup  | 433 |
| <b>RUJUKAN</b>   | 435 |
| <b>LAMAN SESAWANG</b>  | 463 |
| <b>LAMPIRAN</b>  | 467 |

## SENARAI JADUAL

|             |   |     |
|-------------|---|-----|
| Jadual 4.1  | Produk-produk Pembiayaan Perdagangan Antarabangsa dalam Perbankan Konvensional di Malaysia            | 139 |
| Jadual 4.2  | Produk-produk Pembiayaan Perdagangan Antarabangsa Islam dalam Perbankan Islam di Malaysia             | 141 |
| Jadual 4.2  | Produk-produk Pembiayaan Perdagangan Antarabangsa Islam dalam Perbankan Islam di Malaysia (Sambungan) | 142 |
| Jadual 4.2  | Produk-produk Pembiayaan Perdagangan Antarabangsa Islam dalam Perbankan Islam di Malaysia (Sambungan) | 143 |
| Jadual 4.2  | Produk-produk Pembiayaan Perdagangan Antarabangsa Islam dalam Perbankan Islam di Malaysia (Sambungan) | 144 |
| Jadual 4.2  | Produk-produk Pembiayaan Perdagangan Antarabangsa Islam dalam Perbankan Islam di Malaysia (Sambungan) | 145 |
| Jadual 4.2  | Produk-produk Pembiayaan Perdagangan Antarabangsa Islam dalam Perbankan Islam di Malaysia (Sambungan) | 146 |
| Jadual 6.1  | Produk-produk Pembiayaan Perdagangan Antarabangsa Islam di BIMB                                       | 268 |
| Jadual 6.2  | Produk-produk Pembiayaan Perdagangan Antarabangsa Islam di BMMB                                       | 270 |
| Jadual 6.3  | Produk-produk Pembiayaan Perdagangan Antarabangsa Islam di RHB Islamic Bank Berhad                    | 272 |
| Jadual 6.4  | Produk-produk Pembiayaan Perdagangan Antarabangsa Islam di Maybank Islamic                            | 274 |
| Jadual 6.5  | Produk-produk Pembiayaan Perdagangan Antarabangsa Islam di KFH Malaysia Berhad                        | 276 |
| Jadual 6.6  | Penggunaan Kontrak <i>Murabahah</i> dalam Produk-produk Pembiayaan Perdagangan Antarabangsa Islam     | 322 |
| Jadual 6.7  | Penggunaan Kontrak <i>Bay' Al-Dayn</i> dalam Produk-produk Pembiayaan Perdagangan Antarabangsa Islam  | 343 |
| Jadual 6.8  | Metode Pengiraan Kadar Upah Perkhidmatan <i>Kafalah</i>   | 347 |
| Jadual 6.9  | Penggunaan Kontrak <i>Wakalah</i> dalam Produk-produk Pembiayaan Perdagangan Antarabangsa Islam       | 352 |
| Jadual 6.10 | Jenis-jenis Surat Kredit-i  | 358 |
| Jadual 6.11 | Analisis Dokumen-dokumen Pembiayaan Perdagangan Antarabangsa Islam                                    | 379 |
| Jadual 7.1  | Aplikasi Kontrak-kontrak dalam Produk-produk Pembiayaan Perdagangan Antarabangsa Islam                | 390 |
| Jadual 7.1  | Aplikasi Kontrak-kontrak dalam Produk-produk Pembiayaan Perdagangan Antarabangsa Islam (Sambungan)    | 391 |

## SENARAI RAJAH

|            |  |     |
|------------|--|-----|
| Rajah 3.1  | Kaedah Triangulasi dalam Kaedah                                      | 91  |
| Rajah 3.2  | Kerangka Metodologi  | 95  |
| Rajah 4.1  | Proses Kaedah Pemungutan Bersih                                      | 108 |
| Rajah 4.2  | Proses Kaedah Pemungutan Dokumen Terhadap Pembayaran                 | 109 |
| Rajah 4.3  | Proses Kaedah Pemungutan Dokumen Terhadap Penerimaan                 | 111 |
| Rajah 4.4  | Proses Penyediaan Surat Kredit                                       | 118 |
| Rajah 4.4  | Proses Penyediaan Surat Kredit (Sambungan)                           | 119 |
| Rajah 4.5  | Kadar Risiko Kaedah-kaedah Pembayaran Dalam Perdagangan Antarabangsa | 120 |
| Rajah 5.1  | Rukun dan Syarat-syarat Akad   | 154 |
| Rajah 5.2  | Pembahagian Kontrak-kontrak <i>Muamalat</i>                          | 162 |
| Rajah 5.2  | Pembahagian Kontrak-kontrak <i>Muamalat</i> (Sambungan)              | 163 |
| Rajah 5.3  | Kontrak-kontrak Pembiayaan yang Bernama ( <i>Al-Musammat</i> )       | 164 |
| Rajah 6.1  | Operasi Surat Kredit-i <i>Wakalah</i>                                | 280 |
| Rajah 6.2  | Operasi Surat Kredit-i <i>Murabahah</i>                              | 283 |
| Rajah 6.3  | Operasi Surat Kredit-i <i>Musyarakah</i>                             | 286 |
| Rajah 6.4  | Operasi Resit Amanah-i/ TR-i   | 289 |
| Rajah 6.5  | Operasi Bil Penerimaan Pembelian <i>Murabahah</i> (AB-i)             | 291 |
| Rajah 6.6  | Operasi Bil Penerimaan Penjualan <i>Bai' al-Dayn</i>                 | 293 |
| Rajah 6.7  | Operasi Bil Pertukaran Belian (DBEP-i/ FBEP-i)                       | 296 |
| Rajah 6.8  | Operasi Pembiayaan Semula Kredit Eksport Pra Penghantaran            | 299 |
| Rajah 6.9  | Operasi Pembiayaan Semula Kredit Eksport Pasca Penghantaran          | 301 |
| Rajah 6.10 | Operasi Jaminan Perkapalan   | 304 |
| Rajah 6.11 | Operasi Surat Jaminan Bank   | 308 |

## SENARAI KEPENDEKAN

|           |   |  |
|-----------|---|--|
| AAOIFI    | - | Accounting and Auditing Organisation for Islamic Finance Institution |
| AB-i      | - | Accepted Bills-i   |
| ABI       | - | Akta Bank Islam  |
| ABM       | - | Association of Bankers Malaysia                                      |
| AIBIM     | - | Association of Islamic Banking Institutions of Malaysia              |
| AITAB     | - | <i>Al-Ijarah Thumma Al-Bai'</i>                                      |
| BA        | - | Banker's Acceptance  |
| BAFIA     | - | Banking and Finance Institution Act                                  |
| BEP-i     | - | Bills of Exchange Purchased-i  |
| BFR       | - | Based Financing Rate   |
| BG-i      | - | Bank Guarantee-i   |
| BIMB      | - | Bank Islam Malaysia Berhad   |
| BLR       | - | Based Lending Rate   |
| BMMB      | - | Bank Muamalat Malaysia Berhad  |
| BNM       | - | Bank Negara Malaysia   |
| CERT      | - | Centre of Excellence for Applied Research and Training               |
| DBEP-i    | - | Domestic Bill of Exchange Purchased-i                                |
| ECR-i     | - | Export Credit Refinancing-i  |
| ed        | - | editor   |
| et al.    | - | et alia ; and others   |
| EXIM      | - | Export-Import Bank of Malaysia Berhad                                |
| FBEP-i    | - | Foreign Bill of Exchange Purchased-i                                 |
| IAB       | - | Islamic Accepted Bill  |
| IBFIM     | - | Islamic Banking and Finance Institute Malaysia                       |
| ICC       | - | International Chamber of Commerce                                    |
| IDB       | - | Islamic Development Bank   |
| INCOTERMS | - | International Commercial Terminologies                               |
| INCEIF    | - | International Centre for Education in Islamic Finance                |
| INID      | - | Islamic Negotiable Instruments of Deposit                            |
| ISRA      | - | International Shariah Research Academy for Islamic Finance           |
| ITF       | - | Islamic Trade Finance  |
| KFH       | - | Kuwait Finance House   |
| LC-i      | - | Letter of Credit-i   |
| LUTH      | - | Lembaga Urusan dan Tabung Haji                                       |
| MIFC      | - | Malaysia International Islamic Financial Centre                      |
| MPS       | - | Majlis Penasihat Syariah   |
| MTR-i     | - | <i>Murabahah</i> Trust Receipt-i                                     |
| MWCF-i    | - | <i>Murabahah</i> Working Capital Financing-i                         |
| OIC       | - | Organisation of Islamic Cooperation                                  |

|        |   |  |
|--------|---|--|
| s.a.w  | - | sallallahu alaihi wasallam                                     |
| SG-i   | - | Shipping Guarantee-i   |
| SPI    | - | Sistem Perbankan Islam   |
| SPTF   | - | Skim Perbankan Tanpa Faedah                                    |
| SWIFT  | - | Society for Worldwide Interbank Financial<br>Telecommunication |
| s.w.t  | - | subhanahu wa taala   |
| TM-i   | - | Trade <i>Murabahah</i> -i                                      |
| TR-i   | - | Trust Receipt-i  |
| t.t    | - | tanpa tarikh/tahun   |
| TWCF-i | - | Trade Working Capital Financing-i                              |
| UCP    | - | Uniform Custom and Practice for Documentary Credits            |
| WCF-i  | - | Working Capital Financing-i                                    |

## PANDUAN TRANSLITERASI

Panduan ini berdasarkan transliterasi huruf Arab ke huruf rumi terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (1992).

| Huruf Arab | Nama dan Transkripsi |
|------------|----------------------|
| ا          | ~                    |
| ب          | b                    |
| ت          | t                    |
| ث          | th                   |
| ج          | j                    |
| ح          | h                    |
| خ          | kh                   |
| د          | d                    |
| ذ          | dh                   |
| ر          | r                    |
| ز          | z                    |
| س          | s                    |
| ش          | sy                   |
| ص          | s                    |
| ض          | d                    |
| ط          | t                    |
| ظ          | z                    |
| ع          | ‘                    |
| غ          | gh                   |
| ف          | f                    |
| ق          | q                    |
| ك          | k                    |
| ل          | l                    |
| م          | m                    |
| ن          | n                    |
| و          | w                    |
| ه          | h                    |

|   |   |
|---|---|
| ء | , |
| ي | y |
| ا | a |
| ي | i |
| و | u |

Perkataan yang dikecualikan daripada transliterasi dalam tesis ini adalah seperti berikut: arab, muamalah, madrasah, fuqaha, ulama, riba dan Islam.

# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.0 Pengenalan

Islam adalah sebuah agama yang syumul dan komprehensif merangkumi segenap aspek kehidupan manusia. Falsafah dan teori kesyumulan Islam terkandung dengan jelas dalam al-Quran dan sunnah Rasulullah s.a.w sejak diwahyukan empat belas abad yang lalu. Kontrak-kontrak ekonomi, kemasyarakatan, pendidikan, politik, undang-undang dan sebagainya sudah termaktub dalam kedua-dua sumber yang dinyatakan di atas sepertimana firman Allah s.w.t :

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتَمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ  
الْإِسْلَامَ دِينًا

*“Pada hari ini Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu dan Aku telah cukupkan nikmatKu kepada kamudan Aku telah redha Islam itu menjadi agama untuk kamu”*

(Surah Al-Māidah 5:3)

Islam sebagai cara hidup yang lengkap bukan sahaja tertakluk kepada hal ibadat atau spiritual semata-mata bahkan merangkumi aspek hubungan sesama manusia yang disebut sebagai *muāmalāt* dalam syariat Islam . Istilah *muāmalāt* dalam Islam merupakan satu istilah umum yang memberi makna yang luas dan merangkumi pelbagai jenis aktiviti yang melibatkan semua urusan sivil dari kontrak jual beli (*‘aqd al-bay*) sehinggalah kepada kontrak *imāmah* (*‘aqd al-imāmah*) (Ahmad Hidayat, 1993). Antara segmen yang terbesar dalam hukum muamalah ialah kegiatan ekonomi yang terkandung di dalamnya

tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya semenjak zaman kegemilangan Islam khususnya selepas kewafatan Rasulullah s.a.w. Bidang kewangan dan perbankan Islam sebagai contoh, mengharungi pelbagai kesukaran untuk bertapak sehinggalah ke penghujung abad ke 20 (Adiwarman, 2005).

Dalam era moden, sejarah telah mencatatkan bahawa idea penubuhan bank tanpa faedah telah mula dibahaskan sejak akhir tahun 1940-an lagi (Ahmad, 1987). Idea awal penubuhan sistem perbankan yang berlandaskan prinsip untung rugi (*profit and lost sharing*) dikesan melalui penulisan Anwar Qureshi (1946), Naiem Siddiqi (1948) dan Ahmad (1952) diikuti dengan huraian dan penjelasan yang lebih lanjut melalui tulisan al-Maududi (1950) (Za'tary, 2008).

Idea tersebut berjaya direalisasikan di sekitar tahun 1960-an apabila munculnya model perbankan Islam pertama yang diasaskan oleh Ahmad al-Najjar yang mula beroperasi pada 25 Jun 1963 di sebuah pekan kecil Mit Ghamr, 40 batu di utara Kaherah, Mesir. Namun begitu, operasi bank Islam pertama ini berakhir pada tahun 1967 (Ready, 1967). Walaupun projek ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada masyarakat Islam Mesir, namun ia terpaksa dihentikan pada tahun 1967 kerana tidak mendapat sokongan daripada pihak kerajaan. Kewujudan bank ini dapat membuktikan bahawa aktiviti perbankan perdagangan dapat beroperasi berdasarkan kontrak-kontrak yang tidak melibatkan faedah, sekaligus dapat memenuhi arahan tegahan melibatkan diri dalam aktiviti riba (Khan, 1987).

Pada akhir tahun 1972, menteri-menteri luar negara Islam dijemput ke Jeddah untuk membentuk sebuah jawatankuasa khas bagi menyediakan perjanjian bank Islam bersama. Sebagai susulannya, dalam tahun 1973 dan 1974, menteri-menteri kewangan negara-negara Islam telah mengadakan dua mesyuarat di Jeddah yang akhirnya membawa kepada penubuhan Bank Pembangunan Islam (IDB) dengan modal berbayar sebanyak 2 bilion dinar pada tahun 1975. Bank ini merupakan satu-satunya institusi kewangan Islam antarabangsa yang ditubuhkan untuk membantu memajukan ekonomi dan sosial negara-negara Islam dan umatnya dengan mematuhi kontrak-kontrak yang berteraskan syariah (Mohamed, 1988).

Sebelum melangkah lebih jauh, penyelidik akan membincangkan terlebih dahulu sejarah sistem perbankan di Malaysia yang dimulai dengan perbankan konvensional dan seterusnya diikuti pula sejarah penubuhan bank Islam. Sistem perbankan wujud di Malaysia sejak tercetusnya Perang Dunia Pertama di Tanah Melayu. Bank asing yang terawal ditubuhkan di Malaysia ialah Chartered Merchantile of India yang beroperasi di Pulau Pinang pada tahun 1859 disusuli oleh Chartered Bank pada tahun 1875 dan diikuti pula oleh Hong Kong & Shanghai Bank pada tahun 1877 (Cheah, 1997). Operasi perbankan yang semakin bergerak maju dan lancar membawa kepada penubuhan satu lagi bank asing iaitu Algemence Bank Nederlandshe pada tahun 1888. Pada tahun-tahun yang berikutnya, bank-bank asing yang lain juga telah ditubuhkan dan sistem perbankan semakin bertambah efektif dalam menawarkan perkhidmatan perbankan di seluruh negara (Ahmad Shamsul, Khuzaimah & Rosmawani, 2007).

Setelah beberapa tahun bank-bank asing menjalankan operasi perbankan di negara ini dan mendapat sambutan yang menggalakkan, bank tempatan memulakan operasinya dengan penubuhan bank tempatan yang pertama iaitu Kwong Yik Bank pada tahun 1913 di negeri Selangor (Ahmad Shamsul *et al.*, 2007). Bank Of Malaya pula ditubuhkan pada tahun 1920 dan menjalankan operasinya di Ipoh, Perak dan diikuti oleh Oriental Bank of Malaya pada tahun 1930 dan Kwong Lee Bank pada tahun 1934 yang beroperasi di luar Semenanjung iaitu di Sarawak. Perang Dunia Kedua menyebabkan keseluruhan sistem perbankan ini musnah dan mulai tahun 1945, usaha-usaha telah dijalankan untuk membangun dan memulihkan bank-bank yang telah ditubuhkan sebelum itu dan juga bank-bank baru termasuk bank yang dimiliki oleh orang-orang Melayu. Bertitik tolak dari itu, sistem perbankan yang dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia (BNM) mulai kukuh dan dapat beroperasi sehingga kini (Ahmad Shamsul *et al.*, 2007).

Ordinan Bank Negara Tanah Melayu 1958, yang menubuhkan BNM ditubuhkan secara rasmi pada 26 Januari 1959. Pada masa yang sama, Ordinan Bank 1958, yang menyediakan asas bagi pelesenan dan peraturan perniagaan urusan bank di Persekutuan Tanah Melayu, telah juga dikuatkuasakan (Bank Negara Malaysia dan Sistem Kewangan di Malaysia, 1999). Akta ini mempunyai lapan bahagian dengan setiap bahagian menerangkan tentang penubuhan, modal dan pentadbiran bank. Ia juga menerangkan tentang mata wang yang digunakan untuk mengurus niaga, penyediaan aset luaran bagi memulakan perniagaan bank, perniagaan bank, hubungan antara bank dan institusi kewangan yang lain serta tambahan kepada bidang kuasa yang lain (Ahmad Shamsul *et al.*, 2007).

Ordinan ini telah dikaji semula pada tahun 1994 dan kini dikenali sebagai Akta Bank Negara Malaysia 1958 (CBA) (dikaji semula -1994). CBA mendefinisikan BNM sebagai sebuah bank yang menerajui struktur kewangan dan perbankan negara, dengan objektif untuk :

- i. mengeluarkan mata wang dan menyimpan rizab bagi menjaga nilai mata wang tersebut;
- ii. bertindak sebagai juru bank dan penasihat kewangan kepada kerajaan;
- iii. menggalakkan kestabilan kewangan dan struktur kewangan yang baik; dan
- iv. mempengaruhi kedudukan kredit bagi kepentingan Malaysia.

Objektif-objektif BNM adalah saling berkait dan melengkapinya antara satu sama lain. Disebabkan oleh peranannya untuk mengeluarkan mata wang, BNM mempunyai tanggungjawab utama untuk memastikan paras harga dalam negeri stabil supaya pertumbuhan ekonomi tidak terjejas (Bank Negara Malaysia dan Sistem Kewangan di Malaysia, 1999).

Kemunculan sistem kewangan Islam di mana-mana tempat seringkali dikaitkan dengan kebangkitan Islam dan hasrat umat Islam untuk mengamalkan ajaran Islam secara keseluruhan termasuklah sistem ekonomi. Umat Islam di seluruh dunia umumnya dan di Malaysia khususnya berhasrat untuk melihat terlaksananya sistem kewangan dan

perbankan yang berteraskan Islam. Sebelum wujudnya perbankan Islam secara yang bersistematik, masyarakat Islam di Malaysia telah mengamalkan beberapa transaksi yang bebas daripada amalan riba seperti amalan jual janji (Joni, 2005). Amalan ini dilakukan kerana mereka tidak mahu terlibat dengan pembiayaan pinjaman yang berasaskan riba yang diuruskan oleh institusi cetera pada waktu berkenaan. Jual janji (*conditional sale/bay' al-wafa'*)<sup>1</sup> adalah antara budaya *muamalat* masyarakat Malaysia, terutamanya dalam kalangan para petani di Kedah, Perlis, Utara Perak dan Kelantan sebelum zaman penjajahan lagi (Joni, 2005). Transaksi ini bertujuan untuk mendapatkan modal yang bebas daripada riba dalam usaha penanaman padi dan seumpamanya tanpa perlu menemui cetera atau mana-mana institusi kewangan yang mengamalkan riba (Hooker, 1970).

Penelitian terhadap sejarah bangsa Melayu di semenanjung membuktikan adanya kenyataan yang menyatakan wujud secara praktikal aktiviti-aktiviti perbankan dalam acuan ekonomi Islam di kalangan masyarakat Melayu. Sumber-sumber daripada beberapa fakta sejarah tentang kegiatan ekonomi orang Melayu, sebagaimana terdapat dalam tulisan Tun Sri Lanang, Sejarah Melayu dan juga dalam tulisan Raja Ali Haji, *Tuhfat al-Nafis* jelas mempamerkan usaha-usaha untuk mempraktikkan prinsip ekonomi Islam yang mengharamkan riba dan membenarkan kegiatan komersial berkonsepkan *profit-sharing* atau pembahagian untung (Hadenan, 2006). Pandangan ini diperkukuhkan lagi dengan klausa dalam Undang-undang Melaka yang menyebut secara jelas tentang pengharaman riba. Dalam fasal 30 Undang-undang Kanun Melaka yang

---

<sup>1</sup>Jual beli yang dilakukan oleh dua pihak yang terdapat syarat bahawa barangan yang diakadkan itu boleh dibeli semula oleh penjual apabila tamat tempoh masa tertentu yang dipersetujui bersama, Al-Zarqa'(1968).

memperuntukkan syarat-syarat sah jual beli dan pinjam-meminjam, dinyatakan dengan jelas hukum haram mengamalkan riba, tidak sah berniaga bagi orang gila dan kanak-kanak belum baligh, orang mabuk arak dan tuak serta sah berwakil dalam jual beli (Fang, 1976: Fasal 30).

Seterusnya penyelidik akan membincangkan pula berkaitan latarbelakang dan perkembangan sistem kewangan Islam di Malaysia. Berdasarkan literatur-literatur yang dirujuk oleh penyelidik, banyak penulisan mengaitkan idea penubuhan sistem kewangan Islam di Malaysia berdasarkan cadangan Profesor Emeritus Ungku Aziz<sup>2</sup>. Pada tahun 1959, beliau yang merupakan seorang profesor Ekonomi dari Universiti Malaya pada waktu itu mengemukakan satu memorandum kepada pihak kerajaan mencadangkan keperluan satu perbadanan atau sebuah institusi kewangan ditubuhkan bagi menguruskan sumber-sumber kewangan bakal haji Malaysia yang bebas daripada amalan bunga dalam kegiatan-kegiatan kewangannya, sebaliknya berdasarkan kepada pelaburan dan keuntungan. Hasilnya, institusi kewangan Islam yang pertama diperkenalkan dalam sistem kewangan Malaysia adalah dengan penubuhan Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH) pada tahun 1969.

Seperti juga yang berlaku di negara-negara Islam yang lain, semangat kembali kepada agama telah menular dalam kalangan cerdik pandai di Malaysia sekitar tahun 1970-an. Perkembangan ini mencetuskan pula hasrat untuk menubuhkan bank Islam yang disuarakan di peringkat negeri dan kumpulan masyarakat Islam di Malaysia. Kerajaan

---

<sup>2</sup>Kertas kerja beliau bertajuk “Rancangan membaiki ekonomi bakal-bakal haji (Pilgrims Economy Improvement Plan). Lihat LUTH, *Tabung Haji As An Islamic Financial Institution: The Operation and Mobilization of Investment Resources In An Islamic Way*, Kuala Lumpur, 1991, h2.

telah menerima syor dan cadangan ini yang membawa kepada penubuhan Jawatankuasa Pemandu Kebangsaan Bank Islam pada bulan September 1981 yang dianggotai oleh empat belas orang ahli dan dipengerusikan oleh YM Raja Tan Sri Mohar Raja Badiozaman manakala Lembaga Tabung Haji pula bertindak sebagai urus setia (Nor Mohamed, 1996).

Hasil daripada laporan Jawatankuasa Pemanduan Kebangsaan Bank Islam tersebut, maka satu akta perbankan yang berasingan iaitu Akta Bank Islam 1983 (ABI) pada 7 April 1983 telah digubal untuk membolehkan perbankan Islam beroperasi seiring dengan perbankan konvensional. Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) ditubuhkan pada 1 Julai 1983 sebagai bank Islam pertama di Malaysia di bawah ABI dengan modal berbayar sebanyak RM80 juta. Seterusnya, perbankan Islam telah dikembangkan ke seluruh negara dengan meningkatkan bilangan peserta sebanyak mungkin dalam tempoh yang singkat.

Pada bulan Mac 1993, BNM telah memperkenalkan Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF) yang membenarkan institusi perbankan konvensional menawarkan produk dan perkhidmatan perbankan Islam (Bank Negara Malaysia dan Sistem Kewangan di Malaysia, 1999). Langkah ini adalah sebagai salah satu usaha kerajaan untuk menambah syer pasaran perbankan Islam dalam pasaran kewangan negara ke arah menjadikan sistem kewangan Islam selari dengan sistem kewangan konvensional. Pada 1 Disember 1998, istilah SPTF telah digantikan dengan “Skim Perbankan Islam (SPI)” memandangkan istilah SPTF tidak mencerminkan penampilan sebenar operasi perbankan Islam yang

dilaksanakan oleh institusi perbankan (Bank Negara Malaysia dan Sistem Kewangan di Malaysia, 1999).

Malaysia mengamalkan pendekatan sistem dwiperbankan (*dual banking system*) iaitu melaksanakan sistem perbankan Islam dan dalam masa yang sama membenarkan operasi sistem perbankan konvensional (Nor Mohamed, 1996). Model dwiperbankan ini diiktiraf oleh banyak negara umat Islam yang lain sebagai model perbankan masa depan. Banyak delegasi dari luar negara terutamanya negara-negara umat Islam datang melawat Bank Negara Malaysia dan Bank Islam Malaysia Berhad untuk mendalami cara-cara sistem *dual banking* ini berfungsi (Hamim *et.al*, 2008, Archer dan Karim, 2002). Indonesia mula mengikut gaya Malaysia dengan melaksanakan sistem perbankan Islam di sekitar 1990-an. Formasi ini (*islamic windows*) seterusnya menjadi model perbankan Islam bagi sebahagian negara-negara Teluk seperti Bahrain, Qatar dan UAE (Siddiqi, 2006).

Setelah lebih dua puluh sembilan (29) tahun SPI beroperasi di Malaysia, perkembangan yang berlaku amat memberangsangkan. SPI telah berkembang dan mewujudkan persaingan yang baik kepada sistem perbankan konvensional di Malaysia<sup>3</sup>. Data terkini menunjukkan terdapat enam belas (16) buah bank Islam (*Islamic banks*) sedang beroperasi di Malaysia termasuk enam bank luar (*foreign banks*) iaitu Bank Al-Rajhi, Asian Finance Bank Berhad, Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad, HSBC Amanah Malaysia Berhad, OCBC Al-Amin Bank Berhad dan Standard Chartered Saadiq Berhad<sup>4</sup>.

---

<sup>3</sup>Temu bual dengan Dr Mohammad Akram b Laldin, Pengarah Eksekutif ISRA pada 21.7.2011, Temu bual dengan Prof Joni Tamkin b Borhan, Ketua Jabatan Shariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, UM pada 22.7. 2011

<sup>4</sup> <http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=13&cat=banking&type=IB&fund=0&cu=0>. 18/04/2012

Selain itu terdapat lima buah bank Islam antarabangsa (*International Islamic banks*) yang sedang beroperasi di Malaysia iaitu Al-Rajhi Banking and Investment Corporation, Alkhair International Islamic Bank Berhad, Deutsche Bank Aktiengesellschaft, Elaf Bank B.S.C. (c) dan PT. Bank Syariah Muamalat Indonesia.Tbk<sup>5</sup> yang menawarkan produk kewangan berlandaskan syariah. Data yang terkini menunjukkan bahawa aset perbankan Islam di Malaysia sudah mencapai 72.5 bilion USD dengan purata perkembangan sebanyak 20% setiap tahun<sup>6</sup>.

SPI menawarkan produk-produk berasaskan prinsip-prinsip syariah yang berbentuk deposit dan pembiayaan. Produk-produk berbentuk deposit adalah bersandarkan kepada prinsip-prinsip seperti *wadiah* dan *mudarabah* untuk akaun simpanan, akaun semasa dan akaun pelaburan. Produk-produk yang berbentuk pembiayaan pula berdasarkan prinsip-prinsip seperti *bay' bithaman ajil*, *murabahah*, *bay' al-'inah*, *ijarah thumma al-bay'*, *al-rah*n dan *musyarakah* untuk pembiayaan individu, pendidikan, kenderaan, perumahan, hartanah, gadaian, projek-projek dan lain-lain lagi yang diklasifikasikan sebagai pembiayaan runcit. Pembiayaan korporat pula adalah berdasarkan prinsip-prinsip seperti *murabahah*, *tawarruq*, *bay' bithaman ajil* (BBA) dan *ijarah*. Pembiayaan perdagangan antarabangsa (*trade finance*) pula berdasarkan prinsip *wakalah*, *murabahah*, *kafalah*, *bay' al-dayn*, *ujr* dan *musyarakah* untuk urusan pembiayaan perdagangan import dan eksport dan produk-produk yang ditawarkan adalah seperti Surat Kredit (*Letter of Credit*), surat jaminan (*Letter of Guarantee*), bil penerimaan secara Islam (*Islamic*

---

<sup>5</sup> <http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=13&cat=banking&type=IIB&fund=0&cu=0> 18/04/2012

<sup>6</sup> [http://www.mifc.com/index.php?ch=menu\\_exp&pg=menu\\_exp\\_prop](http://www.mifc.com/index.php?ch=menu_exp&pg=menu_exp_prop) 18/04/2012

*Accepted Bill*), jaminan perkapalan (*Shipping Guarantee* ) dan lain-lain lagi (Abdul Ghafar, 2010).

Operasi pembiayaan perdagangan dalam sistem perbankan memainkan peranan penting dalam perkembangan ekonomi sesebuah negara sama ada melalui kemudahan pembiayaan import atau eksport (Ayub, 2007). Pembiayaan perdagangan boleh ditakrifkan sebagai satu penyediaan dana melalui cara-cara yang dibolehkan secara pinjaman atau atas dasar perkongsian (*participatory*) bagi tujuan mendapatkan berbagai-bagai barangan dan komoditi sama ada dalam atau luar negara (Ridha, 2006). Pembiayaan ini dikaitkan dengan perolehan sesuatu barangan atau komoditi sama ada melalui transaksi-transaksi pembelian atau melalui penyewaan apabila barangan yang disewa akhirnya menjadi milik penyewa. Keperluan kepada pembiayaan perdagangan lahir apabila pihak pembeli ingin menangguhkan pembayaran (*defer*) atau pihak penjual memerlukan bayaran pendahuluan bagi pembelian sesuatu barangan (Ridha, 2007).

Perkhidmatan pembiayaan perdagangan antarabangsa secara Islam mula diperkenalkan dalam sistem perbankan Islam di Malaysia pada awal 1990-an apabila terdapat keperluan terhadap instrumen-instrumen Islam dalam bentuk perdagangan terutamanya di peringkat antarabangsa. Menurut Ahmad Hidayat (2007), kebanyakan instrumen pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam adalah berasaskan instrumen konvensional seperti Surat Jaminan, Surat Kredit, Bil Penerimaan dan Pembiayaan Semula Kredit Eksport (ECR). Untuk membolehkannya diterima oleh perbankan Islam, maka beberapa pengubahsuaian dilakukan supaya selaras dengan kehendak syariah. Perkhidmatan ini menggunakan

beberapa kontrak yang semestinya perlu difahami oleh pihak-pihak yang terlibat secara langsung dalam aktiviti perdagangan antarabangsa<sup>7</sup>.

Pembiayaan perdagangan (*trade finance*) merupakan salah satu perkhidmatan pembiayaan yang ditawarkan oleh perbankan Islam dan juga konvensional. Perkhidmatan ini disediakan oleh pihak bank bagi memenuhi kehendak pembiayaan perdagangan dalam atau luar negara. Dalam operasi perbankan konvensional, transaksi pembiayaan perdagangan antarabangsa adalah melalui urusan hutang yang berdasarkan kepada riba. Oleh itu timbul persoalan tentang modus operandi pembiayaan perdagangan antarabangsa dalam perbankan Islam adakah operasinya juga berdasarkan urusan hutang yang tidak terlepas dari unsur riba. Pandangan ulama Islam kontemporari menyamakan *interest* (bunga) itu dengan riba, maka jalan alternatif yang menepati kehendak syariah adalah diperlukan untuk transaksi pembiayaan perdagangan antarabangsa ini. Selain itu, penggunaan kontrak-kontrak seperti *bay' al-dayn*, *bay' al-'inah* dan sebagainya perlu kepada huraian dan perbincangan lanjut memandangkan kontrak-kontrak ini masih berstatus kontroversi dan mencetuskan polemik terutamanya dalam kalangan fuqaha tempatan dan Timur Tengah.

Urusan perdagangan antarabangsa ini boleh dibiayai melalui teknik-teknik perkongsian untung rugi (*profit and loss sharing*) seperti *mudarabah* dan *musyarakah* (Ridha, 2007) atau melalui kontrak-kontrak pertukaran (*uqud al-mu'awadat*) yang melibatkan

---

<sup>7</sup>Keterangan tentang produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam dan kontrak-kontrak yang digunakan dibincangkan dalam bab 4.

pembayaran bertangguh (*deferred payment*) seperti *bay' al-murabahah*, *ijarah*, *bay' al-dayn*, *bay' al-'inah* dan sebagainya (Sharifah, 2006).

Kajian ini memfokuskan kepada produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa dalam sistem perbankan Islam di Malaysia dengan meneliti secara mendalam kontrak-kontrak yang digunakan. Penyelidik juga mengenal pasti operasi dan pelaksanaan produk-produk ini di semua bank Islam (16 bank) yang beroperasi di Malaysia dari aspek kontrak-kontrak yang digunakan. Kajian perbandingan dan terperinci pula dilakukan terhadap lima buah bank yang terpilih bagi membuat penelitian kepada produk-produk yang ditawarkan, pelaksanaannya, kontrak-kontrak yang digunakan, isu-isu syariah yang berbangkit serta sejauh mana pelaksanaannya menepati kehendak syariah.

### **1.1 Pernyataan Masalah**

Walaupun tiada kaedah yang tetap bagi mencari masalah kajian, namun terdapat tiga elemen penting yang dapat digunakan bagi maksud tersebut iaitu pengalaman, teori dan literatur yang berkaitan (Azizi, 2007). Neuman (1997) merumuskan bahawa masalah kajian boleh didapati melalui jalan-jalan seperti pengalaman peribadi, perhatian terhadap apa-apa yang berlaku, pengetahuan dalam sesuatu bidang, mencari jawapan kepada masalah yang timbul, premium sosial, nilai peribadi dan perkara-perkara yang berlaku dalam masyarakat harian. Permasalahan yang dikaji oleh penyelidik adalah berdasarkan literatur dalam bidang perbankan yang dibaca dan ingin mencari jawapan terhadap permasalahan yang ditimbulkan oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Presiden Majlis Am bagi Bank dan Institusi Kewangan Islam, Saleh A. Kamel, ketika membentangkan kertas kerjanya dalam sesi Pembangunan Ekonomi dan Pembasmian Kemiskinan di Forum Antarabangsa mengenai Deklarasi Makkah: Melaksanakan Agenda Ekonomi Dunia Islam di Kuala Lumpur pada hari Isnin, 3 September 2007 yang lalu telah mengeluarkan satu kenyataan yang berbunyi :

*“Kebanyakan institusi kewangan yang menawarkan perkhidmatan sistem perbankan Islam di seluruh dunia tidak mematuhi prosedur dan ketetapan hukum syarak”*

(Berita Harian, 4 September 2007)

Kenyataan yang dikemukakan di atas menimbulkan persoalan yang perlu diberi perhatian iaitu kredibiliti bank-bank Islam dalam melaksanakan urusan dan transaksi berkonsepkan syariah. Permasalahan yang ditimbulkan di atas juga lahir dalam kalangan pelanggan-pelanggan bank-bank Islam dan juga dalam kalangan ahli-ahli akademik di Malaysia. Antara keraguan mereka adalah berkaitan kontrak-kontrak yang digunakan, adakah benar-benar mematuhi hukum-hukum fiqh Islam sebenar atau sekadar perubahan kosmetik atau tempelan sahaja.

Ahmad Hidayat (1999), membangkitkan permasalahan ini dengan membuat rumusan bahawa “perkhidmatan perbankan dan kewangan konvensional telah diubah suai supaya selaras dengan ajaran Islam dengan memberikan perkhidmatan tersebut label-label Islam dan menjustifikasikan bahawa ianya adalah berasaskan kepada 'akad-akad yang bernama' dalam fiqh Islam (*uqud musammata/nominate contracts*)”. Sebagai contoh menurut Ahmad Hidayat (1999), akaun simpanan dan semasa yang berasaskan faedah telah diubah suai dengan menggunakan akad *wadiah*, akaun simpanan tetap yang juga berasaskan

kepada faedah telah diubah suai dengan menggunakan akad *mudarabah* dan perkhidmatan pinjaman baik bagi kegunaan pembelian aset/kenderaan/hartanah atau perniagaan/perdagangan telah diubah suai dengan menggunakan akad *bay' bithaman ajil* atau *murabahah* atau *ijarah*. Menurut beliau juga keadaan ini berlaku kerana tujuan institusi-institusi kewangan ini ditubuhkan adalah untuk mencari keuntungan semata-mata (*tijari*). Pengubahsuaian terhadap kontrak-kontrak ini menyebabkan tujuan asalnya terpesong kerana telah dipergunakan untuk mencapai keuntungan. Dengan kata lain, untuk memastikan akad-akad tersebut menepati syariah sepenuhnya, akad-akad tersebut mestilah berasaskan kepada satu teori kontrak yang jelas dan bukan hanya rujukan secara literal kepada akad-akad bernama yang dikembangkan pada masa dahulu.

Kebanyakan sarjana Islam mencadangkan model perkongsian untung rugi (PLS) seperti *mudarabah* dan *musyarakah*, namun dari segi operasinya perbankan Islam lebih banyak bergantung kepada model *non PLS* seperti *murabahah* (Reza, 2008). Perkara ini boleh dilihat juga dalam produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam apabila kebanyakannya adalah berteraskan kontrak *murabahah*. M.Mansoor dan M.Ishaq (2008) berpendapat, antara punca permasalahan ini berlaku ialah kurangnya modal insan yang terlatih sepenuhnya dalam industri perbankan Islam. Mereka sekadar faham bahawa perbankan Islam hanya menghapuskan riba tanpa memahami *maqasid* atau objektif sebenar pengharamannya.

Pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam yang berdasarkan kepada kontrak-kontrak seperti *murabahah*, *musyarakah*, *wadiah*, *kafalah wakalah*, dan *bay' al-dayn* tidak

terkecuali daripada isu-isu yang dinyatakan di atas. Penggunaan prinsip *bay' al-dayn*<sup>8</sup> dalam produk Bil Penerimaan Islam, Bil-bil Pertukaran dan Pembiayaan Semula Kredit Eksport contohnya dalam beberapa institusi perbankan Islam di Malaysia menjadi isu dari sudut syariah kerana jual beli ini termasuk dalam jenis-jenis jual beli yang batal (al-Zuhaily, 1997). Kebanyakan institusi kewangan Timur Tengah menganggap urusan *bay' al-dayn* sebagai riba dan tidak sah. Pelabur-pelabur dari Timur Tengah tidak boleh menerima amalan pembiayaan *bay' al-dayn* menyebabkan kurangnya penawaran modal daripada mereka kepada Pasaran Bon Islam di Malaysia (Saiful & Mahmood, 1999). Penyelidik menganalisis isu ini dengan menilai pandangan ulama-ulama tradisional dan kontemporari serta mencari alternatif agar perlaksanaannya boleh menepati kehendak syariah. Selain itu, pelaksanaan kontrak *murabahah* juga menimbulkan beberapa isu syariah yang perlu kepada huraian dan kupasan lanjut seperti isu status pemilikan barang (*qabd*) sebelum pihak bank menjualkannya semula kepada pelanggan, *wa'ad* (janji) untuk membeli yang membabitkan dua pihak (*muwa'adah*) yang diharamkan oleh ulama dan isu penentuan kadar untung yang merujuk kepada *Based Lending Rate* (BLR) (konvensional).

Persoalan kedua ialah berkaitan operasi dan pelaksanaan produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam di semua bank-bank Islam dan bank-bank komersil di Malaysia. Sharifah (2004) membangkitkan beberapa persoalan berkaitan operasi dan pelaksanaan perbankan Islam seperti kadar keuntungan yang diambil pihak bank dalam produk pembiayaannya terlalu tinggi sehingga mengetepikan tanggungjawab sosial.

---

<sup>8</sup>Sejenis kontrak jual beli yang mana seorang pemiutang menjual hak hutangnya ke atas penghutang kepada penghutang (pemberi hutang) itu sendiri atau pihak ketiga, 'Ali Mahyuddin (2001).

Selain itu persoalan bayaran ganti rugi ke atas kelewatan dan keingkaran pembayaran (*ta'wid maliy*) juga menimbulkan persoalan adakah perbankan Islam mengutamakan keuntungan atau aspek perniagaan (*tijari*) semata-mata. Isu ini juga berlaku dalam kontrak-kontrak pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam. Kelewatan pembayaran menyebabkan pelanggan dikenakan denda sama ada yang berbentuk *gharamah* atau *ta'wid*<sup>9</sup>.

Selain itu hasil temu bual penyelidik dengan pegawai-pegawai pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam di bank-bank Islam yang terbabit<sup>10</sup>, mereka turut membangkitkan isu tidak wujudnya barangan jualan (*subject matter*) ketika proses akad jual beli dilaksanakan iaitu yang melibatkan Surat Kredit *murabahah*. Walaupun spesifikasi barangan sudah dinyatakan dalam dokumen Surat Kredit, namun barangan sebenar belum sampai ke pelabuhan (belum wujud). Oleh itu isu syariah timbul di sini adakah sah akad jual beli yang hanya bersandarkan dokumen sahaja. Isu ini menimbulkan persoalan dan memerlukan kepada huraian dan kupasan lanjut.

Isu pengambilan *ujrah* (kos perkhidmatan) dalam operasi perbankan Islam juga menjadi isu syariah yang masih diperbincangkan hingga kini. Persoalannya berkisar tentang keperluan suatu parameter atau garis panduan tertentu untuk menentukan jumlah caj perkhidmatan yang dibenarkan. Keputusan Persidangan Akauntan Antarabangsa di bawah *Auditing Organisation For Islamic Financial Institutions* (AAOIFI) menyatakan

---

<sup>9</sup>*Ta'wid* bermaksud ganti rugi yang dikenakan ke atas kerugian sebenar yang dialami oleh pembiaya kesan kelewatan pembayaran pembiayaan oleh penerima biaya. *Gharamah* pula didefinisikan sebagai penalti atau denda yang dikenakan kerana kelewatan melunaskan hutang, tanpa perlu pembuktian kewujudan kerugian sebenar (al-Tabtabaie, 2006, al-Qardawi, 2009).

<sup>10</sup> Pegawai-pegawai bahagian pembiayaan perdagangan Islam di BIMB, BMMB dan Maybank Islamic.

bahawa, semua faedah atau lebih (daripada jumlah yang diberi pinjam) yang dipersetujui atau disyaratkan di dalam kontrak atau akad pinjaman dibuat pada awal kontrak ataupun dikenakan ketika kelewatan membayar balik pinjaman sama ada dalam bentuk wang, barangan dan apa-apa manfaat adalah dilarang dan dianggap sebagai riba (Syariah Standard For Islamic Financial Institutions, 2008). Majlis Syariah AAOIFI berpendapat boleh mengenakan kos perkhidmatan dengan syarat ia adalah kos sebenar pengurusan teknikal sahaja. Kos-kos tidak langsung seperti gaji pekerja, sewaan tempat dan tanggungan-tanggungan lain institusi itu tidak boleh dimasukkan dalam kos mengurus pinjaman (Syariah Standard, AAOIFI, no 9/1).

Biasanya pihak bank mengenakan caj perkhidmatan terhadap produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa seperti Surat Kredit, Surat Jaminan Bank, Jaminan Perkapalan dan sebagainya. Termasuk juga dalam isu ini ialah caj perkhidmatan yang dikenakan ke atas akad *kafalah* dalam surat jaminan bank dan jaminan perkapalan. Jumhur fuqaha<sup>11</sup> tidak membenarkan pengambilan upah ke atas akad *kafalah* kerana ia termasuk dalam akad *al-tabarru'at* yang mempunyai ciri kebajikan (Hamdi, 1996). Perbezaan rujukan dan garis panduan antara bank-bank Islam di Malaysia membawa kepada perbezaan antara mereka dari segi penentuan kadar *ujrah* sesuatu perkhidmatan yang ditawarkan. Ada bank-bank Islam yang mengira *ujrah* berdasarkan kos pengurusan sahaja manakala sebahagian yang lain pula mengenakan yuran yang khusus untuk perkhidmatan yang

---

<sup>11</sup>Isu ini dibincangkan oleh penyelidik secara terperinci dalam bab 6 ketika perbincangan berkaitan isu-isu dalam kontrak *kafalah*.

berteraskan kontrak *kafalah*<sup>12</sup>. Isu ini memerlukan huraian dan kupasan lanjut agar pelanggan boleh memahami dengan jelas kewujudan perbezaan tersebut.

Sharifah (2004) juga membangkitkan persoalan akad dalam operasi perbankan Islam. Beliau merumuskan bahawa pihak bank bersikap sambil lewa dalam melaksanakan akad khususnya *sighah* akad. Akad amat penting dalam sistem *muamalat* Islam yang membezakannya dengan perbankan konvensional. Pengertian khusus yang diberikan oleh ahli fiqh tentang akad ialah kontrak yang dipersetujui oleh dua pihak yang menimbulkan kesan hukum syarak terhadap pihak yang terlibat (Abu Zahrah, 1977). Urusan atau transaksi perbankan boleh menjadi batal atau rosak sekiranya akad tidak memenuhi rukun-rukunnya iaitu ungkapan penawaran dan penerimaan, pihak yang berakad dan sesuatu yang diakadkan (Abd. Halim, 2006).

Akad-akad kewangan Islam haruslah berasaskan teori kontrak yang jelas dan bukan hanya rujukan secara literal kepada akad-akad bernama yang dikembangkan pada masa dahulu. Penggunaan akad-akad tersebut tidak lagi berteraskan semangat asal akad-akad tersebut tetapi dipergunakan bagi mencapai matlamat sektor *tijari* tadi iaitu keuntungan semata-mata (Ahmad Hidayat, 1999). Islam tidak melarang keuntungan, namun biarlah berlandaskan kaedah dan metodologi yang jelas bukan mengeksploitasi akad-akad fiqh *muamalat* bagi mengharuskan sesuatu yang tidak dibenarkan oleh syarak secara teknikal atau *hilah*<sup>13</sup>. Justeru, penyelidik merungkaikan persoalan ini dengan melihat operasi dan

---

<sup>12</sup> Temu bual penyelidik dengan eksekutif syariah RHB Islamic, Maybank Islamic dan KFH.

<sup>13</sup> *Hilah* ialah menzahirkan sesuatu yang dibenarkan untuk melanggar sesuatu hukum syarak ataupun menggunakan perbuatan yang dibenarkan untuk mencapai sesuatu yang dilarang, Qal'ahji dan Qanibi (1988)

perlaksanaan akad dalam pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam sama ada mematuhi syarat-syarat dan teori kontrak *mu'amalat* Islam yang sebenar atau sebaliknya.

Termasuk dalam isu akad ini juga ialah persoalan janji pihak pembeli untuk membeli komoditi tertentu apabila diminta berbuat demikian oleh pihak bank. Isu ini berbangkit dalam penggunaan akad *murabahah* apabila pihak bank dan pembeli membuat perjanjian yang mewajibkan pembeli membeli barangan yang dikehendaki setelah barang tersebut dibeli oleh pihak bank. Ridha (2007) menjelaskan bahawa konsep ini berbeza dengan konsep asal *murabahah* dalam dua bentuk iaitu pembiayaan berdasarkan hutang dan perjanjian untuk membeli barangan sebagai prasyarat pembiayaan. Ulama moden menamakan akad *murabahah* jenis ini sebagai akad *al-murabahah lil amir bi al-syira'*. Apa akan berlaku sekiranya pembeli (pelanggan) engkar untuk membeli barangan yang dipesan setelah barangan tersebut dibeli oleh pihak bank. Penyelidik menganalisis isu ini berdasarkan prinsip *al-wa'ad* dan pandangan para fuqaha terhadapnya.

Mahyuddin (1996) menimbulkan isu pemilikan barang (*al-hiyazah/al-qabd*) dalam produk Surat Kredit (LC). Menurut beliau, isu ini berbangkit apabila sesuatu komoditi yang dijual itu mengambil masa yang lama untuk sampai ke tangan pembeli dan berpindah-pindah dari suatu tangan ke tangan yang lain. Di sinilah berbangkitnya persoalan *hiyazah fi'liyyah* (pemilikan sebenar) dan *hiyazah hukmiyyah* (pemilikan dari segi hukum). Akad jual beli dalam Islam ialah akad yang membawa kepada perpindahan hak milik selepas berlakunya proses ijab dan qabul (Al-Sanhuri, 1954). Dalam isu Surat Kredit (LC), yang berdasarkan konsep *murabahah* sebagai contoh, persoalan pemilikan

sebenarnya dari sudut hukum jual beli dibangkitkan kerana status pemilikan barang yang dipegang oleh pihak bank masih belum jelas.

Antara isu lain yang sering ditimbulkan berkaitan pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam ialah<sup>14</sup> UCP (rujukan utama Surat Kredit), penggunaan insuran konvensional dalam transaksi perdagangan antarabangsa, isu dokumentasi produk-produk dan isu pertukaran mata wang asing (forex). Isu-isu ini memerlukan huraian dan penjelasan lanjut agar difahami dengan jelas khususnya oleh pelanggan bank-bank Islam yang berurus niaga dalam operasi perdagangan antarabangsa Islam.

Kesimpulannya ialah, kajian ini merungkai permasalahan sejauh mana ketepatan kontrak-kontrak yang diaplikasikan dalam produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam dengan terma-terma sebenar kontrak dalam perundangan Islam. Kajian juga menganalisis isu-isu syariah yang berbangkit dari penggunaan kontrak-kontrak tersebut. Seterusnya kajian ini mengenal pasti adakah timbul permasalahan antara operasi perbankan Islam berbanding fatwa dan resolusi yang dikeluarkan terhadap perbankan Islam khususnya yang berkaitan dengan bidang kajian iaitu produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam.

---

<sup>14</sup>Isu-isu syariah ini adalah rangkuman yang berdasarkan temu bual penyelidikan dengan pegawai-pegawai pembiayaan perdagangan dan eksekutif-eksekutif syariah di bank-bank yang terbabit.

## 1.2 Persoalan kajian

Permasalahan yang dibincangkan di atas merupakan antara isu utama sejak industri perbankan Islam diperkenalkan. Setelah dua dekad berlalu, isu-isu ini masih menjadi perbincangan utama dalam seminar-seminar, kajian-kajian dan literatur dalam perbankan Islam. Kajian penyelidikan berkaitan isu ini agak berlainan, kerana permasalahan-permasalahan ini akan dikaji dari aspek pembiayaan perdagangan antarabangsa yang dilaksanakan di bank-bank Islam yang sedang beroperasi di Malaysia. Penyelidik menghuraikan isu-isu tersebut berdasarkan persoalan-persoalan kajian berikut:

1. Kajian ini melihat apakah produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa yang sedang dilaksanakan oleh bank-bank Islam di Malaysia dan mengenal pasti apakah kontrak-kontrak yang sedang diaplikasikan dalam produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa dalam sistem perbankan Islam di Malaysia.
2. Kajian juga mempersoalkan mengapakah pihak bank memilih kontrak-kontrak tertentu itu dalam pelaksanaan produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam.
3. Kajian juga cuba mencari jawapan kepada kemungkinan wujudnya perbezaan antara bank dari segi penggunaan kontrak-kontrak dan pelaksanaannya dalam produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam.
4. Kajian ini turut mempersoalkan kepatuhan bank-bank terhadap prinsip syariah ketika melaksanakannya sebagaimana yang diputuskan oleh Majlis Penasihat Syariah Bank dan standard-standard yang telah diterima pakai.

5. Kajian ini juga cuba melihat masalah-masalah yang timbul dan kaedah pihak bank menyelesaikannya ketika pelaksanaan produk-produk tersebut khususnya dari aspek syariah.
6. Kajian juga mempersoalkan kemungkinan wujudnya kelemahan-kelemahan yang berlaku ketika pelaksanaan kontrak-kontrak dalam produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam.

### **1.3 Objektif**

Berdasarkan permasalahan di atas, kajian ini menggariskan objektif-objektif berikut:

1. Mengenal pasti produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam yang dilaksanakan dalam sistem perbankan Islam di Malaysia.
2. Mengenal pasti dan menganalisis kontrak-kontrak yang dilaksanakan dalam produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam di bank-bank Islam yang terpilih melalui analisis perbandingan pandangan syarak dan perbahasan ulama terhadap kontrak-kontrak tersebut.
3. Menganalisis secara terperinci dan membuat perbandingan antara bank-bank yang terpilih terhadap aplikasi kontrak-kontrak yang digunakan dan isu-isu syariah yang berbangkit.
4. Menganalisis sejauh manakah kepatuhan pihak bank terhadap syariah dalam pelaksanaan produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam dan mengenalpasti kelemahan-kelemahan yang berlaku dalam sistem syariah yang diguna pakai dalam produk-produk tersebut.



Sistem perbankan Islam yang dilaksanakan di negara ini merupakan satu alternatif kepada sistem riba yang telah lama bertapak dalam sistem kewangan dan perbankan. Sebelum SPI diperkenalkan, boleh dikatakan semua produk-produk pembiayaan dari bank terlibat dengan riba. Objektif penubuhan bank konvensional adalah semata-mata untuk memaksimumkan keuntungan sedangkan objektif penubuhan bank Islam berdasarkan dua faktor utama, iaitu faktor agama dan faktor keuntungan (Sudin, 1996).

Kajian ini adalah penting kerana faktor-faktor yang berikut :

1. Kajian ini boleh menjadi panduan dan informasi yang berguna kepada masyarakat khususnya yang terlibat dengan perdagangan import dan eksport barangan atau produk untuk menggunakan khidmat SPI dalam urusan mereka agar bebas dari cengkaman riba dan mendapat keberkatan Tuhan. Kontrak-kontrak yang digunakan dalam pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam adalah berdasarkan kontrak-kontrak *muamalat* Islam dari al-Quran dan al-Sunnah yang sudah pastinya menjamin keadilan dan keberkatan.

2. Kajian ini juga menjelaskan tentang pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam di semua bank Islam tempatan dan bank-bank Islam antarabangsa yang beroperasi di Malaysia dari aspek kontrak-kontrak yang digunakan dan produk-produk yang ditawarkan. Hasil kajian ini sudah tentu akan menjadi rujukan para korporat khususnya untuk melihat dan menganalisis produk-produk yang sesuai dan terbaik untuk bisnes mereka sama ada eksport atau import.

3. Di samping itu, kajian ini juga penting kepada pihak bank yang terlibat kerana penyelidik mengkaji dan mengenal pasti masalah-masalah yang berlaku dalam urus niaga pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam ini dan mencadangkan alternatif serta penyelesaiannya. Hal ini amat penting kepada pihak bank khususnya untuk memperbaiki servis dan perkhidmatan mereka pada masa hadapan. Persoalan akad, *sighah*, syarat sah mahupun sebutan (*pronunciation*) contohnya perlu dilaksanakan sebaik mungkin bukannya sekadar melepaskan batuk di tangga sahaja.

4. Kajian ini juga mempunyai signifikannya dari sudut cadangan memperkenalkan kontrak-kontrak lain yang belum diterokai khususnya ke atas produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam yang bersesuaian dengan kehendak dan tuntutan semasa. Syariah bersifat anjal dan dinamis (*murunah*) yang sesuai di setiap zaman dan ketika.

### **1.5 Limitasi Kajian**

Kajian ini adalah bertunjangkan kata kunci berikut iaitu ‘pembiayaan perdagangan’, ‘Sistem Perbankan Islam’ dan ‘perlaksanaan’. Kata kunci pertama bermaksud kajian ini hanya dibataskan kepada produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam. Sebagaimana yang dimaklumi, SPI menawarkan perkhidmatan deposit, pembiayaan runcit, pembiayaan perdagangan serta perkhidmatan-perkhidmatan lain seperti tukaran wang asing, kiriman wang dalam dan luar negara dan sebagainya. Limitasi kajian ini hanya berkaitan dengan produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam seperti :

- i. Surat Kredit ( LC-i)
- ii. Surat jaminan bank ( LG-i)
- iii. Jaminan perkapalan (SG-i)
- iv. Resit amanah (TR-i)
- v. Pembiayaan semula kredit eksport (ECR-i)
- vi. Bil pertukaran belian (BEP-i)
- vii. Bil penerimaan secara Islam (IAB-i)

Kata kunci kedua ‘*Sistem Perbankan Islam*’, hanya merujuk kepada bank-bank Islam yang terdapat di Malaysia iaitu sebanyak 16 buah. Oleh itu, kajian ini hanya dilimitkan kepada bank-bank yang tersebut sahaja. 16 buah bank Islam yang terdapat di Malaysia kini ialah<sup>15</sup> :

1. Affin Islamic Bank Berhad
2. Al Rajhi Banking & Investment Corporation (Malaysia) Berhad
3. AmIslamic Bank Berhad
4. Asian Finance Bank Berhad
5. Bank Islam Malaysia Berhad
6. Bank Muamalat Malaysia Berhad
7. CIMB Islamic Bank Berhad
8. Hong Leong Islamic Bank Berhad
9. Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad
10. RHB ISLAMIC Bank Berhad

---

<sup>15</sup> <http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=13&cat=banking&type=IB&fund=0&cu=0> 18/04/2012

11. Alliance Islamic Malaysia Bank Berhad
12. Maybank Islamic Berhad
13. HSBC Amanah Malaysia Berhad
14. OCBC Al-Amin Bank Berhad
15. Public Islamic Bank Berhad
16. Standard Chartered Saadiq Berhad

Kajian yang lebih intensif dan terperinci yang membabitkan produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam, kontrak-kontrak yang digunakan, pelaksanaan dan permasalahan yang dihadapi serta kajian perbandingan hanya akan dijalankan di bank-bank Islam berikut:

1. Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)
2. Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB)
3. Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad
4. RHB ISLAMIC Bank Berhad
5. Maybank Islamic Berhad

Perkataan '*perlaksanaan*' merujuk kepada pengoperasian pembiayaan perdagangan Islam di bank-bank yang dinyatakan di atas. Operasinya merangkumi kontrak-kontrak yang digunakan, produk-produk yang ditawarkan, operasinya serta masalah-masalah (isu-isu) yang berlaku semasa operasi.

## 1.6 Huraian Konsep dan Istilah

### “Pembiayaan Perdagangan dan Perlaksanaannya Dalam Sistem Perbankan Islam di Malaysia”

#### 1. Pembiayaan

Menurut Kamus Dewan (1994), ‘pembiayaan’ berasal dari kata dasar ‘biaya’ yang membawa maksud belanja, ongkos (untuk sesuatu) dan bantuan kewangan daripada kerajaan untuk menutup sebahagian daripada perbelanjaan sesuatu pertubuhan dan lain-lain. Perkataan ‘pembiayaan’ pula diertikan sebagai perihal (perbuatan) membiayakan atau membiayai. The Progressive English Dictionary (1983) mentakrifkan ‘*finance*’ atau ‘*financing*’ sebagai ‘*The management of public money provide money for a scheme...*’. Ia juga didefinisikan sebagai perbuatan menguruskan wang orang lain, menyediakan wang untuk sesuatu rancangan demi membantu menjalankan sesuatu perniagaan atau membeli sesuatu barangan (Osman, 2001). Dalam konteks kewangan, pembiayaan juga diistilahkan sebagai kredit dan pinjaman. Kredit bermaksud pinjaman kewangan yang diterima oleh seseorang atau sesebuah syarikat daripada sesebuah institusi kewangan.

Istilah pembiayaan adalah berbeza dengan istilah pinjaman. Dalam bahasa Arab, pinjaman disebut sebagai ‘*al-qard*’ (القرض). Menurut al-Zuhaily (1997), ‘*al-qard*’ dari segi bahasa bermaksud ‘*al-qat*’ iaitu memotong sebahagian daripada harta milik si pemberi pinjaman dan memberikannya kepada peminjam. Ahmad Yusuf (1993) mendefinisikan *al-qard* (pinjaman) sebagai ‘memberikan harta kepada seseorang yang akan memanfaatkan harta tersebut dan harta itu akan dipulangkan kepada tuannya sama seperti asalnya dengan akad yang tertentu’. Pengertian ini membawa maksud *al-qard*

ialah satu akad yang diucapkan oleh si peminjam ke atas sesuatu yang dipinjam dan berjanji akan memulangkannya kepada pemberi pinjaman mengikut tempoh yang telah ditetapkan tanpa sesuatu syarat yang melebihi daripada jumlah pinjaman asal. Dalam hukum fiqh Islam, kontrak pinjaman dikenali sebagai *al-qard al-hasan* iaitu pinjaman dengan pembayaran semula dengan jumlah dan jenis yang sama sekiranya ianya melibatkan barang-barang ribawi (Mohd Daud, 1997).

Istilah pembiayaan pula disebut dalam bahasa Arab sebagai *al-tamwil* (التمويل). Dalam sistem muamalat Islam, konsep pembiayaan mengambil kira aspek suruhan, larangan dan persoalan akhlak serta adab agar ianya selari dengan *maqasid* syariah (Qahf, 2011). Pembiayaan secara Islam mempunyai keistimewaannya yang tersendiri yang membezakannya dengan sistem konvensional iaitu (Qahf, 2011) :

- i. Transaksinya berlaku dalam pasaran sebenar yang melibatkan kontrak-kontrak jual beli (*al-buyu'*), sewaan (*al-ijarat*) dan perkongsian (*al-musyarakat*).
- ii. Mengiktiraf hak pemilikan harta secara individu seperti meletakkan nama pemilik atas sesuatu barangan (*entitlement right*).
- iii. Pembiayaan hanya dibenarkan ke atas barangan (aset) yang baik/ halal (*al-tayyibat*) menurut neraca syariat.

Menurut Qahf (1992) lagi, bentuk-bentuk pembiayaan dalam kewangan Islam adalah berdasarkan kepada tiga prinsip utama iaitu prinsip perkongsian, prinsip jual beli dan prinsip sewaan. Prinsip perkongsian menggunakan kontrak *mudarabah* dan *musyarakah* dalam transaksinya, prinsip jual beli menggunakan kontrak *murabahah*, *istisna'* dan

*salam* manakala prinsip sewaan pula menggunakan kontrak *ijarah wa al-iqtina'* dalam operasinya.

Sharifah (2006) menjelaskan bahawa dalam transaksi perbankan Islam hari ini, bagi urusan niaga yang melibatkan pembiayaan penggunaan seperti kediaman, kenderaan, peralatan dan sebagainya, pihak bank akan membeli barangan yang diperlukan pelanggan dan menjualnya kembali kepada pelanggan dengan harga baru yang ditambah keuntungan yang diambil oleh pihak bank. Pelanggan pula perlu membayar harga baru tersebut kepada pihak bank secara ansuran bagi tempoh yang dipersetujui bersama di antara pelanggan dan pihak bank.

Oleh itu, jelas kepada kita bahawa istilah pinjaman dan pembiayaan mempunyai perbezaan. Menurut Sharifah (2006), pinjaman membawa makna yang sangat terbatas iaitu transaksinya lebih kepada bentuk kebajikan yang tidak menuntut apa-apa keuntungan daripada peminjam. Dalam sistem ekonomi Islam, kontrak pinjaman tanpa riba merupakan salah satu daripada cabang kebajikan sosial. Konsep pembiayaan pula lebih kepada urusan niaga komersial yang menjurus kepada perniagaan. Oleh itu, segala produk yang diurus niagakan di bawah konsep pembiayaan ini akan mengutamakan keuntungan yang seharusnya diperolehi daripada transaksi pembiayaan tersebut.

Ab. Mumin (1999) menghuraikan dengan lebih lanjut berkaitan konsep pembiayaan dengan menegaskan bahawa keperluan kewangan sesuatu masyarakat tidak dapat lari daripada dua jenis pembiayaan iaitu pembiayaan ekuiti dan pembiayaan hutang. Pembiayaan ekuiti merujuk kepada semua bentuk organisasi yang melibatkan dua pihak atau lebih yang sama-sama berkongsi menyumbangkan sumber-sumber kewangan,

keusahawanan, kemahiran dan reputasi masing-masing bagi menjalankan sesuatu perniagaan atau perusahaan. Pembiayaan hutang pula, sepertimana dinyatakan oleh Ab. Mumin (1999) sekurang-kurangnya melibatkan :

- i. Pembiayaan pengguna seperti kediaman, kenderaan, peralatan dan barangan pengguna lain
- ii. Pembiayaan perdagangan dalam negeri seperti pembelian dan jualan kredit
- iii. Pembiayaan perdagangan antarabangsa seperti pembelian barangan import dan eksport secara kredit
- iv. Pembiayaan korporat seperti pelbagai bentuk komponen hutang bagi badan-badan korporat
- v. Operasi kewangan kerajaan seperti Bil Perbendaharaan, bon-bon Kerajaan dan sebagainya.

Kesimpulannya, pembiayaan yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah merangkumi kedua-dua bentuk pembiayaan iaitu ekuiti dan hutang. Pembiayaan ekuiti membabitkan pihak bank dan individu atau organisasi menjalankan usahasama atas sesuatu pembelian barangan atau lain-lain atas dasar *musyarakah* atau *mudarabah* (kontrak-kontrak perkongsian untung). Bagi pembiayaan hutang pula Islam menghalalkan kontrak-kontrak pertukaran (*contracts of exchange*) yang melibatkan pembayaran bertangguh (*deferred payments*) seperti jualan harga tangguh (*bay' bithaman ajil*), sewaan (*ijarah*), *murabahah* dan lain-lain kontrak pertukaran.



- v. Tujuan untuk mendapatkan keuntungan
- vi. Kontrak yang sah dari segi syarak
- vii. Persetujuan bersama antara penjual dan pembeli.

Istilah perdagangan (*al-tijarah*) lebih luas pengertiannya daripada perniagaan kerana meliputi segala aktiviti yang berkaitan pengagihan segala jenis barang siap dari pekilang kepada pengguna. Dengan ini, pembeli dapat membeli barang itu pada masa, tempat dan harga yang sesuai. Konsep perdagangan dapat diringkaskan kepada dua skop iaitu aktiviti perniagaan dan pembantu perniagaan. Aktiviti perniagaan merujuk kepada perniagaan dalam dan luar negeri, manakala pembantu perniagaan pula merangkumi aspek perbankan, insuran, perhubungan, pengangkutan, perdagangan dan pengiklanan. Perniagaan (*al-bay'*) pula hanya terbatas kepada aktiviti membeli dan menjual untuk mendapatkan keuntungan yang melibatkan pemborong, peruncit, pengimport dan juga pengeksport (Mustafa, 1995). Istilah *al-tijarah* merangkumi semua aspek-aspek yang dinyatakan dan ianya berlunaskan akidah, syarak dan akhlak khususnya dalam pertukaran barang dengan barang, pertukaran wang dengan barang, pertukaran perkhidmatan dengan barang dan pertukaran perkhidmatan dengan wang. Bayaran pula dapat dilakukan sama ada dalam bentuk barang, perkhidmatan atau hutang yang melibatkan wang syiling pelbagai jenis, wang kertas atau cek (Harold, 1986).

Kesimpulannya, *al-tijarah* ialah suatu transaksi pertukaran barangan tertentu yang berasaskan akad yang sah di sisi syarak dengan tujuan untuk mendapatkan keuntungan , dan kedua-dua belah pihak yang berakad hendaklah bersetuju dan reda-meredai (*mutual consent*) dengan akad yang dikuatkuasakan tersebut. Firman Allah s.w.t:



*“Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu di antara kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya) kecuali dengan (jalan) perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu”*

(Surah al-Nisa', 4:29)

Ayat di atas menjelaskan bahawa sektor perniagaan dan perdagangan disyariatkan dalam Islam kerana sektor ini merupakan satu jalan daripada jalan-jalan memakan harta dengan cara yang betul (Al-Zamakhsyary, t.t). Perniagaan dan perdagangan bukan sahaja diperlukan oleh individu malahan oleh masyarakat dan negara. Hal ini demikian kerana kemampuan dan tenaga manusia adalah terbatas sedangkan kehendak mereka berbagai-bagai.

Kajian yang dilakukan oleh penyelidik merujuk kepada perdagangan dalam pengertian pertukaran barangan atau perkhidmatan antara satu negara dengan negara yang lain. Aktivitinya adalah sama dengan kegiatan jual beli antara individu dalam sesebuah negara, tetapi kegiatan dagangan ini adalah lebih menyeluruh kerana merangkumi penghantaran dan penerimaan barangan dan perkhidmatan, pemindahan dana dalam pelbagai bentuk mata wang, pelaburan, pelesenan, pembrokeran insurans dan segala bentuk perundingan dan perjanjian (Rosli, 1998).

### 3. Sistem Perbankan Islam

Menurut Kamus Dewan (1994), perkataan ‘sistem’ bermaksud kumpulan pendapat (prinsip, teori dan lain-lain) yang teratur dan tersusun baik-baik (biasanya dijadikan pegangan), cara atau kaedah yang teratur untuk melakukan sesuatu. The Oxford English Dictionary (1989) pula mendefinisikan sistem sebagai sekumpulan objek yang tersusun atau yang bersambungan, bersekutu atau saling bergantung bagi membentuk satu kesatuan yang kompleks. Kesemua bahagian yang teratur yang disusun mengikut susunan beberapa skim dan rancangan tertentu. Khan (1981) membuat kesimpulan bahawa sistem itu adalah satu set perhubungan di antara entiti-entiti yang berlainan dan entiti ini (peserta sistem) boleh jadi manusia, institusi, kumpulan, organisasi dan sebagainya. Ab. Mumin (1999) membuat rumusan terhadap definisi-definisi ‘sistem’ yang pelbagai bentuk itu dengan menyimpulkan bahawa sistem itu ialah kumpulan prinsip dan peraturan yang teratur yang membolehkan dan memudahkan manusia mencapai matlamat yang dikehendaki.

Perkataan bank berasal daripada perkataan Itali, iaitu ‘*banco*’ yang bererti kepingan papan tempat meletak buku atau sejenis meja iaitu ‘*bench*’. Kemudian penggunaannya diperluaskan kepada meja (*counter*), tempat penukar wang yang digunakan oleh pemberi pinjaman dan penukar wang di Eropah pada abad pertengahan untuk mempamerkan wang mereka. Dari sinilah bermulanya perkataan bank (Encyclopaedia Britannica, 1985, Suwailim, t.t). Bank didefinisikan sebagai institusi yang menawarkan perkhidmatan kewangan seperti jagaan wang, pertukaran matawang, pemberian pinjaman dan terimaan bil pertukaran (Kamus Dewan, 1994). Perbankan pula bermaksud aktiviti yang berkaitan dengan bank atau urus niaga bank (Kamus Dewan, 1994).

Perbankan Islam didefinisikan sebagai perbankan yang selaras dengan nilai dan etos Islam (al-Omar *et al.*, 1996). Ia ditakrifkan juga sebagai “setiap pertubuhan yang terlibat secara langsung dengan amalan kewangan yang berdasarkan syariah Islam dan menggunakan kaedah-kaedah fiqh” (al-Tayyar, 1414H). *Majallah al-Bunuk al-Islamiyyah* (1399H), pula mentakrifkan sistem perbankan Islam sebagai satu rangka kerja institusi perbankan dan kewangan yang prinsip perjalanannya dan amalannya berlandaskan syariah untuk merealisasikan keadilan pengagihan kekayaan dan pendapatan. Persatuan bank-bank Islam Antarabangsa (International Association of Islamic Banks) atau singkatannya IAIB mendefinisikan perbankan Islam sebagai perbankan yang ditubuhkan untuk menggerakkan dana dan menggunakannya selaras dengan syariah Islam bagi tujuan mengembangkan ikatan kesatuan Islam dan memastikan keadilan pengagihan disamping menggunakan dana tersebut selaras dengan prinsip Islam (Adnan dan Dale, 1984)

Oleh itu dapat disimpulkan di sini bahawa perbankan Islam merujuk kepada perbankan yang dijalankan berlandaskan prinsip syariah. Idealnya, sesuatu sistem perbankan boleh dianggap Islamik apabila semua urusan niaganya berasaskan perkongsian untung dan rugi (*profit and loss sharing*) yang berdasarkan ekuiti dalam kalangan pesertanya (Mohsin dan Abbas, 1987). Asas bagi urusan niaga tersebut pula ialah perkongsian dengan pelanggan, bukannya sebagai hubungan si penghutang dengan si pemiutang. Ini bererti ianya bukan sahaja setakat penghapusan faedah malahan lebih daripada itu (Mohsin dan Abbas, 1987).

Sistem Perbankan Islam lahir daripada kesedaran dan permintaan masyarakat kepada suatu sistem kewangan yang bebas dari unsur riba. Di Malaysia sistem ini lahir pada

tahun 1983 dengan tertubuhnya Bank Islam Malaysia Berhad. Pada tahun 1993, pindaan kepada Akta Bank dan Institusi Kewangan telah dibuat bagi membolehkan institusi kewangan konvensional menawarkan Perbankan Islam. Oleh itu Sistem Perbankan Islam tidak hanya merujuk kepada BIMB, tetapi juga mana-mana institusi kewangan konvensional yang menawarkan SPI. Sistem Perbankan Islam beroperasi menurut prinsip-prinsip syariah seperti *mudarabah*, *musyarakah*, *murabahah*, *bay' bithaman ajil* (*bay' muajjal*), *ijarah*, *qard*, *istisna'* dan *ijarah thumma al-bay'*.

Perbezaan antara sistem perbankan Islam dan sistem perbankan konvensional secara umumnya boleh dilihat dari segi perundangan atau teknikalnya, dan juga boleh dilihat dari segi perbezaan ideologi penubuhannya (Choudury, 1997). Chapra (1985), menyenaraikan beberapa perbezaan utama antara perbankan Islam dan perbankan konvensional yang boleh diringkaskan seperti berikut:

- i. Penghapusan faedah (riba).
- ii. Aktiviti yang diceburi bertujuan memberi khidmat kepada kepentingan awam bagi mencapai matlamat sosioekonomi Islam dan tidak hanya berperanan memaksimumkan keuntungan semata-mata.
- iii. Perbankan Islam haruslah bersifat universal, yang mempelbagaikan fungsinya, bukan sekadar sebagai perbankan perdagangan.
- iv. Dasar 'perkongsian untung rugi' yang menjadi amalan perbankan Islam akan meningkatkan perhubungan yang lebih erat antara pihak bank dengan para pelanggan.

- v. Penubuhan Majlis Penasihat Syariah/ Majlis Pengawasan Syariah yang berfungsi sebagai penasihat kepada pihak bank berkaitan pengendalian perniagaan bank untuk menjamin pihak bank tidak terlibat dengan apa-apa elemen yang tidak dibenarkan oleh syariat Islam.

Di dalam SPI, tumpuan kontrak jual-beli dibuat ke atas objek kontrak iaitu barangan seperti kenderaan, rumah, peralatan dan sebagainya. Pihak perbankan Islam akan membeli produk-produk tersebut dan menjualnya kepada pelanggan dengan mengambil untung atas kos belian awal tadi. Berbeza dengan perbankan konvensional, objek kontrak adalah ke atas wang yang dipinjamkan kepada pelanggan dan dikenakan faedah atas pinjaman wang itu.

### **1.7 Organisasi Tesis**

Tesis ini dibahagikan kepada tujuh bab. Bab pertama merupakan pengenalan terhadap kajian yang dilakukan oleh penyelidik. Bab ini mengandungi latarbelakang kajian, pernyataan masalah, persoalan dan objektif kajian, limitasi kajian dan huraian istilah-istilah penting berkaitan tajuk tesis. Bab kedua pula memuatkan perbincangan tentang sorotan literatur-literatur yang mempunyai kaitan dengan kajian ini.

Bab ketiga membicarakan tentang metodologi yang digunakan oleh penyelidik dalam kajian ini iaitu kaedah kualitatif. Bab ini menghuraikan kaedah pengumpulan, pengesahan dan penganalisan data dalam metodologi kualitatif. Bab keempat memfokuskan kepada latarbelakang pembiayaan perdagangan dan aplikasinya dalam sistem perbankan konvensional. Dalam bab ini penyelidik menghuraikan operasi produk-

produk pembiayaan perdagangan iaitu Surat Kredit, bil-bil pertukaran belian, resit amanah, bil penerimaan, pembiayaan semula kredit eksport, jaminan bank dan jaminan perkapalan. Turut dimuatkan dalam bab keempat ialah analisis secara umum produk-produk pembiayaan perdagangan yang ditawarkan oleh bank-bank konvensional dan bank-bank Islam di Malaysia.

Bab kelima pula merupakan perbincangan terperinci tentang kontrak-kontrak yang diaplikasikan dalam produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam. Perbincangan difokuskan kepada konsep, perundangan dan justifikasi fuqaha silam dan kontemporari terhadap kontrak-kontrak tersebut. Bab keenam pula membincangkan dapatan kajian serta analisis penyelidikan kepada hasil kajian yang telah diperolehi. Bab ketujuh yang merupakan bab terakhir merangkumi kesimpulan, implikasi dan cadangan kajian berdasarkan penemuan dalam kajian ini di samping beberapa saranan untuk kajian dalam bidang yang sama yang boleh dilakukan pada masa yang akan datang.

## BAB DUA

### SOROTAN LITERATUR

#### 2.0 Pendahuluan

Ketika menjalankan kajian ini, penyelidik merujuk kepada hasil-hasil kajian lepas yang berkaitan dengan skop dan bidang kajian. Menurut sistematika penyelidikan, ia dikenali sebagai sorotan literatur atau *literature review* yang ada kaitan dengan kajian yang dijalankan. Oleh itu, mencari, membaca, menilai dan mencatatkan bahan penyelidikan yang terdahulu merupakan usaha yang perlu diutamakan kerana ia dapat membantu menghuraikan tajuk dan memperincikannya di samping memperjelaskan lagi bidang kajian yang akan dijalankan (Sulaiman, 2005). Menurut Noraini (2010), sorotan literatur merupakan ulasan maklumat yang diperolehi daripada jurnal, buku, dokumen dan penyelidikan-penyelidikan lepas untuk sesuatu penyelidikan yang baru. W. Lawrence (1997) merumuskan beberapa jenis tinjauan literatur iaitu :

- i. Sorotan Integratif : iaitu sorotan secara mendalam terhadap perkembangan semasa pengetahuan dalam masalah yang dikaji.
- ii. Sorotan Historikal : iaitu penyelidik melihat perkembangan sejarah bidang berkenaan
- iii. Sorotan Perkaedahan : iaitu penyelidik menumpukan pembacaannya kepada kaedah-kaedah yang telah digunakan oleh penyelidik-penyelidik sebelumnya.
- iv. Sorotan Teori : iaitu melihat teori-teori yang telah digunakan oleh penyelidik sebelumnya untuk membantu mencari penyelesaian kepada masalah berkenaan.

Secara umumnya penyelidik membahagikan literatur-literatur ini kepada enam segmen utama iaitu latar belakang sejarah perbankan Islam, kontrak-kontrak dalam perbankan Islam, perdagangan antarabangsa dalam perbankan konvensional, pelaksanaan kontrak-kontrak dalam produk-produk perbankan Islam, pematuhan terhadap syariah dan *maqasid* syariah.

## **2.1 Latar Belakang Sejarah Perbankan Islam**

Penyelidik telah melakukan beberapa tinjauan dan penelitian dari aspek sejarah perkembangan perbankan Islam dari mula penubuhannya sehingga kini di peringkat antarabangsa dan tempatan. Sorotan dari segi sejarah ini amat penting bagi penyelidik untuk mengetahui perkembangan dari segi teori dan latar belakang industri perbankan di Malaysia khususnya perbankan Islam dari awal penubuhannya hingga sekarang.

Menurut Iwad (t.t), terdapat beberapa percubaan di sekitar tahun 20-an dan 30-an untuk mewujudkan sistem yang berlandaskan syariah dalam aktiviti pembiayaan. Beliau menyebutkan antara usaha awal adalah yang dilakukan oleh Abdul Rahman Al-Mahdi di Sudan yang cuba memperkenalkan kontrak yang berbentuk *musyarakah mutanaqisah* dalam instrumen pembiayaan. Seterusnya di penghujung 40-an, muncul di Pakistan seruan-seruan untuk mewujudkan institusi perbankan yang tidak mengamalkan riba dalam urusan niaganya yang dipelopori oleh cendekiawan seperti Muhammad Nasim, Anwar Qureshi, Na'im Sidqi dan Abul 'Ala al-Maududi. Menurut Iwad (t.t) lagi, pemikiran ini terus berkembang di sekitar 60-an yang dipelopori oleh beberapa orang ahli

ekonomi Islam seperti Muhammad Nejatullah Seddiqi, Muhammad Baqir Sadr, Muhammad Abdullah al-Arabi dan Isa Abduh.

Sudin (2005) telah menghuraikan tentang sejarah dan perkembangan perbankan Islam di peringkat tempatan dan global. Beliau mencatatkan sejarah awal idea penubuhan bank Islam iaitu apabila tertubuhnya Mit Ghamr Local Saving Bank di Mesir pada tahun 1963 yang beroperasi berdasarkan prinsip syariah. Menurut Hamud (1991), pada tahun 1967 sekumpulan ahli ekonomi menubuhkan “*al-Nizam al-Asasi li Bait al-Tamwil al-Kuwaity*” yang bertujuan merencana, melakukan penyelidikan dan kajian ke arah pembentukan perbankan Islam.

Selanjutnya Sudin (2005) membincangkan sejarah perkembangan perbankan Islam di beberapa negara seperti di Mesir, Sudan, Turki, Iran dan Pakistan serta Malaysia. Beliau turut membincangkan konsep-konsep asas perbankan Islam dari segi objektif dan matlamat penubuhannya. Adiwarman (2005) membincangkan aspek sejarah perbankan Islam dengan lebih mendalam, bahkan beliau menjadikan satu bab daripada bukunya untuk tujuan itu. Beliau memulakan dengan amalan perbankan dalam zaman Rasulullah s.a.w, zaman sahabat r.a serta di zaman-zaman kegemilangan tamadun Islam iaitu di zaman Kerajaan Umaiyyah dan Abbasiyyah. Beliau melanjutkan perbincangannya tentang sejarah perbankan Islam yang berlaku di Eropah serta di Indonesia.

Hadenan dan Joni (2006) pula membicarakan aspek sejarah perbankan Islam yang bermula dari zaman Rasulullah s.a.w, zaman para sahabat hinggalah kepada lahirnya idea

untuk melahirkan bank tanpa faedah iaitu di sekitar tahun 1940-an yang membawa kepada munculnya model perbankan Islam secara moden iaitu Mit Ghamr Local Saving Bank di pekan kecil Mit Ghamr, 40 batu di utara Kaherah, Mesir. Mengulas perkembangan bank tersebut, Ausuf (1995) menyatakan bahawa pada tahun pertama beroperasi, projek ini berjaya menarik 33,000 pendeposit. Sepanjang tempoh 1963-1966, projek ini berjaya dalam operasi perbankan yang membabitkan deposit simpanan mencecah 25,000 sehingga 125,000 pound Mesir, manakala deposit pelaburan pula mencapai dari 35,000 hingga 75,000 pound Mesir.

Zamir dan Abbas (2007) pula, selain membicarakan aspek persejarahan perbankan Islam, mereka turut membincangkan beberapa perkara asas perbankan Islam seperti kontrak dan riba. Za'tary (2008), dalam tesis Phd yang diterbitkan "*Al-Khadamat al-Masrafiyyah wa Mawqif al-Syariah Minha*" menghuraikan aspek persejarahan perbankan Islam khususnya di kalangan negara-negara Timur Tengah dan Benua Afrika. Beliau mencatatkan kemunculan sistem kewangan yang berteraskan syariah muncul di Mesir (1963 dan 1971), Jordan (1972), Arab Saudi (1974) dan Kuwait (1977). Penyelidik menyimpulkan bahawa hampir semua literatur dalam kewangan dan perbankan Islam dimulai dengan aspek sejarah perkembangannya hinggalah kepada perlaksanannya dalam dunia kontemporari.

Nor Mohamed (1996) pula menghuraikan sejarah perkembangan perbankan Islam di Malaysia dan idea-idea penubuhan bank Islam pertama di Malaysia serta fasa-fasa perkembangannya. Fasa pertama Sistem Perbankan Islam di Malaysia bermula dengan

penubuhan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) pada 1 Mac 1983 dan mula beroperasi pada Julai 1983. Fasa kedua yang bermula pada tahun 1993 bertujuan untuk membawa perbankan Islam daripada pinggir sistem perbankan di Malaysia kepada arus perdana perbankan (*mainstream banking*). Pada fasa ini, infrastruktur sistem perbankan Islam diperkuatkan dengan pasaran wang Islam yang diperkenalkan pada 2 Januari 1994 (Akram, 2008). Menurut Hamim, Naziruddin dan Al-Habshi (2008), bank-bank konvensional dibenarkan untuk menawarkan perkhidmatan perbankan Islam di kaunter-kaunter mereka ketika fasa kedua ini (*islamic windows*). Ab.Mumin (1999), juga banyak membicarakan tentang aspek persejarahan perbankan Islam di Malaysia. Beliau tidak hanya memfokuskan tulisannya kepada perbankan Islam tetapi merangkumi institusi-institusi kewangan Islam yang lain seperti pasaran ekuiti, takaful, *al-rahm* dan sebagainya.

## **2.2 Kontrak-kontrak dalam Sistem Perbankan Islam**

Penyelidik juga membuat sorotan terhadap literatur-literatur yang membincangkan tentang kontrak-kontrak (akad) dalam sistem *muamalat* yang menjadi teras dan tunjang kepada kewangan dan perbankan Islam. Kontrak-kontrak yang dipraktikkan dalam sistem perbankan Islam perlu mematuhi terma-terma dan syarat yang dinyatakan oleh sarjana-sarjana fiqh Islam untuk memastikan kontrak tersebut sah. Penyelidik merujuk kepada penulisan-penulisan moden dan klasik untuk mendapat gambaran dan persepsi yang jelas dan tepat tentang kontrak-kontrak tersebut.

Mohd Ali (2003) dan Faizah (2006), menulis tentang konsep asas kontrak-kontrak (akad) dalam hukum *muamalat* Islam. Mereka menghuraikan jenis-jenis kontrak, bagaimana ia

terbentuk, syarat-syaratnya dan pembatalannya. Perbezaan antara keduanya ialah Mohd Ali (2003) membuat perbandingan antara undang-undang kontrak Islam dan Inggeris. Abdullah (2006) menghuraikan aspek persejarahan kontrak-kontrak *muamalah* di zaman awal Islam. Penulis membincangkan beberapa kontrak yang diamalkan oleh masyarakat Arab sebelum Islam yang bertentangan dengan Islam kerana wujudnya unsur *gharar* seperti *bay' al-hasat* (jualan secara membaling batu), *bay' al-mulamasah* (jualan secara sentuhan), *bay' al-haml* (jual-beli janin) dan lain-lain. Selanjutnya penulis menghuraikan kontrak-kontrak *muamalah* yang diamalkan oleh masyarakat Arab sebelum Islam yang diterima oleh syariat Islam dengan modifikasi tertentu seperti kontrak *mudarabah*, *musyarakah*, dan *al-syuf'ah*. Beliau juga membincangkan kontrak-kontrak yang berorientasikan deposit (*wadi'ah*), hutang (*qard*), jaminan (*kafalah*), sewaan (*ijarah*) dan upah (*ju'alah*) dari aspek sejarah, perundangan dan pandangan fuqaha empat mazhab.

Mohd Daud (2004) menghurai lebih lanjut tentang kontrak-kontrak dalam *muamalat* Islam yang dilaksanakan dalam sistem perbankan moden. Beliau memperincikan jenis-jenis akad dan menghuraikannya seperti '*uqud al-mu'awadat* (exchange), '*uqud al-tauthiqat* (security), '*uqud al-syirkah* (partnership), '*uqud al-wadi'ah* (custody), '*uqud al-manfa'ah* (utilization of usufruct) and '*uqud al-wakalah and ju'alah* (pertaining to do a work). Menurut beliau, sekiranya akad atau kontrak tidak dilaksanakan mengikut paradigmanya yang sebenar maka kontrak tersebut menjadi batal. Abd Halim (2005) pula menggabungkan antara aspek konsep atau kontrak-kontrak dengan aplikasinya dalam sistem perbankan Islam di Malaysia kini. Beliau menghuraikan teori-teori kontrak menurut pandangan mazhab dan bagaimana ia diaplikasikan dalam produk-produk

perbankan Islam di Malaysia khususnya. Hailani dan Sanep (2009) turut mengkaji aplikasi kontrak-kontrak *muamalat* dalam sistem kewangan Islam semasa dalam produk-produk yang berbentuk deposit, pelaburan dan pembiayaan. Sebagai contoh penulis menghuraikan bagaimana aplikasi akad *wadiah* dan *mudarabah* dalam akaun deposit dan akad-akad yang berkonsepkan jual-beli (*murabahah*, *bay' al-dayn*, *istisna'*, *bay' al-'inah* dll) dalam produk-produk pembiayaan seperti pembiayaan aset dan pembiayaan perdagangan (Surat Kredit, Jaminan Perkapalan) dan sebagainya.

Begitu juga dengan Adiwarmanto (2005) yang membicarakan kontrak-kontrak *muamalat* ini dari sudut teori dan amalannya dalam sistem perbankan. Buku yang mengandungi 19 bab ini, menghuraikan kontrak-kontrak dalam perbankan Islam kontemporari khususnya yang diamalkan dalam sektor perbankan Islam di Indonesia yang berbentuk deposit atau pembiayaan. Antara kontrak-kontrak yang dibincangkan ialah *murabahah*, *istisna'*, *ijarah*, *ijarah muntahiyah bi al-tamlik*, *mudarabah*, *wadiah* dan sebagainya. Turut dibincangkan secara khusus ialah produk pembiayaan perdagangan antarabangsa iaitu Surat Kredit (*Letter of Credit*) eksport dan import dan kontrak-kontrak yang digunakan iaitu *wakalah bil ujah*, *wakalah bil ujah wa qard*, *murabahah*, *salam*, *istisna'*, *musyarakah* dan *hawalah*. Namun begitu, penulis tidak membincangkan produk-produk lain dalam pembiayaan perdagangan seperti Surat Jaminan (*Letter of Guarantee*), Jaminan Perkapalan (*Shipping Guarantee*), Bil Pengsekuritan dan Penerimaan secara Islam (*Islamic Accepted Bill*).

Muhammad Ayub (2007) dalam bukunya “*Understanding Islamic Finance*” telah menghuraikan kontrak-kontrak *muamalat*, syarat-syarat dan pandangan para fuqaha terhadap kontrak-kontrak tersebut. Apa yang menarik penulisan ini turut membincangkan kontrak-kontrak moden yang lahir hasil kesesuaiannya dengan sistem kewangan semasa namun tidak lari dari konsep asal kontrak-kontrak tersebut yang dibahaskan oleh para fuqaha dalam kitab-kitab fiqh klasik seperti *musyarakah mutanaqisah*, *ijarah mausufah fi al-zimmah*, *komoditi murabahah* dan sebagainya. Penulis turut membangkitkan isu-isu syariah yang timbul dari kontrak-kontrak tersebut dan menghuraikannya berdasarkan pandangan ulama klasik dan kontemporari. Antara kontrak yang dibahaskan ialah *murabahah lil amir bi al-syira’*, *salam*, *istisna’*, *ijarah muntahiya bi al-tamlik*, *musyarakah mutanaqisah* dan sebagainya.

Abdul Ghafar (2010) dalam penulisannya “*Money, Islamic Banks and The Real Economy*” turut menghuraikan kontrak-kontrak yang diamalkan oleh sistem perbankan Islam kontemporari. Beliau membahagikannya kepada kontrak-kontrak yang berbentuk perkongsian untung seperti *mudarabah* dan *musyarakah*, kontrak-kontrak yang berbentuk jual beli seperti *ijarah*, *bay’ al-salam*, *istisna’* dan sebagainya, kontrak yang berbentuk deposit seperti *al-wadi’ah*, kontrak-kontrak yang berbentuk jaminan keselamatan seperti *kafalah*, *hawalah* dan *al-rahn* serta kontrak-kontrak yang tersendiri seperti *kafalah* dan *hibah*. Penulisan ini turut membincangkan aplikasi kontrak-kontrak tersebut dalam produk-produk perbankan Islam.

Penyelidik juga merujuk kepada penulisan-penulisan dalam bahasa Arab yang dikarang oleh sarjana-sarjana Islam berkaitan kontrak-kontrak dalam kewangan Islam. Al-Zuhaily (1989) dalam bukunya yang terkenal *al-Fiqh al Islami wa Adillatuh*, membicarakan kontrak-kontrak ini di bawah perbincangan tentang kontrak dan kewangan moden. Metode penulis dalam membincangkan sesuatu prinsip ialah dimulai dengan huraian konsep menurut mazhab fiqh, dalil-dalil pensyariatannya, rukun-rukun dan syarat-syaratnya. Misalnya kontrak *mudarabah*, dimulai dengan definisi dan diikuti dengan rukun-rukun, syarat-syarat sah dan cara-cara perlaksanaannya dalam sistem perbankan. Al-Jaziri (t.t) juga membuat kajian perbandingan antara mazhab-mazhab fiqh dalam penulisan beliau *al-Fiqh 'ala al-Mazahib al-Arba'ah*. Beliau membahaskan kontrak-kontrak seperti *wadiah*, *mudarabah*, *musyarakah*, *ijarah* dan sebagainya dengan mengemukakan secara terperinci pandangan setiap mazhab. Metode yang serupa juga digunakan oleh Sayyid (1999) dalam penulisannya *Fiqh al-Sunnah*, tetapi beliau lebih memberatkan penghujahan sesuatu kontrak itu dari aspek dalil *naqli* (wahyu).

Qahf (2011), dalam bukunya “*Asasiyyat al-Tamwil al-Islami*” menghuraikan kontrak-kontrak yang berkaitan dengan pembiayaan seperti *bay' al-ajil*, *salam*, *istisna'*, *musyarakah*, *mudarabah* dan *ijarah* yang dikategorikan sebagai kontrak-kontrak bernama (*al-uqud al-tamwiliyyah al-musammah*). Penulis seterusnya membincangkan kontrak-kontrak baru yang merupakan pecahan daripada kontrak-kontrak asas tersebut yang sedang diamalkan oleh bank-bank Islam seluruh dunia. Kontrak-kontrak pecahan tersebut seperti *al-ijarah lil amir bi al-syira'*, *al-ijarah lil amir bi al-istisna'*, *al-tawarruq*, *al-murabahah al-'aksiyyah* dan sebagainya diulas dan dihuraikan dengan terperinci oleh

penulis. Penulis turut membuat ilustrasi bagaimana sesuatu kontrak tersebut dilaksanakan dalam sistem perbankan Islam. Penulisan ini membantu penyelidik memahami beberapa kontrak-kontrak baru pembiayaan Islam yang sedang dilaksanakan oleh bank-bank Islam seluruh dunia.

Selain merujuk literatur moden, penyelidik juga menyoroti pandangan ulama-ulama besar mazhab-mazhab fiqh dalam penulisan mereka yang berkaitan dengan hukum *muamalat*. Hal ini amat penting untuk memastikan penyelidik dapat memahami secara mendalam sesuatu prinsip syariah khususnya yang berkait rapat dengan kajian ini.

Al-Syarbini (t.t), seorang ulama besar mazhab Syafie melalui hasil tulisannya yang terkenal *Mughni al-Muhtaj* membincangkan kontrak-kontrak ini di bawah *kitab al-bay'* (jual beli). Penulis memulakan dengan huraian konsep, penghujahan prinsip tersebut, rukun-rukun serta syarat-syaratnya dengan mendalam. Antara kontrak-kontrak yang dibahaskan secara mendalam ialah jual beli *murabahah, daman, mudarabah, salam, syarikah, wakalah, qirad* dan lain-lain yang berdasarkan pandangan aliran al-Syafiiyah. Al-Mawardi (t.t) dalam *al-Hawi al-Kabir*, al-Ansari (t.t) dalam *Qalyubi wa 'Umairah*, al-Ghazali (1994) dalam *al-Wajiz fi Fiqh Mazhab al-Syafii*, al-Nawawi (1405H) dalam *Raudah al-Talibin* dan al-Ghamrawi dalam *al-Siraj al-Wahhab* (1933) ialah antara sebahagian daripada ulama-ulama aliran al-Syafiiyah dan hasil penulisan mereka yang terkenal yang turut membahaskan secara mendalam kontrak-kontrak tersebut dalam kitab-kitab mereka. Metode yang digunakan tidak jauh bezanya dengan al-Syarbini.

Penyelidik juga merujuk kitab-kitab fiqh klasik mazhab–mazhab lain selain mazhab Syafii. Al-Kasani (2003), ulamak mazhab Hanafi dengan hasil karyanya *Badai' al-Sanai' fi Tartib al-Syarai'* turut membahaskan hukum-hukum *muamalat* Islam dalam *Kitab al-bay'* (jual beli). Kontrak-kontrak yang dibincangkan dimulai dengan konsep, dalil, rukun-rukun-rukun serta syarat-syarat sahnya kontrak tersebut. Sheikh Nizam (1991) dan sekumpulan ulama-ulama India bermazhab Hanafi telah mengumpulkan pandangan–pandangan yang kuat dan lemah dalam beberapa permasalahan fiqh sama ada yang datang dari Imam Hanafi sendiri atau ulama-ulama mazhabnya dalam penulisan masing-masing di dalam kitab *al-Fatawa al-Hindiyyah*. Tajuk tentang *al-bay'* (jual beli) dipecahkan kepada 20 bab yang merangkumi masalah-masalah yang berkaitan jual beli dan hukum-hukum *muamalat* serta kontrak-kontrak yang berkaitan dengan kajian ini.

Kitab *al-Mudawwanah al-Kubra*, karangan Imam Malik RA (t.t) yang dianggap kitab induk kedua mazhab Maliki selepas *al-Muwatta'*, menghimpunkan fatwa-fatwa beliau sendiri dan ulama-ulama al-Malikiyyah dalam semua bab-bab fiqh termasuklah hukum-hukum *muamalat*. Kontrak-kontrak seperti *murabahah*, *mudarabah*, *wadiah* dan sebagainya dihurai dan dibahas berdasarkan kaedah soal jawab. Al-Qarafi (1994), dalam penulisannya yang terkenal *al-Zakhirah fi al-Fiqh al-Maliki* turut membincangkan dan menghuraikan kontrak-kontrak ini dalam bab *muamalat*. Metodenya ialah memperbanyakkan diskusi dalam perkara-perkara *furu'* (cabang ).

Antara penulisan mazhab Hanbali yang dirujuk oleh penyelidik ialah kitab *al-Mughni fi Fiqh al-Imam Ahmad b Hanbal* yang dikarang oleh al-Maqdisi (1405H). Kitab yang

dianggap antara rujukan utama mazhab Hanbali ini bukan sekadar membawa pandangan dan fatwa-fatwa Imam Ahmad, tetapi dibincangkan juga pandangan-pandangan mazhab-mazhab yang lain. Penulis turut membincangkan hukum-hukum *muamalat* dalam mazhab Hanbali dalam bentuk permasalahan dan penyelesaiannya yang disertakan dengan dalil-dalil yang kuat. Penyelidik merujuk kitab ini untuk mendalami pandangan Imam Ahmad khususnya dalam aspek *muamalat*. Al-Kharqy (1403H) dalam kitabnya *Mukhtasar al-Kharqy*, juga membincangkan hukum-hukum *muamalat* dan kontrak-kontrak berdasarkan pandangan mazhab Hanbali. Metode penulisan kitab ini ialah dengan mengemukakan persoalan yang diikuti dengan huraian dan jawapan terhadap masalah tersebut. Terdapat sebanyak 2300 permasalahan dalam kitab ini yang terangkum didalamnya aspek *muamalat* dan kontrak-kontrak seperti *wadiah*, *murabahah*, *mudarabah*, jual beli dan lain-lain lagi yang amat berguna dan berkaitan dengan kajian yang dilakukan oleh penyelidik.

Kesimpulannya adalah, boleh dikatakan semua kitab fiqh klasik membincangkan hukum-hukum *muamalat* dan kontrak-kontrak dalam bab yang khusus dalam hasil-hasil penulisan mereka sama ada yang berbentuk soal jawab, ensiklopedia atau kajian perbandingan. Asas perbezaan antara penulisan-penulisan tersebut ialah aliran pemikiran atau mazhab masing-masing .

### **2.3 Perdagangan Antarabangsa dalam Sistem Konvensional**

Selain merujuk literatur berkaitan sejarah perkembangan perbankan Islam dan kontrak-kontrak yang diamalkan dalam sistem perbankan, penyelidik juga membuat sorotan

literatur berkaitan pelaksanaan produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa yang diamalkan oleh perbankan konvensional. Literatur-literatur tersebut terdiri dari buku-buku, jurnal, tesis, serta kertas kerja yang dibentangkan di seminar-seminar.

Rosli (1998) membincangkan perdagangan antarabangsa konvensional dari segi konsep, amalan dan pembiayaan. Beliau mendedahkan perkembangan sistem kewangan antarabangsa sejak diperkenalkan sehingga kini. Antara produk pembiayaan perdagangan antarabangsa yang dibincangkan secara mendalam ialah Jaminan Perkapalan, Surat Kredit, Surat Jaminan Bank dan Pembiayaan Semula Kredit Eksport dari aspek perbankan konvensional. Penulisan ini penting untuk penyelidik mengetahui pelaksanaan produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa secara konvensional sebagai panduan dan perbandingan dengan perlaksanaannya dalam sistem perbankan Islam.

Fauzias (2002) turut membincangkan operasi perdagangan antarabangsa konvensional dengan membuat penambahan terhadap perkembangan perdagangan antarabangsa Malaysia dan negara-negara Asean. Penulis turut menghuraikan metode pembiayaan perdagangan antarabangsa seperti Surat Kredit dan jenis-jenisnya, Penerimaan Jurubank, Surat Jaminan, Bil-bil Pertukaran, Jaminan Perkapalan dan sebagainya dengan merujuk kepada pusat pembiayaan perdagangan Maybank.

Johnson Pang menghasilkan tiga penulisan berkaitan perdagangan antarabangsa dan produk-produknya khususnya dalam aspek perbankan konvensional. Buku-bukunya

*Financing and Practice of Domestic and International Trade* (1988), *Banking, Bussiness and International Trade* (1994) dan *Documentary Credit (Letter of Credit) and Collections for the Export and Import Trade* (1999) banyak membicarakan latarbelakang perdagangan antarabangsa, terma-terma, undang-undang perdagangan antarabangsa dan juga operasi secara mendalam produk-produk seperti Surat Kredit, Bil Penerimaan, Resit Amanah, Bil-bil Pertukaran, Jaminan Bank serta Jaminan Perkapalan. Penulisan ini banyak membantu penyelidik untuk mengenali operasi produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa.

Aspek akta dan undang-undang perbankan yang berkaitan perdagangan antarabangsa dibincangkan oleh Shamsul (2004) dengan jelas dan terperinci. Beliau menghuraikan tentang Surat Kredit, jenis-jenisnya, penyediaannya dan aspek undang-undang yang berkaitan dengannya sepertimana yang termaktub dalam *Uniform Customs and Practise For Documentary Credits* (UCP 500). UCP merupakan satu kompilasi amalan-amalan komersil yang diamalkan diperingkat antarabangsa dan pertama kali dikeluarkan pada tahun 1930 oleh *International Chamber of Commerce*. Amalan pembiayaan perdagangan secara Islam juga terikat dengan UCP ini yang sedikit sebanyak menimbulkan beberapa isu berkaitan syariah. Penulis juga membincangkan tentang Bil-bil Pertukaran dalam amalan perdagangan antarabangsa dari aspek undang-undang. Buku ini amat penting bagi penyelidik untuk memahami teori dan pelaksanaan undang-undang dalam perdagangan antarabangsa. Rosmawani (2009) pula turut membincangkan aspek undang-undang dalam perdagangan antarabangsa. Antara aspek yang dibincangkan ialah Surat Kredit dan UCP 600 yang mengawasi perjalanan operasi Surat Kredit di peringkat antarabangsa.

## **2.4 Pelaksanaan Kontrak-kontrak dalam Produk-produk Perbankan Islam**

Seterusnya penyelidik merujuk dan membincangkan literatur-literatur yang berkaitan dengan aspek pelaksanaan kontrak-kontrak dalam produk-produk perbankan Islam. Tidak terdapat secara penulisan atau buku yang secara khusus membincangkan aspek pelaksanaan kontrak-kontrak dalam produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam. Pengkaji kebiasannya akan meletakkannya dalam satu bab atau sebahagian daripada bab tersebut khususnya apabila menghuraikan aspek-aspek pembiayaan dalam perbankan Islam. Namun begitu terdapat juga kertas-kertas kerja dan tesis ilmiah yang membincangkan tentang pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam secara khusus.

Ismail (1997) bekas pengurus sektor pembiayaan perdagangan di BIMB menghasilkan satu panduan pelaksanaan perdagangan antarabangsa yang dilaksanakan di BIMB. Penulisan beliau menghuraikan operasi sesuatu produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam dan kontrak-kontrak yang diamalkan dalam produk-produk tersebut. Beliau mengemukakan dokumen-dokumen yang berkaitan pembiayaan perdagangan antarabangsa seperti Surat Kredit, Surat Jaminan Bank, Jaminan Perkapalan dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Panduan yang khusus dihuraikan tentang pelaksanaan pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam seperti pembiayaan *murabahah*, *mudarabah* dan *musyarakah* serta penggunaan prinsip *bay' al-dayn* dalam instrumen *Islamic Accepted Bills* (Bil Penerimaan Secara Islam). Namun begitu buku yang ditulis pada tahun 1997 ini agak ketinggalan dari segi maklumat kerana perkembangan yang berlaku dalam industri perbankan adalah begitu pesat sama ada dari segi operasi dan

juga produk-produk yang ditawarkan sedangkan sektor perbankan terutamanya perdagangan antarabangsa senantiasa mengalami perubahan.

Soleh (2003) dalam tesis sarjana Syariah yang tidak diterbitkan, membuat kajian yang khusus tentang salah satu produk pembiayaan perdagangan iaitu Surat Jaminan Bank (*Letter of Guarantee*) yang dilaksanakan di Bank Muamalat Indonesia. Beliau mengkategorikan produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa sebagai bentuk-bentuk *muamalat* baru yang belum pernah dibahas di dalam kitab-kitab fiqh klasik. Oleh itu, selama tiada keterangan nas yang mengharamkan maka ianya diterima berdasarkan kaedah "*asal pada hukum muamalah adalah harus*". Kajian ini juga membincangkan kontrak-kontrak yang digunakan dalam Surat Jaminan Bank dan kesesuaiannya dengan produk tersebut seperti *kafalah*, *wakalah* dan *wadiah* serta permasalahan-permasalahan yang berkaitan seperti komisen, upah dan sebagainya. Kajian ini hanya memfokuskan kepada satu produk pembiayaan perdagangan di sebuah bank, manakala kajian penyelidikan merangkumi semua produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa di bank-bank Islam di Malaysia.

Hydzulkifli (2004), dalam disertasinya pula mengkaji tentang pembiayaan perdagangan Islam yang terdapat di Bank Muamalat Malaysia (BMM) dan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) dari segi kontrak-kontrak yang digunakan dan produk-produk yang ditawarkan. Menurut kajian ini, terdapat perbezaan terhadap produk-produk yang ditawarkan apabila BIMB menawarkan 7 produk pembiayaan perdagangan secara Islam manakala BMMB pula menawarkan 10 produk. Di samping itu perbezaan juga berlaku

dari segi istilah yang digunakan. Contohnya BMMB menggunakan istilah *Document of Credit* untuk Surat Kredit manakala BIMB pula menggunakan istilah *Letter of Credit*. Perbezaan juga berlaku dari segi syarat-syarat penawaran produk dan juga pengoperasiannya. Namun begitu, kajian ini hanya melibatkan dua bank Islam sahaja dan tidak menyeluruh, manakala kajian penyelidikan pula melibatkan hampir keseluruhan bank yang menawarkan perkhidmatan pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam di Malaysia.

Sharifah (2004) membahaskan tentang isu pembiayaan hutang yang diamalkan di BIMB. Dalam kajian ini penulis ada menyentuh persoalan pembiayaan perdagangan yang di amalkan di BIMB secara umum sahaja dengan menerangkan produk-produk pembiayaan perdagangan yang ditawarkan seperti Surat Kredit, Surat Jaminan, Jaminan Perkapalan dan sebagainya. Joni (2005), turut membincangkan tentang pelaksanaan kontrak-kontrak yang diamalkan di Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) dari aspek deposit dan pembiayaan. Beliau turut mengemukakan produk-produk yang ditawarkan di BIMB dan apakah kontrak-kontrak yang digunakan bagi produk-produk tersebut. Turut dibincangkan ialah produk-produk pembiayaan perdagangan seperti Surat Kredit, Surat Jaminan bank, Pembiayaan Modal Pusingan dan lain-lain serta prinsip syariah yang diamalkan terhadap produk-produk tersebut. Kesimpulan beliau ialah kontrak-kontrak yang diamalkan dalam operasi perniagaan dan pembiayaan di BIMB adalah mapan dan berdaya maju serta mampu bersaing dengan instrumen pembiayaan yang ditawarkan oleh institusi perbankan konvensional kerana ia berasaskan akad *muamalat* Islam.

Ridha (2007) dalam kertas kerjanya “*Trade Financing in Islam*“ mengkaji pengoperasian perdagangan antarabangsa Islam dalam perbankan Islam dari sudut kontrak-kontrak yang digunakan dalam produk-produk pembiayaan perdagangan. Menurut beliau transaksi dalam perdagangan Islam menggunakan sama ada pembiayaan secara kredit atau atas dasar perkongsian. Pembiayaan secara kredit merangkumi penangguhan harga atau penangguhan serahan komoditi yang dibeli. Pembiayaan atas dasar perkongsian pula berdasarkan prinsip untung dan rugi (*profits and losses*) dikongsi bersama antara bank dan pelanggan. Kontrak-kontrak yang digunakan dalam pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam pula ialah *murabahah*, *mudarabah*, *musyarakah*, *salam*, *istisna'* dan *ijarah wal iqtina'*. Beliau membincangkan secara umum tentang pelaksanaan kontrak-kontrak ini dalam produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa dalam sistem perbankan Islam secara global.

Artikel yang menarik berkaitan pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam dan isu-isu syariah yang berbangkit ialah hasil penulisan Ahmad Azam, Rosmawani dan Akhtarzaite (2009) bertajuk ‘*An Overview of Syariah Issues Regarding The Application of The Islamic Letter of Credit Practice in Malaysia*’. Artikel ini memfokuskan Surat Kredit Islam sebagai bahan kajian. Penulis menghuraikan amalan dan praktis Surat Kredit yang dilaksanakan oleh bank-bank Islam di Malaysia iaitu Surat Kredit *murabahah* dan *wakalah*. Seterusnya, penulis membangkitkan beberapa isu syariah seperti isu riba, pemilikan barangan, UCP dan INCOTERM serta mencadangkan alternatif-alternatif yang bersesuaian untuk menyelesaikan isu-isu tersebut.

Sano Koutoub (2001) menghuraikan konsep *bay' al-dayn* sebagai salah satu kontrak yang dipraktikkan dalam pembiayaan hutang oleh sebahagian bank-bank Islam di Malaysia. Bukunya "*The Sale of Debt as Implemented by the Islamic Financial Institutions in Malaysia*" menjelaskan perbezaan pandangan dalam kalangan fuqaha mengenai penggunaan kontrak *bay' al-dayn* sebagai medium pembiayaan hutang. *Bay' al-dayn* merupakan kontrak yang banyak diaplikasikan dalam produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam seperti Bil-bil Pertukaran Belian, Bil Penerimaan dan Pembiayaan Semula Kredit Eksport. Penulisan ini membantu penyelidik untuk memahami konsep *bay' al-dayn* dan aplikasinya dalam sistem perbankan Islam di Malaysia.

Nasir dan Amirul (2007), turut membincangkan pelaksanaan kontrak-kontrak yang digunakan dalam produk-produk perbankan Islam di Malaysia. Mereka mengkaji pelaksanaan *bay' bithaman ajil, murabahah, ijarah muntahiyah bittamlik, istisna', salam, musharakah, mudarabah* dan *bay' al-dayn* dalam produk-produk perbankan Islam di bank-bank Islam di Malaysia. Namun begitu, kajian ini hanya membentangkan apa yang dilaksanakan dan dipraktikkan tanpa membuat rumusan sama ada ia menepati kehendak syariah atau tidak.

Kamal, Lokesh dan Bala (2008) turut menyumbang kepada penulisan-penulisan berkaitan aspek pelaksanaan kontrak-kontrak dalam perbankan Islam. Penulis (Kamal) yang merupakan CEO Institut Bank-bank Malaysia membincangkan pelaksanaan kontrak-kontrak dalam produk-produk perbankan Islam di Malaysia serta beberapa negara lain

dari aspek deposit dan juga pembiayaan. Beliau menghuraikan kontrak-kontrak yang berkaitan dengan aspek pembiayaan yang diamalkan dalam sistem perbankan Islam di negara ini seperti *bay' bithaman ajil*, *murabahah*, *ijarah*, *al-ijarah thumma al-bay'*, *musyarakah mutanaqisah*, *bay' al-salam*, *istisna'*, *bay' inah* dan model *two-tier mudarabah*.

Anjum (2008) menekankan bahawa perbankan Islam mestilah patuh syariah dalam semua pelaburan dan pembiayaannya. Ia bermaksud setiap transaksinya mestilah bebas unsur-unsur riba, *gharar (uncertainty)* dan *maysir (gambling)*. Beliau mengulas beberapa kontrak dalam produk-produk pembiayaan yang berteraskan kaedah *cost plus sale (murabahah)*, jual beli secara bertanggung bayaran (*bay' bithaman ajil*), sewaan (*ijarah*), perkongsian (*mudarabah* dan *musyarakah*), *forward contract (salam dan istisna')*. Sepatutnya menurut beliau, perbankan Islam mestilah 100% bebas dari unsur riba, namun apa yang berlaku dari segi praktiknya perbankan Islam masih terikat dengan operasi perbankan konvensional. Perbezaan pandangan sarjana Islam tentang konsep sebenar syariah *compliant* turut menyumbang kepada lembabnya perkembangan perbankan Islam di sesetengah negara .

Kajian yang sama turut dilakukan oleh Zaharuddin (2008) yang mengkaji pelaksanaan kontrak-kontrak dalam sistem perbankan Islam. Beliau lebih memfokuskan kepada persoalan-persoalan yang dibangkitkan oleh pengguna perbankan Islam terhadap beberapa isu. Antaranya isu riba, modal yang bercampur antara halal dan haram, *gharar*, *hilah* dan isu-isu lain yang berkaitan industri takaful, pasaran saham dan sebagainya.

Beliau menghuraikan permasalahan tersebut dengan merujuk pandangan-pandangan ulamak silam dan fatwa-fatwa terkini perbankan. Sebagai contoh isu *ta'wid* (*compensation*) yang menimbulkan isu perbankan Islam zalim dan mengabaikan tanggungjawab sosial. Menurut beliau *ta'wid* adalah harus berdasarkan pandangan ulama-ulama semasa seperti Mustafa al-Zarqa', Muhammad Sadiq al-Dharir, Abdullah b Mani', Majlis Penasihat Syariah Bank Islam Jordan, Fatwa Persidangan Dallah Mutakhirah 2006. Keharusannya bersandarkan kepada '*maslahat mursalah*' bagi menyekat orang ramai mempermainkan bank-bank Islam dengan sengaja tidak membayar atau melewatkan bayaran walaupun ketika mempunyai wang.

Selain itu Zaharuddin (2009) turut mengkaji secara khusus aplikasi kontrak *murabahah* dalam perbankan Islam semasa. Bermula dari perkara-perkara asas berkaitan *murabahah*, penulis memperincikan perbincangannya kepada isu-isu dalam pelaksanaan kontrak *murabahah*. Antara isu yang ditimbulkan ialah berkaitan *murabahah lil amir bi al-syira'* seperti isu *muwa'adah*, rebate (*ibra'*) apabila hutang diselesaikan awal, hak manfaat dan penalti bayaran lewat hutang *murabahah*. Penulis turut membangkitkan isu *murabahah* dalam sukuk dan komoditi *murabahah*. Penulis tidak hanya melontarkan isu-isu sahaja tetapi menghuraikan isu-isu tersebut berdasarkan pandangan fuqaha klasik dan semasa seperti fatwa Akademi Fiqh Islam OIC dan pandangan ulamak AAOIFI.

Mohd Sabri (2009) turut menggunakan metode yang sama seperti Zaharuddin apabila beliau memfokuskan kajian hanya terhadap aplikasi kontrak *ijarah* dalam perbankan Islam semasa di peringkat lokal dan antarabangsa. Penulis memulakan perbahasan

dengan menghuraikan konsep *ijarah* menurut pandangan fuqaha klasik dan terma-terma khas berkaitan *ijarah* dengan terperinci. Beliau seterusnya memanjangkan perbincangannya kepada aplikasi *ijarah* dalam produk pembiayaan yang dilaksanakan di Bank Meezan Ltd Pakistan dan Dubai Islamic Bank (DIB). DIB merupakan bank Islam yang memperkenalkan pembiayaan *ijarah* berasaskan perkhidmatan (*ijarah al-khidmat*), yang menurut beliau adalah sama dengan operasi *al-bay' bithaman ajil* yang dilaksanakan di Malaysia. Penulis juga membincangkan aplikasi *ijarah* dalam perbankan Islam di Malaysia. Menurut beliau institusi perbankan Islam di Malaysia menawarkan produk sewa beli dalam pembiayaan yang dikenali sebagai *al-ijarah thumma al-bay'* (AITAB).

Hailani dan Sanep (2009), mengkaji aplikasi kontrak-kontrak dalam sistem kewangan Islam di Malaysia. Penulis menghuraikan kontrak-kontrak tersebut dari segi konsep, perundangannya dan pandangan fuqaha silam dan aplikasi kontrak-kontrak tersebut dalam perbankan Islam di Malaysia khususnya. Penulis turut menghuraikan dari aspek aplikasi beberapa kontrak yang digunakan dalam produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam seperti *wakalah*, *bay' al-dayn*, *murabahah* dan *kafalah* yang disertakan dengan ilustrasi tentang operasi kontrak-kontrak tersebut.

Penulis juga merujuk penulisan-penulisan dalam bahasa Arab yang berkaitan dengan pelaksanaan kontrak-kontrak khususnya terhadap produk-produk pembiayaan dalam sistem perbankan Islam. Hamdi (1996), mengkaji pelaksanaan *khitab al-daman* (surat jaminan bank) dalam perbankan Islam. *Khitab al-daman* yang diamalkan dalam

perbankan Islam berdasarkan prinsip *kafalah*. Antara persoalan yang ditimbulkan ialah keharusan mengambil upah (*ujrah*) ke atas akad *kafalah* kerana ia termasuk dalam akad *al-tabarru'at* (sukarela), sedangkan perbankan Islam mengenakan bayaran tertentu (*ujrah*) terhadap setiap transaksinya. Penulis membincangkan isu ini dengan membawa pandangan ulamak silam yang tidak membenarkan *ujrah* ke atas akad *kafalah* dan ulama moden yang mengharuskannya. Ulama moden mengharuskan perbankan Islam mengambil upah terhadap transaksi ini atas dasar usaha pihak bank, penat lelah pekerja dan urusan pentadbiran. Beliau membuat justifikasi bahawa, ulamak silam tidak membenarkan *ujrah* kerana ia berdasarkan akad *kafalah*, namun sekiranya berdasarkan akad *wakalah*, ianya diharuskan.

Mahyuddin (1996), dalam penulisannya *Al-I'timadat al-Mustanadiyyah* (Surat Kredit) membincangkan kontrak-kontrak yang digunakan dalam pelaksanaan Surat Kredit. Kontrak-kontrak yang digunakan ialah *murabahah*, *mudarabah* dan *musyarakah*. Beliau menghuraikan bagaimana pelaksanaan kontrak-kontrak tersebut ke atas Surat Kredit. Turut ditimbulkan ialah isu-isu yang berkaitan dengan pelaksanaan kontrak-kontrak ini iaitu isu pemilikan barang dan isu faedah yang dikenakan atas penangguhan bayaran yang dikenakan. Penulis mengemukakan beberapa cadangan penyelesaian bagi kedua-dua masalah yang ditimbulkan. Surat Kredit amat perlu terutamanya bagi urusan perdagangan di luar negara untuk memudahkan urusan pembelian serta mengimport barangan dari negara asing. Kemudahan ini termasuklah pembelian /import dan penjualan /eksport barangan seperti jentera berat, persetujuan di dalam pemegangan saham, alatan ganti, bahan mentah dan juga barangan separuh siap.

Muhammad (2001) melalui penyelidikannya *Al Muamalat al Maliyyah al Muasirah fi al Fiqh al Islami* membahaskan secara umum perbankan Islam kontemporari menurut fiqh Islam. Penyelidik juga mendatangkan fatwa-fatwa terkini tentang perbankan Islam dan contoh-contoh dokumen kontrak-kontrak yang diamalkan dalam sistem perbankan moden serta membuat penganalisan dari sudut sistem *muamalat* Islam.

Hammad (2001) membahaskan aspek fiqh dalam beberapa isu kewangan semasa yang berkaitan perbankan dengan mendatangkan pandangan fuqaha silam serta fatwa-fatwa terkini perbankan. Antara isu-isu fiqh yang dikupas dan dibincangkan ialah *bay' al-dayn*, isu *al-qabd al-hukmi* (pemilikan barang dari sudut hukum), dua jual beli dalam satu akad, pengambilan upah ke atas akad jaminan (*kafalah*), penangguhan membayar hutang dan sebagainya yang dibahas menurut pandangan mazhab fiqh dan pandangan ulama kontemporari sama ada dari Kesatuan Fiqh Sedunia atau resolusi-resolusi syariah yang dikeluarkan berkaitan isu-isu tersebut. Penulis turut meyenaraikan dalil-dalil dan hujjah yang kuat ketika membuat penganalisan terhadap isu-isu yang tersebut.

Asmadi (2006) dalam bukunya *Nazariyyat Faskh al-'Uqud fi al-fiqh al-Islami* mengkaji tentang teori-teori pembatalan sesuatu kontrak dalam Islam yang merangkumi kontrak *muamalat*, kontrak perkahwinan dan kontrak perjanjian. Menurut beliau pembatalan boleh berlaku ketika permulaan atau pertengahan (ketika berlangsung) sesuatu kontrak. Penulis turut menghuraikan bagaimana akad-akad jual beli, akad *salam*, akad *istisna'* dan akad *ijarah* boleh menjadi batal dengan wujudnya faktor-faktor penyebab seperti khiyar,

*iqalah*,<sup>16</sup> mufliis, keuzuran dan sebagainya. Kajian ini penting bagi penyelidik kerana kontrak-kontrak yang dilaksanakan dalam perbankan Islam tidak terlepas dari berlakunya faktor-faktor tersebut. Jika berlaku, status patuh syariah yang menjadi tunjang perbankan Islam boleh dipertikaikan.

Buku *Al-Muamalat al Maliyyah al Mu'asirah fi Daw'i al-fiqh wa al-Syariah* tulisan al Qal'ahji (2005) merupakan satu penyelidikan tentang kewangan dan perbankan Islam yang mencakupi perbincangannya berkaitan urusan perbankan Islam moden. Penyelidik membahas dengan mendalam kontrak-kontrak asas kewangan Islam, institusi kewangan Islam, kontrak-kontrak dalam perbankan Islam dan produk-produknya dan lain-lain yang berkaitan. Penyelidik turut membincangkan secara khusus produk pembiayaan perdagangan Islam seperti Surat Kredit dan surat jaminan bank dan prinsip syariah yang digunakan secara umumnya dalam sektor perbankan Islam semasa di negara-negara umat Islam.

Ahmad Irsyaid (2007) dalam penulisannya *Al-Syamil Fi Mu'amalat wa 'Amaliyyat al-Masarif al-Islamiyyah*" membincangkan dengan panjang lebar tentang perbankan Islam moden yang dilaksanakan di negara-negara umat Islam. Beliau membahaskan kontrak-kontrak yang terdapat dalam kitab-kitab fiqh muktabar dari berbagai pandangan mazhab dari segi konsep, penghujahan dan praktikalitinya dalam amalan perbankan Islam semasa. Beliau turut membincangkan tentang surat jaminan bank secara detail dan bagaimana pelaksanaannya dalam perbankan Islam kontemporari.

---

<sup>16</sup> Sebahagian daripada sebab-sebab pembatalan kontrak yang dipersetujui kedua-dua belah pihak penjual dan pembeli. Ia berlaku apabila pembeli memulangkan barang kepada penjual, manakala penjual memulangkan semula harga barang (Asmadi, 2006)

Isa (2007) dalam bukunya “*Nazariyyah al-Arbah fi al-Masarif al-Islamiyyah*” juga membahaskan dengan mendalam pelaksanaan kontrak-kontrak yang diamalkan dalam perbankan Islam moden. Kajian beliau juga memfokuskan tentang bagaimana sesuatu keuntungan dan faktor-faktornya yang diambil kira dalam perkhidmatan perbankan Islam dalam produk-produknya yang bersifat deposit atau pembiayaan yang turut merangkumi pembiayaan perdagangan. Contohnya bagaimana sesuatu keuntungan dikira dalam akad *mudarabah*, akad *murabahah* dan *syarikah*. Kajian ini menjelaskan kekeliruan tentang anggapan yang mengatakan bahawa keuntungan yang diambil oleh perbankan Islam terlalu tinggi dan membebankan pengguna.

Al-Daghi (2007) dalam bukunya “*Buhuth fi Fiqh al-Bunuk*” turut membincangkan isu untung rugi dalam perbankan Islam. Walaupun tiada nas yang menyebut dengan jelas kadar keuntungan, namun hakikatnya ia mestilah bersandarkan konsep keadilan dan masalah umum. Namun begitu ada hadis Nabi s.a.w yang menunjukkan bahawa baginda membenarkan keuntungan sehingga kepada kadar 100%. Beliau turut membincangkan beberapa kontrak-kontrak yang diamalkan dalam perbankan Islam semasa seperti *bay’ al-dayn*, *ijarah* dan *sukuk al-ijarah*. Disamping itu penulis turut membincangkan tentang aplikasi kaedah-kaedah fiqh (*legal maxim*) dalam perbankan Islam.

Abd Sattar (2007) menghimpunkan fatwa-fatwa tentang perbankan Islam dalam penulisannya “*al-Fatawa al-Syariyyah li Majmu’ah al-Barakah al-Masrafiyyah*”. Buku ini menghimpunkan fatwa-fatwa terkini yang menjawab isu-isu yang dibangkitkan berkaitan perbankan Islam dari sudut teori dan praktikalnya. Penyusun

membahagikannya kepada bab-bab mengikut kontrak-kontrak dan dihuraikan masalah-masalah yang berkaitan dengan pelaksanaan kontrak tersebut. Buku ini amat berguna kepada penyelidik untuk mengetahui status terkini tentang fatwa-fatwa berkaitan perbankan Islam.

Al-Zuhaily (2009) dalam penulisannya yang terkini tentang isu-isu *muamalat* iaitu *al-Muamalat al-Maliyyah al-Mu'asirah* membincangkan dengan terperinci kontrak-kontrak dalam fiqh *muamalat* dengan membahagikannya kepada dua kategori utama iaitu konsep-konsep asas *muamalat* yang merangkumi aspek akad, pembahagian jual beli, riba dan beberapa kontrak seperti *istisna'*, *murabahah*, *qard*, *rahn*, *wakalah*, *kafalah*, *hiwalah* *insuran* dan *saham*. Dalam bahagian yang kedua pula, penulis membincangkan aspek hukum fiqh terhadap aktiviti-aktiviti muamalah semasa. Antara bentuk-bentuk *muamalat* semasa yang dihuraikan oleh penulis ialah jual beli *salam*, jual-beli *taqsit* (ansuran), saham, nota-nota hutang, *ijarah muntahiyah bi al-tamlik*, *syarikat al-mudarabah*, kad kredit, pasaran modal dan beberapa lagi isu kontemporari. Penulis mengemukakan pandangan dan dalil fuqaha klasik dan kontemporari terhadap isu-isu syariah yang timbul terhadap aplikasi aktiviti muamalah tersebut.

Barghish (2009) dalam tesis Ph.d yang diterbitkan “*Khadamat al-Masarif al-Mu'asirah, Ahkamuha wa al-badail al-Syariyyah laha*” mengkaji kontrak-kontrak dalam aktiviti muamalah semasa yang dilaksanakan dalam perbankan Islam. Penulis menghuraikan secara terperinci aplikasi sesuatu kontrak dalam semua produk-produk perbankan Islam semasa. Sebagai contoh, penulis membincangkan Surat Kredit (*al-i'timad al-mustanadi*),

surat jaminan bank (*khitab al-daman*), nota hutang (*al-kambialah*), cek (*al-syik*), bil pertukaran (*al-sanad al-izni/ al-sanad li amr*), sukuk (*al-sukuk*), saham dan beberapa lagi aktiviti *muamalat* semasa. Penulis menghuraikan muamalah-muamalah moden tersebut dari aspek perlaksanaannya dalam sistem konvensional dan pandangan fuqaha klasik dan semasa terhadapnya. Kupasan mendalam oleh penulis menjadikan literatur ini amat bernilai untuk penyelidik khususnya kerana penulis banyak menyentuh aspek yang berkaitan pembiayaan perdagangan antarabangsa.

Za'tary (2010) mengkaji kontrak-kontrak dalam *muamalat* Islam menurut pandangan mazhab fiqh yang empat khususnya. Penulisan ini lebih berbentuk kontemporari kerana penulis menghuraikan dalam kajiannya tentang proses sesuatu kontrak itu dilaksanakan dalam produk-produk perbankan Islam. Beliau turut membahaskan dengan terperinci isu-isu syariah yang berbangkit dengan mengemukakan hujah dan dalil-dalil para fuqaha terhadap isu yang dikemukakan. Sebagai contoh penulis menghuraikan aplikasi kontrak *kafalah* dalam *khitab al-daman (bank guarantee)* dan hukum pengambilan *ujrah* ke atas kontrak *kafalah* menurut pandangan mazhab fiqh yang empat. Kajian ini amat berguna kepada penyelidik khususnya ketika membandingkan pelaksanaan sesuatu kontrak dari aspek fiqh dalam produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam.

## **2.5 Pematuhan Terhadap Syariah (*syariah compliant*)**

Terdapat juga pengkaji-pengkaji yang membuat penyelidikan dari aspek pematuhan sesuatu produk perbankan itu terhadap syariah (*syariah compliant*). Literatur dan kajian dalam perkara ini amat penting agar produk-produk yang ditawarkan oleh bank-bank

Islam adalah menepati kehendak syariah (*syariah compliant*). De Lorenzo (2008), menghuraikannya sebagai satu proses untuk memastikan sesuatu produk kewangan atau perbankan itu menepati undang-undang dan kontrak-kontrak dalam fiqh Islam mulai dari peringkat perancangannya sehinggalah kepada perlaksanaannya. Ianya adalah untuk memastikan sesuatu produk perbankan atau institusi kewangan Islam itu halal.

Saiful Azhar (2008) merumuskan bahawa berdasarkan amalan semasa, penentuan sesuatu produk perbankan itu menepati syariah atau tidak ditentukan oleh pakar-pakar syariah. Abdul Rahim (2008) menjelaskan kebiasaannya pakar-pakar syariah ini terdiri daripada Majlis Penasihat Syariah (*Syariah Advisory Council*), Badan Pengawasan Syariah (*Syariah Supervisory Board*) atau Jawatankuasa Pengawasan Syariah (*Syariah Supervisory Committee*) yang bertindak sebagai penasihat atau penyelia kepada aktiviti perbankan Islam. Menurut beliau lagi, di Malaysia Majlis Penasihat Syariah Kebangsaan (NSAC) merupakan badan yang mempunyai autoriti untuk menasihati Bank Negara Malaysia dan juga mempunyai kuasa mengeluarkan fatwa-fatwa berkaitan perbankan Islam dan Takaful.

Selwood (2009) pula menyatakan walaupun tidak ada satu autoriti yang khusus di peringkat antarabangsa dalam persoalan-persoalan yang berkaitan syariah, namun terdapat tiga organisasi dalam bidang kewangan Islam yang biasanya menjadi rujukan dalam isu-isu berkaitan syariah. Organisasi yang pertama ialah Akademi Fiqh Islam (*Islamic Fiqh Academy*) yang diasaskan di Jeddah pada tahun 1974 oleh OIC yang berfungsi menghuraikan isu-isu syariah yang timbul dalam pelbagai aspek kehidupan

Muslim kontemporari. Organisasi kedua ialah *Accounting and Auditing Organisation for Islamic Finance Institutions* (AAOIFI), berpusat di Bahrain yang merangka garis panduan yang *standard* untuk dipatuhi oleh industri kewangan Islam dalam bidang perbankan, takaful, sekuriti dan sebagainya.

Menurut Selwood (2009) lagi, garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak AAOIFI menjadi rujukan kebanyakan institusi kewangan Islam untuk memastikan produk-produk mereka patuh kepada syariah. Walaupun begitu, organisasi ini (AAOIFI) belum dikira sebagai badan utama (*appellate authority*) dalam institusi kewangan Islam. Organisasi ketiga yang dimaksudkan oleh Selwood (2009) merujuk kepada negara-negara umat Islam yang mempunyai institusi-institusi agama yang diurus tadbir sendiri oleh mereka seperti Malaysia. Di Malaysia, pihak Bank Negara Malaysia telah menubuhkan Majlis Penasihat Syariah Kebangsaan pada 1 Mei 1997 yang mengawasi perjalanan sistem perbankan Islam, takaful dan bidang-bidang kewangan Islam yang lain.

Menurut Abdul Rahim (2008), secara umumnya pematuhan terhadap syariah (*syariah compliant*) terbahagi kepada dua iaitu *ex-ante compliance* dan *ex-post compliance*. *Ex-ante Syariah Compliance* merujuk kepada pengawasan yang dilakukan oleh Majlis Penasihat Syariah untuk memastikan pihak bank dan institusi kewangan mematuhi garis panduan syariah ketika merangka sesuatu kontrak, pelaksanaannya, sehinggalah kepada pelaksanaan syarat-syarat kontrak tersebut. Menurut Abdul Rahim (2008) lagi, proses *ex-post syariah compliance* pula hanya dilaksanakan oleh segelintir bank atau institusi kewangan tidak sepertimana proses *ex-ante compliance*. Hal ini disebabkan prosesnya

adalah lebih menyeluruh dan komprehensif kerana melibatkan proses pengauditan syariah (*review and check*) terhadap sesuatu kontrak selepas perlaksanaannya. Laporan pengauditan pula akan dilaporkan kepada pihak pengurusan atasan institusi terbabit.

Zaharuddin (2006), turut menjelaskan bahawa sesuatu produk perbankan tidak boleh diluluskan kecuali setelah mendapat kelulusan pihak pengawasan syariah. Hal ini adalah untuk memastikan produk tersebut mematuhi garis panduan syariah. Proses pengauditan syariah ini akan terus berjalan walaupun setelah sesuatu produk itu dipasarkan demi untuk memastikan perlaksanaannya benar-benar mematuhi syariah. Perkara ini amat penting bukan sahaja kerana faktor agama tetapi atas sebab perniagaan kerana pelanggan-pelanggan perbankan Islam mempunyai keyakinan yang lebih terhadap produk-produk yang telah diluluskan oleh penasihat syariah.

Saiful Azhar (2008), menegaskan bahawa proses pematuhan terhadap syariah dalam institusi kewangan Islam perlu konsisten dalam empat parameter (pendekatan) berikut iaitu akad (*aqad approach*), *maqasid* syariah, perakaunan dan laporan kewangan (*accounting and financial reporting approach*) dan pendekatan dokumentasi perundangan terhadap sesuatu kontrak (*legal documentation of contract approach*) . Menurut beliau lagi, keempat-empat parameter di atas perlu dilaksanakan secara konsisten untuk memastikan tercapainya proses pematuhan terhadap syariah. Sebagai contoh, apabila kontrak *murabahah/BBA* didapati sah melalui pendekatan *aqad*, maka kaedah perakaunan dan laporan kewangan seharusnya dapat menunjukkan bahawa di peringkat awalnya, bank merupakan pemilik sesuatu aset sebelum penjualan dilakukan

secara *murabahah*. Objek untuk diniagakan itu perlu direkodkan sebagai aset tetap untuk satu jangka masa khusus di dalam baki penyata bank. Oleh itu, apabila penjualan secara *murabahah* berlaku, dengan rasminya bank bertanggung jawab ke atas kerugian yang dialami.

Saiful Azhar (2008) turut menegaskan bahawa kaedah dokumentasi perundangan ke atas sesuatu kontrak sepatutnya dapat menunjukkan bukti bahawa proses perpindahan hak milik daripada vendor kepada bank dan daripada bank kepada pelanggan melalui proses pendaftaran hak milik yang betul. Proses jual beli yang dijalankan itu seharusnya menawarkan perlindungan undang-undang kepada pelanggan jika aset yang diterima itu dalam keadaan rosak. Pihak bank juga perlu mendapatkan perlindungan daripada mahkamah jika pelanggan engkar kepada perjanjian menjelaskan hutang melalui pembiayaan secara *murabahah*. Pendekatan secara *maqasid* pula seharusnya dapat menjelaskan bahawa kontrak *murabahah* adalah bebas dari unsur-unsur riba. Empat pendekatan yang dikemukakan oleh beliau secara idealnya akan membawa kepada pelaksanaan perbankan Islam yang benar-benar patuh kepada syariah. Dalam penyelidikan ini, penyelidik hanya akan memfokuskan kepada dua pendekatan utama iaitu pendekatan akad dan *maqasid* syariah sahaja kerana kedua-duanya berkaitan dengan bidang kajian penyelidik.

## 2.6 Maqasid Syariah

Allah s.w.t menurunkan syariatNya bertujuan untuk memelihara kemaslahatan hidup manusia dalam segenap aspek termasuklah bidang kewangan dan perbankan Islam yang menjadi fokus kajian ini. Perkara inilah yang dinamakan oleh sarjana Islam sebagai matlamat akhir syariat Islam atau “*maqasid syariah*”. Perbincangan tentang teori *maqasid syariah* dipelopori oleh Imam al-Syatibi menerusi karangannya yang terkenal iaitu *al-Muwafaqat* (1991). Penyelidik beranggapan, adalah amat perlu untuk memahami dan meneliti prinsip *maqasid syariah* ini agar setiap perkara khususnya transaksi yang berlaku dalam aktiviti kewangan dan perbankan Islam tidak menyimpang dari konsep dan halatujunya yang sebenar.

*Maqasid syariah* merupakan istilah bahasa Arab yang menggabungkan dua perkataan iaitu *maqasid* dan *syariah*. *Maqasid* ialah perkataan jamak (plural) bagi perkataan *al-maqsad* yang bermaksud tujuan atau maksud. Asal perkataan ini (*al-maqsad*) dalam bahasa Arab ialah *al-qasd* yang bermaksud menuju, arah, berjalan lurus atau memecahkan. Perkataan *al-qasd* juga bermaksud tongkat, yang banyak memberi faedah kepada manusia iaitu membantunya dan menuntunnya ketika berjalan (Al-Fayruz, 1997, Al-Hasani, 1995).

Walaupun prinsip *maqasid syariah* ini telah diperkatakan oleh para ulama (usul fiqh) sejak zaman awal lagi, namun tiada definisi yang khusus tentang konsep ini. Apa yang ada hanyalah kenyataan-kenyataan secara umum yang menyentuh prinsip berkenaan atau hal-hal yang berkait dengannya sahaja (al-Ghazali, t.t). Menurut al-Raisuni (1995) dan al-

Yubi (1998), definisi khusus yang paling awal tentang *maqasid syariah* ini dibuat oleh Ibn ‘Asyur (1366H). Beliau mendefinisikan *maqasid syariah* sebagai “ pengertian dan rahsia yang dapat difahami daripada syariah Islam dalam keseluruhan atau sebahagian besar proses pensyariatannya”. Selain itu, terdapat satu lagi definisi yang hampir sama dikemukakan oleh al-Fasi (1966) iaitu “tujuan dan rahsia yang ditentukan oleh syariat Islam dalam menentukan setiap hukum di dalamnya”. Kedua-dua pengertian ini menjelaskan bahawa yang dikatakan *maqasid syariah* itu adalah objektif dan matlamat yang ditentukan oleh syariat Islam untuk dicapai bagi masalah dan kepentingan kehidupan manusia.

Oleh yang demikian, kita mendapati segala bentuk suruhan dan larangan Allah s.w.t dalam al-Quran dikaitkan dengan tiga unsur asasi (prioriti) iaitu yang dinamakan oleh ulama sebagai *al-daruriyyat*, *al-hajiyat* dan *al-tahsiniyat* (al-Syatibi, 1991). *Al-daruriyyat* merupakan perkara-perkara yang mesti wujud untuk menegakkan kepentingan agama dan dunia. Pengabaian terhadap unsur ini bakal memberi impak yang besar terhadap kehidupan manusia di dunia dan akhirat (al-Syatibi, 1991). Sarjana Islam menegaskan bahawa perkara-perkara utama yang termasuk dalam kategori *al-daruriyyat* ini adalah menjaga nyawa, menjaga agama, menjaga keturunan, menjaga harta dan menjaga akal. Para ulama menamakannya sebagai *al-daruriyyat al-khamsah* atau *usul al-khamsah* (Qahf, 2011). Dalam sesetengah situasi, kita mendapati syariat menjelaskan dengan terperinci bagaimana untuk menjaga harta seperti bertransaksi dalam hutang piutang (*al-mudayanah*), harta pusaka dan hukuman yang dikenakan kepada pencuri. Keterangan yang terperinci ini menunjukkan bahawa syariat Islam menentukan bukti-bukti yang

boleh digunakan apabila berlaku pertikaian dan perselisihan antara pihak-pihak yang berkontrak (Asmadi, M. Yazid dan M. Liki, 2013).

Sarjana Islam juga mengkhususkan pengkajian mereka tentang *maqasid syariah* dalam kontrak-kontrak kewangan Islam iaitu dengan menyatakan bahawa kontrak-kontrak tersebut mempunyai objektifnya yang tersendiri yang dinamakan sebagai *maqasid juz'i*. Ia bermaksud matlamat khusus pensyariatan sesuatu hukum oleh Allah s.w.t (al-Hasani, 1995). Sebagai contoh, pensyariatan kontrak jaminan (*kafalah*) yang bertujuan untuk menjamin hutang adalah untuk memelihara kepentingan dan hak pihak yang memberi hutang (Asmadi *et al.*, 2013). Hal yang sama juga boleh dikaitkan dengan pensyariatan kontrak-kontrak yang lain seperti jual-beli, sewaan, perkongsian dan lain-lain yang mempunyai objektif dan matlamat pensyariatannya yang tersendiri.

Literatur berkaitan *maqasid syariah* amat penting untuk membantu penyelidik melihat aspek matlamat dan objektif hukum syarak khususnya yang berkaitan dengan kewangan Islam. Pensyariatan kontrak-kontrak seperti jual beli, *musyarakah*, *kafalah* dan sebagainya mempunyai objektifnya yang tersendiri iaitu untuk memelihara dan membantu kehidupan manusia demi untuk kemaslahatan hidup mereka.

## **2.7 Penutup**

Kesimpulannya, literatur-literatur di atas secara langsung dan tidak langsung amat membantu penyelidik dalam kajian ini. Memang tidak dinafikan literatur berkaitan perbankan Islam secara umum memang banyak, namun yang berkaitan secara khusus

dengan kajian penyelidikan iaitu pembiayaan perdagangan agak sukar didapati. Kajian ini merupakan satu kajian baru yang memfokuskan dari aspek aplikasi kontrak-kontrak dalam produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam yang dilaksanakan dalam sistem perbankan Islam di Malaysia.

## **BAB TIGA**

### **METODOLOGI**

#### **3.0 Pendahuluan**

Penyelidikan adalah satu proses yang sistematik untuk mencari jawapan atau pengetahuan baru kepada persoalan atau masalah-masalah tertentu. Idris (2001), menegaskan bahawa penyelidikan juga dijalankan untuk mencari jawapan kepada suatu persoalan yang sebelum ini tiada. Penyelidikan adalah satu tatacara teratur yang hasilnya membolehkan penambahan ilmu pengetahuan. Penyelidikan juga dilakukan mengikut langkah-langkah tertentu, khas bagi mendapatkan maklumat serta menjawab persoalan yang dibangkitkan (Syed Arabi, 1992). Dengan kata lain, proses yang dilalui dalam melaksanakan sesuatu penyelidikan merupakan suatu proses penyelesaian masalah atau mencari jawapan kepada sesuatu masalah atau tanda tanya.

#### **3.1 Pemilihan Kaedah Kajian**

Dari sudut rupa bentuk datanya, penyelidikan boleh dilihat dari dua sudut iaitu penyelidikan kuantitatif dan penyelidikan kualitatif. Punch (1998) merumuskan perbezaan antara kedua-dua jenis penyelidikan ini dengan menyatakan bahawa penyelidikan kuantitatif merupakan penyelidikan empirikal yang melibatkan pemerolehan data dalam bentuk nombor, manakala penyelidikan kualitatif ialah penyelidikan empirikal yang datanya bukan dalam bentuk nombor. Menurut Descombe (2003) dan Merriam (1988), kebiasannya dalam mana-mana penyelidikan sains sosial, dua kaedah utama digunakan iaitu kaedah kualitatif dan kuantitatif. Kaedah kualitatif merujuk kepada proses penerokaan dan rumusan terhadap pembinaan dan perkembangan

sesuatu bidang ilmu tertentu manakala kaedah kuantitatif pula merujuk kepada penyelidikan yang bersifat analisis perangkaan dan diagnosis dengan menggunakan uji kaji soal selidik sebagai proses untuk mendapatkan maklumbalas terhadap sesuatu perkara. Siti Hawa dan Santhiram (2001) pula menegaskan bahawa penyelidikan kualitatif menitikberatkan kepada proses dan tiada hipotesis yang akan dibentuk atau diuji.

Bagi sesuatu kajian dan penyelidikan ilmiah secara kualitatif, terdapat beberapa jenis dan bentuk penyelidikan yang boleh digunakan. Denzin dan Lincoln (2000) menyenaraikan lapan jenis penyelidikan kualitatif iaitu kajian kes, etnografi, fenomenologi, *grounded theory*, penyelidikan biografi, penyelidikan sejarah, penyelidikan klinikal dan penyelidikan peserta (*participatory research*). Idris (2001) merumuskan beberapa bentuk penyelidikan kualitatif antaranya kajian perpustakaan (*library research*), kajian lapangan (*field research*) dan kajian Makmal (*laboratory research*), kajian pembentukan teori, kajian etnografi, kajian perbandingan, kajian teks, kajian kemungkinan dan kajian tinjauan. Istilah yang digunakan oleh pengkaji-pengkaji kualitatif dalam menerangkan bentuk-bentuk penyelidikan kualitatif adalah berbeza, namun ia membawa kepada pengertian dan maksud yang sama.

Penyelidikan kualitatif menekankan pembinaan makna, pemahaman konsep atau simbol dan istilah atau penerangan terperinci tentang sesuatu kejadian, objek atau proses (Tuckman, 1999, Berg, 1989). Untuk membolehkan penyelidik kualitatif memperolehi maklumat dan data yang mendalam dan terperinci, Burns (2000) menyarankan agar

penyelidik mengekalkan hubungan yang baik dengan peserta penyelidikan di samping memastikan aktiviti dalam persekitaran sumber data adalah terkawal. Tindakan ini bukan sahaja membolehkan seseorang penyelidik memahami dan melihat sesuatu dari perspektif ‘orang dalam’, malah dapat mengenal pasti dan memahami kerumitan dan ketidakketaraan yang biasanya tidak dapat dikenal pasti apabila satu sukatan yang lebih piawai digunakan.

Berdasarkan kesesuaian dan bentuk kajian yang bakal dilakukan maka penyelidik memilih untuk menggunakan kaedah penyelidikan secara kualitatif. Rasionalnya, penyelidik berpendapat, kajian kualitatif ini sesuai bagi sesuatu kajian yang tidak berasaskan kepada hipotesis dan mampu membentuk suasana yang lebih kondusif dan kajian boleh dijalankan secara lebih *natural*. Selain itu, dalam kajian ini penyelidik juga mengumpulkan bahan-bahan bercetak dan dokumentasi khususnya buku-buku, kitab-kitab *turath* (warisan Islam) karangan fuqaha silam, jurnal-jurnal, kertas kerja dan dokumen-dokumen bercetak yang lain untuk meninjau doktrin-doktrin yang berkaitan dengan kajian ini. Kandungan bahan-bahan yang dinyatakan di atas akan dinilai dan dianalisis secara kualitatif kerana kesuaiannya dengan bentuk bahan-bahan tersebut.

### **3.2 Pengumpulan Data Kajian**

Kajian ini menggunakan dua teknik pengumpulan data iaitu kaedah penyelidikan perpustakaan dan juga penyelidikan lapangan. Metodologi ini dipilih kerana bertepatan dengan bentuk kajian yang dijalankan dan dapat membantu ke arah mencapai objektif yang ditetapkan. Perlaksanaan dan langkah-langkah penyelidikan yang akan dijalankan oleh penyelidik adalah seperti yang berikut :

- i. Penentuan permasalahan dan objektif kajian
- ii. Peringkat pengumpulan data (kajian perpustakaan dan kajian lapangan)
- iii. Peringkat analisis data
- iv. Peringkat merumuskan hasil kajian

### **3.2.1 Kaedah Penyelidikan Perpustakaan**

Kaedah atau metodologi ini memerlukan penyelidik membuat kajian perpustakaan iaitu penyelidik mencari bahan-bahan yang berkaitan dengan merujuk kajian-kajian terdahulu, kertas-kertas kerja, jurnal-jurnal, teks-teks *turath* dan buku-buku yang berkaitan dengan tajuk kajian. Oleh itu, penyelidik mencari bahan-bahan berkenaan di Perpustakaan Sultanah Bahiyah, Universiti Utara Malaysia (UUM), Perpustakaan Awam Negeri Kedah, Perpustakaan Universiti Malaya (UM), Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) serta Perpustakaan Kolej Universiti Insaniah (KUIN), Kedah dan lain-lain. Penyelidik mengumpul data-data yang dikehendaki yang berbentuk pandangan fuqaha silam dari mazhab yang empat khususnya berkaitan kontrak-kontrak *muamalat* yang berkaitan seperti *murabahah*, *mudarabah*, *bay' al-dayn* dan sebagainya. Kemudian penyelidik mengumpulkan pula pandangan fuqaha kontemporari tentang kontrak-kontrak yang berkaitan dan isu-isu syariah yang berbangkit.

Bahan-bahan khusus berkaitan dengan produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam diperolehi di bank-bank Islam yang menawarkan produk-produk berkenaan. Bahan-bahan diperolehi secara terus daripada pegawai-pegawai berkenaan dan melalui laman sesawang (*website*) bank-bank Islam tersebut. Selain itu, penyelidik juga

merujuk kepada sumber-sumber yang terdapat di institusi-institusi yang berkaitan dengan perbankan Islam seperti Islamic Banking and Finance Institute Malaysia (IBFIM), International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF), International Syariah Research Academy for Islamic Finance (ISRA), Malaysia International Islamic Financial Centre (MIFC), Bank Negara Malaysia (BNM) dan Accounting and Auditing Organization for Islamic Institutions (AAOIFI).

Mendapatkan maklumat dan informasi dari internet memang tidak dapat dinafikan lagi dalam zaman siber ini. Penyelidik berusaha mendapatkan maklumat tentang bank-bank dan perkhidmatan yang ditawarkan menerusi laman sesawang bank-bank berkaitan yang sentiasa dikemaskinikan. Laman sesawang (*website*) BNM juga amat berguna bagi penyelidik untuk mendapatkan maklumat yang terkini tentang operasi perbankan Islam di Malaysia. Penyelidik juga menggunakan metode historis untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan latarbelakang sejarah tentang penubuhan perbankan Islam di Malaysia dan operasinya hingga mendapat sambutan yang amat menggalakkan hingga kini. Metode ini perlu diketengahkan untuk mendapatkan informasi yang jelas tentang perbankan Islam di Malaysia. Disamping itu metode ini juga digunakan oleh penyelidik untuk meneliti aspek perundangan berkaitan perbankan Islam seperti *Islamic Banking Act* (1983) dan *Banking and Finance Institution Act* (BAFIA) 1989 .

### **3.2.2 Kaedah Penyelidikan Lapangan**

Penyelidikan lapangan boleh dilihat sebagai suatu pendekatan menyeluruh penyelidikan kualitatif atau sebagai kaedah pengumpulan data kualitatif (Noraini, 2010). Hal ini

bermaksud penyelidik akan turun padang untuk membuat pemerhatian secara *in situ* terhadap fenomena yang diselidiki. Penyelidik mengambil nota secara intensif (semasa pemerhatian), menjadi pemerhati dan merekodkan perlakuan manusia lain, tempat, organisasi atau konteks yang hendak diselidiki. Data itu kemudiannya dikod dan dianalisis dengan menggunakan pelbagai cara.

Dalam kajian ini, penyelidik mendapatkan maklumat daripada bank-bank Islam di Malaysia yang berjumlah enam belas buah<sup>17</sup> untuk mengkaji tentang perkhidmatan pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam dan operasinya di bank-bank tersebut. Maklumat tersebut diperolehi melalui laman sesawang bank-bank berkenaan. Penyelidik melakukan kajian lapangan terhadap lima buah bank yang dipilih berdasarkan kriteria-kriteria tertentu. Perkara ini dilakukan oleh penyelidik untuk mendapatkan data-data premier daripada bank-bank terpilih berkaitan pelaksanaan pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam dan isu-isu syariah yang berbangkit.

Penyelidik menggunakan beberapa metode untuk memperoleh maklumat-maklumat ketika penyelidikan lapangan dilakukan. Metode-metode tersebut ialah:

### **3.2.2.1 Metode Temu Bual (*Interview*)**

Temu bual merupakan satu kaedah pengumpulan data yang melibatkan aktiviti seorang penyelidik menyoal untuk mendapatkan jawapan-jawapan atau *respons* yang dihajati daripada responden atau peserta penyelidikan (Robson, 2002). Punch (2001) menyatakan bahawa kaedah temu bual membolehkan penyelidik mengakses persepsi responden,

---

<sup>17</sup> <http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=13&cat=banking&type=IB&fund=0&cu=0>. 18/04/2012

makna atau pemahaman yang dibina oleh responden, takrifan responden tentang sesuatu situasi dan konstruk realiti dunia seperti yang dilihat dan dialami oleh responden. Melalui kaedah ini, penyelidik boleh bertanya dengan lebih terperinci tentang aspek yang sedang diselidiki, terutamanya isu berkaitan perasaan, pendapat mahupun fakta dengan lebih mendalam yang lazimnya tidak mampu diperolehi melalui tadbiran kaedah tinjauan, ujian atau lain-lain kaedah yang menggunakan pendekatan kuantitatif.

Minichiello *et al.* (1990) membahagikan kaedah temu bual kepada tiga iaitu temu bual berstruktur, temu bual separa berstruktur dan temu bual tidak berstruktur. Kajian ini menggunakan kaedah temu bual berstruktur dan juga separa berstruktur dengan pegawai-pegawai syariah bank-bank dan pegawai-pegawai pembiayaan perdagangan antarabangsa di bank-bank yang berkaitan. Tujuannya adalah untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan seperti operasi pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam, isu-isu yang berlaku khususnya dari aspek syariah dan lain-lain. Temu bual berstruktur bermaksud melibatkan penjadualan soalan yang ketat, apabila seseorang penyelidik akan bertanyakan setiap responden penyelidikan soalan-soalan yang sama dengan gaya atau cara yang sama (Noraini, 2010). Temu bual separa berstruktur pula menurut Robson (2002) adalah hampir sama dengan temu bual berstruktur, iaitu soalan yang hendak diajukan kepada responden akan digubal terlebih dahulu. Walaupun bagaimanapun, urutan soalan, cara soalan diajukan dan bentuk soalan boleh berubah-ubah, bergantung kepada reaksi dan tindak balas yang diberi oleh peserta penyelidikan. Dalam erti kata lain, temu bual separa berstruktur ini lebih fleksibel kerana tidak terlalu terikat secara rigid dengan soalan yang disediakan.

Penyelidik juga menemubual tenaga-tenaga akademik dari universiti-universiti tempatan yang mempunyai kepakaran dalam perbankan Islam seperti Prof. Joni Tamkin bin Borhan dari Akademi Pengajian Islam, UM dan Dr Mohamad Akram bin Laldin dari ISRA. Di samping itu, penyelidik juga mendapatkan pandangan jawatankuasa Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia iaitu Dr Mohd Daud b Bakar serta panel penasihat syariah bank-bank yang terlibat tentang isu yang dikaji. Sesi temu bual tersebut turut dilakukan secara berulang-ulang kali mengikut keperluan bagi mendapatkan maklumat tambahan dan penjelasan tentang permasalahan tertentu.

Di samping itu, penyelidik merujuk dan mendapat maklumat tentang isu yang dikaji dari institusi-institusi yang terlibat secara langsung dengan perbankan Islam seperti Islamic Banking and Finance Institute of Malaysia (IBFIM) dan Malaysia International Islamic Financial Centre (MIFC). Sesi temu bual dijalankan melalui beberapa kaedah terkini seperti temu bual secara emel dan sebagainya. Sebelum sesi temu bual dijalankan, penyelidik akan menghubungi pihak-pihak yang terlibat untuk memohon kebenaran secara rasmi. Tanpa kebenaran pihak-pihak terlibat, sesebuah penyelidikan bukan sahaja berkemungkinan besar akan didakwa tidak beretika dalam usaha pengumpulan datanya, malah dapatan yang diperolehi juga boleh dipertikaikan kesahihannya.

Setiap temu bual dengan responden-responden yang dinyatakan di atas dirakam dan dipindahkan ke bentuk tulisan secara transkripsi. Mereka juga dimaklumkan bahawa sesi temu bual dirakam dan perbualan mereka dengan penyelidik adalah dirahsiakan dari pengetahuan pihak lain. Semasa sesi temu bual berlangsung, penyelidik sentiasa

memainkan peranan yang neutral dalam memberikan pandangan serta tidak menghukum atas sesuatu isu (Patton, 1987). Penyelidik juga sentiasa menggalakkan responden memberikan pandangan dan menjelaskan semua jawapan kepada soalan-soalan tanpa membuat penambahan atau tokok tambah bagi membolehkan data tersebut dianalisis secara objektif (Strauss, 1987).

Penyelidik juga menyediakan protokol temu bual terlebih dahulu sebelum sesi sebenar dijalankan agar proses temu bual berjalan dengan lancar. Protokol temu bual merangkumi tiga peringkat iaitu membina soalan temu bual, mengatur soalan dan menguji rintis soalan untuk mengetahui kelemahan dan kekurangan soalan yang dibina.

### **3.2.2.2 Metode Analisis Dokumen (*Document Analysis*)**

Metode Analisis Dokumen ialah cara pengumpulan data dengan melakukan kajian terhadap dokumen-dokumen yang ada hubungan dengan masalah kajian. Dokumen itu termasuklah sumber-sumber, potret, kumpulan undang-undang, autobiografi, surat-surat peribadi, buku-buku catatan harian, memori, surat khabar dan cerita rakyat (Imam Bernadib, 1982). Antara dokumen yang dirujuk oleh penyelidik berkaitan dengan kajian ini adalah kertas-kertas kerja persidangan, dokumen –dokumen produk pembiayaan perdagangan antarabangsa seperti Surat Kredit, Surat Jaminan Bank dan sebagainya, surat *wakalah*, dokumen-dokumen kontrak yang berkaitan yang dibenarkan oleh bank dan tidak menyalahi peraturan dan undang-undang yang ditetapkan.

### 3.3 Sampel Kajian

Sampel dalam penyelidikan ialah kumpulan yang menjadi sumber informasi yang diperlukan oleh penyelidik. Menurut Creswell (2008), sampel bagi penyelidikan bercorak kualitatif berbeza daripada sampel penyelidikan kuantitatif kerana sampel kuantitatif diambil mewakili populasi dan tempat penyelidikan dijalankan, manakala sampel kualitatif menggunakan persampelan bertujuan (*purposeful sampling*). Persampelan bertujuan (turut digelar *judgement sampling*) melibatkan pertimbangan individu untuk memilih sampel, iaitu berdasarkan pengetahuan penyelidik dan objektif khusus penyelidikan. Ia juga bertujuan memastikan keupayaan sampel-sampel yang dipilih ini membekalkan kes yang “kaya” dengan maklumat (*information rich*) tentang masalah yang dikaji (Patton, 1990).

Dalam kajian ini, penyelidik memperolehi informasi berkaitan pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam secara umum melalui 16 buah bank-bank Islam yang terdapat di Malaysia. Maklumat yang diperolehi ialah tentang produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam yang ditawarkan serta kontrak-kontrak yang diaplikasikan untuk produk-produk berkenaan. Pemilihan terhadap 16 buah bank-bank Islam berkenaan ialah berdasarkan persampelan bertujuan kerana ia berkaitan dengan tajuk kajian penyelidik serta tujuan khusus penyelidikan. Seterusnya, penyelidik memilih 5 buah sahaja daripada bank-bank Islam berkenaan untuk kajian secara khusus bagi menjawab sebahagian lagi persoalan kajian.

Dari sudut bilangan sampel, Patton (1990) tidak memberikan jumlah kes yang tepat untuk digunakan dalam penyelidikan secara kualitatif, namun beliau mencadangkan sampel dipilih secara bermatlamat (*purposeful sampling*). Namun begitu terdapat penulis-penulis lain seperti Eisenhardt (1989) dan Lincoln dan Guba (1985) telah mencadangkan antara empat hingga dua belas kes berdasarkan kos yang tinggi yang mungkin diperlukan. Sementara itu, Miles dan Huberman (1994) berpendapat bahawa sampel yang melebihi lima belas akan menjadikan sesuatu kajian itu sukar dikendalikan. Secara keseluruhannya, Perry (1998) menyimpulkan bahawa bilangan sampel yang diterima pakai dalam membuat kajian kualitatif sebegini adalah antara dua hingga sepuluh atau dua belas malah jumlah tertinggi ialah lima belas.

Mengambil kira pandangan Perry (1998) dan pandangan penulis-penulis lain, penyelidik memilih lima buah bank Islam sebagai sampel dalam kajian ini kerana kesesuaiannya dan boleh membantu penyelidik ke arah mencapai objektif yang dikehendaki. Walaupun sampel yang dipilih oleh penyelidik adalah kecil, namun pandangan Glasser dan Strauss (1967) dijadikan asas oleh penyelidik. Glasser dan Strauss menerangkan bahawa nilai sesuatu kajian yang menggunakan sampel bertujuan yang bersaiz kecil adalah ditentukan oleh sejauh mana ia “*sesuai dan mencapai tujuan*” kajian. Selain itu, maklumat yang perlu dikumpul oleh penyelidik juga adalah banyak dan mendalam melalui dokumentasi, teks-teks *turath*, laporan bank, pemerhatian dan juga temu bual, maka sampel kajian yang kecil ini adalah sesuai.

Berdasarkan literatur-literatur di atas dan kajian lalu yang berkaitan dengan kajian penyelidikan seperti disertasi Syariah, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya oleh Hydzulkifli (2004) yang membuat kajian perbandingan antara Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) dan Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) tentang pembiayaan perdagangan Islam, maka penyelidik memilih 5 bank Islam berikut untuk dijalankan kajian secara terperinci iaitu:

- i. Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)
- ii. Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB)
- iii. Kuwait Finance House (KFH)
- iv. RHB Islamic Bank Berhad.
- v. Maybank Islamic Berhad

Bank-bank tersebut dipilih berdasarkan kriteria-kriteria tertentu yang sesuai dan mencapai matlamat kajian. Romana (1989) menjelaskan rasional pemilihan ini dengan menyatakan bahawa “keputusan adalah terletak pada penyelidik sendiri”.

BIMB dipilih kerana berdasarkan tempoh masa penubuhannya iaitu melebihi 10 tahun yang boleh dianggap mencapai kemandirian dan kematangan dalam pengurusan dan perkhidmatannya. Sebagai *full fledge Islamic bank*, sudah tentu bank ini mempunyai reputasi yang tinggi dalam menawarkan produk-produk yang berlandaskan kontrak-kontrak secara Islam. Bank Muamalat Malaysia Berhad dipilih sebagai responden atas kedudukannya sebagai *full fledge Islamic bank* kedua di Malaysia Pemilihan KFH pula kerana matlamat penyelidikan untuk mengetahui dan menganalisis perjalanan dan

perlaksanaan perbankan Islam yang mengikut *standard* atau piawaian antarabangsa dalam operasinya. Situasi ini didapati telah mewujudkan perbezaan antara KFH dan bank-bank Islam lain dari segi penggunaan kontrak-kontrak dan juga penawaran produk-produk mereka. Penyelidik memilih RHB Islamic Bank Berhad dan Maybank Islamic Berhad kerana kedua-dua bank ini termasuk dalam kategori bank-bank yang baru menawarkan produk-produk yang berlandaskan syariah sepenuhnya yang sebelum ini dikenali sebagai “tetingkap perbankan Islam” (*Islamic windows*). Kedua-dua bank ini, walaupun menawarkan perbankan secara Islam, namun statusnya masih berada di bawah pengurusan kumpulan perbankan konvensional. RHB Islamic Bank Berhad berada di bawah pengurusan kumpulan RHB Bank manakala Maybank Islamic pula berada di bawah pengurusan kumpulan Maybank Berhad. Situasi sebegini sudah tentu mewujudkan isu-isu khususnya dari aspek syariah untuk dikaji dan dianalisa.

### **3.4 Analisis Data**

Data penyelidikan kualitatif merujuk kepada maklumat atau data yang berbentuk teks atau ayat-ayat yang tidak mempunyai struktur tertentu dan tidak mungkin dapat dirumuskan dalam bentuk nombor atau statistik seperti data kuantitatif, malah data kualitatif tidak semestinya terhasil daripada penyelidikan kualitatif sahaja (Woods.P., 2006). Sebelum menganalisis data yang diperolehi, penyelidik akan memastikan kesahan data tersebut.

### **3.4.1 Kesahan dan Kebolehpercayaan Data**

Dalam penyelidikan kualitatif terdapat empat kaedah untuk menguji kesahan dan kebolehpercayaan sesuatu data iaitu:


- i. Triangulasi
- ii. Penilaian Rakan (*Peer Review*)
- iii. Pemfokusan secara progresif dan Peningkatan pemahaman
- iv. *Audit trail*

Penyelidik menggunakan dua kaedah yang bersesuaian dengan kajian untuk menguji kesahan dan kebolehpercayaan data yang diperolehi iaitu kaedah triangulasi dan penilaian rakan.

#### **3.4.1.1 Kaedah Triangulasi**

Kaedah ini merupakan teknik kesahan bersilang (*cross-validation*) kualitatif yang digunakan untuk menilai atau mentaksir sama ada data yang diperolehi mencukupi melalui pemusatan (*convergence*) maklumat ke arah dapatan umum yang dipersetujui bersama (Noraini, 2010). Sebagai contoh data yang diperolehi oleh penyelidik melalui temu bual berkaitan kontrak-kontrak dan isu-isunya ke atas pegawai syariah disilang periksa dengan data yang diperolehi melalui teks *turath* empat mazhab, pakar-pakar perbankan Islam tempatan (ahli akademik), penasihat syariah Bank Negara Malaysia dan pakar-pakar dari institusi-institusi kewangan Islam seperti INCEIF, ISRA dan sebagainya. Kaedah yang dibincangkan di atas dikenali sebagai kaedah triangulasi dalam kaedah (*within triangulation method*). Proses ini penting untuk memastikan data yang diperolehi

bersifat objektif. Dapatan yang tidak konsisten melalui pelbagai cara pengumpulan data membayangkan ketidakcukupan atau ketidaksempurnaan pengumpulan data yang digunakan. Kaedah triangulasi dalam kaedah dapat diilustrasikan seperti berikut:



Rajah 3.1

*Kaedah Triangulasi Dalam Kaedah (Within Triangulation Method).*

Sumber : Noraini (2010) dengan Pengubahsuaian

#### **3.4.1.2 Penilaian Rakan (*Peer Review*)**

Kaedah ini merupakan satu strategi di mana dapatan penyelidikan adalah tertakluk kepada komen serta pandangan individu lain yang boleh dipilih dari kalangan rakan atau kenalan, pakar industri atau sesiapa sahaja sama ada mahir atau tidak dalam bidang penyelidikan. Perkara yang penting ialah individu tersebut sanggup membaca dan meneliti dapatan serta dapat memberikan pandangan yang bernas secara amnya tentang isu yang diselidiki atau secara khususnya tentang kaedah atau reka bentuk penyelidikan, penganalisan data dan tahap liputan tinjauan literatur. Penyelidik memilih kenalan yang terdiri daripada pakar-pakar dan penyelidik dalam perbankan Islam yang terdiri dari tenaga akademik universiti-

universiti tempatan iaitu Dr. Muhammad Nasri b Hussain (UUM), Dr Solehuddin b Shuib (UUM) dan Prof. Madya Dr Abdullah b Abd Ghani (UUM) untuk membaca dan menilai dapatan yang diperolehi dan memperolehi komen dan pandangan mereka. Selain itu, penyelidik juga meminta komen tenaga-tenaga akademik yang merupakan pakar dalam bidang penyelidikan khususnya berkaitan metodologi untuk menilai kesahan dan kbolehpercayaan data yang diperolehi, reka bentuk penyelidikan dan perkara-perkara yang berkaitan metodologi penyelidikan.

### **3.4.2 Analisis Data Kualitatif**

Data bagi kajian bercorak kualitatif kebiasaannya diperolehi daripada sumber yang pelbagai. Proses pengumpulan data kualitatif tidak akan berakhir walaupun proses analisis telah bermula. Hal ini akan terus berjalan kerana maklumat yang kurang sempurna akan terus ditambah baik sehingga data baru tidak lagi memberikan kefahaman dan penambahbaikan (Creswell, 2008). Menurut Crabtree dan Miller (1992), terdapat dua jenis analisis untuk data kualitatif iaitu jenis suntingan dan jenis kerangka (template).

#### **3.4.2.1 Analisis Suntingan**

Penyelidik membaca bahagian-bahagian dalam teks dengan teliti dan menulis interpretasinya (pemerhatiannya) di ruang sebelah teks tersebut. Kemudian, barulah ia membuat kod atau mengkategorikan pemerhatian tadi untuk dibaca semula dan membuat interpretasi lanjutan. Penyelidik berpendapat kaedah ini adalah menyamai kaedah deduktif yang dikenali sebagai kaedah *istinbat* dalam

ilmu Usul al-Fiqh (Louy Safi,1998). Penyelidik menggunakan kaedah ini ketika menganalisis data tentang aplikasi pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam yang diamalkan di bank-bank Islam di Malaysia (16 buah bank).

#### **3.4.2.2 Analisis Kerangka (*template*)**

Analisis Kerangka bermaksud penyelidik menyediakan kerangka atau kod lebih awal sebelum analisis terperinci dibuat terhadap teks. Analisis jenis ini lebih bersifat terbuka, yakni boleh disemak semula selepas dipadankan dengan teks. Ia dibina berasaskan teori, pengetahuan atau rumusan daripada teks yang dibaca. Analisis jenis ini bersamaan dengan kaedah induktif atau dikenali sebagai kaedah *istiqra'* dalam kaedah penyelidikan Islam (Louy Safi,1998). Menerusi kaedah *istiqra'*/induktif ini, penyelidik bermula dengan data yang terhad dan berasingan yang secara generatif terus mengumpul dan meneliti data tersebut sehingga persoalan yang dikaji menjadi jelas (Idris, 2001).

Penyelidik juga menggunakan satu lagi kaedah menganalisis data iaitu *kaedah komparatif* (perbandingan). Kaedah ini bermaksud kesimpulan yang dibuat berdasarkan analisis perbandingan yang dilakukan terhadap segala data dan maklumat yang diperolehi. Menurut Idris (2001), perbandingan ini hendaklah difahami dalam pengertian yang luas iaitu membandingkan dua unsur yang berkaitan ataupun tidak berkaitan, membandingkan keterangan-keterangan dari sumber yang berlainan, membandingkan sumber-sumber berlainan bagi fakta yang sama dan sebagainya. Dalam kajian ilmiah ini, penyelidik membandingkan antara lima buah bank Islam yang telah dipilih dari segi produk

pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam yang ditawarkan, kontrak-kontrak bagi setiap produk, perlaksanaannya (operasi) dan masalah-masalah yang berlaku dari sudut syariah.


Dalam kajian ini, kaedah penganalisan yang dilakukan oleh penyelidik terhadap isu-isu syariah yang berbangkit ialah berpandukan langkah-langkah yang berikut :

- i. Menghurai isu tersebut dan menjelaskan mengapa ia dianggap sebagai satu isu dari sudut syariah.
- ii. Menjelaskan pandangan fuqaha silam dan kontemporari terhadap isu tersebut beserta hujah serta dalil yang digunakan oleh kedua-dua belah pihak.
- iii. Menjelaskan amalan yang dilakukan oleh bank-bank Islam yang terpilih terhadap isu yang berbangkit dan alasan mereka
- iv. Menyatakan pandangan dan kupasan penyelidik terhadap isu tersebut

### **3.5 Penutup**

Kesimpulannya kajian ini ialah bercorak kualitatif yang berbentuk kajian lapangan yang memerlukan penyelidik terjun ke dalam situasi sebenar untuk mengenalpasti isu dan masalah yang sedang berlaku dalam perbankan Islam khususnya dalam pelaksanaan pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam. Penyelidik di peringkat awalnya, melihat gambaran umum tentang pelaksanaan pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam di enam belas (16) buah bank Islam khususnya dari segi operasinya adakah menepati kehendak prinsip *muamalat* Islam serta matlamat perbankan Islam atau sekadar

mengharapkan keuntungan semata-mata dengan mengabaikan tanggungjawab sosial. Penyelidik seterusnya membuat kajian perbandingan antara lima buah bank yang terpilih. Bank–bank ini akan menjadi sampel kajian dengan melihat kontrak-kontrak yang digunakan, produk-produk yang ditawarkan, cara-cara perlaksanannya dijalankan, permasalahan syariah yang timbul dan sebagainya. Kerangka bagi metodologi kajian yang dijalankan oleh penyelidik dapat diilustrasikan seperti yang berikut:



Rajah 3.2  
Kerangka Metodologi

## **BAB EMPAT**

### **PEMBIAYAAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA : LATAR BELAKANG DAN APLIKASI**

#### **4.0 Pendahuluan**

Perdagangan antarabangsa amat penting bagi pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Operasinya melibatkan pertukaran barangan atau perkhidmatan di antara satu negara dengan negara yang lain merangkumi penghantaran dan penerimaan barangan dan perkhidmatan, pemindahan dana dalam pelbagai bentuk mata wang, pelaburan, pelesenan, pemborongan, pemfrancaisan, perbankan, pembrokeran insurans dan segala bentuk perundingan dan perjanjian (Rosli, 1998). Jika dahulu, kegiatan perdagangan antarabangsa hanya melibatkan komoditi yang tidak terdapat di dalam sesebuah negara sahaja, namun sekarang ini akvitinya lebih meluas dan bersifat global meliputi perkongsian pengeluaran domestik antara negara-negara yang berdagang (Fariza dan Hanif, 2007). Semua kegiatan ekonomi, sama ada dalam bentuk perindustrian, dagangan atau perkhidmatan, teknologi serta taraf hidup rakyat mempunyai kaitan dengan ekonomi negara-negara lain melalui pengaliran barangan dan perkhidmatan, modal, teknologi dan sumber manusia. Sesebuah negara juga akan memperolehi keuntungan tanpa merugikan negara-negara yang lain.

Kegiatan perdagangan antarabangsa boleh berlaku sama ada melalui individu, firma-firma, pertubuhan-pertubuhan yang tidak bermotif keuntungan dan juga pihak kerajaan. Kegiatan ini menawarkan pilihan yang berbagai-bagai kepada orang ramai tidak kira di mana ia berada. Perdagangan antarabangsa juga memberi peluang kepada negara-negara

membangun untuk merangsangkan pertumbuhan ekonominya (Fariza dan Hanif, 2007). Sebagai contoh, penyertaan negara China dalam perdagangan antarabangsa telah menggalakkan pertumbuhan ekonominya sekali gus menjadikan negara tersebut berkembang dengan begitu pesat dari sudut pasarannya.

Ahli-ahli ekonomi klasik memandang perdagangan antarabangsa sebagai suatu penggerak pertumbuhan ekonomi (*economic growth*). Menurut mereka, perdagangan antarabangsa mempunyai tiga sumbangan penting kepada pembangunan ekonomi sesebuah negara iaitu (Isnenah, 2003) :

- i. Meningkatkan kecekapan penggunaan faktor-faktor pengeluaran.
- ii. Membesarkan dan memperluaskan pasaran untuk keluaran dalam negeri.
- iii. Meningkatkan produktiviti kegiatan ekonomi.

Dalam konteks negara-negara Asia, perdagangan antarabangsa merupakan nadi utama pertumbuhan ekonomi. Seperti kebanyakan negara membangun, ekonomi negara-negara Asia dipengaruhi dengan teguh oleh aliran dan perkembangan dalam perdagangan antarabangsa (Isnenah, 2003).

Malaysia telah lama terlibat dalam kegiatan perdagangan antarabangsa. Ia boleh dikesan sejak zaman kegemilangan Empayar Melayu Melaka lagi apabila pedagang dari Eropah dan Timur Tengah telah datang ke Melaka untuk berdagang. Rempah ratus dan kain

ditukar untuk tujuan berdagang sehinggalah berlakunya penaklukan oleh Portugis dan Belanda. Apabila Inggeris mula menjajah negara ini, mereka telah menerokai segala hasil mahsul negara. Kewujudan syarikat Hindia Timur Inggeris telah memperkukuhkan lagi bentuk korporat cara lama yang diurus oleh pihak barat (Rahim, 1996).

Dalam bab ini penyelidik memfokuskan kepada beberapa aspek yang mempunyai kaitan dengan urusan perdagangan antarabangsa. Di peringkat awal, penyelidik mengenal pasti beberapa faktor utama yang membawa kepada wujudnya aktiviti perdagangan antarabangsa antara negara-negara di dunia. Seterusnya penyelidik membincangkan proses transaksi dalam perdagangan antarabangsa serta pihak-pihak yang terlibat dalam proses tersebut. Perbincangan juga turut merangkumi kaedah-kaedah pembayaran dalam transaksi perdagangan antarabangsa semasa yang diamalkan oleh sistem perbankan tempatan dan antarabangsa. Penyelidik juga membuat analisa secara ringkas mengenai produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa yang ditawarkan di bank-bank konvensional dan bank-bank Islam yang sedang beroperasi di Malaysia.

#### **4.1 Faktor-faktor Kewujudan Perdagangan Antarabangsa**

Setiap negara di dunia ini mempunyai perbezaan dari segi sumber asli, keadaan iklim dan kedudukan geografi, struktur ekonomi dan sosial, tenaga kerja serta kemajuan teknologi masing-masing. Perbezaan-perbezaan tersebut membawa kepada beberapa kebaikan terutamanya dari aspek perdagangan yang dijalankan di antara negara-negara. Hal ini juga menyebabkan negara-negara tersebut menghasilkan pengeluaran yang berbeza, sama ada dari segi kualiti atau kuantitinya yang mendorong negara berkenaan menumpukan

pengeluaran hanya kepada barangan atau perkhidmatan yang ia mempunyai kelebihan perbandingan<sup>18</sup>, dan menukarkan lebih hasilnya itu dengan barangan atau perkhidmatan yang tidak wujud di pihak mereka. Berdasarkan prinsip kelebihan perbandingan ini, negara yang mengkhususkan pengeluaran atau perkhidmatan yang ia mempunyai kelebihan perbandingan akan dapat meningkatkan keluaran barangan atau perkhidmatan tersebut (Rosli, 1998).

Perdagangan antarabangsa wujud disebabkan oleh adanya pengkhususan<sup>19</sup> atau *specialization* di dalam pengeluaran di negara-negara tertentu. Tidak semua negara berupaya menghasilkan semua jenis barangan atau perkhidmatan yang diperlukan. Faktor-faktor yang mendorong negara-negara, firma-firma dan syarikat-syarikat multinasional di dunia menjalankan kegiatan perdagangan antarabangsa adalah:

#### **4.1.1 Perbezaan anugerah semula jadi**

Menurut Hill (1999), faktor semula jadi ini boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu faktor asas seperti sumber alam, iklim, lokasi dan demografi dan faktor tambahan seperti infrastruktur komunikasi, buruh yang mahir dan kemudahan penyelidikan. Anugerah semula jadi yang dimaksudkan di sini ialah faktor-faktor asas seperti iklim yang menyebabkan berlakunya perbezaan dari segi produk sesebuah negara. Rohaini (1991) membuat satu contoh, iklim di Malaysia amat berbeza sekali dengan iklim di Australia. Perbezaan ini membawa kepada perbezaan dari sudut jenis ternakan yang

---

<sup>18</sup>Teori perdagangan antarabangsa yang diperkenalkan oleh David Ricardo dalam bukunya *Principles of Political Economy* pada tahun 1817, Paul A. Samuelson (1980).

<sup>19</sup>Bermaksud sesebuah negara itu menumpukan semua tenaga dan sumber yang dimilikinya hanya kepada bahagian yang kecil dalam aktiviti produktif di dunia, William J. Baumol dan Alan S. Blinder (1997).

dusahakan oleh penduduknya. Iklim di Australia lebih sesuai untuk ternakan kambing biri-biri yang menyebabkan negara ini terkenal dengan pengeluaran kain bulu di dunia manakala iklim di Malaysia pula sesuai untuk ternakan lembu untuk daging.

#### **4.1.2 Perbezaan saiz modal**

Saiz modal yang dimiliki oleh sesebuah negara adalah berbeza antara satu sama lain. Ada negara yang memiliki modal yang banyak di samping penguasaan teknologi yang tinggi dan ada pula negara yang memiliki modal yang terhad serta penggunaan teknologi yang rendah (terutamanya negara-negara miskin) (Bach, 1966). Saiz milikan modal dan penggunaan teknologi yang berbeza ini menyebabkan wujudnya teknik dan jenis pengeluaran yang berbeza. Negara kaya mampu mengeluarkan pengeluaran yang melibatkan kos yang tinggi seperti kapal terbang, sebaliknya negara miskin tidak akan mampu berbuat demikian (Rohaini, 1991). Oleh itu, negara-negara ini perlu berdagang antara satu sama lain untuk memenuhi kehendak dan keperluan masing-masing.

#### **4.1.3 Kecekapan dan kemahiran yang berbeza**

Setiap negara mempunyai sifat, kemahiran dan kecekapan penduduk yang berbeza yang dipengaruhi oleh alam sekitar. Sebagai contoh, Jepun mempunyai penduduk yang ramai serta cekap yang membolehkan wujudnya kemahiran yang unik dalam proses pengeluaran seperti pengeluaran automotif dan peralatan elektrik yang canggih, manakala Indonesia pula penduduknya hanya mampu menghasilkan produk yang melibatkan kemahiran yang rendah seperti penghasilan pakaian berasaskan batik dan ukiran (Rohaini, 1991). Situasi ini jelas menunjukkan bahawa sesebuah negara itu tidak akan

mampu untuk mengeluarkan semua jenis barangan. Mereka hanya mampu mengeluarkan barangan yang bersesuaian dengan anugerah semulajadi, kemahiran penduduknya, saiz modal dan juga teknologi yang dimiliki oleh penduduknya.

#### **4.1.4 Memperluas pasaran**

Syarikat-syarikat multinasional dan firma-firma juga memainkan peranan masing-masing dalam perkembangan perdagangan antarabangsa. Kebiasaannya, ia merujuk kepada syarikat-syarikat yang mempunyai pembeli dan pengguna yang banyak di arena pasaran antarabangsa. Sebagai contoh, dalam konteks pasaran Asia, terdapat berjuta-juta pengguna sedang menunggu produk-produk baru dipasarkan. Mempunyai pengguna dan pembeli yang ramai bermaksud keuntungan yang banyak sedang menanti. Sebagai contoh, Perusahaan Otomobil Nasional Sdn Bhd (Proton) telah memperkembangkan pasarnya ke peringkat antarabangsa yang meliputi negara-negara seperti UK, Australia, Maldives dan Singapura (Fariza dan Hanif, 2007). Kewujudan perdagangan antarabangsa ini, telah memberi peluang kepada syarikat-syarikat dalam negara khususnya memperluas pasaran mereka dan mencari keuntungan di peringkat antarabangsa. Kebanyakan jualan syarikat-syarikat besar adalah dari urusan niaga dan pasaran luar negara seperti syarikat Electrolax (Sweden), Gillette dan Coca-Cola (US), Michelin (Perancis) dan Sony (Jepun) (Katsioloudes and Hadjidakis, 2007).

#### **4.1.5 Memperolehi sumber-sumber**

Kebanyakan syarikat yang melibatkan diri dalam perdagangan antarabangsa ialah syarikat-syarikat gergasi yang sedia mempunyai pasaran yang luas di peringkat

antarabangsa seperti Toyota (*automobil*), Abbot (*pharmaceuticals*), Matsushita (*semikonduktor*), Dell (komputer) dan lain-lain yang dikenali di arena perdagangan global. Syarikat-syarikat ini memerlukan banyak bentuk perkhidmatan, produk dan komponen-komponen yang dapat diperolehi dengan kos yang efektif di negara-negara luar. Sumber-sumber yang amat diperlukan oleh syarikat-syarikat ini ialah seperti tenaga buruh, modal, komponen-komponen, tanah dan teknologi (Katsioloudes and Hadjidakis, 2007). Sebagai contoh sekitar tahun 1990, syarikat Matsushita membuka kilangnya di Malaysia kerana faktor tenaga buruh yang murah pada ketika itu, namun situasi ini berubah apabila kos tenaga buruh meningkat di negara kita. Sekarang, banyak syarikat-syarikat multinasional ini beralih arah ke negara China kerana faktor tenaga buruh yang murah di sana (Fariza dan Hanif, 2007).

#### **4.1.6 Mengurangkan risiko persaingan**

Antara faktor firma-firma memasuki arena perdagangan antarabangsa juga adalah untuk mengurangkan risiko persaingan. Malayan Banking Bhd (Maybank), salah satu bank terbesar di Malaysia memasuki pasaran global kerana faktor ini. Maybank telah membuka cawangannya di Filipina atas nama Maybank Philippines Inc, dengan kadar pemilikan saham Maybank (60%) dan The Philippines National Bank (40%). Maybank Philippines mempunyai *network* yang luas iaitu sebanyak 45 buah cawangan, iaitu 20 buah di Metro Manila dan 25 buah lagi di wilayah-wilayah seluruh Filipina (Fariza dan Hanif, 2007). Cawangan-cawangan ini menyediakan perkhidmatan kewangan yang luas menepati kehendak peruncitan (*retail*) dan sektor perdagangan. Di samping itu, ia juga

mempromosikan perdagangan dan pelaburan antara Malaysia dan negara-negara ASEAN dengan Filipina dan sebaliknya.

Di samping itu terdapat beberapa faktor lain yang merancakkan lagi aktiviti perdagangan antarabangsa. Katsioloudes (2007) menambah tiga faktor lain yang berkait antara satu sama lain iaitu pertambahan dalam persaingan dagangan global, perkembangan teknologi dan perkembangan dari segi perkhidmatan-perkhidmatan sokongan yang membantu memudahkan transaksi perdagangan antarabangsa seperti mel, pengangkutan dan sebagainya.

Kesimpulannya, faktor-faktor di atas merupakan antara pendorong yang menyebabkan negara-negara dan syarikat-syarikat multinasional melibatkan diri dalam perdagangan antarabangsa. Tidak dinafikan, perdagangan antarabangsa telah membuka satu lembaran baru untuk mengembangkan pasaran sesuatu komoditi.

#### **4.2 Transaksi Dalam Perdagangan Antarabangsa**

Setiap transaksi perdagangan mewujudkan hak dan tanggungjawab antara kedua-dua belah pihak yang terlibat iaitu penjual dan pembeli. Pihak penjual berkewajipan untuk membuat penyerahan barangan yang telah dipersetujui bersama dan berhak untuk menerima bayaran atas harga barang yang diserahkan. Pembeli pula mempunyai tanggungjawab untuk melunaskan pembayaran terhadap barang yang diserahkan dan berhak menuntut penyerahan barang yang dibelinya. Proses pembayaran dan penyerahan barang ini berlaku dengan mudah apabila ianya berlaku dalam negara. Bagaimanakah

pula bentuk penyerahan dan pembayaran sekiranya transaksi perdagangan itu berlaku di luar negara. Hal ini menjadi agak rumit kerana pembeli (pengimport) dan penjual (pengekspor) terpisah secara geografi dan sempadan kenegaraan serta penggunaan mata wang yang berbeza.

Transaksi dalam perdagangan antarabangsa biasanya dibuat melalui sistem perbankan. Apabila pengimport membeli barangan dari negara luar, beliau akan merundingkan dengan banknya untuk membuat pembayaran kepada pengekspor di negara berkenaan. Begitu juga dengan pengekspor di negara ini yang menjual barangan ke luar akan menerima pembayaran melalui banknya (Rosli, 1998). Bank-bank akan melaksanakan arahan pelanggan ini melalui akaun yang dikendalikan di antara mereka. Urusan perdagangan akan diselesaikan dengan mendebit atau mengkredit akaun-akaun tersebut. Seterusnya penyelidik akan memfokuskan kepada kaedah-kaedah pembayaran yang diamalkan oleh sistem perbankan bagi memudahkan lagi urusan perdagangan antarabangsa ini.

#### **4.2.1 Kaedah-kaedah Pembayaran dalam Perdagangan Antarabangsa**

Salah satu daripada elemen-elemen risiko yang terpaksa dihadapi oleh para pedagang sama ada penjual/pengekspor atau pembeli/pengimport ialah yang berkaitan dengan kaedah atau cara bayaran terhadap sesuatu transaksi yang dijalankan. Amanah (*trust*) sahaja tidak dapat menyelesaikan segala masalah, apatah lagi dalam perkara-perkara berkaitan dengan kewangan. Penyelidik akan membincangkan beberapa kaedah pembayaran utama yang diaplikasikan dalam transaksi perdagangan antarabangsa.

Hinkelman (2009) menjelaskan bahawa terdapat empat kaedah pembayaran utama yang digunakan dalam perdagangan antarabangsa kini iaitu:

- i. Akaun terbuka (*Open Account*)
- ii. Surat Kredit (*Documentary (Letter) of Credit*)
- iii. Pemungutan (*Documentary Collections*)
- iv. Bayaran Pendahuluan (*Payment in Advance*)

Madura (2003) menambah satu lagi metod yang digunakan sebagai kaedah pembayaran dalam perdagangan antarabangsa iaitu kaedah Konsainan (*Consignment*). Penyelidik akan menghuraikan satu persatu kaedah-kaedah ini dengan menghuraikan maksud terma-terma tersebut dan cara-cara ia diaplikasikan dalam sektor perdagangan antarabangsa masa kini.

#### **4.2.1.1 Akaun terbuka**

Akaun terbuka adalah satu perjanjian di antara pengimport dan pengeksport apabila pengeksport atau penjual akan menghantar barangan yang telah dipesan oleh pengimport terlebih dahulu (melalui udara, laut atau darat), dan pengimport pula bersetuju menanggungkan pembayarannya ke suatu masa yang ditetapkan (*credit period*) yang dipersetujui sama ada sebulan, dua bulan, enam bulan atau lebih (Beard dan Thomas, 2006, Pang, 1988). Dokumen perdagangan dan perkapalan dihantar terus kepada pengimport dan membolehkan pengimport memiliki barangan tersebut dan menjual atau menggunakan mengikut kehendaknya. Apabila sampai tempoh, pengimport akan membuat pembayaran menerusi banknya sama ada melalui cek, draf, pindahan telegraf

atau SWIFT (Rosli, 1998). Menurut Sherlock dan Jonathan (2008), pembayaran melalui SWIFT adalah yang terpantas dan selamat digunakan.

Di bawah metode pembayaran ini (akaun terbuka), pengeksport akan menanggung risiko iaitu kemungkinan pengimport akan mungkir membayar kesemuanya dalam masa yang ditetapkan. Oleh itu, kemudahan pembayaran secara akaun terbuka ini amat jarang dilakukan kecuali hubungan perdagangan antara pengeksport dan import sudah lama terjalin serta mempunyai tahap kepercayaan dan reputasi yang baik (Beard dan Thomas, 2006, Hinkelman, 2009). Dalam sesetengah pasaran perdagangan seperti Eropah, para pengimport mengharapkan kepada penggunaan metod akaun terbuka dalam transaksi perdagangan mereka. Risiko kewangan yang terhasil dari cara ini dapat dikurangkan dengan mendapatkan perlindungan insuran untuk melindungi kes-kes insolvensi pelanggan khususnya pengimport ([http://www.sitpro.org.uk/trade/payment methods](http://www.sitpro.org.uk/trade/payment%20methods)).

#### **4.2.1.2 Bayaran pendahuluan**

Kaedah ini adalah berbeza daripada akaun terbuka apabila pengeksport tidak akan menyerahkan atau menghantar barangan yang dipesan melainkan pengimport membuat pembayaran terlebih dahulu. Di sini pengimport pula akan menanggung risiko kerana terpaksa mendahulukan pembayaran dan memastikan pengeksport menghantar dan menyerahkan barangan sepertimana yang telah dipersetujui. Pengimport mesti mempunyai keyakinan yang penuh ke atas pengeksport untuk mematuhi perjanjian yang telah dipersetujui antara keduanya. Pengimport juga perlu bersedia menanggung risiko barangan tidak dihantar atau lambat sampai (Madura, 2003). Menurut Pang (1988) dan

Sharan (2006), metode ini jarang diamalkan dalam transaksi perdagangan antarabangsa kecuali untuk kiriman atau pesanan barangan dalam jumlah yang kecil seperti bungkusan kecil barangan yang dipesan oleh pengguna yang mana pesanan tersebut dilakukan melalui mel daripada iklan-iklan di media.

#### **4.2.1.3 Konsainan (*consignment basis method*)**


Berdasarkan kaedah ini, penghantaran barangan dipersetujui melalui satu perjanjian iaitu pembayaran hanya boleh dibuat selepas barangan tersebut dijual dalam suatu tempoh yang ditetapkan (Beard dan Thomas, 2006). Sekiranya barangan ini tidak dapat dijual, ia akan dikembalikan kepada pengeksport tanpa sebarang bayaran. Kaedah pembayaran ini banyak memberikan risiko kepada pengeksport, dan hanya disediakan kepada pengimport yang berpengalaman luas dan betul-betul boleh dipercayai (Madura, 2003, Rosli, 1999).

#### **4.2.1.4 Pemungutan (*documentary collection*)**

Pemungutan merupakan antara kaedah penyelesaian pembayaran yang diguna pakai dalam perdagangan antarabangsa melalui transaksi sistem perbankan. Terdapat dua bentuk pemungutan iaitu pemungutan bersih (*on-clean collection basis*) dan pemungutan berdokumen (*on-documentary collection basis*). Pemungutan bersih mengandungi dokumen kewangan untuk mendapatkan pembayaran, manakala pemungutan berdokumen pula mengandungi dokumen perdagangan (Pang, 1988).

Menurut Hinkelman (2009), berdasarkan kaedah pemungutan bersih, pengeksport akan menghantar barangan dan menyerahkan terus dokumen perdagangan kepada pengimport.

Selepas itu, pengeksport akan mengeluarkan bil pertukaran kepada pengimport dan menyerahkan kepada banknya untuk proses pemungutan. Bank ini pula akan menghantar bil pertukaran kepada pengimport melalui bank pengimport untuk mendapatkan bayaran. Apabila bayaran dibuat oleh pengimport, maka wang akan dihantar kepada pengeksport melalui bank yang sama. Rajah proses pemungutan bersih berlaku adalah seperti berikut:



Rajah 4.1  
*Proses Kaedah Pemungutan Bersih*  
 Sumber : Rosli, 1998


Kaedah pembayaran melalui cara ini kurang digunakan dalam perdagangan antarabangsa kerana risiko yang tinggi kepada pengeksport. Hal ini memandangkan pengimport sudah memiliki barangan sebelum membayar atau menerima bil pertukaran terlebih dahulu (Rosli, 1998).

Pemungutan berdokumen pula merupakan kaedah yang digunakan dengan meluas sebagai kaedah pembayaran dalam perdagangan antarabangsa. Kaedah ini lebih mudah

digunakan berbanding Surat Kredit dan caj yang dikenakan oleh pihak bank pula biasanya lebih rendah (Hinkelman, 2009). Berdasarkan kaedah ini, pengeksport akan menghantar barangan kepada pengimport tanpa disertakan dengan dokumen perdagangan. Dokumen tersebut mengandungi dokumen perkapalan, invois dan sebagainya beserta bil pertukaran dihantar kepada bank pengimport. Arahan tertentu diberikan kepada bank bagi membolehkan pengimport mendapatkan dokumen berkenaan. Bank pengimport hanya boleh menyerahkan dokumen ini kepada pengimport melalui dua cara iaitu :

**i. Dokumen terhadap pembayaran (*Documents Against Payment D/P* )**

Melalui cara ini, penyerahan boleh dibuat apabila pengimport membayar bil pertukaran yang disertakan. Proses pemungutan D/P ini boleh diilustrasikan melalui rajah berikut :




Rajah 4.2  
*Proses Kaedah Pemungutan Dokumen Terhadap Pembayaran*  
 Sumber : Rosli, 1998

Pengimport perlu membuat pembayaran sebelum menerima dokumen perdagangan bagi membolehkannya mendapatkan barangan daripada syarikat perkapalan. Hal ini bermaksud hak milik barangan hanya diserahkan kepada pengimport apabila pembayaran dijelaskan (Madura, 2003, Pang, 1988). Kaedah ini lebih selamat digunakan kerana pengimport perlu menjelaskan pembayaran sebelum memperolehi dokumen dan mengambilnya dari syarikat perkapalan. Selain itu, hak milik juga tidak akan diserahkan selagi tiada pembayaran dilakukan.

#### **ii. Dokumen Terhadap Penerimaan (*Documents Against Acceptance D/A*)**

Melalui cara ini bank pengimport akan menyerahkan dokumen-dokumen apabila pengimport mengesahkan penerimaan bil pertukaran. Pengesahan penerimaan bermaksud pengimport berjanji akan membayar bil ini apabila sampai tempohnya iaitu kebiasannya dalam masa 30 hingga 180 hari (Beard dan Thomas, 2006). Pengimport juga akan terus menerima dokumen-dokumen perdagangan dan hak milik barangan selepas mengesahkan penerimaan bil pertukaran (Rosli, 1998).

Proses pemungutan D/A ini boleh diilustrasikan melalui rajah di bawah :



Rajah 4.3

*Proses Kaedah Pemungutan Dokumen Terhadap Penerimaan*

Sumber : Rosli, 1998

Menurut Rosli (1998), pemungutan berdokumen memberi beberapa kebaikan kepada pengeksport dalam menyelesaikan urusan pembayaran dalam perdagangan antarabangsa. Pengeksport masih boleh memegang hak milik barangan sehingga pengimport membayar atau menerima bil pertukaran yang dikemukakan kepadanya. Sekiranya pengimport menerima bil, pengeksport boleh juga mendapatkan pembayaran segera dengan mendiskaunkan bil<sup>20</sup> ini atau menggunakannya sebagai cagaran bagi mendapatkan pendahuluan. Namun begitu, pengeksport masih tetap mempunyai risiko kerana pengimport mungkin enggan atau gagal membayar bil apabila sampai tempohnya.

<sup>20</sup>Satu kemudahan yang disediakan oleh pihak bank kepada pengeksport yang menjual barangannya secara kredit. Bank akan memberikan kredit serta merta kepada pengeksport sebelum hasil daripada bil pertukaran dipungut dan diterima. Tempoh kredit akan bergantung kepada tempoh penerimaan bil pertukaran, Rosli Mahmood (1998).

#### **4.2.1.5 Surat Kredit (*Letter of Credit*)**

Kaedah kelima yang merupakan kaedah paling banyak digunakan dan selamat ialah Surat Kredit. Selain bertindak sebagai kaedah pembayaran dalam perdagangan antarabangsa, Surat Kredit juga merupakan satu instrumen dan produk yang ditawarkan dalam pembiayaan perdagangan oleh bank-bank. Surat Kredit dikenali juga dengan pelbagai nama seperti Kredit Berdokumen, Surat Kredit Berdokumen, Surat Kredit Komersial dan Komersial Kredit Bank sebagai kredit adalah instrumen pembayaran yang paling diterima penggunaannya dalam urusan antarabangsa kerana ia menyediakan perlindungan kepada kedua-dua pengeksport dan pengimport (Hill, 1999). Surat Kredit bermaksud satu dokumen yang dikeluarkan oleh bank bagi pihak pelanggannya (pengimport) dan ditujukan kepada benefisiari (pengekspor). Surat Kredit akan mengesahkan jaminan bahawa bank akan membayar sejumlah tertentu kepada benefisiari atau pengekspor berdasarkan bil pertukaran yang disertakan bersama-sama dokumen yang lain dengan syarat Surat Kredit itu dikeluarkan mengikut peraturan-peraturan Surat Kredit (Lee dan Detta, 2007, Hinkelman, 2002, Sauud, 1992).

Kaedah pembayaran melalui surat-Surat Kredit melibatkan beberapa pihak yang memainkan peranan iaitu:

##### **i. Pemohon kepada kredit :**

Pemohon kepada kredit bermaksud pihak yang mana kredit telah dikeluarkan atas permintaannya (Artikel 2, UCP600). Dalam konteks perdagangan antarabangsa, pemohon kredit biasanya adalah pengimport yang merupakan pihak yang bertanggungjawab untuk menyediakan Surat Kredit. Beliau akan memohon kepada bank untuk mengeluarkan satu Surat Kredit dan

menamakan pengeksport sebagai pihak yang akan menerima bayaran. Kebiasaannya dalam proses permohonan untuk mengeluarkan Surat Kredit, bank akan meminta sekuriti dari pengimport berbentuk cagaran seperti barang-barang yang dibeli atau dokumen-dokumen hak milik yang mewakili barangan kepada bank.

**ii. Benefisiari**

Pengeksport merupakan pihak yang akan menerima bayaran dalam Surat Kredit dan dikenali juga sebagai benefisiari. Benefisari ditakrifkan sebagai pihak yang mana kredit telah dikeluarkan untuknya (Artikel 2,UCP600). Pengeksport hanya akan dibayar apabila kesemua dokumen yang dikemukakan dan kandungannya bertepatan dengan apa-apa yang disyaratkan oleh kredit. Pengeksport bertanggungjawab untuk mengemukakan dokumen-dokumen yang diminta oleh pengimport kepada pihak bank. Kejayaan kaedah pembayaran yang menggunakan Surat Kredit adalah bergantung kepada ketepatan dokumen yang dikemukakan oleh pengeksport dan tiada kesilapan (*discrepancies*) yang dilakukan.

**iii. Bank penerbit (bank pengimport)**

Bank penerbit ialah bank yang mengeluarkan Surat Kredit atas permintaan pemohon (Artikel 2, UCP 600). Ia merupakan bank yang mewakili pengimport. Bank penerbit akan meneliti permohonan pengimport dan mengeluarkan Surat Kredit jika berpuas hati dan yakin dengan kedudukan kewangan pihak pengimport. Bank penerbit kemudiannya bertanggungjawab memaklumkan pengeksport (melalui bank pengeksport atau secara langsung

kepada pengeksport) sekiranya Surat Kredit telah siap dikeluarkan dan menyenaraikan dokumen-dokumen yang perlu dikemukakan oleh pengeksport untuk tujuan menuntut bayaran terhadap harga barangan yang dijual. Bank penerbit biasanya akan berurusan dengan sebuah bank lain yang mewakili pengeksport.

**iv. Bank koresponden – bank penasihat atau bank peraku**

Bank yang akan mewakili pengeksport dikenali sebagai bank koresponden dan ia juga boleh bertindak sebagai bank koresponden penasihat atau bank koresponden peraku. Dalam hal ini, terpulang kepada kontrak atau permintaan pengeksport sama ada menghendaki Surat Kredit tersebut diperakui oleh bank yang akan mewakilinya. Peranan dan tanggungjawab bank pengeksport adalah bergantung kepada status bank tersebut.

**a. Bank koresponden penasihat**

Apabila bank koresponden berperanan sebagai bank penasihat, ia tidak mempunyai sebarang tanggungan untuk membayar kepada benefisiari. Peranannya adalah sebagai penasihat yang bertanggungjawab memberi nasihat kepada pengeksport mengenai terma-terma yang harus dipatuhi untuk menerima bayaran daripada bank penerbit. Penglibatan bank penasihat adalah untuk memudahkan komunikasi di antara pihak-pihak yang terlibat dalam urusan yang melibatkan Surat Kredit. Bank penasihat akan menyemak dokumen-dokumen yang dikemukakan oleh pengeksport dan memaklumkan kepada bank penerbit sama ada dokumen-dokumen tersebut bertepatan atau tidak dengan syarat-syarat yang dinyatakan dalam Surat Kredit.

## **b. Bank koresponden peraku**

Apabila bank koresponden berperanan sebagai bank peraku pula, ia bukan sahaja bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada pengeksport bahawa Surat Kredit telah dikeluarkan, tetapi berperanan juga menambahkan perakuannya terhadap Surat Kredit tersebut (Artikel 2, UCP 600). Oleh itu, bank peraku juga bertanggungjawab untuk mendahulukan bayaran jika dokumen-dokumen yang dikemukakan oleh pengeksport bertepatan dengan syarat-syarat Surat Kredit.

Pemilihan terhadap bank-bank di negara pengeksport adalah bergantung kepada rangkaian bank penerbit. Namun begitu, pengeksport juga boleh memilih bank-bank tertentu untuk mewakilinya<sup>21</sup>.

Mengikut amalan, pihak-pihak yang terlibat dalam transaksi Surat Kredit biasanya akan mengguna pakai peruntukan peraturan-peraturan yang terkandung dalam *Uniform Custom and Practice for Documentary credits* (UCP)<sup>22</sup> yang dikeluarkan oleh Dewan Perniagaan Antarabangsa (*International Chamber of Commerce*) dalam kontrak mereka<sup>23</sup>. Walaupun UCP bukan merupakan suatu undang-undang, tetapi ia diaplikasikan dalam kebanyakan transaksi Surat Kredit kerana pihak-pihak yang menggunakan Surat

---

<sup>21</sup>Temu bual dengan Pn Nordalina Mohd Tormoti, Head of Section, Bussiness Development, Trade Finance Department, Bank Muamalat Malaysia Berhad, KL, pada 14.10.2011.

<sup>22</sup>Ia merupakan satu kompilasi amalan-amalan komersil yang diamalkan diperingkat antarabangsa dan pertama kali dikeluarkan pada tahun 1930 oleh Dewan Perniagaan Antarabangsa. Ia sentiasa dikemaskinikan setiap 10 tahun dan versi yang terkini ialah yang dikuatkuasakan pada satu 1 Julai 2007 yang dikenali sebagai UCP 600. Sebelum lahirnya UCP 600, UCP versi 500 telah digunakan. Kewujudan UCP 600 telah mengubah peruntukan tertentu yang selama ini terkandung dalam UCP 500, Rosmawani Che Hashim (2009).

<sup>23</sup>Isu tentang UCP dari sudut syariah dibincangkan dalam bab 6

Kredit biasanya akan mengaplikasikan UCP dalam kontrak mereka (Ahmad Shamsul, 2007). Setakat ini, UCP telahpun diiktiraf oleh lebih daripada 150 buah negara (Rosmawani, 2009). Selain itu, terdapat juga rujukan tambahan kepada UCP iaitu “*UCP Supplement for Electronic Presentation*” atau ringkasnya eUCP yang terpakai terhadap isu-isu dokumen elektronik. eUCP terbentuk hasil daripada perkembangan era perbankan elektronik yang juga telah memberi kesan ke atas transaksi Surat Kredit (Rosmawani, 2009).

Surat Kredit hanya digunakan sebagai metod pembayaran bagi kontrak jualan di antara pengeksport dan pengimport apabila kedua-dua belah pihak telah bersetuju untuk memilih mekanisme ini dan memperuntukkannya dalam kontrak jualan utama. Beard dan Thomas (2006) dan Pang (1988) menjelaskan antara prosedur dan proses yang perlu dilalui oleh kedua-dua belah pihak bagi menyempurnakan proses pembayaran menggunakan Surat Kredit iaitu :

- i. Tugas pertama akan dimulakan oleh pengimport yang dikenali sebagai pemohon. Pengimport akan membuat permohonan kepada bank penerbit untuk mengeluarkan Surat Kredit dan menamakan pengeksport sebagai benefisiari. Pengimport akan memberikan butir-butir termasuk syarat-syarat berkaitan dengan dokumen-dokumen yang perlu dikemukakan oleh pengeksport untuk tujuan menuntut bayaran<sup>24</sup>.
- ii. Bank penerbit akan mengeluarkan Surat Kredit dan memberi notis kepada bank pengeksport bahawa Surat Kredit telah dikeluarkan.

---

<sup>24</sup> Biasanya dokumen perkapalan seperti bil muatan, inouis, sijil asalan dan sijil pemeriksaan.

iii. Bank pengekspor memajukan Surat Kredit kepada pengekspor untuk perhatian dan tindakan pengekspor selanjutnya.

iv. Pengekspor akan memeriksa semula syarat-syarat yang ditetapkan oleh pengimport dalam Surat Kredit. Jika pengekspor menghadapi masalah dalam memenuhi satu atau lebih daripada syarat-syarat berkaitan dengan dokumen, pengekspor adalah dinasihatkan supaya memaklumkan kepada pengimport dan berunding dengannya untuk memberi kelonggaran atau membuat pindaan kepada syarat-syarat tersebut. Kemudian pengekspor akan menyediakan barangan dan menguruskan urusan perkapalan barangan ke pelabuhan yang telah dipersetujui dalam kontrak. Selepas itu, pengekspor akan memasukkan barangan ke dalam kapal dan mendapatkan bil muatan serta dokumen-dokumen seperti yang dikehendaki oleh pengimport dalam Surat Kredit.

v. Sebaik sahaja urusan memasukkan barangan ke dalam kapal selesai, pengekspor akan mengemukakan dokumen-dokumen kepada bank pengekspor untuk menuntut bayaran.

vi. Bank pengekspor akan memeriksa semula semua dokumen. Jika bank tersebut adalah bank peraku, ia akan membuat bayaran kepada pengekspor apabila kesemua dokumen adalah bertepatan dengan item-item yang diminta oleh pengimport dalam Surat Kredit. Di sini, pengekspor dijamin bayaran dan akan dibayar secepat mungkin oleh bank peraku.


vii. Bank peraku kemudiannya akan memajukan dokumen kepada bank penerbit dan menuntut bayaran

viii. Bank penerbit akan membayar kepada bank peraku (pengekspor) setelah memeriksa dokumen dan mendapati tiada kesilapan


ix. Bank penerbit selanjutnya akan memanjangkan dokumen kepada pengimport ( sama ada tanpa syarat atau bersandarkan resit amanah), memaklumkan kepada pengimport tentang keadaan dokumen dan pengimport akan memeriksa semula dokumen tersebut.

x. Sekiranya semua dokumen adalah lengkap, pengimport akan membuat pembayaran kepada bank penerbit dan menerima dokumen tersebut. Penerimaan dokumen membolehkan pengimport memiliki barangan yang dihantar.

Proses penyediaan Surat Kredit boleh diilustrasikan seperti gambar rajah 1 dan gambar rajah 2 di bawah:



Rajah 4.4  
*Proses Penyediaan Surat Kredit*  
Sumber : Ahmad Shamsul, 2007



Rajah 4.4 (Sambungan)


Perpindahan wang daripada pengimport kepada bank penerbit, daripada bank penerbit kepada bank peraku dan daripada bank peraku kepada pengeksport boleh dibuat pada masa yang sama dengan pertukaran dokumen atau mengikut mana-mana syarat yang dipersetujui dalam kontrak jualan barangan (Rosmawani, 2009).

Surat Kredit juga mempunyai jenis-jenisnya yang tersendiri. Penyelidik hanya menjelaskan jenis-jenis tersebut tanpa menghuraikannya. Hal ini adalah kerana yang berkaitan dengan kajian penyelidik adalah huraian tentang konsep Surat Kredit dan proses penyediannya serta penggunaannya sebagai instrumen pembayaran dalam transaksi perdagangan antarabangsa. Jenis-jenis Surat Kredit adalah seperti yang dinyatakan oleh

Muhammad (2010), Sharan (2006) dan Beard dan Thomas (2006) adalah seperti yang berikut:

- i. Surat Kredit Tak Boleh Mansuh (*Irrevocable*)
- ii. Surat Kredit Boleh Mansuh (*Revocable*)
- iii. Surat Kredit Pusingan
- iv. Surat Kredit “Fasal Merah”
- v. Surat Kredit Boleh Pindah Milik
- vi. Surat Kredit Sandar Menyandar

Kaedah-kaedah pembayaran yang dihuraikan di atas mempunyai kelebihan dan juga kekurangan berdasarkan risiko keselamatan yang dihadapi ketika perlaksanaannya. Beard dan Thomas (2006) merumuskan risiko dari segi jaminan dan keselamatan kaedah-kaedah tersebut seperti dalam rajah di bawah :



Rajah 4.5

*Kadar Risiko Kaedah-kaedah Pembayaran Dalam Perdagangan Antarabangsa*

Sumber : Beard dan Thomas, 2006

Kaedah-kaedah pembayaran di atas dilaksanakan melalui operasi perbankan antarabangsa melalui cara-cara dan arahan bayaran seperti tunai, cek pembeli (*buyer's cheque*), draf bank ataupun melalui pemindahan antarabangsa seperti pemindahan mel, kabel atau

pemindahan telex (*telegraphic transfer*) dan SWIFT (*Society for World-wide Interbank Financial Telecommunications*). Berdasarkan kaedah-kaedah ini juga institusi perbankan menawarkan berbagai-bagai produk dan instrumen yang berbentuk pembiayaan (*financing*) untuk membantu dan memudahkan para pengimport dan juga pengeksport berurusan dalam pasaran antarabangsa.

#### **4.3. Produk-produk dan Instrumen Pembiayaan Perdagangan Antarabangsa**

Institusi perbankan memainkan peranan penting dalam mengembangkan dan meluaskan lagi aktiviti perdagangan antarabangsa dengan menawarkan produk-produk pembiayaan perdagangan (*trade financing*) kepada pengimport dan juga pengeksport. Penyelidik akan membincangkan beberapa produk utama pembiayaan perdagangan yang ditawarkan oleh institusi perbankan berdasarkan kajian penyelidik terhadap bank-bank tempatan dan asing yang sedang beroperasi di Malaysia. Produk-produk tersebut ialah :

- i. Bil Pertukaran (*Bill of Exchange*)
- ii. Penerimaan Jurubank (*Bankers Acceptance*)
- iii. Resit Amanah (*Trust Receipt*)
- iv. Jaminan Perkapalan (*Shipping Guarantee*)
- v. Pembiayaan Semula Kredit Eksport (*Export Credit Refinancing*)
- vi. Jaminan Bank (*Bank Guarantee*)

Surat Kredit juga termasuk dalam kategori produk-produk pembiayaan perdagangan yang ditawarkan oleh institusi perbankan di Malaysia. Penyelidik telah menghuraikan tentang Surat Kredit ketika membincangkan kaedah-kaedah pembayaran dalam transaksi perdagangan antarabangsa. Oleh itu, penyelidik hanya akan memfokuskan perbincangan

yang berkaitan dengan produk-produk yang dinyatakan di atas sahaja. Perbincangan adalah merangkumi konsep produk tersebut dan bagaimana pelaksanaannya dalam institusi perbankan khususnya di Malaysia.

#### **4.3.1 Bil Pertukaran (*Bill of Exchange*)**

Kaedah Pemungutan berdokumen (*documentary collection*) menggunakan bil pertukaran sebagai kaedah atau arahan supaya sesuatu pembayaran dilaksanakan. Bil pertukaran membawa maksud suatu perintah bertulis tidak bersyarat yang ditujukan oleh seseorang kepada seseorang yang lain, ditandatangani oleh orang yang memberinya, berkehendakkan orang yang ditujukan itu membayar pada masa yang diminta, atau pada masa hadapan yang ditentukan, sejumlah wang kepada atau atas perintah seseorang yang tertentu atau kepada pembawa (Ahmad Shamsul, 2007, Sharan, 2006). Dengan perkataan lain, ia adalah dokumen yang disediakan dan ditandatangani oleh pengeksport dan ditujukan kepada pengimport, meminta pengimport membayar sejumlah wang atas perintah atau pada masa hadapan yang ditentukan kepada pengeksport.

Terdapat tiga pihak yang terlibat dalam bil pertukaran ini. Pihak yang memberi perintah dan mengeluarkan bil dikenali sebagai penyuruh bayar (*drawer*), pihak yang diberikan atau orang yang menguruskan bil itu ialah pesuruh bayar (*drawee*), dan pihak yang menerima pembayaran (*payee*) atau yang dinamakan sebagai benefisiari disebut sebagai penerima (kadang-kadang penyuruh bayar juga merupakan penerima jika pembayaran bil itu ditujukan kepadanya). Kebiasaannya penerima ialah bank yang bertindak bagi pihak pengeksport (Hinkelman *et al.*, 2002).

Bil pertukaran boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu bil tempatan (*inland bill*) dan bil asing (*foreign bill*). Sesuatu bil itu dianggap sebagai bil tempatan jika bil itu dikeluarkan dan dibayar di dalam negara atau dikeluarkan di negara ini contohnya atas nama beberapa orang yang menetap di sini. Bil-bil yang selain dinyatakan sebagai bil tempatan merupakan bil asing (Pang, 1988).

Bil pertukaran adalah sejenis instrumen boleh niaga yang popular dalam pasaran kewangan dan boleh dirundingkan serta dipindah milik (Sharan, 2006). Bil dirundingkan apabila hak miliknya dipindahkan daripada seorang kepada seorang yang lain, dengan penerima pindahan ini akan menjadi pemegang bil dan berhak terhadap pembayarannya. Bil ini boleh dirundingkan seterusnya sehinggalah terhalang oleh pengendorsan atau dilepaskan melalui pembayaran. Selepas penghantaran barangan kepada pengimport, pengeksport boleh menuntut pembayaran segera daripada bank dengan menyerahkan bil pertukaran ini beserta dokumen yang lain sekiranya dalam syarat-syarat kontrak ada membolehkan perundingan dan pembayaran atas bil pertukaran tersebut (Rosli, 1998).

#### **4.3.2 Penerimaan Jurubank (*Bankers Acceptance BA* )**

Penerimaan Jurubank atau BA ialah satu bil pertukaran yang dikeluarkan oleh pelanggan atas perintahnya, diterima oleh jurubank dan harus dibayar pada masa hadapan yang ditetapkan (Madura, 2003). Menurut Schaffer *et al.*, (2003) ia juga dikenali sebagai draf ataupun draf antarabangsa (*international draft*). Istilah draf (*draft*) digunakan di US manakala bil pertukaran pula biasanya digunakan dalam transaksi luar dari US khususnya di England. Penerimaan jurubank digunakan oleh pengimport dan pengeksport yang

memerlukan pembiayaan jangka pendek. Jumlah minima bagi BA ialah RM30,000 manakala tempoh minima pembiayaan ialah 21 hari dan tidak boleh melebihi 365 hari dari tarikh penerimaan (Fauzias, 2002).

Di Malaysia, penerimaan jurubank hanya digunakan untuk membiayai salah satu daripada aktiviti seperti yang berikut:

- i. Import ke dalam negara
- ii. Eksport ke luar negara
- iii. Penjualan di dalam negara
- iv. Pembelian di dalam negara

Dalam urusan perdagangan antarabangsa, seseorang pelanggan yang mengimport barangan dari luar negara akan memerlukan pembayaran segera jika menggunakan bil tampak dan penerimaan jurubank akan menyediakan wang yang diperlukan bagi memenuhi pembayaran bil ini. Manakala untuk penjualan barangan ke luar negara pula, pengeksport kadangkala akan menggunakan bil usans terhadap pembeli berkenaan. Memandangkan bil usans adalah untuk penjualan secara kredit, pengeksport terpaksa menunggu bil ini matang sebelum memperoleh pembayarannya. Oleh itu, pengeksport boleh menggunakan penerimaan jurubank untuk membiayai penjualan kreditnya itu (Rosli, 1994).

Peraturan untuk mendapat dan menggunakan kemudahan penerimaan jurubank ini bagi seseorang pengeksport adalah seperti berikut (Rosli, 1994):

- i. Pengeksport terlebih dahulu mendapatkan kemudahan kredit daripada bank.
- ii. Selepas penghantaran barangan, pengeksport akan mengeluarkan bil usans kepada pembeli luar (pengimport) dan dengan dokumen sokongan lain diserahkan kepada bank untuk pemungutan hasilnya.
- iii. Pengeksport kemudiannya mengeluarkan penerimaan jurubank terhadap bank berkenaan untuk sejumlah nilai muka bil pertukaran asal itu.
- iv. Jika bank bersetuju yang penerimaan ini memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan, bank akan menerimanya. Selepas penerimaan oleh bank, penerimaan jurubank ini akan didiskaunkan<sup>25</sup> dan hasilnya dibayar kepada pengeksport.
- v. Bil pertukaran asal yang dikeluarkan oleh pengeksport bersama-sama dokumen sokongan dihantar kepada bank pengimport diluar negara untuk pemungutan hasilnya daripada pengimport.
- vi. Setelah selesai tempoh matangnya, bil pertukaran akan dibayar oleh pengimport melalui banknya dan jumlah yang dipungut akan digunakan untuk membayar balik pendahuluan yang diperoleh oleh pengeksport melalui penerima jurubank. Walau bagaimanapun, bank masih mempunyai hak tuntutan terhadap pengeksport jika pengimport gagal membayar bil pertukaran tersebut.

---

<sup>25</sup> Satu kemudahan yang disediakan oleh pihak bank kepada pengeksport yang menjual barangannya secara kredit. Bank akan memberikan kredit serta merta kepada pengeksport ini sebelum hasil daripada bil pertukaran dipungut dan diterima. Tempoh kredit akan bergantung kepada tempoh penerimaan bil pertukaran, Rosli Mahmood (1998).

Penerimaan jurubank boleh diniagakan bagi mendapatkan pembayaran. Memandangkan penerimaan jurubank merupakan bil yang diterima oleh bank, ia senang didiskaunkan dalam pasaran wang. Penerimaan jurubank juga digemari oleh pengeksport dan pengimport kerana mempunyai kadar faedah yang lebih rendah berbanding dengan pembiayaan yang lain.

#### **4.3.3 Resit Amanah (*Trust Receipt TR*)**

Produk pembiayaan perdagangan yang seterusnya ialah Resit Amanah. Resit Amanah merupakan satu dokumen yang ditandatangani oleh pengimport, mengesahkan penerimaan dokumen-dokumen perkapalan daripada bank dan membolehkan pengimport bertindak bagi pihak bank untuk mendapatkan barangan yang diimportnya daripada syarikat perkapalan. Dengan penerimaan barangan ini, pengimport akan menjualkannya dan menggunakan hasilnya untuk dijelaskan kepada bank (Hinkelman *et al.*, 2002, Fauzias, 2002).

Penggunaan Resit Amanah wujud apabila pengimport yang mengimport barangan secara bil tampak tidak dapat membayar bil yang diterimanya, mungkin disebabkan kekurangan modal pada ketika itu. Pengimport boleh membuat permohonan dengan bank untuk mendapatkan dokumen hak milik barangan yang diimportnya dengan menyempurnakan Resit Amanah. Hal ini bermaksud pengimport akan memperoleh barangannya tanpa terlebih dahulu membayar kepada bank dengan menyerahkan dokumen hak milik ini termasuk bil muatan kepada syarikat perkapalann (Rosli,1998). Bank akan mendahulukan pembayaran bagi pihak pengimport yang menggunakan Resit Amanah sebagai

cagarannya. Pengimport pula akan menjual barangan yang diperolehinya dan menggunakan hasilnya untuk membayar hutangnya kepada bank pada atau sebelum berakhir tempoh perjanjian Resit Amanah ini (Pang, 1997).

Tempoh pembiayaan bagi perkhidmatan ini bergantung kepada perjanjian yang dibuat antara bank dengan pengimport yang kebiasannya dalam tempoh 30 hingga 180 hari. Kadar faedah pula berpandukan kadar pemberian pinjaman asas dengan ditambah peratus margin (Fauzias, 2002), bergantung pada kedudukan kewangan dan hubungan pengimport berkenaan dengan bank (Rosli, 1994).

Urus niaga Resit Amanah ini boleh dihuraikan melalui proses seperti yang berikut:

- i. Pengimport dan pengeksport menandatangani perjanjian urus niaga yang menetapkan bahawa pembayaran akan dibuat selepas penerimaan dokumen-dokumen oleh pengimport.
- ii. Pengeksport menghantar barangan kepada pengimport
- iii. Pengeksport menghantar dokumen-dokumen kepada banknya untuk untuk pemungutan
- iv. Bank pengeksport akan menghantar dokumen-dokumen ini kepada bank pengimport dengan arahan supaya penyerahan hanya boleh dilakukan apabila menerima pembayarannya.
- v. Bank pengimport pula akan menyerahkan dokumen-dokumen ini kepada pengimport untuk mendapatkan pembayarannya.

- vi. Pengimport akan memohon penyerahan dokumen-dokumen ini dengan menyempurnakan Resit Amanah dan dokumen-dokumen ini kemudiannya diserahkan kepada bank pengimport
- vii. Bank pengimport membuat pembayaran kepada bank pengeksport untuk menjelaskan bagi pihak pengimport.
- viii. Pengimport menyerahkan dokumen-dokumen termasuk bil muatan kepada syarikat perkapalan untuk mendapatkan barangannya.
- ix. Pengimport menjual barangan ini dan menggunakan hasilnya untuk menjelaskan Resit Amanah kepada bank

Menurut Hinkelman *et al.*, (2002), Resit Amanah ini dilaksanakan di bawah tata cara Surat Kredit atau Pemungutan Berdokumen agar pihak pembeli (pengimport) dapat memperoleh barangannya sebelum membuat pembayaran kepada bank pengimport.

#### **4.3.4 Jaminan Perkapalan (*Shipping Guarantee*)**

Jaminan Perkapalan ialah satu dokumen yang ditandatangani bersama oleh bank dan pengimport dan diberikan kepada syarikat perkapalan untuk mendapatkan barangan yang telah sampai ke pelabuhan. Dokumen ini akan memberi jaminan ganti rugi kepada syarikat perkapalan berkenaan akibat kerosakan atau kehilangan yang mungkin akan dihadapinya kerana membenarkan pelanggan menerima barangan terlebih dahulu tanpa menyerahkan bil muatan (*bill of lading*) (Mohammad Khairi, Razli dan Haryani, 2011). Jaminan Perkapalan merupakan gantian kepada dokumen perkapalan untuk membolehkan pengimport mendapatkan barangannya daripada syarikat perkapalan.

Jaminan perkapalan ini juga berfungsi sebagai satu nota janji untuk menyerahkan bil muatan apabila diterima oleh pengimport kelak (Abd Ghafar dan Surathman,1993).

Jaminan perkapalan diperlukan oleh pengimport apabila barangan yang dipesan sampai di pelabuhan sebelum dokumen perkapalan diterima olehnya atau banknya. Memandangkan kos dan perbelanjaan untuk menyimpan dan penstoran barangan di pelabuhan adalah tinggi, pengimport akan meminta banknya mengeluarkan jaminan perkapalan ini bagi membolehkannya menerima barangan berkenaan tanpa menyerahkan dokumen yang diperlukan. Hal ini adalah kerana setiap penyerahan barangan oleh syarikat perkapalan mestilah melalui dokumen perkapalan yang tertentu termasuk bil muatan. Menurut Rosli (1994), dengan menandatangani jaminan perkapalan ini maka pengimport:

- i. Bersetuju dan berjanji untuk mengganti rugi segala kerosakan, kehilangan dan kerugian yang berkaitan dengan penyerahan barangan oleh syarikat perkapalan.
- ii. Berjanji untuk membayar segala perbelanjaan berkaitan dengan penyerahan barangan
- iii. Mengesahkan bahawa pengimport merupakan pemilik dan tuan punya yang sah terhadap barangan tersebut
- iv. Berjanji untuk menyerahkan segala dokumen perkapalan termasuk bil muatan kepada syarikat perkapalan apabila menerimanya nanti.

Peranan yang dimainkan oleh pihak bank dalam urus niaga jaminan perkapalan adalah untuk memastikan bahawa pelanggan akan melaksanakan tanggungjawabnya. Bank juga

akan bertanggungjawab untuk menerima atau membayar bil pertukaran yang diterima bersama-sama dokumen perkapalan, tidak kira jika terdapat kecacatan. Memandangkan risiko yang terpaksa ditanggung ini, maka pihak bank hanya akan menyediakan kemudahan jaminan ini hanya kepada pelanggan tertentu sahaja dan yang mempunyai kemudahan kewangan atau yang sedia mengeluarkan cagaran dalam bentuk tunai atau sekuriti yang lain. Perolehan kepada bank adalah dalam bentuk komisen yang dikenakan terhadap jumlah yang dijaminnya (Pang, 1997).

#### **4.3.5 Pembiayaan Semula Kredit Eksport (*Export Credit Refinancing*)**

Skim pembiayaan semula kredit eksport atau ECR adalah satu kemudahan pembiayaan bagi menggalakkan eksport barangan perkilangan dan pertanian yang layak dan mempunyai nilai tambah yang baik (Mohammad Khairi *et al.*, 2011, Fauzias, 2002). Skim ini pada asalnya diperkenalkan oleh Bank Negara Malaysia pada tahun 1977, tetapi mulai 1 Januari 1998 EXIM (Export and Import) Bank mengambil alih sepenuhnya pelaksanaan skim ECR ini<sup>26</sup>. Instrumen ini dibiayai sepenuhnya oleh EXIM Bank melalui bank-bank komersial yang mengambil bahagian. Skim ini menyediakan kemudahan kredit kepada pengeksport pada kadar faedah istimewa yang ditetapkan oleh EXIM Bank dari semasa ke semasa, dan tidak seperti pembiayaan lain yang kadar faedahnya berpandukan kadar pemberian pinjaman asas atau BLR. EXIM Bank juga telah mengeluarkan garis panduan pelaksanaan skim ini yang dinamakan sebagai “*Guideline on Export Credit Refinancing Scheme*” ([http://www.exim.com.my/download/ECR\\_GUIDELINE.pdf](http://www.exim.com.my/download/ECR_GUIDELINE.pdf), 9.7.2012)

---

<sup>26</sup> Temu bual dengan Ismail b Mahayuddin, penasihat CIMB Islamic pada 5.7.2012, Shah Alam .

Tujuan diperkenalkan skim ini adalah untuk membolehkan barangan dieksport dengan kos yang lebih rendah supaya dapat menyaingi kemudahan kredit yang ditawarkan oleh negara lain (Rosli, 1998). Skim ECR ini menyediakan dua jenis pembiayaan iaitu :

- i. Pembiayaan Semula Pra- Hantaran (ECR Pre-shipment )
- ii. Pembiayaan Semula Selepas Hantaran (ECR Post-shipment )
- iii.

#### **4.3.5.1 Pembiayaan Semula Pra- Hantaran (*ECR Pre-shipment*)**

Skim ini diwujudkan bagi tujuan menggalakkan eksport barangan tempatan melalui penyediaan modal kerja kepada pengeksport dan pengilang bahan-bahan eksport. Pembiayaan ini mula diperkenalkan kepada para pengeksport pada tahun 1979 (Pang, 1997). Pembiayaan ini juga bertujuan menggalakkan pertumbuhan industri kecil yang berorientasikan eksport atau industri-industri sokongannya. Pembiayaan yang disediakan adalah untuk pengeksport langsung dan tidak langsung. Pengeksport langsung merupakan pengeksport barangan terakhir seperti syarikat perkilangan atau perdagangan. Pengeksport tidak langsung pula ditujukan kepada pembekal tempatan yang membekalkan bahan mentah, barangan separuh siap atau barangan siap yang digunakan untuk mengeluarkan barangan eksport (Rosli, 1998).

Kemudahan pembiayaan ini disediakan untuk produk-produk yang melengkapinya syarat-syarat yang berikut (Fauzias, 2002):

- i. Produk tidak disenaraikan dalam jenis-jenis yang dilarang (*negative lists*)

- ii. Produk mestilah mempunyai kriteria nilai tambah (*value added*) sekurang-kurangnya 20%
- iii. Produk mestilah menggunakan sekurang-kurang 30% bahan mentah tempatan
- iv. Produk mestilah disenaraikan dalam appendix 3 panduan Pembiayaan Semula Kredit Eksport seperti binatang hidup, sayur-sayuran, barang makanan, plastik, getah, tekstil dan bahan-bahan keluaran dari kayu.

Kaedah yang ditawarkan dalam skim ini adalah berasaskan pesanan dan sijil prestasi. Kaedah asas pesanan (*order-based method*) disediakan kepada pengeksport berdasarkan pesanan eksport yang dibuktikan melalui pesanan belian, kontrak jualan atau pesanan teleks. Jumlah pembiayaan yang disediakan ialah sehingga 80% daripada nilai pesanan atau kontrak jualan ([http://www.exim.com.my/download/ECR\\_GUIDELINE.pdf](http://www.exim.com.my/download/ECR_GUIDELINE.pdf), 9.7.2012).

Kaedah sijil prestasi (*certificate of performance method -CP*) pula, pembiayaan disediakan kepada pengeksport apabila sijil dikeluarkan kepada beliau oleh EXIM Bank berdasarkan cadangan daripada bank perdagangan. Untuk memenuhi syarat mendapatkan sijil ini, seseorang pengeksport mestilah telah mengeksport secara berterusan dengan jumlah minimum sebanyak RM3 juta bagi tahun kewangan yang berakhir dan untuk tempoh 12 bulan sebelum ([http://www.exim.com.my/download/ECR\\_GUIDELINE.pdf](http://www.exim.com.my/download/ECR_GUIDELINE.pdf) , 9.7.2012).

Jumlah pembiayaan yang ditawarkan ialah berdasarkan CP yang dikeluarkan oleh EXIM bank berdasarkan sokongan dari bank yang menawarkan perkhidmatan ECR ini (Fauzias, 2002). Kadar faedah pula ditentukan oleh EXIM Bank dari semasa ke semasa dan bank perdagangan (ECR) dibenarkan menambah margin sehingga 1.5% setahun terhadap faedah ini.

Pembayaran pinjaman dibuat oleh bank perdagangan melalui bil prahantaran iaitu bil pertukaran yang dikeluarkan oleh pihak bank ke atas pengeksport untuk matang pada masa hadapan yang ditetapkan. Bil ini akan disandarkan kepada EXIM Bank sebagai cagaran pinjaman prahantaran ([http://www.exim.com.my/download/ECR\\_GUIDELINE](http://www.exim.com.my/download/ECR_GUIDELINE) )

#### **4.3.5.2 Pembiayaan Semula selepas Hantaran (*ECR post-shipment*)**

Skim pembiayaan semula selepas hantaran merupakan kemudahan yang disediakan kepada pengeksport yang telah mengeksport barangan layak secara kredit (Sharan, 2006). Skim ini diperkenalkan kepada para pengeksport lebih awal iaitu pada tahun 1977 (Pang, 1995). Melalui pembiayaan ini, pengeksport boleh mendapatkan pembiayaan segera dengan kadar faedah berpatutan dari EXIM Bank melalui bank perdagangan dengan menyerahkan dokumen berkaitan selepas penghantaran barangan. Tujuan utama pembiayaan ini adalah untuk menggalakkan eksport barangan perkilangan dan hasil pertanian yang mempunyai nilai tambahan penting serta yang menggunakan sumber asli tempatan.

Skim ini juga menyediakan kemudahan kredit segera kepada pengeksport dengan kadar faedah yang munasabah bagi membolehkan pengeksport ini bersaing dengan lebih berkesan dalam perdagangan antarabangsa<sup>27</sup>.Tempoh pembiayaan adalah bersamaan dengan tempoh kredit yang diberikan kepada pengimport tertakluk kepada tempoh maksimum yang tidak melebihi 6 bulan. Kadar faedah pula ditetapkan oleh EXIM Bank dari semasa ke semasa dengan margin tambahan sehingga 1.5 peratus ([http://www.exim.com.my/download/ECR\\_GUIDELINE.pdf](http://www.exim.com.my/download/ECR_GUIDELINE.pdf), 9.7.2012). Pembayaran pula, dilakukan oleh bank perdagangan melalui bil selepas hantaran atau bil gantian iaitu bil pertukaran yang dikeluarkan oleh bank perdagangan dan diterima oleh pengeksport untuk matang pada masa hadapan yang ditetapkan (Pang, 1997, Rosli, 1998).

#### **4.3.6 Jaminan Bank (*Bank Guarantee*).**

Jaminan bank juga merupakan antara produk-produk dan instrumen yang ditawarkan oleh institusi perbankan kepada pengeksport dan juga pengimport. Jaminan bank bermaksud suatu jaminan yang diberikan oleh pihak bank kepada pihak ketiga atas permintaan pelanggannya. Jaminan bank ini merupakan satu pengakuan bertulis bank kepada pihak ketiga atau benefisiari, untuk menjamin pembayaran balik pinjaman atau pelaksanaan sesuatu tanggungjawab oleh seseorang yang lain, khususnya pelanggan bank berkenaan (Hinkelman, 2002, Rosli, 1994). Tujuan utama jaminan bank ialah untuk memastikan pihak yang mendapat kontrak untuk melaksanakan suatu tanggungjawab mampu melaksanakannya. Sekiranya pihak ini gagal, benefisiari atau pihak ketiga berhak menuntut gantirugi daripada bank yang memberikan jaminan ini (Rosli,1998).

---

<sup>27</sup> Temu bual dengan En. Ismail b Mahayuddin, penasihat CIMB Islamic pada 5.7.2012, Shah Alam.

Jaminan bank dalam urusniaga antarabangsa boleh dibahagikan kepada jenis-jenis berikut (Rosli, 1998 ):

#### **4.3.6.1 Bon Tender atau Bida**

Bon Tender merupakan satu penyediaan jaminan kepada pelanggan yang memasuki tender untuk suatu kerja kontrak di luar negara. Bank memberi jaminan bahawa pelanggan ini akan menerima kerja-kerja yang ditenderkan sekiranya ia berjaya memperoleohnya. Jika pelanggan ini gagal menerima kontrak selepas ia ditawarkan, bank akan mengganti rugi pihak benefisiari berdasarkan peratusan kecil harga kontrak.

#### **4.3.6.2 Bon Prestasi**

Bon Prestasi bermaksud pihak bank menyediakan jaminan kepada pihak ketiga atau benefisiari bahawa pelanggan yang telah diberikan kontrak akan melaksanakan dengan sempurna mengikut syarat-syarat kontrak. Sekiranya pelanggan ini gagal melaksanakannya, bank bertanggungjawab membayar kepada benefisiari sehingga jumlah had yang dipersetujui, dan biasanya peratusan nilai kontrak.

#### **4.3.6.3 Bon Bayaran Pendahuluan atau Progres**

Bon ini pula menyediakan jaminan kepada pihak ketiga atau benefisiari yang bank akan mengganti kerugian atau mengembalikan bayaran pendahuluan atau progres yang telah diberikan kepada pelanggan , sekiranya pelanggan ini gagal melaksanakan kontrak yang dipertanggungjawabkan.

#### **4.3.6.4 Bon Waranti.**

Bon waranti menyediakan jumlah kewangan untuk tempoh waranti selepas pelanggan melaksanakan kerja-kerja kontraknya. Bon ini memastikan bahawa kerja-kerja yang telah disiapkan ini bebas daripada masalah atau kerosakan untuk suatu tempoh tertentu selepas diserahkan kepada benefisiari (tuan punya). Sekiranya berlaku masalah atau kerosakan dan pelanggan gagal mengambil tindakan mengatasi atau memperbaikinya dalam tempoh waranti ini, bank akan mengganti rugi benefisiari yang diberikan jaminan ini.

Jaminan ini tidak boleh diberikan untuk tempoh melebihi satu tahun, melainkan jaminan itu merupakan untuk kontrak kerajaan, untuk import dan eksport barangan tertentu ataupun untuk kontrak yang mempunyai tempoh tertentu. Tempoh berakhirnya jaminan bank ini juga tidak boleh melebihi 12 bulan dari tempoh berakhirnya kontrak asal kerajaan.

Berdasarkan penelitian penyelidik, terdapat beberapa lagi produk yang ditawarkan oleh pihak bank untuk memenuhi keperluan dan kehendak pelanggannya. Namun begitu, produk-produk tersebut hanya ditawarkan oleh segelintir bank sahaja. Produk-produk tersebut adalah seperti *Foreign Currency Trade Loan* yang menawarkan pembiayaan barangan import seperti mesin dan tanaman daripada pembekal asing. Pembiayaan ini ditawarkan dalam mata wang US dan mata wang-mata wang asing yang utama di dunia seperti EURO, Japanese Yen dan sebagainya. Satu lagi produk yang ditawarkan ialah Peraturan Pembiayaan Dua Hala (*Bilateral Payment Arrangement*). Skim ini

diperkenalkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menggalakkan perdagangan dua hala antara Malaysia dan beberapa negara membangun yang lain.

#### **4.4 Pembiayaan Perdagangan dalam Sistem Perbankan di Malaysia**

Sistem perbankan memainkan peranan penting dalam transaksi perdagangan antarabangsa terutamanya yang membabitkan isu pembiayaan dan juga pembayaran. Menurut Ridha (2007), terdapat dua faktor yang mendorong kepada perlunya pembiayaan perdagangan yang melibatkan pihak bank iaitu ketika pembeli memohon pembayaran secara bertanggung (*deferred payment*) atau tatkala penjual meminta bayaran pendahuluan daripada pembeli. Proses pembayaran yang melibatkan penangguhan membawa kepada timbulnya isu kredit atau hutang. Pembiayaan dalam perdagangan antarabangsa sama ada dalam perbankan konvensional atau perbankan Islam masih lagi dibiayai melalui kredit. Namun perbankan Islam masih mencari-cari teknik alternatif dalam pembiayaan perdagangan antarabangsa ini agar ianya betul-betul menepati kehendak syariah antaranya pembiayaan melalui proses perkongsian untung rugi yang sedang diamalkan di beberapa institusi perbankan Islam sekarang.

Penyelidik telah membuat analisis ringkas berkaitan produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa yang ditawarkan di institusi perbankan konvensional di Malaysia dan seterusnya yang ditawarkan di institusi perbankan Islam. Penyelidik juga membuat perbandingan secara ringkas terhadap produk-produk ini agar ianya dapat difahami dengan jelas dan dapat membantu dalam meneruskan kajian seterusnya.

#### **4.4.1 Pembiayaan Perdagangan dalam Sistem Perbankan Konvensional di Malaysia**

Penyelidik telah memilih sebanyak 11 buah bank komersil tempatan dan antarabangsa yang telah lama beroperasi di Malaysia untuk membuat perbandingan dan analisa ringkas berkaitan produk-produk yang ditawarkan di bawah perkhidmatan pembiayaan perdagangan. Penyelidik juga hanya memfokuskan produk-produk utama yang menjadi pilihan pengguna iaitu :

- i. Surat Kredit (L/C)
- ii. Surat Jaminan Bank (L/G)
- iii. Jaminan Perkapalan (Shipping Guarantee)
- iv. Penerimaan Jurubank (Bankers Acceptance)
- v. Resit Amanah (Trust Receipt)
- vi. Pembiayaan Semula Kredit Eksport (Export Credit Refinancing)
- vii. Bil-bil Pertukaran (Bills of Exchange)
- viii. Pemungutan (Documentary Collection)
- ix. *Foreign Currency Trade Loan*
- x. Peraturan Pembayaran Dua Hala (*Bilateral Payment Arrangement*)

Jadual 4.1

*Produk-produk Pembiayaan Perdagangan Antarabangsa dalam Perbankan Konvensional di Malaysia*

| Bank/ Produk                     | Surat Kredit | Jaminan Bank | Jaminan Perkapalan | Penerimaan Jurubank | Resit Amanah | ECR | Bil-bil Pertukaran | Pemungutan | Foreign Currency Trade Loan | Bilateral Payment Arrangement |
|----------------------------------|--------------|--------------|--------------------|---------------------|--------------|-----|--------------------|------------|-----------------------------|-------------------------------|
| RHB Bank <sup>28</sup>           | ✓            | ✓            | ✓                  | ✓                   | ✓            | ✓   | ✓                  | ✓          | ✓                           | ✓                             |
| Maybank <sup>29</sup>            | ✓            | ✗            | ✓                  | ✓                   | ✓            | ✓   | ✓                  | ✓          | ✓                           | ✗                             |
| Eon Bank <sup>30</sup>           | ✓            | ✓            | ✓                  | ✓                   | ✓            | ✓   | ✓                  | ✓          | ✗                           | ✗                             |
| Affin Bank <sup>31</sup>         | ✓            | ✓            | ✓                  | ✓                   | ✓            | ✓   | ✓                  | ✓          | ✗                           | ✗                             |
| Hong Leong Bank <sup>32</sup>    | ✓            | ✓            | ✓                  | ✓                   | ✓            | ✓   | ✓                  | ✓          | ✓                           | ✗                             |
| CIMB Bank <sup>33</sup>          | ✓            | ✓            | ✓                  | ✓                   | ✓            | ✓   | ✓                  | ✓          | ✗                           | ✓                             |
| Public Bank <sup>34</sup>        | ✓            | ✓            | ✓                  | ✓                   | ✓            | ✓   | ✓                  | ✓          | ✗                           | ✓                             |
| Am Bank <sup>35</sup>            | ✓            | ✓            | ✓                  | ✓                   | ✓            | ✓   | ✓                  | ✓          | ✓                           | ✗                             |
| Alliance Bank <sup>36</sup>      | ✓            | ✓            | ✓                  | ✓                   | ✓            | ✓   | ✓                  | ✓          | ✓                           | ✗                             |
| Standard Chartered <sup>37</sup> | ✓            | ✓            | ✓                  | ✗                   | ✗            | ✗   | ✓                  | ✓          | ✗                           | ✗                             |
| HSBC Malaysia <sup>38</sup>      | ✓            | ✗            | ✓                  | ✓                   | ✗            | ✓   | ✓                  | ✓          | ✗                           | ✗                             |

Rajah menunjukkan produk-produk pembiayaan perdagangan yang ditawarkan di bank-bank komersial tempatan dan asing yang sedang beroperasi di Malaysia. Hampir semua bank-bank tersebut menawarkan produk-produk yang telah dipilih oleh penyelidik. Produk-produk seperti *Foreign Currency Trade Loan* dan *Bilateral Payment*

<sup>28</sup> [http://www.rhb.com.my/business\\_banking/trade\\_service/main/main.html#2](http://www.rhb.com.my/business_banking/trade_service/main/main.html#2).24.04.2012

<sup>29</sup> [http://www.maybank2u.com.my/mbb\\_info/m2u/public/personalChannel01.do?channelId=BFIN02-TradeFinancing&chCatId=/mbb/Business/BFIN-Financing/BFIN02-TradeFinancing](http://www.maybank2u.com.my/mbb_info/m2u/public/personalChannel01.do?channelId=BFIN02-TradeFinancing&chCatId=/mbb/Business/BFIN-Financing/BFIN02-TradeFinancing) .24.04.2012

<sup>30</sup> [http://www.eonbank.com.my/biz/biz\\_trade\\_financing.shtml](http://www.eonbank.com.my/biz/biz_trade_financing.shtml) .24.04.2012

<sup>31</sup> <http://www.affinbank.com.my/banking/conibcredit/conibcredit.htm>.24.04.2012

<sup>32</sup> <http://www.hlb.com.my/wsb/cc/biztrade.jsp?flag=biztrade>.24.04.2012

<sup>33</sup> [http://www.cimbbank.com.my/index.php?ch=cb\\_biz\\_tr&pg=cb\\_biz\\_tr\\_tra&tpt=cimb\\_bbiz&tpt=cimb\\_bbiz](http://www.cimbbank.com.my/index.php?ch=cb_biz_tr&pg=cb_biz_tr_tra&tpt=cimb_bbiz&tpt=cimb_bbiz).24.04.2012

<sup>34</sup> [http://www.pbebank.com/en/en\\_content/business/financing/index.html](http://www.pbebank.com/en/en_content/business/financing/index.html).24.04.2012

<sup>35</sup> <http://www.ambankgroup.com/>.24.04.2012

<sup>36</sup> <http://www.alliancebank.com.my/tradefinancingservices.html>.24.04.2012

<sup>37</sup> <http://wholesalebanking.standardchartered.com/en/capabilities/transactionbanking/tradeservices/Pages/importexport.aspx> 24.04.2012

<sup>38</sup> <http://www.hsbc.com.my/1/2/business-banking/products-services/trade-and-supply-chain/export-finance>.24.04.2012

*Arrangement* hanya ditawarkan oleh bank-bank tempatan yang tertentu sahaja. *Bilateral Payment Arrangement*<sup>39</sup> adalah satu skim yang diperkenalkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menggalakkan perdagangan dua hala antara Malaysia dan beberapa negara membangun yang lain. Instrumen menjamin penyelesaian pembayaran yang terbit dari pihak pengeksport atau pengimport melalui proses Surat Kredit antara bank-bank di Malaysia dan negara-negara terbabit.

#### **4.4.2 Pembiayaan Perdagangan dalam Sistem Perbankan Islam di Malaysia**

Bank Islam atau perbankan Islam ialah institusi yang diwujudkan untuk menyediakan kemudahan dan perkhidmatan bank, khususnya kepada umat Islam berlandaskan hukum syarak. Seperti mana yang telah dihuraikan dalam bab 1, perbankan Islam menawarkan perkhidmatan yang berteraskan kontrak-kontrak dalam fiqh *muamalat* dalam semua urusannya. Amalan mengenakan riba dalam urusan perbankan sebagaimana yang dilaksanakan dalam perbankan konvensional digantikan dengan sistem perkongsian untung rugi.

Perbankan Islam juga menawarkan perkhidmatan pembiayaan perdagangan seperti yang ditawarkan oleh perbankan konvensional. Produk-produknya adalah sama, tetapi dalam perbankan Islam operasinya telah dimurnikan agar selari dengan kehendak hukum *muamalat* Islam. Bank-bank Islam yang menawarkan produk-produk pembiayaan perdagangan meletakkan simbol “i” pada setiap produk seperti *Letter of Credit-i*, *Trust Receipt-i*, *Accepted Bills-i*, *Bank Guarantee-i* dan sebagainya untuk membezakannya

---

<sup>39</sup> [http://www.pbebank.com/en/en\\_content/business/financing/index.html](http://www.pbebank.com/en/en_content/business/financing/index.html).24.04.2012

dengan produk konvensional. Penyelidik merujuk kepada semua bank Islam (16 buah<sup>40</sup>) untuk mengenal pasti produk-produk pembiayaan perdagangan secara Islam yang ditawarkan di bank-bank berkenaan serta kontrak-kontrak yang digunakan bagi setiap produk. Hasil pemerhatian penyelidik berdasarkan laman web bank-bank Islam tersebut, didapati kesemua bank-bank Islam menawarkan produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa secara Islam. Rajah di bawah menunjukkan bank-bank Islam (16 buah) , produk-produk pembiayaan perdagangan yang ditawarkan serta prinsip-prinsip *syariah* yang digunakan :

Jadual 4.2

*Produk-produk Pembiayaan Perdagangan Antarabangsa Islam di Bank-bank Islam di Malaysia*

| <b>Bank-bank Islam</b>                      | <b>Produk-produk</b>  | <b>Prinsip-prinsip Syariah</b>   |
|---|---|--|
| Bank Islam Malaysia Berhad <sup>41</sup>    | 1.Surat Kredit-i (LC-i)<br>2.Pembiayaan Modal Kerja Dagangan-i (TWCF-i)<br>3. Bil Penerimaan-i (AB-i)<br>4.Bil Pertukaran Belian-i (BEP-i)<br>5.Pembiayaan Semula Kredit Eksport-i (ECR-i)<br>6.Jaminan Perkapalan-i (SG-i)<br>7. Jaminan Bank-i (BG-i)<br>8. Peraturan Pembayaran Dua Hala (BPA) | 1. <i>Wakalah/Murabahah</i><br>2. <i>Murabahah</i><br>3. <i>Murabahah/Bay' Al-Dayn</i><br>4. <i>Bay' Al-Dayn</i><br>5. <i>Murabahah / Bay' Al-Dayn</i><br>6. <i>Kafalah</i><br>7. <i>Kafalah</i> |
| Bank Muamalat Malaysia Berhad <sup>42</sup> | 1. Pembiayaan Modal Kerja <i>Murabahah-i</i> (MWCF)<br>2.Pembiayaan Modal Kerja <i>Bay' Al-Dayn-i</i> (BWCF)<br>3.Surat Kredit-i (LC-i)   | 1. <i>Murabahah</i><br>2. <i>Bay' Al-Dayn</i><br>3. <i>Wakalah / Murabahah / Musyaraka</i>   |

<sup>40</sup> <http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=13&cat=banking&type=IB&fund=0&cu=0>, 18/04/2012

<sup>41</sup> <http://www.bankislam.com.my/bm/Pages/BusinessBanking.aspx> , 24.04.2012

<sup>42</sup> <http://www.muamalat.com.my/wholesale-banking/trade-finance/product-and-services>, 23.04.2012

Jadual 4.2 (Sambungan)

| <b>Bank-bank Islam</b>              | <b>Produk-produk</b>  | <b>Prinsip-prinsip Syariah</b>                     |
|-------------------------------------|---|--|
|                                     | 4. Bil Penerimaan-i (AB-i)  | 4. <i>Murabahah/ Bay' Al-Dayn</i>                  |
|                                     | 5. Bil Pertukaran Belian Luar Negara/ Domestik-i (FBEP(DOC)-i/ DBEP(DOC)-i)         | 5. <i>Bay' Al-Dayn</i>                             |
|                                     | 6. Jaminan Perkapalan Al-Kafalah (KSG)  | 6. <i>Kafalah</i>                                  |
|                                     | 7. Jaminan Bank Al-Kafalah (KBG)  | 7. <i>Kafalah</i>                                  |
|                                     | 8. Bil Kutipan Dalam Luar Negara/ Domestik-i (FIBC-i/DIBC-i)                        | 8. <i>Wakalah / Murabahah</i>                      |
|                                     | 9. Bil Kutipan Keluar Luar Negara/ Domestik-i (FOBC-i/DOBC-i)                       | 9. <i>Wakalah</i>                                  |
| Alliance Islamic Bank <sup>43</sup> | 1. Surat Kredit-i (LC-i)  | 1. <i>Wakalah / Wadiah Yad Damanah/ Ujr (fees)</i> |
|                                     | 2. Resit Amanah-i (TR-i)  | 2. <i>Murabahah</i>                                |
|                                     | 3. Jaminan Perkapalan-i (SG-i)  | 3. <i>Kafalah</i>                                  |
|                                     | 4. Bil Penerimaan-i (AB-i)  | 4. <i>Murabahah/ Bay' Al-Dayn</i>                  |
|                                     | 5. Bil Pertukaran Boleh Runding/ Belian-i (BP-i)                                    | 5. <i>Bay' Al-Dayn</i>                             |
|                                     | 6. Pembiayaan Semula Kredit Eksport-i (ECR-i) Prapenghantaran dan Pascapenghantaran | 6. <i>Murabahah/ Bay' Al-Dayn</i>                  |
|                                     | 7. Jaminan Bank-i (BG-i)  | 7. <i>Kafalah</i>                                  |
|                                     | 8. Pembiayaan Modal Kerja   | 8. <i>Murabahah</i>                                |
|                                     |   | <i>Murabahah</i>                                   |
| AM Islamic Bank <sup>44</sup>       | 1. Surat Kredit-i (LC-i)  | 1. <i>Wakalah / Murabahah</i>                      |
|                                     | 2. Bil Kutipan Dalam-i  | 2. Tidak dinyatakan                                |
|                                     | 3. Bil Kutipan Keluar-i   | 3. Tidak dinyatakan                                |
|                                     | 4. Bil Penerimaan-i   | 4. Tidak dinyatakan                                |

<sup>43</sup> <http://www.allianceislamicbank.com.my/tradefinancing.html>, 23.04.2012

<sup>44</sup> <http://www.ambankgroup.com/en/Islamic/Business/TradeServices/ProductServices/Pages/default.aspx>, 23.04.2012

Jadual 4.2 (Sambungan)

| <b>Bank-bank Islam</b>                | <b>Produk-produk</b>   | <b>Prinsip-prinsip Syariah</b>   |
|---------------------------------------|--|--|
|                                       | 5. Bil Belian-i<br>6. Bil Kredit Boleh Runding-i<br>7. Pembiayaan Semula Kredit<br>Eksport-i<br>8. Jaminan Bank-i<br>9. Jaminan Perkapalan-i<br>10. Resit Amanah-i   | 5. Tidak dinyatakan<br>6. Tidak dinyatakan<br>7. Tidak dinyatakan<br><br>8. <i>Kafalah</i><br>9. <i>Kafalah</i><br>10. <i>Murabahah/Wakalah</i>  |
| Asian Finance Bank <sup>45</sup>      | 1. Surat Kredit-i<br>2. Bil kutipan keluar-i<br>3. Bil kutipan dalaman-i<br>4. Pembiayaan modal kerja<br><i>Tawarruq</i><br>5. Jaminan perkapalan<br>6. Jaminan bank<br>7. Resit amanah  | 1. <i>Wakalah / Murabahah</i><br>2. <i>Wakalah</i><br>3. <i>Wakalah</i><br>4. <i>Tawarruq</i><br><br>5. <i>Kafalah</i><br>6. <i>Kafalah</i><br>7. <i>Murabahah</i>   |
| CIMB Islamic Bank <sup>46</sup>       | 1. Dokumentari kredit-i<br>2. Bil Penerimaan-i<br>(Belian/Import)<br>3. Resit Amanah-i<br>4. Bil Kutipan Dalaman-i<br>5. Jaminan Perkapalan-i<br>6. Bil Pertukaran Belian Luar<br>Negara/ Domestik-i<br>7. Bil Kutipan Keluar-i<br>8. Bil Penerimaan-i( import/<br>eksport)<br>9. Jaminan Bank-i | 1. <i>Wakalah</i><br>2. <i>Murabahah/ Bay' Al-<br/>Dayn</i><br>3. <i>Murabahah</i><br>4. <i>Wakalah</i><br>5. <i>Kafalah</i><br>6. <i>Bay' Al-Dayn</i><br><br>7. <i>Wakalah</i><br>8. <i>Murabahah/ Bay' Al-<br/>Dayn</i><br>9. <i>Kafalah</i> |
| Hong Leong Islamic Bank <sup>47</sup> | 1. Surat Kredit-i<br>2. Resit Amanah-i<br>3. Bil Penerimaan-i<br>4. Jaminan Perkapalan-i<br>5. Jaminan Bank-i<br>6. Bil Pertukaran-i<br>7. Pembiayaan Semula Kredit<br>Eksport-i   | 1. <i>Wakalah</i><br>2. <i>Murabahah</i><br>3. <i>Murabahah</i><br>4. <i>Kafalah</i><br>5. <i>Kafalah</i>  |

<sup>45</sup> [http://www.asianfinancebank.com/product\\_services/corporate\\_institutional\\_trade.html](http://www.asianfinancebank.com/product_services/corporate_institutional_trade.html), 23.04.2012

<sup>46</sup> [http://cb.cimbislamic.com.my/index.php?ch=ci\\_biz\\_tr&pg=ci\\_biz\\_tr\\_tra&tpt=cimb\\_ibiz](http://cb.cimbislamic.com.my/index.php?ch=ci_biz_tr&pg=ci_biz_tr_tra&tpt=cimb_ibiz), 23.04.2012

<sup>47</sup> [http://www.hlisb.com.my/wb/ts\\_loc.htm](http://www.hlisb.com.my/wb/ts_loc.htm), 23.04.2012

Jadual 4.2 (Sambungan)

| <b>Bank-bank Islam</b>                    | <b>Produk-produk</b>  | <b>Prinsip-prinsip Syariah</b>  |
|---|---|---|
| HSBC Amanah Malaysia Berhad <sup>48</sup> | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Dokumentari Kredit-i</li> <li>2. Pemungutan Berdokumen-i</li> <li>3. Jaminan Bank-i</li> <li>4. Resit Amanah-i</li> </ol>   | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. <i>Wakalah / Murabahah</i></li> <li>2. <i>Kafalah</i></li> <li>3. <i>Kafalah</i></li> <li>4. <i>Murabahah</i></li> </ol>  |
| Kuwait Finance House <sup>49</sup>        | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. KFH Surat Kredit-i</li> <li>2. KFH Jaminan Perkapalan-i</li> <li>3. KFH Jaminan Bank-i</li> <li>4. KFH Pembiayaan Modal Kerja-i <i>Murabahah</i></li> <li>5. Pemungutan Berdokumen-i</li> </ol>   | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. <i>Murabahah/Wakalah</i></li> <li>2. <i>Kafalah</i></li> <li>3. <i>Kafalah</i></li> <li>4. <i>Murabahah</i></li> <li>5. <i>Wakalah</i></li> </ol>   |
| Maybank Islamic <sup>50</sup>             | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Surat Kredit-i</li> <li>2. Bil kutipan dalaman/luaran</li> <li>3. Resit Amanah-i</li> <li>4. Bil Pertukaran Belian-i</li> <li>5. Jaminan Bank-i</li> <li>6. Jaminan Perkapalan-i</li> <li>7. Bil Penerimaan-i</li> <li>8. Pembiayaan Semula Kredit Eksport-i</li> <li>9. On-Shore Foreign Currency Financing-i</li> <li>10. Islamic Negotiable Instruments of Deposit (INID)</li> <li>11. Negotiable Islamic Debt Certificate (NIDC)</li> <li>12. Capital Protected Investment –Range Accrual</li> <li>13. Islamic Profit Rate SWAP-IPRS</li> <li>14. Islamic Cross Currency SWAP (ICCS)</li> </ol> | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. <i>Murabahah/ Wakalah</i></li> <li>2. <i>Wakalah</i></li> <li>3. <i>Murabahah</i></li> <li>4. <i>Bay' Al-Dayn</i></li> <li>5. <i>Kafalah</i></li> <li>6. <i>Kafalah</i></li> <li>7. <i>Murabahah/ Bay' Al-Dayn</i></li> <li>8. <i>Murabahah/ Bay' Al-Dayn</i></li> <li>9. <i>Murabahah/ Bay' Al-Dayn</i></li> <li>10. <i>Mudarabah</i></li> <li>11. <i>Bay' Bithaman Ajil</i></li> <li>12. <i>Bay' Bithaman Ajil/ Wa'ad</i></li> <li>13. <i>Murabahah, Bay' Bithaman Ajil, Bay' al-'Inah dan Wa'ad</i></li> <li>14. <i>Murabahah, Bay' Bithaman Ajil dan 'Inah</i></li> </ol> |

<sup>48</sup><http://www.hsbcamanah.com.my/1/2/amanah/commercial/amanah-trade-services-importing-exporting>, 23.04.2012

<sup>49</sup>[http://www.kfh.com.my/kfhmb/v2/contentView.do?contentType=3000&displayPage=%2Fver2%2Fcontent%2Fstandard.jsp&channelPath=%2Fver2%2Fv2\\_Navigation%2FCommercial+Banking&programName=03\\_BBFinancing&tabId=2&cntName=01-TradeFinancing](http://www.kfh.com.my/kfhmb/v2/contentView.do?contentType=3000&displayPage=%2Fver2%2Fcontent%2Fstandard.jsp&channelPath=%2Fver2%2Fv2_Navigation%2FCommercial+Banking&programName=03_BBFinancing&tabId=2&cntName=01-TradeFinancing), 23.04.2012

<sup>50</sup><http://www.maybankislamic.com.my/business.html>, 23.04.2012

Jadual 4.2 (Sambungan)

| <b>Bank-bank Islam</b>                         | <b>Produk-produk</b>  | <b>Prinsip-prinsip Syariah</b>   |
|--|---|--|
| OCBC Al-Amin <sup>51</sup>                     | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bil Pemungutan-i</li> <li>2. Surat Kredit-i</li> <li>3. Resit Amanah-i</li> <li>4. Bil Pertukaran Belian-i</li> <li>5. Jaminan Bank-i</li> <li>6. Jaminan Perkapalan-i</li> <li>7. Bil Penerimaan-i</li> </ol>  | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. <i>Wakalah</i></li> <li>2. <i>Murabahah/ Wakalah</i></li> <li>3. <i>Murabahah</i></li> <li>4. <i>Bay' Al-Dayn</i></li> <li>5. <i>Kafalah</i></li> <li>6. <i>Kafalah</i></li> <li>7. <i>Murabahah Bay' Al-Dayn</i></li> </ol> |
| RHB Islamic Bank <sup>52</sup>                 | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bil Penerimaan Secara Islam-i</li> <li>2. Resit Amanah Secara Islam-i</li> <li>3. Surat Kredit Secara Islam-i</li> <li>4. Jaminan Perkapalan Secara Islam-i</li> <li>5. Jaminan Bank Secara Islam-i</li> <li>6. Inward and Outward Collection of Documents</li> </ol> | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. <i>Murabahah</i></li> <li>2. <i>Murabahah</i></li> <li>3. <i>Wakalah</i></li> <li>4. <i>Kafalah</i></li> <li>5. <i>Kafalah</i></li> <li>6. <i>Wakalah</i></li> </ol>   |
| Standard Chartered Saadiq Berhad <sup>53</sup> | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Surat Kredit-i (LC-i)</li> <li>2. Jaminan Bank-i (BG-i)</li> <li>3. Jaminan Perkapalan-i (SG-i)</li> <li>4. Trade <i>Murabahah</i> -i (TM-i)</li> <li>5. Local Bills Discounting (LBD-i)</li> <li>6. Bil Penerimaan-i (AB-i) (Belian/Jualan)</li> </ol>               | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. <i>Wakalah</i></li> <li>2. <i>Kafalah</i></li> <li>3. <i>Kafalah</i></li> <li>4. <i>Murabahah</i></li> <li>5. <i>Bay' Al-Dayn</i></li> <li>6. <i>Murabahah/ Bay' Al-Dayn</i></li> </ol>                                      |
| Al-Rajhi Bank <sup>54</sup>                    | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Surat Kredit-i</li> <li>2. Jaminan Perkapalan-i</li> <li>3. Jaminan Bank-i</li> <li>4. Pembiayaan Komoditi Perdagangan-i</li> </ol>   | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. <i>Wakalah</i></li> <li>2. <i>Kafalah</i></li> <li>3. <i>Kafalah</i></li> <li>4. <i>Murabahah</i></li> </ol>   |
| Affin Islamic Bank Berhad <sup>55</sup>        | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Surat Kredit-i</li> <li>2. Resit Amanah-i</li> <li>3. Bil Penerimaan-i</li> </ol>   | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. <i>Wakalah</i></li> <li>2. <i>Murabahah</i></li> <li>3. <i>Murabahah/ Bay' Al-</i></li> </ol>  |

<sup>51</sup> [http://www.ocbc.com.my/OCBCAl\\_Amin/business-banking/financing/islamic-trade-financing/](http://www.ocbc.com.my/OCBCAl_Amin/business-banking/financing/islamic-trade-financing/), 23.04.2012

<sup>52</sup> [http://www.rhb.com.my/business\\_banking/islamic\\_banking/enterprise-banking/trade\\_main.html](http://www.rhb.com.my/business_banking/islamic_banking/enterprise-banking/trade_main.html), 23.04.2012

<sup>53</sup> <http://www.standardchartered.com.my/islamic-banking/wholesale-banking/islamic-trade-finance/en/>, 23.04.2012

<sup>54</sup> [http://www.alrajhibank.com.my/business\\_trade\\_finance\\_overview.shtml](http://www.alrajhibank.com.my/business_trade_finance_overview.shtml), 23.04.2012

<sup>55</sup> <http://www.affinislamic.com.my/banking/business/financing/trade.htm>, 23.04.2012

Jadual 4.2 (Sambungan)

| <b>Bank-bank Islam</b>                   | <b>Produk-produk</b>  | <b>Prinsip-prinsip Syariah</b>  |
|--|---|---|
|  | 4. Jaminan Perkapalan-i<br>5. Jaminan Bank-i<br>6. Bil Pertukaran Belian<br>7. Pembiayaan Semula Kredit Ekspert | <i>Dayn</i><br>4. <i>Kafalah</i><br>5. <i>Kafalah</i><br>6. <i>Kafalah</i><br>7. <i>Murabahah/ Bay' Al-Dayn</i>         |
| Public Islamic Bank Berhad <sup>56</sup> | 1. Surat Kredit-i<br>2. Jaminan Perkapalan-i<br>3. Jaminan bank-i<br>4. Resit Amanah-i<br>5. Bil Penerimaan-i   | 1. <i>Wakalah</i><br>2. <i>Kafalah</i><br>3. <i>Kafalah</i><br>4. <i>Murabahah</i><br>5. <i>Murabahah/ Bay' Al-Dayn</i> |

Produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa secara Islam yang ditawarkan oleh bank-bank Islam di Malaysia adalah berdasarkan kontrak-kontrak *muamalat* dalam fiqh Islam. Penyelidik menyimpulkan kontrak-kontrak tersebut dikategorikan seperti berikut :

1. Kontrak-kontrak berkaitan jual beli (*al-bay'*)

i. *Murabahah*

ii. *Bay' al-Dayn*

iii. *Bay' al-'Inah*

iv. *Tawarruq*

v. *Bay' Bithaman Ajil*

2. Kontrak-kontrak Perkongsian (*al-isytirak*)

i. *Mudarabah*

<sup>56</sup> [http://www.publicislamicbank.com.my/pibb/en/en\\_content/business/trade.html](http://www.publicislamicbank.com.my/pibb/en/en_content/business/trade.html), 23.04.2012

- ii. *Musyarakah*
- 3. Kontrak Jaminan (*al-tauthiq*)
  - i. *Kafalah*
- 4. Kontrak Penyerahan (*al-tafwid*)
  - i. *Wakalah*
- 5. Prinsip *al-wa'ad*

Kontrak-kontrak di atas menjadi tunjang perbezaan antara produk pembiayaan perdagangan antara perbankan konvensional dan perbankan Islam. Berdasarkan penelitian terhadap kontrak-kontrak yang ditawarkan oleh bank-bank Islam di atas, penyelidik mendapati terdapat perubahan dan anjakan paradigma di kalangan beberapa buah bank Islam untuk menukar beberapa kontrak yang dianggap kontroversi seperti *bay' al-dayn*, *bay' bithaman ajil* dan *bay' al-inah* kepada kontrak-kontrak yang lebih diterima di kalangan fuqaha seperti *murabahah*, *wakalah* dan sebagainya. Namun begitu, didapati terdapat produk-produk yang “terpaksa” menggunakan kontrak kontroversi *bay' al-dayn* dalam operasinya seperti bil-bil pertukaran belian-i (BEP-i) dan pembiayaan semula kredit eksport-i (ECR-i). Berdasarkan situasi ini (*bay' al-dayn*), penyelidik menyimpulkan bank-bank Islam di Malaysia dapat dibahagikan kepada tiga kelompok iaitu :

- i. Menawarkan produk-produk tersebut kerana menerima dan menghormati pandangan MPS Bank Negara Malaysia yang mengharuskan penggunaan *bay' al-dayn*

- ii. Menawarkan produk-produk tersebut kerana tiada ruang kontrak-kontrak lain untuk digunakan di samping berusaha untuk mencari kontrak-kontrak lain yang bersesuaian dan diterima oleh fuqaha
- iii. Tidak menawarkan produk-produk tersebut kerana pandangan penasihat syariah mereka yang menolak urusan *bay' al-dayn*.

Penyelidik membincangkan secara terperinci kontrak-kontrak di atas dan aplikasinya dalam produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam dalam bab ke lima.

#### **4.5 Penutup**

Perdagangan antarabangsa memainkan peranan yang amat penting dalam pembangunan ekonomi sesebuah negara. Dengan melibatkan diri dalam pasaran antarabangsa, sesebuah negara atau syarikat multinasional boleh memperluas dan mempromosikan produknya secara global. Perdagangan antarabangsa mempunyai kaedah dan metodenya yang tersendiri dari aspek pembiayaan dan pembayarannya. Kaedah-kaedah pembayaran yang dibincangkan di atas merupakan metode-metode yang sedang diamalkan oleh sistem perbankan global dalam transaksi perdagangan antarabangsa.

Produk-produk pembiayaan perdagangan seperti Surat Kredit, Jaminan Bank, Bil-bil Pertukaran, Penerimaan Jurubank, Resit Amanah dan Pembiayaan Semula Kredit Eksport merupakan instrumen-instrumen utama yang ditawarkan oleh institusi perbankan bagi memenuhi permintaan pelanggannya yang terdiri dari pengeksporth dan pengimport. Produk-produk ini ditawarkan oleh perbankan konvensional dan juga perbankan Islam.


Apabila perbankan Islam semakin berkembang, institusi ini turut menawarkan pembiayaan perdagangan antarabangsa secara Islam. Metode-metode pembayaran secara konvensional ini telah diubah suai agar selari dengan kehendak syariat Islam. Kontrak-kontrak dalam perbendaharaan fiqh Islam digunakan untuk menjadikan produk-produk ini patuh syariah (*syariah compliant*) dan memenuhi kehendak para pengeksport dan pengimport yang ingin berurus niaga secara Islam dan menjauhi unsur-unsur riba, *gharar* dan *maisir* dalam transaksi perdagangan. Bab seterusnya penyelidik membincangkan tentang kontrak-kontrak yang digunakan dalam produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam dan kaedah-kaedah perlaksanaannya.

**BAB LIMA**

**KONTRAK-KONTRAK DALAM PEMBIAYAAN PERDAGANGAN  
ANTARABANGSA ISLAM**

**5.0 Pendahuluan**

Islam melarang umatnya daripada mengambil hak atau kepunyaan orang lain dengan cara kekerasan, paksaan, zalim ataupun dengan kata lain tanpa kerelaan pemiliknya. Syariat Islam telah menetapkan bahawa kerelaan atau persetujuan itu boleh dihasilkan melalui satu proses yang dikenali sebagai akad (عقد) atau kontrak yang berlaku antara pihak-pihak yang terlibat. Asas-asas kerelaan dan persetujuan tersebut dinyatakan oleh Allah s.w.t dalam al-Quran :



*“Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan cara yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan atas dasar suka sama suka di antara kamu”*

(Surah al-Nisa 4:29)

Dalam bab ini penyelidik membincangkan mengenai konsep kontrak (akad) dalam sistem *muamalat* Islam dan pembahagiannya secara ringkas sebelum membincangkan secara khusus berkaitan akad-akad transaksi yang dipraktikkan dalam produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam.

## 5.1 Konsep Akad

Perkataan ‘*aqd* (عقد) dari sudut bahasa Arab bermaksud ikatan (الربط), jaminan (الضمان) dan perjanjian (العهد) (al-Fairuzabadi, 1987). ‘*Aqd*’ juga diertikan sebagai menggabungkan antara dua hujung sesuatu yang berbentuk fizikal dan mengikatnya (Bustani, 1987). Orang-orang Arab juga menggunakannya untuk menjelaskan maksud ikatan dan gabungan di antara dua benda yang bersifat maknawi seperti ikatan antara perkataan yang diucapkan oleh dua pihak. Dari segi istilah pula para fuqaha menggunakannya dalam dua pengertian iaitu secara umum dan secara khusus:

### 5.1.1 Definisi Akad Secara Umum:

Secara umum, akad didefinisikan sebagai “setiap kontrak yang diazamkan oleh seseorang untuk melakukannya secara wajib” (وهو كل ما يعقده (يعزمه) الشخص أن يفعله هو). Definisi ini merangkumi setiap akad jual beli, akad nikah dan lain-lain akad perpindahan milik (*mu’awadat*) kerana setiap pihak yang terlibat dalam akad ini mewajibkan dirinya menunaikan apa yang diakadkan. Selain itu, sumpah untuk melaksanakan sesuatu pada masa depan juga dikira sebagai akad, kerana orang yang bersumpah itu mewajibkan ke atas dirinya untuk menunaikan apa-apa yang disumpahnya (al-Jassas, 1347H). Firman Allah s.w.t:



“Penuhi serta sempurnakanlah perjanjian-perjanjian”

(Surah al-Maidah 5:1)

Berdasarkan pengertian umum inilah al-Alusi (t.t) menafsirkan akad-akad dalam ayat di atas meliputi semua jenis akad yang melibatkan ketentuan-ketentuan hukum Allah yang

wajib ke atas hambanya dan juga hukum-hukum agama dan akad-akad yang dilakukan oleh manusia sesama mereka yang berupa akad-akad amanah dan akad-akad muamalah dan seumpamanya yang mesti ditunaikan.

### **5.1.2 Definisi Akad Secara Khusus:**

Dalam konteks ini, akad diertikan sebagai suatu kontrak yang terbina atas kehendak dua pihak atau lebih yang menimbulkan kesan hukum syarak terhadap pihak yang terlibat (Abu Zahrah, 1977). Definisi yang diberikan oleh al-Zarkasyi (1982) juga membawa maksud yang serupa dengan pengertian yang dikemukakan di atas iaitu:

ارتباط الإيجاب بالقبول الالتزامى كعقد البيع والنكاح وغيرهما

*Satu ikatan antara penawaran(ijab) dan penerimaan yang mengikat kedua-dua pihak yang terlibat seperti kontrak jual beli, kontrak perkahwinan dan lain-lain”*

Menurut Subhi (1948), secara umumnya, akad ialah persetujuan antara dua belah pihak yang berakad yang boleh melahirkan obligasi undang-undang. Yusuf (1952), menegaskan bahawa kontrak (akad) adalah satu-satunya cara untuk mewujudkan tanggungan atau kewajipan ke atas seseorang yang mengikatnya di sisi undang-undang.

Ahli perundangan Islam memberikan definisi yang berbagai-bagai tentang pengertian akad, namun terdapat satu definisi yang dipilih oleh penyelidik kerana boleh diterima umum dan menepati penggunaan semasa iaitu “*satu ikatan atau hubungan di antara tawaran dan penerimaan dengan cara yang disyariatkan yang akan menimbulkan kesannya dari segi undang-undang ke atas perkara yang dikontrakkan itu*” (Hasan, 1971, Yusuf, 1952). Hal ini bermaksud pihak-pihak yang berkontrak terikat dan


mereka mempunyai kewajiban untuk melaksanakan apa-apa yang dikontrakkan misalnya dalam kontrak jual-beli, penjual berkewajiban untuk menyerahkan barangan yang dijual dan pembeli pula berkewajiban menyerahkan harga sebaik sahaja kontrak dilakukan.

Sesuatu kontrak yang dilakukan menjadi sah apabila memenuhi segala rukun-rukunnya. Menurut jumhur fuqaha (Maliki, Syafii dan Hanbali), rukun-rukun akad ada tiga iaitu (al-Hattab, 1992, al-Nawawi, 2003, al-Buhuti, t.t):

- i. *sighah* atau lafaz akad (ijab dan qabul)
- ii. pihak yang berakad ( *al- 'aqidani*)
- iii. perkara yang diakadkan(barang) (*ma'qud 'alaih*).

Fuqaha mazhab Hanafi pula berpendapat bahawa rukun akad hanya satu sahaja iaitu ungkapan penawaran dan penerimaan (ijab dan qabul) kerana dengan wujudnya ijab dan qabul ini menunjukkan adanya dua pihak yang berakad serta barang yang diakadkan (al-Kasani, 2003). Namun begitu ini tidak bermaksud mereka tidak menerima rukun-rukun yang lain, cuma tidak menganggapnya sebagai rukun sahaja.

Setiap rukun di atas mempunyai syarat-syaratnya yang tersendiri yang dapat disimpulkan secara ringkas seperti gambarajah di bawah :



Rajah 5.1

*Rukun dan Syarat-syarat Akad*

Sumber : Al-Kasani, 2003, Ibn Rusyd, 1988, Al-Syarbini, t.t, Al-Buhuti, t.t

## 5.2 Pembahagian Akad

Para fuqaha telah membahagikan akad kepada beberapa bahagian berdasarkan aspek-aspek yang tertentu. Penyelidik mengemukakan pembahagian yang dilakukan oleh al-Zuhailly (1989) di mana beliau membahagikan akad kepada lima kategori iaitu:

### 5.2.1 Dari Segi Status Kesahihan Akad

Kategori yang pertama ini terbahagi kepada dua iaitu akad yang sah dan akad yang tidak sah (*al-'aqd al-sahih wa al-'aqd ghair al-sahih*). Akad yang sah ialah akad yang sempurna unsur asasnya iaitu *sighah*, pelaku akad, subjek akad serta sempurna pula syarat-syaratnya menurut syarak. Akad yang tidak sah pula ialah akad yang cacat salah satu daripada unsur asasnya atau syarat-syaratnya. Fuqaha mazhab Hanafi membahagikan

akad yang tidak sah kepada dua iaitu akad yang *batil* dan akad yang *fasid*. Akad yang *batil* ialah akad yang cacat salah satu daripada rukunnya seperti barang yang diakadkan itu ditegah hukumnya oleh syariat dan ianya dikira tidak sah daripada asalnya lagi dan ia tidak melahirkan sebarang kesan di sisi syariat. Akad yang *fasid* pula ialah akad yang mempunyai kecacatan pada syarat akad dan tidak pada rukunnya seperti akad yang mengandungi syarat-syarat yang bertentangan dengan hukum syarak. Akad seperti ini juga tidak melahirkan sebarang kesan dan boleh dibatalkan oleh pihak-pihak yang berkontrak. Namun begitu, dalam beberapa keadaan, akad *fasid* ini juga boleh melahirkan hukum seperti akad perkahwinan yang dibuat tanpa saksi. Menurut fuqaha mazhab Hanafi (al-Kasani, 2003), akad sebegini dianggap sebagai akad *fasid* tetapi melahirkan kesan dari segi hukum iaitu sabitnya mahar, wajib *iddah* jika berlaku perkahwinan dan sabit nasab anak.

### **5.2.2 Dari Segi Penamaan Akad**

Kategori ini pula dibahagikan kepada dua iaitu akad yang bernama (*al-'aqd al-musammah*) dan akad tidak bernama (*ghair al-musammah*). *Al-'aqd al-musammah* ialah jenis-jenis akad yang telah ditentukan oleh syarak nama-nama yang tertentu (khas) ke atasnya dan dijelaskan hukum berkaitannya seperti akad *al-bay'*, *al-ijarah*, *al-syarikah*, *al-hibah*, *al-kafalah*, *al-hiwalah* dan lain-lain. Kontrak-kontrak ini menjadi asas dan tunjang kepada lahirnya kontrak-kontrak baru yang diaplikasikan dalam sistem kewangan Islam semasa yang lahir kerana keperluan dan masalah manusia. *Al-'aqd ghair al-musammah* pula ialah jenis-jenis akad yang tidak diletakkan nama yang tertentu ke atasnya, tetapi ia muncul kerana memenuhi kepelbagaian hajat manusia dan

perkembangan kehidupan masyarakat yang memerlukannya seperti akad *al-istisna'*, jual beli *al-wafa'*, jual beli *istijrar*, *bay' bithaman ajil*, *musyarakah mutanaqisah* dan lain-lain (al-Zuhaily, 1989). Keperluan dan hajat manusia yang senantiasa berubah dan berkembang membawa kepada munculnya kontrak-kontrak baru seperti *al-murabahah lil amir bi al-syira'*, *al-wadi'ah al-istismariah*, *al-salam al-tamwili* dan sebagainya (Kahf, 2011). Penamaan kontrak-kontrak ini perlu agar dapat dibezakan antara kontrak-kontrak utama (*al-musammah*) dan kontrak-kontrak yang merupakan pecahan kepada kontrak-kontrak utama.

### 5.2.3 Dari Segi Objektif Akad

Akad dalam kategori ini adalah berdasarkan matlamat dan objektifnya (*ghayah al-'aqd wa aghraduhu*) yang tersendiri. Menurut al-Zuhaily (1989), ia dibahagikan kepada tujuh jenis iaitu:

- i. *Al-Tamlikat* (pemilikan) sama ada yang berbentuk *mu'awadat* iaitu pemilikan dengan pertukaran sesuatu seperti akad *ijarah* (pertukaran barang dengan manfaat), jual beli (pertukaran barang dengan barang) atau pertukaran manfaat dengan manfaat. Sekiranya sesuatu akad itu dilakukan secara percuma tanpa sebarang pertukaran atau gantian ia dinamakan sebagai akad *tabarru'at* (kebajikan) seperti *hibah*, *sadaqah*, waqaf dan *hiwalah*. Kontrak-kontrak ini sama ada yang berbentuk *mu'awadat* ataupun *tabarru'at* objektifnya ialah pertukaran pemilikan sesuatu sama ada yang berbentuk barangan, hutang, aset ataupun manfaat.

ii. *Al-Isqatat* (pengguguran) iaitu mengugurkan hak-hak yang tertentu sama ada dengan bayaran seperti talak secara *khulu'* ataupun tanpa bayaran seperti penghapusan hutang dan menarik diri dari hak *syuf'ah*. Kontrak-kontrak dalam kategori ini memberi kesan terhadap pengguguran hak-hak yang tertentu yang berbentuk bayaran ataupun percuma.

iii. *Al-Itlaqat* (pelepasan) iaitu menyerahkan atau melepaskan kepada orang lain untuk melakukan sesuatu perbuatan atau kerja bagi pihaknya seperti akad *al-wakalah* dan menyerahkan/mewakulkan kepada *mumaiyyiz* untuk berjual beli.

iv. *Al-Taqyidat* (pengikatan) iaitu menahan seseorang dari melakukan urusan seperti memecat hakim, gabenor dan sebagainya atau menghalang seseorang yang gila atau *safih* untuk berjual-beli.

v. *Al-Tawsiqat* (pengukuhan atau jaminan) iaitu akad yang bertujuan menjamin hutang bagi pemiliknya dan menjamin pemberi hutang mendapat kembali hutangnya seperti akad *al-kafalah*, *al-hiwalah* dan *al-rahn*.

vi. *Al-Isyhtirak* (perkongsian) iaitu akad perkongsian dalam sesuatu pekerjaan dan keuntungan yang diperolehi seperti akad *al-syarikah*, *al-mudarabah*, *al-muzara'ah* dan *al-musaqah*.

vii. *Al-Hifz* (penjagaan) iaitu akad menyimpan dan menjaga keselamatan harta untuk pemiliknya seperti *al-wadi'ah* dan beberapa akad *al-wakalah* yang tertentu.

Pembahagian ini menunjukkan bahawa kontrak-kontrak dalam *muamalat* Islam mempunyai objektif dan matlamat yang khusus apabila dilaksanakan. Kontrak dalam kategori *al-hifz* (penjagaan) seperti *al-wadi'ah* contohnya, apabila termeterainya kontrak ini, maka menjadi tanggungjawab pihak *al-mawda'* (penjaga) untuk menyimpan dan menjaga keselamatan harta pihak *al-mawdi'* (penyerah harta). Itulah objektif dan matlamat kontrak-kontrak jenis ini disyariatkan. Begitulah juga dengan jenis-jenis lain seperti yang dibincangkan di atas, kesemuanya mempunyai objektif dan matlamatnya yang tersendiri.

#### **5.2.4 Dari Segi Kehadiran Barang dan Penyerahan Barang Semasa Akad**

Kategori ini dibahagikan kepada dua jenis iaitu akad *al-'aini* dan *ghair al-'aini*. Akad *al-'aini* bermaksud suatu akad yang disyaratkan wujud objek akad dalam bentuk barangnya ('ain) dan diserahkan semasa kontrak untuk menyempurnakan pembentukan akad dan melahirkan kesan akad. Contoh akad jenis ini ialah akad *hibah*, *i'arah*, *wadi'ah*, *al-rah'n* dan *al-qard*. Akad *ghair al-'aini* pula berlawanan dengan akad *al-'aini* iaitu tidak disyaratkan hadir objek akad dalam bentuk barangnya untuk diserahkan semasa akad. Akad dikira sudah berkesan tanpa penyerahan barang. Akad jenis ini merangkumi semua jenis akad selain daripada lima jenis akad yang termasuk dalam kategori akad *al-'aini*. Kontrak-kontrak jenis pertama iaitu *al-'aini* mempunyai syarat yang jelas iaitu

kewujudan barangan secara fizikal (*ain*) dan juga penyerahannya semasa akad berlangsung. Hal ini bermaksud jika sekiranya objek akad tidak wujud secara *ain* ketika proses akad berlangsung dalam kontrak *wadiah* sebagai contoh, maka akad tersebut tidak sah dan tidak memberi kesan dari sudut syarak. Kontrak-kontrak selain *wadiah* juga iaitu *hibah*, *i'arah*, *al-rahn* dan *al-qard* meletakkan kewujudan barangan (objek akad) sebagai salah satu rukunnya.

### **5.2.5 Dari Segi Keberkesanan**

Akad dalam kategori ini (*ittisal al-athri bi al-'aqd wa 'adam al-ittisal*) terbahagi pula kepada tiga jenis iaitu akad *al-munjiz*, *al-mudaf lil mustaqbal* dan *al-mu'allaq*. Akad *al-munjiz* ialah akad yang terus memberi kesan atau sah tanpa tertakluk kepada syarat-syarat lain. Hal ini adalah kerana semasa pembentukannya ia tidak dikaitkan dengan sebarang syarat dan tidak disandarkan perlaksanaannya pada masa hadapan. Akad ini melahirkan kesan serta merta apabila mencukupi syarat dan rukunnya sebagaimana dikehendaki dalam syarat-syarat akad seperti akad jual beli. Apabila terjadinya akad jual beli sebagai contoh, penjual akan menerima kesan daripada jualannya iaitu bayaran manakala pembeli pula akan menerima barangan yang dibelinya. Namun begitu, ada juga akad yang tidak membolehkan kesannya wujud serta merta, tetapi bergantung kepada syarat-syarat kontrak tersebut. Contohnya ialah akad *salam* di mana kesan daripada akad tersebut tidak berlaku secara serta merta tetapi hanya akan dianggap sah apabila orang yang membuat tempahan sudah menerima barang yang ditempahnya itu.

Akad *al-mudaf lil mustaqbal* pula disandarkan kepada masa akan datang untuk menjadikannya berkesan. Contohnya seperti akad wasiat yang akan berkesan apabila pewasiat meninggal dunia. Hukum akad jenis ini ialah sah, namun kesannya tidak wujud sehinggalah tiba pada masa yang telah ditetapkan.


Akad *al-mu'allaq* ialah akad yang digantung dengan syarat tertentu yang diharuskan dan hanya berkesan apabila cukup syarat tersebut. Lafaz akad ini pula menggunakan satu daripada tanda-tanda syarat (*ta'aliq*). Contohnya ialah si A berkata kepada si B “saya melantik kamu menjadi wakil perniagaan saya sekiranya saya berjaya mendapat tender perniagaan tersebut”. Akad ini tidak terbentuk melainkan adanya syarat yang digantungkan itu.

Berdasarkan penelitian terhadap beberapa literatur yang membincangkan tentang teori akad dalam fiqh Islam, penyelidik mendapati terdapat pembahagian yang berbagai-bagai tentang kategori akad namun ianya tidaklah membawa kepada kekeliruan dalam menentukan jenis-jenis akad dalam fiqh Islam. Penyelidik dapat menyimpulkan bahawa pengkategorian yang berbagai-bagai itu cuma dari segi nama dan pengistilahannya sahaja, namun dari segi kandungannya tetap sama.


Sarjana semasa seperti Mohd Daud Bakar (2004) menyatakan bahawa kontrak secara umumnya dibahagikan kepada dua kategori iaitu kontrak *unilateral* dan kontrak *bilateral*. Kontrak *unilateral* ialah kontrak berbentuk sukarela yang tidak memerlukan persetujuan dari pihak penerimanya seperti akad *hibah*, *ibra'*, *wasiyyah*, *waqf* dan *qard*. Sebaliknya,

kontrak *bilateral* pula berkehendakkan kepada beberapa syarat yang ketat ke atas kedua-dua pihak yang terlibat. Kontrak ini merangkumi sebahagian besar kontrak-kontrak dalam *muamalat* Islam yang dapat dibahagikan kepada beberapa kategori berdasarkan tujuan dan sebab dilaksanakan akad tersebut. Kontrak *bilateral* perlu penghuraian yang lebih mendalam kerana ia merangkumi sebahagian besar kontrak-kontrak muamalah semasa khususnya yang sedang dipraktikkan dalam sistem kewangan dan perbankan Islam.

Kontrak-kontrak dalam sistem *muamalat* Islam secara ringkasnya dapat disimpulkan dalam gambar rajah yang berikut:




Rajah 5.2  
 Pembahagian Kontrak-kontrak  
 Muamalat  
 Sumber: Wahbah Al-Zuhaily (1989)



Rajah 5.2 (Sambungan)

Qahf (2011) menghuraikan dengan lebih lanjut berkaitan kontrak-kontrak yang berorientasikan pembiayaan (*financing*) dalam muamalat Islam dan hasil inovasi pakar-pakar kewangan Islam yang membawa kepada terbentuknya kontrak-kontrak baru pembiayaan Islam yang bersumberkan kontrak-kontrak asas tersebut. Kesimpulan daripada huraian beliau ialah seperti yang berikut :



Rajah 5.3

*Kontrak-kontrak Pembiayaan Islam yang Bernama (al-Musammat)*

Sumber : Munzer Qahf, 2011

Daripada kontrak-kontrak pembiayaan yang bernama (*al-musammat*) di atas lahir lah

kontrak-kontrak pembiayaan Islam seperti :

i. *al-murabahah*

ii. *al-wadi'ah al-istismariah* (الوديعة الاستثمارية) / pelaburan *wadi'ah*

iii. *al-wadi'ah bi al-hisab al-jary* ( asames nuaka / الوديعة بحساب الجاري) *al-wadi'ah*

iv. *al-salam al-tamwili* (السلم التمويلي) / pembiayaan *al-salam*

v. *al-istisna' al-tamwili* (naayaibmep / لا سد تصناع ال تموي لي) / *al-istisna'*

Perkembangan industri perbankan Islam membawa kepada penciptaan dan inovasi pakar-pakar kewangan Islam untuk mewujudkan kontrak-kontrak pembiayaan baru sebagai memenuhi pasaran semasa dan masih dalam lingkungan yang dibenarkan oleh syariat. Kontrak-kontrak baru ini ada yang berdiri dengan sendirinya dan ada yang bercorak campuran dengan kontrak lain (hybrid). Qahf (2011) menyenaraikan beberapa kontrak baru pembiayaan Islam yang digunakan oleh perbankan Islam seluruh dunia dan sifatnya menepati kehendak syariah iaitu :

i. *al-ijarah lil amir bi al-syira'* (الاجارة ل الأمر ب ال شراء)

ii. *al-ijarah lil amir bi al-istisna'* (الاجارة للأمر بالاستصناع)

iii. *al-syira' wa al-ijarah lil ba'i* (ال شراء والاجارة ل ل بائع)

iv. *al-ijarah wa al-tamalluk lil amir bi al-syira' atau lil amir bi al-istisna'*

(الاجارة والتملك للأمر بالشراء او للأمر بالاستصناع)

v. *al-tawarruq*

vi. *al-murabahah al-'aksiyah* (المرابحة ال عكسية)

vii. *al-qard ma'a al-rahn* (القرض مع الرهن)

viii. *al-bay' lil ba'i bithaman ajil* (ال بيع ل ل بائع ب ثمن أجل)

Kontrak-kontrak baru ini yang merupakan hasil inovasi pakar-pakar kewangan Islam semasa dipraktikkan oleh perbankan Islam seluruh dunia dalam pelbagai nama sebagai produk-produk pembiayaan secara Islam. Inilah bukti keanjalan syariat Islam yang

berupaya menampung dan memenuhi keperluan manusia yang senantiasa berubah dari masa ke semasa.

### 5.3 Prinsip-prinsip Umum *Muamalat* Islam

Para fuqaha juga turut menggariskan beberapa prinsip umum ketika melaksanakan transaksi sistem *muamalat* Islam. Prinsip-prinsip umum tersebut secara ringkasnya boleh disimpulkan seperti berikut:

- i. Setiap urusan niaga yang dilakukan itu mestilah dengan penuh kerelaan pihak-pihak yang menjalankan kontrak. Kerelaan ini dizahirkan melalui proses yang disebut oleh para fuqaha sebagai *ijab* (penawaran) dan *qabul* (penerimaan).
- ii. Pihak yang berkontrak mestilah sempurna keahliannya<sup>57</sup> dan kontrak itu tidak dicatitkan dengan perkara-perkara yang boleh membatalkannya seperti paksaan (*ikrah*), kesalahnyataan (*tadlis*), khilaf dan penipuan (*ghabnu*).
- iii. Barangan yang menjadi objek kontrak mestilah sesuatu yang dimaklumi jenis, sifat dan jumlahnya serta berupaya untuk diserahkan<sup>58</sup>. Ia juga mestilah sesuatu yang bermanfaat dan bersih pada pandangan syarak (al-Jaziri, t.t)

---

<sup>57</sup>Ia bermaksud kelayakan seseorang untuk dipertanggungjawabkan hak-hak orang lain kepadanya. Kelayakan ini ada dua iaitu *ahliyyat al-wujub* yang bermaksud kelayakan untuk mensabitkan hak dan tanggungjawab kepadanya manakala yang kedua *ahliyyat al-ada'* pula bermaksud kelayakan untuk mensabitkan hak dan tanggungjawab ke atasnya serta kelayakan untuk menguruskan hak dan tanggungjawabnya. Kelayakan yang kedua memerlukan adanya kelayakan yang pertama, Muhammad Yusuf Musa (1958).

<sup>58</sup>Syarat ini diterima oleh semua ahli perundangan Islam, Muhammad Yusuf Musa (1958).

- iv. Muamalah itu tidak diwujudkan atas asas riba, *al-qimar*, *al-maysir*, *al-gharar*<sup>59</sup> dan perkara-perkara yang diharamkan. Jual beli yang mengandungi elemen *al-gharar* termasuk dalam jual beli yang *batil* kerana ia mengandungi unsur-unsur kesamaran dan penipuan. *Gharar* yang dimaksudkan di sini ialah *gharar al-fahisy* (*gharar* yang banyak), manakala *gharar al-yasir* (*gharar* yang sedikit) tidak memudaratkan transaksi sesuatu kontrak seperti menjual kacang yang berada dalam kulitnya (al-Zuhaily, 2009).
- v. Muamalah itu juga hendaklah terhindar daripada unsur-unsur penindasan yang boleh berlaku seperti penyorokan (*ihthikar*)<sup>60</sup>, mengambil keuntungan berlebihan yang menyebabkan kerugian besar kepada pihak lain yang berkontrak (*ghabn fahisy*), sekatan barangan dagangan daripada memasuki pasaran terbuka (*talaqqi al-rukban*) dan lain-lain bentuk urusan niaga yang ditegah.<sup>61</sup>

Begitulah secara ringkasnya beberapa panduan umum dalam transaksi *muamalat* Islam yang perlu dipatuhi oleh pihak yang terlibat untuk memastikan urusan niaga itu sah dan bertepatan dengan kehendak syariah. Pengabaian terhadap panduan-panduan tersebut menjadikan sesuatu akad atau kontrak dalam muamalah Islam menjadi rosak atau batal. Panduan-panduan ini mesti dipatuhi dalam semua transaksi termasuklah dalam urusan niaga

---

<sup>59</sup>Ketiga-tiga istilah ini dibincangkan secara terperinci dalam bab ini.

<sup>60</sup>*Ihthikar* bermaksud menahan daripada menjual sesuatu barangan di pasaran supaya permintaannya meningkat dan harganya melambung tinggi, kemudian dijualnya untuk mendapat keuntungan yang tinggi. al-Zuhaily (2009).

<sup>61</sup>Umpamanya 26 urusan niaga zaman jahiliyyah pernah dilaporkan sebagai transaksi yang tidak sah diamalkan oleh Islam seperti *bai' al-mulamasah*, *bay' al-muzabanah*, *bay' al kali' bil kali'*, *bay' wa shart* dan sebagainya, Abdullah Alwi Haji Hassan (2006).

perdagangan antarabangsa. Penyelidik akan membincangkan kontrak-kontrak yang diaplikasikan dalam produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa khususnya dalam sistem perbankan Islam di Malaysia. Penyelidik juga akan membincangkan isu-isu yang berbangkit dalam urus niaga kontrak-kontrak tersebut secara ringkas kerana ia akan dihurai dengan lebih mendalam ketika penyelidik menganalisis isu-isu syariah yang berbangkit ketika kajian terhadap bank-bank yang terpilih dilakukan kelak.

#### **5.4 Elemen-elemen yang Dilarang dalam Sistem *Muamalat* Islam**

Syariat Islam telah mengenal pasti beberapa elemen yang wajib dihindari dan dielakkan ketika bertransaksi dalam sistem *muamalat* Islam. Elemen-elemen tersebut iaitu riba, *gharar* dan *qimar/maysir* dikenal pasti sebagai penyebab yang boleh membawa kepada tidak sah dan batalnya sesuatu kontrak. Penyelidik akan menghuraikan elemen-elemen tersebut satu persatu agar dapat difahami dengan jelas berdasarkan pandangan fuqaha mazhab dan fuqaha kontemporari.

##### **5.4.1 Riba dan Pembahagiannya**

Istilah *al-riba* dari aspek bahasa menurut pendapat yang masyhur merupakan kata nama yang berakhir dengan huruf alif (*ism maqsur*) iaitu daripada perkataan *raba*, *yarbu*, *rabwan*, *wa rubuwwan wa riba'an* (al-Fayyumi, 1987, Ridha, 1958) yang membawa maksud bertambah, mengembang, meningkat atau meninggi (al-Fayruzabadi, 1983, al-Razi, 1987). Perkataan riba dari segi bahasa bermaksud pertambahan (*al-ziyadah*) atau lebihan (*al-idafah*) kepada sesuatu (al-Jammal, 1986). Pertambahan yang dimaksudkan di sini merujuk kepada sama ada ia berasal daripada benda itu sendiri (al-Asfahani, t.t) atau

kerana sesuatu urusan niaga pertukaran atau jualan wang seperti menjual satu dirham dengan dua dirham (al-Syaukani, 2004). Pertambahan (*al-ziyadah*) yang dibincangkan ini juga bermaksud urusan niaga komoditi seperti dalam kes sistem barter yang ukurannya sama ada sukatan atau timbangan melebihi satu pihak daripada satu pihak yang lain bagi barangan yang sama jenisnya (Al-Ghousi, 1982).

Fuqaha berselisih pendapat berkaitan pengertian riba menurut istilah syarak. Ulama tafsir mendefinisikannya dengan cara yang berlainan daripada pentakrifan para fuqaha. Penyelidik hanya membincangkan definisi riba yang dibincangkan oleh fuqaha mazhab yang empat. Fuqaha mazhab Hanafi mentakrifkan riba sebagai (Ibn Abidin, 1966) :

" فضل خال عن عوض بمعيار شرعي مشروط لأحد المتعاقدين  
في المعاوضة"

*"Lebihan yang tidak setara tukarannya mengikut ukuran yang diakui oleh syarak dengan syarat-syarat yang dikenakan oleh salah satu pihak yang berakad dalam kontrak pertukaran"*.

Fuqaha mazhab Syafii pula mentakrifkan riba sebagai (al-Syarbini, t.t) :

" عقد على عوض مخصوص غير معلوم التماثل في معيار الشرع  
حالة العقد أو مع تأخير في البدلين أو أحدهما"

*"Akad atas pertukaran tertentu yang tidak diketahui persamaannya pada ukuran yang diakui oleh syarak semasa berkontrak atau penangguhan pada kedua-dua atau satu barangan tukaran tersebut"*

Fuqaha mazhab Hanbali mentakrifkan riba seperti berikut (al- Buhuti, 1982):

" تفاضل في أشياء و نساء في أشياء مختص بأشياء ورد الشرع  
بتحريمها - اي: تحريم الربا فيها - نصا في البعض وقياسا في  
الباقي منها "

*“Melebihkan pada sesuatu dan menanggukkan pada sesuatu yang khusus pada perkara-perkara yang dinyatakan oleh syarak tentang pengharamannya iaitu pengharaman riba yang sebahagiannya berdasarkan nas dan selebihnya berdasarkan qiyas”*

Kebanyakan fuqaha mazhab Maliki tidak meletakkan takrif yang khusus dan tersendiri bagi pengertian riba dari segi istilah. Menurut Barghish (2009), fuqaha mazhab Maliki menjelaskan konsep riba dalam bentuk gambaran dan bukannya pentakrifan seperti fuqaha mazhab-mazhab yang lain. Sebagai contoh gambaran yang dibuat ialah (Ibn Rusyd, 1988):

إن الربا يوجد في شيئين , في البيع وفيما تقرر في الذمة  
من بيع أو سلف أو غير ذلك "

*“Sesungguhnya riba wujud pada dua perkara iaitu pada transaksi jualbeli dan pada sesuatu yang telah ditetapkan daripada jualbeli, hutang piutang dan sebagainya”*

Al-‘Adawi (1412H) seorang ahli fiqh mazhab Maliki menegaskan bahawa riba merangkumi semua bentuk pertambahan (*al-ziyadah*).

Pentakrifan yang diberikan oleh fuqaha mazhab di atas mempunyai perbezaan antara satu sama lain berdasarkan kefahaman dan hujah yang dikemukakan namun kesemuanya

bersepakat bahawa riba itu berlaku pada dua perkara iaitu pada urusan niaga jual beli dan pada tanggungan urusan niaga kredit (hutang).

Di samping itu, terdapat juga ulama kontemporari yang berusaha untuk memberikan definisi terhadap konsep riba yang lengkap dan tepat (*jami' dan mani'*). Menurut Bargish (2009), takrif yang tepat bagi riba berdasarkan kajian mereka ialah :

"الزيادة في أشياء مخصوصة والزيادة على الدين مقابل الأجل  
مطلقاً"

*Sebarang tambahan dalam item-item tertentu (ribawi) dan tambahan ke atas hutang yang berlaku akibat penangguhan*

Walaupun dilihat terdapat perbezaan antara definisi yang dibincangkan di atas, namun hakikatnya para fuqaha telah sepakat bahawa riba itu berlaku pada dua perkara iaitu transaksi jual beli barang-barang ribawi dan urusan niaga hutang (Zaharuddin, 2010).

Berdasarkan kepelbagaian pandangan dan pengertian berkaitan konsep riba, Ab. Mumin (1999) merumuskan bahawa riba menurut istilah syarak merangkumi tiga bentuk berikut :

- i. Bayaran lebih daripada wang pokok (harta asal) mengikut perjanjian yang disyaratkan terlebih dahulu.
- ii. Kontrak ke atas pertukaran barangan tertentu yang tidak diketahui persamaannya pada timbangan atau sukatan yang diakui syarak.
- iii. Penangguhan serahan salah satu barangan yang ditukarkan atau yang diperdagangkan bagi pertukaran matawang dan barangan ribawi.

Kesimpulannya, dalam Islam istilah riba merujuk kepada lebih yang diminta melalui cara-cara yang tertentu. Menurut Khan (1987), terdapat tiga kategori utama urus niaga yang boleh membawa kepada lebih iaitu :

- i. Jaminan pulangan kepada individu semata-mata atas asas pemilikan (tanpa usaha)
- ii. Kontrak antara dua pihak yang menetapkan syarat awalan sejumlah keuntungan tertentu tanpa melihat kepada hasil daripada kontrak itu.
- iii. Kontrak-kontrak yang dipersetujui itu mengandungi unsur *gharar* dan ketidakpastian.

Sayyid Ahmad (t.t), merumuskan bahawa apabila sesuatu urus niaga mengandungi tiga unsur berikut maka transaksi tersebut termasuk dalam urus niaga riba iaitu :


- i. Lebih dari jumlah pokok pinjaman
- ii. Penentuan lebih ini berkaitan dengan tempoh atau jangkamasa
- iii. Persetujuan terhadap syarat lebih ditentukan lebih dahulu iaitu dalam perjanjian pinjaman.

Ketiga-tiga unsur ini secara bersama membentuk riba dan sebarang urus niaga yang mengandungi unsur-unsur ini dianggap riba oleh ahli-ali fiqh dan juga ahli-hli ekonomi Islam (Al-Gousi, 1982).

Islam mengharamkan riba sekeras-kerasnya dan meletakkannya dalam kategori dosa-dosa besar serta menjelaskan bahawa riba menjadi punca kesengsaraan kehidupan manusia di

dunia dan akhirat. Selain itu Islam juga menegah apa jua bentuk pertolongan dan bantuan kepada sebarang transaksi yang melibatkan riba (Fadhl Ilahi, 1412H). Dalil-dalil tentang pengharaman riba dinyatakan dengan jelas dalam al-Quran, hadis dan ijmak ulama. Penyelidik hanya akan membincangkan satu dalil dari al-Quran dan satu dalil dari al-Sunnah serta kata-kata ulama tentang pengharaman riba.

Terdapat banyak ayat al-Quran yang menerangkan tentang pengharaman riba, keburukannya dan janji-janji Allah kepada orang-orang yang terlibat dalam aktiviti riba antaranya firman Allah s.w.t :



*“Wahai orang-orang yang beriman, bertaqwalah kamu kepada Allah dan tinggalkanlah(jangan menyentuh lagi) saki baki riba(yang masih ada pada orang yang berhutang)itu, jika benar kamu orang-orang yang beriman. Oleh itu, kalau kamu tidak juga melakukan 9perintah mengenai laranga riba itu), maka ketahuilah kamu akan adanya peperangan dari Allah dan Rasulnya(akibatnya kamu tidak menemui selamat)dan jika kamu tidak bertaubat maka hak kamu (yang sebenarnya)ialah pokok asal harta itu (dengan yang demikian)kamu tidak berlaku zalim kepada sesiapa, dan kamu juga tidak dizalimi oleh sesiapa”*  
 (Al-Baqarah 2:278-279)

Kedua-dua ayat di atas menunjukkan tentang pengharaman riba dari beberapa dimensi :

1. Firman Allah s.w.t ( يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَذَرُوا مَا بَقِيَ مِنَ الرِّبَا ) yang melarang dan menegah kaum mukminin dari melakukan perkara yang mengundang kemurkaan Allah s.w.t dan menjauhkan diri daripada mendapat keredhaan-Nya. ( وَذَرُوا مَا بَقِيَ مِنَ الرِّبَا ) bermaksud Allah s.w.t melarang sekeras-kerasnya daripada mengambil apa-apa yang lebih (*al-ziyadah*) daripada harta pokok (modal) orang lain (Ibn Katsir, 1988). Hal ini menunjukkan bahawa bertransaksi dengan riba mengundang kemurkaan Allah s.w.t kerana larangan Allah s.w.t untuk meninggalkannya dan menghapuskan saki baki aktiviti dan transaksi riba.

2. Firman Allah s.w.t (( إِن كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ )) bermaksud sekiranya kamu beriman dengan apa-apa yang disyariatkan oleh Allah s.w.t kepada kamu daripada harusnya berjual beli dan haramnya riba dan lain-lainnya (Ibn Katsir, 1988). Menurut Fadl Ilahi (1412H), daripada ayat ini juga dapat difahami bahawa antara tuntutan dan kriteria keimanan ialah meninggalkan berurusan dengan riba. Hal ini juga merupakan dalil dan hujah haramnya bertransaksi dengan riba.

3. Berdasarkan firman Allah s.w.t (( إِن كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ )) dapat difahami ancaman yang keras dan janji buruk (وعيد) yang pasti daripada Allah s.w.t kepada orang-orang yang berterusan bermuamalah dengan riba selepas peringatan yang diberikan oleh Allah s.w.t. Bahkan pengisytiharan perang daripada Allah s.w.t dan Rasulnya kepada pengamal riba menunjukkan bahawa riba tergolong dalam dosa-dosa besar (Fadl Ilahi, 1412H, Ayub, 2007).

Larangan dan tegahan melibatkan diri dalam transaksi riba juga banyak terdapat dalam hadis-hadis Nabi s.a.w. Baginda Rasulullah saw pernah menegaskan bahawa riba

termasuk dalam perkara yang membinasakan (الموبقات) dan dosa besar. Terdapat banyak hadis sahih yang melaknat pemakan riba, wakil, penulis dan saksi yang terlibat dalam urusan niaga riba. Penyelidik memetik satu hadis Rasulullah s.a.w tentang pengharaman riba dan sebarang urusan niaga yang berkaitan dengannya :

" عن جابر رضى الله عنه قال : لعن رسول الله صلى الله عليه وسلم  
أكل الربا وموكله وكاتبه وشاهديه وقال : هم سواء "

*Daripada Jabir RA katanya : Telah melaknat Rasulullah saw pemakan (mengambil) riba, memberi (membayar) riba, penulisnya dan dua orang saksinya dan baginda bersabda lagi : Mereka itu semuanya sama (dari segi dosa).  
(Muslim, 1980, j.5, no.1598)*

Para ulama juga telah sepakat secara ijmak tentang pengharaman riba. Penyelidik menukilkan kata-kata beberapa orang ulama yang menegaskan tentang pengharaman riba secara ijmak. Imam Nawawi ra (t.t) ahli fiqh mazhab Syafii menyatakan :

"أجمع المسلمون على تحريم الربا وأنه من الكبائر وقيل : إنه كان  
محرمًا في جميع الشرائع, وممن حكاها الماوردي"

*Telah ijmak kaum muslimin tentang pengharaman riba dan ia termasuk dalam dosa-dosa besar, dikatakan bahawa riba diharamkan oleh semua syariat, dan antara yang mengatakan demikian ialah Imam al-Mawardi ra"*

Imam al-San'ani r.a (1995) mengatakan :

وقد أجمعت الأمة على تحريم الربا في الجملة وإن اختلفوا في  
التفاصيل

*Telah sepakat umat atas haramnya riba secara keseluruhannya walaupun mereka berselisih pandangan tentang perinciannya (riba).*

Berdasarkan keterangan-keterangan al-Quran, hadis Nabi s.a.w dan ijmak ulama yang dibincangkan di atas, jelas bahawa bermuamalah dengan riba hukumnya haram secara *qat'ie* (putus) dan tiada kompromi bagi pengamal riba. Oleh yang demikian, kita hendaklah berusaha dan berhati-hati dalam muamalah seharian agar tidak terlibat dengan riba.

Riba boleh terjadi dalam dua keadaan iaitu sama ada melalui jalan hutang (القرض) atau melalui proses jual beli (Za'tary, 2010). Riba *al-Qard* terhasil daripada setiap hutang atau pinjaman (loan) yang disyaratkan sesuatu manfaat kepada pemberi hutang (dikenakan oleh pemberi pinjaman kepada peminjam) atau ia (manfaat) sudah menjadi kebiasaan (adat) di kalangan masyarakat. Kategori ini dinamakan sebagai *riba al-fadl* (Ibn Nujaim, t.t, al-Dusuqi, t.t).

Riba dalam jual beli (البيع) pula dibahagikan kepada dua iaitu riba *al-fadl* (الفضل) dan riba *al-nasi'ah* (النسيئة). Riba *al-fadl* diertikan sebagai jual beli *naqd* (emas atau perak) dengan *naqd* atau makanan dengan makanan yang disertai lebihan (al-Syarbini, t.t, al-Samarqandy, 1993). Riba dalam bentuk ini diharamkan secara *sadd al-zaraik* (menutup pintu-pintu yang membawa kepada haram) agar tidak membawa kepada berlakunya riba *al-nasi'ah* serta mengelakkan berlaku penipuan kepada manusia. Contohnya ialah menukar 10 gram emas (jenis 916) dengan 11 gram emas (jenis kualiti 750) dikira haram kerana sepatutnya kedua-duanya adalah 10 gram. Kualiti dan jenis tidak memberikan kesan kepada hukum.

*Riba al-Nasi'ah* pula bermaksud penambahan (*al-ziyadah*) yang berlaku kerana penangguhan atau perlanjutan tempoh matang pembayaran balik sesuatu hutang sama ada hutang tersebut merupakan harga barang atau hutang *naqd* (emas atau perak) (Ibn Abidin, 1966, Ibn Juzay, 1982). Contohnya ialah 10 gram emas dijual dengan harga RM4000 secara tangguh. Riba akan wujud apabila transaksi berlaku secara tangguh.

Fuqaha mazhab Syafii menambah satu lagi jenis riba yang iaitu riba *al-yad* (اليد) yang bermaksud jual beli dengan penangguhan serahan bagi kedua-dua barang dan harga atau salah satu dari kedua-duanya dalam item ribawi (al-Syarbini, t.t). Riba jenis ini termasuk dalam kategori *riba al-nasi'ah* dalam pembahagian yang dilakukan oleh jumhur fuqaha.

Kesimpulannya, riba merupakan salah satu unsur yang diharamkan dalam sistem ekonomi dan kewangan Islam. Perbezaan utama antara bank Islam dan bank konvensional adalah kerana wujudnya aktiviti dan transaksi yang berteraskan riba dalam sistem perbankan konvensional.

#### **5.4.2 Gharar**

Elemen kedua yang diharamkan dalam transaksi muamalah Islam ialah “*gharar*”. Dari segi bahasa “*gharar*” ialah kata terbitan (*masdar*) daripada perkataan “*al-taghrir* (التغريير)” yang bermaksud *al-khatr* (sesuatu yang berbahaya), *al-khid'ah* (penipuan) dan mendedahkan diri seseorang kepada kerosakan dirinya atau hartanya (Ibn Manzur, t.t, Majma` al-Lughah al-Arabiyyah, 1980). Yasin Ahmad Daradikah, t.t, al-Zuhaily, 1989) merumuskan bahawa terdapat tiga aliran utama dalam mendefinisikan *al-gharar* iaitu :

i. *Gharar* yang bermaksud *jahalah* (tidak maklum) terhadap barang jualan. Antara ulama yang berpandangan sedemikian ialah al-Sarakhsi dan al-Zaila`i daripada mazhab Hanafi.

Al-Sarakhsi (1978) telah mendefinisikan *gharar* sebagai :

"ما يكون مستور العاقبة"

“*Sesuatu perkara yang tidak diketahui akibatnya*”

ii. *Gharar* yang merujuk kepada syak. Definisi ini merupakan definisi yang diberikan oleh al-Kasani dan Ibnu Abidin daripada mazhab Hanafi dan al-Dusuqi daripada mazhab

Maliki. Al-Kasani (2003) menakrifkan *al-gharar* sebagai :

"ما يكون مستور العاقبة أو الخطر الذي يستوي طرفاه أي"

الوجود والعدم"

“*Suatu perkara yang tidak diketahui keputusan akhir dan risiko kemungkinan akan berlaku atau tidak*”

Menurut al-Kasani (2003) lagi *gharar* ialah risiko seimbang yang bakal dihadapi oleh seseorang sama ada sesuatu yang dikehendaki itu akan wujud atau sebaliknya dalam jual beli. Baginya situasi *gharar* adalah dalam kedudukan syak. Beliau menggariskan perkara ini ketika membincangkan jual beli bagi barangan yang masih belum dilihat oleh pembeli. Menurut mazhab Hanafi, jual beli sedemikian sah kerana pembeli mempunyai hak untuk membuat pilihan setelah melihat barangan tersebut. Pendapat ini berpandukan kepada hadis Nabi s.a.w :

"من اشترى شيئاً لم يره فهو بالخيار إذا رآه"

“*Sesiapa yang membeli sesuatu perkara yang belum dilihat, maka ia mempunyai khiyar (pilihan untuk membeli atau menolaknya) setelah melihat perkara tersebut.*”

(al-Baihaqi, 2003, j.5, no.10426)

Fuqaha mazhab Hanafi berpendapat risiko pembeli terdedah kepada ketidakpastian adalah minimum kerana apabila barangan telah sampai, pembeli mempunyai hak untuk membuat pilihan berdasarkan apa yang dilihatnya.

iii. *Gharar* yang merujuk kepada sesuatu yang tidak diketahui akibatnya. Pengertian ini merupakan pengertian yang diberikan oleh sebahagian besar fuqaha. Fuqaha mazhab Syafii mendefinisikan *gharar* sebagai *khatar* (sesuatu yang berbahaya). Al-Syirazi (1995) salah seorang fuqaha dalam mazhab ini, mendefinisikan *gharar* sebagai :

" ما انطوى عنه أمره وخفي عليه عاقبته "

"*Sesuatu yang tidak diketahui keadaannya dan terselindung akibatnya*"

Al-Syarqawi (1996) salah seorang fuqaha mazhab Syafii mendefinisikan *al-gharar* sebagai:

" هو ما انطوت عنا عاقبته أو ما تردد بين أمرين أغلبهما "

أخوفهما "

"*Sesuatu yang tiak diketahui akibatnya dan mempunyai dua andaian iaitu positif dan negatif dengan unsur negatifnya lebih kuat*"

Pembahagian definisi-definisi oleh fuqaha di atas membawa kepada maksud dan pengertian yang hampir serupa antara satu sama lain iaitu sekiranya terdapat unsur-unsur ketidakpastian, syak, *jahalah* (tidak maklum) dan tidak mengetahui akibat dalam sesuatu urusan yang dilakukan maka elemen *al-gharar* dikira sudah wujud dalam urusan tersebut. Secara ringkasnya penyelidik menyimpulkan bahawa *al-gharar* merupakan unsur-unsur

yang tidak pasti dan kejahilan yang boleh mendedahkan seseorang kepada risiko dan bahaya kepada dirinya. Dalam konteks jual beli, jika dikatakan suatu akad itu mempunyai unsur *gharar*, maksudnya adalah adanya unsur ketidakpastian dalam akad tersebut. Sebagai contoh, akad jual beli yang tidak dinyatakan harganya dikatakan mempunyai unsur *gharar* kerana pembeli tidak dapat memastikan harga jualan yang sebenar. Contoh aplikasi *gharar* yang lain adalah seperti dalam pembelian insurans konvensional, iaitu pembeli membeli sesuatu yang tidak pasti sama ada akan diperolehi atau tidak. Belian hanya akan diperolehi apabila berlaku kemalangan atau bencana yang menimpa pembeli sedangkan kemalangan dan bencana adalah sesuatu yang mungkin berlaku atau sebaliknya. Oleh itu, perkara yang dibeli adalah sesuatu yang tidak pasti.

Larangan terhadap jual beli yang berbentuk *gharar* terdapat dalam hadis Rasulullah s.a.w:

"نهى رسول الله صلى الله عليه وسلم عن بيع الحصة وعن بيع  
الغرر"

“Rasulullah saw melarang daripada jual beli secara balingan batu dan jual beli yang mengandungi unsur *gharar*”

(al-Nasaie, 2001, j.6, no. 6064)

Menurut al-Qarafi (t.t.), *gharar* dalam jual beli terbahagi kepada tiga iaitu *gharar* yang banyak (*fahish*) seperti menjual burung di udara, *gharar* yang sedikit (*yasir*) yang diharuskan seperti menjual rumah beserta perabot yang tidak diperincikan perabotnya dan *gharar* yang sederhana (*mutawassit*). Ulama sepakat mengatakan *gharar fahish* boleh membatalkan akad terutamanya *`uqud mu`awadat* dan *gharar yasir* tidak memberi apa-

apa kesan terhadap akad. Walau bagaimanapun mereka tidak sependapat berhubung *gharar mutawassit*.

Menurut Muhammad Beltaji (1988), mustahil bagi pembeli dan penjual mengelak *gharar* sepenuhnya. Justeru, para ulama dengan berasaskan prinsip-prinsip syariah telah membezakan antara *gharar* yang membatalkan akad dan *gharar* yang dimaafkan, berdasarkan kaedah perundangan Islam seperti *raf'u alharaj* (رفع الحرج) yang bermaksud menolak segala kesulitan dan *la darar wa la dirar* (لا ضرر ولا ضرار) yang bermaksud tidak boleh membahayakan diri sendiri dan membahayakan orang lain. Para fuqaha telah meletakkan tiga syarat untuk menjadikan sesuatu perkara sebagai *gharar* yang dimaafkan (Muhammad Beltaji, 1988) :

- i. *Gharar* tersebut adalah kecil dan sedikit;
- ii. Urus niaga tersebut diperlukan oleh masyarakat; dan
- iii. *Gharar* tersebut tidak mampu dielakkan melainkan dengan *masyaqqah* (kesusahan) yang diiktiraf oleh syarak

Fuqaha semasa seperti Sheikh al-Darir (1997) turut membincangkan tempat-tempat dan situasi boleh berlakunya *gharar* seperti :

- i. Jenis, bentuk, kuantiti, berat dan jumlah barangan
- ii. Disebabkan masa penghantaran
- iii. Disebabkan nilai harga dan cara pembayaran
- iv. Disebabkan kesamaran pemilikan dan kapasiti pemilik aset.

Larangan urus niaga yang mengandung unsur-unsur *gharar* adalah untuk menjaga kemaslahatan kedua-dua belah pihak yang berurus niaga dan memastikan tahap keredaan mereka pada tahap yang baik. Selain itu larangan *gharar* juga adalah kerana ia boleh membawa pertelingkahan dan pergaduhan antara kedua-dua belah pihak.

Berdasarkan perbincangan di atas, Muhammad Ayub (2007) merumuskan bahawa asas-asas utama untuk menjauhi unsur-unsur *gharar* dalam transaksi jual beli ialah :

- i. Kontrak yang dimeterai mestilah bebas daripada unsur ketidakpastian yang banyak dalam objek kontrak.
- ii. Barangan (objek kontrak) mestilah sesuatu yang jelas, ditentukan ciri-ciri dan sifatnya, mampu untuk diserahkan dan dimaklumi dengan jelas oleh pihak yang berkontrak.
- iii. Ditetapkan dan ditentukan kualiti dan kuantiti barangan
- iv. Kejahilan tentang kewujudan barangan dan kemampuan untuk penyerahannya mesti dihindarkan dan pihak yang berkontrak mesti mengetahui keadaan sebenar barangan.

Walaupun agak mustahil untuk menghindari *gharar* sepenuhnya, namun panduan-panduan yang diberikan oleh para fuqaha silam dan kontemporari perlu diikuti agar transaksi yang berlaku bebas dan terhindar dari unsur-unsur *gharar*.

### 5.4.3 Maysir/Qimar


Perkataan *al-maysir* dalam kalangan masyarakat Arab Jahiliyyah biasanya merujuk kepada pertaruhan dan perjudian (*al-qimar*). Perkataan *qamara* (قمر) menurut Ibn Manzur (t.t), adalah sama dengan *rahana* (رهن) dan salah satu maksud *al-murahanah* ialah *al-mukhatarah* yang bermaksud pengambilan risiko. Ibn Faris (1981) menyatakan *al-muqamir* (orang yang berjudi) akan mendapat pertambahan harta atau pengurangan dan ia (pertaruhan) tidak akan kekal tanpa berlakunya perubahan. Al-Jurjani (1988) pula menyatakan perjudian adalah setiap permainan yang di dalamnya disyaratkan adanya sesuatu yang diambil dari pihak yang kalah kepada pihak yang menang. Al-Razi (1981) ketika menghuraikan istilah *al-maysir*, memetik kata-kata Imam Muqatil yang menyatakan istilah *al-maysir* diambil daripada perkataan *al-yusr* (mudah) kerana *maysir* bermaksud mengambil harta seseorang dengan cara yang mudah tanpa berusaha dan bersusah payah.

Ulama tafsir berselisih pendapat sama ada *maysir* merupakan nama bagi jenis pertaruhan (*qimar*) yang tertentu atau nama bagi semua jenis *qimar* (al-Razi, 1981). Majoriti ulama tafsir cenderung menyamakan istilah *maysir* dan *qimar* berpandukan kenyataan Abdullah ibn Umar dan Abdullah ibn Abbas yang berkata “semua *maysir* adalah *qimar*” (Ibn Katsir, t.t). Para fuqaha pula tidak memberikan definisi yang langsung dan jelas mengenai perjudian (*qimar /maysir*), namun berdasarkan penelitian dapat disimpulkan bahawa ciri-ciri utama perjudian ialah seperti yang berikut (Ibn Nujaim, 1993, Ibn Abidin, 1966, al-Shirazi, 1976, al-Buhuti, 1982) :

- i. Apabila adanya pertaruhan yang dikeluarkan oleh semua peserta dan akan dijadikan ganjaran bagi sesiapa yang memenangi sesuatu pertandingan.
- ii. Setiap orang yang menyertai pertandingan tidak akan terlepas daripada dua kebarangkalian (risiko) iaitu sama ada mendapat keuntungan ataupun kerugian (*imma an yaghnam aw yaghram*). Jika sekiranya kalah, ia akan menanggung kerugian kerana kehilangan wang pertaruhan yang dikeluarkan.

Majma' Fiqh Sedunia dalam sidang ke 14 pada 11 hingga 16 Jun 2003 telah mengeluarkan Resolusi Nombor 127 (14/1) bahawa semua permainan dan pertandingan yang hadiahnya diambil daripada himpunan wang penyertaan peserta hukumnya adalah haram kerana mengandungi unsur judi.

Larangan berurusan dan terlibat dengan aktiviti yang mempunyai unsur-unsur perjudian dinyatakan dengan jelas dalam firman Allah s.w.t :



“Wahai orang-orang yang beriman, bahawa sesungguhnya arak, dan judi, dan pemujaan berhala, dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah, adalah semata-mata kotor (keji) dari perbuatan syaitan. Oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya”

(al-Maidah, 5:90)

Dalam ayat di atas, perkataan *maysir* (perjudian) bersama-sama dengan khamar dan lain-lain termasuk dalam amalan syaitan yang wajib dijauhi oleh kaum muslimin dalam

aktiviti mereka seharian. Menurut Ibn Taimiyyah (2005), keburukan perjudian lebih besar dari keburukan riba kerana dua faktor iaitu memakan harta secara haram dan terlibat dalam perkara melalaikan (*al-lahw*) yang diharamkan. Terlibat dalam aktiviti *maysir* juga menjauhkan dan melalaikan manusia daripada mengingati Allah swt dan membawa kepada pergaduhan dan kebencian sesama manusia.

Kesimpulannya, ketiga-tiga elemen yang dibincangkan di atas iaitu riba, *gharar* dan perjudian (*maysir/ qimar*) dalam apa-apa jua bentuk dan sifatnya wajib di jauhi dan dihindarkan dalam transaksi *muamalat* Islam. Hikmah larangannya juga jelas iaitu melalaikan manusia daripada mengingati Allah s.w.t dan mencetuskan pergaduhan sesama manusia. Dalam sesetengah keadaan, banyak harta mereka yang berjudi akan hilang di dalam perjudian di samping memberikan kesan ketagihan dan tekanan perasaan. Hakikatnya dalam perjudian, hanya segelintir pihak sahaja yang memperolehi “keuntungan”, manakala sebahagian besarnya akan sentiasa berada dalam kerugian dan kehilangan harta.

### **5.5 Kontrak-kontrak dalam Pembiayaan Perdagangan Antarabangsa Islam**

Menurut Abdul Halim (1996), para pedagang Arab sebelum Islam telah lama mengamalkan pembiayaan ekuiti dan pembiayaan hutang dalam aktiviti perniagaan dan perdagangan mereka. Bagi pembiayaan ekuiti mereka mengamalkannya melalui kontrak-kontrak perkongsian untung (*‘uqud al-isytirak*) iaitu kontrak *mudarabah* dan *musyarakah*. Bagi pembiayaan hutang pula mereka mengamalkannya melalui dua cara iaitu kontrak pertukaran bertangguh dan pinjaman yang berasaskan riba (*riba al-nasi’ah*).

Mustafa (2002) menjelaskan bahawa kontrak pertukaran bertanggung yang diamalkan oleh pedagang-pedagang Arab tersebut ialah:

- i. Jualan Dengan Harga Bertanggung (*al-bay' bithaman ajil*)
- ii. Jualan Dengan Tambahan Untung (*bay' al-murabahah*)
- iii. Sewaan (*al-ijarah*)
- iv. Jualan Salam (*bay' al-salam*)
- v. Jualan Tempahan (*bay' al-istisna'*)

Abdul Halim (1996) menjelaskan bahawa kedatangan Islam telah menghalalkan pembiayaan ekuiti melalui kontrak-kontrak perkongsian untung yang diamalkan oleh masyarakat Arab sebelum Islam. Islam juga mengharuskan pembiayaan hutang melalui kontrak-kontrak pertukaran bertanggung tetapi mengharamkan sekeras-kerasnya pembiayaan hutang yang berlandaskan riba.

Kontrak-kontrak dalam pembiayaan ekuiti dan pembiayaan hutang inilah yang diguna pakai dalam transaksi sistem perbankan Islam kini. Ia bukan sekadar menawarkan perkhidmatan pembiayaan tetapi juga perkhidmatan penyimpanan (deposit) yang berlandaskan kontrak-kontrak *muamalat* Islam seperti *wadiah*, kontrak memberi kepercayaan seperti *kafalah*, *hiwalah* dan *rahn*, kontrak perwakilan seperti *wakalah* dan juga kontrak sukarela seperti *hibah*. Penyelidik akan menumpukan perbincangan hanya berkaitan dengan kontrak-kontrak yang diaplikasikan dalam produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa di bank-bank Islam di Malaysia.

Berdasarkan penelitian penyelidik terhadap bank-bank Islam (16 buah)<sup>62</sup>, kontrak-kontrak yang diamalkan dalam produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam di Malaysia dapat dikategorikan seperti berikut :

1. Kontrak-kontrak berkaitan jual beli (*al-Bay'*)

i. *Murabahah*

ii. *Bay' al-Dayn*

iii. *Bay' al-'Inah*

iv. *Tawarruq*

v. *Bay' Bithaman Ajil*

2. Kontrak-kontrak Perkongsian (*al-Ishtirak*)

i. *Mudarabah*

ii. *Musyarakah*

3. Kontrak jaminan (*al-Tawthiq*)

i. *Kafalah*

4. Kontrak penyerahan (*al-Tafwid*)

i. *Wakalah*

5. Prinsip *al-Wa'ad*

Penyelidik menghuraikan kontrak-kontrak di atas dengan menumpukan dari aspek pengertian dan paradigma kontrak-kontrak tersebut menurut pandangan ahli-ahli perundangan Islam, hujjah pensyariatannya, aplikasinya dalam produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam dan isu-isu syariah yang berbangkit.

---

<sup>62</sup> Keterangan tentang produk-produk dan kontrak yang digunakan oleh 16 buah bank Islam di Malaysia terdapat di halaman 138-142, bab empat

### 5.5.1 Kontrak-kontrak Berkaitan Jual Beli (al-Bay')

Walaupun al-Quran jelas mengharamkan transaksi riba namun terdapat ruang kepada manusia untuk berinteraksi sesama mereka dalam bentuk yang dinamakan sebagai *al-bay'*. *Al-bay'* dari segi bahasa bermaksud pertukaran harta dengan harta atau pertukaran sesuatu dengan sesuatu yang lain (Ibn Manzur, t.t). Para fuqaha menggunakan istilah *al-bay'* dalam Fiqh Islami dan memberikan definisi yang khusus bagi istilah ini. Fuqaha mazhab Hanafi mendefinisikan *al-bay'* sebagai (Ibn Nujaim, t.t):

عقد متضمن مبادلة مال بمال

*“Satu akad yang terkandung di dalamnya pertukaran harta dengan harta”*

Fuqaha mazhab Maliki pula mendefinisikan *al-bay'* seperti berikut (al-Dusuqi, t.t):

عقد معاوضة على غير منافع ولا متعة لذة

*“Satu akad pertukaran atas sesuatu yang bukan manfaat dan bukan juga untuk kepuasan”*

Fuqaha mazhab Syafii pula mendefinisikannya sebagai (al-Ansari, t.t):

مقابلة مال بمال على وجه مخصوص

*“Pertukaran harta dengan harta mengikut cara yang tertentu”*


Fuqaha mazhab Hanbali mendefinisikan *al-bay'* seperti berikut (Ibn Qudamah, 1997) :

مبادلة المال بالمال تمليكاً وتملكاً

*“Pertukaran harta dengan harta yang membawa kepada penyerahan dan penerimaan hak milik”*

Definisi-definisi yang dikemukakan oleh fuqaha-fuqaha mazhab di atas bertemu pada satu titik iaitu *al-bay'* merupakan satu akad yang membawa kepada pertukaran sesuatu harta dengan harta yang lain dengan cara-cara yang tertentu. Dalam urus niaga semasa, pada kebiasaannya *al-bay'* melibatkan pertukaran wang dengan harta atau barangan.

Fuqaha sepakat mengatakan bahawa jual beli adalah harus berdasarkan nas-nas dari al-Quran, hadis, ijmak dan logik akal (Za'tary, 2010). Dalil dari al-Quran atas keharusan *al-bay'* ialah firman Allah s.w.t :



*“Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan cara yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan atas dasar suka sama suka di antara kamu”*

(Surah al-Nisa 4:29)

Dalil dari al-Sunnah pula ialah sabda Nabi Muhammad s.a.w :

*"سئل رسول الله صلى الله عليه وسلم أي الكسب أطيب أو أفضل ؟ قال : عمل الرجل بيده وكل بيع مبرور"*

*“Rasulullah s.a.w ditanya oleh sahabat apakah usaha yang paling baik atau afdal? Baginda menjawab: Usaha sesorang dengan tangannya sendiri dan setiap perniagaan yang diberkati”*

(Al-Baihaqi, 2003, j.5, no.10397)

Keharusan jual beli juga adalah berdasarkan ijmak ulama (Ibn Muflih, 1400H) dan logik akal manusia iaitu untuk memenuhi hajat dan keperluan manusia dengan bertukar-tukar barangan dengan keredaan kedua-dua belah pihak.

Jual beli termasuk dalam kontrak *tamlikat* (pemilikan) yang berbentuk *mu'awadat* (pertukaran). Seterusnya, penyelidik akan membincangkan kontrak-kontrak jual beli yang diaplikasikan dalam produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam oleh bank-bank Islam di Malaysia.

#### 5.5.1.1 Murabahah

*Murabahah* berasal daripada perkataan (ربح) (*ribh*) yang membawa maksud pertambahan dan keuntungan (al-Razi, 1987). Para ulama fiqh memberikan definisi *murabahah* dari sudut istilah dalam pelbagai bentuk, namun kesemuanya menjurus kepada maksud yang sama. Fuqaha mazhab Hanafi mendefinisikan *murabahah* sebagai (al-Samarqandy, 1993, Ibn Nujaim, t.t):

"وهو أنه بيع بمثل الثمن الأول مع زيادة ربح"

“Jualan pada harga kos (harga asal barangan)  
yang dicampur dengan pertambahan untung”

Fuqaha mazhab Maliki pula mentakrifkan *murabahah* sebagai (Ibn Juzay, 1982, al-Dusuqi, t.t):

"هو أن يعرف صاحب السلعة المشتري بكم اشتراها ويأخذ منه  
ربحا إما على الجملة وإما على التفصيل"

*“Murabahah ialah pemilik barang memaklumkan kepada pembeli berapa harga kos yang dibelinya dan ia mengambil keuntungan daripadanya sama ada dalam bentuk keseluruhan(lump sum) atau secara terperinci (peratusan tertentu) ”*

Fuqaha mazhab Syafii mentakrifkan *murabahah* sebagai (al-Syarbini, t.t, al-Syirazi, 1976):

"وهو الزيادة على رأس المال"

*“Murabahah ialah pertambahan ke atas harga modal”.*

Fuqaha mazhab Hanbali pula mentakrifkan *murabahah* sebagai (Ibn Qudamah al-Maqdisi, 1997, al-Buhuti, t.t):

"هو البيع برأس المال وربح معلوم ويشترط علمهما برأس المال"

*“Suatu bentuk urusniaga yang menjual suatu barangan dengan harga pokok serta ditambah keuntungan yang dinyatakan dan disyaratkan ianya (harga pokok) diketahui oleh kedua-dua penjual dan pembeli”*


Selain itu terdapat juga pentakrifan yang diberikan oleh ahli fiqh kontemporari tentang konsep jual beli *murabahah*. Penyelidik memetik definisi yang diberikan oleh pihak AAOIFI (2007) iaitu:

"بيع سلعة بثمن الذي اشتراها به البائع مع زيادة ربح معلوم متفق عليه"

*“Menjual suatu barangan dengan harga asal yang dibeli (modal) oleh penjual beserta keuntungan yang diketahui serta dipersetujui oleh kedua-dua penjual dan pembeli”*

Bentuk jual beli *murabahah* ialah penjual menyatakan kepada pembeli harga kos barangan itu dan menjualkannya dengan dicampurkan jumlah keuntungan yang akan diperolehinya sama ada dalam bentuk keseluruhan (*lump sum*) ataupun dalam bentuk peratusan tertentu (Isa, 2007, Nabil, 1986). *Murabahah* termasuk dalam jual beli amanah (*buyu' al-amanah*) kerana transaksinya terbina atas dasar amanah dan amat berkehendakkan kepada kejujuran dan menjauhi segala bentuk keraguan dan kesamaran (Al-Marghinani, t.t). Dalam erti kata yang lain, dalam jual beli amanah ini penjual disyaratkan menyatakan kos barangan yang dibelinya terlebih dahulu sebelum menentukan harga jualan

Jumhur ahli fiqh mengharuskan jual beli *murabahah* kerana ia termasuk di bawah pensyariatian jual beli secara umum sepertimana firman Allah s.w.t:



*“Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan cara yang salah(tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan atas dasar suka sama suka di antara kamu”*

(Surah al-Nisa 4:29)

Rukun dan syarat jual beli *murabahah* adalah sama seperti rukun dan syarat sah jual beli yang umum. Namun begitu ahli-ahli fiqh telah meletakkan beberapa syarat khusus yang berkaitan dengan jual beli *murabahah* iaitu (al-Syarbini, t.t, al-Kasani, 2003, al-Zuhaily, 1989, al-Sarakhsi, 1978 ):

- i. Akad yang pertama dilakukan hendaklah akad yang sah dari segi syarak. Sekiranya akad (kontrak) yang pertama tidak sah (*fasid*), maka kontrak *murabahah* yang berlaku selepas itu dikira batal.
- ii. Penjual hendaklah menyatakan kos atau modal sebenar barangan yang hendak dijual kepada pembeli.
- iii. Penjual dan pembeli bersetuju mengenai kadar keuntungan yang ditetapkan sebagai tambahan kepada modal kerana ia adalah sebahagian daripada harga jualan *murabahah*.
- iv. Barangan yang dibeli secara *murabahah* mestilah bukan daripada barangan ribawi yang ditegah pertukaran jual belinya kecuali mematuhi syarat-syarat pertukaran barangan ribawi.

Para ahli fiqh telah sepakat mengiktiraf *murabahah* sebagai satu transaksi yang sah dalam urusan perniagaan, namun mereka berbeza pandangan tentang perincian perlaksanaannya terutamanya dalam aspek penentuan harga (modal), kadar keuntungan dan aspek hak untuk membatalkan atau membubarkan kontrak tersebut (Za'tary, 2010).

Istilah *murabahah* yang dibincangkan di atas merupakan pengertian klasik yang dibahaskan oleh ulama fiqh dalam kitab-kitab mereka. Dalam konteks sistem kewangan Islam kontemporari, konsep *murabahah* telah diaplikasikan dalam pelbagai bentuk dan jenis. Idea ini lahir daripada inovasi ahli perbankan dan dipandu oleh para ulama syariah. Konsep *murabahah* dalam institusi perbankan Islam semasa dikenali sebagai *bay' al-murabahah lil-amir bi al-syira'*. Ia ditakrifkan sebagai satu bentuk permintaan dari satu

pihak (pelanggan) kepada satu pihak yang lain (biasanya bank) untuk membeli suatu aset yang diinginkan pelanggan (dinyatakan sifat-sifatnya) dengan cara pihak pelanggan berjanji akan membelinya daripada pembeli awal (bank) secara jualan *murabahah* yang dipersetujui kadar keuntungan oleh kedua-dua pihak dan bayarannya adalah secara sekaligus atau beransur-ansur bergantung kepada kemampuan kewangan pihak pelanggan (Syubair, 2001). Imam al-Syafii r.a ialah orang yang pertama menggambarkan transaksi *murabahah lil-amir bi al-syira'* dalam kitabnya *al-Umm*, tetapi beliau tidak menamakannya dengan panggilan demikian. Beliau menyatakan (Imam al-Syafii, 1973):

"إذا أرى الرجل الرجل السلعة فقال: اشتر هذه, وأربحك فيها كذا,  
فاشترها الرجل, فالشراء جائز, والذي قال: أربحك فيها بالخيار,  
إن شاء أحدث فيها بيعا, وإن شاء تركه"

*"Apabila seorang lelaki menunjukkan kepada seorang yang lain satu barang lalu berkata: Engkau belilah ia dan aku akan beli daripada kamu dengan tambahan beberapa jumlah untung buatmu, maka lelaki pertama tadi membelinya, jual beli ini adalah harus, manakala lelaki yang berkata aku akan membeli daripadamu dengan untung (yang berjanji), adalah terbuka dengan pilihan, sama ada untuk membelinya atau menolaknya"*

Urus niaga ini adalah sah di sisi syarak walaupun ada pendapat yang menentangnyaa asalkan risiko urusniaga itu ditanggung sepenuhnya oleh pembiaya (bank) sehingga pemilikan dipindahkan kepada pembeli (Za'tary, 2010). Proses jual beli ini turut difatwakan sebagai harus oleh majoriti ulama semasa seperti majlis Fatwa Mukhtamar Perbankan Islam kedua di Kuwait tahun 1983 dan juga Akademi Fiqh OIC dalam sidang mereka yang kelima di Jeddah pada tahun 1998 dan majlis Syariah AAOIFI (AAOIFI, 2008).

Para ulama kontemporari telah membincangkan tentang ciri-ciri yang khusus bagi kontrak *murabahah lil-amir bi al-syira'* iaitu seperti yang berikut (Syubair, 2001, Al-Salus, 1996, Al-Asyqar, 1983):

- i. Janji yang mengikat pembeli atau pelanggan kepada pembiayanya (bank) untuk membeli barangan yang dipesan.
- ii. Barangan pesanan itu mestilah harus bagi orang Islam memilikinya dan ia mestilah wujud atau akan wujud dalam pasaran.
- iii. Kontrak jual beli antara bank dengan penjual pertama iaitu pemilik barangan mestilah sah di sisi syarak.
- iv. Barangan yang dikehendaki oleh pelanggan mestilah telah menjadi hak milik bank sebelum kontrak jualan secara *murabahah* dibuat antara pihak bank dan pelanggan.

Dua unsur penting dalam transaksi ini ialah janji untuk membeli (*wa'ad bi al-syira'*) dan jualan dengan margin keuntungan (*bay' al-murabahah*).

Berdasarkan penelitian penyelidik, transaksi *bay' al-murabahah lil-amir bi al-syira'* atau dikenali juga sebagai *murabahah murakkabah* ini banyak diaplikasikan dalam produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam khususnya di institusi perbankan Islam di Malaysia. Kontrak *murabahah* ini diaplikasikan dalam produk-produk pembiayaan perdagangan seperti Surat Kredit, Pembiayaan Modal Kerja Dagangan, Pembiayaan Semula Kredit Eksport, Bil-bil Penerimaan dan Resit Amanah. Sebagai contoh, penyelidik akan menunjukkan cara-cara kontrak *murabahah* dilaksanakan dalam operasi Surat Kredit. Prosesnya berlaku apabila pelanggan memerlukan pembiayaan

untuk membeli barangan dagangan atau bahan mentah untuk menjalankan perniagaannya. Pihak bank akan bertindak sebagai peniaga dengan membeli barangan terlebih dahulu dan kemudian menjualkannya kepada pelanggan dengan harga yang lebih tinggi. Sudin (2005, Irsyaid, 2007) memperincikan prosedur Surat Kredit yang berlandaskan kontrak *murabahah* seperti yang berikut:

- i. Pelanggan memberitahu bank tentang jenis dan sifat-sifat barang yang hendak diimport atau dibeli serta syarat-syarat pengeluaran Surat Kredit.
- ii. Pelanggan berunding dengan bank agar bersetuju membeli terlebih dahulu barangan tersebut dan kemudian menjualkan barang itu kepadanya berlandaskan hukum *bay' murabahah* (jualan dengan tambahan untung).
- iii. Bank seterusnya mengeluarkan Surat Kredit berkenaan.
- iv. Apabila bank menerima dokumen-dokumen atau maklumat mengenai Surat Kredit berkenaan, bank akan menjelaskan bayaran dengan wangnya sendiri.
- v. Bank kemudian menjual barangan tersebut kepada pelanggan berdasarkan hukum *murabahah*.
- vi. Bank mengenakan bayaran komisen ke atas pelanggan berlandaskan hukum upahan (*ujr*) dan perbelanjaan mengurus yang berkaitan dengan kemudahan dan perkhidmatan Surat Kredit.

Secara praktikalnya, begitulah prosedur kontrak *murabahah* yang berlaku dalam Surat Kredit yang sedang diaplikasikan dalam institusi perbankan Islam di Malaysia khususnya. Penyelidik menghuraikan aplikasi *murabahah* dalam produk-produk pembiayaan perdagangan yang lain ketika membuat kajian terperinci terhadap aplikasi kontrak-kontrak di bank-bank Islam yang terpilih.

### **5.5.1.2 Bay' al-Dayn**

*Bay' al-dayn* banyak diaplikasikan dalam produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam. Penyelidik membincangkan tentang konsep dan pengertian hutang (*al-dayn*) terlebih dahulu sebelum memulakan perbincangan tentang *bay' al-dayn*. Istilah *al-dayn* dari segi bahasa berasal daripada perkataan (دان) yang bermaksud tunduk (خضع), patuh (ذل) dan taat (أطاع). Hal ini merujuk kepada sesuatu yang berbentuk harta yang diberikan oleh seseorang kepada engkau yang menghendakkan engkau memulangkan dan mengembalikan kepadanya semula (al-Mu'jam al-Wajiz, 1980).

Perkataan *dayn* menurut perundangan Islam mencakupi ruang lingkup yang amat luas iaitu bayaran kepada harga barangan, bayaran kepada *qard* (hutang), bayaran mahar (maskawin) selepas isteri disetubuhi atau sebelumnya (iaitu mahar yang belum dibayar selepas akad nikah), bayaran sewa, ganti rugi yang mesti dibayar kerana jenayah, ganti rugi atas kerosakan yang dilakukan, jumlah wang yang mesti dibayar kerana tebus talak dan barangan pesanan yang belum sampai (*muslam fi*) (al-Zuhaily, 1989). Maksudnya, hutang itu tidak semestinya dalam bentuk harta semata-mata bahkan merangkumi segala sesuatu yang sabit dalam tanggungan seseorang sama ada berupa harta atau hak.

Para fuqaha menggunakan istilah *al-dayn* ini dengan pengertian yang khusus. Fuqaha mazhab Hanafi mentakrifkan *al-dayn* sebagai (Ibn Humam, 1970):

"عبارة عما يثبت في الذمة من مال في معاوضة أو إتلاف أو  
قرض"

*"Sesuat yang sabit atas tanggungan seseorang daripada harta tertentu dengan sebab berlakunya akad pertukaran atau kerosakan barang atau kerana hutang"*.

Majoriti fuqaha dari mazhab Syafii, Maliki dan Hanbali pula mendefinisikan *al-dayn* dalam bentuk yang lebih umum daripada fuqaha mazhab Hanafi iaitu (Hammad, 2001):

"ما يثبت في الذمة من مال بسبب يقتضي ثبوته"


*"Sesuat yang sabit atas tanggungan seseorang daripada harta dengan berlakunya sebab-sebab yang menentukan pensabitannya"*

Hammad (2001) menjelaskan lagi bahawa semua hutang yang berkaitan dengan harta sama ada yang bersifat harta sebenar (*a'in maliyah*) ataupun yang bersifat manfaat ataupun yang merupakan hak Allah seperti zakat adalah termasuk dalam pengertian ini.

*Bay' al-dayn* ditakrifkan sebagai jual hutang yang telah sabit pada tanggungjawab seseorang bagi melepaskan tanggungan orang yang berhutang tersebut atau menjual hutang yang sabit pada tanggungjawab seseorang kepada pihak yang ketiga (al-Daghi, 2001). Dalam erti kata yang lain bermaksud satu kontrak jual beli dengan seseorang yang berhutang menjual hak hutangnya kepada si pemberi hutang sama ada kepada orang yang memberi hutang itu sendiri atau kepada pihak ketiga. Sano (2001) menjelaskan bahawa kebiasannya penjual hutang akan menjual hutangnya pada harga diskaun kerana pembeli

sama ada pemberi hutang atau pihak ketiga tidak akan membeli hutang tersebut jika harga tidak dikurangkan. Oleh itu beliau berpendapat kontrak *bay' al-dayn* ini boleh dikategorikan sebagai salah satu daripada kontrak jual beli dalam Islam iaitu jual beli diskaun (*bay' al-wadh'iyah*) atau juga sebagai jualan pada harga kos (*bay' al-tawliyah*) jika pembeli membeli hutang tersebut pada harga kos.

Kontrak *bay' al-dayn* diterangkan dalam al-Quran , firman Allah s.w.t:



“Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang piutang (yang diberi tempoh) hingga ke suatu masa yang tertentu, maka hendaklah kamu menulis(hutang dan masa bayarannya)itu dan hendaklah seorang penulis di antara kamu menulisnya dengan adil (benar” ”

(Al-Baqarah, 3:282)

Menurut al-Jassas (t.t), *al-dayn* dalam ayat di atas merangkumi semua jenis kontrak-kontrak hutang ( عقود المداينات ) yang diharuskan penangguhan padanya. Lafaz *al-dayn* di dalam hadis pula merujuk kepada dua pengertian. Pengertian yang pertama bersifat umum merangkumi hak-hak Allah dan hak-hak manusia. Sabda Rasulullah s.a.w kepada seorang lelaki yang bertanya tentang mengqada puasa bagi ibunya yang telah mati:

"نعم, فدين الله أحق أن يقضى"

Jawab Rasulullah: Ya, maka hutang Allah lebih berhak untuk ditunaikan

(al-Baihaqi, 2003, j.4, no.8223)

Pengertian yang kedua merujuk kepada harta yang sabit atas tanggungan, sepertimana hadis yang menceritakan tentang satu jenazah yang dibawa kepada Rasulullah s.a.w untuk disembahyangkan, lalu baginda bersabda :

هل ترك شيئاً؟ قالوا لا ! قال هل عليه دين؟ قالوا نعم! ديناران  
فقال: صلوا على صاحبكم فقال ابو قتادة: هما علي يا رسول الله ,  
فصلى عليه النبي صلى الله عليه وسلم"

*Rasulullah saw bertanya : Apakah dia mempunyai waris?  
Para sahabat menjawab : Tidak ya Rasulullah. Baginda  
bertanya lagi: Adakah dia mempunyai hutang? Sahabat  
menjawab:Ya, sejumlah 2 dinar. Rasulullah pun menyuruh  
para sahabat sahaja yang mrnyembahyangkan jenazah  
tersebut. Lalu Abu Qatadah berkata: Saya akan membayar  
hutangnya ya Rasulullah, lalu baginda pun  
menyembahyangkan jenazah tersebut.*

(Al-‘Asqalani, 2001, j4, no. 2295)

Para fuqaha menggunakan kedua-dua pengertian yang dinyatakan oleh kedua-dua hadis di atas, iaitu *al-dayn* dalam pengertiannya yang umum yang merujuk kepada sesuatu yang sabit pada tanggungan sama ada daripada hak Allah atau hak manusia dan *al-dayn* dalam pengertiannya yang khusus iaitu sesuatu yang sabit pada tanggungan seseorang kerana akad, hutang, *qarabah*, *musaharah* dan sebagainya (al-Zuhaily, 2009).

Kontrak *bay’ al-dayn* menjadi isu perdebatan dan perselisihan pendapat dalam kalangan fuqaha silam dan juga semasa dari segi keharusan penggunaannya. Namun begitu, tiada nas umum atau kata sepakat (ijmak) dalam kalangan para fuqaha tentang pengharamannya secara mutlak (Ibn Qayyim, 1995) kecuali fuqaha mazhab al-Zahiriyyah yang mengharamkan secara mutlak jual beli hutang dengan hutang dalam semua bentuk dan keadaan (Ibn Hazm, 1350H). Jumhur fuqaha mengharuskan sebahagian bentuk jual beli *bay’ al-dayn* dan mereka menegahnya dalam beberapa keadaan yang tertentu.

Menurut Hammad (2001), terdapat lapan bentuk dan keadaan *bay' al-dayn* yang mempunyai hukumnya yang tersendiri berdasarkan situasinya.

Hadis Rasulullah s.a.w ada menerangkan tentang larangan jual beli hutang. Saidina Umar al-Khattab ra pernah meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w pernah bersabda:

أن رسول الله صلى الله عليه وسلم نهى عن بيع الكالئ بالكالئ

“*Sesungguhnya Rasulullah saw melarang jual beli secara hutang yang dibayar dengan hutang*”

(al-Syaukani, 2004, j.5, no. 2186)

Al-Syaukani (2004) menjelaskan bahawa hadis ini melarang jual beli hutang dengan hutang yang disepakati secara ijmak.

Jumhur fuqaha mengharuskan penerima hutang menjual hutangnya kepada pemiutang (orang yang memberi hutang) atau *debtor* dengan alasan hutang tersebut akan kembali kepada dirinya sendiri dan kerana tiada unsur *gharar* dalam transaksi tersebut (al-Kasani,2003). Namun begitu, para fuqaha berbeza pendapat tentang jualan hutang kepada pihak ketiga dengan alasan penjual tidak berupaya menyerahkan perkara (barangan) yang dijual kepada pembeli (al-Zuhaily, 1989). Selain itu sebab kebanyakan fuqaha tidak mengharuskan *bay' al-dayn* adalah kerana risiko yang berlaku kepada pembeli, *gharar*, tidak berlaku *qabad*<sup>63</sup> dan riba (Mesyuarat Kumpulan Penyelidik Instrumen Islam kali ke 8, pada 25 Januari 1996).

---

<sup>63</sup>Ia bermaksud penguasaan dan pemilikan terhadap sesuatu perkara yang kebiasaannya merujuk kepada sesuatu *uqud mu'awadat* (akad pertukaran). Ia berlaku secara zahir seperti membuat pengambilan barang selepas jual beli atau secara tidak zahir seperti pengiktirafan bahawa akibat sesuatu tindakan tertentu, menunjukkan *qabadh* telah berlaku dengan sempurna, Nazih Hammad (1993)

*Bay' al-dayn* boleh berlaku dalam dua situasi iaitu menjual hutang kepada penghutang (orang yang memberi hutang) atau menjual hutang kepada pihak ketiga dan kedua-duanya boleh dijual secara hutang atau tunai. Fuqaha sependapat tidak membenarkan jual beli hutang secara hutang (juga dikenali sebagai jual *al-kali' bi al-kali'*). Para fuqaha berbeza pendapat tentang jualan hutang secara tunai, namun majoriti fuqaha mengharuskannya. Jualan hutang kepada pihak ketiga pula menjadi khilaf dan perdebatan dalam kalangan fuqaha kepada tiga golongan. Majoriti fuqaha menegahnya, sekumpulan fuqaha mazhab Syafii mengharuskannya<sup>64</sup>, manakala fuqaha mazhab Maliki membenarkannya dengan lapan syarat. Golongan yang mengharuskan jualan hutang kepada pihak ketiga terbahagi kepada dua iaitu membenarkannya secara mutlak atau membenarkannya dengan bersyarat (al-Zuhaily, 1997).

Fuqaha mazhab Hanafi berpendapat tidak harus menjual hutang kepada pihak lain kerana risiko yang bakal diterima oleh pembeli, penghutang dan sifat hutang itu sendiri. Mereka menegaskan bahawa hutang itu berbentuk *mal hukmy* (satu bentuk harta yang tidak boleh dilihat). Oleh itu, pembeli hutang akan menanggung risiko yang besar kerana ia tidak memperolehi perkara yang dibeli manakala penjual pula tidak dapat menyerahkan perkara yang hendak dijual (al-Kasani, 2003). Fuqaha mazhab Maliki membenarkan jualan hutang kepada pihak ketiga dengan lapan syarat iaitu (al-Dusuqi, t.t):

- i. Pembeli hendaklah menyegerakan bayaran harga kerana jika tidak disegerakan ia akan menjadikan jual beli itu sebagai jual beli hutang dengan hutang.

---

<sup>64</sup>Fuqaha mazhab Syafie yang mengharuskannya ialah al-Syirazi, al-Nawawi, al-Subki, Zakariyya al-Ansari, Walid al-Ramly, Ibn al-Sibagh dan al-Khatib al-Syarbini.

- ii. Orang yang berhutang hendaklah hadir ke tempat urusan supaya dapat mengetahui keadaannya sama ada ia orang yang senang atau susah.
- iii. Orang yang berhutang mengesahkan hutang tersebut
- iv. Orang yang berhutang termasuk dalam kalangan mereka yang terikat dengan undang-undang supaya dia mampu menjelaskan hutangnya.
- v. Bayaran harga bukanlah daripada jenis yang sama dengan *dayn*, dan sekiranya daripada jenis yang sama, perlulah sama kadarnya supaya tidak terjebak dalam riba
- vi. Jual beli ini bukan antara emas dan perak, supaya tidak termasuk dalam jual beli matawang yang tertangguh
- vii. *Dayn* tersebut mestilah daripada benda yang boleh dijual biarpun sebelum diterima. Ini adalah untuk mengelakkan *dayn* tersebut daripada jenis makanan kerana makanan tidak boleh dijual beli sebelum berlaku *qabad*.
- viii. Tidak timbul permusuhan antara penjual dan pembeli yang boleh menyebabkan kesusahan kepada penghutang.

Fuqaha mazhab Maliki mengharuskan jual beli hutang kepada pihak ketiga dengan syarat tiada unsur-unsur *gharar* dan beberapa larangan yang dinyatakan di atas.

Fuqaha mazhab Syafii pula berpendapat menjual hutang kepada pihak ketiga adalah diharuskan sekiranya hutang itu bersifat *mustaqir*. *Dayn mustaqir* bermaksud hutang yang sabit tanggungan pembayarannya seperti nilai ganti rugi kerosakan dan harta yang ada pada penghutang. Selain itu, disyaratkan juga hutang itu dibayar secara tunai tanpa

bertanggung dengan harga tukarannya yang berupa *'ayn* seperti wang tunai atau benda yang nyata berdasarkan persetujuan (al-Syirazi, 1976). Secara mudah, *dayn mustaqir* bermaksud hutang yang telah sabit secara pasti dan tetap, bukannya yang berbentuk jangkaan atau unjuran pada masa hadapan yang menimbulkan unsur ketidakpastian (*gharar*) (al-Zuhaily, 1989).

Fuqaha kontemporari terutamanya dari negara-negara Timur Tengah mengamalkan pandangan majoriti fuqaha silam yang tidak membenarkan jual beli hutang dengan diskaun (pengurangan) dengan alasan bahawa hutang yang terhasil itu tidak boleh dikira sebagai *mal* (aset) tetapi hanyalah dalam bentuk tuntutan kewangan (*monetary liabilities*) sahaja. Menurut mereka sebarang pertambahan atau kekurangan yang berlaku kepada salah satu pihak dalam transaksi hutang adalah menyerupai hukum riba. Dalam erti kata lain, hutang tidak boleh dijual atau ditukarkan kecuali dengan kadar dan nilai yang sama (Md Daud, 1997).

*Bay' al-dayn* menjadi instrumen pembiayaan popular yang banyak diguna pakai dalam institusi kewangan Islam di Malaysia walaupun kebanyakan institusi kewangan di negara-negara Timur tengah menganggap urus niaga ini sebagai riba dan tidak sah. Inilah antara isu syariah utama yang berkait dengan urus niaga *bay' al-dayn*. Menurut Saiful Azhar dan Mahmood (1999), kesan daripada amalan *bay' al-dayn* dalam institusi kewangan Islam di Malaysia adalah kurangnya penawaran modal daripada pelabur-pelabur Timur Tengah terhadap Pasaran Bon Islam di Malaysia kerana mereka tidak boleh menerima urus niaga *bay' al-dayn* dalam transaksi jual beli.

*Bay' al-dayn* dipraktikkan dalam beberapa produk pembiayaan perdagangan Islam. Berdasarkan penelitian penyelidik terhadap institusi perbankan Islam di Malaysia, kontrak *bay' al-dayn* biasanya diaplikasikan dalam produk-produk seperti Bil Penerimaan Secara Islam, Pembiayaan Semula Kredit Eksport, Bil Pertukaran Belian dan Bil Kutipan Dalaman. Sebagai contoh, penyelidik menunjukkan cara-cara kontrak *bay' al-dayn* diaplikasikan dalam Bil Penerimaan Secara Islam (*Islamic Accepted Bill/IAB*). Ia memberi kemudahan yang serupa dengan Penerimaan Jurubank (*Bankers Acceptance*) dan dibentuk dengan menggunakan konsep *murabahah* dan *bay' al-dayn* (Nor, 1996). Bil Penerimaan Secara Islam untuk eksport dan penjualan domestik dikenali sebagai IAB jualan. Apabila pengeksport hendak mengeksport barangan yang berasaskan kontrak jualan atau Surat Kredit yang dihantar ke banknya, beliau memerlukan pembiayaan. Pengeksport berkenaan dikehendaki menyediakan dokumen penjualan atau eksport seperti yang dikehendaki di bawah kontrak jualan atau Surat Kredit. Pengeksport akan mengeluarkan satu bil pertukaran baru sebagai bil pengganti atas kontrak *bay' al-dayn* yang mempunyai tempoh matang yang tertentu dan ia dinamakan IAB jualan. Pihak bank akan membeli IAB jualan itu pada harga yang dipersetujui dan bayaran akan terus dikreditkan ke dalam akaun pengeksport. Bank akan menerima bayaran balik pada tarikh matang bil tersebut. IAB jualan juga boleh diniagakan di pasaran wang menurut kontrak *bay' al-dayn* (Ab.Mumin, 1999).

Walaupun penggunaan kontrak *bay' al-dayn* merupakan isu kontroversi yang masih menimbulkan perdebatan dan perbezaan pendapat dalam kalangan ulama kontemporari, namun kontrak ini masih dipraktikkan dalam institusi kewangan Islam di Malaysia. Namun begitu terdapat beberapa bank Islam yang tidak menggunakan kontrak *bay' al-*

*dayn* dalam urus niaga pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam dan mereka hanya menggunakan kontrak *murabahah* dalam produk-produk seperti Bil Penerimaan Secara Islam, Pembiayaan Semula Kredit Eksport, Bil Pertukaran Belian dan Bil Kutipan Dalaman. Penyelidik akan mengupas isu ini dengan lebih terperinci ketika membuat analisis antara bank-bank yang terpilih khususnya dari segi aplikasi kontrak-kontrak dalam produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam.

### 5.5.1.3 Bay' al-'Inah

Perkataan *al-'Inah* (البيع العينة) dari segi bahasa bermaksud *al-salaf* (hutang) iaitu apabila jual beli sesuatu dilakukan secara bertangguh masa atau pun penjualan barangan secara bertangguh, kemudian membelinya semula dengan harga yang kurang dari harga asal (Ibn Abidin, t.t). Kamal al-Hummam al-Hanafi (1970) menyatakan, dinamakan *al-'inah* kerana *'ain* atau barang yang dijual kembali semula kepada si penjual. Menurut al-Dusuqi (t.t.) ia dinamakan *'inah* kerana tujuannya untuk membantu (*i'ana*) tuannya yang terdesak untuk mendapatkan keperluannya.

Terdapat berbagai-bagai pengertian *bay' al-'inah* dari segi istilah fuqaha. Masing-masing memahami dalam bentuknya yang tersendiri. Penyelidik membincangkan definisi yang dikemukakan oleh fuqaha empat mazhab tentang konsep *bay' al-'inah*. Fuqaha mazhab Hanafi mendefinikan *bay' al-'inah* sebagai (Ibn Abidin, t.t):

هي بيع العين بثمان زائد نسيئة ليبيعتها المستقرض بثمان  
حاضر أقل , ليقضي دينه

*"Iaitu jualan barangan dengan harga tambahan secara bertangguh (bayaran) bagi tujuan menjualnya kepada peminjam dengan harga tunai*

*yang lebih rendah, bagi tujuan melunaskan hutangnya”*

Fuqaha mazhab Maliki mentakrifkan *bay' al-'inah* seperti berikut (al-Qarafi, 1994):

البيع الى أجل أو الشراء بأقل نقدا قال صاحب: هي فعلة  
من العون لأن البائع يستعين المشتري على تحصيل مقاصده

*“Satu bentuk bentuk jualan secara bertanggung (bayaran) ataupun pembelian yang kurang dari harga asal secara hutang. Berkata pengarang : ia merupakan satu bentuk pertolongan kerana penjual memohon pertolongan dari pembeli agar kehendaknya (penjual) tercapai”*

Fuqaha mazhab Shafie mendefinisikan *bay' al-'inah* seperti berikut (al-Nawawi, 2003) :

بأن يبيع غيره شيئا بثمن مؤجل ويسلمه اليه ثم يشتريه قبل  
قبض الثمن بأقل من ذلك الثمن نقدا

*“Seseorang menjual satu barangan dengan harga tangguh dan menyerahkan barangan tersebut kepada pembeli, kemudian si penjual membeli semula barangan itu sebelum menerima bayaran ( daripada hasil jualan pertama) dengan harga yang lebih rendah secara tunai’*

Fuqaha mazhab Hanbali juga memberi definisi yang hampir sama dengan fuqaha mazhab Syafii (al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah, 1987).

Berdasarkan definisi-definisi di atas dapat disimpulkan bahawa tujuan *bay' al-'inah* adalah untuk mencipta perbezaan harga antara dua kontrak jual beli yang dilaksanakan

secara berurutan ke atas satu objek akad yang sama. Kedua-dua kontrak ini dilakukan oleh orang yang sama, cuma peranan setiap satu ditukar ganti (sama ada sebagai penjual atau pembeli). Setelah selesai transaksi yang kedua, penjual (dalam transaksi kedua) memperolehi semula wang (harga) bagi barang yang dibelinya dalam transaksi pertama. Dalam kedua-dua transaksi yang dilakukan, tiada langsung niat oleh pihak yang berkontrak untuk memiliki subjek kontrak kerana akan dikembalikan kepada pemilik asalnya dengan kadar yang segera. Hal ini hanya dilakukan sebagai kaedah atau pengantara untuk mengesahkan kontrak jualbeli tersebut.

Fuqaha berbeza-beza pendapat berkaitan transaksi yang melibatkan *bay' al-'inah* dan mereka terbahagi kepada dua golongan iaitu:

#### **i. Golongan yang Mengharuskan**

Abu Yusof seorang fuqaha mazhab Hanafi berpendapat bahawa kontrak ini sah (Ibn Abidin, t.t) manakala fuqaha mazhab Syafii (al-Nawawi, 2003), Ibn Hazm dan Daud al-Zahiri (al-Zuhaily, 1989) berpendapat jual beli dalam bentuk ini (*al-'inah*) adalah sah tetapi makruh kerana memenuhi rukun yang ditetapkan. Dengan kata lain, kontrak ini sah berdasarkan bukti luaran yang ditunjukkan oleh rukun yang lengkap. Niat atau tujuan pihak yang berkontrak dalam hal ini tidak penting dan tidak diambil kira dalam menentukan kesahihan jual beli *al-'inah* ini. Ini adalah kerana tiada sesiapa pun boleh mengetahui secara tepat niat tersebut melainkan jika dinyatakan secara terang dan jelas. Kesimpulannya, fuqaha mazhab Syafii dan al-Zahiri hanya mengambil kira tujuan luaran pihak yang berkontrak. Imam al-Syafii dalam kitabnya al-Umm (1973) menyatakan:

اصل ما نذهب اليه أن كل عقد كان صحيحا في الظاهر لا  
أبطله بتهمة ولا لعادة بين المتبايعين وأجزم بصحة الظاهر  
وأكره لهما النية إن كانت النية لو ظهرت كانت تفسد البيع

*“Asal pandangan kami apabila setiap kontrak itu sah pada zahirnya, tiadalah dibatalkan hanya kerana tohmah, dan juga hanya kerana kebiasaan pihak penjual dan pembeli dan diputuskan hukumnya dengan sah dari segi zahirnya dan niat tidak digalakkan, namun sekiranya niat itu terzahir maka ia akan merosakkan transaksi”*

Imam al-Syafii juga menegaskan berdasarkan teks di atas bahawa transaksi *bay' al-'inah* boleh menjadi rosak sekiranya niat untuk membeli semula dizahirkan dalam akad.

Jika dilihat dari sudut semasa dan tempatan khususnya Malaysia, didapati resolusi Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia juga mengharuskan transaksi *bay' al-'inah* (Resolusi Syariah dan Kewangan Islam, 2007). Majlis Penasihat Syariah (MPS) Bank Negara Malaysia pada mesyuarat ke-16 bertarikh 11 November 2000 dan mesyuarat ke-82 bertarikh 17 Februari 2009 telah memutuskan bahawa akad *bai`al-`inah* hendaklah menepati syarat-syarat sah seperti yang berikut:

- i. Mempunyai dua akad jual beli yang jelas dan berasingan iaitu akad pembelian dan akad penjualan
- ii. Tidak terdapat syarat pembelian semula aset dalam akad
- iii. Masa bagi pemeteraian setiap akad adalah berbeza
- iv. Turutan pemeteraian setiap akad adalah betul iaitu akad jual beli pertama hendaklah disempurnakan terlebih dahulu sebelum akad jual beli yang kedua dimeterai

v. Berlaku pemindahan hak milik aset serta wujud penguasaan ke atas aset (*qabd*) yang sah berdasarkan syarak dan amalan perniagaan semasa (*`urf tijari*).

Selain itu, pemindahan hak milik aset mesti berlaku kerana antara syarat sah jual beli ialah adanya *qabad* terhadap barang yang dibeli sebelum dijual semula kepada orang lain atau penjual asal. Perkara ini perlu dilakukan bagi mengelakkan berlakunya isu penjualan harta yang belum dimiliki.

## **ii. Golongan yang Mengharamkan**

Jumhur fuqaha dari mazhab Hanafi, Maliki dan Hambali (Ibn Abidin, t.t, Ibn Juzay, 1982, al-Buhuti, t.t) tidak mengiktiraf kontrak *bay' al-'inah* dan menghukumkan haram berinteraksi dengannya. Fuqaha mazhab Hanafi mengklasifikasikan *bay' al-'inah* dalam kategori *al-buyu' al-fasidah* (jual beli yang rosak) (al-Zuhaily, 1989). Jumhur fuqaha menjelaskan bahawa motif dan qasad pihak yang berkontrak ialah penentu sama ada sesuatu kontrak itu sah atau tidak dari segi syarak. Dalam transaksi *bay' al-'inah*, tujuan pihak yang berkontrak dianggap tidak sah (tidak berniat untuk memiliki barangan yang menjadi subjek akad) dan ini membawa kepada batalnya kontrak tersebut. Jumhur fuqaha berpandangan *bay' al-'inah* hanya digunakan sebagai *hilah* untuk berhutang dan pengenaan riba (Ibn Taimiyyah, 1997). Selain itu jumhur fuqaha juga berhujah menggunakan kaedah *sadd al-zari'ah* iaitu menutup jalan-jalan yang boleh membawa kepada amalan riba. Kontrak ini juga menurut jumhur, merupakan satu medium untuk mengesahkan (*legalize*) riba sedangkan sebarang perkara yang digunakan sebagai jalan ke arah sesuatu yang diharamkan juga dihukumkan haram (al-Hattab, 1992, Ibn

Qudamah, 1984). Termasuk dalam golongan yang mengharamkan *bay' al-'inah* di kalangan fuqaha semasa ialah Kesatuan Fiqh Antarabangsa, Majlis Syariah AAOIFI serta hampir semua Majlis Penasihat Syariah bank-bank Islam sedunia selain Malaysia dan Brunei (Zaharuddin, 2009).

Dalam konteks perbankan Islam di Malaysia kontrak *bay' al-'inah* diaplikasikan dalam produk-produk pembiayaan peribadi, pembiayaan modal kerja, *bay' bithaman ajil*, kad kredit Islam, sukuk BBA dan juga produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam seperti *murabahah trade financing*, Islamic Profit Rate SWAP- IPRS dan Islamic Cross Currency SWAP (ICCS) yang ditawarkan oleh Maybank Islamic Bhd. Menurut Zaharudin (2009) pelaksanaan *bay' al-'inah* yang sedang diaplikasikan oleh sektor perbankan Islam di Malaysia khususnya adalah tidak bertepatan dengan ijtihad Imam al-Syafii. Beliau mensyaratkan agar niat pembelian semula tidak terzahir pada awal kontrak, namun aplikasi di Malaysia dan dokumen kontrak yang disediakan oleh pihak bank membuktikan niat menjual dan membeli semula amat jelas terzahir pada awal kontrak melalui *Master Facility Agreement* yang bersifat mulzim (mengikat).

Kesimpulannya, penggunaan *bay' al-'inah* masih diterima dan dipraktikkan oleh sesetengah bank Islam di Malaysia manakala sebahagian yang lain menolaknya kerana penasihat syariah bank-bank berkenaan tidak menerima transaksi *bay' al-'inah*. Oleh itu, para pakar dan cendekiawan kewangan Islam di negara ini perlu mengkaji pendekatan lain sebagai alternatif kepada penggunaan *bay' al-'inah* seperti *ijarah*, *murabahah*,

*istisna'* dan sebagainya yang lebih diterima oleh fuqaha dan ahli kewangan Islam seluruh dunia.

#### **5.5.1.4 Tawarruq**

Kontrak *Tawarruq* (*monetization*), merupakan antara kontrak yang dipraktikkan dalam produk-produk pembiayaan antarabangsa Islam. Berdasarkan penelitian terhadap bank-bank Islam di Malaysia, penyelidik mendapati kontrak ini diamalkan di Asian Finance Bank ke atas produk Pembiayaan Eksport *Tawarruq* dan Pembiayaan Jualan Domestik *Tawarruq*([http://www.asianfinancebank.com/product\\_services/corporate\\_institutional\\_trade.html](http://www.asianfinancebank.com/product_services/corporate_institutional_trade.html)).

Daripada sudut bahasa, dikatakan istilah *tawarruq* berakar daripada perkataan Arab iaitu “*al-wariq*” (الورق) yang bermaksud wang perak, dirham atau logam perak. *Tawarruq* dalam pengertian generasi terdahulu bermaksud pencarian wang perak, dan dalam pengertian semasa bermaksud mencari wang kertas dan inilah pengertian yang sah dari aspek bahasa (Ibn Manzur, t.t, Al-Razi, 1987). Kemudian perkataan *tawarruq* berubah kepada maksud dan pengertian yang lebih umum iaitu (al-Mani', 1425H):

طلب النقد سواء أكانت فضة أو ذهباً أو عملة ورقية

“*Meminta wang sama ada yang dibuat dari perak atau emas atau wang kertas*”

Perkataan *al-wariq* ini juga telah digunakan dalam al-Quran sebagaimana firman Allah

s.w.t :



sesuatu barang yang harganya menyamai nilai wang tunai yang diperlukan dengan tambahan (lebih) tertentu (keuntungan) yang dibayar dengan harga bertangguh. Kemudian beliau menjual barang tersebut dengan harga yang diperlukan secara tunai, dengan syarat tidak menjualnya kepada orang yang menjual barang tersebut kepadanya. Tujuan utama daripada kontrak *tawarruq* ini ialah si pembeli berhajat kepada wang tunai dan bukannya untuk menggunakan atau memanfaatkan barang yang dibelinya.

Al-Zuhaily (2009) menyimpulkan elemen-elemen bagi kontrak *tawarruq* ialah seperti yang berikut:

- i. Kontrak *tawarruq* bukanlah jual beli yang realiti (*waqiiyyah*), tetapi digunakan medium jual beli sebagai satu helah untuk menutup maksud sebenarnya iaitu mendapatkan wang secara tunai
- ii. Kontrak *tawarruq* mengandungi dua akad di dalamnya iaitu pihak *mutawarriq* membeli suatu barang daripada seseorang, kemudian menjualkannya kepada orang lain (ketiga) dengan harga yang dipersetujui oleh kedua-duanya.
- iii. Komoditi itu disyaratkan tidak boleh dijual kepada penjual yang pertama.
- iv. Mengandungi unsur *hilah* (الحيلة) yang dilarang oleh syarak
- v. Sesuatu akad yang terkandung didalamnya elemen-elemen riba adalah haram hukumnya.

Secara ringkas, apabila menyentuh persoalan hukum kontrak *tawarruq* ini, terdapat dua pola penghukuman terhadap kontrak ini berdasarkan perbendaharaan hukum para fuqaha

dari pelbagai mazhab. Penyelidik menyimpulkan dua pendapat tentang hukum berinteraksi dengan kontrak *tawarruq* iaitu:

**i. Kontrak *Tawarruq* adalah Harus**

Fuqaha yang mengharuskan kontrak *tawarruq* ialah Imam Abu Hanifah, Abu Yusuf, Imam Syafii dan Imam Ahmad bin Hambal. Namun begitu, ada pendapat lain dari Imam Ahmad b Hambal yang tidak membenarkan kontrak *tawarruq*. Walau bagaimanapun, pandangan yang terpilih ialah harus (Taqi Uthmani, 2009). Selain itu, aliran al-Syafi'iyah, Mohammad b Hasan al-Syaibani dan Imam al-Haskafi al-Hanafi meghukumkan makruh bertransaksi dengan kontrak *tawarruq*. Imam Ibn Humam pula mengatakan kontrak *tawarruq* adalah menyalahi perkara utama dalam syariah (*khilaf al-aula*) (Al-Zuhaily, 2009). Pengarang Al-Mausu'ah Al-Fiqhiyyah (1988) menjelaskan bahawa kontrak *tawarruq* diterima oleh para fuqaha secara majoriti sama ada yang menamakannya sebagai *tawarruq* iaitu aliran mazhab Hanbali atau yang tidak menamakannya sebagai *tawarruq* iaitu selain aliran mazhab Hanbali.

**ii. Kontrak *Tawarruq* adalah Dilarang (Haram).**

Fuqaha yang mengharamkan kontrak *tawarruq* ialah para fuqaha aliran mazhab Maliki, Ibn Taimiyyah, Ibn Qayyim Al-Jauziyyah dan golongan yang menyamakan *bay' al-'inah* dan *tawarruq* (Al-Zuhaily, 2009). Ibn Taimiyyah mengatakan bahawa sekiranya pembeli tidak menjualkan semula komoditi kepada penjual pertama, tetapi menjualkannya kepada orang ketiga, maka situasi ini dinamakan *tawarruq*. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan pandangan dalam kalangan fuqaha dari aspek pengesahan kontrak *tawarruq*. Umar b Abdul Aziz dan Imam Ahmad dalam satu riwayatnya menghukumkan makruh

bertransaksi dengan kontrak *tawarruq*. Umar Abdul Aziz mengatakan kontrak *tawarruq* adalah asas kepada riba dan pendapat inilah yang terkuat daripada pendapat-pendapat yang lain (Ibn Taimiyyah, 2005).

Para fuqaha kontemporari telah membahagikan *tawarruq* kepada tiga kategori seperti yang berikut (Said Bouheraoua, 2009):

i. ***Al-Tawarruq al-Fardi (Tawarruq on Individual Basis)*** : Majma' Fiqh Islam (The Islamic Fiqh Academy)<sup>65</sup> mendefinisikannya sebagai “pembelian sesuatu barang oleh pembeli secara bertanggung, kemudian pembeli menjualkan barang tersebut secara tunai kepada orang ketiga dengan tujuan untuk mendapat wang secara tunai”. Dalam kes ini, pihak ketiga tidak mempunyai kaitan langsung dengan penjual barangan yang pertama.

ii. ***Al-Tawarruq al-Munazzam (Organized Tawarruq)***: Formasi bagi kategori ini berlaku apabila penjual menguruskan sendiri proses dan wang tunai yang diperolehi diserahkan kepada *mutawarriq* (yang berhajat kepada tunai). Prosesnya berlaku apabila penjual menjual sesuatu barangan kepada *mutawarriq* secara bertanggung bayaran, kemudian penjual bertindak sebagai wakil kepada *mutawarriq* menjual barangan tersebut secara tunai kepada pembeli dan menyerahkan wang tunai yang diperolehi daripada pembeli kepada *mutawarriq* (Said Bouheraoua, 2009). Situasi ini bermaksud, penjual pertama bertindak sebagai agen atau orang tengah kepada *mutawarriq*. Konsep ini berbeza dengan *tawarruq fardi*, iaitu penjual pertama tidak memainkan peranan dalam penjualan semula komoditi dan dia juga tiada hubungan

---

<sup>65</sup>Definisi oleh Akademi Fiqh Islam dan Muslim World League pada perjumpaan sesi ke 15 yang diadakan di Makkah pada 11 Rejab 1419H bersamaan 31 Oktober 1998.

langsung dengan pembeli terakhir. Wang tunai yang diperolehi oleh *mutawarriq* pula didapati secara terus daripada penjual pertama, manakala dalam *tawarruq fardi* pula pihak *mutawarriq* sendiri yang memperolehinya daripada orang ketiga.

**iii. Al-Tawarruq al-Masrafi (Banking Tawarruq)** : Formasinya berlaku apabila pihak bank membeli sesuatu komoditi (selain emas dan perak) di pasaran antarabangsa atau lain-lain dan menjualkannya kepada pihak *mutawarriq* (pihak yang berkehendakkan tunai) secara bertanggung dengan syarat sama ada syarat dalam kontrak atau hukum ‘uruf dan adat) pihak bank menjadi wakil/agen kepada *mutawarriq* untuk menjual komoditi tersebut kepada pembeli yang lain secara tunai, dan pihak bank akan menyerahkan harga bayaran tersebut kepada pihak *mutawarriq* (Al-Suwaylim, 2003). Fuqaha kontemporari kebanyakannya mengiktiraf *tawarruq masrafi* ini sebagai satu bentuk *tawarruq munazzam*, cuma yang berbeza adalah pihak yang mengaturkan prosedur *tawarruq* tersebut iaitu pihak bank.

Oleh sebab kedudukan kontrak *tawarruq* hampir sama dengan *bay’ al-‘inah*, maka kebanyakan perbincangan dan perbahasan para fuqaha berkaitan *tawarruq* ini diletakkan di bawah tajuk *bay’ al-‘inah*. Secara kasarnya, kedua-dua kontrak ini hampir sama dari sudut matlamat dan objektifnya, iaitu untuk mendapatkan wang tunai menerusi transaksi jual beli. Namun begitu, kedua-dua transaksi ini berbeza dari dua sudut iaitu (Taqi Uthmani, 2009) :

- i. *Bay’ al-‘inah* tidak melibatkan pihak ketiga sebagai pembeli barangan jualan, manakala *tawarruq* melibatkan pihak ketiga.

- ii. *Bay' al-'inah* memerlukan barang jualan kembali semula kepada penjualnya atau barang belian kembali semula kepada pembelinya, manakala *tawarruq* tidak beroperasi sedemikian.

Jika dilihat dari aspek hukum setempat, kontrak *tawarruq* diterima pakai khususnya dalam konteks peningkatan kualiti dan mutu keputusan syariah dengan mengambil kira proses penyeragaman keputusan hukum dengan pusat-pusat kewangan lain di peringkat antarabangsa. Keadaan ini boleh dilihat dalam keputusan Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia pada mesyuarat ke 51 bertarikh 28 Julai 2005 yang mengharuskan produk deposit dan pembiayaan yang berdasarkan kontrak *tawarruq* atau lebih popular sebagai komoditi *murabahah* (Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam, 2007).

Perbincangan di atas lebih banyak menyentuh persoalan *tawarruq fiqhi*. Bagaimanakah pula hukumnya bertransaksi dengan *tawarruq masrafi* (banking) atau *munazzam* (organized) yang diaplikasikan dalam sistem perbankan Islam sekarang? Majma' Fiqh Islami ketika persidangan kali ke-15 pada tahun 1998/1419H, telah mengharuskan *tawarruq masrafi/ munazzam* dengan beberapa syarat tertentu (al-Zuhaily, 2009). Walau bagaimanapun, Majma' Fiqh Islami dalam persidangannya kali ke 19 di UAE pada 30 April 2009, resolusi 179(19/5) memutuskan bahawa *tawarruq munazzam/ masrafi* yang dilaksanakan di institusi perbankan Islam sekarang adalah dilarang (*not permissible*) kerana ia merupakan satu *hilah* (deception) untuk memperolehi tunai dengan segera melalui kontrak yang berlaku dan mengandungi unsur-unsur riba (<http://isra.my/fatwas/commercial-banking/financing/tawarruq/429-oic-fiqh-academy-4/6/2010>). Selain itu, isu syariah yang timbul adalah apabila pihak bank bertindak sebagai

agen atau wakil kepada pihak *mutawarriq* untuk menjual komoditi kepada pembeli yang lain, sedangkan komoditi tersebut tidak wujud (al-Zuhaily, 2009).

Kesimpulannya, kontrak *tawarruq fardi* atau *fiqhi* diterima oleh majoriti fuqaha, namun apabila ia berubah menjadi medium untuk mendapatkan pembiayaan wang, maka para fuqaha berbeza pendapat mengenainya. Pembiayaan yang berasaskan kontrak *tawarruq* yang dipraktikkan di sesetengah bank Islam tempatan yang dikenali sebagai *tawarruq masrafi* atau *munazzam*, menjadi perdebatan dalam kalangan sarjana *muamalat* semasa. Majma' Fiqh Islami menfatwakan tidak harus bertransaksi dengannya atas sebab-sebab yang dinyatakan di atas manakala Keputusan Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia mengharuskannya. AAOIFI (2008) mengharuskan kontrak *tawarruq* ini dengan syarat-syarat yang terperinci. Penyelidik menyokong resolusi AAOIFI yang membenarkan *tawarruq* dengan syarat-syarat dan kondisi yang terperinci dan ketat agar tidak disalahgunakan sebagai hilah untuk mengelakkan riba.

#### **5.5.1.5 Bay' Bithaman Ajil (BBA)**

*Bay' Bithaman Ajil* bermaksud jualan secara bertanggung. Dalam kitab-kitab fiqh, digunakan beberapa nama dan gelaran bagi jualan secara bertanggung ini selain daripada *bay' bithaman ajil* iaitu *bay' al-taqsit* (jualan dengan bayaran secara ansuran), *bay' al-muajjal* (jualan yang harga ditangguhkan), *bay' al-nasihah* (jualan dengan penangguhan) dan *bay' al-ajil* (jualan yang bertanggung). Walaupun istilah yang digunakan berbeza, namun kesemuanya membawa maksud yang sama iaitu satu jualan dengan harga yang ditangguhkan bayarannya. Para fuqaha terdahulu tidak membincangkan secara khusus atau mempunyai babnya yang tersendiri mengenai BBA ini kerana transaksi ini termasuk dalam urus niaga yang baru diperkenalkan dalam sistem kewangan Islam. BBA merujuk

kepada kaedah pembayaran secara bertanggung yang dipersetujui antara penjual dan pembeli. Perkataan *bithaman ajil* (h duskamreb (ثمن أجل) harga bertanggung iaitu satu pembelian dengan bayaran harga yang dibuat secara bertanggung.

*Bay' bithaman ajil/Bay' bi al-taqsit* ditakrifkan sebagai (al-'Aliy, 2008) :

"وهو بيع السلعة مع تأخير دفع ثمنها مفرقا إلى أجل  
معلوم أو هو بيع الشيء بأكثر من ثمنه بسبب الأجل"

*"Menjual suatu barang dengan dilewatkan bayaran harganya secara berasingan(ansuran) kepada suatu masa yang ditetapkan ataupun menjual sesuatu dengan harga yang lebih dari harga asal yang disebabkan oleh penangguhan bayaran"*

Al-Zuhaily (2009) pula mentakrifkan *bay' al-taqsit* seperti berikut:

"هو مبادلة أو بيع ناجز يتم فيه تسليم المبيع في الحال  
ويؤجل وفاء الثمن أو تسديده كله أو بعضه إلى آجال  
معلومة في المستقبل"

*"Suatu jual beli yang lengkap, terlaksana dengan disegerakan penyerahan barangan dan ditangguhkan pembayaran harganya sama ada keseluruhannya atau separuh sahaja kepada suatu masa yang ditetapkan di masa hadapan"*

BBA adalah satu bentuk jual beli harta secara Islam yang mana pembayarannya tidak dibuat semasa kontrak seperti jual beli biasa. Pembayarannya adalah secara ansuran dalam jangka masa tertentu atau bayarannya ditangguhkan sehingga suatu tempoh yang dipersetujui oleh pihak penjual dan pembeli.


Formasi jualan *bay' bithaman ajil* ini bertentangan dengan jualan *salam* kerana jualan *salam* ialah jualan yang disegerakan harganya (tunai), manakala penyerahan barangan ditangguhkan kepada suatu masa hadapan yang ditentukan. Ia juga berbeza dengan jual beli *murabahah* kerana dalam BBA penjual tidak memaklumkan harga modal dan margin keuntungan yang diambil kepada pembeli sebagaimana yang dilakukan dalam jual beli *murabahah*.

Pensyariatatan BBA adalah berdasarkan kepada umum ayat al-Quran yang mengharuskan jual beli iaitu ayat dari surah al-Baqarah (2 : 275) :

وأحل الله البيع وحرم الربا

“Dan Allah s.w.t telah menghalalkan jual beli(berniaga) dan mengharamkan riba”

Selain ayat di atas, para ulama berpendapat ayat yang menggesa supaya menulis urusan hutang juga merupakan dalil keharusan *bay' bithaman ajil* di mana Allah s.w.t



“Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang piutang (yang diberi tempoh) hingga ke suatu masa yang tertentu, maka hendaklah kamu menulis(hutang dan masa bayarannya)itu dan hendaklah seorang penulis di antara kamu menulisnya dengan adil (benar” ”

(Al-Baqarah, 3:282)

Ayat di atas dengan jelas mengharuskan urusan niaga secara berutang secara umum (al-Qurtubi, 2006) dan kontrak BBA adalah termasuk dalam salah satu bentuk berutang. Dalil daripada hadis Nabi s.a.w yang menunjukkan harusnya kontrak *bay' bithaman ajil* ialah sabda Rasulullah s.a.w daripada Saidatina Aisyah r.a :

"أن رسول الله صلى الله عليه وسلم اشترى طعاما من  
يهودي إلى أجل ورهنه درعا من حديد"

*"Sesungguhnya nabi saw telah membeli makanan daripada Yahudi dan menanggukkan bayaran kepada tempoh yang ditentukan dan baginda mencagarkan baju besinya sebagai cagaran"*

(Al-'Ainy, 2001, j.11, no.2068)

Hadis ini jelas menunjukkan keharusan urusan niaga BBA, dan ia pernah diamalkan oleh baginda Rasulullah s.a.w. Hadis ini juga menunjukkan bahawa urusan niaga BBA ini harus diamalkan sama ada sesama Islam atau dengan bukan Islam. Urusan niaga BBA juga diterima berdasarkan logik akal manusia. Sesungguhnya, semua urusan *muamalat* disyariatkan untuk memelihara dan memenuhi hajat manusia serta menjaga kemaslahatan kehidupan mereka (al-Zuhaily, 2009).

Para ulama bersepakat tentang keharusan jualan secara bertanggung, namun mereka berselisih pendapat tentang berlakunya penambahan harga apabila sesuatu barangan itu dijual secara bertanggung. Majoriti ulama berpendapat harus hukumnya kerana bagi mereka masa itu mempunyai bahagiannya yang tersendiri dalam harga sebagaimana yang berlaku dalam jual beli *murabahah* dan *bay' al-salam* (Ahmad Irsyaid, 2007, Za'tary,

2010). Tempoh masa yang perlu ditunggu oleh pihak penjual dan risiko yang terdedah ke atasnya menyebabkan perbezaan harga ini dianggap sebagai harus dengan syarat ia telah dipersetujui pada awal akad dan tidak lagi berubah selepas itu. Menurut Zaharuddin (2009), inilah bentuk *time value of money* yang diiktiraf oleh Islam kerana ia berdasarkan jual beli sebenar dan bukannya akad *qard* iaitu pinjaman atau hutang. Taqi Uthmani (2005) memperjelaskan lagi persoalan ini dengan menyatakan:

*“Pertikaian ini sekali lagi disebabkan oleh salah faham bahawa setiap kenaikan harga disebabkan oleh masa akan jatuh dalam kategori riba. Kesimpulan ini adalah silap. Setiap kenaikan yang disebabkan kelewatan bayaran hanya akan menjadi riba apabila kedua-dua belah pihak berurusan dalam matawang, tetapi jika komoditi atau aset dijual berbalas wang, penjual mempunyai kebebasan untuk menentukan harganya dan dibenarkan juga mengambil kira pelbagai faktor termasuk masa pembayaran. Masa pembayaran boleh dijadikan faktor penentu bagi ketetapan harga komoditi”*

*Bay' bithaman ajil* (BBA) kini menjadi satu istilah khas bagi satu jenis instrumen pembiayaan yang diamalkan oleh bank-bank Islam khususnya di Malaysia dan Brunei. Antara contoh instrumen perbankan Islam yang menggunakan kontrak *bay' bithaman ajil* ialah pembiayaan perumahan, pembiayaan kenderaan, pembiayaan aset seperti mesin perkilangan, real estate dan juga produk yang berkaitan dengan sukuk (*islamic bond*). Produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam yang menggunakan kontrak *bay' bithaman ajil* ialah Negotiable Islamic Debt Certificate (NIDC), Capital Protected Investment –Range Accrual, Islamic Profit Rate SWAP (IPRS) dan Islamic Cross Currency SWAP (ICCS) yang hanya ditawarkan oleh Maybank Islamic Bhd.

Walaupun konsep asal BBA diterima oleh para ulama secara majoriti, namun menurut Zaharuddin (2009), BBA sebagai produk pembiayaan dalam perbankan Islam tidak di benarkan oleh majoriti ulama sedunia, manakala majoriti ulama di Malaysia dan Brunei pula mengharuskannya. Majoriti ulama sedunia tidak mengharuskannya kerana BBA mempunyai hubungan dan kaitan yang rapat dengan konsep jual beli *bay' al-'inah* yang dihukumkan sebagai jual beli yang tidak sah (*fasid*) oleh mereka kerana ia merupakan jalan atau helah untuk menghalalkan riba (al-Zuhaily, 2009).

Hukum syarak membenarkan harga jualan BBA lebih tinggi daripada harga jualan tunai kerana tiada unsur riba padanya. Urus niaga BBA dibuat berdasarkan kontrak jual beli dan bukannya akad pinjaman. Dalam kontrak jual beli, keuntungannya adalah sesuatu yang tidak pasti dan tertakluk kepada risiko kerugian. Kesanggupan penjual menanggung risiko kerugian adalah wajar diberikan ganjaran dalam bentuk keuntungan. Hal ini bermaksud, lebih lama tempoh pembiayaan, maka lebih tinggi risiko yang ditanggung oleh penjual. Oleh itu, wajarlah diberi keuntungan yang tinggi kepada penjual dan keuntungan inilah yang dicerminkan oleh urusniaga BBA (Hailani dan Sanep, 2009, Sharifah Faigah, 2006).

Memandangkan urus niaga BBA menyamai beberapa urus niaga secara tangguh yang diragukan kesahihannya seperti *bay' al-'inah* dan *tawarruq*, sedangkan operasinya tidak mengandungi elemen-elemen riba atau kesamaran riba, kejahilan dan *gharar*, maka adalah amat perlu kontrak ini (BBA) diberi penekanan perkara-perkara berikut agar dapat dihindari keraguan terhadapnya. Perkara-perkara tersebut ialah (Ab.Mumin, 1999):

- i. Mestilah wujud masa perpisahan antara majlis tawar menawar dengan majlis akad agar tidak tercemar oleh unsur kesamaran riba (*syubhah al-riba*)
- ii. Tempoh pembayaran dan jumlah ansuran serta bayaran bagi setiap ansuran itu hendaklah jelas dan dipersetujui oleh kedua-dua pihak yang berkontrak.

Konsep BBA amat popular penggunaannya di Malaysia sekitar tahun 2005 iaitu digunakan sekitar 41% dalam produk-produk pembiayaan. Walaupun begitu, BBA tidak diterima oleh bank-bank Islam di Timur Tengah termasuk Pakistan dan beberapa negara lain kerana cendekiawan Islam di sana berpendapat konsep BBA yang diamalkan di Malaysia menggabungkan dua konsep iaitu *bay' al-'inah* dan *bay' al-muajjal* (jualan dengan bayaran bertanggung dan secara ansuran). Lantaran itu, mereka lebih mengutamakan konsep-konsep lain yang lebih menepati objektif syariah seperti *ijarah*, *musyarakah*, *tawarruq*, *ujrah* dan lain-lain (Zaharuddin, 2009).

Perkembangan terkini dalam perbankan Islam di Malaysia menunjukkan perkembangan yang sihat apabila para cendekiawan dan pengamal perbankan Islam semakin inovatif dan kreatif dalam menghasilkan pelbagai konsep baru yang boleh menjadi alternatif penggunaan BBA dan lebih diterima oleh ulama sedunia. Sebagai contoh konsep pembiayaan perumahan sudah mula ditukar kepada konsep-konsep baru seperti *musyarakah mutanaqisah* (pemilikan berkongsi secara menurun), *ijarah muntahiyah bi al-tamlik* (sewaan yang berakhir dengan pemilikan) dan *ijarah thumma al-bay'* (sewaan

yang diikuti dengan pembelian). Konsep-konsep baru ini sudah terbukti dapat dilaksanakan dan diterima oleh ulama seluruh dunia.

### **5.5.2 Kontrak Penyerahan (*al-Itlaqat/ al-Tafwid*)**

Al-Zuhaily (1989) membahagikan jenis-jenis akad dalam fiqh *muamalat* kepada lima kategori dengan melihat dari aspek-aspek yang tertentu. Antaranya melihat dari aspek objektif sesuatu akad itu diwujudkan seperti kontrak *itlaqat* (*pelepasan*). Kontrak penyerahan ini bermaksud menyerahkan atau melepaskan kepada orang lain untuk melakukan sesuatu perbuatan atau kerja bagi pihaknya. Contoh kontrak jenis ini ialah *wakalah*. Kontrak ini merupakan antara kontrak yang banyak digunakan dalam produk-produk pembiayaan perdagangan Islam. Berdasarkan penelitian penyelidik terhadap bank-bank Islam di Malaysia, akad *wakalah* diaplikasikan dalam Surat Kredit, Pembiayaan Modal Kerja, Resit Amanah dan Pemungutan Berdokumen (*documentary collection*). Kontrak ini digunakan secara meluas oleh semua bank-bank Islam di Malaysia tertamanya dalam operasi Surat Kredit.

#### **5.5.2.1 Wakalah**

Dari segi bahasa *al-wakalah* atau *al-wikalah* ialah kata nama daripada perkataan *al-tawkil* (التوكيل) yang membawa maksud penyerahan, perlindungan dan penjagaan (Ibn Manzur, t.t). Istilah *al-wakalah* menurut pandangan para fuqaha membawa kepada dua pengertian iaitu *al-hifz* (penjagaan) dan *al-tafwid* (penyerahan) (al-Kasani, 2003). Para fuqaha juga memberikan berbagai-bagai bentuk definisi untuk istilah *al-wakalah*, namun pentakrifan

yang diberikan tidak lari dari kedua-dua pengertian yang dinyatakan di atas iaitu penjagaan dan penyerahan. Fuqaha al-Hanafiyyah mendefinisikannya sebagai (Ali Haidar, 1991, Ibn Abidin, t.t):

"عقد يقيم الموكل بمقتضاه شخصا آخر مقام نفسه في  
تصرف جائز معلوم"

*"Satu kontrak di mana pewakil memberikan kepada orang lain urusannya bagi pihak dirinya dalam sesuatu urusan yang diharuskan dan dimaklumi"*

Fuqaha mazhab Syafii mendefinisikannya sebagai (al-Syarbini, 1997, al-Ansari, 1418H):

"تفوض شخص ما له فعله مما يقبل النيابة إلى غيره ليفعله  
في حياته"

*"Menyerahkan kepada seseorang apa yang dia perlu lakukan dalam perkara-perkara yang boleh menerima penggantian kepada orang lain untuk melakukannya semasa hidupnya"*

Fuqaha mazhab Hanbali pula mentakrifkan *wakalah* sebagai (Al-Sa'dy, 2001, Yusuf, 1389H) :

إستنابة جائز التصرف غيره فيما تدخله النيابة"

*"Orang yang layak bertransaksi(cukup syarat) melantik orang lain bagi pihak dirinya pada perkara-perkara yang boleh menerima penggantian"*


Fuqaha mazhab Maliki pula tidak membicarakan secara khusus pentakrifan *al-wakalah*, tetapi perbincangan mereka berkisar sekitar persoalan *al-niyabah* (perwakilan). Mereka menyatakan bahawa *dabit* (tanda-tanda) bagi *al-niyabah* ialah (al-Dusuqi, t.t):

"كل تصرف جاز للشخص مباشرته بنفسه, جاز له التوكيل  
فيه"

*“Semua urusan yang harus bagi seseorang melakukannya secara terus bagi pihak dirinya, maka harus baginya mewakilkan urusan tersebut kepada orang lain”*

Al-‘Ali (2008) menjelaskan bahawa ia bermaksud menyerahkan sesuatu urusan kepada orang lain untuk melakukannya sama ada sebahagian atau semuanya. Daripada pentakrifan di atas jelas kepada kita bahawa *wakalah* ialah satu akad yang memberi kuasa orang yang mewakil kepada penerima wakil untuk menjalankan sesuatu tugas atau kerja bagi pihak orang yang mewakilkan.

Hukum *wakalah* adalah harus berdasarkan al-Quran, hadis dan ijmak (Sabiq, 1999). Dalil daripada Al-Quran ialah firman Allah s.w.t :



*“Maka lantiklah orang tengah (untuk mendamaikan mereka) seorang dari keluarga lelaki dan seorang dari keluarga perempuan.”*

(Al-Nisa’, 3: 35)

Imam al-Tabari (t.t) menjelaskan bahawa berdasarkan ayat ini, istilah ‘*hakam*’ merujuk kepada wakil daripada pihak suami dan pihak isteri yang bertelagah. Kebanyakan ahli tafsir juga berpandangan seperti yang dinyatakan oleh Imam al-Tabari (Al-‘Ali, 2008). Dalil daripada hadis Rasulullah s.a.w pula adalah baginda mengutuskan seorang yang bernama *al-Su’at* untuk memungut zakat sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w :

" أنه صلى الله عليه وسلم بعث السعاة لأخذ الزكاة "

“*Sesungguhnya Rasulullah saw telah mengutuskan seorang yang bernama al-Su’at untuk memungut zakat*”

(Bukhari, 1987, j.2, no.1429)

*Wakalah* juga telah diterima sebagai salah satu transaksi yang diharuskan oleh syarak secara ijmak kerana untuk menjaga kemaslahatan manusia kerana manusia tidak berkemampuan untuk melaksanakan semua urusannya secara bersendirian (Al-Nawawi, 2003, al-Sarakhsi, 1989, Ibn Qudamah, 1997).

Rukun *wakalah* hanya satu sahaja menurut fuqaha mazhab Hanafi iaitu *sighah* ( ijab dan qabul), manakala fuqaha mazhab-mazhab yang lain menyatakan bahawa rukun *wakalah* ada empat iaitu (Al-Zuhaily, 2009):

- i. Pihak yang mewakilkan (*al-muwakkil* )
- ii. Penerima wakil (*al-wakil*)
- iii. Urusan, barangan, perkara yang diwakilkan (*al-muwakkal fih*)
- iv. *Sighah* (ijab dan qabul).

Setiap rukun *wakalah* mempunyai syarat-syaratnya yang tertentu yang dibincangkan oleh para fuqaha mazhab dalam penulisan-penulisan mereka. Penyelidik tidak akan memperincikan perbincangan dalam perkara ini kerana tumpuan utama ialah berkaitan konsep *wakalah* dan pengaplikasiannya dalam produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam.

Wakalah terbahagi kepada dua iaitu *al-wakalah al-'ammah* (wakalah umum) dan *al-wakalah al-khassah* (wakalah khusus) (al-Samarqandi, 1993, al-Nawawi, 1985, al-Kasani, 1982). *Al-wakalah al'ammah* bermaksud perwakilan dalam semua urusan yang diharuskan manakala *al-wakalah al-khassah* pula merujuk kepada perwakilan yang khusus dalam urusan-urusan yang ditentukan seperti wakil dalam urusan jual beli tanah, jual beli kereta dan sebagainya (Za'tary, 2010).

Fuqaha mazhab Hanafi dan Maliki mengharuskan *al-wakalah al-'ammah* kerana menurut mereka *wakalah* pada asalnya adalah harus pada semua yang dimiliki oleh pewakil dan pada semua urusan yang diharuskan penggantian sama ada berbentuk harta atau lain-lainya (Ibn Abidin, t.t, Ibn Rusyd, 1988). Fuqaha mazhab Syafii dan Hanbali pula tidak mengharuskannya kerana ia boleh mewujudkan elemen *al-gharar* (penipuan) yang besar kepada pewakil seperti penyalahgunaan perwakilan itu dengan sesuatu perkara yang boleh memudaratkan pewakil (al-Ghazali, 1997, al-Buhuti, 1982). Menurut Za'tary (2008), diharuskan memilih mana-mana pandangan di atas berdasarkan kepada hajat dan keperluan seseorang dan berdasarkan situasi orang yang berhajat untuk mewakilkan seseorang.

*Al-Wakalah al-khassah* pula diharuskan oleh semua fuqaha mazhab dan dinamakan juga sebagai *al-wakalah al-masyrutah* (wakalah bersyarat) kerana skopnya terbatas dan disyaratkan pula beberapa perkara tertentu ke atasnya. Selain itu, orang yang diwakilkan juga tidak boleh melampaui atau mengurangi kadar yang diwakilkan oleh pewakil kepadanya (Za'tary, 2008 ).

Selain itu, perbincangan tentang *wakalah* ini juga akan menyentuh isu *wakalah* yang dibayar upah (*al-wakalah bi ujr*). Wakalah jenis ini banyak diamalkan dalam urusan muamalah dunia hari ini. Menurut pandangan fuqaha, *wakalah* hukumnya harus diambil upah atau tidak diambil upahnya (hukum asalnya) kerana ia termasuk dalam akad yang harus yang tidak diwajibkan ke atas orang yang diwakilkan untuk melaksanakannya (al-Zuhaily, 1987). Dalilnya ialah hadis Rasulullah s.a.w :

"أن النبي صلى الله عليه وسلم كان يبعث عماله لقبض  
الصدقات ويجعل لهم العمولة"

"*Sesungguhnya Nabi SAW telah mengutuskan  
pekerja-pekerja baginda untuk memungut sedekah  
(zakat) dan baginda memberikan kepada mereka  
upah*"

(Ibn Hajar, 1964, j.3, no.2138 )

Menurut jumhur fuqaha, akad *wakalah bil ujarah* menjadi *mulzim* (mengikat) , iaitu wajib ke atas penerima wakil untuk melaksanakan urusan yang diwakilkan dan dia tidak boleh mengabaikannya tanpa keuzuran yang dibenarkan kerana ia telah tertakluk di bawah hukum *al-ajir* (orang yang menerima upahan) (al-Dasuqi, t.t). Fuqaha mazhab Syafii pula berpandangan akad *al-wakalah* sama ada dengan upah ataupun tidak hanyalah akad yang harus dan tidak mengikat kedua-dua belah pihak dan mereka berhak untuk membatalkan

akad dan tidak meneruskan perwakilan tersebut (al-Ramli, 1984). Dalam isu ini didapati pendapat jumur lebih sesuai untuk digunapakai dalam urusan kewangan moden hari ini sama ada dalam industri perbankan Islam, takaful, pasaran modal Islam dan sebagainya yang menggunakan kontrak *wakalah*.

Kontrak *wakalah* tamat disebabkan beberapa faktor. Faktor-faktor tersebut ialah (Al-Bujairimi, 2007):

- i. Selesai dan tamat tujuan *wakalah*
- ii. Hilang kelayakan sebagai pewartal atau wakil dengan sebab kematian, gila dan bodoh (*safih*).
- iii. Penarikan diri wakil.
- iv. Kemusnahan, rosak dan hilang barang yang diwartalkan
- v. Hilang hak milik pewartal terhadap barang wartalkan seperti ia menjual barangan tersebut.
- vi. Muflis (pewartal)
- vii. Tamat tempoh masa yang ditetapkan.

Dalam urus niaga perbankan Islam semasa, kontrak *wakalah* banyak diaplikasikan dalam Surat Kredit (LC). Hal ini merujuk kepada situasi di mana satu pihak menamakan pihak yang lain sebagai wakil bagi dirinya. Dalam kes Surat Kredit *wakalah* ini, pihak bank bertindak sebagai agen (wakil) kepada pelanggannya (Hailani dan Sanep, 2009). Pelanggan memohon kepada pihak bank untuk menyediakan Surat Kredit dengan

menyatakan jenis dan sifat-sifat barang yang hendak diimport atau dibeli serta syarat-syarat pengeluaran Surat Kredit tersebut. Sebelum pihak bank mengeluarkan Surat Kredit, pelanggan diminta meletakkan deposit sejumlah wang yang sama dengan harga barang yang hendak dibeli di bawah kontrak *wadi'ah*. Bank akan menjelaskan bayaran menggunakan wang pelanggan daripada akaun deposit tersebut selepas menerima dokumen-dokumen atau maklumat mengenai perundingan Surat Kredit. Bank mengenakan komisen ke atas pelanggan kerana perkhidmatannya ini berasaskan prinsip *al-Ujr* (Sudin, 2005). Kesimpulannya Surat Kredit berasaskan *wakalah* ini hanya akan dikeluarkan apabila pelanggan membayar penuh harga barangan yang ingin dibeli. Isu dari sudut syariah tidak timbul sekiranya syarat-syarat Surat Kredit *wakalah* ini dipatuhi sepenuhnya.

### **5.5.3 Kontrak-kontrak Jaminan (*al-Tawsiqat*)**

*Al-Tawsiqat* (pengukuhan atau jaminan) adalah akad yang bertujuan menjamin hutang bagi pemiliknya dan menjamin pemberi hutang mendapat kembali hutangnya seperti akad *al-kafalah*, *al-hiwalah* dan *al-rahn* (al-Zuhaily, 1989). Penyelidik hanya akan menghuraikan kontrak *al-kafalah* yang digunakan oleh bank-bank Islam di Malaysia khususnya dalam produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam iaitu jaminan perkapalan (SG-i) dan jaminan bank (BG-i).

#### **5.5.3.1 Kafalah**

Perkataan *kafalah* berasal dari bahasa Arab *kafala* (كفل) yang membawa maksud penggabungan atau iltizam (Ibn Manzur, 1995). *Kafalah* juga dikenali atau digunakan sebagai *daman*. Kebiasaannya fuqaha mazhab Hanafi menggunakan istilah *kafalah*,

fuqaha mazhab Maliki menggunakan istilah *kafalah* dan *hamalah* ( الحماله ) manakala fuqaha mazhab Syafii dan Hanbali pula menggunakan istilah *daman* ( ضمان ) ( Barghish, 2009).

Dari segi terminologi fiqh pula, para fuqaha memberikan definisi yang berbeza dengan melihat kesan yang terhasil daripada kontrak ini. Fuqaha mazhab Hanafi mentakrifkan *kafalah* sebagai (Ibn ‘Abidin, t.t):

"ضم ذمة الكفيل إلى ذمة المدين في المطالبة بنفس أو  
بدين أو عين كمغصوب ونحوه"

*"Menggabungkan tanggungan penjamin kepada tanggungan penghutang sama ada jaminan diri, hutang atau harta yang dirampas dan sebagainya"*

Dalam erti kata lain takrif di atas membawa maksud penggabungan tanggungjawab penjamin dan penghutang bagi melangsaikan hutang, barangan dan tuntutan terhadap penghutang (Sulayman, 1998). Jumhur fuqaha’ pula mentakrifkannya sebagai (al-Dusuqi, t.t, Ibn Qudamah, 1981, al-Syarbini, t.t):

"ضم ذمة الضامن إلى ذمة المضمون عنه في التزام الحق  
أي في الدين فيثبت الدين في ذمتها جميعا"

*"Menggabungkan tanggungan penjamin dengan orang yang dijamin pada melaksanakan sesuatu hak iaitu pada hutang, maka hutang tersebut tertanggung atas keduanya"*

Pentakrifan yang dibincangkan di atas menunjukkan bahawa hak seseorang tidak akan hilang walaupun penghutang tidak dapat menjelaskan hutangnya kerana beliau (pemberi hutang) boleh menuntut haknya daripada penjamin.

Pensyariatan *kafalah* adalah berdasarkan al-Quran, Sunnah dan ijmak. Firman Allah s.w.t yang menjelaskan tentang *kafalah* :



"Orang-orang menteri menjawab : kami kehilangan cupak raja dan sesiapa yang memulangkannya akan (diberi makanan) sebanyak muatan seekor unta dan akulah yang menjamin pemberian itu".

(Surah Yusuf, 12:72)

Ibn Katsir (2000), menghuraikan bahawa yang dimaksudkan dengan *za'im* ( زعيم ) dalam ayat di atas ialah *kafalah* atau *daman* (jaminan). Ayat ini menunjukkan bahawa *kafalah* merupakan suatu kontrak yang diharuskan oleh syarak. Hadis Rasulullah s.a.w juga menjadi bukti tentang pensyariatian *kafalah*. Sabda Rasulullah s.a.w dalam satu hadis :

"أن النبي صلى الله عليه وسلم أتى بجنابة رجل ليصلي عليه فقال: هل ترك شيئاً؟ قالوا لا ! قال هل عليه دين؟ قالوا نعم! ديناران فقال: صلوا على صاحبكم فقال ابو قتادة: هما علي يا رسول الله , فصلى عليه النبي صلى الله عليه وسلم"

"Rasulullah saw telah dihadapkan mayat seorang lelaki untuk disolatkan .Rasulullah saw bertanya : Apakah dia mempunyai waris? Para sahabat menjawab : Tidak ya Rasulullah. Baginda bertanya

*lagi: Adakah dia mempunyai hutang? Sahabat menjawab: Ya, sejumlah 2 dinar. Rasulullah pun menyuruh para sahabat sahaja yang mrnyembahyangkan jenazah tersebut. Lalu Abu Qatadah berkata: Saya akan membayar hutangnya ya Rasulullah, lalu baginda pun menyembahyangkan jenazah tersebut.*

(Al-Asqalani, 2001, j.4, no.2295)

Dalam hadis di atas menunjukkan bahawa Abu Qatadah berjanji untuk melunaskan hutang si mati tersebut. Janji tersebut merupakan satu jaminan (*kafalah /daman*). Majoriti fuqaha menukilkan dalam kitab-kitab mereka bahawa keharusan *kafalah* juga diterima berdasarkan hukum ijmak kerana memenuhi hajat dan keperluan manusia serta menolak kemudaratan terhadap pemberi hutang (al-Sarakhsi, 1989, al-Buhuti, 1982).

*Kafalah/Daman* mempunyai lima rukun iaitu (al-Syarbini, t.t):

- i. Sighah
- ii. Penjamin (*al-kafil/ damin*)
- iii. Orang yang dijamin (*al-makful lah/ madmun lah*)
- iv. Perkara yang dijamin iaitu berupa hutang atau barang (*al-makful 'anhu/madmun 'anhu*)
- v. Perkara yang dituntut (setiap tuntutan yang berupa harta, hidup atau mati) (*al-makful bih/ madmun bih*).

Setiap rukun mempunyai syarat-syaratnya yang tersendiri yang dibincangkan oleh para fuqaha secara terperinci dalam penulisan-penulisan mereka. Penyelidik tidak memanjangkan perbincangan tentang syarat-syarat tersebut kerana fokus utama kajian ialah

sekitar konsep, pensyariatan dan aplikasi *kafalah* dalam produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam.

Majoriti fuqaha mazhab Maliki, Syafii dan Hanbali mengatakan kontrak *kafalah* terjadi dengan lafaz ijab (tawaran) yang dilafazkan oleh penjamin dan tidak berhajat kepada lafaz penerimaan (qabul) daripada pihak orang yang dijamin (*al-makful lah*), kerana ia merupakan suatu iltizam (komitmen) daripada pihak penjamin untuk melunaskan hutang dan juga suatu kerelaan (*tabarru'*) dari pihaknya (Barghish, 2009).

Kesan undang-undang yang berbangkit daripada kontrak *kafalah* ialah hak tuntutan ke atas penjamin terhadap hak yang ditanggung oleh orang yang dijaminnya. Jika jaminan itu melibatkan hutang dan penjamin hanya seorang sahaja, maka tuntutan dibuat ke atas penjamin (*al-kafil*) terhadap hutang yang ditanggung oleh penghutang yang ditanggungnya (*al-makful lah*) (al-Zuhaily, 1989). Kontrak *kafalah* tidak membawa kepada lepasnya tanggungan hutang si penghutang (*al-makful lah*), cuma dengan kontrak ini pemberi hutang berhak untuk memilih mana-mana pihak untuk menuntut hutangnya, kecuali jika disyaratkan dalam kontrak *kafalah* tersebut dibebaskan penghutang daripada tanggungan hutangnya (Ibn Qudamah, 1997).

Secara umumnya kontrak *kafalah* boleh dibahagikan kepada dua bentuk iaitu (al-Zarqa', 1968):

- i. *Kafalah al-mal* iaitu jaminan untuk memulangkan sesuatu harta kepada pemiliknya

- ii. *Kafalah al-nafs* iaitu jaminan untuk membawa seseorang kepada pihak tertentu seperti mahkamah.

Kategori *kafalah* yang berkaitan dengan tajuk perbincangan penyelidik ialah *kafalah al-mal* yang dibahagikan kepada dua bahagian iaitu (Za'tary, 2010):

- i. *Kafalah al-dayn* : iaitu jaminan pembayaran balik hutang yang ditanggung oleh pihak lain. Hal ini bermaksud jika pihak yang dijamin gagal melaksanakan tanggungjawabnya dalam membayar hutang, maka pihak penjamin akan mengambil alih tanggungjawab tersebut.
- ii. *Kafalah al-'ain* : iaitu jaminan pembayaran harga sesuatu barang atau jaminan penyerahan dalam sesuatu transaksi. Contohnya dalam urusan jual beli, seseorang telah bersetuju untuk menjamin penyerahan barang jualan kepada pembeli. Seandainya penjual gagal melaksanakan tanggungjawabnya mengikut perjanjian, penjamin akan bertanggungjawab membuat penyerahan.

Kontrak *kafalah* berakhir dengan berlakunya sebab-sebab berikut (al-Zuhaily, 1989):

- i. Penyelesaian hutang sama ada oleh pihak penjamin atau penghutang sendiri.
- ii. Pemberi hutang menghibahkan hutangnya kepada penghutang atau penjaminnya.

- iii. Pemberi hutang melepaskan haknya (*ibra'*) yang ditanggung oleh penghutang, sama ada pelepasan itu kepada penjamin atau penghutang. Jika ia melepaskan haknya itu daripada penjamin, maka hak itu tidak akan terlepas daripada tanggungan penghutang, tetapi jika ia melepaskan haknya itu daripada tanggungan penghutang, maka ia membawa kepada pelepasan yang sama ke atas penjamin.
- iv. *Sulh*, sama ada pemberi hutang ingin melupuskan hutang secara sebahagian atau keseluruhannya.

Isu syariah yang berbangkit tentang kontrak *kafalah* ialah berkaitan pengambilan upah (*ujr*) terhadap perkhidmatan *kafalah* dalam surat jaminan bank yang diamalkan oleh sistem perbankan Islam semasa. Isu ini berbangkit kerana terdapat perbezaan pendapat dalam kalangan fuqaha semasa untuk menentukan sama ada Surat Jaminan (*khitab al-daman*) yang sedang diaplikasikan di bank-bank Islam semasa sebagai *kafalah*, *wakalah* ataupun *ji'alah* (Syubair, 2001). Selain itu, kontrak *kafalah/daman* ini merupakan antara kontrak sukarela (*tabarru'*) untuk mendekatkan diri kepada Allah s.w.t. Oleh itu tidak harus sama sekali diberi balasan atau ganjaran sama ada kontrak ini berlaku secara sukarela daripada awal hingga akhirnya ataupun bermula dengan sukarela dan berakhir dengan kontrak *mu'awadat* (al-Salus, 1987).

Jumhur (majoriti) fuqaha berpendapat tidak harus mengambil upah daripada perkhidmatan *kafalah bil mal* (jaminan atas hutang) kerana termasuk dalam kontrak *tabarru'at* (sukarela), dan sekiranya disyaratkan (bayaran upah) dalam kontrak *kafalah* maka hukumnya adalah batal dan ia ditegah oleh syarak seperti larangan mengambil

faedah atau keuntungan daripada hutang yang menyebabkan berlakunya riba (Al-Ainy, 1990, Al-Qurtuby, 1988, Al-Mawardy, 1994, Al-Zuhaily, 2009). Mengenakan upah terhadap kontrak *kafalah* akan menjadikannya berubah menjadi kontrak *mu'awadat*. Ia berbeza dengan kontrak *wakalah* yang harus dibayar upah atas perkhidmatan yang diberikan (*al-wakalah bil ujarah*).

Para fuqaha terbahagi kepada dua golongan dalam persoalan *kafalah* sebagai akad *tabarru'at*:

#### **i. Golongan yang Pertama:**

Golongan ini berpendapat akad *tabarru'at* membawa maksud perpindahan sesuatu harta seperti wang kepada orang lain tanpa ada pulangan seperti yang berlaku dalam *hibah*, *sadaqah*, hadiah dan mana-mana bentuk pemberian. Kenyataan ini terdapat dalam teks klasik fuqaha seperti kitab *al-Umm* oleh Imam al-Syafii (1973), kitab *al-Mudawwanah* oleh Imam Ibn Hazm dan teks-teks fuqaha mazhab Hanafi (Al-'Ainy, 1990). Sebagai tambahan mereka juga meletakkan syarat bahawa seseorang penjamin mestilah mempunyai kelayakan sebagai *ahl al-tabarru'* sekaligus membawa maksud jaminan daripada seorang yang tidak menepati spesifikasi *ahl al-tabarru'* atau seorang hamba adalah tidak sah (Hammad, 1997).

#### **ii. Golongan yang Kedua:**

Mereka menyatakan bahawa konsep *tabarru'* dalam kontrak *kafalah* merujuk kepada komitmen daripada penjamin (guarantor) untuk membayar hutang. Hal ini bermaksud penjamin mempunyai komitmen dan kesungguhan untuk membayar hutang pihak yang

dijamin (guarantee) dan bukannya bermaksud persetujuan untuk membayar hutang tersebut. Kenyataan ini diterangkan dengan jelas dalam teks-teks klasik fiqh mazhab Hanafi, Hanbali (Al-Buhuti, t.t) dan Maliki. Imam al-Sarakhsi (1978) menjelaskan bahawa *kafalah* adalah komitmen untuk melakukan *tabarru'*, iaitu pada permulaannya ialah *tabarru'* manakala kesudahannya ialah akad pertukaran (*mu'awadat*).

Sementara itu, fuqaha kontemporari pula lebih cenderung mengatakan harus bagi pihak bank (penjamin) mengambil upah atas pengeluaran surat jaminan dengan beberapa penelitian (al-Qal'ahji, 2005). Ini diambil kira berdasarkan kesungguhan pihak bank, kos yang dikeluarkan, penat lelah pegawai bank dan kos-kos pengurusan. Pihak penjamin (bank) juga disyaratkan tidak menambah apa-apa kos lain selain daripada yang telah ditentukan oleh golongan pakar yang bersifat 'adil, bertaqwa, dipercayai dan warak (Hamdi, 1996). Majlis Syariah AAOIFI dan hasil keputusan Kesatuan Fiqh Islam Sedunia berpendapat boleh mengenakan kos perkhidmatan dengan syarat ia adalah kos sebenar (*actual costs*) pengurusan teknikal sahaja. Keputusan mereka juga menyebut kos-kos tidak langsung seperti gaji pekerja, sewaan tempat dan tanggungan lain-lain institusi itu tidak boleh dimasukkan dalam kos pengurusan (AAOIFI, 2008).

Al- Zuhaily (2009) menjelaskan bahawa harus hukumnya pihak bank mengambil upah terhadap pengeluaran surat jaminan berdasarkan dua faktor iaitu perbelanjaan yang dikeluarkan sendiri oleh pihak bank untuk mengeluarkan surat jaminan dan juga upah semua aktiviti yang dilakukan secara terus oleh bank seperti menjadi wakil, broker dan perantara antara pengimport dan pembekal. Menurut beliau lagi, keharusan ini hanyalah dari segi undang-undang (legal) dan bukannya dari perspektif syarak.

Kontrak *kafalah* diaplikasikan dalam dua produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam iaitu surat jaminan bank (bank guarantee) dan jaminan perkapalan dalam amalan perbankan Islam semasa di Malaysia. Penyelidik akan memberi contoh aplikasi kontrak *kafalah* dalam operasi produk Jaminan Bank. Ia merupakan satu bentuk pembiayaan oleh bank yang diberikan kepada pelanggan dalam bentuk surat jaminan. Bank akan mengeluarkan surat jaminan dan diberikan kepada pelanggan. Jaminan ini diperlukan oleh pihak kedua sebagai jaminan bayaran atas harga barangan yang dibeli oleh pelanggan sekiranya pelanggan gagal membuat bayaran. Bank mengeluarkan surat jaminan atas kontrak *kafalah* yang membawa maksud pihak bank akan menjadi penjamin kepada pelanggan sekiranya pelanggan gagal membayar hutangnya. Bank akan mengenakan bayaran perkhidmatan (*ujr*) kepada pelanggan atas surat jaminan yang dikeluarkan oleh pihaknya (Hailani dan Sanep, 2009).

#### **5.5.4 Kontrak-kontrak Perkongsian (*al-Isyhtirak*)**

Kontrak *al-isyhtirak* (perkongsian) ialah akad perkongsian dalam sesuatu pekerjaan dan keuntungan yang diperolehi seperti akad *al-syarikah*, *al-mudarabah*, *al-muzaraah* dan *al-musaqah* (al-Zuhaily, 1989). Kontrak-kontrak *al-isyhtirak* seperti *mudarabah* kerap kali menggambarkan konsep pelaburan dalam Islam, namun begitu ia tidak menghalang konsep ini untuk digunakan bagi tujuan pembiayaan (*financing*). Penyelidik akan membincangkan dua kontrak *al-isyhtirak* yang diaplikasikan dalam produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam iaitu *mudarabah* dan *musyarakah*. *Mudarabah* diaplikasikan dalam produk Islamic Negotiable Instruments of Deposit (INID) yang ditawarkan oleh Maybank Islamic Berhad, manakala *musyarakah* pula

diaplikasikan dalam produk Surat Kredit-i yang ditawarkan oleh Bank Muamalat Malaysia Berhad.

#### 5.5.4.1 Mudarabah

Istilah *mudarabah* berasal daripada perkataan ‘*al-darb*’ (الضرب) yang membawa maksud perjalanan yang jauh, perjalanan untuk tujuan perniagaan dalam usaha mencari rezeki yang halal (Ibn Manzur, t.t, al-Syarbasi, 1981). Istilah *mudarabah* kebiasaannya digunakan oleh penduduk Iraq, manakala penduduk Hijaz menamakan kontrak *mudarabah* sebagai ‘*qirad*’ atau ‘*muqaradah*’. Imam al-Zamakhshyari menjelaskan istilah *qirad* berasal dari perkataan *al-qard* (القرض) yang bermaksud memotong sebahagian dari hartanya (al-Mausu’ah al-Fiqhiyyah, 1998, al-Syirazi, 1976). Dari segi penggunaan istilah pula, aliran mazhab Hanafi dan Hanbali menggunakan *mudarabah* manakala aliran mazhab Maliki dan Syafii menggunakan *qirad* (al-Mausu’ah al-Fiqhiyyah, 1998). Ada juga dalam kalangan fuqaha yang menggunakan kedua-dua istilah dengan maksud yang sama seperti al-Nawawi (al-Nawawi, t.t).

Para fuqaha menggunakan ungkapan yang berbagai-bagai dalam mentakrifkan *mudarabah* menurut istilah, namun kepelbagaian itu tidaklah membawa kepada perbezaan konsep dan makna *mudarabah*. Fuqaha mazhab Hanafi mentakrifkan *mudarabah* seperti berikut (al-Syaibani, 1990):

"هو عقد على الشركة بمال من احد الشريكين وعمل من  
الآخر على ان الربح بينهما"

“Kontrak atas satu perkongsian dengan harta di salah satu pihak dan usaha di satu pihak dan keuntungan dikongsi antara keduanya”

Fuqaha mazhab Maliki pula mentakrifkan *mudarabah* sebagai (al-Baghdadi, t.t):

"ان يدفع الرجل مالا يتجر به ويتغى من فضل الله سبحانه  
ويكون الربح بينهما على ما يتفقان عليه"

“Penyerahan harta(modal) kepada seorang lelaki untuk diperniagakan dan mengharapkan keuntungan dari Allah SWT dan keuntungan yang diperolehi adalah untuk mereka berdua berdasarkan kadar yang disepakati keduanya”

Fuqaha mazhab Syafii pula mentakrifkan *mudarabah* sebagai (al-Qazwini, 1997):

"ان يدفع مالا إلى غيره ليتجر فيه على ان يكون الربح بينهما"

“Menyerahkan harta kepada seseorang yang lain untuk diperniagakan dengannya dan keuntungan perniagaan itu dibahagi antara keduanya”

Fuqaha mazhab Hanbali mentakrifkan *mudarabah* sebagai (Ibn Duyan, t.t):

"ان يدفع ماله إلى انسان ليتجر فيه ويكون الربح بينهما ما  
يتفقان"

“Menyerahkan harta seseorang kepada seorang yang lain untuk diperniagakan dengannya dengan ketetapan bahawa keuntungan yang diperolehi adalah

untuk mereka berdua berdasarkan syarat-syarat yang dipersetujui keduanya”.

Syubair (2001), seorang sarjana *muamalat* semasa mendefinisikan *mudarabah* sebagai “satu akad dengan satu pihak mengeluarkan harta (modal) dan satu pihak lagi menggunakan usaha/melakukan kerja dan keuntungan yang diperolehi dibahagi berdasarkan persetujuan manakala kerugian ditanggung oleh pengeluar modal”.

Oleh itu, dapat disimpulkan daripada takrif-takrif yang dinyatakan di atas bahawa *mudarabah* atau *qirad* merupakan satu bentuk kontrak di antara pemilik harta dan pengusaha iaitu orang yang memiliki kepakaran dalam sesuatu bidang pekerjaan dan pengeluaran dengan pemilik harta menyumbangkan modal dan pengusaha menyumbangkan tenaga kerja dan kepakaran yang dimilikinya. Keuntungan yang diperolehi daripada perniagaan itu dibahagi antara mereka dengan kadar yang dipersetujui, manakala kerugian pula ditanggung sepenuhnya oleh pemilik modal. Pengusaha pula menanggung kerugian dari segi tenaga yang dicurahkan yang sia-sia tanpa mendapat sebarang pulangan (Yusof, 2008).

Pensyariatian *mudarabah* adalah berdasarkan beberapa ayat al-Quran yang menyentuh tentang gesaan supaya manusia berusaha mencari rezeki yang disebut dalam istilah al-Quran sebagai *من فضل الله* atau *فضل الله من الله* dan juga ayat-ayat yang mengharuskan manusia

bergiat dalam lapangan perniagaan. Firman Allah s.w.t :



*“Dan yang lainnya orang-orang yang musafir di bumi untuk mencari rezeki dari limpah kurnia Allah”*

(Surah al-Muzzammil, 73 : 20)

Ayat di atas menyentuh tentang perjalanan yang jauh dan *mudarib* sebagai agen atau wakil dalam memperniagakan harta secara *mudarabah* berjalan jauh ke serata pelosok bumi untuk mendapatkan kelebihan daripada Allah s.w.t iaitu keuntungan perniagaan (al-Alusi, t.t). Yusof (2008) menjelaskan bahawa ayat tersebut membawa maksud yang umum, meliputi berbagai-bagai aktiviti manusia mencari rezeki dengan merantau jauh termasuk membawa barangan perniagaan milik sendiri, bekerja dengan orang lain untuk mendapatkan upah dan sebagainya. Amalan perniagaan secara *mudarabah* juga telah berlaku secara meluas pada zaman Rasulullah s.a.w dan baginda memperakunya. Hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Abbas r.a di bawah ini memperjelaskan bahawa kontrak ini dibenarkan oleh baginda Rasulullah s.a.w:

"كان العباس بن عبدالمطلب إذا دفع مالا مضاربة اشترط  
على صاحبه أن لا يسلك به بحرا ولا ينزل به واديا ولا  
يشترى به ذات كبد رطبة فإن فعل فهو ضامن فرع شرطه  
إلى رسول الله صلى الله عليه وسلم فأجازه"

*“Abbas b Abd Mutalib r.a apabila beliau menyerahkan modalnya secara mudharabah kepada seseorang, beliau mengenakan syarat supaya tidak melalui laut, tidak singgah di mana-mana wadi dan jangan membeli binatang. Sekiranya dilakukan juga maka semua kos yang terlibat ditanggung oleh mudharib. Syarat yang dikenakan ini dibawa kepada*

*pengetahuan Rasulullah s.a.w dan baginda  
meluluskan syarat-syarat tersebut”  
(Al- Zaila’iy, t.t, j.4, no.6717)*

Hadis di atas dengan jelas menunjukkan bahawa Rasulullah SAW membenarkan aktiviti perniagaan yang berlandaskan kepada transaksi *mudarabah*. Dari segi ijmak pula, para sahabat seperti Saidina Umar dilaporkan pernah mengeluarkan simpanan anak yatim untuk diniagakan atas dasar *mudarabah* supaya wang tersebut membiak dan perkara ini turut dilakukan oleh sahabat-sahabat yang lain seperti Usman b Affan, Ali b Abi Talib, Ubaidillah b Umar, ‘Aisyah r.a dan mereka pula tidak pernah mempertikaikan kontrak *mudarabah* yang dilakukannya (Irsyaid, 2007).

Hikmah disyariatkan *mudarabah* pula adalah kerana penggunaannya merupakan satu keperluan penting demi menjaga kemaslahatan hubungan manusia sesama manusia. Kaedahnya adalah dengan cara pemilik modal (*rabb al-mal*) yang mempunyai lebih wang dan ingin membiakkan lagi hartanya menyalurkan wang lebih itu kepada satu pihak lain yang mempunyai kepakaran, pengalaman dan kemampuan untuk merealisasikan hajat pemilik modal dan seterusnya memberikan keuntungan kepada kedua-duanya. Begitu jugalah sebaliknya iaitu mana-mana pengusaha yang mempunyai kepakaran dan pengalaman tetapi tidak mempunyai modal yang mencukupi boleh memohon kerjasama dalam bentuk pembiayaan secara *mudarabah* dengan pihak yang mempunyai modal sama ada pihak bank atau individu. Oleh itu, kedua-dua pihak ini saling memerlukan antara satu sama lain.

Rukun kontrak *mudarabah* menurut jumhur secara ringkasnya ialah (al-Hattab, 1992, al-Syarbini, t.t, al-Buhuti, 1982) :

- i. Pemilik modal (*rabb al-mal*)
- ii. Pengusaha (*mudarib*)
- iii. Modal (*ra'sul mal*)
- iv. Keuntungan (*ribh*)
- v. Usaha/ kerja (*'amal*)
- vi. Sighah

Fuqaha mazhab Hanafi menyatakan bahawa rukun *mudarabah* hanyalah ijab dan qabul dan perkataan yang menunjukkan kepada kedua-duanya (ijab dan qabul) (al-Kasani, 2003).

Para fuqaha juga telah membahagikan *mudarabah* kepada dua kategori iaitu (al-Kasani, 2003, al-Zuhaily, 2009):

- i. *Al-Mudarabah al-Mutlaqah*/Tidak Terhad (المطلقة):  
Penyerahan modal secara mutlak tanpa sebarang syarat dan sekatan tertentu seperti pihak bank menyerahkan harta *mudarabah* (modal) tanpa menentukan jenis pekerjaan, lokasi, tempoh masa ataupun rakan kongsi bagi pihak *mudarib*. Apabila *mudarabah al-mutlaqah* ini dipersetujui, maka bagi *mudarib* hendaklah melakukan urusan perniagaan mengikut uruf perniagaan yang biasa diamalkan oleh peniaga-peniaga.
- ii. *Al-Mudarabah al-Muqayyadah*/Terhad (المقيدة):

Penyerahan modal dengan syarat dan batasan tertentu seperti pihak bank menyerahkan modal kepada seseorang supaya diusahakan dalam pekerjaan tertentu, di lokasi dan pasaran yang tertentu, pada waktu yang ditetapkan dan telah ditetapkan rakan kongsi bagi pihak *mudarib*. Batasan yang ditentukan itu hendaklah dilihat sama ada mendatangkan manfaat atau tidak. Kriteria penentuan pula dirujuk kepada uruf, sekiranya ia bermanfaat maka hukumnya harus dan jika sebaliknya ia tidak diharuskan oleh syarak.

Pembahagian di atas adalah merujuk kepada salah satu rukun *mudarabah* iaitu al-‘*amal* (usaha) yang bermaksud jenis perniagaan yang dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak ketika berakad.

Menurut fuqaha, kontrak *mudarabah* menjadi sah apabila memenuhi kriteria-kriteria berikut (al-Zuhaily, 2009):

- i. Harta modal mestilah daripada jenis mata wang, bukannya daripada komoditi perniagaan atau barangan. Namun begitu, jumhur fuqaha selain mazhab Syafii mengharuskan komoditi perniagaan sebagai harta modal dengan dikira nilainya ketika majlis akad dan menjadikannya sebagai modal *mudarabah*.
- ii. Harta modal itu sesuatu yang diketahui kadar dan nilainya ketika akad supaya kadar keuntungan dapat dibahagikan dengan adil.

- iii. Harta modal juga mestilah sesuatu yang ditentukan dan wujud ketika akad agar pihak *mudarib* dapat memilikinya (القبض), bukannya dalam bentuk hutang ataupun tidak wujud semasa proses akad.
- iv. Hendaklah diserahkan semua harta modal kepada pihak *mudarib* untuk membolehkannya memulakan pekerjaan atau perniagaan. Fuqaha mazhab Hanbali mengharuskan pemberian harta modal kepada pihak *mudarib* secara beransur-ansur berdasarkan keperluan.
- v. Dua pihak yang berakad mestilah bersetuju atas kadar keuntungan kedua-dua belah pihak sama ada sedikit atau banyak. Kerugian ditanggung oleh *rabb al-mal* (pemilik modal) seorang sahaja dan tidak melibatkan *mudarib*.
- vi. Hendaklah kadar keuntungan itu diketahui kadarnya oleh kedua-dua belah pihak kerana sifatnya sebagai *al-ma'qud alaih* (objek akad). Penentuan kadar keuntungan itu adalah secara umum sahaja seperti separuh, satu pertiga dan sebagainya.

Sekiranya berlaku kerugian dalam transaksi *mudarabah*, para fuqaha sependapat bahawa kerugian tersebut ditanggung oleh *rabb al-mal* dan bukannya *mudarib* kerana beliau hanya merupakan pemegang amanah. Namun begitu, sekiranya dapat dibuktikan dengan jelas bahawa kerugian tersebut berpunca daripada kecuaiian *mudarib* atau

disengajakannya, maka beliau (*mudarib*) perlu membayar modal tersebut kepada *rabb al-mal* (al-Kasani, 2003, Ibn Rusyd, 1988, al- Nawawi, t.t)

Dalam arena kewangan Islam tempatan, kontrak *mudarabah* diaplikasikan dalam pelbagai bentuk seperti akaun semasa, akaun pelaburan khas, insuran Islam, sukuk, pembiayaan modal kerja, pelaburan antara bank dan pembiayaan projek. Bagi instrumen pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam pula, kontrak *mudarabah* hanya diaplikasikan dalam produk *Islamic Negotiable Instruments of Deposit* (INID) yang ditawarkan oleh Maybank Islamic Berhad.

Kesimpulannya, penyelidik mendapati *mudarabah* bukanlah satu prinsip syariah yang popular untuk produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam khususnya dan pembiayaan-pembiayaan lain yang diamalkan dalam sistem perbankan Islam di negara kita. Kebiasaannya *mudarabah* menggambarkan konsep pelaburan, namun hal ini tidak menghalang konsep ini digunakan untuk tujuan pembiayaan. Pada dasarnya, *mudarabah* lebih sesuai digunakan untuk tujuan pembiayaan khususnya dalam perbankan Islam agar ia dapat menjauhkan diri dari amalan perbankan konvensional yang lebih mempromosikan pembiayaan secara hutang (*debt financing*) yang disifatkan kurang mesra pelanggan. Pembiayaan berdasarkan kontrak *mudarabah* bertepatan dengan dasar ekonomi Islam yang menggalakkan pembiayaan ekuiti (*equity financing*), berbanding membesarkan jumlah hutang yang wujud dalam pasaran.

#### 5.5.4.2 Al-Syarikah / Musyarakah

Secara etimologi, perkataan *al-syirkah* merupakan kata terbitan (مصدر) daripada kata perbuatan *syarika* (شرك). *Al-syirkah* dari segi bahasa bermaksud percampuran dua bahagian, iaitu bercampur salah satu bahagian harta dengan yang lainya (Abu Jayb, 1988, Al-Musu'ah al-Fiqhiyyah, 1998). Kadang-kadang maknanya juga merujuk kepada kontrak syarikat itu sendiri (Ibn Humam, 1970). Oleh itu, daripada sudut bahasa, perkataan *al-syarikah* mempunyai dua makna iaitu semata-mata percampuran sama ada percampuran itu pada harta atau selain daripadanya dan makna yang kedua ialah kontrak itu sendiri (Al-Khayyat, 1988). Dari segi istilah, para fuqaha mentakrifkan *syarikah* dengan berbagai-bagai pentakrifan.

Fuqaha mazhab Hanafi mentakrifkan *al-syarikah* sebagai (Ibn Abidin, t.t):

" عبارة عن عقد بين المتشاركين في رأس المال والربح "

*"Satu bentuk kontrak antara dua orang yang berkongsi /berpakat dalam harta modal dan keuntungan yang diperolehi"*

Fuqaha mazhab Maliki pula mentakrifkan *al-syarikah* sebagai (al-Dardir, t.t):

" أن يأذن كل واحد من الشريكين لصاحبه في أن يتصرف في مالهما مع إبقاء حق التصرف لكل منهما "

*"Keizinan setiap seorang daripada dua pihak yang bersyarikat/berkongsi kepada rakannya untuk menguruskan harta mereka berdua dengan mengekalkan hak pengurusan harta bagi setiap seorang daripada mereka"*

Fuqaha mazhab Syafii mendefinisikan *al-syarikah* sebagai (al-Bujairimi, 1978):

" ثبوت الحق في شيء لاثنتين فأكثر على جهة الشروع "

*"Mensabitkan hak pada sesuatu untuk dua pihak atau lebih secara bersama"*

Fuqaha mazhab Hanbali pula mendefinisikan *al-syarikah* sebagai (al-Buhuti, t.t):

"الاجتماع في استحقاق أو تصرف"

*" Suatu persetujuan bersama untuk mendapatkan hak dan pengurusan"*

Majlis Syariah AAOIFI pula mendefinisikan *al-syarikah/musyarakah* sebagai (Shari'a Standards For Islamic Financial Institutions, 2008):

"اتفاق اثنين أو أكثر على خلط ماليهما أو عمليهما أو


التزاميهما في الذمة بقصد الأرباح"

*"Persepakatan antara dua pihak atau lebih untuk menggabungkan sama ada modal, kerja atau komitmen dengan sasaran mendapatkan keuntungan"*

Berdasarkan takrif di atas jelas kepada kita bahawa *al-syarikah* merupakan kontrak yang melibatkan perkongsian antara dua pihak atau lebih yang sama-sama berkongsi usaha melalui harta (modal pokok) atau keusahawanan ataupun reputasi (kemasyhuran). Pihak-pihak yang terlibat juga akan sama-sama berkongsi keuntungan dan kerugian antara mereka mengikut apa-apa yang dipersetujui bersama (Iqbal & Mirakhor, 2007).

Pensyariaan *syarikah* dalam perundangan Islam adalah berdasarkan bukti dan keterangan yang jelas dari al-Quran, al-Sunnah dan konsensus ulama semua mazhab. Firman Allah

s.w.t :



*“Dan sesungguhnya kebanyakan dari orang-orang yang bergaul dan berhubungan (dalam berbagai-bagai lapangan hidup) setengahnya berlaku zalim kepada setengah yang lain kecuali orang-orang yang beriman”*

(Surah al-Sod, 38:24)

Perkataan *al-Khulata'* (الخطاء) ditafsirkan sebagai orang-orang yang bersyarikat yang mencampurkan harta-harta mereka (al-Zamakhsyari, 1998).

Dalam sebuah hadis Qudsi, Rasulullah s.a.w pernah bersabda yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah :

إن الله يقول : أنا ثالث الشريكين , ما لم يخن أحدهما صاحبه , فإذا خانه خرجت من بينهما

*“Allah swt bersabda: Aku ialah orang ketiga bagi dua pihak yang bersyarikat selagi salah satu pihak tidak mengkhianati yang lain. Apabila berlaku pengkhianatan, Aku keluar daripada persyarikatan tersebut”.*

(al-Baihaqi, 2003, j.6, no.11424)

Semasa Rasulullah s.a.w diutuskan menjadi Rasul, masyarakat Arab pada masa itu telah pun mengamalkan kontrak *al-syarikah* dalam perniagaan harian mereka dan baginda tidak menegah amalan tersebut (Abdullah, 2006). Selain itu, pensyariatan *al-syarikah* juga diterima oleh semua ulama mazhab secara konsensus yakni mereka tidak mempertikaikan kontrak *al-syarikah*, cuma berlaku sedikit perselisihan tentang jenis-jenisnya sahaja (al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah, 1998).

Kontrak *al-syarikah* terbahagi kepada dua kategori utama iaitu (Ibn Qudamah, 1997) :

- i. *Syarikah al-Milk/ al-Amlak* (شركة الملك): Pemilikan oleh dua pihak atau lebih ke atas suatu benda tanpa menggunakan kontrak *syarikah* (al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah, 1998)
- ii. *Syarikah al-'Aqd/ al-'Uqud* (شركة العقد): Kontrak yang terbentuk antara dua orang atau lebih di atas suatu pekerjaan, perniagaan, perkilangan atau pertanian dengan sasaran mendapatkan keuntungan (al-Zuhaily, 2009).

*Syarikah al-milk* berkaitan dengan hak pemilikan bersama bagi sesuatu harta dan ia hanya melibatkan perkongsian hak milik ke atas harta tersebut tanpa melibatkan sebarang usahasama untuk memajukan atau mengeksploitasi harta tersebut. *Syarikah al-'aqd* pula memberi penekanan kepada penglibatan bersama dalam sebarang usaha yang hendak dijalankan dan ia meliputi pengeluaran modal pokok dan pembahagian untung rugi. Menurut Nabil (1992) dan Ayub (2007) kontrak *syarikah* yang menjadi topik perbincangan dalam perniagaan dan kewangan Islam ialah kontrak *syarikah al-'aqd* dan ia dibahagikan kepada tiga bentuk utama (al-Kasani, 2003, al-Syarbini, t.t) :

**i. *Syarikah al-Amwal* (Perkongasian Kewangan):**

Kontrak antara dua orang atau lebih untuk menjalankan perniagaan bagi modal mereka (*ra'sul mal*) dan keuntungan pula dibahagikan sesama mereka dengan nisbah yang diketahui bersama, sama ada diketahui nisbah modal masing-masing ketika akad ataupun tidak ataupun disyaratkan mereka kesemuanya terlibat dalam aktiviti perniagaan yang dijalankan atau sebahagian sahaja yang terlibat (Sheikh Nizam, 1986).

**ii. *Syarikah al-A'mal/al-Abdan* (Perkongasian Buruh):**

Kontrak antara dua orang atau lebih yang mempunyai kemahiran tertentu bersetuju untuk menjalankan usaha bersama dalam penerimaan kerja daripada pelanggan dan upah. Keuntungan yang diperolehi daripada kerja-kerja yang dilakukan dibahagi bersama berdasarkan kadar yang dipersetujui (al-Kasani, 2003, Ibn Qudamah, 1997).

**iii. *Syarikah al-Wujuh* (Perkongasian Kredit) :**

Kontrak oleh dua orang yang mempunyai reputasi yang baik dalam masyarakat untuk menjalankan perniagaan di mana kedua-duanya tidak menyumbangkan modal tetapi mendapat barangan untuk diniagakan atau diusahakan secara hutang dan dijual secara tunai. Keuntungan yang didapati dibahagikan antara mereka (al-Ansari, t.t)

Dalam sistem perbankan Islam masa kini kontrak *al-syarikah* diaplikasikan dalam pelbagai bentuk dalam beberapa instrumen seperti Penerbitan Bon Islam (Sukuk),

Pembiayaan Korporat, Pembiayaan Modal Kerja, Pembiayaan Rumah dan Aset secara *musyarakah mutanaqisah* dan Pembiayaan Projek. *Musyarakah mutanaqisah* adalah satu bentuk instrumen baru bagi kontrak *al-syarikah* yang diaplikasikan dalam sistem perbankan Islam dan ia mula diperkenalkan di Mesir (al-Misri, 1988). Konsep ini adalah satu bentuk akad pensyarikatan, iaitu pihak pembiaya yang merupakan antara rakan kongsi memberi hak kepada rakan kongsinya yang lain memiliki aset dengan sekali atau beberapa kali bayaran iaitu secara beransur-ansur, berdasarkan kepada syarat-syarat yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak (al-Sawi, 1990, al-Zuhaily, 2009). Sekiranya pembiaya adalah pihak bank, maka sepanjang tempoh pembiayaan, bahagian milikan aset bank akan menurun manakala bahagian milikan aset pelanggan akan menaik. Proses ini akan berterusan sehingga pada akhir tempoh matang bahagian milikan aset akan berpindah sepenuhnya kepada milik pelanggan. Para fuqaha kontemporari mengharuskan kontrak *musyarakah mutanaqisah* kerana ia mengandungi unsur-unsur berikut yang tidak bercanggah dengan syarak (Syubair, 2001):

- i. Syarikat *al-'inan*
- ii. Janji daripada bank untuk menjual bahagian sahamnya kepada rakan kongsi
- iii. Janji daripada bank untuk menjual kesemua atau sebahagian sahamnya dalam syarikat.

Seperti yang penyelidik nyatakan pada awal perbincangan, instrumen yang mengaplikasikan kontrak *al-syarikah* dalam pembiayaan perdagangan Islam ialah Surat Kredit-*i musyarakah* yang ditawarkan oleh Bank Muamalat Malaysia Berhad. Namun

begitu produk ini tidak mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pelanggan kerana kurang jelas kefahaman terhadap konsep *musyarakah* dan juga beberapa aspek teknikal yang rumit untuk dilaksanakan menurut perkiraan bank<sup>66</sup>. Surat Kredit *musyarakah* dipraktikkan secara meluas dalam perbankan Islam di Timur Tengah (Azam, 2010) berbanding perbankan Islam di Malaysia yang banyak mempraktikkan Surat Kredit *wakalah* dan *murabahah*. Apabila prinsip *musyarakah* digunakan, ia bermaksud pihak bank adalah sebagai rakan kongsi dalam urusan belian barangan yang dikehendaki oleh pelanggan. Menurut Sudin (2005), selain bertindak sebagai pihak yang menguruskan segala dokumen yang berkaitan transaksi tersebut, bank juga turut serta mengeluarkan sebahagian modal sebagai membiayai pembelian barangan tersebut.

Kesimpulannya, sebagaimana kontrak *mudarabah*, kontrak *al-syarikah* juga tidak banyak dipraktikkan dalam instrumen-instrumen pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam. Hanya Bank Muamalat Malaysia Berhad yang menggunakannya dalam Surat Kredit-*i musyarakah*, namun ia tidak mendapat sambutan dari pelanggan kerana tidak memahami konsep *musyarakah* serta risiko yang timbul.

### **5.5.5 Prinsip *al-Wa'ad***

Penggunaan *wa'ad* atau janji dan sejauh mana orang yang berjanji terikat dengan janjinya telah dibincangkan oleh para fuqaha semenjak awal perkembangan fiqh Islam dan juga oleh para fuqaha di kurun-kurun pertengahan (Burhanuddin, 2008). *Wa'ad* bermaksud janji sama ada dalam perkara yang baik atau buruk (al-Fayyumi,1987). Namun begitu *wa'ad* biasanya dikaitkan dengan janji yang baik, manakala janji yang buruk sebagai

---

<sup>66</sup>Temu bual dengan Pn Nordalina Mohd Tormoti, Head of Section, Bussiness Development, Trade Finance Department, Bank Muamalat Malaysia Berhad, KL, pada 14.10.2011.

*majaz* dan istilah yang digunakan ialah *wa'id*. Para fuqaha telah menggunakan pengertian *wa'ad* sama seperti maksudnya dari segi bahasa (Hammad, t.t, KFH, 1992). Oleh itu *wa'ad* dalam pengertian yang mudah untuk difahami bermaksud suatu janji secara unilateral yang diberikan oleh satu pihak kepada suatu pihak yang lain untuk melakukan sesuatu perkara seperti janji untuk menjual atau membeli.

Hukum asal bagi janji adalah harus kerana setiap individu boleh berjanji pada perkara yang baik kepada orang lain menurut kemahuannya (al-Hattab, 1992). Para ulama bersepakat dalam menentukan bahawa hukum menunaikan janji adalah suatu perkara yang dituntut (*matlub*) dalam Islam. Namun begitu para ulama silam dan juga semasa berselisih pendapat dalam menentukan sama ada kewajipan menunaikan janji menurut perundangan (*qada'*) adalah mengikat (*mulzim*) ataupun tidak. Jumhur ulama dari mazhab Maliki, Syafii dan Hanbali berpandangan walaupun melaksanakan janji amatlah dituntut di sisi agama, namun dari segi perundangan ia adalah tidak mengikat dan tiada sebarang penguatkuasaan mahkamah ke atasnya (al-Mausuah al-Fiqhiyyah, 1983).

Fuqaha mazhab Hanafi berpandangan bahawa *wa'ad* adalah mengikat sekiranya dikaitkan dengan sesuatu syarat. Ini adalah untuk mengelakkan sebarang kemudharatan dan penipuan kepada orang yang menerima janji (Ibn Nujaim,t.t). Ali Haidar (1991) memetik kaedah fekah nombor 84 dalam majallah al-Ahkam al-Adliyyah yang menyatakan :

المواعيد بصور التعاليق تكون لازمة

“Janji-janji adalah mengikat sekiranya dikaitkan dengan sesuatu”

Imam al-Qarafi (t.t) salah seorang fuqaha mazhab Maliki menyatakan bahawa terdapat empat pandangan dalam mazhab Maliki berkaitan isu sama ada *wa'ad* adalah mengikat atau tidak. Pandangan yang masyhur mengatakan bahawa *wa'ad* adalah mengikat sekiranya dinyatakan sebab dan perkara yang dijanjikan termasuk dalam liabiliti kewangan dengan sebab tersebut (al-Qarafi, t.t). Ibn Abd al-Barr (1387H) menjelaskan ia bermaksud jika sekiranya pemberi janji telah menyebabkan penerima janji menanggung sesuatu kos atau liabiliti, atau telah melakukan sesuatu kerja berdasarkan janji yang telah diberi, maka janji tersebut adalah mengikat.

Ulama semasa juga membicarakan isu *wa'ad* dan aplikasinya dalam produk kewangan Islam. Akademi Fiqh OIC telah mengeluarkan dua resolusi (*qarar*) berkaitan *al-wafa' bi al-wa'ad* (hukum menunaikan janji) dan *muwa'adah*. Dalam persidangan ke lima di Kuwait pada tahun 1988, mereka telah memutuskan bahawa *wa'ad* yang dikeluarkan oleh satu pihak adalah mengikat kepada pihak yang berjanji tersebut berasaskan kepada aspek agama (*diyanatan*). Hal ini akan mengikat dari aspek perundangan (*qada'an*) sekiranya dikaitkan dengan sesuatu sebab yang mengikat hasil daripada janji tersebut. Majlis Syariah AAOIFI juga telah membincangkan isu *wa'ad* dalam beberapa piawai syariah mereka (*al-maa'yir al-syariyyah*) seperti dalam piawai syariah nombor 8 berhubung *al-murabahah lil amir bi al-syira'* di mana *wa'ad* dari satu pihak dikira mengikat (*mulzim*) berasaskan keputusan Akademi Fiqh OIC (*Al-Maa'ayir al-Syariyyah*, 2007).

Majlis Syariah AAOIFI juga membincangkan persoalan *wa'ad* dalam piawai syariah nombor sembilan berhubung kontrak *ijarah* dan *ijarah muntahiyah bi al-tamlik* yang

menyatakan *wa'ad mulzim* (mengikat) boleh digunakan oleh institusi kewangan Islam dalam produk pembiayaan yang berteraskan *ijarah*. Dalam konteks ini, pelanggan akan berjanji untuk menyewa barangan sewaan selepas dimiliki oleh institusi kewangan. Oleh itu pelanggan boleh diminta untuk membayar sejumlah deposit sebagai menjamin kesungguhannya untuk menyewa dan sekiranya beliau mungkir, deposit tersebut boleh digunakan untuk menampung sebarang kerugian yang ditanggung oleh institusi pembiayaan (Al-Maa'ayir al-Syariyyah, 2007).

Abu Ghuddah (1998) merumuskan hukum harus berpegang kepada pandangan bahawa *wa'ad* adalah mengikat bagi pihak yang meminta untuk membeli (*amir bi al-syira'*/ pelanggan) atau pada hak bank. Sehubungan itu, salah satu pihak berhak menuntut *ta'wid* atas kemudharatan yang berlaku akibat kemungkiran terhadap janji tersebut. Antara ulama semasa yang berpandangan seperti beliau adalah Al-Zarqa' (1968), Al-Qardhawi, Ibrahim Fadhil al-Dibu dan Abdullah Sulaiman b Mani' (Ahmad Suhaimi, 2008).

Terdapat juga dalam kalangan ulama semasa yang berpandangan *wa'ad* adalah tidak mengikat. Antaranya ialah al-Masri (2002) yang menyatakan bahawa *wa'ad* yang mengikat (*a binding unilateral promise*) adalah sama statusnya dengan kontrak. Oleh itu, jika diterima pandangan bahawa *wa'ad* adalah mengikat ia boleh mengubah status hukum daripada haram kepada halal. Beliau menegaskan lagi bahawa pandangan yang menerima *wa'ad* adalah mengikat (*mulzim*) tidak mempunyai asas yang kukuh. Antara ulama semasa yang berpandangan bahawa *wa'ad* tidak mengikat, dan hukumnya hanyalah *mustahab* (dialakkan) dan makruh sesiapa yang memungkirinya ialah Hassan Abdullah

al-Amin, Muhammad Sulaiman al-Asyqar, Ali al-Salus dan Muhammad Ridha Abdul Jabbar al-‘Ani (Ahmad Suhaimi, 2008).

Berdasarkan pandangan-pandangan di atas, dapat disimpulkan bahawa *wa'ad* adalah mengikat (*mulzim*) sekiranya ia difahami dan dipersetujui oleh pihak yang berjanji dan dikaitkan dengan sesuatu sebab. Piawaian Syariah AAOIFI, Majlis Fiqh OIC dan majoriti jawatankuasa syariah institusi-institusi kewangan Islam memutuskan bahawa *wa'ad* adalah mengikat sekiranya dikeluarkan oleh satu pihak sahaja. Selain itu, janji yang mengikat menjadi suatu keperluan dalam pembiayaan secara Islam semasa bagi mengelakkan kemudaratan dan kerugian berpunca daripada pihak yang berjanji membatalkan janji tanpa sebarang sebab yang munasabah yang membawa kepada kerugian dan kemudaratan kepada pihak yang dijanjikan. Walaupun *wa'ad mulzim* diterima oleh majoriti ulama kontemporari, namun aplikasinya dalam produk-produk kewangan Islam semasa perlu diperhalusi dan diselidiki oleh penasihat-penasihat syariah khususnya kerana ia kadangkala boleh mengubah ciri-ciri produk berkenaan yang boleh membawa kepada menyalahi *muqtada al-aqd* (tujuan kontrak).

## **5.6. Penutup**

Kontrak-kontrak yang diaplikasikan dalam instrumen-instrumen pembiayaan perdagangan antarabangsa khususnya dalam sistem perbankan Islam di Malaysia merupakan hasil daripada pandangan penasihat-penasihat syariah di bank masing-masing. Hasil penelitian menyelidik, terdapat beberapa kontrak yang bersifat kontroversi masih diamalkan dalam transaksi perbankan Islam di Malaysia seperti *urus niaga bay' al-dayn*,

*tawarruq*, *bay' bithaman ajil* dan *bay' al-'inah* yang tidak selari dengan amalan perbankan Islam global. Penyelidik berpendapat, isu ini sedikit sebanyak akan mempengaruhi perkembangan dan kredibiliti perbankan Islam di Malaysia terutamanya ke arah perbankan Islam yang benar-benar bersifat *syariah compliance*.

Selain itu, penyelidik mendapati kecenderungan bank untuk menggunakan kontrak *murabahah (cost-plus sale)* sebagai medium pembiayaan utama dalam produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam. Kontrak *murabahah* telah dimodifikasikan agar sesuai dengan peranan bank sebagai pembiaya ataupun orang tengah. Maka wujudlah kontrak *murabahah* dalam formasi yang baru dengan nama *murabahah lil amir bi al-syira'* (tri-partied *murabahah*) agar sesuai dengan peranan dan praktikal pihak bank. Iqbal dan Mirakhor (2007) melaporkan bahawa *murabahah* sebagai satu instrumen pembiayaan menjadi pilihan utama sektor perbankan Islam dengan peratusan 41% diikuti oleh *mudarabah* (12%), *musyarakah* (11%), *ijarah* (10%) dan lain-lain(26%). Menurut Iqbal dan Mirakhor (2007) lagi perbankan Islam tidak banyak menggunakan kontrak-kontrak yang bersifat perkongsian seperti *mudarabah* dan *musyarakah* kerana ia memerlukan kos pengawasan yang rapi dan tinggi sedangkan mereka mempunyai sumber yang terhad.

Kebanyakan sarjana Islam mencadangkan model perkongsian untung rugi (PLS) seperti *mudarabah* dan *musyarakah* , namun dari segi operasinya perbankan Islam lebih banyak bergantung kepada model *non PLS* seperti *murabahah* (Reza, 2008) yang banyak mendatangkan keuntungan kepada pihak bank. Menurut Asyraf (2008), walaupun antara

tujuan penubuhan perbankan Islam bermotifkan mencapai keuntungan, namun lebih dari itu perbankan Islam perlu menunaikan beberapa obligasi sosial yang lain agar menepati kehendak syariah sebagaimana dinyatakan dalam *maqasid syariah*.

Kesimpulannya, penyelidik berpandangan kontrak-kontrak yang bersifat perkongsian untung rugi juga telah dimodifikasikan oleh sarjana kewangan Islam semasa agar mempunyai nilai pasaran (marketable) yang boleh diterokai oleh perbankan Islam. Kontrak *musyarakah* misalnya telah diformasikan dalam bentuk baru dengan nama *musyarakah mutanaqisah* (diminishing musyarakah) atau dikenali juga sebagai *al-musyarakah al-muntahiyah bi al-tamlik*. Kontrak ini telah banyak dipraktikkan dalam pembiayaan perumahan dan aset. Begitu juga dengan kontrak *mudarabah* yang telah diformasikan dengan bentuk-bentuk yang baru seperti *al-mudarabah al-musytarikah* yang sesuai dipraktikkan dalam perbankan Islam semasa. Bank-bank Islam boleh menerokai bentuk-bentuk kontrak yang telah dimodifikasikan ini agar tidak terlalu bergantung kepada jual beli *murabahah*.

## **BAB ENAM**

### **ANALISIS PERLAKSANAAN KONTRAK-KONTRAK DALAM PRODUK- PRODUK PEMBIAYAAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA ISLAM**

#### **6.0 Pendahuluan**

Dalam bab ini, penyelidik membuat analisis terhadap aplikasi dan pelaksanaan kontrak-kontrak dalam produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam (Islamic Trade Finance/ITF) yang sedang dilaksanakan di lima buah bank Islam yang terpilih iaitu Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB), Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB), RHB Islamic Bank Berhad, Maybank Islamic dan Kuwait Finance House (KFH) Malaysia Berhad. Penyelidik memfokuskan analisis kajian ini terhadap aspek-aspek yang berikut:

- i. Kontrak-kontrak yang sedang dilaksanakan dalam produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam di lima buah bank Islam yang terpilih
- ii. Pandangan ulama silam dan kontemporari terhadap penggunaan kontrak-kontrak tersebut
- iii. Analisis perbandingan terhadap aplikasi kontrak-kontrak yang digunakan antara lima buah bank Islam tersebut
- iv. Isu-isu syariah yang berbangkit ketika pelaksanaan kontrak-kontrak tersebut dalam produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam dan perbincangan ulama silam dan kontemporari terhadap isu-isu tersebut

- v. Penilaian kepatuhan lima buah bank tersebut terhadap syariah (*syariah compliant*) dalam pelaksanaan produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam.

Penyelidik juga memfokuskan produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam berikut untuk dianalisis dari segi pelaksanaannya iaitu :

- i. Surat Kredit-i (*Letter of Credit/LC-i*)
- ii. Surat Jaminan Bank-i (*Bank Guarantee/ BG-i*)
- iii. Jaminan Perkapalan (*Shipping Guarantee/ SG-i*)
- iv. Resit Amanah (*Trust Receipt/ TR-i*)
- v. Pembiayaan Semula Kredit Eksport (*Export Credit Refinancing/ ECR-i*)
- vi. Bil Pertukaran Belian (*Bill of Exchange Purchased/ BEP-i*)
- vii. Bil Penerimaan Secara Islam (*Islamic Accepted Bill/AB-i*)

Produk-produk tersebut dianalisis pelaksanaannya berdasarkan aspek-aspek yang dinyatakan di atas. Sebelum menganalisis dengan lebih terperinci, penyelidik terlebih dahulu membincangkan profil pihak responden (5 buah bank Islam) secara ringkas yang merangkumi aspek sejarah penubuhan, perkembangannya dan perkhidmatan pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam yang ditawarkan.

## **6.1 Profil Respondan**

### **6.1.1 Bank Islam Malaysia Berhad**

Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) diperbadankan sebagai sebuah syarikat berhad di bawah Akta Syarikat 1965 pada 1 Mac 1983 dengan nama BIMB dengan pejabat

berdaftarnya di Malaysia. BIMB memulakan operasi perniagaannya pada bulan Julai 1983 dengan sebuah cawangannya di Kuala Lumpur. BIMB bermula dengan modal berbayar berjumlah hanya RM80 juta dan jumlah itu kini telah melonjak kepada RM1.73 bilion menjelang Jun 2009. Hal ini merupakan satu perkembangan penting yang telah membolehkannya memperkembangkan aset dan melaksanakan program pengembangan dengan lancar (<http://www.bankislam.com.my/bm/Pages/CorporateProfile.aspx?tabs=1/13.3.2011>).

Operasi terpenting BIMB yang bermisikan “Menjadi Pemimpin Global Dalam Perbankan Islam” ialah melaksanakan muamalah urusan perbankan dan kewangan tanpa riba. Penubuhannya bukan semata-mata untuk mendapatkan keuntungan dalam perniagaannya tetapi juga untuk mencapai matlamat kebajikan sosial, moral dan kemasyarakatan menurut Islam. Misi dan visi penubuhan BIMB adalah seperti yang berikut (<http://www.bankislam.com.my/bm/Annual%20Reports/Laporan%20Tahunan%202009.pdf/13.3.2011>) :

- i. Beriltizam untuk terus membangun dan memperbaharui penyelesaian kewangan yang diterima sejagat sejajar dengan prinsip syariah
- ii. Menawarkan pulangan yang munasabah dan mampan kepada para pemegang saham
- iii. Menyediakan persekitaran kerja yang kondusif dan menjadi majikan pilihan bagi mereka yang berbakat besar
- iv. Menghasilkan penyelesaian kewangan yang lengkap bertaraf global melalui penggunaan teknologi canggih terkini

- v. Menjadi warga korporat yang bertanggungjawab dan berhemat

Dari segi perkhidmatannya pula, lebih 50 produk dan perkhidmatan perbankan Islam komprehensif yang inovatif dan sofistikated diperagakan oleh Bank Islam melalui rangkaian saluran penyampaian di 112 cawangan dan lebih daripada 800 terminal layan-diri di seluruh negara. Produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam yang ditawarkan di Bank Islam Malaysia Berhad ialah seperti yang berikut :

Jadual 6.1

*Produk-produk Pembiayaan Perdagangan Antarabangsa Islam di BIMB*

| <b>Produk-produk</b>                       | <b>Prinsip-prinsip Syariah</b>  |
|--|---------------------------------|
| Surat Kredit-i (LC-i)                      | <i>Wakalah/Murabahah</i>        |
| Pembiayaan Modal Kerja Dagangan-i (TWCF-i) | <i>Murabahah</i>                |
| Bil Penerimaan-i (AB-i)                    | <i>Murabahah / Bay' Al-Dayn</i> |
| Bil Pertukaran Belian-i (BEP-i)            | <i>Bay' Al-Dayn</i>             |
| Pembiayaan Semula Kredit Eksport-i (ECR-i) | <i>Murabahah / Bay' Al-Dayn</i> |
| Jaminan Perkapalan-i (SG-i)                | <i>Kafalah</i>                  |
| Jaminan Bank-i (BG-i)                      | <i>Kafalah</i>                  |
| Peraturan Pembayaran Dua Hala (BPA)        | -                               |

Sumber: <http://www.bankislam.com.my/bm/Pages/BusinessBanking.aspx/24.04.2012>

Kontrak-kontrak yang digunakan dalam produk-produk di atas diaplikasikan setelah mendapat pengesahan penasihat syariah bank. Selain itu sesetengah kontrak digunakan melihat kepada situasi pelanggan dan prospek perniagaan pihak bank. Surat Kredit-i ditawarkan oleh BIMB dalam dua bentuk iaitu *murabahah* dan *wakalah* kerana melihat kepada keperluan pelanggan mereka. Surat Kredit *wakalah* ditawarkan kepada pelanggan

yang mempunyai kewangan dan modal yang kukuh untuk membeli sesuatu barangan, manakala Surat Kredit *murabahah* ditawarkan kepada pelanggan yang memerlukan pembiayaan pihak bank. Begitulah juga produk-produk lain yang berteraskan kontrak *murabahah*. Modus operandinya pihak bank akan membeli barangan yang dikehendaki pelanggan terlebih dahulu menggunakan dananya, kemudian menjualkannya kepada pelanggan dengan tambahan untung yang dipersetujui bersama. Kontrak *bay' al-dayn* digunakan dalam produk-produk tertentu walaupun penggunaannya tidak diterima oleh majoriti ulama khususnya ulama dari Timur Tengah. BIMB menawarkan produk-produk berteraskan *bay' al-dayn* kerana penggunaannya diharuskan oleh penasihat syariah Bank Negara Malaysia.

#### **6.1.2 Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB)**

Bank Muamalat Malaysia Berhad ditubuhkan pada 1 Oktober 1999 dan dianggap sebagai bank Islam yang kedua ditubuhkan di Malaysia selepas BIMB. BMMB muncul setelah adanya usaha pihak kerajaan untuk memperkukuh sektor perbankan Islam bagi memenuhi pertambahan permintaan masyarakat terhadap perkhidmatan perbankan Islam di negara ini. Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) ditubuhkan hasil daripada penggabungan Bank Bumiputera Malaysia Berhad (BBMB) dan Bank of Commerce Malaysia Berhad yang akhirnya melahirkan Bumiputera- Commerce Bank Berhad dan Bank Muamalat Malaysia. BMMB menawarkan perkhidmatan perbankan yang berteraskan prinsip-prinsip syariah dalam transaksinya. Secara umumnya, perkhidmatan perbankan di BMMB dikategorikan kepada dua segmen utama iaitu perbankan runcit (*wholesale banking*) dan perbankan pengguna (*consumer banking*). Produk-produk

pembiayaan perdagangan antarabangsa diletakkan di bawah segmen perbankan runcit bahagian perbankan korporat. Produk-produk yang ditawarkan ialah :

Jadual 6.2

*Produk-produk Pembiayaan Perdagangan Antarabangsa Islam di BMMB*

| <b>Produk-produk</b>   | <b>Prinsip-prinsip Syariah</b>        |
|--|---------------------------------------|
| Pembiayaan Modal Kerja <i>Murabahah</i> -i (MWCF)                        | <i>Murabahah</i>                      |
| Pembiayaan Modal Kerja <i>Bay' Al-Dayn</i> -i (BWCF)                     | <i>Bay' Al-dayn</i>                   |
| Surat Kredit-i (LC-i)  | <i>Wakalah/ Murabahah/ Musyarakah</i> |
| Bil Penerimaan-i (AB-i)  | <i>Murabahah / Bay' Al- Dayn</i>      |
| Bil Pertukaran Belian Luar Negara/ Domestik-i (FBEP(DOC)-i/ DBEP(DOC)-i) | <i>Bay' Al-Dayn</i>                   |
| Jaminan Perkapalan <i>Al-Kafalah</i> (KSG)                               | <i>Kafalah (Daman)</i>                |
| Jaminan Bank <i>Al-Kafalah</i> (KBG)                                     | <i>Kafalah (Daman)</i>                |
| Bil Kutipan Dalaman Luar Negara/ Domestik-i (FIBC-i/DIBC-i)              | <i>Wakalah/ Murabahah</i>             |
| Bil Kutipan Keluar Luar Negara/ Domestik-i                               | <i>Wakalah</i>                        |

Sumber : <http://www.muamalat.com.my/wholesale-banking/trade-finance/product-and-services/23.04.2012>

BMMB sebagai bank Islam kedua menawarkan produk-produk pembiayaan perdagangan Islam berdasarkan kontrak-kontrak yang diluluskan oleh panel syariah mereka. Sebagai tambahan, BMMB turut menawarkan Surat Kredit *musyarakah* yang tidak ditawarkan oleh mana-mana bank Islam lain di Malaysia sedangkan bank-bank Islam luar terutama di negara-negara Timur Tengah banyak mengaplikasikan kontrak ini. Namun begitu, Surat Kredit *musyarakah* ini tidak mendapat sambutan pelanggan kerana faktor pemahaman

dan risiko yang ditanggung oleh pihak bank<sup>67</sup>. BMMB turut menawarkan produk-produk yang berteraskan kontrak *bay' al-dayn* kerana diluluskan oleh penasihat syariah mereka.

### **6.1.3 RHB Islamic Bank Berhad**

RHB Islamic Bank Berhad merupakan anak syarikat milik penuh RHB Bank Berhad yang telah dilancarkan secara rasmi pada 1 Mac 2005 dan berstatus bank Islam penuh tempatan. RHB Islamic Bank Berhad ditubuhkan dengan modal RM 500 juta merupakan bank Islam ketiga yang muncul di Malaysia selepas Bank Islam Malaysia Berhad ( BIMB ) dan Bank Muamalat Malaysia Berhad. RHB Bank merupakan bank komersil pertama di Malaysia yang menerima lesen penuh dari BNM untuk menubuhkan anak syarikat perbankan Islam iaitu pada Julai 2004<sup>68</sup>.

RHB Islamic Bank Berhad ialah lanjutan daripada perkhidmatan perbankan Islam di RHB Bank yang memulakan operasinya pada tahun 1993 dengan pelaburan sebanyak RM 10 juta. Setakat 30 Jun 2009, RHB Islamic Bank Berhad menguruskan aset yang bernilai melebihi RM 10.9 bilion dan merupakan antara institusi perbankan Islam yang pesat berkembang di Malaysia ([http://www.rhb.com.my/islamic\\_banking/main/main.html](http://www.rhb.com.my/islamic_banking/main/main.html) /13.3.2011).

Bank ini menawarkan dua perkhidmatan perbankan utama iaitu perbankan pengguna (*consumer banking*) dan perbankan perniagaan (*bussiness banking*). Perbankan Pengguna menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan perbankan yang berteraskan syariah untuk

---

<sup>67</sup> Temu bual dengan En Azizi b Che Seman, Penasihat Syariah BMMB di APIUM pada 2.6.2012.

<sup>68</sup> Temu bual dengan En. Azahari Awang Ahmad, Ketua Bahagian Pembiayaan Perdagangan, RHB Islamic Bank Berhad di Menara Yayasan Tun Razak, Jalan Bukit Bintang pada 21.2.2011, [http://www.rhb.com.my/islamic\\_banking/main/main.html](http://www.rhb.com.my/islamic_banking/main/main.html) 13.3.2011

para pelanggan seperti akaun deposit, akaun pelaburan, akaun semasa, pembiayaan peribadi, pembiayaan perumahan, pembiayaan kenderaan, pembiayaan hartanah dan kad kredit<sup>69</sup>. Perbankan perniagaan pula menawarkan produk-produk berteraskan syariah yang merangkumi bidang-bidang seperti perniagaan korporat, perniagaan antarabangsa, perbankan perdagangan (enterprise) dan *treasury* seperti pasaran mata wang, pertukaran mata wang asing dan jual beli sukuk<sup>70</sup>. RHB Islamic Bank menawarkan perkhidmatan pembiayaan perdagangan antarabangsa secara Islam yang diletakkan di bahagian perbankan perniagaan. Produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam yang ditawarkan oleh RHB Islamic Bank ialah seperti yang berikut :

Jadual 6.3

*Produk-produk Pembiayaan Perdagangan Antarabangsa Islam di RHB Islamic Bank*

| <b>Produk-produk</b>              | <b>Prinsip-prinsip Syariah</b> |
|-----------------------------------|--------------------------------|
| Bil Penerimaan Secara Islam-i     | <i>Murabahah</i>               |
| Resit Amanah Secara Islam-i       | <i>Murabahah</i>               |
| Surat Kredit Secara Islam-i       | <i>Wakalah</i>                 |
| Jaminan Perkapalan Secara Islam-i | <i>Kafalah</i>                 |
| Jaminan Bank Secara Islam-i       | <i>Kafalah</i>                 |
| Pemungutan Berdokumen             | <i>Wakalah</i>                 |

Sumber : [http://www.rhb.com.my/business\\_banking/islamic\\_banking/enterprise-banking/trade\\_main.html](http://www.rhb.com.my/business_banking/islamic_banking/enterprise-banking/trade_main.html), 23.04.2012

RHB Islamic Berhad menawarkan produk-produk yang menggunakan kontrak-kontrak yang diharuskan oleh penasihat syariah mereka berdasarkan standard antarabangsa seperti Majma' Fiqh OIC dan Majlis Syariah AAOIFI. Oleh itu, dalam rajah di atas didapati tiada penggunaan kontrak-kontrak yang menimbulkan kontroversi seperti *bay'*

<sup>69</sup> [http://www.rhb.com.my/islamic\\_banking/wealth\\_management/main.html/13.3.2011](http://www.rhb.com.my/islamic_banking/wealth_management/main.html/13.3.2011)).

<sup>70</sup> [http://www.rhb.com.my/business\\_banking/islamic\\_banking/treasury/main.html](http://www.rhb.com.my/business_banking/islamic_banking/treasury/main.html) 13.3.2011).

*al-dayn* ditawarkan oleh RHB Islamic Berhad. Hal ini adalah disebabkan penggunaannya tidak dibenarkan oleh penasihat syariah mereka.

#### **6.1.4 Maybank Islamic Berhad**

Maybank Islamic Berhad merupakan rentetan daripada pelaksanaan Sistem Perbankan Tanpa Faedah di Malayan Bank Berhad (Maybank). Sejak tahun 1993, Maybank mula memberi perhatian terhadap produk-produk perbankan Islam dengan penubuhan *islamic windows* (tetingkap perbankan Islam) di bawah SPTF. Hal ini merupakan langkah awal Maybank Group untuk meneroka sektor perbankan Islam. Pada 1 Januari 2008, Maybank Islamic Berhad (MIB) telah dilancarkan secara rasminya sebagai sebuah bank Islam sepenuhnya yang ke 12 di Malaysia. Kini, Maybank Islamic Berhad menjadi institusi kewangan terbesar yang menawarkan perkhidmatan dan produk perbankan Islam di rantau Asia Pasifik (<http://www.maybank.com/maybank-subsiaries/commercial-and-islamic-banking/maybank-islamic-berhad>, 23.4.2012).

Maybank Islamic Berhad menawarkan perkhidmatan deposit, pembiayaan peribadi, kenderaan, perumahan, pembiayaan perniagaan dan juga pembiayaan perdagangan secara Islam. Penyelidik hanya memfokuskan kepada produk-produk pembiayaan perdagangan secara Islam yang ditawarkan oleh Maybank Islamic Berhad iaitu :

Jadual 6.4

*Produk-produk Pembiayaan Perdagangan Antarabangsa Islam di Maybank Islamic*

| <b>Produk-produk</b>                             | <b>Prinsip-prinsip Syariah</b>                                |
|--|---|
| Surat Kredit-i                                   | <i>Wakalah/Murabahah</i>                                      |
| Bil kutipan dalaman/luaran <i>Wakalah</i>        | <i>Wakalah</i>  |
| Resit Amanah-i                                   | <i>Murabahah</i>  |
| Bil Pertukaran Belian-i                          | <i>Bay' Al-Dayn</i>   |
| Jaminan Bank-i                                   | <i>Kafalah</i>  |
| Jaminan Perkapalan-i                             | <i>Kafalah</i>  |
| Bil Penerimaan-i                                 | <i>Murabahah / Bay' Al-Dayn</i>                               |
| Pembiayaan Semula Kredit Eksport-i               | <i>Murabahah / Bay' Al-Dayn</i>                               |
| On-Shore Foreign Currency Financing-i            | <i>Murabahah / Bay' Al-Dayn</i>                               |
| Islamic Negotiable Instruments of Deposit (INID) | <i>Mudarabah</i>  |
| Negotiable Islamic Debt Certificate (NIDC)       | <i>Bay' Bithaman Ajil</i>                                     |
| Capital Protected Investment –Range Accrual      | <i>Bay' Bithaman Ajil/ Wa'ad</i>                              |
| Islamic Profit Rate SWAP- IPRS                   | <i>Murabahah, Bay' Bithaman Ajil, Bay' al-'Inah dan Wa'ad</i> |
| Islamic Cross Currency SWAP (ICCS)               | <i>Murabahah, Bay' Bithaman Ajil dan Bay' al-'Inah</i>        |

Sumber : <http://www.maybankislamic.com.my/business.html>, 23.04.2012

Maybank Islamic merupakan bank Islam yang terbanyak menawarkan produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam iaitu 14 produk seperti rajah di atas. Penggunaan kontrak-kontrak adalah serupa dengan bank-bank Islam yang lain kecuali bagi produk-produk baru yang tidak terdapat di bank-bank Islam yang lain seperti kontrak *bay' bithaman ajil* dan *bay' al-'inah* untuk produk-produk seperti Negotiable Islamic Debt Certificate (NIDC), Capital Protected Investment –Range Accrual, Islamic Profit Rate SWAP- IPRS dan Islamic Cross Currency SWAP (ICCS). Mereka menawarkan kontrak-kontrak yang dianggap kontroversi ini kerana menghormati dan

meraikan pandangan serta keputusan penasihat syariah BNM yang membenarkannya selain permintaan pelanggan terhadap produk-produk tersebut. Namun begitu, penyelidikan dan usaha-usaha sedang dilakukan untuk mencari alternatif yang lebih baik dan diterima oleh semua pihak<sup>71</sup>.

### **6.1.5 Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad**

Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad merupakan bank Islam asing (*foreign islamic bank*) pertama yang menawarkan perkhidmatan perbankan Islam di Malaysia. Ia merupakan anak syarikat Kuwait Finance House (KFH) yang berpusat di Kuwait. KFH ditubuhkan pada tahun 1977 dan merupakan bank pertama yang menawarkan perkhidmatan perbankan yang berteraskan syariah di Kuwait pada waktu itu. Kini, KFH mempunyai rangkaianannya di peringkat global iaitu di Bahrain, Turki, Jordan, Arab Saudi, Malaysia, Singapura dan Australia selain bank-bank luar yang bergabung dengannya di Emiriah Arab Bersatu, Oman dan Bangladesh<sup>72</sup>.

KFH Malaysia memulakan operasinya pada bulan Ogos 2005 setelah menerima lesen daripada Kementerian Kewangan Malaysia. Dilancarkan secara rasmi pada 17 Februari 2006 oleh Perdana Menteri Malaysia ketika itu, Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi<sup>73</sup>. KFHM menawarkan produk-produk yang berteraskan syariah secara menyeluruh dan menekankan aspek keadilan dan hubungan yang saling bermanfaat antara pihak bank dan pelanggan dalam urusan niaganya. Produk dan perkhidmatan yang

---

<sup>71</sup> Temu bual dengan En Ramadhan Fitri b Ellias, Vice President/ Head Syariah Management Maybank Islamic pada 14.4.2012

<sup>72</sup>[http://www.kfhonline.com.my/kfhmb/ep/kfhContentView.do?contentType=3000&channelId=-8113&displayPage=%2Fep%2Fcontent%2Fkfh\\_editorial\\_content.jsp&programId=8457&pageTypeId=8479&contentId=8056](http://www.kfhonline.com.my/kfhmb/ep/kfhContentView.do?contentType=3000&channelId=-8113&displayPage=%2Fep%2Fcontent%2Fkfh_editorial_content.jsp&programId=8457&pageTypeId=8479&contentId=8056) (23.4.2012).

<sup>73</sup> Temu bual dengan Ahmad Suhaimi b Yahya, Regional Head Shariah, KFHM pada 25/3/2011 di KFHM, Jalan Pinang, KL

terdapat di KFHM ditawarkan dalam tiga segmen utama iaitu perbankan pelaburan dan korporat, perbankan komersial dan perbankan runcit. Produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam turut ditawarkan oleh KFHM dan diletakkan di bawah segmen perbankan komersial (<http://www.kfhonline.com.my/kfhmb/ep/home.do?tabId=2/20/4/2011>). Produk-produk pembiayaan perdagangan Islam yang ditawarkan oleh KFHM dan kontrak-kontrak yang digunakan adalah seperti rajah di bawah :

Jadual 6.5

*Produk-produk Pembiayaan Perdagangan Antarabangsa Islam di Kuwait Finance House Malaysia*

| <b>Produk-produk</b>                          | <b>Prinsip-prinsip Syariah</b> |
|---|--------------------------------|
| KFH Surat Kredit-i                            | <i>Murabahah/Wakalah</i>       |
| KFH Jaminan Perkapalan-i                      | <i>Kafalah (Daman)</i>         |
| KFH Jaminan Bank-i                            | <i>Kafalah (Daman)</i>         |
| KFH Pembiayaan Modal Kerja-i <i>Murabahah</i> | <i>Murabahah</i>               |
| Pemungutan Berdokumen-i                       | <i>Wakalah</i>                 |

Sumber : Ahmad Suhaimi b Yahya, KFHM, 2011

KFH yang merupakan bank luar (*foreign bank*) mempunyai panel syariah yang tersendiri dalam meluluskan sesuatu kontrak dan produk-produk yang akan ditawarkan. Berdasarkan jadual di atas, KFHM hanya menawarkan produk-produk yang berdasarkan kontrak-kontrak yang diterima oleh semua pihak sahaja. KFHM tidak menawarkan produk-produk seperti Bil Penerimaan dan Bil Pertukaran kerana ia menggunakan kontrak *bay' al-dayn* yang dilarang penggunaannya oleh penasihat syariah mereka. Oleh itu, didapati bank ini menawarkan produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam dalam jumlah yang amat kecil dan produk-produk utama sahaja yang menggunakan kontrak *murabahah*, *wakalah* dan *kafalah*.

## **6.2 Aplikasi Kontrak-kontrak dalam Produk-produk Pembiayaan Perdagangan Antarabangsa Islam**

Dalam bab empat, penyelidik telah menghuraikan secara terperinci operasi dan pelaksanaan produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa yang ditawarkan dalam sistem perbankan konvensional di Malaysia. Dalam bab 5 pula, penyelidik menghuraikan kontrak-kontrak yang diamalkan dalam produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam oleh bank-bank Islam di Malaysia. Seterusnya dalam bab ini, penyelidik hanya akan menghuraikan bagaimana aplikasi kontrak-kontrak tersebut dalam produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam yang terpilih (7 produk) dan membuat perbandingan antara bank-bank Islam yang terpilih (5 buah bank) sebagaimana yang telah dinyatakan di atas.

### **6.2.1 Surat Kredit-i (*Letter of Credit-i/ LC-i*)**

Dalam sistem perbankan Islam, operasi Surat Kredit adalah sama dengan operasi yang dipraktikkan dalam sistem konvensional. Penyelidik telah menghuraikan operasi dan pelaksanaan Surat Kredit secara terperinci dalam bab 4. Perkara utama yang membezakan antara kedua-duanya adalah aplikasi kontrak-kontrak dalam Surat Kredit yang ditawarkan oleh sistem perbankan Islam. Perkhidmatan Surat Kredit secara Islam diperkenalkan di Malaysia apabila Bank Islam Malaysia Berhad memulakan operasinya pada tahun 1983. Seterusnya diikuti oleh Malayan Banking Berhad (Maybank) dan Bank Bumiputera Malaysia Berhad (BBMB) pada tahun 1993. Apabila Bank Muamalat Malaysia Berhad dilancarkan sebagai bank Islam penuh pada tahun 1999, Surat Kredit *wakalah* menjadi salah satu produk penting yang ditawarkan<sup>74</sup>.

---

<sup>74</sup> Temu bual dengan En Ismail b Mahayuddin, Penasihat CIMB Islamic Bhd pada 5.7.2012 di Shah Alam

Berbagai-bagai definisi diberikan terhadap Surat Kredit secara Islam. AAOIFI (2008) mendefinisikannya sebagai :

*“a written undertaking by a bank (known as the issuer ) given to the seller (the beneficiary) as per the buyer’s (applicant’s or orderer’s) instruction or is issued by the bank for its own use, undertaking to pay up to a specified amount (in cash or through acceptance or discounting of a bill of exchange), within a certain period of time, on condition that the seller present documents for the goods conforming to the instructions”.*

Selain itu terdapat juga definisi yang diberikan oleh bank-bank komersil di Malaysia tentang Surat Kredit secara Islam. Dalam nota Bank Muamalat Malaysia Berhad (2008) surat Kredit-i didefinisikan sebagai :

*“a written undertaking by the Bank, given to a seller (the beneficiary) at the request and the instructions of the buyer (the applicant), to pay at sight or at a determinable future date up to a stated sum of money within a prescribed time limit and against stipulated documents which must comply with terms and conditions”*

Definisi-definisi di atas menunjukkan bahawa Surat Kredit yang dilaksanakan dalam sistem perbankan konvensional dan sistem perbankan Islam memainkan peranan dan fungsi yang sama iaitu untuk memudahkan urusan perdagangan.

Ciri yang membezakan kedua-duanya ialah Surat Kredit secara Islam beroperasi berlandaskan kontrak-kontrak yang terdapat dalam sistem *muamalat* Islam. Penggunaan kontrak-kontrak tersebut secara umumnya tidak merubah sifat-sifat yang sedia ada atau fungsi utama Surat Kredit. Fungsinya adalah untuk menghapuskan elemen-elemen *riba*


dan *gharar* yang terdapat dalam operasi Surat Kredit bahkan langsung tidak mengubah suai peraturan-peraturan asas Surat Kredit, UCP atau mana-mana undang-undang antarabangsa yang dikeluarkan oleh International Chamber of Commerce (ICC). Menurut Ahmad Azam *et al.*, (2009), apabila terdapat peruntukan-peruntukan UCP yang bertentangan dengan kontrak-kontrak tersebut maka terma-terma tambahan akan diwujudkan untuk mengelakkan peruntukan-peruntukan tersebut dapat dilaksanakan.

Kontrak-kontrak yang digunakan dalam operasi Surat Kredit secara Islam dalam sistem perbankan Islam di Malaysia kebanyakannya ialah *wakalah* dan *murabahah*. Ada bank Islam yang menawarkan Surat Kredit berdasarkan *wakalah* atau *murabahah* sahaja dan ada juga bank Islam yang menawarkan kedua-duanya. Namun begitu, terdapat juga bank Islam yang menggunakan kontrak yang lain seperti Bank Muamalat Malaysia yang menggunakan kontrak *musyarakah* dalam transaksi Surat Kredit-i selain *wakalah* dan *murabahah*. Surat Kredit *musyarakah* digunakan secara meluas dalam perbankan Islam di negara-negara Timur Tengah (Ahmad Azam *et al.*, 2009).

#### **6.2.1.1 Surat Kredit Wakalah**

Surat Kredit yang menggunakan kontrak *wakalah* bermaksud pihak bank dilantik menjadi agen atau wakil bagi pihak pelanggan. Penyelidik telah menghuraikan konsep *wakalah* dari sudut bahasa dan istilah para fuqaha secara terperinci dalam bab 5 sebelum ini. Secara ringkasnya *wakalah* diertikan sebagai satu akad yang memberi kuasa orang yang mewakili kepada penerima wakil untuk menjalankan sesuatu tugas atau kerja bagi pihak orang yang mewakilkan ataupun menyerahkan sesuatu urusan kepada orang lain untuk melakukannya sama ada sebahagian atau kesemuanya.

Perincian bagi pelaksanaan Surat Kredit *wakalah* yang diamalkan dalam sistem perbankan Islam di Malaysia dan keterangannya adalah seperti yang diilustrasikan dalam rajah berikut :



Rajah 6.1  
*Operasi Surat Kredit-i Wakalah*  
 Sumber : Nota RHB Islamic Bank, 2011

1. Pelanggan memberitahu pihak bank tentang Surat Kredit yang diperlukan dan seterusnya melantik bank berkenaan (bank tempatan) sebagai wakilnya (ejen) untuk melaksanakan urus niaga bagi pihaknya. Proses perlantikan sebagai ejen (*wakalah*) berlaku secara rasminya melalui dokumentasi yang menyatakan bahawa pelanggan dengan sukarela melantik pihak bank sebagai wakil bagi menjalankan urusan bagi pihaknya (pelanggan)<sup>75</sup>.

<sup>75</sup>Temu bual dengan En Ramadhan Fitri b Ellias, Vice President/ Head Syariah Management Maybank Islamic pada 14.4.2012, Temu bual dengan En Azizi b Che Seman, Penasihat Syariah BMMB pada 2.6.2012

2. Pihak bank meminta pelanggan mendeposit amaun harga barangan sepenuhnya kepada bank dan diletakkan di bawah akaun *al-wadiah*.
3. Pihak bank mengeluarkan Surat Kredit dan membuat pembayaran kepada bank luar (bank benefisiari) menggunakan wang pelanggan .
4. Pihak bank (bank benefisiari) menyerahkan bukti pembayaran kepada penjual dan mengarahkannya supaya menyerahkan barangan yang dibeli kepada pelanggan.
5. Pihak penjual menyerahkan barangan yang dibeli kepada pelanggan melalui jalan laut atau udara.

Proses penyerahan perwakilan berlaku dengan pihak pelanggan menyerahkan butir-butir transaksi perdagangan secara bertulis dalam borang yang khusus kepada pihak bank. Pihak bank selaku wakil (*agent*) akan mengeluarkan Surat Kredit berdasarkan arahan atau permintaan bertulis pihak pelanggan. Arahan-arahan bertulis inilah yang bertindak sebagai “*akad*” yang mengikat kedua-dua belah pihak (bank dan pelanggan) kepada satu perjanjian. Surat Kredit *wakalah* bukanlah satu bentuk pembiayaan kewangan tetapi sebagai suatu perkhidmatan yang diberikan oleh pihak bank kepada pelanggannya. Keuntungan pihak bank hanyalah pada upah dan bayaran pengurusan penyediaan Surat Kredit berkenaan (Lee dan Detta, 2007). Bayaran pengeluaran (*issuance fee*) bagi Surat Kredit yang dikeluarkan oleh perbankan Islam di Malaysia sekarang ialah sebanyak 0.1% sebulan daripada amaun Surat Kredit. Amaun bayaran ini ditentukan oleh pihak ABM (*Association of Bankers Malaysia*)<sup>76</sup>.


---

<sup>76</sup> Temu bual dengan En. Azahari Awang Ahmad , Ketua Bahagian Pembiayaan Perdagangan, RHB Islamic Bank Berhad di Menara Yayasan Tun Razak, Jalan Bukit Bintang pada 21.2.2011.

### **6.2.1.2 Surat Kredit *Murabahah***

Surat Kredit berlandaskan kontrak *murabahah* banyak dipraktikkan dalam operasi pembiayaan perdagangan antarabangsa secara Islam dalam perbankan Islam di Malaysia. Surat Kredit *murabahah* bermaksud pihak bank bertindak sebagai peniaga iaitu pihak bank akan membeli barangan terlebih dahulu daripada pengeluar atau pembekal dan kemudiannya menjual semula kepada pelanggan dengan harga yang lebih tinggi (*mark up cost plus*) yang dipersetujui bersama tanpa sebarang bayaran pendahuluan yang diminta daripada pelanggan (Saleem, 1998).

Pihak bank akan menawarkan kemudahan Surat Kredit *murabahah* kepada pelanggan yang tidak mempunyai tunai yang mencukupi untuk menjelaskan bayaran kepada pihak benefisiari dan pelanggan diberi kemudahan untuk menyelesaikan pembayaran penuh dalam tempoh-tempoh yang tertentu. Perincian bagi operasi Surat Kredit *murabahah* dan keterangannya adalah seperti berikut (Zaharuddin, 2009) :



Rajah 6.2  
*Operasi Surat Kredit-i Murabahah*  
 Sumber : Zaharuddin, 2009

1. Pelanggan memohon persetujuan pihak bank untuk mengeluarkan Surat Kredit bagi membiayai pembeliannya dari luar negara.
2. Setelah pihak bank bersetuju, pelanggan akan memberikan janji sebelah pihak (*unilateral promise/ al-wa'ad*) untuk membeli barang dagangan dengan spesifikasi tertentu dari bank.
3. Bank akan melantik pelanggan sebagai ejennya untuk berurusan jual beli dengan penjual yang telah dikenal pasti.
4. Pelanggan menandatangani perjanjian jual beli dengan penjual bagi pihak bank.

5. Bank mengeluarkan Surat Kredit (LC) kepada bank penjual membuktikan bayaran dibuat (dikira sebagai pembayar secara *hukmi* kerana fizikal wang masih belum sampai ke tangan penjual).
6. Bank penjual memaklumkan kepada penjual (sebagai pengesahan) bahawa Surat Kredit sudah diterima.
7. Penjual mula menghantar barang dagangan sama ada melalui laut atau udara kepada pelanggan.
8. Setelah barangan dihantar (dieksport), penjual menuntut bayaran kepada pembeli melalui banknya (bank penjual) yang seterusnya menuntut bayaran tersebut dari bank pembeli (bank tempatan).
9. Bank pembeli akan membayar secara penuh dengan menggunakan dananya dahulu. Seterusnya bank menjual barang tersebut secara *murabahah* dan menyerahkan semua dokumen untuk tuntutan barangan di pelabuhan atau lapangan terbang kepada pelanggan. Bank akan mendapat bayarannya secara bertanggung dalam tempoh yang telah dipersetujui dengan pelanggan. Pihak bank mengenakan bayaran komisen kepada pelanggan berdasarkan hukum *al-ujr* dan perbelanjaan mengurus berkaitan penyediaan dan perkhidmatan Surat Kredit.

Berbeza dengan Surat Kredit *wakalah*, Surat Kredit *murabahah* merupakan satu pembiayaan pihak bank terhadap pelanggannya dan pelanggan diberikan terma pembayaran tertunda untuk menyelesaikannya. Selain itu, perkara utama yang perlu diberi perhatian dalam operasi Surat Kredit *murabahah* ialah bank perlu memastikan

barangan tersebut adalah miliknya walaupun secara *qabd hukmi*, sebelum menjualkannya semula kepada pelanggan.

### **6.2.1.3 Surat Kredit *Musyarakah***


Surat Kredit *musyarakah* dipraktikkan secara meluas dalam perbankan Islam di Timur Tengah (Ahmad Azam *et al.*, 2009) berbanding perbankan Islam di Malaysia yang banyak mempraktikkan Surat Kredit *wakalah* dan *murabahah*. Perkara ini berlaku kerana perbankan di Malaysia (konvensional) pada dasarnya bersandarkan kepada konsep “pinjaman” (*lending*) yang menyebabkan konsep “*musyarakah*” yang berteraskan perkongsian tidak dapat diterima dengan baik oleh bank-bank komersial dan bank-bank perdagangan. Di Malaysia, hanya Bank Muamalat Malaysia Berhad yang menawarkan perkhidmatan Surat Kredit *musyarakah*. Namun begitu, produk ini tidak mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pelanggan kerana kurang jelas kefahaman mereka terhadap konsep *musyarakah* dan juga beberapa aspek teknikal yang rumit untuk dilaksanakan menurut perkiraan bank<sup>77</sup>.

Apabila prinsip *musyarakah* digunakan, maksudnya pihak bank adalah sebagai rakan kongsi dalam urusan belian barangan yang dikehendaki oleh pelanggan. Menurut Sudin (2005), selain bertindak sebagai pihak yang menguruskan segala dokumen yang berkaitan transaksi tersebut, bank juga turut serta mengeluarkan sebahagian modal sebagai membiayai pembelian barangan tersebut.

---

<sup>77</sup>Temu bual dengan Pn Nordalina Mohd Tormoti, Head of Section, Business Development, Trade Finance Department, Bank Muamalat Malaysia Berhad, KL, pada 14.10.2011.

Perincian bagi operasi Surat Kredit *musyarakah* dan keterangannya diilustrasikan seperti berikut :



Rajah 6.3  
*Operasi Surat Kredit-i Musyarakah*  
 Sumber : Ahmad Azam *et al.*, 2009, Sudin, 2005

1. Pelanggan memohon persetujuan pihak bank untuk mengeluarkan Surat Kredit bagi membiayai pembelian barangan dari luar negara.
2. Pelanggan membayar sebahagian daripada harga barangan tersebut kepada bank dan ia diletakkan di bawah akaun *al-wadiah*.
3. Pelanggan dan bank bersetuju untuk berkongsi membeli atau mengimport barangan tersebut berdasarkan kontrak *musyarakah*. Kedua-dua pihak memeterai perjanjian

yang mengandungi syarat-syarat pelaburan berasaskan *musyarakah* seperti sumbangan bahagian modal masing-masing, nisbah pembahagian untung dan sebagainya.

4. Bank (bank pelanggan) mengeluarkan Surat Kredit dan menjelaskan harga barangan kepada bank benefisiari menggunakan wang pelanggan (dari akaun *al-wadiah*) dan dananya sendiri yang merupakan sumbangan modal pihak bank (syer).
5. Bank benefisiari memaklumkan kepada pengimport sebagai pengesahan pengeluaran LC dan juga bayaran yang telah dijelaskan oleh pihak pelanggan melalui banknya.
6. Seterusnya pengimport mula menghantar barangan yang dibeli kepada pelanggan sama ada melalui laut atau udara.
7. Pihak penjual (beneficiari) menuntut bayaran daripada banknya (bank luar).
8. Pelanggan yang telah memperolehi barangan akan berusaha menjualkan barangan tersebut mengikut perjanjian yang telah dimeterai dengan pihak bank dan keuntungan yang diperolehi akan dibahagikan antara kedua-duanya mengikut nisbah yang telah dipersetujui bersama.

Di samping itu, pihak bank juga memperolehi keuntungan melalui bayaran komisen yang dikenakan kepada pelanggan kerana perbelanjaan mengurus yang berkaitan dengan perkhidmatan dan pengeluaran Surat Kredit.

### **6.2.2 Resit Amanah (*Trust Receipt-i/TR-i*)**

Resit Amanah adalah satu bentuk bayaran pendahuluan (*advanced*) yang dikeluarkan oleh pihak bank kepada pelanggannya (pengimport). Resit Amanah-i (TR-i) adalah satu instrumen untuk membiayai transaksi perdagangan tempatan dan luar negara yang

bersandarkan Surat Kredit *murabahah* atau bil kutipan dalaman-i yang menggunakan kontrak *wakalah (inward documentary collection bill)*. Produk ini berasal dari Resit Amanah konvensional yang digunakan sebagai salah satu metod pembiayaan barangan import. Kebiasaannya Resit Amanah-i diperlukan oleh pelanggan yang mempunyai modal yang tidak mencukupi untuk menjelaskan bil yang diterimanya.

Dalam sistem perbankan Islam di Malaysia, semua bank Islam menggunakan kontrak *murabahah* dalam operasi Resit Amanah. Menurut Sharifah<sup>78</sup>, pensyarah perbankan Islam, Fakulti Pengurusan Perniagaan, Uitm Shah Alam, selain TR-i terdapat nama-nama lain yang digunakan oleh bank-bank Islam di Malaysia iaitu *Murabahah Trust Receipt-i (MTR-i)*, *Murabahah Working Capital Financing-i (MWCF-i)*, *Trade Working Capital Financing-i (TWCF-i)* dan *Trade Murabahah (TM-i)*. Namun begitu, istilah yang banyak digunakan oleh bank-bank Islam di Malaysia ialah MTR-i dan MWCF-i.


TR-i beroperasi atas konsep jual dan beli yang membolehkan pelanggan menerima serahan barangan serta merta semasa ketibaan barang tersebut. Operasinya ialah pelanggan yang dilantik sebagai agen pihak bank akan membeli barangan daripada pembekal (pengekspor) pada harga invoice (harga sebenar). Pihak bank membayar kepada pembekal atas harga invoice dan kemudian menjualkannya kepada pelanggan pada harga baru yang dipersetujui iaitu harga invoice sebenar yang dicampurkan dengan margin keuntungan berdasarkan kontrak *murabahah*. Pelanggan dibenarkan menangguhkan bayaran sehingga tempoh 180 hari (Nota Maybank Islamic Berhad, 2011, Nota RHB Islamic Berhad, 2011, Rosli, 1998).

---

<sup>78</sup> Temu bual pada 4.7.2012 di Uitm, Shah Alam.

Kelebihan TR-i ialah membolehkan pelanggan menyelesaikan tanggungjawab pembayaran kepada penjual dengan segera dan kadar keuntungannya yang tetap sepanjang tempoh pembiayaan dipersetujui terlebih dahulu. TR-i kebiasannya ditawarkan kepada pelanggan-pelanggan yang terdiri dari syarikat-syarikat kecil yang berisiko tinggi mengikut perkiraan pihak bank.

Operasi Resit Amanah (TR-i) boleh diilustrasikan seperti rajah yang berikut :



Rajah 6.4  
*Operasi Resit Amanah-i (TR-i)*  
 Sumber : Nota RHB Islamic Bank Bhd, 2011


### 6.2.3 Bil Penerimaan (*Accepted Bills/AB-i*)

Bil Penerimaan Secara Islam ialah kemudahan pembiayaan yang serupa dengan Penerimaan Jurubank (*banker's acceptance*) dalam perbankan konvensional. Produk ini tertakluk kepada garis panduan untuk Bil Penerimaan-i yang telah ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia pada tahun 1993. AB-i ditakrifkan sebagai bil pertukaran yang dikeluarkan oleh bank komersil atau bank perdagangan, yang dibayar pada masa hadapan yang ditetapkan untuk mensekuritikan hutang yang terhasil daripada transaksi perdagangan (Nota RHB Islamic Bank Berhad, 2011, Nota Maybank Islamic, 2011).

Sebelum ini, AB-i dikenali sebagai *Islamic Accepted Bills (IAB)* yang ditawarkan oleh sistem perbankan untuk meluaskan perdagangan domestik dan antarabangsa yang menggunakan transaksi pembiayaan berteraskan Islam. AB-i boleh dikeluarkan sama ada untuk membiayai pembelian domestik dan import serta penjualan domestik dan import. AB-i secara umumnya dibahagikan kepada dua iaitu AB-i pembelian dan AB-i penjualan. Kontrak yang digunakan oleh bank-bank Islam di Malaysia bagi AB-i pembelian ialah *murabahah* manakala bagi AB-i penjualan ialah *bay' al-dayn*.

AB-i pembelian yang berlandaskan kontrak *murabahah* membenarkan pelanggan (pengimport) membiayai pembelian barangan dagangan mereka yang meliputi bahan mentah, barangan separuh siap dan barangan akhir. Proses AB-i pembelian bermula dengan bank melantik pelanggannya (pengimport) sebagai agen untuk membeli barangan bagi pihak bank. Bank akan membuat pembayaran kepada penjual (pengekspor) dan seterusnya menjual barangan tersebut kepada pelanggan berdasarkan kontrak *murabahah*

iaitu harga kos dicampurkan dengan margin keuntungan yang telah dipersetujui. Pelanggan-pelanggan perbankan Islam di Malaysia dibenarkan menanggungkan pembayaran bermula dari tempoh minima 21 hari sehingga tempoh maksima 180 hari<sup>79</sup>. Pihak penerima (*accepting party*) dalam AB-i belian ialah pelanggan atau pengimport. Penjualan barangan dalam bentuk penangguhan (*deferred payment*) ini telah membentuk hutang. Hutang yang terhasil ini boleh disekuritikan dalam bentuk bil pertukaran yang dikeluarkan oleh pihak bank dan diterima oleh pelanggan untuk pembayaran penuh atas harga jualan pihak bank pada tempoh matang (Nota RHB Islamic Bank, 2011). Operasi AB-i pembelian boleh diilustrasikan seperti rajah di bawah :



Rajah 6.5  
*Operasi Bil Penerimaan Pembelian Murabahah (AB-i)*  
 Sumber : Nota RHB Islamic Bank Berhad, 2011


<sup>79</sup>Temu bual dengan En. Azahari Awang Ahmad , Ketua Bahagian Pembiayaan Perdagangan, RHB Islamic Bank Berhad di Menara Yayasan Tun Razak, Jalan Bukit Bintang pada 21.2.2011, Temu bual dengan Pn Dayang Atikah bt Zakaria, Pegawai Perhubungan Bahagian Pembiayaan Perdagangan, Butterworth Trade Finance Centre, Maybank pada 14.3.2011.

AB-i penjualan pula bermaksud bank membiayai pelanggan berdasarkan kontrak *bay' al-dayn* iaitu bank membeli hak pelanggan terhadap hutang yang dijamin dalam bentuk bil penerimaan (Nota BIMB, 2011, Nota RHB Islamic, 2011). *Bay' al-dayn* ditakrifkan sebagai jual hutang yang telah sabit pada tanggungjawab seseorang bagi melepaskan tanggungan orang yang berhutang tersebut atau menjual hutang yang sabit pada tanggungjawab seseorang kepada pihak yang ketiga (al-Daghi, 2001). Dalam erti kata yang lain ia bermaksud satu kontrak jual beli di mana seorang yang berhutang menjual hak hutangnya ke atas si pemberi hutang sama ada kepada orang yang memberi hutang itu sendiri atau kepada pihak ketiga. Sano (2001) menjelaskan bahawa kebiasaannya penjual hutang akan menjual hutangnya pada harga diskaun kerana pembeli sama ada pemberi hutang atau pihak ketiga tidak akan membeli hutang tersebut jika harga tidak dikurangkan.

AB-i penjualan memerlukan pelanggan (pengeksporth) menyediakan dokumen penjualan yang diperlukan oleh kontrak jualan atau Surat Kredit. Pelanggan (pengeksporth) akan menyerahkan dokumen-dokumen berkenaan kepada pihak bank untuk dibeli. Oleh kerana dokumen-dokumen penjualan (eksport) perlu dihantar kepada pembeli, bank akan meminta pelanggan (pengeksporth) mengeluarkan AB-i atas nama bank berkenaan. Bank seterusnya akan membeli hutang pelanggan (pengeksporth) pada harga diskaun dan mengkreditkannya ke dalam akaun pengeksporth. Apabila menerima pembayaran daripada pembelinya, pengeksporth akan menggunakannya untuk menyelesaikan AB-i penjualan tersebut pada harga invois penuh (Nota BIMB, 2011, Nota RHB Islamic, 2011).

Perbezaan dengan AB-i pembelian ialah dalam AB-i penjualan ini, pihak penerima (*accepting party*) ialah bank.

Operasi AB- penjualan boleh diilustrasikan seperti rajah di bawah :



Rajah 6.6

*Operasi Bil Penerimaan Penjualan Bay' al-Dayn (AB-i Sale)*

Sumber : Nota RHB Islamic Bank Berhad, 2011

Perbezaan yang ketara antara bil penerimaan secara Islam dan bil penerimaan konvensional ialah AB-i beroperasi atas dasar penjual dan pembeli (*seller and buyer*) manakala AB pula adalah antara pemberi hutang dan penghutang (*creditor and debtor*). Dari aspek barangan pula, AB-i disyaratkan hanya untuk barangan halal sahaja manakala AB menerima semua jenis barangan halal mahupun yang haram. Riba (*interest*) adalah dilarang sama sekali dalam AB-i. Sekiranya pelanggan tidak membayar dalam tempoh

yang dipersetujui mereka dikenakan bayaran denda (*ta'wid*) yang dipersetujui kebanyakan ulama silam dan kontemporari.

#### **6.2.4 Bil-bil Pertukaran Belian (*Bill of Exchange Purchased / BEP-i*)**


Bil-bil Pertukaran Belian (BEP) adalah kemudahan yang disediakan oleh bank kepada pelanggannya iaitu akaun pelanggan akan dikreditkan dengan segera selepas Bil Keluar Untuk Pungutan dikeluarkan. Pengguna boleh menggunakan dana ini dengan segera tanpa perlu menunggu pembayaran daripada *collecting bank* (Fauzias, 2002). Kadangkala pihak pelanggan terutamanya penjual/pengeksport menghadapi masalah keputusan dana (modal) terutamanya ketika terlibat dalam jual beli secara hutang oleh pihak pengimport. Oleh itu, mereka amat memerlukan pertolongan pihak bank ketika tempoh hutang yang diberikan kepada pengimport. Terdapat beberapa instrumen pembiayaan perdagangan yang ditawarkan oleh pihak bank untuk membiayai pengeksport dalam situasi sebegini seperti Bil Penerimaan, Bil-bil Pertukaran dan Pembiayaan Semula Kredit Eksport (Ismail, 1997).

Dalam perbankan Islam, BEP-I bermaksud pihak bank membeli hutang pelanggannya yang terhasil daripada Bil Keluar Untuk Pungutan (*outward bills for collection*) di bawah akaun terbuka (*open account basis*) ataupun bersandarkan eksport Surat Kredit. Akaun pelanggan akan dikreditkan dengan segera hasil daripada pembelian hutang dan akan digunakan oleh pelanggan untuk melangsaikan pembiayaan bank (Nota BIMB, 2011, Nota Maybank Islamic, 2011).

Kemudahan ini diperlukan oleh pelanggan untuk memperbaiki aliran tunainya dengan memperolehi dana segera untuk keperluan modal kerjanya. Kebanyakan bank Islam di Malaysia menawarkan pembiayaan sehingga 100% daripada amaun invois. Kontrak yang diaplikasikan oleh bank-bank Islam di Malaysia dalam operasi Bil-bil Pertukaran Belian (BEP-i) ialah *bay' al-dayn* iaitu jual beli hutang. Produk ini merupakan satu pembiayaan jangka pendek iaitu pihak bank Islam bertindak membeli hak pelanggan terhadap hutang mereka. Bil-bil pertukaran belian (BEP-i) dibahagikan kepada dua kategori iaitu (Nota BIMB, 2011, Nota Bank Muamalat, 2011) :

- i. Bil Pertukaran Belian-i Tempatan ( DBEP-i ) – Ia dikeluarkan dalam Ringgit Malaysia (RM) dan dibeli oleh bank Islam (kontrak *bay' al-dayn*) bersandarkan bil keluar untuk pungutan (*outward bill of collection*) di bawah akaun terbuka atau bersandarkan Surat Kredit.
- ii. Bil Pertukaran Belian-i Asing (FBEP-i) – ia dikeluarkan dalam mata wang asing yang dibeli oleh bank Islam ( kontrak *bay' al-dayn*) bersandarkan bil keluar untuk pungutan di bawah akaun terbuka atau bersandarkan Surat Kredit.

Operasi Bil Pertukaran Belian-i Tempatan ( DBEP-i ) dan Bil Pertukaran Belian-Asing ( FBEP-i ) boleh diilustrasikan seperti rajah yang berikut :



Rajah 6.7

*Operasi Bil Pertukaran Belian-i (DBEP-i/ Asing (FBEP-i)*

Sumber : Nota Maybank Islamic Berhad, 2011

Huraian dan keterangan bagi rajah di atas adalah seperti berikut :

1. Pihak penjual yang berurus niaga dengan pembeli (pengimport) mengeksport barangannya kepada pembeli menggunakan perkhidmatan laut atau udara (contohnya transaksi bernilai RM100K).
2. Untuk memperolehi kredit segera, penjual (pengekspor) menjual hutangnya kepada pihak bank Islam dengan menyerahkan dokumen-dokumen transaksi berkaitan berdasarkan tatacara Surat Kredit .
3. Pihak bank Islam membeli hutang pelanggannya (pengekspor) pada harga diskaun berdasarkan kontrak *bay' al-dayn* dan mengeluarkan Bil Pertukaran Belian-i (DBEP-i) atau Bil Pertukaran Belian Asing-i (FBEP-i). Bank seterusnya mengkreditkan wang segera ke dalam akaun pelanggan (bank beli pada harga RM90K).

4. Bank penjual (*negotiating bank*) seterusnya menghantar dokumen-dokumen transaksi tersebut kepada bank pengimport (*issuing bank*) untuk tujuan menuntut bayaran daripada pembeli.
5. Bank pengimport menghubungi pihak pembeli dan menasihatinya untuk segera melakukan pembayaran.
6. Pembeli (pengimport) melakukan pembayaran melalui banknya (*issuing bank*).
7. Bank pembeli menghantar wang pembayaran pembeli kepada bank pengeksport (*negotiating bank*).

Pengeksport seterusnya menyelesaikan pembiayaan yang diperolehinya daripada bank (DBEP-i atau FBEP-i ) secara ansuran dengan bayaran invois penuh (RM100K). Pihak bank juga mempunyai hak untuk menjual hutang tersebut kepada pihak ketiga pada harga diskaun (Ismail, 1997).


#### **6.2.5 Pembiayaan Semula Kredit Eksport (ECR-i)**

Skim Pembiayaan Semula Kredit Eksport atau ECR adalah satu kemudahan pembiayaan jangka pendek bagi menggalakkan eksport barangan perkilangan dan pertanian yang layak dan mempunyai nilai tambah yang baik (Nota Maybank Islamic, 2011, Fauzias, 2002). Bank Negara Malaysia memperkenalkan skim ECR ini pada tahun 1977, namun diambil alih oleh EXIM Bank pada 1 Januari 1998. Skim ini dibiayai sepenuhnya oleh EXIM Bank melalui bank-bank komersial yang menawarkan kemudahan ini. Pihak EXIM Bank juga telah menyediakan garis panduan pelaksanaan bagi produk ECR dan ECR-I ([http://www.exim.com.my/download/ECR\\_GUIDELINE.pdf](http://www.exim.com.my/download/ECR_GUIDELINE.pdf) /24.06.2012).

Bank Muamalat Malaysia Berhad (2011) mendefinisikan ECR-i sebagai satu kemudahan yang disediakan oleh bank kepada para pengeksport (secara langsung atau tak langsung) untuk menyediakan barangan yang halal dan dibenarkan menurut syariat Islam serta menepati panduan-panduan dari EXIM Bank sebelum penghantaran. Barangan yang dimaksudkan merangkumi produk-produk perkilangan, pertanian dan beberapa komoditi asas yang halal dan dibenarkan syarak yang mempunyai kriteria nilai tambah (*value added*) dan menggunakan barang mentah tempatan. Kontrak yang diaplikasikan dalam produk ECR-i ini ialah *murabahah* dan *bay' al-dayn*.

Pembiayaan semula kredit eksport (ECR-i) dibahagikan kepada dua iaitu ECR-i prapenghantaran (*preshipment*) dan ECR-i pascapenghantar (*postshipment*). Penyelidik telah menghuraikan pembahagian ini secara terperinci dalam bab 4. Sebagai penambahan, dalam perbankan Islam kontrak-kontrak dalam sistem *muamalat* Islam digunakan sebagai akad yang menjadikannya menepati kehendak syariah (*syariah compliant*). Menurut Bank Islam Malaysia Berhad (2011) yang menawarkan produk ini, ECR-i pra penghantaran merupakan satu kemudahan pembiayaan yang berdasarkan kontrak *murabahah* yang diberikan kepada pengeksport untuk menyediakan barangan sebelum penghantaran dilakukan. Bank-bank Islam yang lain di Malaysia juga menggunakan *murabahah* dalam transaksi ECR-i pra penghantaran ini .

Operasi pembiayaan semula kredit eksport (ECR-i) pra penghantaran dapat diilustrasikan seperti rajah berikut :



Rajah 6.8

*Operasi Pembiayaan Semula Kredit Eksport (ECR-i) Pra Penghantaran*

Sumber : En Saharuddin b Jaafar, BIMB, 2011

Keterangan bagi rajah tentang pelaksanaan pembiayaan semula kredit eksport (ECR-i) pra-penghantaran ialah (Saharuddin, 2011)<sup>80</sup> :

1. Pelanggan membeli bahan mentah dari pembekal untuk menyediakan barangan atau aset yang dipesan oleh pengimport/pembeli.
2. Pelanggan memohon pembiayaan daripada bank Islam untuk menjelaskan pembayaran kepada pihak pembekal (membeli dari pembekal).


<sup>80</sup>Temu bual dengan En.Saharudin b Jaafar, Ketua Bahagian Perkhidmatan Dagangan, Bank Islam Malaysia Berhad di Menara Bank Islam, Jalan Perak pada 8.9.2011.

3. Bank Islam menggunakan dananya untuk menjelaskan pembayaran penuh kepada pembekal dengan membeli bahan-bahan mentah tersebut.
4. Bank Islam seterusnya menjual kepada pelanggan bahan-bahan mentah tersebut secara *murabahah* dengan keuntungan yang dipersetujui bersama.
5. Bank Islam seterusnya menjual dokumen hutang pelanggan kepada EXIM Bank berdasarkan kontrak *bay' al-dayn* untuk memperolehi dana daripada EXIM Bank.

Berdasarkan operasi pembiayaan semula kredit eksport (ECR-i) pra-penghantaran di atas didapati bahawa dua kontrak digunakan dalam transaksi tersebut iaitu *murabahah* di fasa pertama dan seterusnya *bay' al-dayn* di fasa yang kedua.

ECR-i pasca-penghantaran pula merupakan satu kemudahan pembiayaan yang berdasarkan kontrak *bay' al-dayn* yang disediakan kepada pengeksport terus yang mengeksport produk yang layak mengikut syarat tampak atau usans (input).

Operasi pembiayaan semula kredit eksport (ECR-i) pasca-penghantaran dapat diilustrasikan seperti rajah yang berikut :



Rajah 6.9

*Operasi Pembiayaan Semula Kredit Eksport (ECR-i) Pasca Penghantaran*

Sumber : En Saharuddin b Jaafar, BIMB, 2011

Keterangan bagi rajah tentang pelaksanaan pembiayaan semula kredit eksport (ECR-i) pasca-penghantaran ialah (Saharuddin, 2011)<sup>81</sup>:

1. Pelanggan mengeksport barangan yang dipesan kepada pengimport di luar negara.
2. Pelanggan membawa dokumen-dokumen berkaitan penjualan dan barangan kepada pihak bank Islam sebagai pembuktian hutang yang telah berlaku. Beliau seterusnya menjual dokumen-dokumen tersebut kepada pihak bank Islam berdasarkan kontrak *bay' al-dayn*. Disyaratkan juga transaksi itu berlaku pada urusan niaga barangan yang halal

---

<sup>81</sup>Temu bual dengan En.Saharudin b Jaafar, Ketua Bahagian Perkhidmatan Dagangan, Bank Islam Malaysia Berhad di Menara Bank Islam, Jalan Perak pada 8.9.2011

3. Bank Islam pula menjualkan dokumen-dokumen tersebut kepada EXIM bank secara *bay' al-dayn* untuk memperolehi tunai.

Berdasarkan operasi di atas, kontrak *bay' al-dayn* digunakan dua kali iaitu oleh pelanggan ketika menjualkan dokumen-dokumen kepada bank Islam dan seterusnya apabila bank Islam pula menjualkan dokumen-dokumen tersebut kepada EXIM bank. Tujuan penjualan dokumen kepada EXIM bank ialah untuk memperolehi dana yang akan digunakan oleh bank untuk menyelesaikan transaksi pembiayaan semula kredit eksport (ECR-i) pra-penghantaran (Saharuddin, 2011)<sup>82</sup>.

#### **6.2.6 Jaminan Perkapalan (*Shipping Guarantee/SG-i*)**

Jaminan Perkapalan adalah satu dokumen yang ditandatangani bersama oleh bank dan pengimport dan diberikan kepada syarikat perkapalan untuk mendapatkan barangan yang telah sampai ke pelabuhan. Dokumen ini akan memberi jaminan ganti rugi kepada syarikat perkapalan berkenaan akibat kerosakan atau kehilangan yang mungkin akan dihadapinya kerana membenarkan pelanggan menerima barangan tanpa terlebih dahulu menyerahkan bil muatan (*bill of lading*) (Rosli, 1998 , Pang, 1988). Ia merupakan gantian kepada dokumen perkapalan untuk membolehkan pengimport mendapatkan barangannya daripada syarikat perkapalan. Jaminan Perkapalan ini juga berfungsi sebagai satu nota janji untuk menyerahkan bil muatan apabila diterima oleh pengimport kelak (Abd Ghafar dan Surathman, 1993).

---


<sup>82</sup> Temu bual dengan En.Saharudin b Jaafar, Ketua Bahagian Perkhidmatan Dagangan, Bank Islam Malaysia Berhad di Menara Bank Islam, Jalan Perak pada 8.9.2011.

Jaminan Perkapalan diperlukan oleh pengimport apabila barangan yang dipesan sampai di pelabuhan sebelum dokumen perkapalan diterima olehnya atau banknya. Memandangkan kos dan perbelanjaan untuk menyimpan dan menstor barangan di pelabuhan adalah tinggi, pengimport akan meminta banknya mengeluarkan Jaminan Perkapalan ini bagi membolehkannya menerima barangan berkenaan tanpa menyerahkan dokumen yang diperlukan. Hal ini adalah kerana setiap penyerahan barangan oleh syarikat perkapalan mestilah melalui dokumen perkapalan yang tertentu termasuk bil muatan.

BIMB (2011), RHB Islamic (2011) dan bank-bank Islam yang lain di Malaysia menghuraikan maksud SG-i sebagai suatu kemudahan iaitu bank Islam melindungi dan menjamin syarikat perkapalan untuk pelepasan barangan kepada pembeli/pengimport tanpa perlu menyerahkan bil muatan asal (*bill of lading*). SG-i hanya dikeluarkan terhadap dokumen-dokumen yang dikeluarkan di bawah Surat Kredit (LC-i) atau kepada pelanggan-pelanggan yang telah disahkan SG-i untuk pemungutan dokumen (Nota Bank Muamalat Malaysia, 2011). Dalam sistem perbankan Islam, produk Jaminan Perkapalan (*shipping guarantee/ SG-i*) menggunakan kontrak *kafalah* atau *al-damanah*. Kontrak ini membawa maksud jaminan yang disediakan oleh satu pihak (bank) kepada pemilik barangan yang meletakkan atau mendepositkan barangan mereka dengan syarikat perkapalan. Apa-apa sahaja tuntutan yang dibuat oleh pemilik terhadap barangannya selepas itu mestilah dipenuhi oleh penjamin (bank).

SG-i bukan merupakan produk pembiayaan tetapi berbentuk jaminan sepenuhnya. Oleh itu, pihak bank akan mengenakan yuran atas perkhidmatan yang diberikan di bawah kontrak *ujrah*. Terdapat berbagai-bagai metode dan cara bank-bank Islam mengenakan caj perkhidmatan ke atas pengeluaran SG-i ini. Sebahagian bank-bank Islam mengenakan yuran berdasarkan kadar yang diletakkan oleh ABM (Association of Bankers Malaysia) manakala yang lainnya berdasarkan perbelanjaan pengurusan sebenar (*actual costs*) sahaja<sup>83</sup>.

Operasi jaminan perkapalan (SG-i) boleh diilustrasikan seperti rajah di bawah :



Rajah 6.10  
 Operasi Jaminan Perkapalan-i (SG-i)  
 Sumber : Johnson Pang (1988) dengan Pengubahsuaian

<sup>83</sup>Temu bual dengan En Ismail b Mahayuddin, Penasihat CIMB Islamic Bhd pada 5.7.2012 di Shah Alam

Huraian bagi rajah operasi jaminan perkapalan yang dilaksanakan dalam sistem perbankan Islam di Malaysia adalah seperti berikut:

1. Pembeli/ pengimport berhubung dengan bank Islam yang menawarkan SG-i dan memohon perkhidmatan tersebut. Beliau dikehendaki memenuhi beberapa syarat-syarat utama dan prosedur-prosedur berkaitan pengeluaran SG-i. Pihak bank Islam mengeluarkan surat jaminan perkapalan berasaskan kontrak *al-kafalah* atau *al-damanah* dan menyerahkan kepada pelanggannya yang merupakan pengimport.
2. Pembeli/pengimport mengemukakan surat jaminan bank (SG-i) tersebut kepada syarikat perkapalan dan mengambil barangan yang diimportnya tanpa perlu mengemukakan *bill of lading*.
3. Bank penjual/pengeksporth menghantar *bill of lading* beserta dokumen-dokumen lain yang berkaitan kepada bank pembeli/pengimport beberapa hari selepas itu.
4. Berdasarkan perjanjian dalam Surat Kredit, bank pengimport membuat pembayaran menggunakan dananya atau dana pengimport kepada bank pengeksporth.
5. Bank pengimport mengemukakan dokumen-dokumen kepada pengimport untuk tujuan pembayaran.
6. Pengimport mempunyai dua alternatif iaitu sekiranya ia mempunyai tunai yang mencukupi, maka pembayaran terus dibuat kepada bank (boleh menggunakan *wakalah*, bank sebagai ejen sahaja). Sekiranya tidak mempunyai tunai yang mencukupi, beliau memohon pembiayaan bank (menggunakan kontrak *murabahah*).
7. Pengimport memperolehi dokumen-dokumen dan menyerahkannya bersama bil muatan (*bill of lading*) yang telah disahkan kepada syarikat perkapalan dan beliau memperolehi semula surat jaminan perkapalan (SG-i).

8. Pengimport memulangkan semula surat jaminan perkapalan kepada banknya (bank pengimport) untuk tujuan pembatalan surat jaminan tersebut.

Dengan menggunakan kemudahan ini, pengimport boleh mengambil barangannya yang telah sampai (diimport) dengan segera tanpa perlu menunggu dokumen-dokumen dari bank atau pengeksport sampai kepadanya. Di samping itu, pengimport juga tidak perlu risau untuk menanggung bayaran lewat serta caj gudang yang tinggi dan beliau juga boleh terus menjual barangan itu tanpa berlaku penangguhan lagi. Keuntungan yang dikenakan oleh pihak bank terhadap perkhidmatan ini ialah sebanyak 0.125% setiap bulan memandangkan risiko tinggi yang terpaksa ditanggung oleh pihak bank<sup>84</sup>.

### **6.2.7 Jaminan Bank (*Bank Guarantee/ BG-i*)**

Jaminan Bank merupakan satu pengakuan bertulis bank kepada pihak ketiga atau benefisiari, untuk menjamin pembayaran balik pinjaman atau pelaksanaan sesuatu tanggungjawab oleh seseorang yang lain, khususnya pelanggan bank berkenaan (Hinkelman, 2002, Rosli, 1994). Tujuan utama Jaminan Bank adalah untuk memastikan pihak yang telah mendapat kontrak melaksanakan suatu tanggungjawab atau kewajipan, mampu untuk melaksanakannya. Sekiranya pihak ini gagal, benefisiari atau pihak ketiga berhak menuntut ganti rugi daripada bank yang memberikan jaminan ini.

Produk Jaminan Bank secara Islam (BG-i) juga ditawarkan oleh bank-bank Islam di Malaysia. Produk ini ditakrifkan sebagai satu tanggungjawab bertulis yang tidak boleh

---

<sup>84</sup> Temu bual dengan En. Azahari Awang Ahmad, Ketua Bahagian Pembiayaan Perdagangan, RHB Islamic Bank Berhad di Menara Yayasan Tun Razak, Jalan Bukit Bintang pada 21.2.2011.


ditarik balik, dikeluarkan oleh bank Islam yang telah bersetuju membayar sejumlah wang kepada pihak ketiga (*beneficiary of BG-i*) apabila pelanggan (pemohon BG-i) engkar dalam menunaikan tanggungjawabnya (default) kepada pihak ketiga (Nota BIMB, 2011, Nota RHB Islamic, 2011). Dalam perbankan Islam, kontrak *kafalah* atau *al-damanah* digunakan dalam produk BG-i ini. BG-i merupakan aku janji yang tidak boleh ditarik balik untuk menjamin prestasi atau kedudukan kewangan seseorang pelanggan. BG-i yang ditawarkan kepada pelanggan ini bukan merupakan instrumen pembiayaan. Oleh itu, pihak bank perlu benar-benar berpuas hati dengan kedudukan kewangan pelanggan sebelum mengesahkan atau menerima jaminan tersebut (Nik, 2003). Kebiasaannya pihak bank akan meminta sejumlah wang (deposit) daripada pelanggan dan diletakkan di bawah akaun *wadiah*. Pihak bank juga tidak sewenang-wenangnya mengeluarkan surat jaminan (BG-i) kepada semua pemohon, tetapi kebiasaannya pelanggan yang sudah mempunyai rekod perniagaan dengan pihak bank diberi keutamaan<sup>85</sup>.

Kesimpulannya, bank Islam akan bertindak sebagai penjamin sekiranya pelanggan engkar dalam menunaikan tanggungjawabnya untuk menghormati tuntutan pihak benefisiari. BG-i kebiasaannya dikeluarkan dalam tempoh yang tidak melebihi satu tahun. Bank akan mengenakan bayaran perkhidmatan atas surat jaminan yang dikeluarkan berdasarkan konsep *ujrah*.

---

<sup>85</sup>Temu bual dengan En. Azahari Awang Ahmad, Ketua Bahagian Pembiayaan Perdagangan, RHB Islamic Bank Berhad di Menara Yayasan Tun Razak, Jalan Bukit Bintang pada 21.2.2011, Temu bual dengan Pn Dayang Atikah bt Zakaria, Butterworth Trade Finance Centre, Maybank pada 14.3.2011.

Operasi perkhidmatan surat jaminan dan huraianya boleh diilustrasikan seperti rajah di bawah :



Rajah 6.11

*Operasi Surat Jaminan Bank (BG-i)*

Sumber : Johnson Pang (1988) dengan Pengubahsuaian

1. Pelanggan membeli barangan daripada penjual/benefisiari. Barangan tidak akan diserahkan kepada pelanggan/pembeli selagi bayaran tidak dibuat. Pelanggan atau pembeli juga berkemungkinan enggan membuat bayaran tunai kerana modal yang tidak mencukupi atau bimbang barangan tidak diserahkan selepas pembayaran dilakukan.
2. Pelanggan/ pembeli akan memohon kepada pihak bank Islam untuk mengeluarkan Surat Jaminan (BG-i) bagi pihak dirinya sebagai penjamin bahawa harga barangan akan dibayar oleh bank sekiranya pelanggan gagal menjelaskan pembayaran.
3. Bank membuat kontrak dengan pelanggan berdasarkan prinsip *al-kafalah* iaitu sebagai penjamin kepada pelanggan/ pembeli dan mengenakan bayaran perkhidmatan (ujrah) kerana mengeluarkan Surat Jaminan (BG-i) tersebut.

4. Bank mengeluarkan Surat Jaminan (BG-i) dan seterusnya diserahkan kepada pihak penjual/pengekspor.
5. Selepas Surat Jaminan bank (BG-i) dikeluarkan dan diserahkan kepada benefisiari , maka pihak benefisiari akan menyerahkan barangan yang dibeli kepada pelanggan/pembeli.

Kemudahan yang ditawarkan oleh bank-bank Islam adalah menyerupai Surat Jaminan bank yang ditawarkan oleh perbankan konvensional kecuali dua aspek iaitu<sup>86</sup> :

- i. Semua tuntutan yang dibayar oleh bank Islam kepada pihak benefisiari adalah diambil dari *Islamic Funding*. Oleh itu tidak timbul isu keraguan (*gharar*) berkaitan sumber atau dana wang tersebut.
- ii. Apabila tuntutan telah dibayar kepada benefisiari, bank akan menuntut daripada pelanggan (pemohon BG-i) sejumlah tuntutan yang merujuk kepada *Islamic Money Market Funding Rate* di samping beberapa perbelanjaan lain yang berbangkit.

---

<sup>86</sup> Temu bual dengan En. Azahari Awang Ahmad , Ketua Bahagian Pembiayaan Perdagangan, RHB Islamic Bank Berhad di Menara Yayasan Tun Razak, Jalan Bukit Bintang pada 21.2.2011.

### **6.3 Isu-isu Syariah dalam Pembiayaan Perdagangan Antarabangsa Islam**

Perbincangan berkaitan operasi produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam telah dibincangkan oleh penyelidik secara terperinci di dalam bab empat (konvensional) dan bab enam (Islam). Perbincangan seterusnya adalah berkaitan isu-isu syariah yang berlaku ketika operasi dan pelaksanaan produk-produk yang dibincangkan dalam kajian ini iaitu Surat Kredit-i, Resit Amanah-i, Bil-bil Pertukaran Belian-i, Bil-bil Penerimaan-i, Pembiayaan Semula Kredit Eksport-i, Jaminan Perkapalan-i dan Jaminan Bank-i. Penyelidik merangkumkan isu-isu tersebut kepada beberapa isu utama seperti riba, persoalan barangan, kontrak-kontrak yang digunakan, penggunaan mata wang asing, insuran, dokumentasi dan UCP. Isu-isu tersebut dianalisis berdasarkan pandangan fuqaha empat mazhab dan fuqaha kontemporari selain badan-badan yang mempunyai autoriti dalam kewangan Islam seperti AAOIFI, Majma' Fiqh OIC dan lain-lan.

#### **6.3.1 Isu Riba (*interest*)**

Aktiviti perdagangan antarabangsa yang berlaku dalam dunia hari ini terutamanya transaksi yang melibatkan Surat Kredit adalah berpandukan peruntukan peraturan-peraturan yang terkandung dalam *Uniform Custom and Practice for Documentary credits (UCP)*<sup>87</sup> yang dikeluarkan oleh Dewan Perniagaan Antarabangsa (*International Chamber of Commerce*). Walaupun UCP bukan merupakan suatu undang-undang, tetapi ia diaplikasikan dalam kebanyakan transaksi Surat Kredit kerana pihak-pihak yang

---

<sup>87</sup> Ia merupakan satu kompilasi amalan-amalan komersil yang diamalkan diperingkat antarabangsa dan pertama kali dikeluarkan pada tahun 1930 oleh Dewan Perniagaan Antarabangsa. Ia sentiasa dikemaskinikan setiap 10 tahun dan versi yang terkini ialah yang dikuatkuasakan pada satu 1 Julai 2007 yang dikenali sebagai UCP 600. Sebelum lahirnya UCP 600, UCP versi 500 telah digunakan. Kewujudan UCP 600 telah mengubah peruntukan tertentu yang selama ini terkandung dalam UCP 500, Rosmawani Che Hashim (2009).

menggunakan Surat Kredit biasanya akan mengaplikasikan UCP dalam kontrak mereka (Ahmad Shamsul, 2007). Setakat ini, UCP telah diiktiraf oleh lebih daripada 150 buah negara (Rosmawani, 2009).

Persoalan yang ditimbulkan ialah sama ada UCP 600 selari dan bersesuaian dengan pelaksanaan Surat Kredit secara Islam (*Islamic LC*). Pada hakikatnya kemunculan perbankan Islam tidak menghasilkan satu bentuk Surat Kredit secara Islam yang berbeza dengan yang sebelumnya. Oleh yang demikian, operasinya dikawal oleh UCP yang sama dengan perbankan konvensional yang masih mengekalkan produk-produk pengamal dan pakar-pakar dunia Barat (Lahsasna, 2007).

Menurut Ahmad Azam *et al.* (2009) dan En Azahari b Awang Ahmad<sup>88</sup>, Ketua Bahagian Pembiayaan Perdagangan, RHB Islamic, secara umumnya UCP 600 tidak mengandungi peruntukan-peruntukan yang berkaitan dengan riba melainkan artikel 13(b)(iii) yang menyebut :

*“ An issuing bank will be responsible for any loss of interest, together with any expenses incurred, if reimbursement is not provided on first demand by a reimbursing bank in accordance with the terms and conditions of the credit. ”*

Perkataan “*interest*” dalam klausa di atas merujuk kepada amaun denda (*penalty*) yang perlu dibayar oleh bank penerbit (*issuing bank*) kepada bank pembayar (*reimbursing bank*) dalam situasi kegagalan bank penerbit menyediakan pembayaran

---

<sup>88</sup>Temu bual pada 21.2.2011 di RHB Islamic Bank Berhad, Menara Yayasan Tun Razak, Jalan Bukit Bintang, KL.

dalam tempoh yang ditetapkan. Tempoh masa bank penerbit perlu membuat pembayaran kepada bank pembayar dinyatakan dalam bentuk bilangan hari-hari seperti 3 hari bekerja, 5 hari bekerja atau 7 hari bekerja. Sekiranya bank penerbit gagal membuat pembayaran dalam tempoh tersebut maka penalti dalam bentuk *interest* akan dikenakan.

Amaun denda yang dikenakan pula adalah berbeza antara satu negara dengan negara yang lain bergantung kepada nilai mata wang dan jumlah hari penangguhan yang berlaku. Ada bank yang mengenakan amaun denda sebanyak 5% , sebahagian yang lain sebanyak 7% dan ada sesetengah kes amaun yang dikenakan mencapai 9% (Ahmad Azam *et.al*, 2009). Oleh itu, artikel 13 (b) (iii) UCP 600 ini dianggap bertentangan dengan kontrak-kontrak *muamalat* Islam kerana mengandungi unsur-unsur riba yang diharamkan.

Dalam pelaksanaan *sight LC*<sup>89</sup>, bank penerbit akan membuat pembayaran secara terus kepada bank penjual dengan segera sejurus selepas menerima dokumen yang menepati syarat-syarat dan ciri-ciri yang telah dipersetujui (*compliant*) . Menurut Ahmad Azam *et al.* (2009), segera (*immediately*) dalam urus niaga antarabangsa bukan bermaksud proses pembayaran akan selesai dalam tempoh satu atau dua hari. Secara mudahnya ia berlaku kerana dua sebab iaitu pertamanya bank telah diberi masa dalam tempoh lima hari berkerja untuk meneliti dokumen-dokumen dan memastikan sama ada menepati syarat-syarat yang telah dipersetujui atau tidak (UCP600, artikel 14(b)). Kedua, sekiranya Surat Kredit terbabit dengan mata wang asing, ia akan melibatkan beberapa buah bank sebelum pembayaran sampai kepada penjual.

---

<sup>89</sup>Bermaksud surat kredit yang mana pembayaran akan segera dilakukan kepada pihak benefisiari apabila dokumen-dokumen yang diperlukan tepat dan menepati masa yang dipersetujui.

Peraturan dalam UCP 600 ini meletakkan beban kepada bank penerbit agar sentiasa memastikan masa yang sesuai untuk memberi respon kepada arahan pembayaran yang dikeluarkan oleh *claiming bank*. Sekiranya bank penerbit didapati tidak memberi respon terhadap arahan pembayaran yang dikeluarkan oleh *claiming bank* dalam masa yang ditetapkan (5 hari berkerja), *claiming bank* boleh mengenakan sejumlah faedah (interest) sebagai penalti atas kerugian yang ditanggung oleh mereka kerana penangguhan pembayaran yang berlaku. Menurut En. Azahari b Awang Ahmad, Ketua Bahagian Trade Finance, RHB Islamic dan Puan Dayang Atikah bt Zakaria, Maybank Trade Centre, Butterworth<sup>90</sup>, amalan yang dilakukan oleh bank-bank Islam di Malaysia untuk mengelakkan terlibat dengan isu riba ini ialah berusaha untuk membuat pembayaran dalam tempoh masa (5 hari berkerja) yang telah ditetapkan. Polisi ini bermaksud, sekiranya bank-bank Islam gagal mematuhi masa yang ditetapkan, maka penalti dalam bentuk *interest* ini turut dikenakan ke atas mereka.

Dalam sistem kewangan konvensional persoalan *default* (kegagalan untuk membayar dalam tempoh yang ditetapkan) ini ditangani melalui pengenaan faedah atau riba terhadap pelanggan. Berdasarkan prinsip syariah Islam pula, bank-bank dibenarkan untuk mengenakan caj tambahan kepada pelanggan dalam situasi-situasi yang dibenarkan seperti gagal mematuhi obligasi yang telah dipersetujui antara kedua-dua belah pihak. Caj tambahan atau penalti dikenali sebagai *ta'wid* (compensation) dan *gharamah* (penalty) dalam perbankan Islam. *Ta'wid* bermaksud ganti rugi yang dikenakan ke atas kerugian

---

<sup>90</sup>Temu bual dengan En. Azahari Awang Ahmad, Ketua Bahagian Pembiayaan Perdagangan, RHB Islamic Bank Berhad di Menara Yayasan Tun Razak, Jalan Bukit Bintang pada 21.2.2011, Temu bual dengan Pn Dayang Atikah bt Zakaria, Pegawai Perhubungan Bahagian Pembiayaan Perdagangan, Butterworth Trade Finance Centre, Maybank pada 14.3.2011.

sebenarnya yang dialami oleh pembiaya kesan kelewatan pembayaran pembiayaan oleh penerima biaya. *Gharamah* pula didefinisikan sebagai penalti atau denda yang dikenakan kerana kelewatan melunaskan hutang, tanpa perlu pembuktian kewujudan kerugian sebenar (al-Tabtabaie, 2006, al-Qardawi, 2009).

Majlis Penasihat Syariah (MPS) Bank Negara Malaysia dalam mesyuaratnya kali ke-4 bertarikh 14 Februari 1998, mesyuarat ke-95 bertarikh 28 Januari 2010 dan mesyuarat ke-101 bertarikh 20 Mei 2010 telah memutuskan bahawa caj pembayaran lewat oleh institusi kewangan Islam yang merangkumi kedua-dua konsep *gharamah* dan *ta'wid* adalah dibenarkan, tertakluk kepada perkara-perkara berikut (Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam, 2010):

- i. *Ta'wid* boleh dikenakan ke atas kelewatan pembayaran obligasi kewangan yang terhasil daripada akad-akad pertukaran (seperti jual-beli dan sewaan) dan *qard*;
- ii. *Ta'wid* hanya boleh dikenakan selepas tamat tempoh pelunasan hutang yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak yang berkontrak;
- iii. Institusi perbankan Islam boleh mengiktiraf *ta'wid* sebagai pendapatan atas dasar ia dikenakan sebagai ganti rugi atas kerugian sebenar yang dialami oleh institusi perbankan Islam; dan
- iv. *Gharamah* tidak boleh diambil kira sebagai pendapatan, sebaliknya perlu disalurkan kepada badan-badan kebajikan tertentu.

Kelewatan membuat pembayaran dalam pembiayaan dikira sebagai memudaratkan institusi kewangan Islam selaku pembiaya (*financier*). Hal ini adalah kerana institusi kewangan Islam akan mengalami kerugian sebenar seperti bayaran perbelanjaan untuk mengeluarkan notis dan surat, yuran guaman dan sebarang kos yang berkaitan. Namun begitu, kebenaran untuk mengenakan *ta'wid* adalah tertakluk kepada syarat-syarat tertentu yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia iaitu (BNM, 2007) :

- i. Amaun *ta'wid* tidak melebihi jumlah kerugian sebenar (actual loss) yang terpaksa ditanggung oleh pihak pembiaya (bank ).
- ii. Penentuan kadar ganti rugi dibuat oleh pihak ketiga iaitu Bank Negara Malaysia.
- iii. Keenggaran atau penangguhan obligasi pembayaran berpunca daripada kecuaiian pihak penerima biaya (pelanggan).

Ganti rugi (*compensation*) yang dikenakan oleh bank-bank Islam adalah terhasil daripada aktiviti jual beli dengan bayaran secara beransur-ansur pada waktu yang ditetapkan. Keharusan mengenakan *ta'wid* kepada pelanggan yang engkar ini adalah berdasarkan prinsip '*maslahah al-mursalah*' dan menolak kemudaratatan (إزالة الضرر) dari segi perbuatan dan material kepada pembiaya (al-Qardawi, 2009). Ulama-ulama kontemporari seperti Mustafa al-Zarqa', Muhammad Sadiq al-Darir, Abdullah b Mani', Majlis Penasihat Syariah Bank Islam Jordan dan fatwa Persidangan Dallah al-Barakah menyokong keharusan *ta'wid* ke atas pelanggan engkar bagi menyekat orang ramai dari mempermainkan bank-bank Islam dengan sengaja tidak membayar atau melewatkan bayaran walaupun ketika mempunyai wang (al-Daghi, 2007)

### 6.3.2 Isu Barangan (*Subject- Matter/al-Ma'qud Alaih*)

Antara syarat sah barangan yang diakadkan (*al-ma'qud alaih*) adalah ianya mestilah barangan yang diharuskan oleh syarak. Maksudnya barang itu merupakan sesuatu yang bernilai pada syarak dan pada tanggapan dua pihak yang berakad. Oleh itu, tidak harus berjual beli ke atas barangan yang tidak bernilai menurut pertimbangan syarak seperti bangkai, darah, daging babi, arak dan sebagainya (al-Jaziri, t.t). Prinsip ini adalah berdasarkan firman Allah s.w.t :



*“Dan makanlah dari rezeki yang telah diberikan Allah s.w.t kepada kamu iaitu yang halal lagi baik, dan bertaqwalah kepada Allah s.w.t yang kepadaNya sahaja kamu beriman”*

(Surah Al-Maidah, 5:88)

Selain itu, syariat juga menitikberatkan persoalan tujuan atau objektif sesuatu kontrak agar tidak bertentangan dengan *maqasid* syariah. Oleh itu, kontrak untuk membina rumah pelacuran atau pusat judi contohnya adalah tidak sah menurut syariat kerana menyalahi *maqasid* syariah iaitu memelihara maruah dan keturunan dan memelihara harta benda manusia dari dizalimi (Ayub, 2007).

Operasi Surat Kredit secara Islam (LC-i) yang dilaksanakan oleh perbankan Islam di Malaysia juga mensyaratkan barangan yang didagangkan mestilah menepati syarat-syarat halal yang telah ditetapkan. Semua pihak yang terlibat dalam operasi Surat Kredit seperti

bank, pengimport dan pengeksport hendaklah menyedari bahawa mereka hanya dibenarkan bertransaksi dengan barangan yang berstatus halal sahaja<sup>91</sup>. Syarat halal barangan ini sudah tentu tidak berkaitan dengan Surat Kredit konvensional kerana selagi barangan itu mempunyai nilai pasaran dan sah di sisi undang-undang maka ia dibenarkan untuk didagangkan.

Persoalan atau isu yang timbul berkaitan sesuatu barangan yang menggunakan Surat Kredit *wakalah* terutamanya ialah kaedah-kaedah untuk memastikan bahawa sesuatu barangan itu benar-benar halal sebelum Surat Kredit *wakalah* dikeluarkan. Terdapat perbezaan dari segi amalan antara negara-negara dalam menentukan status halal sesuatu barangan. Di sesetengah negara, bank-bank mensyaratkan sijil halal dari negara pengeksport untuk mengesahkan status halal sesuatu barangan. Di Malaysia, Bank Negara Malaysia telah menyenaraikan semua jenis barangan yang tidak dibenarkan untuk diurusniagakan di bawah pembiayaan secara Islam seperti “ arak, kuda lumba, daging khinzir, segar atau dibekukan, babi dan ham” (Bank Negara Guidelines on Accepted Bills-i (AB-i) 1991, Table A; Section 3, IBA 1983). Selain itu, semua produk dan panduan-panduan yang dikeluarkan oleh bank-bank Islam perlu mendapat kelulusan daripada jawatankuasa syariah bank-bank tersebut berpandukan garis panduan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Syariah Bank Negara Malaysia<sup>92</sup>.

Berdasarkan penelitian penyelidik terhadap bank-bank yang terlibat dengan kajian ini, mereka akan hanya melihat aspek zahir sahaja untuk meluluskan sesuatu pembiayaan.

---

<sup>91</sup>Temu bual dengan En Saharudin b Jaafar, Ketua Bahagian Perkhidmatan Dagangan, Bank Islam Malaysia Berhad di Menara Bank Islam, Jalan Perak pada 8.9.2011.

<sup>92</sup>Temu bual dengan Ahmad Suhaimi b Yahya, Regional Head Shariah, KFHM pada 25.3.2011 di KFHM, Jalan Pinang, KL

Status halal sesuatu barangan adalah berdasarkan senarai yang dikeluarkan oleh BNM dan dinyatakan oleh pelanggan dalam borang permohonan. Hal ini bermaksud persoalan *qasad* (tujuan) pembelian barangan adalah seperti yang dinyatakan oleh pelanggan sahaja. Namun begitu, bank-bank Islam akan menolak untuk membiayai barangan yang halal dari segi hukum dan undang-undang tetapi tujuan (*qasad*) pembeliannya bukan untuk kegunaan yang dibenarkan oleh syariat Islam<sup>93</sup>. Sebagai contoh, pembelian *generator* untuk kegunaan di kasino ataupun kelab-kelab malam. *Generator* yang merupakan *al-ma'qud alaih* bagi transaksi jual beli berstatus halal, namun objektif pembeliannya adalah dilarang selagi digunakan di kasino atau pub-pub yang jelas terdapat aktiviti-aktiviti yang haram di dalamnya dan menyalahi *maqasid* syariah iaitu menjaga akal fikiran manusia. Situasi ini (percampuran antara halal dan haram) diperjelaskan oleh kaedah fiqh berikut (Muhammad Bakr, 1996) :

### إذا اجتمع الحلال والحرام غلب الحرام

*“Apabila berlaku percampuran antara perkara yang halal dan haram, maka ia menjadi haram”.*

Sikap berhati-hati (*al-ihtiyat*) dalam urusan agama adalah wajib kerana syariat lebih banyak menitikberatkan kepada menjauhi perkara-perkara larangan daripada melakukan perkara-perkara yang diharuskan (Muhammad Bakr, 1996).

Walau bagaimanapun, sekiranya pihak bank mengetahui dari awal iaitu sebelum kontrak pembayaran (menggunakan Surat Kredit) dikeluarkan tentang tujuan atau *qasad* pembelian sesuatu barangan yang dibiayai adalah bersalahan dengan syariat maka pihak bank tidak akan meneruskan transaksi tersebut kerana aktiviti ini dengan jelas melibatkan

---

<sup>93</sup> Temu bual dengan En Azizi b Che Seman, Penasihat Syariah BMMB pada 2.6.2012 di APIUM, KL

pihak bank dalam aktiviti yang diharamkan. Sebaliknya, jika pihak bank tidak mengetahui langsung tentang tujuan pembelian sesuatu barangan, maka pihak bank dibenarkan untuk membiayai pelanggan tersebut<sup>94</sup>.

Dalam isu ini penyelidik berpendapat, pihak bank seharusnya meneliti dan menyelidiki latarbelakang perniagaan atau aktiviti yang dijalankan oleh pelanggan sebelum meluluskan pembiayaannya seperti jenis barangan yang biasa diimport oleh pelanggan. Sekiranya jelas pelanggan menjalankan urusan yang bertentangan dengan syariah, walaupun *al-ma'qud alaih* berstatus halal tetapi tujuannya untuk aktiviti dan perniagaan yang haram, maka pihak bank hendaklah menolak permohonan tersebut demi untuk menjaga kesucian dan kemurnian *maqasid* syariah. Hal ini juga selaras dengan keputusan Majlis Penasihat Syariah BNM pada mesyuarat ke-58 bertarikh 27 April 2006 yang telah memutuskan bahawa institusi kewangan Islam tidak dibenarkan untuk memberikan pembiayaan kepada syarikat-syarikat, badan-badan atau individu yang diketahui secara jelas terlibat dalam aktiviti yang bercanggah dengan syariah seperti perjudian, perusahaan minuman keras dan premis pelacuran (Resolusi Syariah Dalam Kewangan Islam, 2010).

Isu seumpama ini juga boleh dikiasikan kepada pengharaman fuqaha (mazhab Maliki dan Hanbali) terhadap pengharaman jualan anggur sekiranya tujuan pembeli untuk menjadikannya arak dan penjualan senjata kepada pihak musuh atau pemberontak sebagai satu langkah pencegahan (*sad al-zarai'*). Setiap perkara yang membawa kepada haram, hukumnya adalah haram walaupun perkara jahat atau dilarang itu baru bersifat

---

<sup>94</sup> Temu bual dengan En Ramadhan Fitri b Ellias, Vice President/ Head Syariah Management Maybank Islamic pada 14.4.2012

niat dan belum dilaksanakan lagi (Zaharuddin, 2009). Kenyataan ini adalah berdasarkan sabda Rasulullah s.a.w :

من حبس العناب ايام القطاف حتى يبيعه من يهودي أو  
نصراني أو ممن يتخذة خمرا فقد تفحم النار على بصيرة

*“Barangsiapa membiarkan anggurnya pada masa penuaian untuk menjualkannya kepada Yahudi atau Nasrani atau kepada orang yang menjadikannya sebagai minuman keras, maka sesungguhnya ia telah menempah bara api neraka dengan sengaja*

(al-San’ani, 2000, j.3, no.770)

Imam al-San’ani (2000) menghuraikan bahawa hadis di atas adalah dalil yang menunjukkan haramnya jual anggur untuk menghasilkan arak berdasarkan amaran neraka bagi orang yang sengaja berbuat demikian.

### **6.3.3 Isu-isu yang Berbangkit daripada Kontrak-kontrak yang Digunakan**

Berdasarkan penelitian penyelidik, produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam yang ditawarkan oleh institusi perbankan Islam di Malaysia menggunakan kontrak-kontrak seperti *murabahah*, *wakalah*, *musyarakah*, *kafalah*, *bay’ al-dayn*, *mudarabah*, *tawarruq* dan *BBA* dalam transaksi perdagangannya.

Setiap kontrak mempunyai isu-isu yang tersendiri yang masih menjadi perbincangan di kalangan pakar-pakar dan cendekiawan dalam bidang perbankan dan kewangan Islam. Penyelidik menganalisis isu-isu yang berbangkit daripada kontrak-kontrak yang berkaitan dengan produk-produk yang menjadi fokus kajian sahaja iaitu *murabahah*, *wakalah*, *kafalah* dan *bay’ al-dayn* dengan mengutarakan pandangan para fuqaha Islam dan semasa serta pentarjihan terhadap setiap isu yang ditimbulkan. Perbincangan juga hanya

merangkumi lima buah bank Islam seperti yang telah dinyatakan di atas. Perbahasan berkaitan perundangan setiap kontrak telah dihuraikan secara terperinci di dalam bab lima.

### **6.3.3.1 Murabahah**

*Murabahah* adalah satu transaksi dengan pihak penjual menyatakan kepada pembeli harga kos barangan itu dan menjualkannya dengan dicampurkan jumlah keuntungan yang akan diperolehinya sama ada dalam bentuk keseluruhan (*lump sum*) ataupun dalam bentuk peratusan tertentu. Dalam konteks sistem kewangan Islam kontemporari, konsep *murabahah* telah diaplikasikan dalam pelbagai bentuk dan jenis yang lahir daripada inovasi ahli perbankan dan dipandu oleh para ulama syariah.

Konsep *murabahah* dalam institusi perbankan Islam semasa dikenali sebagai *bay' al-murabahah lil-amir bi al-syira*<sup>95</sup> (*murabahah to the purchase orderer*) atau dikenali juga sebagai *murabahah murakkabah*. Konsep ini ditakrifkan sebagai satu bentuk permintaan dari satu pihak (pelanggan) kepada satu pihak yang lain (biasanya bank) untuk membeli suatu aset yang diinginkan pelanggan (dinyatakan sifat-sifatnya) dengan cara pihak pelanggan berjanji akan membelinya daripada pembeli awal (bank) secara jualan *murabahah* yang dipersetujui kadar keuntungan oleh kedua-dua pihak dan bayarannya adalah secara sekaligus atau beransur-ansur bergantung kepada kemampuan kewangan pihak pelanggan (Syubair, 2001).

---

<sup>95</sup> Istilah ini diperkenalkan oleh Dr Sami Hassan Humud (1976).

Kontrak *murabahah* banyak digunakan oleh bank-bank Islam di Malaysia dalam produk-produk berbentuk pembiayaan antara pihak-pihak, perbendaharaan bank (*treasury*) melalui komoditi *murabahah*, penerbitan sukuk *murabahah* dan pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam. Rajah di bawah menunjukkan aplikasi kontrak *murabahah* dalam produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam di lima buah bank-bank Islam yang menjadi fokus kajian penyelidikan.

Jadual 6.6

*Penggunaan Kontrak Murabahah dalam Produk-produk Pembiayaan Perdagangan Antarabangsa Islam*

| <b>Nama bank</b>        | <b>Penggunaan kontrak <i>murabahah</i></b> | <b>Produk-produk</b>  |
|-------------------------|--|---|
| Bank Islam Malaysia Bhd | Ya   | Surat Kredit-i, pembiayaan modal kerja dagangan-i, bil penerimaan-i, pembiayaan semula kredit eksport-i   |
| Bank Muamalat M Bhd     | Ya   | Pembiayaan modal kerja <i>murabahah</i> -i, Surat Kredit-i, bil penerimaan-i, bil kutipan dalaman domestik-i  |
| RHB Islamic             | Ya   | Bil penerimaan secara Islam-i, Resit amanah secara Islam-i  |
| KFH Malaysia Bhd        | Ya   | Surat Kredit-i, pembiayaan modal kerja-i  |
| Maybank Islamic         | Ya   | Surat Kredit-i, resit amanah-i, bil penerimaan-i, pembiayaan semula kredit eksport-i, <i>on-shore currency financing-i</i> , <i>Islamic profit rate SWAP</i> , <i>Islamic cross currency SWAP</i> |

Berdasarkan rajah di atas, didapati kesemua lima buah bank-bank terbabit menggunakan kontrak *murabahah* dalam urusan pembiayaan perdagangan Islam (ITF). Maybank Islamic Berhad yang menawarkan produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa

Islam sebanyak 14 produk didapati paling banyak mengaplikasikan kontrak *murabahah* dalam produk-produk tersebut.

Penyelidik akan membincangkan isu-isu syariah yang timbul yang berteraskan kontrak *murabahah lil amir bi al-syira'* yang diamalkan oleh bank-bank Islam di Malaysia khususnya dalam produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam. Isu-isu tersebut adalah berdasarkan sorotan literatur, penelitian dan temu bual penyelidik dengan pihak-pihak yang berkaitan di bank-bank Islam yang terlibat.

#### **i. Isu *al-Muwa'adah* (المواعدة)**

*Al-muwa'adah* bermaksud pihak bank dan pelanggan berjanji untuk berjual beli atas *wazan mufa'alah* iaitu saling melakukan antara satu sama lain. Sekiranya janji tersebut dikeluarkan oleh salah seorang sahaja tanpa pihak yang lain maka ia dinamakan sebagai *al'idah* (العدة) (al-Hattab, 1992). Tidak ada larangan fuqaha untuk melakukan *muwa'adah* sekiranya ia tidak berbentuk mengikat (*mulzim*). Namun begitu, sekiranya *muwa'adah* tersebut berbentuk mengikat (*mulzim*), para fuqaha berselisih pendapat tentangnya (Aznan, 2008)

Isu ini timbul apabila terdapat beberapa buah bank Islam turut berjanji akan menjualkannya kepada pelanggan semasa janji dibuat (Mohammad Ayub, 2007, Zaharuddin, 2009), sedangkan yang sepatutnya pihak pelanggan yang hanya berjanji untuk membeli (*al-wa'ad bi al-syira'*). Hasil temu bual penyelidik dengan beberapa penasihat syariah bank-bank Islam yang terlibat dalam kajian ini dan pakar-pakar

akademik dalam kewangan Islam<sup>96</sup>, mereka menjelaskan bahawa hanya penasihat syariah yang peka mengarahkan agar hanya pihak pelanggan yang berjanji, manakala pihak bank hanya menerima janji pelanggan tanpa membuat perjanjian akan menjual barangan tersebut kepada pelanggan untuk mengelakkan timbulnya isu hukum yang boleh merosakkan jual beli *murabahah lil amir bi al-syira*'.

Terdapat beberapa resolusi yang telah dikeluarkan berkaitan isu *al- muwa'adah* ini. Resolusi pertama yang dikeluarkan oleh Majma' al-Fiqh al-Islami tidak membenarkan pengamalan *al- muwa'adah* jika sekiranya ia bersifat mengikat. Resolusi tersebut menyatakan (Resolusi Majma' al-Fiqh al-Islami, no 5, tahun 1998):

*“Al- muwa'adah adalah dibenarkan di dalam murabahah dengan syarat dibenarkan khiyar kepada kedua pihak yang memberikan muwa'adah. Khiyar ini adalah diberikan kepada keduanya atau salah seorang. Jika sekiranya kedua-duanya tidak mempunyai hak khiyar, maka muwa'adah tersebut adalah tidak dibenarkan. Ini adalah kerana pemberian muwa'adah tanpa khiyar dalam murabahah adalah menyerupai kontrak jual beli, di mana adalah disyaratkan penjual memiliki barangan yang hendak dijual, bagi mengelakkan larangan Rasulullah s.a.w yang melarang seseorang menjual sesuatu yang tidak dipunyainya”.*

Abu Sattar (2006) ketika mengulas resolusi ini menyatakan bahawa *muwa'adah* yang mengikat bukanlah sesuatu yang dilarang dalam syarak, tetapi pengharaman seperti teks resolusi di atas adalah dikhususkan kepada transaksi *murabahah* sahaja. Secara umumnya, sebab untuk tidak membenarkan penggunaan *muwa'adah* yang mengikat ialah

---

<sup>96</sup> Temu bual dengan Dr Akram Laldin, Pengarah Eksekutif ISRA, pada 21.7.2011, Temu bual dengan Prof Dr Joni Tamkin b Borhan, Ketua Jabatan Shariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, UM pada 22.7.2011.

kerana ia menyamai kontrak (akad). Oleh sebab itu, berdasarkan resolusi ini, apabila dua pihak menggunakan *al-muwa'adah* yang mengikat, pada hakikatnya mereka telah melakukan satu kontrak.

*Majma' al-Fiqh al-Islami* seterusnya menjalankan kajian lanjutan ke atas isu tersebut dan dalam persidangan ke 17 di Jordan pada 24-28 Jun 2006 telah mengeluarkan resolusi berkaitan *al-muwa'adah* dan *al-muwata'ah* dalam akad. Resolusi tersebut menyatakan:

- i. Hukum asal bagi *muwa'adah* adalah mengikat dari sudut agama (*diyanatan*) bukannya dari sudut perundangan (*qada'an*)
- ii. Janji dari dua pihak (*muwa'adah*) pada akad sebagai satu helah kepada riba seperti persepakatan dalam kontrak *bay' al-'inah* atau dalam jual beli dan hutang adalah ditegah menurut syarak
- iii. Bagi situasi yang tidak mengizinkan jual beli dimeterai disebabkan barang jualan tidak wujud dalam pemilikan penjual dan pada waktu yang sama wujudnya keperluan umum untuk mengikat kedua-dua pihak untuk memeterai akad pada masa hadapan berasaskan undang-undang atau amalan perdagangan antarabangsa seperti dalam *documentary credit* untuk mengimport barangan, maka diharuskan *muwa'adah* yang mengikat kedua-dua pihak sama ada dengan peruntukan undang-undang oleh kerajaan ataupun melalui persetujuan kedua-dua pihak dalam perjanjian yang menyatakan tentang *muwa'adah* yang mengikat.

- iv. *Muwa'adah* yang mengikat dalam perkara (iii) di atas tidak termasuk dalam jual beli hadapan, apabila barangan jualan tidak berpindah pemilikannya kepada pembeli dan harga barangan tidak dianggap sebagai hutang dan jual beli tidak dimeterai melainkan pada tarikh yang dipersetujui berdasarkan ijab dan qabul.
- v. Sekiranya salah satu pihak yang berjanji memungkir janjiya seperti dalam perkara (iii), ia boleh diarahkan untuk menunaikan janjinya berdasarkan perundangan atau diminta membayar ganti rugi terhadap kemudaratan atau kerugian sebenar yang ditanggung oleh pihak yang dijanji disebabkan kemungkiran tersebut tanpa diambil kira peluang yang melepas (*opportunity loss*).

Oleh itu, penyelidik berpendapat amat jelas daripada teks resolusi ini kecenderungan untuk membenarkan penggunaan *muwa'adah* adalah ketika situasi *hajjah* (situasi-situasi tertentu) berlaku, terutamanya apabila sesuatu kontrak tidak akan terlaksana dengan sempurna melainkan dengan penggunaan *muwa'adah*. Namun begitu, amat perlu ditegaskan bahawa *muwa'adah* bukanlah satu kontrak jual beli, tetapi hanyalah janji (*wa'ad*) untuk membeli sahaja. Oleh itu, penggunaan *muwa'adah* dalam Surat Kredit sebagai medium pembayaran dalam perdagangan antarabangsa terutamanya seperti resolusi di atas adalah dibenarkan kerana hanya berkisar kepada obligasi untuk berkontrak dan bukannya memeterai kontrak jual beli seperti janji pengimport untuk menjelaskan pembayaran selepas pengeksport menghantar barangan yang dibeli. Dalam situasi perdagangan antarabangsa, penjual dan pembeli berada di dua buah negara yang

berbeza yang memerlukan sesuatu janji untuk mengikat mereka agar tidak ada pihak yang dianiayai.

Janji daripada pihak pelanggan kepada bank dengan lafaz seperti “ *Saya berjanji untuk membeli aset/ barangan yang menepati spesifikasi yang telah dipersetujui setelah ia berada dalam pemilikan pihak bank*” (Zaharuddin, 2009), dikira sebagai janji dari sebelah pihak iaitu pelanggan sahaja. Perkara ini telah dihukumkan harus oleh ilmunan syariah semasa seperti Majlis Syariah Dallah al-Barakah dan Majlis Syariah AAOIFI ( h.109). Resolusi Majlis Syariah Dallah al- Barakah (h.67) menyatakan:

"يجوز أن يقوم الواعد بالشراء بتحديد المواصفات السلعة التي  
يرغب في شرائها مرابحة لأنه هو الذي سيشتري بالمرابحة لاحقاً"

“*Harus hukumnya satu pihak berjanji untuk membeli dengan cara memberikan perincian barangan yang ingin dibelinya secara murabahah, kerana selepas ini sememangnya dia akan membelinya (dari bank) secara murabahah*”

Walaupun, sekali lagi ditegaskan bahawa penggunaan *muwa'adah* yang bersifat mengikat ini tidak membawa kepada termeterainya akad. Akad jual beli hanya akan terlaksana apabila pihak bank memperolehi hak memiliki barangan dan selepas berlakunya proses ijab dan qabul.

## ii. Isu Pemilikan Barangan (qabd/الذقة بضع)

Rasulullah s.a.w bersabda dalam satu hadis:

لا تبع ما ليس عندك

*“Jangan sesekali kamu menjual sesuatu yang bukan berada di sisimu (hakmu)”*

(Al-Baihaqi, 2003, j5, no.82)

Dalam satu hadis yang lain Rasulullah s.a.w pernah menyatakan:

من ابتاع طعاما فلا يبعه حتى يقبضه

*“Barangsiapa menjual makanan, maka janganlah menjualkannya sebelum ia memilikinya”*

(Bukhari, 1422H, j3, no 2133)

Walaupun hadis di atas merujuk kepada makanan sebagai objek jualan, tetapi ianya juga merangkumi objek-objek jualan yang lain berdasarkan keterangan-keterangan yang berikut :

- i. Ibn Abbas yang meriwayatkan hadis tersebut menafsirkan dengan kata-katanya (Za'tary, 2010):

وأحسب كل شيء بمنزلة الطعام

*“Dan aku menganggap semua perkara adalah sama seperti makanan”*

Berdasarkan kaedah periwayatan hadis yang masyhur, perawi dikira lebih arif tentang hadis yang diriwayatkannya.

ii. Item-item selain makanan diqiyaskan dengan makanan dalam hukum tersebut kerana terdapat sebab (*illah*) yang sama iaitu penjualan sebelum terlaksana *qabd* (al-Khattabi, 1351H).

iii. Sebab (*illah*) larangan juga boleh dikaitkan dengan larangan mengambil keuntungan daripada jual beli sesuatu yang tidak berada dalam *damannya* (al-Khattabi, 1351H).

Akad jual beli termasuk dalam akad yang membawa kepada perpindahan hak milik daripada penjual kepada pembeli berkuatkuasa selepas berlakunya akad (al-Sanhuri, 1954). Menurut mazhab Maliki, perpindahan hak milik berlaku apabila pembeli memiliki hak untuk mendapat dan menggunakan barangan walaupun sebelum berlaku *qabd* sama ada barangan itu bersifat '*aqar* (tak boleh dipindahkan seperti tanah atau rumah ) atau *manqul* (boleh dipindahkan seperti haiwan, kenderaan), berbeza dengan mazhab Syafii dan Hanbali yang mensyaratkan *qabd* terlebih dahulu sebelum pembeli boleh menggunakan barangan yang dibeli (al-Sanhuri, 1954).

*Qabd* menurut fuqaha bermaksud penguasaan dan pemilikan terhadap sesuatu perkara yang kebiasaannya merujuk kepada sesuatu *uqud mu'awadat* (akad pertukaran). Ia boleh dilakukan secara zahir seperti pengambilan barangan selepas jual beli atau secara tidak zahir seperti pengiktirafan bahawa akibat sesuatu tindakan tertentu, menunjukkan *qabd* telah berlaku. Kebiasaannya, *qabd* bergantung kepada tanggapan uruf atau pemakaian kebiasaan masyarakat setempat tentang kaedah-kaedah sesuatu penguasaan dan pemilikan telah sempurna berlaku (Hammad, 1993). Fuqaha juga menggunakan beberapa istilah lain yang membawa pengertian yang sama dengan *qabd* seperti *naqd*, *munajazah*,

*hiyazah, yadd, yadd bi yadd, ha' wa ha', qada' wa iqtida'* (Majallah Majma' al-Fiqh, bil 6, j.1).

Jual beli yang menggunakan kontrak *murabahah* berkehendakkan penjual (pihak bank) untuk membeli barangan terlebih dahulu, memilikinya secara sah dan menjualkannya kepada pelanggan dengan tambahan untung yang dipersetujui antara kedua-duanya. Produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam yang menggunakan kontrak *murabahah* dalam transaksinya ialah Surat Kredit-i, Bil Penerimaan-i, Pembiayaan Semula Kredit Eksport-i dan Resit Amanah-i. Persoalan yang timbul ialah pihak bank Islam perlu memiliki sesuatu barangan secara sah sebelum menjualkannya kepada pelanggan. Sekiranya pemilikan yang sah tidak berlaku, maka kontrak jual beli secara *murabahah* antara bank dan pelanggan dikira tidak sah berdasarkan nas hadis Rasulullah s.a.w yang dinyatakan di atas kerana penjual belum memiliki barangan tersebut secara sah.

Pemilikan penuh/sah (*al-qabd al-haqiqi/legal ownership*) bermaksud pemilikan secara perundangan yang melibatkan pertukaran nama secara rasmi di atas geran hak milik. Bagaimanakah bank-bank Islam berhadapan dengan isu pemilikan sah ini dalam transaksi mereka. Fuqaha semasa mencadangkan penggunaan *al- qabd al-hukmi* atau *beneficial ownership* yang dianggap boleh mengambil peranan *al- qabd al-haqiqi* walaupun ia dari segi realiti dan hakikatnya tidak sama. Kesulitan dan kemudaratan yang timbul membawa kepada harusnya penggunaan *beneficial ownership* dalam transaksi *murabahah* khususnya, yang berfungsi dan berstatus seumpama hukum *legal ownership* (Hammad, 2001).

*Al- qabd al-hukmi* (القبض الحكمي) didefinisikan seperti berikut (al-Zuhaily, 2009) :

هو كل ما تتحقق به الحيازة والتمكن من التصرف بحسب  
العرف السائد من غير تناول باليد أو قبض حسي

“Setiap perkara yang membawa kepada pemilikan barangan dan membenarkan penggunaannya yang berdasarkan uruf setempat tanpa perlu memegangnya (asset) di tangan atau memegang secara fizikal (legal ownership)”

Menurut Hammad (2001), walaupun *al- qabd al-hukmi* ini tidak dibahaskan oleh fuqaha silam dalam penulisan mereka, namun konsep ini diterima dan dikenali berdasarkan bentuk-bentuk dan gambaran yang dinukilkan oleh mereka. Majma’ al-Fiqh al-Islami dalam resolusinya bernombor 53 (4/6), mengharuskan beberapa transaksi untuk menggunakan *beneficial ownership*. Kumpulan penyelidik Instrumen Islam (KPII) dalam mesyuarat kelapan pada 25 Januari 1996 juga memutuskan bahawa urf setempat menjadi asas dan garis panduan untuk menentukan status *qabd* dalam sesuatu urusan niaga. Oleh itu mereka berpendapat apa-apa sahaja yang diterima pakai oleh *urf* sebagai *qabd* dapat dijadikan garis panduan untuk urusan niaga dalam kewangan Islam di Malaysia.

Walaupun kebanyakan fuqaha mengharuskan penggunaan *beneficial ownership* ini, namun terdapat juga ulama semasa yang mengkritik kaedah ini seperti Hussin Hamid Hassan yang menganggap hak milik sebegini bukanlah hak milik sebenar (Zaharuddin, 2009). Engku Rabiah (2008) berpendapat sekiranya dibuat ujian pemilikan dan penguasaan penuh (*haq milkiyyah*) ke atas produk-produk perbankan Islam semasa seperti pembiayaan yang berteraskan *murabahah* dan pelbagai jenis sukuk, didapati

masih tidak jelas status pemilikan yang dimiliki oleh pihak bank kerana mereka masih belum boleh bertransaksi dan menguasai secara bebas aset tersebut walaupun mereka sudah memperolehi status *qabd hukmi*.

Dalam amalan perbankan Islam semasa di Malaysia, bank-bank Islam akan mendapatkan status *qabd hukmi* terlebih dahulu sebelum menjualkannya kepada pelanggan dalam jual beli yang menggunakan kontrak *murabahah*<sup>97</sup>. Oleh itu, persoalan menjual barangan sebelum menjadi hak milik tidak timbul melainkan isu perlaksanaan adakah bank-bank Islam benar-benar mendapatkan status tersebut.

Walaupun isu *qabd hukmi* ini masih menimbulkan persoalan di kalangan fuqaha semasa iaitu sama ada ia boleh dianggap seumpama pemilikan sebenar atau tidak, penyelidik berpandangan ia sudah memadai buat masa ini untuk memenuhi status *qabd hakiki*. Ini memandangkan beberapa halangan dan kekangan sama ada dari segi perundangan negara atau faktor-faktor lain yang menghalang penjual perlu memperolehi status *qabd hakiki* (pemilikan sebenar) terlebih dahulu sebelum menjualkannya kepada pembeli dalam jual beli *murabahah* khususnya dan juga jual beli yang lain . Selain itu, uruf setempat juga perlu diberi perhatian dalam menentukan status *qabd* sesuatu barangan. Sebagai contoh uruf setempat menerima sebagai *qabd* apabila penjual menyerahkan barangan jualan kepada seseorang yang diarahkan oleh pembeli untuk menerima sebagai wakil bagi pihaknya (pembeli). Contoh yang lain ialah apabila seorang penjual membuka kunci

---

<sup>97</sup>Temu bual dengan Ahmad Suhaimi b Yahya, Regional Head Shariah, KFHM pada 25/3/2011 di KFHM, Jalan Pinang , KL , Temu bual dengan En Mohd Ramadhan Fitri b Ellias, Vice President/ Head Syariah Management ,Maybank Islamic pada 5.12.2011, Temu bual dengan Mohd Hafiz b Yusof, Eksekutif Senior, Penasihat Shariah, RHB Islamic Bank Berhad, KL

gudang berasnya, ia membawa maksud penjual tersebut menyerahkan beras yang dijual didalamnya. Ibn Taimiyyah (2005) menjelaskan isu ini dengan menyatakan :

"وما لم يكن له حد في اللغة ولا في الشرع فالمرجع فيه إلى عرف  
الناس كالتبضع المذكور في قوله صلى الله عليه وسلم : من ابتاع  
طعاما فلا يبعه حتى يقبضه"

*“Setiap perkara yang tidak mempunyai had sempadan sama ada dari segi bahasa ataupun syarak, maka ia hendaklah dirujuk kepada ‘uruf (kebiasaan) manusia seperti persoalan qabdh yang disebut dalam hadis Nabi saw : Barang siapa yang menjual makanan, hendaklah ia menjualkannya setelah ia memilikinya”*

Uruf merujuk kepada kebiasaan yang diamalkan oleh sebahagian besar sesuatu masyarakat sama ada dalam bentuk percakapan atau perbuatan (al-Zarqa’, 1968). Uruf merupakan ‘adat jama’iyyah (amalan kebiasaan yang diterima secara kolektif) dan boleh diterima pakai sebagai asas hukum selagi ia tidak bercanggah dengan syarak (al-Zuhaily, 1986). Oleh itu, dalam persoalan menentukan *qabd* ini, *uruf tijari* iaitu perkara yang menjadi amalan kebiasaan dalam perniagaan dan perdagangan boleh menjadi panduan asas dan hukum dalam menentukan status *qabd* sesuatu barangan.

### **iii. Isu Kadar Keuntungan (rate) yang Berubah-ubah dalam Produk Bil Penerimaan-i (AB-i) Pembelian Murabahah**

Bil penerimaan (AB-i) pembelian ialah produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam yang digunakan secara meluas sebagai medium pembiayaan. Dalam perbankan Islam di Malaysia, AB-i pembelian membolehkan pelanggan memperoleh pembiayaan daripada pihak bank untuk membeli barangan dagangan yang meliputi bahan mentah, barangan separuh siap dan barangan akhir. AB-i menggunakan kontrak *murabahah* iaitu

harga kos dicampurkan dengan margin keuntungan yang dipersetujui kedua-dua belah pihak. Hal ini bermaksud pihak bank perlu memaklumkan kepada pelanggan kadar keuntungan yang diambil oleh pihak bank dalam sesuatu transaksi yang berlaku.

*Murabahah* termasuk dalam jual beli amanah (*buyu' al-amanah*) kerana transaksinya terbina atas dasar amanah dan amat berkehendakkan kepada kejujuran dan menjauhi segala bentuk keraguan dan kesamaran (Al-Marghinani, t.t). Mengetahui kadar keuntungan oleh kedua-dua pihak yang berkontrak amat penting dalam transaksi *murabahah* kerana ia adalah sebahagian daripada harga aset. Antara syarat sah jual beli adalah mengetahui harga barangan yang hendak dibeli. Sekiranya pihak bank gagal memaklumkan pelanggan kadar keuntungan tersebut, maka cacatlah urusan niaga *murabahah* yang telah dimeterai oleh kedua-dua belah pihak (Za'tary, 2010).

AB-i pembelian yang ditawarkan oleh kebanyakan bank Islam di Malaysia dipantau oleh Bank Negara Malaysia. Kadar keuntungan yang dikenakan ke atas pelanggan adalah berdasarkan Kadar Dasar Semalaman atau OPR (*overnight policy rate*) iaitu penanda aras utama kadar faedah dalam negara yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia. Kadar ini digunakan oleh perbankan komersil sebagai *cost of fund* atau kos asas pemberian pembiayaan (bagi perbankan Islam), atau kos asas pemberian pinjaman (Zaharuddin, 2009). Dalam pengertian yang mudah, ia adalah kos modal asal bagi bank. Isu syariah yang berlaku ialah pihak bank tidak memaklumkan kepada pelanggannya kadar keuntungan yang diambil sedangkan antara syarat utama jual beli secara *murabahah* ialah kadar keuntungan hendaklah dipersetujui kedua-dua belah pihak. Alasan mengapa pihak bank tidak berbuat demikian ialah kerana faktor kekangan masa dan kesukaran untuk

menghubungi pelanggan<sup>98</sup>. Persoalan yang timbul di sini adakah situasi yang berlaku boleh merosakkan kontrak *murabahah* yang telah dimeterai.

Berdasarkan temubual penyelidik dengan Ketua Bahagian Pengurusan Syariah<sup>99</sup> Maybank Islamic, beliau menjelaskan bahawa situasi tersebut tidak merosakkan kontrak *murabahah*. Menurut beliau, ketika proses akad dijalankan, kebanyakan bank-bank Islam di Malaysia dan pelanggan bersetuju bahawa penentuan harga jualan adalah dikira berdasarkan kadar siling (*contracted ceiling rate*) yang ditetapkan lebih tinggi daripada kadar keuntungan semasa. Beza antara harga akad kadar siling dan *effective profit rate* (harga sebenar yang dikenakan kepada pelanggan) adalah berdasarkan BFR (Base Financing Rate) yang ditentukan berdasarkan OPR yang ditentukan pula oleh Bank Negara Malaysia.

Perbezaan yang wujud antara kadar siling yang telah diakadkan dan *effective profit rate* dikira sebagai *ibra'* (*rebate*) daripada pihak bank. Sebagai contoh, kadar siling 12%, manakala *effective profit rate* pula 10% , maka perbezaan 2% itu dianggap sebagai *ibra'*<sup>100</sup> daripada pihak bank Islam. Namun begitu sekiranya kadar BFR melebihi 12% harga siling yang dipersetujui, maka pihak bank terpaksa menerima dan menanggungnya atas dasar amanah dan tanggungjawab<sup>101</sup>.

---

<sup>98</sup>Temu bual dengan Pn Nordalina Mohd Tormoti, Head of Section, Business Development, Trade Finance Department, Bank Muamalat Malaysia Berhad, KL, pada 14.10.2011.

<sup>99</sup>Temu bual dengan En Ramadhan Fitri b Ellias, Vice President/ Head Syariah Management, Maybank Islamic pada 5.12.2011, Bangsar, KL.

<sup>100</sup>Dalam konteks kewangan Islam, *Ibra'* merujuk kepada *rebate* yang diberikan oleh satu pihak kepada satu pihak yang lain dalam urusan muamalah seperti jual beli dan sewaan. Misalnya, pihak institusi kewangan Islam akan memberikan *ibra'* kepada pelanggan yang melunaskan hutang lebih awal daripada tempoh yang dipersetujui semasa akad dimeterai (Resolusi Syariah Dalam Kewangan Islam, 2010).

<sup>101</sup> Temu bual dengan En Ramadhan Fitri b Ellias, Vice President/ Head Syariah Management, Maybank Islamic pada 14.4.2012 di Bangsar, KL

Berdasarkan penelitian dan analisis menyelidik, majoriti fuqaha mensyaratkan barangan (*al-ma'qud alaih*) itu dimaklumi oleh pihak yang berkontrak dari segi fizikal, kadar dan sifatnya (merangkumi bilangan, harga, matawang yang digunakan) ( al-Kasani, 2003, Ibn Rusyd, 1988, al-Syarbini, t.t, Ibn Qudamah, 1997). Menurut al-Kasani (2003), kejahilan dalam perkara-perkara di atas boleh membawa kepada perselisihan yang menghalang proses penyerahan dan pembayaran dilakukan. Oleh itu, beliau menegaskan bahawa sebarang bentuk kejahilan yang menyebabkan perselisihan tercetus antara penjual dan pembeli boleh merosakkan kontrak tersebut.

Kesimpulannya, harga jualan mestilah ditetapkan dan diketahui dengan jelas oleh pihak pelanggan agar perselisihan tidak timbul. Kadar keuntungan sebenar pula adalah berdasarkan BFR yang dikira berdasarkan OPR yang ditentukan oleh Bank Negara Malaysia. Perubahan antara harga asal yang dipersetujui dan harga sebenar yang dikenakan kepada pelanggan dianggap sebagai *ibra'* dari pihak bank. Kaedah ini lebih selamat untuk dilaksanakan untuk mengelakkan timbulnya isu kejahilan (*jahalah*) pelanggan terhadap harga/keuntungan yang diambil oleh pihak bank dalam transaksi yang melibatkan kontrak *murabahah*.

#### **iv. Penentuan Harga Jualan Berlandaskan Base Lending Rate (BLR) Konvensional**

Seperti mana yang dinyatakan dalam perbincangan isu (iv) di atas, penentuan kadar harga dalam jualan *murabahah* adalah berdasarkan *Base Lending Rate* (BLR) semasa yang sememangnya berasaskan kepada riba. BLR pula bersangkutan dengan Kadar Dasar Semalaman (OPR), iaitu penanda aras utama kadar faedah dalam negara kita yang ditetapkan oleh BNM. Kadar ini digunakan oleh perbankan Islam sebagai kos asas

pemberian pembiayaan. Oleh itu, timbul persoalan di sini berkaitan halal atau tidak menyandarkan harga jualan yang berdasarkan kepada BLR sedangkan amalannya jelas berasaskan riba.

Zaharuddin (2009) merumuskan bahawa hukumnya adalah halal. Kenyataan ini juga berasaskan resolusi yang telah dikeluarkan oleh Majlis Syariah AAOIFI dalam keputusan mereka yang bernombor 27,(2/5, 3/5 dan 4/5) yang menyatakan (Al-Ma'ayir al-Syariyyah, 2008):

يجوز شرعا اتخاذ معيارا للمقارنة في الصناديق والصكوك  
الاستثمارية ... او حوافز المضارب بنتيجة المضاربة

*“Harus dari sudut hukum syarak untuk mengambil ukur  
rujuk (benchmark) untuk dana pelaburan, sukuk  
pelaburan... dan insentif bagi pengusaha dalam kontrak  
mudarabah”*

Menurut Zaharuddin (2009) lagi, keharusan sesebuah transaksi adalah bergantung kepada akad yang digunakan, manakala penentuan harga adalah bebas dan terpulang kepada pihak penjual (jika akad melibatkan jual beli) atau pemberi sewa (jika melibatkan sewaan).

Satu lagi sebab bank-bank Islam di Malaysia dan perbankan Islam sedunia menggunakan BLR sebagai *benchmark* penentuan harga jualan mereka adalah kerana tiada pilihan lain yang ada melainkan terpaksa menyandar atau mengambil kadar faedah asas yang ditentukan oleh bank pusat (BNM dalam konteks Malaysia)<sup>102</sup>. Namun begitu, sesuatu

---

<sup>102</sup>Temu bual dengan En Ramadhan Fitri b Ellias, Vice President/ Head Syariah Management Maybank Islamic pada 14.4.2012 di Bangsar, KL.

yang amat diharapkan agar bank-bank Islam mempunyai *benchmark*nya yang tersendiri suatu hari nanti terutama apabila perkembangan kewangan Islam diterima secara meluas di peringkat global.

Selain itu Majlis Syariah AAOIFI juga menyenaraikan beberapa hujjah lain berkaitan isu di atas (Al-Ma'ayir al-Syar'iyyah, 2008):

**i. *Al-Akhz bi al-Qarain* ((الأخذ بالقرائن))**

Maksudnya ialah mengambil kira *qarainah* atau bukti-bukti dalam isu-isu kewangan adalah harus. Maka hukum mengambil *benchmark* luaran sebagai sandaran penetapan harga juga hukumnya adalah harus.

**ii. *Kaedah al-istishab* (الاستصحاب)**

*Al-istishab* bermaksud kekalnya hukum asal sesuatu (harus) selagi tiada bukti bertukarnya sifat akad kepada haram. Perbankan Islam menggunakan akad yang halal dalam urus niaga mereka, walaupun harga disandarkan kepada *benchmark* yang bukan daripada kiraan halal. Namun, tiada tanda atau bukti penggunaan *benchmark* tadi mengubah sifat akad halal dalam transaksi tadi kepada haram. Oleh itu, hukumnya kekal sebagai halal.

iii. Proses penentuan harga adalah dituntut dalam Islam berdasarkan harga pasaran semasa. Perkara ini jelas berdasarkan kes baginda Rasulullah s.a.w menolak permohonan seorang sahabat agar baginda menetapkan harga siling. Sabda Rasulullah s.a.w daripada Abu Hurairah r.a :

بل الله يخفض ويرفع , واني لأرجو أن ألقى الله وليس أحد  
منكم يطالبني بمظلمة في دم أو مال

*“Bahkan Allah swt adalah yang menaik dan menurunkan harga, dan sesungguhnya aku berharap untuk bertemu Allah dan tiada seorang pun dari kalangan kamu menuntut daripadaku akibat sebarang kezaliman (yang aku lakukan) sama ada berkaitan darah atau harta”*

(al-Baihaqi, 2003, j6, no.132)

Hadis di atas jelas menunjukkan bahawa Rasulullah s.a.w menegaskan kepada perlunya menentukan sesuatu harga ( ( تسمعير ) berdasarkan proses normal dalam pasaran iaitu mengikut harga semasa ketika itu.

Kesimpulannya, BLR dan OPR yang ditentukan oleh BNM boleh dikira sebagai harga standard pasaran bagi semua bank yang ada di Malaysia. Oleh itu, harus hukumnya bank-bank Islam di Malaysia meneliti kadar BLR dan OPR yang dtentukan sebagai panduan untuk menentukan harga pasaran.

### **6.3.3.2 Bay' al-Dayn**

Kontrak *bay' al-dayn* banyak diaplikasikan dalam produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam dalam perbankan Islam di Malaysia khususnya. Produk-produk tersebut ialah Bil Penerimaan (AB-i) (penjualan), Bil-bil Pertukaran Belian (BEP-i) dan Pembiayaan Semula Kredit Eksport pasca penghantaran (ECR-i). Penyelidik telah membincangkan konsep dan perundangan *bay' al-dayn* secara terperinci dalam bab 5. Oleh itu, perbincangan dalam bab ini adalah berkisar tentang isu-isu syariah *bay' al-dayn* dan perbincangan fuqaha silam dan kontemporari yang berkaitan dengannya. *Bay' al-dayn* ditakrifkan sebagai jual hutang yang telah sabit pada tanggungjawab seseorang bagi

melepaskan tanggungan orang yang berhutang tersebut atau menjual hutang yang sabit pada tanggungjawab seseorang kepada pihak yang ketiga (al-Daghi, 2001).

*Bay' al-dayn* merupakan akad jual beli hak hutang yang terbentuk hasil daripada aktiviti perniagaan yang berteraskan syarak. Dalam konteks kewangan Islam semasa, konsep ini merupakan kaedah penjualan hutang yang terhasil daripada akad pertukaran (*mu'awadat*) seperti *murabahah*, *bay' bithaman ajil*, *ijarah*, *istisna'* dan lain-lain.

Kontrak *bay' al-dayn* masih menjadi isu perdebatan dan menimbulkan kontroversi dalam kalangan fuqaha Islam dan juga semasa dari segi keharusan penggunaannya. Penyelidik menyimpulkan isu berkaitan *bay' al-dayn* berkisar tentang tiga persoalan berikut iaitu :

#### **i. Jualan Hutang kepada Pihak Ketiga**

*Bay' al-dayn* berlaku dalam dua situasi iaitu sama ada hutang dijual kepada pemberi hutang (*debtor*) atau kepada pihak ketiga. Jumhur fuqaha mengharuskan jual beli hutang kepada penghutang kerana hutang tersebut akan kembali kepada dirinya sendiri dan kerana tiada unsur *gharar* dalam transaksi tersebut (al-Kasani, 2003). Para fuqaha berbeza pendapat tentang jualan hutang kepada pihak ketiga dengan alasan penjual tidak berupaya menyerahkan perkara (barangan) yang dijual kepada pembeli (al-Zuhaily, 1989). Selain itu sebab kebanyakan fuqaha tidak mengharuskan *bay' al-dayn* adalah kerana risiko yang berlaku kepada pembeli, *gharar*, tidak berlaku *qabd* dan wujudnya unsur riba (Mesyuarat Kumpulan Penyelidik Instrumen Islam kali ke 8, pada 25 Januari 1996).

## **ii. Jualan Hutang (*bay' al-dayn*) Berlaku pada Harga Diskaun**

Satu lagi isu berkaitan *bay' al-dayn* ialah hutang biasanya dijual secara diskaun. Sano (2001) menjelaskan bahawa kebiasannya penjual hutang akan menjual hutangnya pada harga diskaun kerana pembeli sama ada pemberi hutang atau pihak ketiga tidak akan membeli hutang tersebut jika harga tidak dikurangkan. Pembeli hutang mengharapkan sesuatu pulangan (*return*) atau faedah daripada transaksi tersebut apabila ia dijual pada harga diskaun. Kebanyakan bank Islam di Malaysia mengamalkan konsep *bay' al-dayn* yang dijual secara diskaun.

## **iii. Hutang Dikira Sebagai *Mal* (aset) atau Tidak**

Fuqaha kontemporari terutamanya dari negara-negara Timur Tengah tidak membenarkan jual beli hutang dengan diskaun (pengurangan) dengan alasan bahawa hutang yang terhasil itu tidak boleh dikira sebagai *mal* (aset) tetapi hanyalah dalam bentuk tuntutan kewangan (*monetary liabilities*) sahaja. Menurut mereka sebarang pertambahan atau kekurangan yang berlaku kepada salah satu pihak dalam transaksi hutang adalah menyerupai hukum riba. Dalam erti kata lain, hutang tidak boleh dijual atau ditukarkan kecuali dengan kadar dan nilai yang sama (Md Daud, 1997).

Kebanyakan bank Islam di Malaysia menggunakan kontrak *bay' al-dayn* yang dijual kepada pihak ketiga secara meluas dalam instrumen pembiayaan perdagangan antarabangsa dan pasaran modal Islam kerana penggunaannya diharuskan oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia dalam mesyuarat keduanya pada 21 Ogos 1996 yang lalu. Hujah yang digunakan ialah sebarang hutang yang terhasil daripada mana-mana kontrak pembiayaan secara Islam seperti *bay' bithaman ajil* atau *murabahah*

dianggap sebagai aset atau komoditi. Oleh yang demikian, hutang tersebut boleh diniagakan sama ada dengan harga diskaun atau penambahan margin keuntungan (Md Daud, 1997).

Daripada lima buah bank Islam yang dikaji oleh penyelidik, tiga daripadanya menggunakan kontrak *bay' al-dayn* dalam produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam seperti Bil Penerimaan-i, Bil Pertukaran-i dan Pembiayaan Semula Kredit Eksport-i. Alasan yang diberikan oleh bank-bank tentang penggunaan kontrak *bay' al-dayn* dalam produk-produk tersebut adalah kerana ianya dibenarkan oleh penasihat syariah mereka. Selain itu mereka juga menggunakan alasan menghormati dan meraikan keputusan Majlis Penasihat Syariah BNM yang masih membenarkan penawaran produk-produk yang berasaskan kontrak *bay' al-dayn*<sup>103</sup>. Namun begitu dalam hal ini perlu diingatkan bahawa MPS Bank Negara Malaysia hanya membenarkan penggunaan *bay' al-dayn* dengan bersyarat dan bukanlah sesuatu konsep yang perlu diikuti oleh pihak bank.

Walau bagaimanapun, sebagai strategi mengembangkan perniagaan perbankan Islam di peringkat serantau dan antarabangsa, produk-produk baru yang ditawarkan oleh bank-bank Islam adalah menggunakan konsep-konsep yang lebih diterima (*more acceptable contract*). Selain itu, menurut beliau lagi, penawaran sebenar produk berasaskan *bay' al-dayn* adalah rendah berbanding produk-produk yang lain<sup>104</sup>. Dua buah lagi bank Islam yang dikaji oleh penyelidik tidak menawarkan produk-produk yang menggunakan *bay'*

---

<sup>103</sup>Temu bual dengan En Ramadhan Fitri B Elias, Vice President/ Head Syariah Management , Maybank Islamic, KL ,14.4.2012, Pn Nor Dalina Tormoti, Bank Muamalat ,KL, 14.10.2011 dan En Rohashimi Ahmad, Bank Islam, KL, 14.4.2012.

<sup>104</sup>Temu bual dengan En Ramadhan Fitri b Elias, Vice President/ Head Syariah Management, Maybank Islamic, KL, 5.12.2011

*al-dayn* kerana tidak dibenarkan oleh penasihat syariah mereka. Faktor utama adalah kerana sekiranya mereka menawarkan produk-produk tersebut yang berteraskan *bay' al-dayn*, ia bermaksud membenarkan jualan hutang kepada pihak ketiga secara diskaun yang tidak diluluskan oleh penasihat syariah kedua-dua bank tersebut yang merujuk kepada standard dan piawaian antarabangsa dalam penggunaan sesuatu kontrak<sup>105</sup>.

Rajah di bawah menunjukkan penggunaan kontrak *bay' al-dayn* oleh bank-bank Islam yang terlibat dalam kajian penyelidikan khususnya berkaitan produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam.

Jadual 6.7

*Penggunaan Kontrak Bay' al-Dayn dalam Produk-produk Pembiayaan Perdagangan Antarabangsa Islam*

| Nama bank                  | Penggunaan <i>bay' al-dayn</i> | Produk-produk  |
|----------------------------|--------------------------------|--|
| Bank Islam Malaysia Bhd    | Ya                             | Bil penerimaan-i, bil pertukaran belian-i dan pembiayaan semula kredit eksport-i   |
| Bank Muamalat Malaysia Bhd | Ya                             | Pembiayaan modal kerja, bil penerimaan-i dan bil pertukaran belian dalam/luar negara-i                                       |
| RHB Islamic                | Tidak                          |  |
| Kuwait Finance House (M)   | Tidak                          |  |
| Maybank Islamic            | Ya                             | Bil pertukaran belian-i, bil penerimaan-i, pembiayaan semula kredit eksport-i dan <i>on-shore foreign currency financing</i> |

<sup>105</sup>Temu bual dengan En Ahmad Suhaimi b Yahya, KFH Malaysia, KL, 25.3.2011, Ust Sofiyussalam, RHB Islamic, KL, 19.6.2012.

Dalam konteks Malaysia, instrumen sekuriti hutang yang dibentuk daripada prinsip *bai` dayn* dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti bagi menjaga hak pihak yang terlibat dalam akad berkenaan. Justeru, syarat-syarat yang digariskan oleh mazhab Maliki serta kebimbangan mazhab Hanafi tentang risiko (perbincangan dalam bab 5) boleh diatasi dengan penyeliaan dan pengawasan tersebut.

Menurut Mohd Daud Bakar (2011), sekarang ini kontrak-kontrak kontroversi yang diaplikasikan dalam perbankan Islam di Malaysia seperti *bay' al-inah* dan *bay' al-dayn* sudah mula digantikan dengan kontrak dan mekanisme yang lain untuk menghindarkan isu-isu syariah yang boleh menimbulkan kontroversi. Beliau menambah bahawa setiap pandangan mempunyai asas penghujahan, cuma dari segi amalan dan keharmonian hukum, sudah terdapat sekarang ini evolusi produk kepada produk-produk yang lebih diterima oleh masyarakat global khususnya. Hal ini dapat dilihat dengan jelas dalam produk pasaran modal Islam seperti global sukuk<sup>106</sup>. Oleh itu penyelidik berpandangan, sikap menghormati dan meraikan pandangan MPS Bank Negara Malaysia yang mengharuskan penggunaan *bay' al-dayn* oleh sesetengah bank Islam tidak boleh dijadikan alasan atau hujah untuk menjustifikasikan penggunaan *bay' al-dayn*. Perkara yang penting ialah setiap pandangan atau amalan itu mesti mempunyai asas penghujahan dan dalil yang kukuh tentang perlaksanaannya.

---

<sup>106</sup> Temu bual secara emel dengan Dr Mohd Daud Bakar, Pengerusi MPS, BNM dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia pada 10 Julai 2011.

### 6.3.3.3 Kafalah

Kontrak *kafalah* diaplikasikan dalam dua produk utama perdagangan antarabangsa Islam iaitu Jaminan Perkapalan (SG-i) dan Jaminan Bank (BG-i). Kedua-dua produk ditawarkan oleh semua bank Islam di Malaysia pada ketika ini. Jumhur fuqaha' mentakrifkan *kafalah* sebagai (al-Zuhaily, 2009):

"ضم ذمة الضامن إلى ذمة المضمون عنه في التزام الحق أي في الدين فيثبت الدين في ذمتها جميعا"

*"Menggabungkan tanggungan penjamin dengan orang yang dijamin pada melaksanakan sesuatu hak iaitu pada hutang, maka hutang tersebut bertanggung atas keduanya"*

Pentakrifan di atas menunjukkan bahawa hak seseorang tidak akan hilang walaupun penghutang tidak dapat menjelaskan hutangnya kerana beliau (pemberi hutang) boleh menuntut haknya daripada penjamin. Penghutang juga masih perlu untuk menjelaskan hutangnya berserta dengan penjamin. Ia adalah suatu kontrak jaminan iaitu kesanggupan pihak penjamin menanggung jamin sebarang tuntutan dan hak obligasi yang mesti ditunaikan oleh pihak yang dijamin. Prinsip ini juga digunakan terhadap jaminan hutang iaitu jaminan pihak penjamin untuk membayar obligasi penghutang apabila penghutang gagal berbuat demikian.

Isu-isu syariah yang berbangkit tentang kontrak *kafalah* khususnya dalam produk Jaminan Bank-i dan Jaminan Perkapalan-i ialah :

### **i. Pengambilan Upah dan Kadarnya atas Perkhidmatan *Kafalah***

Isu utama tentang kontrak *kafalah* ialah berkaitan pengambilan upah (*ujr*) terhadap perkhidmatan *kafalah* dalam Surat Jaminan Bank yang diamalkan oleh sistem perbankan Islam semasa sama ada ia dibenarkan oleh hukum syarak atau tidak. Isu ini berbangkit kerana terdapat perbezaan pendapat di kalangan fuqaha semasa untuk menentukan sama ada surat jaminan (*khitab al-daman*) yang sedang diaplikasikan di bank-bank Islam semasa sebagai *kafalah*, *wakalah* ataupun *ji'alah* (Syubair, 2001). Jumhur (majoriti) fuqaha berpendapat tidak harus mengambil upah daripada perkhidmatan *kafalah bil mal* (jaminan atas hutang) kerana ia termasuk dalam kontrak *tabarru'at* (sukarela), dan sekiranya disyaratkan (bayaran upah) dalam kontrak *kafalah* maka hukumnya adalah batal dan ditegah oleh syarak seperti larangan mengambil faedah atau keuntungan daripada hutang yang menyebabkan berlakunya riba (Al-'Ainy, 1990, Al-Qurtuby, 1988, Al-Mawardy, 1994, Al-Zuhaily, 2009).

Kajian dan pengamatan penyelidikan mendapati bank-bank Islam di Malaysia mengenakan upah (fees) atas perkhidmatan *kafalah* yang ditawarkan iaitu jaminan bank-i (BG-i) dan jaminan perkapalan-i (SG-i). Secara umumnya, metode yang digunakan oleh bank-bank Islam di Malaysia ketika mengenakan upah terhadap perkhidmatan *kafalah* dapat dibahagikan kepada dua iaitu berdasarkan kadar yang ditentukan oleh ABM (Association of Bankers Malaysia ) dan berdasarkan pengiraan kos sebenar (*actual costs*) mengikut perkiraan pihak bank.

Majlis Syariah AAOIFI dan hasil keputusan Kesatuan Fiqh Islam Sedunia berpendapat boleh mengenakan kos perkhidmatan dengan syarat ia adalah kos sebenar (*actual costs*)

pengurusan teknikal sahaja. Keputusan mereka juga menyebut kos-kos tidak langsung seperti gaji pekerja, sewaan tempat dan tanggungan lain-lain institusi itu tidak boleh dimasukkan dalam kos pengurusan (AAOIFI, 2008). Al- Zuhaily (2009) menjelaskan bahawa harus hukumnya pihak bank mengambil upah terhadap pengeluaran surat jaminan berdasarkan dua faktor iaitu perbelanjaan yang dikeluarkan sendiri oleh pihak bank untuk mengeluarkan surat jaminan dan juga upah semua aktiviti yang dilakukan secara terus oleh bank seperti menjadi wakil, broker dan perantara antara pengimport dan pembekal. Menurut beliau lagi, keharusan ini hanyalah dari segi undang-undang (legal) dan bukannya daripada perspektif syarak.

Hasil penelitian penyelidik terhadap lima buah bank Islam yang dikaji, dua daripadanya mengira upah berdasarkan kadar yang ditentukan oleh ABM dan tiga buah bank lagi mengira berdasarkan kos sebenar dan risiko pelanggan.

Jadual 6.8

*Metode Pengiraan Kadar Upah Perkhidmatan Berteraskan Kafalah (BG-i) dan (SG-i)*

| Nama bank               | Metod pengiraan kadar upah |             |
|-------------------------|----------------------------|-------------|
|                         | Kadar ABM                  | Kos sebenar |
| Bank Islam Malaysia Bhd | -                          | Ya          |
| Bank Muamalat M Bhd     | Ya                         | -           |
| RHB Islamic             | -                          | Ya          |
| KFH Malaysia            | -                          | Ya          |
| Maybank Islamic         | Ya                         |             |

Wujudnya perbezaan antara bank-bank Islam di atas dalam menentukan kadar upah atas perkhidmatan yang berteraskan kontrak *kafalah* disebabkan oleh perbezaan dimensi pandangan penasihat syariah bank-bank tersebut terhadap kontrak *kafalah* yang diaplikasikan dalam BG-i dan SG-i sama ada di kira sebagai kontrak *tabarru'at* (sukarela) atau kontrak *mu'awadat* (pertukaran)<sup>107</sup>. Oleh itu sekiranya penasihat syariah bank Islam tersebut berpandangan bahawa kontrak *kafalah* dalam BG-i dan SG-i dikira dalam kategori *tabarru'at*, maka upah yang dikenakan adalah berdasarkan kos sebenar pengurusan sahaja sebagaimana pandangan majlis syariah AAOIFI yang biasanya dalam kadar yang rendah. Sebaliknya, jika penasihat syariah bank Islam berpendapat ia dikira sebagai kontrak *mu'awadat*, maka upah yang dikenakan adalah berdasarkan peratusan yang biasanya lebih tinggi kadarnya daripada pengiraan mengikut kos sebenar.

Selain itu, pengiraan kos sebenar juga masih menjadi isu dan konflik di kalangan penasihat-penasihat syariah bank<sup>108</sup> kerana konsepnya terlalu rumit dan seolah-olah menjadi bebanan pula kepada pihak bank untuk mengelaskannya secara yang terperinci. Penasihat CIMB Islamic bank ketika ditemu bual menyatakan adalah suatu yang sulit dan sukar serta merugikan masa pihak bank terpaksa mengira dan memperincikan kos sebenar sedangkan mereka seharusnya layak menerima upah atas perkhidmatan yang diberikan dan risiko tinggi yang bakal ditanggung oleh pihak bank sekiranya situasi *default* berlaku<sup>109</sup>.

---

<sup>107</sup>Temu bual dengan En Mohd Hafiz b Yusof, Eksekutif Senior, Penasihat Syariah Pembangunan dan Sekretariat, RHB Islamic Bank Berhad di Menara Yayasan Tun Razak, Jalan Bukit Bintang pada 4.3.2011.

<sup>108</sup>Temu bual dengan Ustaz Ahmad Turmuzi b Hamezah, Eksekutif Syariah KFH Malaysia, KL pada 25.3.2011.

<sup>109</sup>Temu bual dengan En. Ismail b Mahayudin, Penasihat CIMB Islamic, Shah Alam pada 5.7.2012.

Daripada perbincangan di atas, penyelidik dapat menyimpulkan bahawa golongan yang membenarkan pengambilan upah atas perkhidmatan *kafalah* menggunakan hujah selagi tiada nas dari al-Quran dan hadis tentang larangan mengenakan upah terhadap perkhidmatan surat jaminan yang berteraskan *kafalah*, maka hukumnya dibolehkan atas dasar keperluan yang mendesak (*darurah*). Jumhur ulama pula melarang pengambilan upah atas perkhidmatan *kafalah* dengan berdalilkan ayat larangan riba dalam al-Quran. Oleh itu, tidak boleh dikatakan bahawa tiada nas yang mutlak berkaitan isu ini.

Dalam urusan perdagangan antarabangsa, jaminan menjadi satu keperluan yang utama kerana kebiasaannya penjual dan pembeli tidak mengenali antara satu dengan yang lain dan penjual (pengekspor) tidak menerima bayaran sejurus selepas penyerahan barangan seperti yang berlaku pada aktiviti perniagaan biasa. Oleh yang demikian, penyelidik berpendapat pihak bank Islam boleh mengenakan caj dan mengambil upah atas perbelanjaan untuk mengeluarkan surat jaminan untuk kemaslahatan pihak-pihak yang terlibat dalam urusan tersebut. Namun begitu caj yang dikenakan mestilah kadar yang tetap untuk semua amaun yang dijamin, bukannya caj yang berdasarkan jumlah atau kadar yang dijamin. Kadar keuntungan yang diambil oleh bank pula hanyalah meliputi kadar keuntungan perkhidmatan (*service charge*) yang tetap sahaja dan dilarang sama sekali mengambil peluang atas kadar keuntungan pinjaman sekiranya pelanggan gagal menunaikan tanggungjawabnya untuk membayar (*default*).

**ii. Apabila Berlaku *Default*, Adakah Bayaran daripada Pihak Bank Dikira Sebagai Hutang (*qard*)?**

Satu lagi isu berkaitan kontrak *kafalah* ialah apabila berlaku situasi *default* iaitu pelanggan tidak menunaikan tanggungjawabnya untuk membayar hutangnya kepada

benefisiari atau gagal melaksanakan tanggungjawabnya pada tempoh yang ditetapkan. Apabila berlaku situasi ini, pihak bank selaku penjamin dikehendaki membayar sejumlah yang ditetapkan kepada pihak benefisiari dan menunaikan hak obligasi yang mesti ditunaikan oleh pihak yang dijamin. Persoalan yang berbangkit ialah sama ada bayaran tersebut dikira sebagai *qard* (hutang) atau tidak dan denda-denda lain yang dikenakan ke atas pelanggan (pihak yang dijamin) apabila situasi *default* berlaku.

*Qard* bermaksud memberikan harta kepada pihak yang memanfaatkan harta tersebut dan dikembalikan gantian yang sama jenis dengannya (al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah,1993). Berdasarkan temu bual penyelidik dengan eksekutif syariah bank-bank yang terbabit dalam kajian, kesemua mereka berpendapat bahawa bayaran bank kepada benefisiari apabila pelanggan *default* dikira sebagai *qard* (hutang)<sup>110</sup>. Selain itu, pelanggan juga dikenakan *ta'wid* kerana kegagalan menjelaskan hutangnya kepada benefiari atau kegagalan menunaikan tanggungjawabnya. En Azizi Che Seman ketika ditemu bual turut menjelaskan bahawa dalam isu ini berlaku unsur *syubhah al-riba* (hampir-hampir berlaku riba). Situasinya adalah apabila pelanggan memohon surat jaminan *kafalah* daripada bank, beliau dikenakan sejumlah bayaran tertentu (*fee/ ujarah* contohnya RM100) atas komitmen pihak bank untuk menjaminnya dan membayar kepada benefisiari apabila berlaku keadaan *default*. Sekiranya situasi *default* benar-benar berlaku, bank akan membayar kepada benefisiari dan ia dikira hutang pelanggan kepada bank. Beliau menjelaskan lagi bahawa diperingkat awal bank sudah memperolehi bayaran RM100 (contoh) dan seterusnya apabila default berlaku, bank memperolehi lagi

---

<sup>110</sup>Temu bual secara emel dengan En Sofiu salam, RHB Islamic Bhd, KL pada 19.6.2012, Temu bual dengan En Azizi b Che Seman, Penasihat Syariah BMMB, APIUM, KL pada 2.6.2012.

keuntungan daripada bayaran hutang pelanggan serta *ta'wid*<sup>111</sup>. Unsur memperoleh wang secara mudah dapat dilihat dalam situasi yang dinyatakan di atas.

Seperti yang telah dibincangkan dalam isu sebelum ini, pihak bank tidak seharusnya memperoleh wang pelanggan dengan begitu mudah. Wang pendahuluan atas dasar komitmen bank untuk menjamin, *ta'wid* kerana gagal menunaikan tanggungjawab dan pengambilan untung atas *qard* pelanggan mewujudkan situasi tekanan dan penindasan yang dilarang dalam muamalah Islam kerana ia membawa kepada wujudnya unsur riba. Penyelidik berpendapat dalam situasi sebegini, *ta'wid* sudah memadai dikenakan kepada pelanggan kerana asas penghujahannya sudah dipersetujui oleh para fuqaha, manakala *qard* pula dibayar balik dalam bentuk *qard al-hasan* iaitu tanpa sebarang keuntungan dan caj-caj yang lain yang lebih membebankan pengguna.

#### **6.3.3.4 Wakalah**

Kontrak *wakalah* diaplikasikan dalam Surat Kredit, Pembiayaan Modal Kerja, Resit Amanah dan Pemungutan Berdokumen (*documentary collection*) oleh bank-bank Islam di Malaysia. *Wakalah* bermaksud satu akad yang memberi kuasa orang yang mewakili kepada penerima wakil untuk menjalankan sesuatu tugas atau kerja bagi pihaknya (orang yang mewakilkan). Perbincangan tentang *wakalah* biasanya akan menyentuh isu *wakalah* yang dibayar upah (*al-wakalah bi ujr*). *Wakalah* jenis ini banyak diamalkan dalam urusan muamalah dunia hari ini. Menurut pandangan fuqaha, *wakalah* hukumnya harus diambil upah atau tidak diambil upahnya (hukum asalnya) kerana ia termasuk dalam akad

---

<sup>111</sup>Temu bual dengan En Azizi b Che Seman, Penasihat Syariah BMMB, APIUM, KL pada 2.5.2012 .

yang harus yang tidak diwajibkan ke atas orang yang diwakilkan untuk melaksanakannya (al-Zuhaily, 1987).

Rajah di bawah menunjukkan penggunaan kontrak *wakalah* oleh bank-bank Islam yang terbabit dengan kajian ini dalam produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam.

Jadual 6.9

*Penggunaan Kontrak Wakalah dalam Produk-produk Pembiayaan Perdagangan Antarabangsa Islam*

| <b>Nama bank</b>           | <b>Penggunaan kontrak wakalah</b> | <b>Produk-produk</b>  |
|----------------------------|-----------------------------------|---|
| Bank Islam Malaysia Berhad | Ya                                | Surat Kredit-i  |
| Bank Muamalat M Bhd        | Ya                                | Surat Kredit-i, Bil Kutipan Dalam Luar/ Domestik, Bil Kutipan Luaran Luar/ Domestik-i |
| RHB Islamic                | Ya                                | Surat Kredit-i, Pemungutan Berdokumen   |
| KFH Malaysia Bhd           | Ya                                | Surat Kredit-i, Pemungutan Berdokumen   |
| Maybank Islamic            | Ya                                | Surat Kredit-i, Bil Kutipan Dalam/ Luaran-i   |

Berdasarkan rajah di atas, didapati semua bank yang terlibat dalam kajian menawarkan Surat Kredit *wakalah*. Dalam Surat Kredit *wakalah* yang dilaksanakan oleh bank-bank Islam di Malaysia, bank dilantik sebagai agen (wakil) oleh pelanggannya. Sebelum Surat Kredit dikeluarkan, pelanggan dikehendaki meletakkan deposit sejumlah wang yang sama (100%) dengan harga barang yang hendak dibeli di bawah kontrak *wadi'ah*. Wang

deposit inilah yang digunakan oleh pihak bank untuk menjelaskan bayaran kepada benefisiari melalui banknya.

Isu-isu syariah berkaitan penggunaan *wakalah* dalam Surat Kredit-i dapat disimpulkan seperti berikut :

#### **i. Pelanggan Tidak Mendepositkan Wang Apabila Sampai Tempohnya**

Isu syariah timbul apabila pelanggan tidak mendepositkan wang yang sama jumlahnya dengan harga barangan apabila sampai tempoh yang telah dipersetujui sedangkan perjanjian sudah dibuat dengan bank benefisiari untuk menjelaskan bayaran pada tarikh tersebut. Perkara ini mungkin disebabkan ketidakupayaan pelanggan untuk menyediakan wang tersebut kerana faktor- faktor tertentu yang biasanya tidak dapat dielakkan, bukannya secara sengaja<sup>112</sup>.

Ada juga bank Islam di Malaysia<sup>113</sup> yang mendahulukan pembayaran sejumlah harga barangan tersebut kepada bank benefisiari. Tindakan ini berdasarkan pandangan jumhur fuqaha yang mengatakan akad *wakalah bil ujah* menjadi *mulzim* (mengikat) , iaitu wajib ke atas penerima wakil untuk melaksanakan urusan yang diwakilkan dan dia tidak boleh mengabaikannya tanpa keuzuran yang dibenarkan kerana telah tertakluk di bawah hukum *al-ajir* (orang yang menerima upahan) (al-Dusuqi, t.t, Ibn Qudamah, 1997). Bayaran oleh pihak bank tersebut dikira sebagai hutang (*qard*) dan bank tidak boleh mengenakan

---

<sup>112</sup>Temu bual dengan En Saharudin b Jaafar, Ketua Bahagian Perkhidmatan Dagangan, Bank Islam Malaysia Berhad di Menara Bank Islam, Jalan Perak pada 8.9.2011.

<sup>113</sup>BIMB

sebarang caj tambahan melainkan *ta'wid* kerana keenggaran pelanggan<sup>114</sup>. Pihak bank akan mendebit akaun pelanggan apabila beliau menandatangani wangnya selepas itu.

Sebahagian bank Islam yang lain tidak mendahulukan pembayaran selagi pelanggan tidak menandatangani wang walaupun sudah melepasi tarikh yang dipersetujui. Pembayaran hanya akan dilakukan menggunakan wang pelanggan kerana menurut bank, mereka hanyalah sebagai agen/wakil sahaja. Tindakan ini selari dengan pandangan fuqaha mazhab Syafii yang menyatakan bahawa akad *wakalah* sama ada dengan upah ataupun tidak hanyalah akad yang harus dan tidak mengikat kedua-dua belah pihak dan mereka berhak untuk membatalkan akad dan tidak meneruskan perwakilan tersebut (al-Ramli, 1984).

Penyelidik berpandangan pihak bank tidak seharusnya membuat bayaran pendahuluan walaupun kontrak *wakalah* sudah dimeterai dengan pelanggan. Hal ini memandangkan bank hanya dilantik sebagai wakil bagi pihak pelanggan dan bukannya pembiaya kepada pelanggan. Oleh itu selagi pelanggan tidak menandatangani wangnya, bagaimana bank hendak bertindak sebagai wakil untuk menjelaskan bayaran kepada pengeksport. Oleh itu, pihak bank mestilah menggunakan pendekatan-pendekatan yang efektif seperti menghubungi pelanggan melalui telefon untuk memintanya agar segera menandatangani wang (100%) harga barangan agar fungsi bank sebagai *wakil* dapat dilaksanakan. Jika sekiranya prosedur Surat Kredit *wakalah* dipatuhi sepenuhnya (pelanggan membayar deposit sebelum Surat Kredit dikeluarkan) nescaya isu ini tidak akan berlaku.

---

<sup>114</sup> Temu bual dengan En Azizi b Che Seman, Penasihat Syariah BMMB di APIUM, KL pada 2.6.2012.

Selain itu, penyelidik menyarankan agar dimasukkan juga mekanisme *wa'ad* yang bersifat *mulzim* (wajib) dalam penyediaan Surat Kredit *wakalah* agar masalah kedua-dua pihak terpelihara. Tujuannya adalah agar pelanggan terikat dengan janji untuk menandatangani wangnya ke dalam akaun bank supaya bank dapat menjalankan peranannya iaitu sebagai wakil atau agen untuk membayar kepada pihak benefisiari.

## **ii. Status Pemilikan Barangan dalam Surat Kredit *Wakalah* -i**

Pemilikan barangan dalam Surat Kredit *wakalah* dicatatkan dalam Bil Muatan (*bill of lading*). Bil Muatan merupakan suatu kontrak barangan, pengesahan penerimaan barangan yang dihantar dan juga suatu dokumen hak milik atas barangan berkenaan (Rosli, 1994). Bil ini amat penting dalam urusan perbankan kerana ia merupakan dokumen pengesahan hak milik seseorang terhadap barangan yang diimport di atas kapal. Barangan berkenaan hanya akan diserahkan oleh tuan punya kapal apabila Bil Muatan dikemukakan dan pembawa bil ini sahaja yang berhak terhadapnya.

Dalam Surat Kredit *murabahah*, sepertimana yang dibincangkan sebelum ini pemilik barangan ialah pihak bank kerana disyaratkan dalam jual beli tersebut pihak bank perlu memiliki barangan (*qabd hukmi*) sebelum menjualkannya kepada pelanggan. Sekiranya syarat tersebut tidak dipatuhi jual beli tersebut menjadi batal. Sebaliknya pemilik barangan dalam Surat Kredit *wakalah* ialah pihak pelanggan kerana ia telah mengkreditkan wangnya sendiri sebanyak 100% ke dalam akaun bank. Bank hanya bertindak sebagai agen pembayar sahaja dan bukannya pemilik barangan tersebut.

Penelitian penyelidik terhadap bank-bank yang dikaji mendapati tiada perbezaan dalam menentukan status pemilik barangan dalam transaksi yang menggunakan Surat Kredit

*murabahah* kerana semua bank-bank yang terlibat menyatakan pemilik barangan adalah pihak bank dan ia dinyatakan dalam Bil Muatan. Namun begitu, dalam transaksi Surat Kredit *wakalah*, terdapat perbezaan di antara bank-bank dalam menentukan pemilik barangan. Daripada lima buah bank Islam yang dikaji empat daripadanya menyatakan hak milik barangan yang dicatatkan dalam Bil Muatan kembali kepada pihak bank (bank pengeluar), manakala sebuah bank lagi menyatakan bahawa pelanggan adalah pemilik barangan tersebut.

Bank-bank yang menyatakan hak milik barangan dalam transaksi Surat Kredit *wakalah* adalah hak mereka menggunakan alasan mereka akan kehilangan kawalan dan pemerhatian ke atas barangan tersebut sekiranya pelanggan dicatatkan sebagai pemilik barangan dalam Bil Muatan. Pelanggan atas terus pergi kepada syarikat perkapalan dan mengambil barangan tersebut tanpa merujuk pihak bank terlebih dahulu<sup>115</sup>. Sebaliknya, bank yang berpandangan bahawa hak milik barangan tersebut adalah pelanggan kerana pelanggan telah membayar deposit sebanyak harga barangan yang dibeli (100%) ke dalam akaun bank. Oleh itu, barangan tersebut adalah haknya dan bank hanya bertindak sebagai wakil untuk membayar kepada bank benefisiari sahaja<sup>116</sup>.

Meletakkan pihak bank sebagai pemilik barangan dalam Bil Muatan merupakan amalan sistem perbankan konvensional. Berdasarkan perspektif fiqh *muamalat*, jelas dibincangkan pemilik barangan dalam sesuatu transaksi. Dalam jual beli *murabahah* contohnya, barangan adalah jelas menjadi hak milik pihak bank dalam situasi semasa

---

<sup>115</sup>Temu bual dengan Cik Noorul Amilin bt Abu bakar, Eksekutif Bahagian Perkembangan Perniagaan, Pembiayaan Perdagangan, BMMB, KL pada 14.10.2011, Temu bual secara e mel dengan En Roshashimi b Ahmad, Bahagian Operasi, Perkhidmatan Perdagangan, BIMB pd 18.6.2012, KL

<sup>116</sup>Temu bual dengan Ust Ahmad Turmuzi b Hamezah, KFH KL, pada 25.3.2011

kerana bank membeli barangan menggunakan dananya sendiri, seterusnya menjualkannya kepada pelanggan dengan tambahan keuntungan yang dipersetujui.

Dalam transaksi Surat Kredit *wakalah* yang dibincangkan ini, sepatutnya nama pelanggan yang dicatatkan sebagai pemilik barangan tersebut kerana beliau telah membayar 100% harga barangan. Hal ini bermaksud beliau telah menjadi pemilik sebenar dan berkuasa penuh ke atas barangan tersebut manakala pihak bank hanyalah agen pembayar sahaja. Oleh itu pihak bank harus memohon keizinan pelanggan terlebih dahulu sekiranya mereka ingin meletakkan nama bank sebagai pemilik di atas Bil Muatan atas alasan-alasan yang dikemukakan seperti kawalan barangan, keselamatan dan sebagainya agar isu syariah seperti *al-hiyazah* (penguasaan ke atas barangan) tidak berlaku. Namun begitu pihak bank perlu sedar dan mengambil perhatian bahawa catatan dalam Bil Muatan hanyalah atas kertas sahaja kerana pemilik sebenar adalah pelanggan dan merekalah (pelanggan) yang memiliki kuasa penuh ke atas barangan tersebut. Penyelidik berpandangan amalan yang sebaiknya ialah terus meletakkan nama pelanggan (pewakil) sebagai pemilik barangan tersebut kerana dari segi realiti dan hakikatnya, pelanggan telah membayar secara tunai harga penuh barangan tersebut.

### **iii. Pertukaran daripada Penggunaan Kontrak *Wakalah* kepada Kontrak *Murabahah* dalam Surat Kredit-i**

Bank-bank Islam di Malaysia menawarkan tiga jenis Surat Kredit iaitu Surat Kredit *Wakalah*, Surat Kredit *Murabahah* dan Surat Kredit *Musyarakah* (hanya ditawarkan oleh Bank Muamalat Malaysia Bhd).

Rajah di bawah menunjukkan jenis-jenis Surat Kredit-i yang ditawarkan oleh lima buah bank yang terlibat dengan kajian ini.

Jadual 6.10

*Jenis-jenis Surat Kredit-i*

| Nama bank                  | Jenis-jenis Surat Kredit-i |                     |                      |
|----------------------------|----------------------------|---------------------|----------------------|
|                            | LC <i>wakalah</i>          | LC <i>murabahah</i> | LC <i>musyarakah</i> |
| Bank Islam Malaysia Berhad | Ya                         | Ya                  | -                    |
| Bank Muamalat M Bhd        | Ya                         | Ya                  | Ya                   |
| RHB Islamic                | Ya                         | Ya                  | -                    |
| KFH Malaysia Bhd           | Ya                         | Ya                  | -                    |
| Maybank Islamic            | Ya                         | Ya                  | -                    |

Rajah di atas jelas menunjukkan bahawa kesemua lima buah bank Islam yang terlibat dalam kajian ini menawarkan kedua-dua jenis Surat Kredit *wakalah* dan *murabahah*, manakala BMMB turut menawarkan satu lagi produk iaitu Surat Kredit *musyarakah*. Namun begitu, Surat Kredit *musyarakah* ini hanya sekadar ditawarkan sahaja dan tidak mendapat sambutan daripada pelanggan kerana kurangnya kefahaman mereka terhadap konsep *musyarakah* dan beberapa masalah teknikal dan risiko yang perlu ditanggung oleh pihak bank<sup>117</sup>.

Surat Kredit *wakalah* bermaksud pihak bank dilantik sebagai agen pembayaran sahaja kepada bank benefisiari bagi pihak pelanggan bersesuaian dengan *nature* istilah *wakalah* tersebut. Pelanggan dikehendaki menandatangani amaun sejumlah 100% (sejumlah harga barangan) ke dalam akaun bank untuk dibayar kepada bank pihak benefisiari menggunakan Surat Kredit-i yang dikeluarkan oleh bank pembeli/pengimport. Oleh itu

<sup>117</sup>Temu bual dengan Pn Nordalina Mohd Tormoti, Head of Section, Business Development, Trade Finance Department, Bank Muamalat Malaysia Berhad, KL, pada 14.10.2011 dan Cik Noorul Amilin Abu Bakar, BMMB, KL.

tiada unsur pembiayaan berlaku dalam Surat Kredit *wakalah* ini kerana menurut perkiraan bank, pelanggan sudah mempunyai wang yang mencukupi untuk menjelaskan amun penuh.

Surat Kredit *murabahah* pula menjurus ke arah pembiayaan bagi pelanggan yang tidak mempunyai modal dan kewangan yang mencukupi. Operasinya ialah bank akan melantik pelanggan sebagai agen untuk membeli barangan yang dikehendaki mewakili pihaknya (bank), seterusnya bank akan membayar jumlah penuh kepada penjual. Kemudian, bank menjual pula barangan tersebut kepada pelanggan berdasarkan kontrak *murabahah* (harga modal dicampur keuntungan) yang dibayar secara ansuran. Namun begitu, sekiranya pelanggan sudah mempunyai wang yang mencukupi (100%) amaun penuh pada hari pembayaran mesti dilakukan, beliau boleh menggunakan Surat Kredit *wakalah* dan melantik bank untuk menjelaskan pembayaran tersebut<sup>118</sup>.

Isu yang seringkali berlaku bagi kedua-dua jenis Surat Kredit ini ialah apabila pelanggan pada awalnya memilih untuk menggunakan Surat Kredit *wakalah*, namun begitu apabila dokumen perdagangan yang menuntut bayaran sampai kepada pihak bank dan pelanggan dikehendaki mendepositkan jumlah 100% harga barangan, beliau menukar keputusannya untuk menggunakan Surat Kredit *murabahah* pula<sup>119</sup>. Isu syariah timbul kerana dalam Surat Kredit *wakalah* bank bertindak sebagai wakil kepada pelanggan manakala dalam Surat Kredit *murabahah* pula pelanggan yang menjadi wakil pembelian bagi pihak bank diperingkat awalnya sebelum bank menjualkannya kepada pelanggan.

---

<sup>118</sup>Temu bual dengan Pn Sharifah Faigah Syed Alwi, Pensyarah Fakulti Pengurusan Perniagaan, Uitm Shah Alam, pada 4.7.2012

<sup>119</sup>Temu bual dengan Pn Nordalina Mohd Tormoti, Head of Section, Bussiness Development, Trade Finance Department, Bank Muamalat Malaysia Berhad, KL, pada 14.10.2011.

Situasi ini juga mencetuskan kekeliruan dalam transaksi Surat Kredit tersebut kerana ia bermula dengan kontrak *wakalah* diperingkat awal dan berpindah kepada *murabahah* di pertengahan transaksi. Keadaan ini menimbulkan isu syariah iaitu seperti mengadakan dua transaksi dalam satu. Rasulullah s.a.w melarang aktiviti ini berdasarkan sabda baginda:

نهى رسول الله صلى الله عليه وسلم عن بيعتين في بيعة  
“Rasulullah saw telah menegah dua transaksi dalam satu  
(al-Nasaie, 2001, j.6, no.6183)

Apabila berlaku situasi yang dinyatakan di atas, pihak bank tidak boleh sewenang-wenangnya menukarkan Surat Kredit *wakalah* kepada *murabahah* kerana ia bertentangan dengan hadis di atas dan boleh merosakkan jual beli tersebut. Tiada isu syariah berbangkit sekiranya bank hanya menawarkan Surat Kredit *wakalah* -i sahaja atau Surat Kredit *murabahah*-i sahaja. Isu syariah berlaku apabila bank Islam yang menawarkan Surat Kredit *wakalah* -i membenarkan pelanggan menukar kepada Surat Kredit *murabahah*-i di pertengahan transaksi apabila pelanggan memerlukan pembiayaan<sup>120</sup>.

Akad memainkan peranan yang amat penting dalam menentukan kesahihan sesuatu kontrak yang dimeterai antara penjual dan pembeli. Akad juga merupakan satu elemen utama yang membezakan antara perbankan Islam dan konvensional. Untuk memastikan keadaan di atas tidak berlaku pihak bank perlu memastikan pelanggan mampu untuk menandatangani sejumlah 100% harga barangan tersebut dengan memasukkan elemen *wa'ad mulzim* yang mewajibkan pelanggan menandatangani jumlah 100% tersebut

---

<sup>120</sup>Temu bual dengan Pn Sharifah Faigah Syed Alwi, Pensyarah Fakulti Pengurusan Perniagaan, Uitm Shah Alam, pada 4.7.2012

sebelum dikeluarkan Surat Kredit *wakalah* -i. Sekiranya keadaan tidak dapat dielakkan juga pelanggan boleh menyelesaikan pembayaran Surat Kredit-i dengan memohon pembiayaan peribadi secara Islam<sup>121</sup> daripada bank berkenaan atau bank-bank Islam lain.

#### **iv. Perlantikan Bank sebagai Wakil Pembayaran dalam Surat Kredit *Wakalah*-i**

*Wakalah* bermaksud menyerahkan sesuatu urusan kepada orang lain untuk melakukannya sama ada sebahagian atau semuanya (Al-‘Aliy, 2008). Berdasarkan temubual, penyelidik mendapati semua bank yang terlibat dalam kajian bersetuju bahawa prosedur perlantikan bank sebagai wakil pembayaran bagi pihak pelanggan perlu mengikut syarat-syarat yang ditetapkan oleh fiqh Islam. Menurut al-Zuhaily (2009) *wakalah* mempunyai empat rukun iaitu pihak yang mewakilkan (*al-muwakkil*), penerima wakil (*al-wakil*), urusan, barangan, perkara yang diwakilkan (*al-muwakkal fih*) dan *sighah*.

Dalam konteks perbincangan ini, pelanggan ialah *al-muwakkil*, bank pula menjadi *al-wakil* manakala urusan pembayaran Surat Kredit-i menjadi *al-muwakkal fih*. Kesemua elemen-elemen tersebut perlu melalui proses *sighah* untuk menjelaskan peranan dan tanggungjawab pihak yang terlibat. Peranan bank sebagai agen (wakil) pembayaran bagi pihak pelanggan perlu dinyatakan dengan jelas dalam surat tawaran yang dikeluarkan (*letter of offer*)<sup>122</sup>. Surat tawaran juga perlu menyatakan dengan jelas dan terperinci perkara yang diwakilkan (*al-wakalah al-khassah*) iaitu sebagai agen pembayar (*paying agent*) agar peranan ini tidak disalahgunakan dalam perkara-perkara yang lain. Fuqaha mazhab Syafii dan Hanbali tidak mengharuskan *al-wakalah al-ammah* (perwakilan dalam

---

<sup>121</sup>Temu bual dengan En Azizi b Che Seman, Penasihat Syariah BMMB, di APIUM, KL pada 2.6.2012

<sup>122</sup>Temu bual dengan En Ramadhan Fitri b Ellias, Vice President/ Head Syariah Management Maybank Islamic, KL pada 14.4.2012, Temu bual dengan En Azizi b Che Seman, Penasihat Syariah BMMB, KL pada 2.6.2012

semua urusan yang diharuskan) kerana elemen *gharar* yang wujud iaitu penyalahgunaan perwakilan kepada sesuatu perkara yang boleh memudaratkan pewakil (al-Ghazali, 1997, al-Buhuti, 1982). Oleh itu, pihak bank tidak boleh mengambil mudah perkara ini kerana boleh mencacatkan rukun dan syarat-syarat *al-wakalah*. Selain berfungsi sebagai pengeluar Surat Kredit-i, bank juga merupakan agen pembayar bagi pihak pelanggannya dan ianya perlu dinyatakan dengan jelas dalam surat tawaran.

#### **6.3.4 Isu Insuran dan INCOTERMS**

Selain UCP, satu lagi set peraturan yang mengawal dan menyelia operasi Surat Kredit dalam perdagangan antarabangsa ialah *International Commercial Terms* (INCOTERMS). INCOTERMS menjelaskan hak dan kewajipan pembeli (pengimport) dan penjual (pengekspor) yang berkaitan dengan urusan pengiriman barang dagangan. Perkara-perkara yang dijelaskan adalah meliputi kaedah-kaedah pengagihan kos, risiko dan tanggungjawab pengimport dan pengekspor berkaitan urusan pengangkutan dan penghantaran barangan. INCOTERMS dikeluarkan oleh *International Chamber of Commerce* (ICC). Versi terakhir yang dikeluarkan ialah versi ke lapan iaitu INCOTERMS 2010 yang dicetak pada 1 Januari 2011 (<http://iccwbo.org/products-and-services/trade-facilitation/incoterms/2010>).

Pergerakan barangan dagangan merupakan perkara kedua yang berlaku selepas pengeluaran Surat Kredit. Pergerakan barangan ini sama ada melalui udara, daratan atau air akan melibatkan kos-kos tertentu yang berkait dengan urusan pengangkutan, insuran, duti eksport dan import, kastam dan caj-caj lain. INCOTERMS akan menentukan pihak yang akan menjelaskan caj-caj tersebut, proses penghantaran yang akan dilakukan dan

kaedah-kaedah sesuatu proses penghantaran itu akan berlaku. Mengikut amalan semasa, kos-kos tersebut telah ditentukan terlebih dahulu dan digabungkan sekali dengan harga barangan serta dinyatakan dalam Surat Kredit<sup>123</sup>. INCOTERMS tidak menimbulkan isu syariah kerana fungsinya sekadar penentu kos-kos dan pengurusan proses penghantaran barangan dan menjelaskan hak-hak pengimport dan pengeksport. Bank-bank Islam boleh menggunakannya sebagai panduan selagi tiada unsur-unsur yang jelas bertentangan dengan kontrak-kontrak *muamalat* Islam<sup>124</sup>.

Untuk memastikan kehendak dan maslahat kedua-dua pihak (pengimport dan pengeksport) terpelihara dalam situasi kehilangan atau kerosakan semasa proses penghantaran barangan ke destinasi terakhir, barang-barang tersebut biasanya diinsurankan kepada syarikat insuran. Insuran bermaksud satu kontrak yang mengikat dua pihak iaitu syarikat insuran yang akan memberi pampasan kewangan sebagai ganti bagi sejumlah wang atau premium yang diterima daripada satu pihak yang lain dikenali sebagai pemegang polisi sekiranya berlaku sesuatu peristiwa tertentu seperti kemalangan, kebakaran, kecurian dan sebagainya. Insuran adalah satu kontrak jual beli yang menetapkan bahawa untuk mendapatkan jaminan perlindungan kewangan dalam bentuk pampasan daripada syarikat insurans, pemegang polisi mestilah berjanji akan membayar sejumlah premium yang tertentu (Vaughan, E dan Vaughan, T, 2003, Dorfman, 2004). Dengan kata lain, ia adalah kontrak jual beli yang melibatkan pertukaran kewangan

---

<sup>123</sup>Temu bual dengan En Saharudin b Jaafar, Ketua Bahagian Perkhidmatan Dagangan, Bank Islam Malaysia Berhad di Menara Bank Islam, KL pada 8.9.2011, Temu bual dengan Pn Nordalina Mohd Tormoti, Head of section, Bussiness Development, Trade Finance Department, Bank Muamalat Malaysia Berhad, KL, pada 14.10.2011, Ahmad Azam Othman, Rosmawani Che Hashim dan Akhtarzaite Abdul Aziz (2009).

<sup>124</sup>Temu bual dengan En Ramadhan Fitri b Ellias, Vice President/ Head Syariah Management Maybank Islamic pada 14.4.2012 di Bangsar, KL.

antara dua pihak yang berkontrak walaupun sebenarnya pampasan yang dijanjikan bergantung kepada berlakunya peristiwa yang dilindungi.

Isu yang timbul di sini ialah penggunaan insuran konvensional oleh bank-bank Islam dan pelanggannya yang dihukumkan haram oleh majoriti fuqaha kerana ia mengandungi elemen-elemen yang dilarang oleh syarak seperti *riba*, *maysir* (perjudian) dan *gharar* (keraguan) (Afzalur Rahman, 1979) dan juga unsur pemindahan risiko yang tidak sah dari pihak yang diinsurankan (*insured*) kepada pengeluar insuran (*insurer*) (Ayub, 2007).

Elemen *gharar* tidak dapat dielakkan terutamanya apabila berurusan dengan para pengimport atau pengeksport dari negara-negara Barat kerana perkhidmatan insuran mereka berteraskan konvensional. Sebagai contoh, fungsi Surat Kredit *wakalah* tidak dapat dijalankan dengan berkesan sekiranya pengeksport berada di Jerman (insuran konvensional) iaitu apabila pihak yang berurus niaga berdagang menggunakan terma-terma INCOTERMS seperti c.i.f (*cost, insurance, freight*), c.i.p (*carriage and insurance paid to*) dan d.d.u (*delivery duty unpaid*). Menurut peraturan INCOTERMS (2000), apabila terma-terma tersebut digunakan, hak pembelian insuran berada di pihak pengeksport yang sudah tentunya akan memilih insuran konvensional yang mengheret pengimport untuk terlibat dalam *riba*.

Perkara ini boleh dielakkan apabila di peringkat awal, iaitu ketika mendraf kontrak perjanjian jual beli, pihak yang berurusniaga menggunakan terma-terma INCOTERMS lain yang membolehkan pembelian insuran berada di pihak pengimport seperti terma *ex-work*, f.c.a (*free carrier*), f.a.s (*free alongside ship*), f.o.b (*free on board*) dan c.f.r (*cost and freight*). Ini akan membolehkan pengimport memilih untuk membeli insuran kargo

yang berlandaskan konsep perlindungan *takaful* di negara pengimport sendiri (Azam *et al.*, 2009).

Takaful bermaksud “suatu skim yang berasaskan persaudaraan, perpaduan dan bantuan bersama yang menyediakan pertolongan dan bantuan kewangan kepada peserta-peserta yang memerlukan apabila peserta-peserta sama-sama bersetuju untuk memberi sumbangan bagi maksud itu” (Seksyen 2, Akta Takaful 1984). Takaful ialah kontrak yang diasaskan pada konsep sedekah (*al-tabarru'*) dan perkongsian untung (*al-mudarabah*). Dalam takaful, peserta-peserta tidak membeli polisi takaful, tetapi bersetuju untuk menyumbang sebahagian daripada premium secara *al-tabarru'* bagi menolong sesama peserta takaful (Wan Marhaini *et.al*, 2005). Sebuah dana khusus akan ditubuhkan sebagai sumber bantuan kewangan kepada mana-mana peserta berdasarkan terma dan syarat yang telah dipersetujui antara mereka.

Bagi pengimport dan pengeksport dari Malaysia, mereka boleh menggunakan perkhidmatan takaful memandangkan industri ini sedang berkembang pesat menjadi industri berdaya maju yang telah disepadukan dalam arus perdana sistem kewangan negara. Namun berdasarkan penemuan penyelidikan, hasil temu bual dengan pegawai bank-bank Islam yang terlibat dengan kajian ini, didapati tidak semua bank mensyaratkan pelanggan menggunakan perkhidmatan takaful untuk melindungi barangan dagangan mereka ketika proses penghantaran berlaku. Ada bank yang bersikap tegas dengan mensyaratkan pelanggan mesti menggunakan perkhidmatan takaful untuk mengelakkan

terlibat dalam muamalah riba dan *gharar* yang menjadi asas pengharaman insuran konvensional<sup>125</sup>.

Menurut En Ramadhan Fitri b Ellias<sup>126</sup>, Ketua Bahagian Pengurusan Syariah, Maybank Islamic Bhd, kebiasannya pihak bank akan meminta pelanggan menggunakan perkhidmatan takaful sekiranya mereka masih belum mempunyai syarikat insuran untuk melindungi barangan mereka. Namun begitu, kes-kes yang kerap berlaku ialah pelanggan sudah mempunyai syarikat insuran tertentu (konvensional) yang sudah mempunyai kontrak (*engagement*) dengan pelanggan terbabit dalam jangkamasa yang sudah lama. Situasi ini tidak memungkinkan mereka untuk mengubah kepada perlindungan berteraskan takaful. Pelanggan juga boleh dikenakan penalti (*penalty damage*) oleh syarikat insuran berkenaan sekiranya membatalkan polisi tersebut. Oleh itu, tambah beliau dalam situasi begini bank terpaksa mengikut kehendak pelanggan yang menggunakan insuran konvensional walaupun keutamaan sebenarnya ialah takaful.

Selain itu, persoalan juga timbul berkaitan kemampuan syarikat takaful untuk menyediakan perlindungan yang komprehensif seperti syarikat insuran konvensional sedangkan industri ini (takaful) masih dikira baru di negara kita. Fatwa dan resolusi yang khusus yang mensyaratkan penggunaan takaful dalam semua pembiayaan Islam juga masih belum dikeluarkan oleh pihak yang berkaitan. Oleh itu tambah beliau lagi, penggunaan kaedah fiqh “*al-akhzu bi akhaf al-dararain*” (الأخذ بأخف الضررين) iaitu mengambil kemudaratan (risiko) yang lebih ringan apabila wujud dua kemudaratan digunakan dalam situasi ini untuk mengelakkan barangan pelanggan tiada perlindungan

---

<sup>125</sup>Temu bual dengan Pn Nordalina Mohd Tormoti, Head of section, Business Development, Trade Finance Department, Bank Muamalat Malaysia Berhad, KL, pada 14.10.2011

<sup>126</sup>Temu bual pada 14.4.2012 di Dataran Maybank, Bangsar, KL.

sedangkan syarikat takaful pula tiada menawarkan perlindungan yang dikehendaki pelanggan.

Majlis Penasihat Syariah BNM pernah mengeluarkan resolusi berkaitan isu sama ada institusi kewangan Islam wajib menawarkan perlindungan takaful bagi melindungi pembiayaan secara Islam yang diterima oleh pelanggan daripada institusi kewangan Islam. Resolusi yang dikeluarkan hasil mesyuarat MPS bertarikh 8 Mac 2004 dan mesyuarat bertarikh 29 April 2004 memutuskan perkara berikut (Resolusi Syariah Kewangan Islam, 2010:68) :

i. Bagi pakej pembiayaan secara Islam yang tidak merangkumi amaun caruman perlindungan, institusi kewangan Islam hendaklah menawarkan pelan takaful sebagai pilihan pertama<sup>127</sup> kepada pelanggan yang memohon untuk mendapatkan pembiayaan secara Islam yang memerlukan perlindungan. Sekiranya pelanggan menolak pelan takaful atas sebab-sebab tertentu, pelanggan boleh memilih mana-mana insurans konvensional yang dikehendakinya. Pengecualian ini hanya diberikan kerana mengambil kira faktor yang berikut :

a. sekiranya premium insurans tersebut ditanggung sepenuhnya oleh pelanggan;

b. terdapat sektor atau kelas tertentu dalam insurans yang takaful tidak mempunyai kepakaran sepenuhnya; atau

---

<sup>127</sup> Istilah ini bermaksud institusi kewangan Islam hanya mengemukakan perlindungan takaful kepada pelanggan dan bukannya mengemukakan kedua-dua perlindungan takaful dan insurans konvensional secara serentak untuk dipilih oleh pelanggan.

- c. permohonan pelanggan tidak diterima oleh syarikat takaful atas sebab-sebab tertentu.
- ii. Bagi pakej pembiayaan secara Islam yang merangkumi amaun caruman perlindungan, institusi kewangan Islam hendaklah memastikan bahawa hanya pelan takaful digunakan bagi melindungi pembiayaan secara Islam tersebut. Premium insurans konvensional tidak boleh dimasukkan sebagai sebahagian daripada pakej pembiayaan secara Islam.
- iii. Sekiranya pelanggan yang mengambil perlindungan insurans konvensional bagi melindungi pembiayaan secara Islam meninggal dunia atau mengalami musibah yang mengakibatkannya tidak dapat membuat pembayaran pembiayaan, institusi kewangan Islam berhak menerima pampasan insurans konvensional berkenaan.

Penyelidik berpandangan, pada masa hadapan institusi kewangan Islam sepatutnya mewajibkan pelanggannya sama ada pengeksport atau pengimport agar menggunakan perkhidmatan takaful untuk melindungi barangan mereka terutama ketika proses penghantaran barangan berlaku dalam lingkungan yang boleh dilindungi oleh syarikat takaful untuk mengelakkan transaksi tersebut terlibat dalam unsur riba, judi dan *gharar*. Selain itu, syarikat takaful juga perlu memainkan peranan untuk meluaskan lagi rangkaian dan perkhidmatan mereka untuk melindungi barangan dalam transaksi eksport dan import seterusnya membolehkan pengguna menggunakan perkhidmatan mereka. Untuk membolehkan perlaksanaannya lebih berkesan, klausa yang mewajibkan penggunaan takaful perlu dimasukkan dalam borang perjanjian mana-mana produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam yang dipilih oleh pelanggan.

### 6.3.5 Isu UCP 600 dalam transaksi Surat Kredit

UCP 600 diaplikasikan dalam kebanyakan transaksi Surat Kredit kerana pihak-pihak yang menggunakan Surat Kredit akan mengaplikasikan UCP dalam kontrak mereka (Ahmad Shamsul, 2007). Setakat ini, UCP telahpun diiktiraf oleh lebih daripada 150 buah negara (Rosmawani, 2009). Selain isu riba yang telah dibincangkan sebelum ini, satu lagi isu yang membabitkan UCP 600 ialah transaksinya yang hanya melibatkan dokumen bukannya barangan atau item yang menjadi rukun jual beli dalam *muamalat* Islam. Hal ini bermaksud dengan hanya berpandukan dokumen dan butir-butir yang terkandung dalam dokumen tersebut, proses jual beli sudah diterima berdasarkan peraturan UCP. Oleh itu peraturan ini dikira menyalahi fiqh Islam kerana wujudnya unsur-unsur *gharar* (keraguan) dalam urusan tersebut kerana pihak pembeli tidak mengetahui barangan yang dibelinya dengan jelas dan tepat, hanya berdasarkan dokumen sahaja. Oleh itu, kemungkinan dan ruang untuk berlakunya penipuan adalah amat luas dalam situasi begini.

Jumhur fuqaha telah menetapkan bahawa jual beli mestilah mengandungi tiga unsur utama yang dikira sebagai rukun jual beli iaitu *sighah* (ijab dan qabul), dua pihak yang berakad (*al-'aqidan*) dan objek atau barangan (*al-ma'qud alaih*) (al-Sawi, 1952, al-Nawawi, t.t, al-Buhuti, 1982). Fuqaha mazhab Hanafi pula menetapkan hanya *sighah* (ijab dan qabul) sahaja sebagai rukun akad (Ibn Abidin, t.t). Namun ia bukanlah bermaksud mazhab Hanafi menyatakan tidak perlu adanya rukun-rukun yang lain, cuma mereka hanya mewajibkan adanya unsur-unsur yang lain itu agar dapat dibezakan antara akad yang fasid dan batil. Para fuqaha juga telah membincangkan syarat-syarat barangan

jualan (*al-ma'qud alaih*) antaranya ialah barangan itu mestilah diketahui oleh kedua-dua pihak yang berkontrak secara jelas dan tepat. Syarat ini diperlukan dalam setiap akad *mu'awadat* seperti jual beli, sewa, pajakan, *istisna'*, *salam* dan *wakalah*. Perincian diperlukan untuk mengelakkan unsur *gharar* yang boleh membawa kepada pertenggaran dan pergaduhan.

Pengetahuan dan perincian ke atas barangan boleh berlaku dengan cara menunjukkan barang tersebut jika sudah berada di dalam majlis akad, atau dengan menjelaskan spesifikasinya yang tertentu untuk membezakannya daripada barang yang lain. Dalam kontek perdagangan antarabangsa yang menggunakan Surat Kredit, pihak pengeksport mengikut peraturan UCP 600 hanya perlu mengemukakan dokumen yang menjelaskan secara terperinci spesifikasi barangan dari segi kuantiti, jenis, sifat dan harganya. Pihak pembeli (biasanya bank) memadai dengan hanya mengetahui sifat barangan melalui dokumen tersebut tanpa melihatnya secara jelas dan nyata. Penyelidik berpendapat, jual beli sebegini walaupun sudah jelas spesifikasi barangan (*al-ma'qud alaih*) tetapi ruang untuk berlaku penipuan masih wujud selagi pembeli tidak melihat dan memastikan kesahihan sifat barangan seperti yang tercatat di dalam dokumen perjanjian jual beli. Berdasarkan temu bual penyelidik dengan pegawai-pegawai bank Islam yang terlibat dengan kajian ini, tidak kesemua mereka meneliti dan membuat semakan barangan yang dibeli secara terperinci ketika barangan berada di gudang untuk proses eksport atau import untuk memastikan ketepatannya seperti yang tercatat di dalam dokumen<sup>128</sup>.

---

<sup>128</sup>Temu bual dengan Temubual dengan Pn Nordalina Mohd Tormoti, Head of section, Bussiness Development, Trade Finance Department, Bank Muamalat Malaysia Berhad, KL, pada 14.10.2011, Temu bual dengan En Ramadhan Fitri b Ellias, Vice President/ Head Syariah Management Maybank Islamic pada 14.4.2012 di Dataran Maybank, Bangsar, KL

Situasi yang dibincangkan di atas mencetuskan unsur *gharar* dalam transaksi tersebut. UCP 600 hanya berurusan dengan dokumen sahaja, manakala fiqh Islam memberi fokus kepada dokumen serta barangan yang menjadi objek akad jual beli. *Gharar* dilarang kerana ia boleh membawa kepada pertelingkahan antara pihak yang berakad. *Gharar* telah menjadi isu perbincangan fuqaha mazhab dalam penulisan mereka ketika membicarakan jenis-jenis jual beli yang ditegah oleh syarak. *Gharar* merujuk kepada unsur-unsur ketidakpastian yang boleh mendedahkan seseorang itu kepada bahaya. Dalam konteks jual beli, jika disebut suatu akad itu mempunyai unsur *gharar*, ia bermaksud adanya unsur ketidakpastian dalam akad tersebut. Sebagai contoh, akad jual beli yang tidak dinyatakan harganya dikatakan mempunyai unsur *gharar* kerana pembeli tidak dapat memastikan harga jualan yang sebenar.

Terdapat tiga golongan fuqaha dalam mentakrifkan maksud *gharar* (Ibrahim Daradikah, t.t):

- i. *Gharar* yang bermaksud *jahalah* (tidak maklum) terhadap barang jualan. Antara ulama yang berpandangan sedemikian ialah al-Sarakhsi dan al-Zaila'i daripada mazhab Hanafi. Al-Sarakhsi telah mendefinisikan *gharar* sebagai sesuatu perkara yang tidak diketahui akibatnya (al-Sarakhsi, 1989).
- ii. *Gharar* yang merujuk kepada syak. Ini merupakan definisi al-Kasani, Ibnu Abidin daripada mazhab Hanafi dan al-Dusuqi daripada mazhab Maliki. Menurut al-Kasani, *gharar* ialah risiko seimbang yang bakal dihadapi oleh seseorang sama ada sesuatu yang dikehendaki itu akan wujud atau sebaliknya dalam jual beli. Baginya situasi *gharar* adalah dalam kedudukan syak (al-

Kasani, 2003). Beliau menggariskan perkara ini ketika membincangkan jual beli bagi barangan yang masih belum dilihat oleh pembeli. Bagi mazhab Hanafi, jual beli sedemikian sah kerana pembeli mempunyai hak untuk membuat pilihan setelah melihat barangan tersebut.

iii. *Gharar* yang merujuk kepada sesuatu yang tidak diketahui akibatnya. Ini merupakan aliran sebahagian besar fuqaha. mazhab Syafii mendefinisikan *gharar* sebagai *khatar* (berbahaya). Al-Syirazi, salah seorang fuqaha dalam mazhab ini, mendefinisikan *gharar* sebagai sesuatu yang tidak diketahui keadaannya dan terselindung akibatnya (al-Syirazi, 1976). Al-Ramli (1984) pula menyatakan, *gharar* ialah suatu perkara yang mempunyai dua andaian positif dan negatif, namun perkara negatif lebih besar.

Jika kita membandingkan antara mazhab Hanafi dan Syafii, didapati mazhab Syafii berpandangan bahawa isu *jahalah* (tidak maklum) mengenai barangan jualan ketika akad jual beli ialah suatu *gharar* yang besar. Hal ini menjadikan sesuatu akad jual beli itu tidak sah. Oleh sebab itu, mazhab Syafii mensyaratkan pembeli mesti mengetahui barang yang bakal dibeli dari sudut kadar dan sifatnya ketika akad. Dalam konteks ini, kita dapat melihat bahawa mazhab Syafii lebih ketat dalam menjaga maslahat pembeli. Perkara ini juga perlu diberi keutamaan kerana sekiranya wujud *gharar fahisyh* (banyak), kebanyakan ulamak menyatakan ia boleh membatalkan akad terutamanya dalam akad *mu'awadat*. Menurut Beltaji (1988), agak mustahil bagi pembeli dan penjual untuk mengelakkan *gharar* sepenuhnya. Oleh itu para fuqaha telah membezakan antara *gharar*

yang membatalkan akad dan gharar yang dimaafkan, berdasarkan kaedah fiqh seperti (رفع الحرج)<sup>129</sup> dan (لا ضرر ولا ضرار)<sup>130</sup>.

Oleh itu, penyelidik mencadangkan bank-bank Islam di Malaysia agar membuat semakan dan penelitian terhadap barangan (*al-ma'qud alaih*) ketika ia sampai di pelabuhan atau lapangan terbang untuk memastikan ia benar-benar bertepatan dengan spesifikasi yang dinyatakan dalam dokumen Surat Kredit. Walaupun ia merupakan satu tugas yang agak sulit dan membebankan, persoalan hukum perlu diberi keutamaan agar perbankan Islam tidak hanya menerima apa sahaja butiran yang terkandung dalam UCP 600 yang menerima jual beli dengan hanya berdasarkan dokumen sahaja. Pandangan fuqaha mazhab Syafii yang menganggap isu kejahilan pembeli terhadap objek atau barangan sebagai *gharar* yang besar perlu diberi perhatian oleh bank-bank Islam demi untuk menjaga kemaslahatan pihak pembeli (sama ada bank sendiri atau pengimport).

### **6.3.6 Isu Matawang Asing (*foreign currency*) dalam Perdagangan Antarabangsa**

Perdagangan antarabangsa melibatkan dua atau lebih negara yang menjalankan kegiatan perdagangan eksport dan import. Boleh dikatakan hampir kesemua negara di dunia ini mempunyai matawang tersendiri yang diguna pakai bagi urusan pembayaran atau menerima bayaran di negara masing-masing. Dalam urusan niaga perdagangan antarabangsa, matawang-matawang asing diperlukan untuk diguna pakai dalam urusan pembayaran. Keperluan inilah yang membawa kepada wujudnya transaksi *forex* iaitu

---

<sup>129</sup>Kaedah fiqh yang bermaksud “ syariah mengangkat dan menghapuskan kesusahan”

<sup>130</sup>Kaedah fiqh yang bermaksud “ tiada mudharat dan tidak menyebabkan kemudharatan dalam Islam”

pertukaran bagi satu matawang dengan satu matawang yang lain. Pihak yang menjual barangan kepada negara lain akan menerima bayaran dalam bentuk matawang asing, begitu juga sekiranya pembeli membuat pembayaran kepada penjual di negara lain, maka pembayaran dilakukan dalam Ringgit Malaysia yang ditukarkan kepada nilai matawang negara berkenaan.

Kadar pertukaran matawang asing atau disebut juga sebagai kadar *forex*, adalah nilai atau harga matawang sesebuah negara berbanding dengan matawang negara asing tertentu iaitu bilangan unit matawang bagi sesebuah negara yang perlu dibayar bagi membeli satu unit matawang sesebuah negara yang lain. Kadar forex bagi kebanyakan negara pada hari ini ditanda aras oleh sistem pengapungan yang ditentukan oleh keadaan pasaran, iaitu berasaskan permintaan dan penawaran matawang (Marjan, Lokmanulhakim, Md. Som & Wan Norhaziki, 2011).

Merujuk kepada fiqh Islam, persoalan pertukaran matawang asing ini telah dibincangkan oleh fuqaha dalam bab *bay' al-sarf* (بيع الصرف). Majoriti fuqaha mendefinisikannya sebagai (al-Kasani, 2003, al-Syarbini, t.t, Ibn Qudamah, 1997) :

" أنه بيع الثمن بالثمن جنسا بجنس او بغير جنس فيشمل  
بيع الذهب بالذهب والفضة بالفضة كما يشمل بيع الذهب  
بالفضة"

*"Ia adalah jualbeli harga dengan harga, sama jenis atau tidak sama jenisnya maka ia termasuklah jualbeli emas dengan emas dan perak dengan perak sepertimana termasuk juga jualbeli emas dengan perak"*

Berdasarkan pengertian di atas, majoriti fuqaha (Mazhab Hanafi, Syafii dan Hanbali ) bersepakat menyatakan bahawa *bay' al-sarf* ialah jual beli antara matawang (emas atau perak) dengan matawang (emas atau perak) sama ada bersamaan jenis atau berlainan jenis.

Dalam dunia hari ini, matawang kertas merupakan perantara pertukaran dalam urusan jual beli di seluruh dunia, di mana setiap negara mempunyai matawang tersendiri. Adakah penggunaan matawang kertas menyamai penggunaan emas dan perak ataupun dinar dan dirham yang disebut secara tekstual dalam hadis-hadis Rasulullah s.a.w ? Fuqaha semasa secara individu, fatwa secara kolektif ataupun melalui resolusi persidangan badan-badan fatwa atau kajian syariah terkemuka, sepakat bahawa matawang kertas yang diguna pakai pada hari ini adalah sama hukumnya dengan emas dan perak dari sudut hukum riba, zakat dan *salam* serta lain-lain hukum yang berkaitan. Akademi Fiqh Islam Antarabangsa OIC dalam persidangan ke-3 yang diadakan di Amman, Jordan pada 8-13 Safar 1407H bersamaan 11-16 Oktober 1986 telah mengeluarkan resolusi yang berikut (Majallah Majma' al-Fiqh al-Islami, bil. 3, j.3) :

*“Berkaitan hukum-hakam matawang kertas, bahawa ia adalah matawang (nuqud) secara iktibari, yang mempunyai sifat harga/nilai (al-thamaniyyah) yang sempurna, dan ia adalah mengambil hukum hakam syarak yang telah ditetapkan pada emas dan perak dari sudut hukum riba, zakat, salam dan segala hukum-hakamnya”.*

Oleh itu, berdasarkan resolusi di atas sebarang transaksi yang melibatkan matawang kertas perlu memenuhi semua syarat jual beli matawang emas dan perak.

Jual beli *al-sarf* mempunyai empat syarat yang khusus untuk menjadikannya sah iaitu (Za'tary, 2010) :

- i. Berlaku penyerahan (*taqabud*) kedua-dua item yang dijual beli sebelum berpisah
- ii. Akad jual beli *al-sarf* mestilah bebas daripada pensyaratan penangguhan
- iii. Akad jual beli *al-sarf* mestilah bebas daripada *khiyar al-syart*
- iv. Persamaan kadar antara dua item yang ditukar jika bersamaan jenis.

Urusan pembayaran yang menggunakan Surat Kredit dalam perdagangan antarabangsa tidak terlepas daripada syarat-syarat ini. Berdasarkan syarat yang kedua, kedua-dua item (matawang emas atau perak termasuk matawang kertas) yang ditukarkan hendaklah kedua-duanya secara *lani* (spot) dan tidak boleh salah satu pihak yang bertransaksi meletakkan syarat penangguhan serahan. Oleh sebab nilai matawang berubah-ubah, dan proses penyerahan matawang di peringkat antarabangsa biasanya mengambil masa dua hari bekerja dari tarikh transaksi dibuat, maka formula (T+2) digunapakai oleh perbankan Islam di Malaysia dan ia masih dianggap sebagai pembayaran secara *lani* (spot)<sup>131</sup>. Hal ini bermaksud harga barangan masih sama dengan harga semasa proses akad dilakukan walaupun nilai matawang asing di negara tersebut meningkat ketika pembayaran diterima oleh pihak benefisiari. Selain itu, terdapat beberapa faktor lain yang menyumbang kepada berlakunya kelewatan atau penangguhan bayaran yang tidak disengajakan yang perlu diambil kira oleh pihak bank benefisiari. Masalah-masalah yang sering berlaku secara

---

<sup>131</sup>Temu bual dengan Pn Nordalina Mohd Tormoti, Head of Section, Bussiness Development, Trade Finance Department, Bank Muamalat Malaysia Berhad, KL, pada 14.10.2011, Temu bual dengan En Ahmad Tarmizi b Abu Hanifah, Pegawai Bahagian Pembiayaan Perdagangan, Maybank Islamic, Bangsar KL pada 14.4.2012

tidak disengajakan adalah seperti kesilapan komunikasi, kesilapan nombor akaun bank, kesilapan Kod Pengecam Bank (*Bank Identifier Code*) dan kesilapan matawang yang digunakan. Oleh itu, dalam hal-hal sebegini, pihak bank benefisiari perlulah menyelidiki faktor-faktor yang membawa kepada penangguhan pembayaran oleh bank pengimport.

### **6.3.7 Dokumentasi dalam Produk-produk Pembiayaan Perdagangan Antarabangsa Islam**

Dokumentasi merupakan antara elemen yang penting dalam sesuatu kontrak yang dimeterai. Ia biasanya menyatakan dengan jelas hak, peranan dan tanggungjawab pihak yang berkontrak. Menurut Sharifah<sup>132</sup>, oleh sebab ketiadaan garis panduan khusus berkaitan produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam dari Bank Negara Malaysia, pihak mahkamah biasanya akan merujuk kepada dokumentasi untuk melihat kesahannya (*valid*) dari aspek undang-undang. Oleh itu, beliau menambah bahawa dokumen-dokumen yang berkaitan dengan proses akad (kontrak) dalam urusan perdagangan yang dilaksanakan di bank-bank Islam di Malaysia perlulah menepati prinsip-prinsip syariah.

Dalam temu bual penyelidik dengan pegawai-pegawai pembiayaan perdagangan dan eksekutif-eksekutif syariah bank-bank yang terlibat dalam kajian ini, penyelidik turut menyentuh persoalan sama ada dokumen-dokumen yang digunakan dalam produk-produk pembiayaan perdagangan Islam di bank mereka menepati kehendak syariah atau tidak. Di samping itu mereka juga turut disoal tentang prosedur sesuatu dokumen itu dikira mencapai status *syariah compliant*. Kesemua responden (pegawai pembiayaan perdagangan dan eksekutif syariah) yang ditemu bual memberikan jawapan yang sama

---

<sup>132</sup>Temu bual dengan Pn Sharifah Faigah Syed Alwi, Fakulti Perniagaan, UiTM Shah Alam pada 14.4.2012

iaitu dokumen-dokumen yang digunakan dalam produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam di bank-bank mereka adalah menepati syariah (*syariah compliant*).

Menurut mereka, sebelum sesuatu produk dilancarkan, eksekutif syariah akan diberikan dokumen-dokumen yang berkaitan dengan produk-produk tersebut seperti borang permohonan, perjanjian dan sebagainya untuk diteliti dan disemak ketepatannya dari aspek syariah. Seterusnya, eksekutif syariah bank-bank dan staf-staf bahagian bisnes dan produk terutamanya akan duduk berbincang dan meneliti dokumen-dokumen yang diberikan, kontrak-kontrak yang digunakan dan membetulkan terma-terma yang dianggap tidak bertepatan dengan syariah<sup>133</sup>. Menurut En Azizi b Che Seman, penasihat syariah BMMB, dokumen-dokumen berkaitan sesuatu produk seterusnya akan dinilai dan disemak oleh penasihat-penasihat syariah bank-bank Islam sebelum ianya dilancarkan. Prosedur yang dijalankan ini adalah untuk memastikan sesuatu produk itu menepati syariah terutama dari segi dokumentasinya sebelum aspek perlaksanaannya.

Penyelidik turut mendapatkan beberapa borang-borang dan dokumen-dokumen sekadar yang dibenarkan oleh pihak bank untuk diteliti dan dianalisa terma-terma khususnya berkaitan aplikasi kontrak-kontrak yang digunakan. Antara borang dan dokumen yang diteliti oleh penyelidik adalah seperti yang berikut :

---

<sup>133</sup>Temu bual dengan En Sofiyuslam, RHB Islamic, KL pada 19.6.2012, En Ramadhan Fitri b Ellias, Vice President/ Head Syariah Management Maybank Islamic, KL pada 14.4.2012 dan En Azizi b Che Seman, Penasihat Syariah BMMB, APIUM, KL pada 2.5.2012

Jadual 6.11

*Analisis Dokumen-dokumen Pembiayaan Perdagangan Antarabangsa Islam (ITF)*

| Jenis borang dan dokumen  | Menepati syariah | Ulasan  |
|---|------------------|---|
| <i>Al-wakalah/al-murabahah/Borang Permohonan Dokumentari Kredit</i>             | Ya               | i.Dinyatakan dengan jelas pihak yang terlibat dalam kontrak dan kontrak yang digunakan ( <i>wakalah</i> atau <i>murabahah</i> ).  |
| <i>Documentary credit-i application/application for letter of credit (LC-i)</i> | Ya               | ii.Tidak dinyatakan dengan jelas jenis kontrak yang dikehendaki pelanggan. Hanya istilah “ <i>without financing</i> ” atau “ <i>with financing</i> ” dimasukkan. Dicadangkan agar jenis kontrak ( <i>wakalah/murabahah</i> ) dimasukkan agar lebih menepati kehendak kontrak Islam. |
| <i>Aplication to countersign shipping guarantee dan letter of indemnity</i>     | Ya               | Dicadangkan agar dimasukkan istilah kontrak “ <i>kafalah</i> ” dalam borang dan dokumen agar lebih jelas kontrak tersebut (bank hanya menggunakan istilah “ <i>guarantee</i> ” sahaja).   |
| <i>Al-Murabahah contract note (customer)</i>                                    | Ya               | Dinyatakan dengan jelas terma pembelian oleh pelanggan yang merangkumi harga jualan yang dicampur dengan keuntungan pihak bank ( <i>murabahah</i> ) yang dibayar secara ansuran.  |
| <i>Bay’ al-dayn (debt trading) contract note</i>                                | Ya               | Dinyatakan dengan jelas akad jualan hutang kepada pihak bank pada harga diskaun yang dibayar secara tunai.  |

|   |    |   |
|---|----|---|
| Borang Permohonan Surat Jaminan Bank          | Ya | Dinyatakan dengan jelas jenis jaminan yang dikehendaki, pihak benefisiari dan jumlah yang dijamin (menepati rukun kafalah). Kontrak “ <i>kafalah</i> ” juga dinyatakan dengan jelas.  |
| <i>Murabahah financing (agent claim form)</i> | Ya | Dinyatakan dengan jelas pelanggan sebagai wakil (agent) untuk membeli barangan bagi pihak bank. Elemen <i>waad</i> turut dimasukkan sebagai janji pelanggan untuk membeli barangan tersebut dari pihak bank serta pengakuan pelanggan bahawa bank adalah pemilik barangan tersebut. |

---

Rajah di atas sekadar menunjukkan beberapa borang dan dokumen yang diperolehi penyelidik dari bank-bank Islam yang terlibat dalam kajian. Dokumen-dokumen ini dinyatakan secara umum sahaja tanpa merujuk secara khusus kepada mana-mana bank atas dasar kerahsiaan. Namun begitu, istilah-istilah yang digunakan oleh bank-bank tersebut terhadap dokumen-dokumen dan borang-borang adalah hampir sama. Sebagai contoh istilah Surat Kredit digunakan sama ada sebagai “*Letter of Credit*” atau “*Documentary Credit*” namun pada hakikatnya ia adalah sama sahaja. Dokumen-dokumen perjanjian yang asal merupakan kerahsiaan pihak bank dan dilarang untuk didedahkan kepada umum. Oleh itu, penyelidik hanya meneliti beberapa borang dan dokumen seperti di atas dari aspek aplikasi kontrak-kontrak yang digunakan untuk menunjukkan ketepatan amalannya dari aspek syariah. Penyelidik mencadangkan agar terma-terma kontrak tersebut dapat dizahirkan dengan jelas dalam dokumen dan borang-

borang yang digunakan agar ciri keislaman dan unsur *muamalat* Islam dapat dilihat dan seterusnya difahami oleh pelanggan terutamanya.

### **6.3.8 Isu-isu Teknikal Berkaitan Akad .**

#### **6.3.8.1 Kesilapan dalam Dokumen-dokumen Surat Kredit (*discrepancy*)**

Surat Kredit secara Islam (LC-i), sebagaimana Surat Kredit konvensional dikawalselia oleh peraturan yang amat ketat yang menegaskan bahawa setiap dokumen mestilah mematuhi dengan tepat peraturan-peraturan Surat Kredit. Pihak benefisiari (pengeksporth) hanya akan dijelaskan bayaran oleh pihak bank sekiranya dokumen-dokumen berkaitan menepati terma-terma yang telah ditetapkan. Sebarang kesilapan (*discrepancies*) akan menyebabkan beliau (benefisiari) tidak menerima bayaran daripada pihak bank. Menurut Azam *et al.*, (2009), berdasarkan amalan semasa, pihak bank akan mengenakan denda di atas sebarang kesilapan yang berlaku dalam dokumen-dokumen Surat Kredit. Walaupun tujuannya untuk mendidik benefisiari agar lebih berhati-hati ketika menyediakan dokumen, namun ia boleh dianggap sebagai satu sumber pendapatan yang mudah bagi pihak bank kerana mereka mempunyai hak yang penuh untuk mengenakan sebarang caj. Setakat ini, belum ada sebarang pengukuran yang khusus berkaitan amaun denda tersebut dan ia bersifat prejudis, tidak adil dan menekan pihak benefisiari.

Islam melarang penekanan dan berlaku zalim kepada orang lain sebagaimana satu hadis Qudsi di mana Rasulullah s.a.w menyatakan bahawa Allah s.w.t berfirman:

يا عبادي إني حرمت الظلم على نفسي وجعلته بينكم محرما  
فلا تظالموا...

*“Aku telah mengharamkan kezaliman bagi diriku dan menjadikan ianya haram di kalangan kamu, oleh itu janganlah kamu berlaku zalim antara satu sama lain”*

(Al’Adawi, t.t, no.160)

Menurut Lahasna (2007), denda tersebut tidak seharusnya dikenakan bagi kesalahan yang dikira sebagai minor, yang tidak disengajakan oleh pihak pembeli dan tidak merosakkan urusan niaga dan transaksi. Menurut beliau lagi, denda ini sepatutnya boleh dihapuskan oleh pihak bank dengan anggapan bahawa dalam situasi manapun pihak pembeli akan sentiasa berusaha untuk mengelakkan sebarang kesilapan ketika menyediakan dokumen-dokumen berkaitan. Mereka (pembeli) juga sudah tentu berhati-hati dalam penyediaan dokumen kerana sekiranya kesilapan berlaku, mereka tidak boleh memperolehi barangan yang diimport.

Penyelidik berpandangan denda atas kesilapan dokumen ini boleh dikenakan atas kadar yang tidak membebankan dan mempunyai mekanisme pengukuran yang khusus untuk menentukan kadar denda tersebut. Ini adalah untuk memastikan keadilan dapat ditegakkan kepada kedua-dua belah pihak yang berkontrak selain menghindari unsur penindasan kepada pembeli.

#### **6.3.8.2 Dua Kontrak dalam Satu Transaksi (*Wakalah dan Murabahah* )**

Akad memainkan peranan yang amat penting dalam menentukan kesahihan sesuatu kontrak yang dimeterai antara penjual dan pembeli. Akad juga merupakan satu elemen utama yang membezakan antara perbankan Islam dan konvensional. Dalam pelaksanaan Surat Kredit secara Islam, pihak *issuing* bank dan pemohon (pengimport) hendaklah

menyatakan persetujuan mereka untuk menggunakan Surat Kredit sebagai medium transaksi pembayaran ketika berlakunya majlis akad (*majlis al- 'aqd*).

Peringkat pertama proses akad bagi Surat Kredit *wakalah* selesai selepas termeterainya kontrak dan Surat Kredit dikeluarkan. Peringkat kedua merupakan akad baru yang berlaku ketika barangan yang diimport sampai. *Issuing* bank akan mengeluarkan satu dokumen perjanjian iaitu dokumen jual beli secara *murabahah* yang menyatakan persetujuan bank untuk menjual semula barangan tersebut kepada pengimport secara hutang (ansuran). Proses akad peringkat kedua ini hendaklah berlaku ketika penyerahan dokumen-dokumen pembiayaan secara *murabahah* kepada pengimport dan barangan jualan juga hendaklah dipastikan telah wujud untuk mengelakkan berlakunya akad tanpa kewujudan barangan (Azam *et al.*, 2009).

Berdasarkan penelitian dan temu bual penyelidik dengan pegawai-pegawai syariah bank-bank Islam yang terlibat, mereka menjelaskan bahawa kedua-kedua peringkat akad (*wakalah* dan *murabahah*) dilaksanakan secara berasingan untuk mengelakkan berlakunya dua akad dalam satu transaksi<sup>134</sup>. Isu syariah berlaku apabila di peringkat pelaksanaan, terdapat bank-bank yang mengambil jalan mudah dengan melaksanakan kedua-dua kontrak (*wakalah* dan *murabahah*) dalam pengeluaran Surat Kredit dalam satu dokumen secara serentak<sup>135</sup>. Amalan ini termasuk dalam kategori mengadakan dua kontrak dalam satu transaksi yang dilarang oleh Rasulullah s.a.w dalam hadisnya:

نهى رسول الله صلى الله عليه وسلم عن بيعتين في بيعة

---

<sup>134</sup>Temu bual dengan En Mohd Hafiz b Yusof, RHB Islamic pada 4.3.2011, Temu bual dengan En Ahmad Suhaيمي b Yahya, Regional Head Shariah, KFH pada 25.3.2011

<sup>135</sup>Temu bual dengan Dr Akram b Laldin, Pengarah Eksekutif ISRA, KL pada 21.7.2011.

“Rasulullah s.a.w telah menegah dua jualan (kontrak) dalam satu transaksi”.

(Al-Tirmidhi, t.t, no.1231)

Dalam satu hadis lain yang membawa pengertian yang sama Rasulullah s.a.w bersabda:

نهى رسول الله صلى الله عليه وسلم عن صفقتين في صفقة

واحدة

“Rasulullah saw telah melarang melakukan dua tepukan (akad jual beli) dalam satu transaksi”

(Al-Syaukani, 2004, j.5, no.2180)

Kedua-dua hadis di atas menyatakan dengan jelas larangan dan tegahan Rasulullah s.a.w menghimpunkan dua kontrak dalam satu urusan niaga jual beli. Perkataan *al-safaqah* dalam hadis yang kedua merujuk kepada adat orang-orang Arab yang menepuk tangannya kepada tangan seorang yang lain menandakan terjadinya jual beli antara keduanya (Al-Fayyumi, 1987). Al-Syaukani (2004) menyatakan bahawa maksud *al-safaqatain fi safaqah* adalah menyamai *baiatain fi bay'ah*. Istilah ini seterusnya digunakan dengan maksud jual beli itu sendiri (Hammad, 2001). Kebanyakan fuqaha menyatakan bahawa kedua-dua hadis di atas membawa maksud yang sama.

Kesimpulannya, bank-bank Islam yang bersikap sambil lewa ketika pelaksanaan Surat Kredit *wakalah* khususnya perlu mengasingkan antara dokumen kontrak *wakalah* di fasa pertama dan seterusnya melaksanakan kontrak *murabahah* pula di dokumen yang berlainan untuk mengelakkan situasi *bay'atain fi bay'ah* berlaku.

## 6.5 Penutup

Rumusannya, isu-isu syariah yang berlaku dalam produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam seperti Surat Kredit-i, Bil-bil Penerimaan-i, Resit Amanah-i dan lain-lain boleh dikategorikan kepada lima faktor utama iaitu :

- i. Penggunaan kontrak-kontrak seperti *murabahah*, *bay' al-dayn*, *kafalah* dan *wakalah*
- ii. Wujudnya unsur-unsur yang dilarang dalam *muamalat* Islam seperti riba dan *gharar*
- iii. Wujudnya elemen-elemen yang bertentangan dengan rukun dan syarat-syarat jual beli seperti status halal barangan (*al-ma'qud alaih*), perincian dan kewujudan barangan semasa proses akad berlaku.
- iv. Dokumentasi produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam seperti borang-borang permohonan, perjanjian, nota kontrak dan sebagainya sama ada menepati syariah atau tidak.
- v. Faktor-faktor luaran seperti penggunaan UCP 600 dalam Surat Kredit, insuran konvensional, tukaran wang asing (*al-sarf*) dan isu-isu berkaitan akad.

Isu-isu tersebut ada di antaranya merupakan isu-isu yang telah lama dibincangkan oleh para fuqaha semasa dan masih belum selesai hingga kini seperti beberapa isu dalam *murabahah* dan *bay' al-dayn* serta penentuan *actual costs* dalalam upah perkhidmatan *kafalah*. Isu ini juga wujud dalam produk-produk pembiayaan yang lain, tidak hanya

dalam produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam. Penyelidik telah sedaya upaya menganalisis dan membahas isu-isu yang berkaitan dengan mengambil kira pandangan fuqaha silam dan kontemporari dan seterusnya mencadangkan alternatif yang sesuai dan boleh dilaksanakan demi kebaikan pihak bank Islam khususnya dan pengguna amnya agar *maqasid* syariah yang merupakan tunjang syariat Islam dapat ditegakkan.

## BAB TUJUH

### KESIMPULAN DAN PENUTUP

#### 7.0 Pendahuluan

Pada dasarnya kajian ini bertujuan untuk mengkaji secara mendalam pelaksanaan kontrak-kontrak dalam produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam yang sedang diamalkan oleh bank-bank Islam di Malaysia. Kajian ini telah menganalisa pelaksanaan kontrak-kontrak tersebut dengan memilih lima sahaja daripada bank-bank Islam tersebut iaitu Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB), Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB), Kuwait Finance House (KFH), RHB Islamic Bank Berhad dan Maybank Islamic. Pemilihan dan justifikasi lima buah bank Islam ini dipilih adalah berdasarkan perbincangan yang telah dinyatakan dalam bab tiga (metodologi). Sehubungan dengan itu, kajian ini juga telah merumuskan sama ada pelaksanaan kontrak-kontrak tersebut menepati kehendak hukum fiqh *muamalat* Islam seperti mana yang tertera dalam kitab-kitab *turath* atau sebaliknya dan adakah ia menepati panduan yang dikeluarkan oleh panel syariah masing-masing.

Kajian ini juga mengenal pasti isu-isu yang berbangkit khususnya dalam aspek syariah berkaitan pelaksanaan kontrak-kontrak terbabit iaitu *murabahah*, *bay' al-dayn*, *wakalah* dan *kafalah* dan isu-isu lain yang berkaitan. Seterusnya penyelidik telah berusaha mencari jalan penyelesaian dengan mengemukakan pandangan-pandangan fuqaha mazhab yang empat, pandangan badan-badan yang mempunyai autoriti dalam kewangan Islam seperti Majma' Fiqh Islami, Lembaga Syariah AAOIFI, Majlis Penasihat Syariah

BNM dan lain-lain. Tidak ketinggalan penyelidik juga telah mengemukakan pandangan-pandangan pakar-pakar kewangan Islam kontemporari dan seterusnya penyelidik membuat rumusan dan kesimpulan pandangan-pandangan tersebut. Hasil dapatan-dapatan tersebut, penyelidik mengemukakan cadangan-cadangan yang menurut hemat penyelidik bersesuaian untuk dilaksanakan dalam konteks pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam khususnya di Malaysia.

## **7.1 Perbincangan Tentang Dapatan Kajian**

Hasil dapatan kajian ini selanjutnya dibincangkan secara yang lebih terperinci berdasarkan objektif kajian yang dikemukakan pada awal kajian. Penyelidik membahagikan dapatan kajian ini kepada beberapa segmen yang berasaskan kepada persoalan dan objektif kajian iaitu:

### **7.1.1 Pembiayaan Perdagangan Antarabangsa Islam yang Ditawarkan oleh Bank-bank Islam di Malaysia**

Setelah menganalisis data-data primer dan sekunder yang dikumpulkan oleh penyelidik melalui kajian perpustakaan, temu bual dan dokumentasi, rumusan kajian menunjukkan bahawa semua bank Islam di Malaysia (16 buah) menawarkan perkhidmatan pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam. Penyelidik merumuskan terdapat tujuh produk utama yang ditawarkan oleh bank-bank Islam di Malaysia. Produk-produk tersebut ialah Surat Kredit-i, Resit Amanah-i, Bil Penerimaan-i, Bil-bil Pertukaran Belian-i, Pembiayaan Semula Kredit Eksport-i, Jaminan Perkapalan-i dan Jaminan Bank-i. Perkara ini telah dibincangkan oleh penyelidik dalam bab empat.

Hasil temu bual penyelidik dengan pegawai-pegawai pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam di bank-bank Islam yang terlibat dengan kajian, mereka menyatakan bahawa pemilihan dan bilangan produk adalah berdasarkan keupayaan dan populariti sesuatu produk tersebut dalam kalangan pelanggan. Selain itu, penggunaan kontrak-kontrak yang kontroversi juga mempengaruhi penawaran sesuatu produk oleh pihak bank. Ini adalah kerana mereka juga perlu mematuhi pandangan dan panduan yang diberikan oleh penasihat atau eksekutif syariah bank. Sebagai contoh, sesetengah bank Islam tidak menawarkan produk Pembiayaan Semula Kredit Eksport (ECR-i) kerana penggunaan kontrak *bay' al-dayn* dalam operasi produk tersebut.

Selain itu, berdasarkan analisis juga kajian mendapati terdapat produk yang ditawarkan oleh bank-bank Islam yang mempunyai nama yang berbagai-bagai namun membawa pengertian yang sama. Produk Resit Amanah-i (TR-i) ditawarkan oleh bank-bank Islam di Malaysia dalam nama yang berbeza-beza iaitu *Murabahah* Trust Receipt-i (MTR-i), *Murabahah* Working Capital Financing (MWCF-i), Trade Working Capital Financing-i (TWCF-i) dan Trade *Murabahah*-i (TM-i). Penyelidik merumuskan berdasarkan temubual dan maklumat di laman web bank-bank berkenaan, hanya istilah yang berbeza namun maksudnya tidak lari dari konsep Resit Amanah sebagai produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam sebagaimana yang ditawarkan oleh bank-bank konvensional.

### 7.1.2 Kontrak-kontrak dalam Produk-produk Pembiayaan Perdagangan Antarabangsa Islam

Analisis yang telah dilakukan oleh penyelidik dalam bab empat menunjukkan bahawa terdapat sembilan kontrak yang sedang diaplikasikan oleh bank-bank Islam di Malaysia dalam produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam iaitu *murabahah*, *bay' al-dayn*, *wakalah*, *kafalah*, *musyarakah*, *mudarabah*, *tawarruq*, *bay' bithaman ajil* dan *bay' al-'inah* . Namun begitu, terdapat empat kontrak sahaja yang banyak diaplikasikan oleh bank-bank Islam di Malaysia iaitu *murabahah*, *bay' al-dayn*, *wakalah* dan *kafalah*.

Perincian bagi aplikasi kontrak-kontrak tersebut adalah seperti rajah berikut :

Jadual 7.1

*Aplikasi Kontrak-kontrak dalam Produk-produk Pembiayaan Perdagangan Antarabangsa Islam*

| <b>Produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam</b> | <b>Kontrak-kontrak</b>   |
|--|--|
| Surat Kredit-i ( LC-i)   | <i>wakalah</i> , <i>murabahah</i> dan <i>musyarakah</i>                          |
| Resit Amanah-i ( TR-i), Pembiayaan Modal Kerja                 | <i>murabahah</i> , <i>mudarabah</i> , <i>bay' bithaman ajil</i> , <i>wakalah</i> |
| Bil Penerimaan-i ( AB-i)                                       | <i>murabahah</i> , <i>bay' al-dayn</i>   |
| Bil-bil Pertukaran Belian-i ( BEP-i)                           | <i>bay' al-dayn</i> , <i>kafalah</i>   |
| Pembiayaan Semula Kredit Eksport-i ( ECR-i)                    | <i>murabahah</i> , <i>bay' al-dayn</i>   |
| Jaminan Perkapalan (SG-i)                                      | <i>kafalah/ daman</i>  |
| Jaminan Bank (BG-i)  | <i>kafalah/ daman</i>  |
| Pembiayaan Eksport <i>Tawarruq</i>                             | <i>tawarruq</i>  |
| On-Shore Foreign Currency Financing-i <sup>136</sup>           | <i>murabahah / bay' al-dayn</i>  |

<sup>136</sup>Produk-produk mulai bil 9-14 hanya ditawarkan oleh Maybank Islamic sahaja. Penyelidik tidak membuat penghuraian ke atas produk-produk ini kerana fokus kajian hanya kepada produk-produk mulai bilangan 1-7 sahaja. Rujuk <http://www.maybankislamic.com.my/business.html>, 23.04.2012

Jadual 7.1 (Sambungan)

| <b>Produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam</b> | <b>Kontrak-kontrak</b>  |
|--|---|
| Islamic Negotiable Instruments of Deposit (INID)               | <i>mudarabah</i>  |
| Negotiable Islamic Debt Certificate (NIDC)                     | <i>bay' bithaman ajil</i>                                     |
| Capital Protected Investment –Range Accrual                    | <i>bay' bithaman ajil/ wa'ad</i>                              |
| Islamic Profit Rate SWAP- IPRS                                 | <i>murabahah, bay' bithaman ajil, bay' al-'inah dan wa'ad</i> |
| Islamic Cross Currency SWAP (ICCS)                             | <i>murabahah, bay' bithaman ajil dan bay' al-'inah</i>        |

Hasil analisis penyelidik terhadap kontrak-kontrak yang digunakan di atas, terdapat kontrak-kontrak yang disepakati oleh para fuqaha silam dan semasa tentang penggunaannya, dan terdapat juga kontrak-kontrak yang masih menjadi khilaf di kalangan fuqaha seperti *bay' al-dayn*, *tawarruq*, *bay' al-'inah* dan *bay' bithaman ajil*. Penyelidik telah membahaskan berkaitan kontrak-kontrak tersebut, perundangannya dan perbincangan fuqaha silam dan semasa tentang penggunaannya dalam bab ke lima.

Berdasarkan penelitian penyelidik, terdapat empat kontrak utama yang digunakan oleh bank-bank Islam di Malaysia untuk produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam iaitu *murabahah*, *bay' al-dayn*, *wakalah* dan *kafalah*. Selain itu, prinsip *wa'ad* juga banyak digunakan sebagai janji sebelah pihak bagi pihak-pihak yang berakad (kontrak) untuk kemaslahatan kedua-dua belah pihak. Kontrak *murabahah* disepakati penggunaannya oleh fuqaha silam dan semasa serta badan-badan yang berpengaruh dalam kewangan dan perbankan Islam seperti Majma' Fiqh Islami, Lembaga Syariah AAOIFI, Majlis Fatwa al-Barakah serta Majlis Penasihat Syariah BNM di

peringkat negara Malaysia. Walaupun terdapat beberapa isu teknikal dalam kontrak *murabahah* yang menimbulkan isu syariah, namun dari segi asasnya penggunaan *murabahah* tidak menimbulkan kontroversi dari segi dasar. Kontrak *bay' al-dayn* pula hanya diterima penggunaannya oleh Majlis Penasihat Syariah BNM dan ulama negara Brunei, manakala majoriti ulama terutama dari negara-negara Timur Tengah mengharamkannya atas beberapa sebab seperti penjual tidak berupaya menyerahkan perkara (barangan) yang dijual kerana hutang dianggap *mal hukmi* sahaja, jualan hutang berlaku secara diskaun selain faktor risiko yang berlaku kepada pembeli, *gharar*, tidak berlaku *qabad* dan *riba*. Majoriti fuqaha menegahnya manakala sekumpulan fuqaha Mazhab Syafii mengharuskannya dengan alasan tiada nas yang jelas tentang pengharamannya.

### **7.1.3 Analisis Terperinci Berkaitan Kontrak-kontrak dan Isu-isu Syariah yang Berbangkit di antara Lima Buah Bank yang Terpilih.**

Penemuan kajian mendapati terdapat beberapa isu syariah yang berbangkit dan ianya telah dibincangkan secara terperinci dan dianalisis dalam bab enam berdasarkan kaedah penganalisan secara kualitatif iaitu kaedah suntingan, kaedah kerangka dan kaedah perbandingan. Penyelidik menyimpulkan isu-isu tersebut kepada lima segmen utama iaitu seperti yang berikut:

#### **7.1.3.1 Isu-isu Syariah yang Berbangkit daripada Perlaksanaan Kontrak-kontrak**

Terdapat empat kontrak utama yang diaplikasikan dalam produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam yang menimbulkan beberapa isu syariah iaitu

*murabahah*, *bay' al-dayn*, *wakalah* dan *kafalah*. Ada antara isu-isu ini juga berlaku dalam produk-produk pembiayaan yang lain dan masih menjadi perbincangan dan perbahasan dalam kalangan fuqaha semasa. Penyelidik menyimpulkan isu-isu tersebut seperti yang berikut :

#### **a. Murabahah**

Isu-isu yang berbangkit berkaitan pelaksanaan kontrak *murabahah* dalam produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam ialah seperti berikut :

##### **i. Al-Muwa'adah ((المواعدة))**

*Al-muwa'adah* bermaksud kedua-dua belah pihak iaitu penjual (bank) dan pembeli (pelanggan) berjanji untuk melakukan jual beli antara keduanya. Para fuqaha memberikan pandangan yang berbagai-bagai apabila pihak bank turut berjanji untuk menjualkan barangan kepada pembeli, sedangkan yang sepatutnya hanya pembeli (pelanggan) sahaja yang berjanji.

Resolusi yang dikeluarkan oleh Majma' Fiqh Islami pada awalnya mengharamkan *muwa'adah* yang bersifat *mulzim* (mengikat). Resolusi kedua yang dikeluarkan oleh mereka membenarkan *muwa'adah* dalam situasi yang khusus sahaja (*hajah*) seperti apabila sesuatu kontrak tidak akan terlaksana dengan sempurna melainkan dengan penggunaan *muwa'adah*. Namun perlu ditegaskan bahawa *muwa'adah* bukanlah kontrak jual beli, tetapi hanyalah janji untuk membeli sahaja. Janji sebelah pihak (pelanggan) sahaja untuk membeli barangan dihukumkan harus oleh Majlis Syariah Dallah al-Barakah dan Majlis Syariah AAOIFI.

Pihak bank juga diharuskan untuk meminta wang pendahuluan/tempahan yang dikenali dalam fiqh Islam sebagai *hamisyh jiddiyah* untuk memastikan pihak pelanggan membeli barangan daripada pihak bank setelah bank membeli dan memilikinya. Pihak bank juga boleh memasukkan dalam perjanjian jual beli (*purchase agreement*) dengan pembekal klausa yang membenarkan bank untuk memulangkan semula barangan (*khiyar al-syarat*) dalam tempoh tertentu di mana *khiyar* ini tamat apabila jual beli sebenar antara bank dan pelanggan berlaku (bila pelanggan membeli barangannya dari bank).

## ii. **Pemilikan Barangan (القبض)**

*Qabd* bermaksud penguasaan dan pemilikan terhadap sesuatu perkara yang kebiasaannya merujuk kepada sesuatu '*uqud mu'awadat* (akad pertukaran). *Qabd* boleh dilakukan secara zahir seperti pengambilan barangan selepas jual beli atau secara tidak zahir seperti pengiktirafan bahawa akibat sesuatu tindakan tertentu, menunjukkan *qabd* telah berlaku. Jual beli *murabahah* mensyaratkan pemilikan penuh (*al-qabd al-hakiki*) sesuatu barangan sebelum dijual kepada pihak pembeli. Ia melibatkan pertukaran nama secara rasmi di atas geran hak milik.

Dalam transaksi perbankan Islam semasa, bank-bank Islam tidak dapat melaksanakan penguasaan penuh kerana beberapa faktor perundangan, birokrasi dan sebagainya. Oleh itu, fuqaha semasa mencadangkan penggunaan *al-qabd al-hukmi* (pemilikan secara hukum sahaja/ *beneficial ownership*) atas dasar kesulitan dan kesusahan yang terpaksa dihadapi pihak bank untuk memiliki status pemilikan penuh. Oleh itu, bank-bank perlu memperolehi status *qabd hukmi* terlebih dahulu sebelum menjualkannya kepada

pelanggan dan ia dikira sudah memadai untuk memperolehi status pemilikan barangan. Bank-bank Islam yang terlibat dalam kajian ini memperolehi status barangan secara hukmi terlebih dahulu sebelum menjualkannya kepada pelanggan.

### **iii. Kadar Keuntungan yang Berubah-Ubah dalam Produk AB-i Pembelian secara *Murabahah***

Jual beli secara *murabahah* berkehendakkan pihak bank memaklumkan kepada pembeli (pelanggan) kadar keuntungan yang diperolehi serta harga modal sebenar barangan kerana ia termasuk dalam kategori jual beli amanah. Isu syariah yang berlaku ialah pihak bank tidak memaklumkan kepada pelanggannya kadar keuntungan yang diambil sedangkan antara syarat utama jual beli secara *murabahah* ialah kadar keuntungan hendaklah dipersetujui kedua-dua belah pihak.

Penemuan kajian menunjukkan isu ini tidak mencatatkan transaksi *murabahah*. Hal ini adalah kerana ketika proses akad, pihak bank dan pelanggan telah bersetuju penentuan harga jualan adalah dikira berdasarkan kadar siling (*contracted ceiling rate*) yang ditetapkan lebih tinggi daripada kadar keuntungan semasa. Perubahan kadar keuntungan dan harga jualan yang berlaku disebabkan OPR tidak merosakkan kontrak *murabahah* dalam produk AB-i. Unsur *gharar* juga tidak timbul kerana proses akad berlaku dengan jelas iaitu penetapan kadar keuntungan berdasarkan kadar siling (*contracted ceiling rate*) yang telah dipersetujui antara pihak bank dan pelanggan. Walaupun begitu sebaiknya harga jualan mestilah ditetapkan dan diketahui dengan jelas oleh pihak pelanggan agar

perselisihan tidak timbul. Kadar keuntungan sebenar pula adalah berdasarkan BFR yang dikira berdasarkan OPR yang ditentukan oleh Bank Negara Malaysia.

#### **iv. Penentuan Harga Jualan Berdasarkan Base Lending Rate ( BLR) Konvensional**

Penentuan kadar harga dalam jualan *murabahah* yang diamalkan oleh perbankan Islam di Malaysia adalah berdasarkan Base Lending Rate (BLR) konvensional semasa yang sememangnya berasaskan kepada riba. Fuqaha semasa mengharuskannya berdasarkan beberapa faktor seperti tiada pilihan lain yang ada melainkan terpaksa menyandar atau mengambil kadar faedah asas yang ditentukan oleh bank pusat (BNM dalam konteks Malaysia). Selain itu Majlis Syariah AAOIFI juga menyenaraikan beberapa hujjah lain yang membenarkan penggunaan BLR sebagai *benchmark* penentuan harga jualan iaitu berdasarkan kaedah *al-akhz bi al-qarain* (mengambil kira bukti-bukti lain), kaedah *al-istishab* (hukum asal sesuatu perkara adalah harus) dan hadis yang membenarkan penentuan harga berdasarkan pasaran semasa.

#### **b. Bay' al-Dayn**

*Bay' al-dayn* ialah jual beli hutang iaitu objek jual beli ialah hutang yang dimiliki oleh pemiutang yang berada dalam tanggungan penghutang. Perbankan Islam di Malaysia menggunakan kontrak *bay' al-dayn* secara meluas dalam produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa dan pasaran modal Islam. Penyelidik merumuskan isu-isu berkaitan *bay' al-dayn* berkisar tentang tiga elemen iaitu:

### **i. Jualan Hutang kepada Pihak Ketiga**

Para fuqaha berselisih pendapat apabila hutang dijual kepada pihak ketiga dengan alasan penjual tidak berupaya menyerahkan perkara (barangan) yang dijual kepada pembeli. Fuqaha Mazhab Hanafi tidak mengharuskannya manakala fuqaha Mazhab Maliki mengharuskannya dengan lapan syarat selain tiada unsur gharar. Fuqaha Mazhab Syafii pula mengharuskannya sekiranya hutang itu bersifat *mustaqir* iaitu hutang yang telah sabit secara pasti dan tetap, bukannya yang berbentuk jangkaan atau unjuran pada masa hadapan yang menimbulkan unsur ketidakpastian (*gharar*).

### **ii. Jualan Hutang Berlaku pada Harga Diskaun**

Jualan hutang yang dipraktikkan oleh bank-bank Islam di Malaysia ialah jualan secara diskaun. Fuqaha semasa terutamanya dari negara-negara Timur Tengah menerima pakai pandangan majoriti fuqaha yang tidak membenarkan jual beli hutang dengan diskaun (pengurangan) dengan alasan bahawa hutang yang terhasil itu tidak boleh dikira sebagai *mal* (aset) tetapi hanyalah dalam bentuk tuntutan kewangan (*monetary liabilities*) sahaja. Menurut mereka sebarang pertambahan atau kekurangan yang berlaku kepada salah satu pihak dalam transaksi hutang adalah menyerupai hukum riba. Dalam erti kata lain, hutang tidak boleh dijual atau ditukarkan kecuali dengan kadar dan nilai yang sama.

### **iii. Hutang Dikira sebagai *Mal* (Aset) atau Tidak**

Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia dalam mesyuarat keduanya pada 21 Ogos 1996 mengharuskan penggunaan *bay' al-dayn*. Hujah MPS mengharuskannya ialah sebarang hutang yang terhasil daripada mana-mana kontrak pembiayaan secara Islam

*seperti bay' bithaman ajil* atau *murabahah* dianggap sebagai aset atau komoditi, oleh itu ia boleh diniagakan sama ada dengan harga diskaun atau penambahan margin keuntungan.

Penemuan kajian mendapati, daripada lima buah bank Islam yang terlibat dalam kajian tiga daripadanya menerima kontrak *bay' al-dayn* dalam produk-produk yang ditawarkan dengan alasan telah dibenarkan penggunaannya oleh penasihat syariah bank mereka. Dua lagi bank Islam tidak menawarkan produk-produk yang berteraskan *bay' al-dayn* atas alasan tidak dibenarkan oleh penasihat syariah bank mereka. Perkembangan perbankan Islam semasa di Malaysia menunjukkan kontrak-kontrak kontroversi yang diaplikasikan dalam perbankan Islam di Malaysia seperti *bay' al-'inah* dan *bay' al-dayn* sudah mula digantikan dengan kontrak dan mekanisme yang lain untuk menghindarkan isu-isu syariah yang boleh menimbulkan kontroversi.

### **c. Kafalah**

*Kafalah* bermaksud jaminan (*guarantee*) iaitu kesanggupan dan komitmen pihak penjamin untuk menanggung sebarang tuntutan dan hak obligasi yang mesti ditunaikan oleh pihak yang dijamin. Isu yang masih menjadi perbincangan dalam kalangan fuqaha mazhab dan semasa adalah berkaitan keharusan pengambilan upah (*ujr*) atau tidak atas perkhidmatan *kafalah*.

Hasil penelitian penyelidik terhadap teks turath dan kontemporari, didapati terdapat dua pandangan atas isu ini. Jumhur fuqaha tidak membenarkannya atas alasan *kafalah*

termasuk dalam kontrak *tabarru'at* (sukarela) dan sekiranya disyaratkan (bayaran upah) dalam kontrak *kafalah* maka hukumnya adalah batal dan ia ditegah oleh syarak seperti larangan mengambil faedah atau keuntungan daripada hutang yang menyebabkan berlakunya riba. Mereka berhujah menggunakan ayat larangan berurusan dengan urusan niaga riba yang terdapat dalam al-Quran. Fuqaha semasa pula mengatakan harus bagi pihak bank (penjamin) mengambil upah atas pengeluaran surat jaminan yang berasaskan *kafalah* dengan beberapa penelitian yang mendalam merangkumi kesungguhan pihak bank, kos yang dikeluarkan, penat lelah pegawai bank dan kos-kos pengurusan. Pihak penjamin (bank) juga disyaratkan tidak menambah apa-apa kos lain selain daripada yang telah ditentukan oleh golongan pakar yang bersifat 'adil, bertaqwa, dipercayai dan warak. Selain itu, pembayaran upah kepada penjamin (bank) diharuskan kerana komitmen dan kesungguhan yang ditunjukkan oleh mereka untuk menjamin hutang pihak yang berhutang (pelanggan).

Perbezaan pandangan fuqaha ini turut mempengaruhi bank-bank dalam menentukan kadar upah atas perkhidmatan *kafalah*. Penyelidik mendapati terdapat dua metode penentuan upah yang diamalkan oleh lima buah bank Islam yang terlibat iaitu berdasarkan kos sebenar (*actual costs*) dan kadar yang ditetapkan oleh ABM berdasarkan jumlah yang dijamin. Perbezaan metode ini adalah berpunca dari perbezaan dimensi pandangan penasihat syariah bank-bank Islam tersebut terhadap kontrak *kafalah* yang diaplikasikan dalam BG-i dan SG-i sama ada ia di kira sebagai kontrak *tabarru'at* (sukarela) atau kontrak *mu'awadat* (pertukaran).

Oleh itu, sekiranya penasihat syariah bank Islam tersebut berpandangan bahawa kontrak *kafalah* dalam BG-i dan SG-i dikira dalam kategori *tabarru'at*, maka upah yang

dikenakan adalah berdasarkan kos sebenar pengurusan sahaja sebagaimana pandangan majlis syariah AAOIFI yang biasanya dalam kadar yang rendah. Sebaliknya, jika penasihat syariah bank Islam berpendapat ia dikira sebagai kontrak *mu'awadat*, maka upah yang dikenakan adalah berdasarkan peratusan dan kadar jaminan yang biasanya lebih tinggi kadarnya daripada pengiraan mengikut kos sebenar. Selain itu, bank-bank Islam yang terlibat juga sepakat mengatakan bayaran pihak bank kepada benefisiari dalam situasi default dikira sebagai *qard* (hutang) dan pelanggan turut dikenakan *ta'wid* dalam kes tersebut. Selain itu, bank-bank Islam dilarang mengambil keuntungan pula atas hutang (*qard*) yang dikenakan ke atas pelanggan yang *default* kerana boleh membawa kepada wujudnya elemen riba.

#### **d. Wakalah**

*Wakalah* bermaksud satu akad yang memberi kuasa orang yang mewakili kepada penerima wakil untuk menjalankan sesuatu tugas atau kerja bagi pihaknya (orang yang mewakilkan). Menurut pandangan fuqaha, *wakalah* hukumnya harus diambil upah atau tidak diambil upahnya (hukum asalnya) kerana termasuk dalam akad yang harus yang tidak diwajibkan ke atas orang yang diwakilkan untuk melaksanakannya. Penyelidik merumuskan beberapa isu berkaitan kontrak *wakalah* khususnya yang diaplikasikan dalam produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam :

#### **i. Pelanggan Tidak Mendepositkan Wang apabila Sampai Tempohnya**

Apabila berlaku situasi ini terdapat dua praktis yang diamalkan oleh bank-bank Islam yang terlibat dalam kajian ini iaitu pembayaran menggunakan dana bank dan dianggap sebagai hutang (*qard*) pelanggan kepada bank. Amalan ini adalah mengikut pandangan

jumhur fuqaha yang mengatakan akad *wakalah bil ujah* menjadi *mulzim* (mengikat), iaitu wajib ke atas penerima wakil untuk melaksanakan urusan yang diwakilkan dan dia tidak boleh mengabaikannya tanpa keuzuran yang dibenarkan kerana telah tertakluk di bawah hukum *al-ajir* (orang yang menerima upahan).

Praktis kedua ialah bank tidak mendahulukan pembayaran selagi pelanggan tidak menandatangani wang walaupun sudah melepasi tarikh yang dipersetujui. Pembayaran hanya akan dilakukan menggunakan wang pelanggan kerana menurut bank, mereka hanyalah sebagai agen/wakil sahaja. Amalan ini selari dengan pandangan fuqaha Mazhab Syafii yang menyatakan bahawa akad *al-wakalah* sama ada dengan upah ataupun tidak hanyalah akad yang harus dan tidak mengikat kedua-dua belah pihak dan mereka berhak untuk membatalkan akad dan tidak meneruskan perwakilan tersebut. Sekiranya prosedur Surat Kredit *wakalah-i* dipatuhi dengan betul, isu ini tidak akan timbul kerana Surat Kredit tidak akan dikeluarkan selagi pelanggan tidak menandatangani wangnya 100% ke dalam akaun bank.

## **ii. Status Barangan dalam Surat Kredit *Wakalah-i***

Penyelidik merumuskan terdapat dua amalan yang diamalkan oleh bank-bank Islam yang terlibat dalam kajian ini berkaitan status barangan (pemilik barangan yang dicatat dalam Bil Muatan). Amalan pertama ialah status barangan tersebut menjadi hak milik pihak bank (bank pengeluar) dengan alasan mereka akan kehilangan kawalan dan pemerhatian ke atas barangan tersebut sekiranya pelanggan dicatatkan sebagai pemilik barangan dalam bil muatan. Praktis kedua ia menjadi milik pelanggan kerana pelanggan telah membayar deposit sebanyak harga barangan yang dibeli (100%) ke dalam akaun bank.

Oleh itu, barangan tersebut adalah haknya dan bank hanya bertindak sebagai wakil untuk membayar kepada bank benefisiari sahaja. Penyelidik berpandangan sepatutnya pihak bank meletakkan nama pelanggan dalam Bil Muatan kerana pada hakikatnya pelanggan telah membayar 100% harga penuh barangan dan bank hanya sebagai agen pembayaran sahaja. Hal ini adalah untuk mengelakkan isu *al-hiyazah* (pemilikan dan penguasaan penuh) ke atas barangan tersebut.

### **iii. Pertukaran daripada Penggunaan Kontrak *Wakalah* kepada Kontrak *Murabahah* di Pertengahan Transaksi dalam Surat Kredit-i**

Isu yang berlaku bagi Surat Kredit *wakalah* (tanpa pembiayaan) dan Surat Kredit *murabahah* (dengan pembiayaan) adalah apabila pelanggan yang pada awalnya memilih untuk menggunakan Surat Kredit *wakalah*, namun apabila dokumen perdagangan yang menuntut bayaran sampai kepada pihak bank dan pelanggan dikehendaki menandatangani jumlah 100% harga barangan, beliau menukar keputusannya untuk menggunakan Surat Kredit *murabahah* pula kerana ketiadaan kredit yang mencukupi pada waktu tersebut. Isu syariah timbul kerana dalam Surat Kredit *wakalah* bank bertindak sebagai wakil kepada pelanggan manakala dalam Surat Kredit *murabahah* pula pelanggan yang menjadi wakil pembelian bagi pihak bank diperingkat awalnya sebelum bank menjualkannya kepada pelanggan.

Situasi ini mencetuskan kekeliruan dalam transaksi Surat Kredit tersebut kerana ia bermula dengan kontrak *wakalah* diperingkat awal dan berpindah kepada *murabahah* di pertengahan transaksi. Kedaan ini menimbulkan isu syariah iaitu seperti mengadakan dua transaksi dalam satu. Penyelesaiannya ialah pihak bank perlu memastikan pelanggan mampu untuk menandatangani sejumlah 100% harga barangan tersebut dengan

memasukkan elemen *wa'ad mulzim* yang mewajibkan pelanggan menandatangani jumlah 100% tersebut. Sekiranya keadaan tidak dapat dielakkan juga pelanggan boleh menyelesaikan pembayaran Surat Kredit-i dengan memohon pembiayaan peribadi secara Islam yang ditawarkan oleh bank Islam berkenaan atau bank-bank Islam yang lain.

#### **iv. Perlantikan Bank sebagai Agen Pembayaran dalam Surat Kredit *Wakalah-i***

Isu keempat berkaitan aplikasi kontrak *wakalah* dalam produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam ialah prosedur perlantikan wakil yang perlu mengikut tatacara perlantikan wakil dalam *muamalat* Islam. Penyelidik mendapati semua bank yang terlibat dalam kajian bersetuju bahawa prosedur perlantikan bank sebagai wakil pembayaran bagi pihak pelanggan perlu mengikut rukun-rukun dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh fiqh Islam. Rukun-rukun *wakalah* perlu dinyatakan dengan jelas agar peranan dan tanggungjawab masing-masing dapat dilaksanakan dengan sewajarnya. Peranan bank sebagai agen (wakil) pembayaran bagi pihak pelanggan perlu dinyatakan dengan jelas dalam surat tawaran yang dikeluarkan (*letter of offer*). Surat tawaran juga perlu menyatakan dengan jelas dan terperinci perkara yang diwakilkan (*al-wakalah al-khassah*) iaitu sebagai agen pembayar (*paying agent*) agar peranan ini tidak disalahgunakan dalam perkara-perkara yang lain.

#### **7.1.3.2 Wujudnya Unsur-Unsur yang Dilarang dalam *Muamalat* Islam seperti Riba.**

Isu riba timbul apabila Surat Kredit terutamanya terpaksa menggunakan UCP 600 yang dikeluarkan sepenuhnya oleh acuan Barat. Penemuan kajian mendapati, terdapat klausa dalam UCP 600 (artikel 13(b)(iii) yang mengandungi peruntukan-peruntukan berkaitan dengan riba. Perkataan "*interest*" dalam klausa itu merujuk kepada amaun denda

(penalty) yang perlu dibayar oleh bank penerbit (*issuing bank*) kepada bank pembayar (*reimbursing bank*) dalam situasi kegagalan bank penerbit menyediakan pembayaran dalam tempoh yang ditetapkan dan ianya berbeza-beza antara antara negara-negara bergantung kepada nilai matawang dan tempoh penangguhan yang berlaku. Tempoh masa bank penerbit perlu membuat pembayaran kepada bank pembayar dinyatakan dalam bentuk bilangan hari-hari seperti 3 hari bekerja, 5 hari bekerja atau 7 hari bekerja. Sekiranya bank penerbit gagal membuat pembayaran dalam tempoh tersebut maka penalti dalam bentuk *interest* (riba) akan dikenakan.

Perbankan Islam pula mengenakan *ta'wid* atas kelewatan membayar pembiayaan dan majoriti fuqaha semasa mengharuskannya. Namun begitu, bank-bank Islam tidak boleh sewenang-wenangnya mengenakan *ta'wid* terhadap pelanggan kerana ia tertakluk kepada syarat-syarat tertentu yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia. Para fuqaha kontemporari seperti Mustafa al-Zarqa', Muhammad Sadiq al-Darir, Abdullah b Mani', Majlis Penasihat Syariah Bank Islam Jordan dan fatwa Persidangan Dallah al-Barakah turut menyokong keharusan *ta'wid* ke atas pelanggan engkar bagi menyekat orang ramai dari mempermainkan bank-bank Islam iaitu dengan sengaja tidak membayar atau melewatkan bayaran walaupun ketika mempunyai wang.

#### **7.1.3.3 Kewujudan Elemen-Elemen yang Bertentangan dengan Rukun dan Syarat-Syarat Jual Beli Seperti Status Halal Barangan (*Al-Ma'qud Alaih*), Perincian dan Kewujudannya semasa Proses Akad Berlaku.**

Terdapat dua isu yang dikategorikan dalam perkara di atas iaitu :

### **i. Barangan (*Subject Matter/Al-Ma'qud Alaih*)**

Barangan yang hendak didagangkan mestilah diharuskan oleh syarak kerana ia termasuk dalam syarat sah barangan. Oleh itu status halal barangan hendaklah dipastikan dan disahkan sebelum sesuatu transaksi berlaku. Di Malaysia BNM telah menyenaraikan semua jenis barangan yang tidak dibenarkan untuk diurusniagakan di bawah pembiayaan secara Islam seperti “ arak, kuda lumba, daging khinzir, segar atau dibekukan, babi dan ham”. Selain itu, semua produk dan panduan-panduan yang dikeluarkan oleh bank-bank Islam perlu mendapat kelulusan daripada jawatankuasa syariah bank-bank tersebut berpandukan garis panduan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Syariah Bank Negara Malaysia.

Penemuan kajian mendapati penentuan status halal barangan oleh bank-bank Islam yang terlibat adalah berdasarkan senarai yang dikeluarkan oleh BNM dan dinyatakan oleh pelanggan dalam borang permohonan mereka sahaja (zahir). Hal ini bermaksud persoalan *qasad* (tujuan) pembelian barangan tersebut adalah seperti yang dinyatakan oleh pelanggan sahaja. Namun begitu, bank-bank Islam akan menolak untuk membiayai barangan yang halal dari segi hukum dan undang-undang tetapi tujuan (*qasad*) pembeliannya bukan untuk kegunaan yang dibenarkan oleh syariat Islam. Ini adalah kerana adalah sukar untuk mengetahui niat dan tujuan pelanggan membeli barangan tersebut.

### **ii. UCP 600 dalam Transaksi Surat Kredit**

Selain isu riba, satu lagi isu yang membabitkan UCP 600 ialah transaksinya yang hanya berteraskan dokumen dan bukannya barangan atau item yang menjadi rukun jual beli

dalam muamalat Islam. Pengetahuan dan perincian ke atas barangan boleh berlaku dengan cara menunjukkan barang tersebut jika ia berada di dalam majlis akad, atau dengan menjelaskan spesifikasinya yang tertentu untuk membezakannya daripada barang yang lain. Dalam konteks perdagangan antarabangsa yang menggunakan Surat Kredit, pihak pengeksport mengikut peraturan UCP 600 hanya perlu mengemukakan dokumen yang menjelaskan secara terperinci spesifikasi barangan dari segi kuantiti, jenis, sifat dan harganya. Pihak pembeli (biasanya bank) memadai dengan hanya mengetahui sifat barangan melalui dokumen tersebut tanpa melihatnya secara jelas dan nyata.

Situasi ini boleh mencetuskan *gharar* (unsur ketidakpastian) dalam transaksi tersebut dan dilarang kerana boleh membawa pertelingkahan antara pihak yang berakad. Para fuqaha telah membincangkan isu *gharar* dan membahagikannya kepada tiga bahagian iaitu *gharar* yang bermaksud kejahilan terhadap objek jualan, *gharar* yang merujuk kepada syak dan *gharar* yang merujuk kepada sesuatu yang tidak diketahui akibatnya. Penemuan kajian mendapati tidak kesemua bank-bank Islam meneliti dan membuat semakan barangan yang dibeli secara terperinci ketika barangan berada di gudang untuk proses eksport atau import untuk memastikan ketepatannya seperti yang tercatat di dalam dokumen dengan alasan sangat menyukarkan dan memakan masa. Penyelidik mencadangkan bank-bank Islam di Malaysia agar membuat semakan dan penelitian terhadap barangan (*al-ma'qud alaih*) ketika ia sampai di pelabuhan atau lapangan terbang untuk memastikan ia benar-benar bertepatan dengan spesifikasi yang dinyatakan dalam dokumen Surat Kredit. Walaupun ia merupakan satu tugas yang agak sulit dan membebankan, persoalan hukum perlu diberi keutamaan agar perbankan Islam tidak

hanya menerima apa sahaja butiran yang terkandung dalam UCP 600 yang menerima jual beli dengan hanya berdasarkan dokumen sahaja.

#### **7.1.3.4 Dokumentasi Produk-Produk Pembiayaan Perdagangan Antarabangsa Islam seperti Borang-Borang Permohonan, Perjanjian, Nota Kontrak dan sebagainya sama ada Menepati Syariah (*Syariah Compliant*) atau Tidak.**

Oleh sebab ketiadaan garis panduan berkaitan produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam dari Bank Negara Malaysia, kebiasaannya pihak mahkamah akan merujuk kepada dokumentasi untuk melihat sama ada ianya sah (*valid*) berdasarkan undang-undang. Dokumentasi memainkan peranan penting dalam menentukan hak, peranan dan tanggungjawab pihak yang berkontrak. Berdasarkan kaedah temu bual dan pemerhatian terhadap dokumen-dokumen yang berkaitan, penemuan kajian mendapati dokumen-dokumen yang digunakan dalam produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam di bank-bank yang terlibat adalah menepati syariah (*syariah compliant*). Penyelidik menganalisis beberapa borang yang berkaitan seperti borang permohonan Surat Kredit-i, Surat Jaminan, kontrak gantirugi/pampasan (*indemnity*), nota-nota kontrak, borang perwakilan dan lain-lain.

Rumusan penyelidik ialah borang-borang dan dokumen tersebut menepati syariah dan ianya tidak hanya sekadar meniplak dokumen-dokumen konvensional dan mengubah istilah-istilah yang tidak bertepatan dengan syariah sahaja. Terdapat beberapa perubahan yang perlu dilakukan terhadap dokumen-dokumen tersebut agar lebih islamik iaitu terma-terma kontrak syariah seperti *wakalah/murabahah* dalam Surat Kredit dan *kafalah* dalam surat jaminan dapat dizahirkan dengan jelas dalam dokumen dan borang-borang tersebut.

### **7.1.3.5 Faktor-Faktor Lain seperti Penggunaan Insuran Konvensional, Tukaran Wang Asing (*Al-Sarf*) dan Isu-Isu Teknikal Berkaitan Akad.**

Selain isu-isu yang dinyatakan di atas, terdapat beberapa faktor lain yang turut dikategorikan sebagai isu-isu dalam pelaksanaan produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam iaitu :

#### **i. Insuran dan INCOTERMS**

Selepas dokumentasi, proses kedua dalam transaksi perdagangan antarabangsa ialah pergerakan barangan melalui udara, daratan atau air yang akan melibatkan kos-kos tertentu berkaitan dengan urusan pengangkutan, insuran, duti eksport dan import, kastam dan caj-caj lain. INCOTERMS akan menentukan pihak mana yang akan menjelaskan caj-caj tersebut, bilakah proses penghantaran akan dilakukan dan di mana serta bagaimana proses penghantaran itu akan berlaku. Mengikut amalan semasa, kos-kos tersebut telah ditentukan terlebih dahulu dan digabungkan sekali dengan harga barangan serta dinyatakan dalam Surat Kredit. Penggunaan insuran adalah untuk memastikan kehendak dan maslahat kedua-dua pihak (pengimport dan pengeksport) terpelihara dalam situasi kehilangan atau kerosakan semasa proses penghantaran barangan ke destinasi terakhir.

Majoriti fuqaha mengharamkan penggunaan insuran konvensional kerana amalannya mengandungi unsur-unsur riba, *maisir* dan *gharar*. Perkara ini tidak dapat dielakkan terutama apabila berurusan dengan pengeksport atau pengimport dari negara Barat yang menggunakan insuran konvensional. Penemuan kajian mendapati bank-bank Islam tidak bersifat tegas dalam penggunaan takaful kerana tiada fatwa khusus yang mewajibkan penggunaan insurans Islam (takaful) untuk melindungi barangan tersebut. Selain itu, faktor syarikat takaful tidak mempunyai perkhidmatan dan rangkaian yang luas juga

menyebabkan pihak bank, pengimport atau pengeksport tidak menggunakan perkhidmatan mereka. Pandangan penyelidik ialah pada masa hadapan institusi-institusi kewangan Islam sepatutnya mewajibkan pelanggannya sama ada pengeksport atau pengimport agar menggunakan perkhidmatan takaful untuk melindungi barangan mereka terutama ketika proses penghantaran barangan berlaku dalam lingkungan yang boleh dilindungi oleh syarikat takaful. Syarikat takaful juga perlu memainkan peranan untuk meluaskan lagi *coverage* mereka untuk melindungi barangan dalam transaksi eksport dan import seterusnya membolehkan pengguna menggunakan perkhidmatan mereka. Untuk membolehkan ia dapat dilaksanakan dengan berkesan, klausa yang mewajibkan penggunaan takaful perlu dimasukkan dalam dokumen perjanjian mana-mana produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam yang dipilih oleh pelanggan.

## **ii. Matawang Asing dalam Perdagangan Antarabangsa**

Dalam urus niaga perdagangan antarabangsa, matawang-matawang asing diperlukan untuk diguna pakai dalam urusan pembayaran. Keperluan inilah yang membawa kepada wujudnya transaksi *forex* iaitu pertukaran bagi satu matawang dengan satu matawang yang lain. Dalam fiqh Islam, pertukaran matawang asing ini dibincangkan oleh para fuqaha dalam bab *bay' al-sarf*. Dunia hari ini menggunakan medium wang kertas untuk bertransaksi dan fuqaha menghukumkannya menyamai syarat-syarat jual beli emas dan perak. Antara syarat-syaratnya ialah kedua-dua item (matawang emas atau perak termasuk matawang kertas) yang ditukarkan hendaklah kedua-duanya berlaku secara *lani* (spot) dan tidak boleh salah satu pihak yang bertransaksi meletakkan syarat penangguhan serahan kerana menjadi punca berlakunya riba. Namun begitu, *lani* dalam urus niaga perdagangan antarabangsa mengambil masa dua hari bekerja bermula dari transaksi

dilakukan sekiranya tiada sebarang kesilapan yang berlaku. Formula (T+2) yang digunakan oleh perbankan Islam di Malaysia masih dianggap sebagai pembayaran secara *lani* (spot). Penasihat syariah bank-bank Islam memutuskan bahawa dua hari tersebut masih dianggap sebagai *lani* (spot) iaitu harga barangan masih sama dengan harga semasa proses akad dilakukan walaupun nilai matawang asing di negara tersebut meningkat ketika pembayaran diterima oleh pihak benefisiari.

### **iii. Isu-Isu Teknikal Berkaitan Akad**

Akad memainkan peranan penting untuk memastikan kesahan sesuatu transaksi jual beli. Pengabaian terhadap pelaksanaan akad boleh menyebabkan sesuatu kontrak jual beli menjadi batal. Antara isu yang berlaku ialah :

#### **i. Kesilapan (*Discrepancy*) ketika Penyediaan Dokumen-Dokumen Surat Kredit.**

Kesilapan yang berlaku ketika penyediaan dokumen-dokumen Surat Kredit menyebabkan pihak pengeksport tidak dapat menerima bayaran daripada pihak bank. Perkara ini adalah berdasarkan peraturan perbankan konvensional yang ketat. Surat Kredit secara Islam juga tidak dapat lari daripada peraturan ini. Selain itu pihak bank juga akan mengenakan denda kepada benefisiari berdasarkan perkiraan pihaknya tanpa ada sebarang panduan dan pengukuran yang khusus. Denda ini boleh dikira sebagai sumber yang mudah kepada bank dan boleh juga dikategorikan satu kezaliman dan penindasan kepada pelanggan. Pakar-pakar kewangan Islam menyatakan bahawa denda ini tidak sepatutnya dikenakan bagi kesalahan yang dikira sebagai minor, yang tidak disengajakan oleh pihak pembeli dan tidak merosakkan urusan niaga dan transaksi.

## **ii. Penggabungan Dua Kontrak dalam Satu (*Bay'atan Fi Bay'ah*).**

Menggabungkan dua kontrak tanpa pengasingan dalam satu akad adalah isu yang berbangkit ketika pelaksanaan akad. Perbuatan ini dilarang oleh baginda Rasulullah s.a.w. Hasil kajian mendapati terdapat bank-bank Islam yang mengambil mudah isu ini dengan menggabungkan sekali kontrak *wakalah* dan *murabahah* secara serentak dalam pengeluaran Surat Kredit. Perkara ini jika diteliti termasuk dalam kategori *bay'atain bi bay'ah* yang dilarang oleh Rasulullah s.a.w.

### **7.1.4 Kepatuhan Terhadap Syariah (*syariah compliant*)**

Objektif keempat kajian adalah untuk melihat sejauh mana kepatuhan bank-bank Islam yang terpilih terhadap syariah khususnya dalam produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam. Perbincangan tentang perkara ini telah dihuraikan oleh penyelidik dalam bab enam serentak dengan analisis isu-isu syariah yang berlaku dalam produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam. *Syariah compliant* adalah satu proses untuk memastikan sesuatu produk kewangan atau perbankan Islam menepati undang-undang dan kontrak-kontrak syariah bermula dari peringkat perancangan, penyediaan sehinggalah kepada pelaksanaannya. Secara mudah proses ini adalah untuk memastikan sesuatu produk perbankan atau institusi kewangan Islam itu halal. Berdasarkan amalan semasa perbankan Islam, penentuan sesuatu produk perbankan itu menepati syariah atau tidak ditentukan oleh pakar-pakar syariah sama ada di peringkat pusat atau di institusi masing-masing. Di Malaysia Majlis Penasihat Syariah Kebangsaan (NSAC) merupakan badan yang mempunyai autoriti untuk menasihati Bank Negara Malaysia dan juga mempunyai kuasa mengeluarkan fatwa-fatwa berkaitan perbankan

Islam dan Takaful. Di peringkat antarabangsa pula walaupun tiada badan yang khusus untuk memantau perkara-perkara berkaitan syariah, namun terdapat tiga organisasi yang biasanya menjadi rujukan iaitu Akademi Fiqh Islam OIC, Accounting and Auditing Organisation for Islamic Finance Institutions (AAOIFI) yang berpusat di Bahrain dan institusi-institusi agama yang diurus tadbir sendiri oleh umat Islam (bagi negara-negara yang diperintah oleh umat Islam).

Berdasarkan pemerhatian, dokumentasi dan temu bual dengan eksekutif dan pegawai-pegawai syariah bank-bank Islam yang terpilih (BIMB, BMMB, KFH, RHB Islamic dan Maybank Islamic) penyelidik mendapati kesemua bank-bank tersebut mematuhi garis panduan dan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Majlis Penasihat Syariah BNM dan penasihat dan eksekutif syariah masing-masing bermula dari proses perancangan sesuatu produk, penyediaannya sehinggalah ke peringkat perlaksanaannya. Sesuatu produk beserta operasinya akan dirujuk terlebih dahulu kepada penasihat syariah masing-masing sebelum dilancarkan kepada orang ramai. Kebiasaannya, sebelum sesuatu produk dilancarkan eksekutif syariah akan membuat penyelidikan dan kajian dari aspek syariah dari segi konsep dan operasinya dengan merujuk pandangan dan hujah fuqaha mazhab dan kontemporari. Seterusnya ia akan dipersembahkan kepada penasihat syariah untuk kelulusan. Proses ini dikenali sebagai *pre-transaction*. Selain itu, eksekutif syariah juga membuat pemantauan terhadap pelaksanaan produk-produk tersebut untuk memastikan ianya benar-benar mematuhi syariah. Pemantauan dilakukan dalam bentuk mengaudit operasi dan pelaksanaan produk-produk tersebut. Proses ini dinamakan sebagai *post-transaction*.

Berdasarkan temu bual penyelidik dengan ahli-ahli akademik yang membuat kajian khususnya dari aspek syariah dalam industri perbankan Islam, kebanyakan mereka membangkitkan isu pelaksanaan. Kebanyakan pegawai bank di peringkat pelaksanaan masih belum dapat memahami sepenuhnya kontrak-kontrak muamalat Islam kerana kebanyakan mereka berasal dari bank-bank konvensional yang masih menganggap transaksi dalam perbankan Islam adalah sama sahaja dengan perbankan konvensional, cuma dibezakan dengan akad dan kontrak-kontrak sahaja. Mereka juga masih kabur tentang persoalan riba, *gharar* dan *maisir* yang dilarang keras dalam kewangan Islam. Situasi inilah yang merencatkan perbankan Islam dari memperolehi status *syariah compliant* secara keseluruhannya sebagaimana yang diharapkan. Walaupun garis panduan sudah disediakan, produk-produk juga sudah mendapat kelulusan penasihat syariah, namun apabila peringkat pelaksanaan bersikap sambil lewa dan tidak menghayati semangat perbankan Islam maka proses kepatuhan kepada syariah tidak mencapai sepertimana yang didokumenkan.

## **7.2 Alternatif-alternatif yang Dicadangkan**

Penemuan-penemuan kajian dan permasalahan yang berlaku ketika pelaksanaan kontrak-kontrak dalam produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam membawa penyelidik untuk mengemukakan beberapa alternatif yang didapati bersesuaian untuk dipraktikkan berdasarkan hemah penyelidik. Alternatif-alternatif tersebut adalah seperti yang berikut:

### **7.2.1 Aplikasi Kontrak-Kontrak Baru dalam Produk-produk Pembiayaan Perdagangan Antarabangsa Islam di Malaysia**

Kontrak-kontrak yang sedang diaplikasikan dalam produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam oleh bank-bank Islam di Malaysia adalah serupa dalam semua bank. Walaupun penggunaannya mendapat kelulusan dari penasihat syariah bank-bank tersebut, namun dilihat operasinya terlalu banyak bergantung kepada dua kontrak utama iaitu *murabahah* dan *bay' al-dayn*. Penggunaan kontrak *murabahah* dalam produk-produk seperti Surat Kredit-i, Resit Amanah-i, Bil-bil Penerimaan-i dan Pembiayaan Semula Kredit Eksport-i tanpa penerokaan kontrak-kontrak baru menggambarkan seolah-olah bank Islam terlalu bermotifkan perniagaan dan keuntungan semata-mata. Kontrak *bay' al-dayn* pula, walaupun diluluskan oleh Majlis Penasihat Syariah, BNM namun ianya ditolak oleh majoriti pakar-pakar dan badan-badan kewangan Islam sedunia sebagaimana mereka menolak jual beli secara *al-'inah*. Bank-bank Islam di Malaysia perlu mengorak langkah ke arah yang lebih baik dan mematuhi syariah dalam konteks yang lebih terbuka dan diterima di peringkat dunia Islam.

Berdasarkan penelitian dan temu bual penyelidik dengan beberapa pengamal perbankan Islam, ahli akademik dan penasihat syariah perbankan Islam di Malaysia, terdapat beberapa kontrak yang sesuai untuk diaplikasikan dalam produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam. Ia memerlukan daya inovasi dan kreativiti eksekutif dan penasihat syariah bank-bank Islam berkenaan untuk mengolah dan mengubahsuai aplikasi kontrak-kontrak berkenaan dalam lingkungan dan rangka yang dibenarkan oleh syariah.

### **7.2.1.1 Kontrak Baru dalam Surat Kredit (*kafalah/ daman*)**

Surat Kredit memainkan peranan yang amat penting dalam transaksi perdagangan antarabangsa bahkan dianggap sebagai *lifeblood* dalam kewangan antarabangsa. Perkhidmatan Surat Kredit secara Islam (LC-i) ditawarkan oleh semua bank Islam di Malaysia (16 buah). Kontrak-kontrak yang sedang digunakan oleh bank-bank Islam tersebut dalam operasi Surat Kredit Islam ialah *wakalah* dan *murabahah*. Bank Muamalat Malaysia Berhad menambah satu lagi kontrak dalam perkhidmatan Surat Kreditnya iaitu kontrak *musyarakah*, namun tidak mendapat sambutan kerana kurang jelas kefahaman terhadap konsep *musyarakah* dan juga beberapa aspek teknikal yang rumit untuk dilaksanakan menurut perkiraan bank.

Terdapat beberapa kontrak lain selain *wakalah*, *murabahah* dan *musyarakah* yang boleh diterokai oleh perbankan Islam di Malaysia dalam operasi Surat Kredit. Bank-bank Islam sepatutnya mencuba kontrak-kontrak baru yang menepati syariah seperti yang diaplikasikan dalam perbankan Islam global. Mereka tidak seharusnya hanya bergantung kepada kontrak *murabahah* dan *wakalah* sahaja sedangkan terdapat beberapa kontrak lain yang boleh diaplikasikan dalam Surat Kredit Islam. Berdasarkan pengamatan dan pembacaan terhadap aplikasi bank-bank Islam di Timur Tengah dan beberapa negara umat Islam, penyelidik mendapati terdapat satu lagi kontrak yang boleh diaplikasikan dalam Surat Kredit Islam dalam konteks perbankan Islam di Malaysia iaitu kontrak *kafalah* atau *daman* yang bermaksud jaminan.

Surat Kredit ini bermaksud jaminan daripada pihak bank terhadap tanggungjawab pembayaran pihak pelanggan/pemohon. Berdasarkan konsep ini, pengeksport (penjual)

akan menghantar barangan kepada pengimport (pembeli yang dijamin oleh bank) setelah pihak bank menjamin tanggungjawab pembayaran pihak pengimport. Transaksi sebenar urusan perdagangan ialah menggunakan tatacara Surat Kredit, cuma disertakan bersekali dengannya dokumen yang menyatakan dengan jelas jaminan tanggungjawab pembayaran pihak bank ke atas pengimport. Untuk tujuan itu, pihak bank akan menyertakan kedudukan kewangannya (*financial standing*) dalam dokumen tersebut untuk meyakinkan pengeksport terhadap jaminan tersebut.

Secara ringkasnya, proses bagi mengeluarkan Surat Kredit *kafalah/daman* adalah seperti berikut :

- i. Pemohon (pengimport) memohon kepada banknya (bank tempatan) untuk mengeluarkan Surat Kredit yang berlandaskan kepada kontrak *kafalah/daman* yang menyatakan jaminan terhadap obligasi pengimport mengenai hutangnya terhadap pihak pengeksport.
- ii. Pihak bank seterusnya mengeluarkan surat jaminan (*letter of guarantee*) kepada pengeksport dan bersetuju menerima tanggungjawab menjelaskan hutang pengimport. Surat jaminan ini membolehkan pengimport menyelesaikan urusan perdagangannya dengan pengeksport.
- iii. Surat jaminan bank tersebut terikat dengan tatacara dan peraturan Surat Kredit.
- iv. Pihak bank juga boleh meminta pelanggan (pengimport) meletakkan deposit tertentu berdasarkan perjanjian antara mereka berdasarkan hukum wadiah
- v. Bank juga boleh mengenakan caj (*ujr*) atas perkhidmatan jaminan tersebut dan ianya diharuskan oleh syariat Islam.

Penyelidik berpandangan Surat Kredit *kafalah/daman* di atas boleh diaplikasikan dalam operasi Surat Kredit Islam oleh bank-bank Islam di Malaysia selain Surat Kredit *wakalah* dan *murabahah* yang telah digunakan dengan meluas.

Selain *kafalah/daman*, terdapat juga cadangan daripada pakar-pakar perbankan Islam agar diaplikasikan kontrak *mudarabah* dalam Surat Kredit Islam. Sepertimana yang telah dinyatakan, Surat Kredit *musyarakah* sudah ditawarkan oleh Bank Muamalat Malaysia Berhad walaupun tidak mendapat sambutan. Kontrak *musyarakah* dan *mudarabah* adalah kontrak yang berasaskan perkongsian untung dan rugi ( *profit and lost sharing*). Kontrak *isytirak* (إشترك) biasanya digambarkan sebagai bentuk pelaburan dalam muamalat Islam. Namun begitu, pemahaman ini tidak menghalang konsep ini digunakan untuk tujuan pembiayaan. Menurut Zaharuddin (2009), pada dasarnya kontrak *isytirak* ini lebih sesuai digunakan bagi tujuan pembiayaan dalam amalan perbankan Islam agar industri ini dapat menjauhkan diri daripada konsep perbankan konvensional yang mempromosikan pembiayaan secara hutang (*debt financing*).

Kontrak-kontrak seumpama ini digunakan secara meluas dalam produk-produk pembiayaan oleh bank-bank Islam di Timur Tengah berbeza dengan negara kita yang banyak menggunakan kontrak-kontrak pertukaran dalam urus niaga. Secara idealnya, pembiayaan yang berteraskan kontrak *isytirak* adalah lebih baik namun pihak perbankan Islam di Malaysia mendapati ianya sukar untuk dilaksanakan kerana risiko kerugian yang tinggi dan tiada jaminan atas keuntungan. Meminimumkan potensi kerugian menjadi asas utama dalam industri perbankan. Seperti yang terjadi kepada Surat Kredit *musyarakah*

Bank Muamalat Malaysia Berhad, aplikasi kontrak *isytirak* dalam produk pembiayaan masih ditahap yang rendah dalam institusi perbankan Islam di Malaysia.

### **7.2.1.2 Kontrak-Kontrak Baru dalam Produk-Produk Pembiayaan Perdagangan Antarabangsa Islam yang Lain.**

Selain Surat Kredit, produk-produk utama pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam ialah Resit Amanah (TR-i), Bil Penerimaan (AB-i), Bil-bil Pertukaran (BEP-i) dan Pembiayaan Semula Kredit Eskport( ECR-i) yang menggunakan dua kontrak yang utama iaitu *murabahah* dan *bay' al-dayn* dan operasinya telah dibincangkan dalam bab 6. Jaminan Perkapalan (SG-i) dan Jaminan Bank (BG-i) pula berteraskan kontrak *kafalah*. Terdapat beberapa kontrak lagi yang boleh diaplikasikan dalam produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa secara Islam seperti *ijarah*, dan *al-istisna'*. Kedua-dua kontrak ini (*ijarah*, dan *al-istisna'*) diaplikasikan dalam produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam (ITF) di kebanyakan bank Islam di Timur Tengah contohnya Noor Islamic Bank (UAE)<sup>137</sup>, Bahrain Islamic Bank (Bahrain)<sup>138</sup>, Qatar Islamic Bank (Qatar)<sup>139</sup> dan Barwa Bank Qatar<sup>140</sup>. Kedua-dua kontrak ini juga turut diaplikasikan oleh bank-bank Islam di Pakistan seperti Dubai Islamic Bank Pakistan Ltd<sup>141</sup> dan Meezan Bank Pakistan<sup>142</sup>

Penyelidik akan membincangkan cara-cara kontrak-kontrak tersebut boleh diaplikasikan dalam produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam. Seperti yang dinyatakan di atas, kontrak-kontrak tersebut telah dilaksanakan oleh bank-bank Islam

---

<sup>137</sup> <http://www.noorbank.com/english/trade-services/import-services> 14.08.2012

<sup>138</sup> <http://www.bisb.com/Corporate/tradefinance.as> 14.08.2012

<sup>139</sup> <http://www.qib.com.qa/index.php?page=operations-sector-services> 14.08.2012

<sup>140</sup> <http://www.barwabank.com/corporate-banking/corporate-finance.aspx> 14.08.2012

<sup>141</sup> <http://dibpak.com/TradeRelated.aspx> 15.08.2012

<sup>142</sup> <http://www.meezanbank.com/corporateBanking.aspx> 15.08.2012

Timur Tengah dan Pakistan. Oleh itu, adalah sesuatu yang tidak mustahil untuk mengaplikasikannya dalam sistem perbankan Islam di Malaysia.

#### **a. Kontrak *Ijarah***

*Ijarah* atau sewaan merupakan akad *mu'awadah* yang dipraktikkan oleh perbankan Islam di Malaysia. Namun begitu, konsep dan bentuk *ijarah* yang diamalkan sekarang telah diubah suai dari konsep asalnya agar menjadi satu produk pembiayaan. Penyelidik berpendapat *ijarah* boleh diaplikasikan dalam produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam terutamanya yang berteraskan modal kerja dan pembelian aset seperti Resit Amanah (TR-i) dan Bil Penerimaan (AB-i).

Perkataan *ijarah* berasal dari perkataan *al-ajr* yang bermaksud balasan atau ganjaran atas sesuatu pekerjaan (Fairuzz Abadi, 1995). Dari sudut istilah pula pengertian *ijarah* yang diberikan oleh mazhab-mazhab fiqh berbeza dari segi lafaz tetapi mempunyai persamaan dari segi makna. *Ijarah* didefinisikan sebagai “suatu kontrak pertukaran antara suatu manfaat dengan ganjaran atau bayaran tertentu (al-Jurjani, 1988, al-Syarbasi, 1981). Elemen terpenting dalam definisi *ijarah* ialah manfaat. Menurut jumhur fuqaha kontrak *ijarah* berlaku ke atas manfaat dan bukannya benda. Hal ini adalah kerana tujuan *ijarah* adalah untuk mendapatkan manfaatnya sahaja bukannya memiliki benda itu sendiri (al-Ansari, t.t).

Pembiayaan yang berteraskan *ijarah* adalah satu bentuk sewaan pada dasarnya yang bertujuan membantu pelanggan mendapatkan aset yang dikehendakinya dan mendapatkan wang tunai bagi urusan tertentu. Dalam perbankan Islam semasa,

pembiayaan secara *ijarah* dipraktikkan dengan menggunakan berbagai-bagai nama namun operasinya adalah sama. Nama-nama yang digunakan bagi pembiayaan secara *ijarah* ialah *al-ijarah thumma al-bay'*, *al-ijarah wa al-iqtina'* dan *al-ijarah al-muntahiyah bi al-tamlik* (Zaharuddin, 2009).

Pembiayaan secara *ijarah* untuk produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam seperti Resit Amanah (TR-i) dan Bil Penerimaan (AB-i) boleh dilaksanakan seperti berikut :

- i. Pelanggan/pemohon tidak mempunyai modal/dana yang mencukupi untuk membeli suatu aset (contohnya mesin dll) dari penjual yang berada di luar negara pemohon.
- ii. Pelanggan pergi ke bank Islam dan memohon pembiayaan secara *ijarah* iaitu dengan berjanji kepada pihak bank untuk menyewa aset tersebut daripada bank (setelah mengenal pasti aset yang dikehendaki).
- iii. Pelanggan membayar deposit sekuriti deposit (*hamisy jiddiyah*) dan beliau (pelanggan) hendaklah belum memeterai sebarang perjanjian dengan pihak penjual.
- iv. Pihak bank Islam seterusnya membeli aset tersebut (yang dikehendaki pelanggan) secara tunai daripada penjual (pengekspor).
- v. Selepas memiliki status *qabd hukmi* (beneficial ownership) terhadap aset tersebut, pihak bank Islam akan menyewakannya kepada pelanggan dalam tempoh tertentu yang dipersetujui bersama.

- vi. Setelah selesai tempoh akhir sewaan, pihak bank Islam akan menyerahkan keseluruhan hak pemilikan kepada pelanggan sama ada melalui hadiah (dinamakan sebagai *ijarah wal iqtina'* dan *ijarah muntahiyah bi al-tamlik* ) atau jualan dengan harga minimum (dinamakan *ijarah thumma al-bay'*).

Penyelidik mendapati pembiayaan secara *ijarah* ini telah diamalkan oleh perbankan Islam di Malaysia dalam konteks pembiayaan perumahan dan kenderaan sama ada dikenali sebagai *ijarah wal iqtina'* atau *ijarah thumma al-bay'* (AITAB). Oleh itu, penyelidik berpandangan kontrak ini juga boleh dilaksanakan dalam produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam terutamanya pembiayaan yang berunsurkan modal kerja dan pembelian aset untuk melancarkan urusan perniagaan pelanggan seperti resit amanah dan bil penerimaan.

#### **b. Kontrak *Istisna'***

*Istisna'* ialah suatu akad jual beli terhadap sesuatu barangan yang ditempah supaya pengusaha menyiapkannya (al-Zuhaily,1989). Al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah (1983) mentakrifkannya sebagai “suatu akad atas barangan yang dipertanggungjawabkan (atas pembuat) dan bersamanya syarat kerja (proses pembuatan)”. Ia bermaksud jual beli suatu barangan yang akan disiapkan oleh pengusaha pada masa akan datang yakni barangan yang diakadkan itu masih belum ada. Dalam konteks ini, kita dapati pengusaha (المصانع) mempunyai dua tanggungan iaitu kerja untuk menyiapkan barangan dan menyerahkannya kepada pembeli.

Para fuqaha mula mengambil berat untuk mengkaji kontrak *istisna'* bermula dari kurun kedua belas hijrah lagi memandangkan kepentingannya kepada umat Islam. Kajian dimulakan oleh Imam Abu Hanifah pada zaman Khalifah Abbasiyyah lagi sepertimana terdapat perbincangan tentang kontrak ini dalam kitab-kitab aliran Mazhab Hanafi. Para fuqaha selepas itu mula mengkaji dan membahaskan kontrak *istisna'* dengan lebih mendalam dalam kitab-kitab mereka (Mausu'ah Fatawa al-Muamalat al-Maliyyah, 2009). Kontrak *istisna'* ini tiada khilaf di kalangan fuqaha berkaitan keharusannya (Resolusi Majma' Fiqh Islami no.65 (7/3). Kontrak ini juga diharuskan oleh Majlis Fiqh Antarabangsa OIC berdasarkan kaedah *istihsan* (Buhuth fi al-Fiqh al-Muamalat al-Maliyah al-Mu'asirah, 2001).

Dalam perbankan Islam di Malaysia, produk-produk yang berteraskan kontrak *istisna'* telah sedia ditawarkan kepada pelanggan dalam dua bentuk iaitu sebagai produk pembiayaan dan produk pasaran modal. Produk-produk pembiayaan yang sedia ditawarkan oleh bank-bank Islam di Malaysia ialah *istisna'* selari (*istisna' mawazi*), *istisna'* secara *inah* dan *istisna'* campuran (hybrid) (Zaharuddin, 2009). Kontrak *istisna'* boleh diaplikasikan dalam industri pembuatan dan pembinaan seperti pembinaan kilang, pembuatan kapal terbang, pembinaan rumah, kereta dan sebagainya.

Penyelidik berpendapat kontrak *istisna'* boleh digunakan dalam industri pembuatan dan pembinaan di Malaysia yang memerlukan kepakaran tenaga luar seperti pembinaan kilang-kilang besar, pembinaan jambatan (berskala besar), pembinaan bangunan-bangunan tinggi, pembuatan kapal dan sebagainya. Pembiayaan secara *istisna'* selari

(*mawazi*) boleh dilaksanakan seperti yang berikut (Adaptasi dari Zaharuddin, 2009 dengan pengubahsuaian) :

- i. Pelanggan ingin membina kilang elektronik yang memerlukan kepakaran tenaga luar untuk membina dan melengkapi mesin-mesin yang diperlukan.
- ii. Pelanggan berurusan dengan kontraktor (tenaga luar) dengan membuat tempahan dan juga pembayaran deposit contohnya 10% daripada harga aset). Tempoh dijangka siap ialah pada 30 Disember 2013.
- iii. Pelanggan membuat permohonan pembiayaan kepada bank Islam dengan menyertakan pelbagai dokumen sokongan yang diperlukan.
- iv. Apabila pihak bank Islam beretuju, maka pelanggan (selaku penempah) akan memeterai perjanjian atau kontrak *istisna'* 1 dengan pihak bank Islam (selaku pengusaha). Isi kontrak menyatakan pihak pelanggan menempah agar pihak bank menyiapkan kilang tersebut dalam tempoh tertentu contohnya 2 Januari 2014 dengan harga yang dipersetujui contohnya RM 50 juta dan dibayar secara ansuran dalam tempoh 30 tahun.
- v. Pihak bank Islam seterusnya akan memeterai kontrak *istisna'* 2 dengan pihak kontraktor (tenaga luar) dengan mewakili pelanggan untuk berurusan dengan kontraktor bagi pihaknya. Kontrak *istisna'* ke 2 ini menetapkan tarikh 1 Januari 2014 sebagai tarikh siap pembinaan kilang tersebut dan nilainya adalah RM 40 juta.

Begitulah gambaran tentang operasi pembiayaan secara *istisna'* *mawazi* yang boleh diaplikasikan dalam pembiayaan pembinaan kilang-kilang besar yang memerlukan

kepakaran tenaga luar untuk membinanya. Selain itu pembiayaan secara *istisna'* campuran juga boleh diaplikasikan dalam situasi di atas. *Istisna'* campuran adalah gabungan antara kontrak *istisna'* dan *ijarah*. Operasinya boleh dijelaskan seperti berikut (Adaptasi dari Zaharuddin, 2009 dengan pengubahsuaian):

- i. Pelanggan ingin membina kilang elektronik yang memerlukan kepakaran tenaga luar untuk membina dan melengkapi mesin-mesin yang diperlukan.
- ii. Pelanggan berurusan dengan kontraktor (pengusaha bagi pihak pelanggan/ tenaga luar) dengan membuat tempahan dan juga pembayaran deposit (contohnya 10% daripada harga aset). Tempoh dijangka siap ialah pada 30 Disember 2013.
- iii. Pelanggan membuat permohonan pembiayaan kepada bank Islam dengan menyertakan pelbagai dokumen sokongan yang diperlukan.
- iv. Bank (selaku penempah) akan memeterai perjanjian atau kontrak *istisna'* 1 dengan pelanggan (selaku pengusaha/ kontraktor). Kandungannya menunjukkan pihak bank menempah pelanggan (selaku kontraktor ) menyiapkan pembinaan kilang tersebut dalam tempoh tertentu iaitu sebelum atau pada 1 Januari 2014 dengan harga yang dipersetujui iaitu 40 juta yang dibayar secara tunai oleh penempah (bank Islam).
- v. Seterusnya bank akan memeterai perjanjian *ijarah* (leasing) dengan pelanggan, iaitu bank menyewakan aset yang bakal dimilikinya kepada pelanggan dalam tempoh 30 tahun bermula dari tarikh 30 Disember 2011 (walaupun ketika itu kilang masih belum wujud dan siap kerana yang disewakan bukannya *a'in* aset tetapi aset yang diberikan spesifikasinya secara detail pada masa akan datang). Ia

menggunakan konsep yang dipersetujui dalam Mazhab Hanbali iaitu *al-Ijarah al-Mausufah fi al-Zimmah* (الإجارة الموصوفة في الذمة).

- vi. Pihak bank Islam akan mengira jumlah terkumpul sewaan (dalam tempoh 30 tahun). Pada akhir tempoh sewaan, berdasarkan kepada kontrak, maka pihak bank Islam akan menyerahkan hak milik aset (bangunan kilang) kepada pelanggan melalui bayaran *installment* terakhirnya atau memberi hadiah terus kepada pelanggan (seperti mana yang dibincangkan dalam pembiayaan *ijarah* di atas).

Menurut Zaharuddin (2009), produk yang menggunakan konsep ini (*istisna'* campuran) diakui sah oleh ulama antarabangsa seperti Abd Sattar Abu Ghuddah. Konsep ini juga diharuskan oleh Majlis Penasihat Syariah BNM dalam mesyuaratnya yang ke-68 bertarikh 24 Mei 2007 (Resolusi Syariah dan Kewangan Islam, 2010). Oleh itu, penyelidik berpendapat bank-bank Islam boleh menggunakan *istisna'* (terutamanya *istisna'* hybrid) sebagai satu kontrak baru dalam produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam seperti sedang diamalkan oleh perbankan Islam Timur Tengah secara meluas.

### **7.2.2 Penubuhan Dewan Perniagaan Antarabangsa untuk Kewangan Islam (International Islamic Chamber of Commerce (IICC) dan UCP-i**

Operasi Surat Kredit dalam perdagangan antarabangsa adalah berpandukan kepada UCP 600 yang dikeluarkan oleh Dewan Perniagaan Antarabangsa. Kemunculan perbankan Islam tidak menghasilkan satu bentuk Surat Kredit secara Islam yang berbeza dengan yang sebelumnya. Operasi Surat Kredit-i masih dikawal oleh UCP yang sama dengan perbankan konvensional yang masih mengekalkan produk-produk pengamal dan pakar-pakar dunia Barat. Walaupun secara praktikalnya, UCP 600 dilihat tidak terlalu

bercanggah dengan kontrak-kontrak *muamalat* dan kontrak Islam selain peruntukan artikel 13(b)(iii) yang menyentuh persoalan *interest* (riba), namun dunia perniagaan Islam amat memerlukan kepada penubuhan sebuah dewan perdagangan antarabangsa Islam yang akan mengawal selia perdagangan di kalangan negara-negara Islam.

Kewujudan badan-badan seperti Majma' Fiqh Islami, AAOIFI dan lain-lain adalah untuk memantau dan memutuskan hukum berkaitan isu-isu syariah yang berbangkit dalam kewangan Islam dan lain-lain. Namun, dalam dunia perdagangan antarabangsa Islam, belum ada badan yang khusus untuk memantau dan memastikan perjalanannya adalah mematuhi syariah. Penubuhan OIC (*The Organization of Islamic Conference*) pada 1969 pula lebih kepada meningkatkan perpaduan dan mengeratkan persaudaraan di kalangan negara-negara umat Islam. Organisasi ini bukanlah berbentuk pakatan ekonomi mahupun politik (Suratman, 2008). Selain itu, penubuhan Bank Pembangunan Islam (IDB) pada tahun 1975 yang berasaskan syariah dilihat lebih khusus peranannya ke arah kerjasama ekonomi, sosial dan lain-lain di kalangan negara-negara OIC. IDB lebih berperanan ke arah aktiviti pembiayaan, bantuan kewangan dan bantuan-bantuan lain seperti kejuruteraan dan sebagainya di kalangan negara-negara OIC sahaja.

Negara-negara Islam yang berdagang memerlukan sebuah dewan perniagaan antarabangsa untuk kewangan Islam yang khusus untuk mengawal dan memastikan perdagangan yang berlaku mematuhi syariah. Dewan ini boleh ditubuhkan di bawah seliaan OIC atau Bank Pembangunan Islam. Dewan ini boleh merangka satu set panduan dan peraturan baru bagi kegiatan perdagangan antarabangsa seperti UCP yang diguna pakai sekarang. Dengan berpandukan UCP 600 yang digunakan sekarang, dewan tersebut

boleh mengubah suai tatacara dan peraturannya agar selari dengan kehendak *muamalat* Islam agar Surat Kredit-i *wakalah*, *murabahah*, *musyarakah* atau *mudarahah* dapat berfungsi dengan sebaiknya berdasarkan hukum fiqh Islam.

### **7.2.3 Garis Panduan yang Khusus Berkaitan Pembiayaan Perdagangan Antarabangsa Islam oleh Bank Negara Malaysia (BNM)**

Produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam yang sedang ditawarkan oleh bank-bank Islam di Malaysia sekarang memerlukan satu garis panduan dan tatacara yang khusus dan terperinci berkaitan operasi dan perlaksanaannya dari segi syarat-syarat, peraturan, perjanjian dan penggunaan kontrak-kontrak. Berdasarkan temu bual penyelidikan dengan pegawai-pegawai bahagian pembiayaan perdagangan, boleh dikatakan semua bank-bank Islam menggunakan garis panduan dalaman bank masing-masing dalam operasi pembiayaan perdagangan ini.

ICC (*International Chamber of Commerce*) sudah mempunyai undang-undang yang tersendiri untuk mengawal selia operasi perdagangan antarabangsa seperti UCP 600, URC 522 dan URDG 458 namun undang-undang ini mempunyai elemen-elemen riba (*interest*) seperti mana yang telah dibincangkan sebelum ini yang sudah tentunya tidak selari dengan operasi Surat Kredit *wakalah* dan *murabahah*. Oleh itu, BNM perlulah merangka satu set peraturan dan tatacara operasi terutamanya Surat Kredit-i yang dianggap sebagai *lifeblood* transaksi perdagangan antarabangsa. Garis panduan tersebut sekurang-kurangnya boleh menjadi panduan operasi Surat Kredit-i oleh bank-bank Islam di Malaysia.

#### 7.2.4 Penggunaan Insuran secara Islam (Takaful)

Proses yang kedua selepas pengeluaran Surat Kredit ialah pergerakan barangan sama ada di darat, laut atau udara. Bagi memastikan kehendak dan maslahat kedua-dua pihak (pengimport dan pengeksport) terpelihara dalam situasi kehilangan atau kerosakan semasa proses penghantaran barangan ke destinasi terakhir, barang-barang tersebut biasanya diinsurankan oleh syarikat insuran. Seperti yang telah dibincangkan dalam bab enam (analisis) yang lalu, penggunaan insuran Islam (takaful) bukanlah satu perkara yang diwajibkan dalam transaksi perdagangan antarabangsa. Ada bank-bank Islam yang bersifat tegas dalam penggunaan takaful dan ada yang bersikap terlalu mudah memberi pilihan kepada pelanggan untuk menggunakan insuran konvensional. Penggunaan insuran konvensional dihukumkan haram oleh majoriti fuqaha kerana mengandungi elemen-elemen yang dilarang oleh syarak seperti *riba*, *maysir* (perjudian) dan *gharar* (keraguan) (Afzalur Rahman, 1979) dan juga unsur pemindahan risiko yang tidak sah dari pihak yang diinsurankan (*insured*) kepada pengeluar insuran (*insurer*) (Ayub, 2007).

Elemen *gharar* memang tidak dapat dielakkan dalam insuran konvensional apabila pembeli membeli sesuatu yang tidak pasti sama ada akan diperolehi atau tidak. Pembelian tersebut akan diperolehi apabila berlaku kemalangan atau bencana yang menimpa sedangkan kemalangan dan bencana adalah sesuatu yang mungkin berlaku atau sebaliknya. Walaupun Majlis Penasihat Syariah BNM pernah mengeluarkan resolusi berkaitan penggunaan takaful ini, namun ia sekadar menyatakan bank Islam perlu menawarkan takaful sebagai *pilihan pertama* sahaja bukannya wajib. Bahkan diberi

pilihan pula kepada pelanggan sekiranya beliau menolak takaful untuk memilih mana-mana insuran konvensional.

Penyelidik mencadangkan agar satu resolusi khusus dikeluarkan berkaitan penggunaan takaful dalam urusan perdagangan antarabangsa terutama yang melibatkan pengeksport dari negara Malaysia kerana beliaulah yang akan menentukan insuran yang digunakan. Penyelidik juga berharap syarikat-syarikat takaful senantiasa berusaha untuk meningkatkan *coverage* mereka agar pelanggan dan bank-bank Islam boleh menggunakan perkhidmatan takaful ini. Cadangan ini tidak dapat dilaksanakan sekiranya syarikat-syarikat takaful menawarkan perlindungan yang terhad dan tidak meliputi urusan perdagangan eksport dan import. Bank-bank Islam perlu bersikap tegas dalam soal insuran ini kerana pengharamannya sudah jelas dan mereka sepatutnya berusaha untuk menjauhkan diri daripada elemen haram dalam sebarang urusan niaga mereka.

#### **7.2.5 Wujudkan Eksekutif Syariah yang Khusus dalam Aspek Perdagangan Antarabangsa Islam**

Berdasarkan pemerhatian penyelidik dengan bank-bank Islam yang dikunjungi, penasihat/eksekutif syariah bank-bank berkenaan hanya mahir dalam persoalan-persoalan yang membabitkan syariah sahaja, manakala dari segi operasinya mereka agak ketinggalan. Sepatutnya, bank-bank Islam melatih eksekutif syariahnya agar mahir dalam produk-produk tertentu yang ditawarkan oleh pihak bank seperti pelaburan, pembiayaan runcit, sukuk dan tidak terkecuali pembiayaan perdagangan. Apabila wujudnya eksekutif syariah yang mahir dalam bidang-bidang pengkhususan ini, maka dengan sendirinya mereka akan mahir dalam aspek operasi dan pelaksanaan setiap produk yang ditawarkan. Langkah ini secara tidak langsung akan memudahkan mereka untuk mengenalpasti isu-

isu syariah yang berlaku dan seterusnya mengambil inisiatif untuk menyelesaikannya atau membawanya kepada penasihat syariah bank Islam berkenaan.

Apabila wujud eksekutif syariah yang mahir dalam urusan pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam contohnya, sudah tentu akan memudahkan pelanggan untuk merujuk urusan perdagangan dan transaksi mereka terutama yang melibatkan kontrak-kontrak yang digunakan. Selain itu, kemahiran yang ada kepada eksekutif syariah ini akan membolehkan mereka merangka dan mengusahakan produk-produk baru dan kontrak-kontrak baru yang sesuai dan boleh dilaksanakan untuk transaksi perdagangan antarabangsa Islam. Dengan kata lain penguasaan yang khusus dalam aspek ini (perdagangan antarabangsa Islam) dan aspek syariah akan menjadikan mereka lebih kreatif dan inovatif.

#### **7.2.6 Wujudkan Eksekutif Syariah di setiap Negeri**

Amalan bank-bank Islam di Malaysia sekarang ialah eksekutif-eksekutif syariah hanya berada di ibu pejabat masing-masing iaitu di Kuala Lumpur. Oleh itu, apabila timbulnya isu-isu syariah diperingkat cawangan atau negeri, masalah tersebut akan dipanjangkan ke ibu pejabat di Kuala Lumpur yang sudah tentunya mengambil masa yang agak lama untuk diselesaikan. Penyelidik mencadangkan agar diwujudkan eksekutif syariah sekurang-kurangnya seorang di peringkat negeri bagi memastikan kelancaran perjalanan bank-bank Islam dari segi kepatuhan terhadap syariah dan penyelesaian segera terhadap isu-isu syariah yang tidak kompleks jika dibangkitkan oleh pelanggan. Perkara ini perlu diberi perhatian kerana pelanggan memerlukan jawapan dan penyelesaian segera terhadap isu yang dibangkitkan. Dengan penjelasan eksekutif syariah ini sudah tentu akan

memberikan kepuasan dan ketenangan kepada pelanggan untuk berurusan dengan bank-bank Islam.

### **7.2.7 Memperkemarkan Perlaksanaan Akad**

Penyelidik sangat berharap agar bank-bank Islam dapat memperbaiki serta memperkemarkan lagi tatacara dan perlaksanaan akad (kontrak) jual beli, sewaan dan sebagainya kerana akad memainkan faktor penting dalam penentuan sah atau batal sesuatu transaksi. Pemerhatian penyelidik mendapati pegawai-pegawai bank diperingkat perlaksanaan melakukan akad tidak bersungguh-sungguh dari segi sebutan, kefahaman dan perlaksanaan. Isu menggabungkan dua kontrak dalam satu akad tidak berlaku (contohnya *wakalah* dan *murabahah* dalam Surat Kredit) sekiranya pegawai-pegawai memahami larangan tersebut.

### **7.2.8 Program-Program Ilmu *Muamalat* yang Khusus untuk Pegawai-Pegawai Bank**

Kefahaman terhadap konsep sesuatu perkara memainkan peranan penting untuk menjayakan sesuatu objektif. Dengan kata lain, memahami kontrak-kontrak *muamalat* Islam secara literal iaitu memahami perbincangan fuqaha silam dan kontemporari amat penting ke arah mencapai matlamat perbankan Islam dan kepatuhan kepada syariah. Kefahaman ini yang diadun dengan ilmu perbankan moden akan melahirkan tenaga kerja yang mahir dan memahami kedua-dua aspek perbankan Islam dan operasinya dalam dunia moden. Penyelidik amat berharap agar pihak-pihak terlibat (seperti BNM, ISRA dll) menganjurkan program-program yang bersifat *hybrid* mencakupi ilmu *muamalat* Islam tradisional dan kontemporari kepada pegawai-pegawai atasan dan bawahan bank-bank Islam. Program-program ini akan membantu ke arah mewujudkan perbankan yang

patuh syariah sepenuhnya dari peringkat penyediaan produk-produk sehingga ke peringkat perlaksanaannya secara teori dan juga praktikal. Walaupun program-program seumpama ini sudah diadakan, namun ia perlu lebih menyeluruh dan komprehensif dan tidak hanya tertumpu kepada kumpulan-kumpulan tertentu sahaja.

### **7.3 Cadangan-Cadangan untuk Kajian Lanjutan**

Kajian penyelidik hanya memfokuskan pelaksanaan kontrak-kontrak dalam produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam dan isu-isu syariah yang berbangkit di lima buah bank Islam sahaja. Penyelidik mendapati pembiayaan perdagangan antarabangsa merupakan satu segmen pembiayaan yang mempunyai skop yang amat luas untuk dikaji. Selain pelaksanaan kontrak-kontrak ia juga bersangkutan dengan isu undang-undang perdagangan antarabangsa, insuran, import eksport, pertelingkahan-pertelingkahan dalam perdagangan antarabangsa, pengangkutan, dokumentasi yang ketat dan sebagainya. Penyelidik mencadangkan aspek-aspek berikut untuk dikaji oleh penyelidik-penyelidik di masa akan datang :

- i. Pengkhususan Surat Kredit sebagai medium utama pembayaran dalam perdagangan antarabangsa, kontrak-kontrak yang diaplikasikan (*murabahah, wakalah, kafalah, musyarakah dan mudarabah* ), kaitannya dengan UCP dan terma-terma Surat Kredit menurut perspektif *muamalat* Islam.
- ii. Surat jaminan bank sebagai produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam dengan memfokuskan pandangan syariah terhadap skop-skop jaminan

iaitu bon tender atau bida, bon prestasi, bon bayaran pendahuluan atau progres dan bon waranti.

iii. Kontrak-kontrak baru yang boleh dilaksanakan untuk produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam di Malaysia (*istisna'*, *salam*, *ijarah* dll).

iv. Mengkaji persepsi, kefahaman dan kepuasan pelanggan-pelanggan (syarikat-syarikat, individu) terhadap produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam.

v. Insuran Islam (takaful) dan peranannya untuk melindungi barangan atau komoditi eksport dan import dalam perdagangan antarabangsa Islam.

Terdapat banyak lagi ruang-ruang yang boleh dikaji oleh penyelidik-penyelidik dalam skop perdagangan antarabangsa Islam ini. Cadangan-cadangan di atas cuma segelintir skop-skop yang boleh diketengahkan dalam bidang ini.

#### **7.4 Penutup**

Kajian ini telah berusaha untuk meneliti produk-produk utama pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam yang ditawarkan oleh bank-bank Islam di Malaysia serta kontrak-kontrak yang diaplikasikan dalam produk-produk tersebut. Kajian memfokuskan kepada lima buah bank Islam sahaja untuk kajian terperinci iaitu Bank Islam Malaysia Berhad

(BIMB), Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB), Kuwait Finance House Malaysia (KFHM), RHB Islamic dan Maybank Islamic. Kajian terperinci merangkumi aspek pelaksanaan dan operasi produk-produk tersebut, cara-cara kontrak-kontrak dalam *fiqh muamalat* diaplikasikan serta isu-isu syariah yang timbul semasa pelaksanaannya. Kajian ini menghurai dan mengupas isu-isu syariah tersebut berdasarkan pandangan fuqaha mazhab dan kontemporari dan seterusnya justifikasi penyelidik terhadap pandangan-pandangan tersebut.

Penyelidik amat berharap agar kajian ilmiah ini dapat membantu pihak-pihak yang terlibat dalam perdagangan antarabangsa seperti pihak bank Islam dan para pengeksport dan pengimport khususnya dari aspek syariah. Usaha ini juga diharapkan dapat membantu mereka (pengeksport dan pengimport) untuk memahami kontrak-kontrak yang mereka gunakan ketika berurusan dengan pihak bank Islam. Seterusnya kajian ini juga diharapkan dapat meyakinkan mereka dengan urus niaga yang halal, bersih dan diberkati oleh Allah s.w.t. Inilah antara matlamat institusi kewangan Islam, bukan sekadar berniaga dan mencari keuntungan yang halal, tetapi juga mengharapkan keredhaan dan keberkatan daripada Allah s.w.t.

## RUJUKAN

- ‘Adawi, Mustafa b al-. (t.t). *Al-Sahih al-Musnad min al-Ahadith al-Qudsiyyah*. Mesir: Dar al-Sahabah li al-Turath.
- ‘Adawi, Ali al-Sa’idi al-. (1412H). *Hasyiah al-‘Adawi ‘ala Syarh Kifayah al-Talib al-Rabbani*. Beirut: Dar al-Fikr.
- ‘Ainy, Badruddin Abi Muhammad Mahmud b Ahmad al-. (2001). *‘Umdah al-Qari Syarh Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- ‘Ainy, Abu Muhammad Mahmud b Ahmad al-. (1990). *Al-Bayanah fi Syarh al- Hidayah*. Beirut: Dar al-Fikr.
- ‘Aliy, Saleh Hamid al-. (2008). *Al-Muassasat al-Maliyyah al-Islamiyyah*. Damsyiq: Dar al-Nawadir.
- Ab. Mumin Ab Ghani. (1999). *Sistem Kewangan Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Abdul Ghafar Ismail & Surathman Kastin Hasan. (1993). *Bank Perdagangan di Malaysia: Struktur dan Pengurusan Dana*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Ghafar Ismail. (2010). *Money, Islamic Banks and the Real Economy*. Singapore: Cengage Learning Asia Pte. Ltd.
- Abdul Halim b Muhammad. (2006). *Undang-undang Mu’amalat dan Aplikasinya Kepada Produk-produk Perbankan Islam*. Petaling Jaya: Dasar Cetak Sdn. Bhd.
- Abdul Halim Ismail. (1996, Mac). *The Role of Islamic Instruments in Deepening Equity Markets*. Kertas Kerja International Islamic Capital Market Conference di Kuala Lumpur.

- Abdul Halim b Ismail. (2005). Bank Islam Malaysia Berhad: Principles and Operations, dalam Sheikh Ghazali b Sheikh Abod, Syed Omar b Syed Agil & Aidit b Ghazali (Eds.), *An Introduction to Islamic Economics and Finance* (283-325). Kuala Lumpur: CERT Publications.
- Abdul Karim Ali & Raihanah Hj Azahari (Eds.). (1999). *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Abdul Rahim b Abdul Rahman. (2008, November). *Shari'ah Audit For Islamic Financial Services: The Needs and Challenges*. Kertas kerja dalam Islamic Finance Seminar anjuran International Shariah Research Academy for Islamic Finance (ISRA), Kuala Lumpur.
- Abdul Sattar Abu Ghuddah. (1998). *Al-Dalil al-Syarie li al-Murabahah*. Jeddah: Dallah al-Barakah.
- Abdul Sattar Abu Ghuddah. (2006). *al-Muwata'ah ala Ijra' al-'Uqud wa al-Muwa'adah al-Muta'addidah*. Kertas kerja yang dibentangkan pada Majma' al-Fiqh al-Islami, Daurah ke-17, Amman Jordan.
- Abd al-Sattar, Abu Ghuddah. (2007). *al-Fatawa al-Syariyyah li Majmu'ah al-Barakah al-Masrafiyyah*. al-Baraka Banking Group.
- Abdullah b Muhammad Basmieh. (2010). *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran 30 Juzuk*. Kuala Lumpur: Dar al-Fikr.
- Abdullah Alwi Hj Hassan. (2006). *Sales and Contracts in Early Islamic Commercial Law*. New Delhi: Kitab Bhavan.

- Abdullah Alwi Hj Hassan *et al.* (2005). *Teori dan Aplikasi Kontemporari Sistem Ekonomi Islam di Malaysia*. KL: Utusan Publications and Distributors.
- Abu Jayb, Sa'adi. (1988). *al-Qamus al-Fiqhi*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Abu Zahrah, Muhammad. (1977). *Al-Milkiyyah wa Nazariyyat al-'Aqd fi al-Syariah al-Islamiyyah*. Mesir: Dar al-Fikr.
- Accounting and Auditing Organisaton for Islamic Financial Institutions. (2008). *Shari'a Standards For Islamic Financial Institutions*. Bahrain.
- Adiwarman A. Karim. (2005 ). *Islamic Banking: Fiqh and Financial Analysis*. Jakarta: PT Raja Grafindo Persada.
- Adnan M. Abdeen & Dale N.Shook. (1984). *The Saudi Financial System*. New York: John Wiley & Sons Ltd.
- Afzalur Rahman. (1979). *Economic Doctrines of Islam (Banking and Insurance)*. London: The Muslim Schools Trust.
- Ahcene Lahsasna. (2007). *Implementation of the Islamic Letter of Credit in International Trade*. Paper presented at the International Islamic Conference on Islamic Banking and Finance 11 CiBF 2007. Kuala Lumpur.
- Ahmad Ausuf. (1987). *Development and Problem of Islamic Banks*. Jeddah: Islamic Research and Training Institute.
- Ahmad Ausuf. (1995). *The Evolution of Islamic Banking: Encyclopedia of Islamic Banking and Insurance*. London: Institute of Islamic Banking and Insurance.
- Ahmad Azam Othman, Rosmawani Che Hashim & Akhtarzaite Abdul Aziz. (2009, June). *An Overview of Shariah Issues Regarding The Application of The Islamic Letter of Credit Practice in Malaysia*. Kertas kerja yang dibentangkan di

International Conference on Corporate Law 2009, “ Contemporary Issues and Challenges,” Universitas of Airlangga, Surabaya.

Ahmad Hidayat Buang. (1999). *Unsur-unsur Utama Pembentukan Kontrak ('Akad) di dalam Undang-undang Islam*. Jurnal Syariah, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, UM, Jilid 2, Bil 1, h.185.

Ahmad Hidayat Buang. (2007). *Undang-undang Islam di Malaysia: Prinsip dan Amalan*. KL: Penerbitan Universiti Malaya.

Ahmad Ridha. (1958). *Mu'jam Matn al-Lughat Mawsu'at Lughawiyah Hadithah*. Beirut : Dar Maktabah al-Hayah.

Ahmad Shamsul Abd Aziz, Khuzaimah Salleh & Rosmawani Che Hashim. (2007). *Undang-undang Perbankan*. Petaling Jaya: Prentice Hall Pearson Malaysia Bhd.

Ahmad Suhaimi b Yahya. (2008, Februari). *Penggunaan Wa`ad dalam Kontrak Buyu', Ijarah dan Syirkah: Implikasi Hukum*. Kerta kerja yang dibentangkan di Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara 2008.

Ahmad Yusuf. (1993). *'Uqud al-Mu'awadat al-Maliyah fi Daw al-Ahkam al-Syariyyah al-Islamiyyah*. Kaherah: Dar al-Saqafah.

Alamuddin, Mahyuddin Ismail. (1996). *Al-I'timadat al-Mustanadiyyah*. Egypt: International Institut of Islamic Thought.

Ali Haidar. (1991). *Durar al-Hukkam Syarh Majallah al-Ahkam*. Beirut: Dar al-Jail.

Alusi, Shihabuddin al-Sayyid Mahmud al-. (t.t). *Ruh al-Ma'ani fi Tafsir al-Quran al-Azim wa al-Sab' al-Masani*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.

Anas, Malik b. (t.t). *Al-Mudawwanah Al-Kubra*. Beirut: Dar Sadir.

- Anjum Siddique. (2008). *Financial contracts, risks and performance of Islamic banking*.  
www.emeraldinsight.com/0307-4358.htm, Vol 34, No 10, 2008 h.680-694.
- Ansari, Zakariyya al-. (1418H). *Fath al-Wahhab bi Syarh Minhaj al-Tullab*. Beirut: Dar  
al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ansari, Zakariyya al-. (t.t). *Qalyubi wa Umairah ‘ala Minhaj al-Talibin*. Al-Mansurah:  
Maktabah al-Iman.
- Archer, Simon & Rifaat Ahmed Abdel Karim. (2002). *Islamic Finance: Innovation and  
Growth*. London: Euromoney Books.
- Asfahani, Al-Raghib al-. (t.t). *Mu’jam Mufradat Alfaz al-Quran*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Asmadi Mohamed Naim, Mohamad Yazid Isa dan Mohd Liki Ahmad. (2013). *The effects  
of new AAOIFI standards on Sukuk in choosing the most authentic Islamic  
principles*. www.emeraldinsight.com/1759-0817.htm, Vol 4, No 1, 2013 h.77-93.
- Asmadi Mohamed Naim. (2003). *Maqasid Syariah dan Pemikiran Pengurusan Islam*.  
Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Asmadi Mohamed Naim. (2006). *Nazariyyat Faskh al-‘Uqud fi al-Fiqh al-Islami*. Jordan  
: Dar al-Nafais
- Asmadi Mohammed Naim. (2008). *Islamic Banking: An Alternative for Modern Banking  
Communities*. German Journal for Politics, Economics and Culture of the Middle  
East Vol 3, 2008, h.34.
- Asyqar, Muhammad Sulayman al-. (1983). *Bay’ al-Murabahah kama Tajrihi al-Masarif  
al-Islamiyyah*. Kuwait: Maktabah al-Falah.

- Asyraf Wajdi Dusuki. (2008 ). *Understanding the objectives of islamic banking: a survey of stakeholders' perspectives*. [www.emeraldinsight.com/1753-8394. htm](http://www.emeraldinsight.com/1753-8394.htm), Vol 1, No 2 , 2008, h.132-148.
- Ayub, Muhammad. (2007). *Understanding Islamic Finance*, England: John Wiley & Sons, Ltd.
- Azizi Hj Yahaya. (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing.
- Aznan b Hassan. (2008, Februari). *Pengertian al-Wa'ad, al-Wa'dan dan al-Muwa'adah*. Kertas kerja yang dibentangkan di Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara, 27-28 Februari 2008.
- Bach, George Leland. (1966). *Economics: An Introduction to Analysis and Policy*. New Jersey: Prentice Hall.
- Baghdadi, Abu Muhammad Abd Wahhab al-. (t.t). *al-Talqin fi al-Fiqh al-Maliki*. Riyadh : Maktabah Nizar Mustafa al-Baz.
- Baihaqi, Abu Bakr Ahmad b al-Husayn b Ali al-. (2003). *al-Sunan al-Kubra*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Bank Negara Malaysia. (1999). *Bank Negara Malaysia dan Sistem Kewangan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.
- Barghish, Abi Abd al- Rahman Hisyam Muhammad Said Al-. (2009). *Khadamat al-Masarif al-Muasirah: Ahkamuha wa al-Badail al-Syariyyah Laha*. Kaherah: Dar al-Yusr.
- Beard, Alan J. & Thomas, Richard M. (2006). *Trade Finance Handbook*. USA: Thomson Higher Education.

- Berg, B.L. (1989). *Qualitative Reseach Methods for the Social Sciences*. USA: Allyn & Bacon.
- Buhuti, Mansur b Yunus al-. (1982). *Kasyaf al-Qina' 'an Matan al-Iqna'*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Buhuti, Mansur b Yunus al-. (t.t). *Al-Raud al-Murbi' Syarh Zad al-Mustaqni'*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Buhuti, Mansur b Yunus al-. (t.t). *Syarh Muntaha al-Iradat*. Mesir: al-Maktabah al-Salafiyyah.
- Bujairimi, Sulaiman al-. (1978). *Tuhfat al-Habib 'ala Syarh al-Khatib*. Beirut: Dar al-Makrifah.
- Bujairimi, Sulaiman al-. (2007). *Bujairimi 'ala al-Khatib*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Bukhari, Muhammad b Ismail al-. (1987). *Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar Ibn Katsir.
- Burns, R.B. (2000). *Introduction to Research Methods*. Melbourne: Longman.
- Bustani, Butrus al-Bustani. (1987). *Muhit al-Muhit*. Beirut: Matba'ah Lubnan.
- Cheah Kooi Guan. (1997). *Institusi-institusi Kewangan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Choudury, M.A. (Ed.).(1997). *Islamic Political Economy in Capitalist-Globalization: An Agenda for Change*. Kuala Lumpur: Utusan Publications Sdn Bhd.
- Crabtree, B.F. & Miller, W.L. (1992). *Doing Qualitative Research 3*. London: Sage.
- Creswell, John W.(2008). *Educational Research: Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. New Jersey: Pearson Education.
- Daghi, Ali Muhyiddin al-Qura. (2007). *Buhuth fi Fiqh al-Bunuk*. Beirut: Dar al-Basyair al-Islamiyyah.

- Dardir, Ahmad al-. (t.t). *Al-Syarh al-Kabir Ma'a Hasyiah al-Dusuqi*. Kaherah: Matba'ah Isa al-Halabi.
- De Lorenzo, Yusuf Talal. (2008). *Shariah Supervision in Modern Islamic Finance*. <http://www.scribd.com/doc/382544>.
- Denzin, N.K. & Lincoln, Y.S. (Eds.). (1998). *Collecting and Interpreting Qualitative Materials*. California: Sage.
- Descombe, Martyn. (2003). *The Good Research Guide for Small Scale Social Research Projects*. Philadelphia: Open University Press.
- Darer, Siddiq M. Al-Amen al-. (1997). *Al-Gharar in Contracts and its Effects in Contemporary Transactions*. Jeddah: IRTI, IDB.
- Dorfman, Mark S. (2004). *Introduction to Risk Management and Insurance*. New Jersey: Prentice Hall.
- Dusuqi, Muhammad Arafah al-. (t.t). *Hasyiah al-Dusuqi 'ala al-Syarh al-Kabir*. Mesir: Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah.
- Eisnhardt, K. (1985). *Building theories from case study research*. Academy of Management Review. 14(4)
- Engku Rabiah Engku Ali. (2008). *Essential Readings in Islamic Finance: Issues in Islamic Debt Securutization*. CERT Publications Sdn.Bhd.
- Fadhl Ilahi. (1412H). *Al-Tadabir al-Waqiah min al-Riba fil Islam*. Riyadh: Maktabah al-Muayyad.
- Fang, Liaw Yock. (1976). *Undang-undang Melaka*. The Hagues: Maritimes.
- Faizah Hj Ismail. (2006 ). *Asas-asas Muamalat Dalam Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Fariza Hashim & Mohd Hanif Jedin. (2007). *International Bussiness: An Asian Perspective*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn Bhd.
- Fasi, ‘Alal al-. (1966). *Maqasid al-Syariah al-Islamiyyah wa Makrimuha*. Rabat: Matba’ al-Risalah.
- Fauzias Mat Nor. (2002). *Understanding International Finance*. Petaling Jaya: Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- Fayyumi, Ahmad b Muhammad b ‘Ali al-. (1987). *al-Misbah al-Munir*. Beirut: Maktabah Lubnan.
- Fayruz, Abadi al-. (1997). *al-Qamus al-Muhit*. Beirut: Dar Ihya al-Turath al-Arabi.
- Gafoor, Abdul A.L.M. (1995). *Interest-free Commercial Banking*. Groningen, The Netherlands: Apptec Publications.
- Ghamrawi, Muhammad al-Zuhry al-. (1933). *Al-Siraj al-Wahhaj ‘ala Matan al-Minhaj*. Egypt: Maktabah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Auladuhu.
- Ghazali, Muhammad al-. (1997). *Al-Wasit fi al-Mazhab*. Mesir: Dar al-Salam.
- Ghazali, Abu Hamid. (t.t). *Al-Mustasfa*. Kaherah: Dar al-Jundi.
- Ghouse, Abdel Moneim Mahmoud al-. (1986). *Riba in Islamic Law and Interest*. Ph.D Thesis 1982. Temple University. Michigan: University Microfilms International.
- Glasser, B.G & Strauss, A.L. (1967). *The discovery of Grounded Theory: Strategies for Qualitative Research*. Chicago: Aldine Publishing Company.
- Hadenan Towpek & Joni Tamkin Borhan. (2006). *Untung Dalam Sistem Perbankan Islam*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.
- Hailani Muji Tahir & Sanep Ahmad. (2009). *Aplikasi Fiqh Muamalat Dalam Sistem Kewangan Islam*. Shah Alam: UiTM.

- Haithami, Nuruddin Ali b Abi Bakr al-. (1412H). *Majma' al-Zawaid wa Manba' al-Fawaid*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Hamdi Abd al-'Azim. (1996). *Khitab al-Daman fi al-Bunuk al-Islamiyyah*. Kaherah: al-Ma'ahad al-'Alamy lil Fikr al-Islami.
- Hamim S Ahmad Mokhtar, Naziruddin Abdullah & Syed M.Alhabshi. (2008). *Efficiency and competition of Islamic banking in Malaysia*. [www.emeraldinsight.com/0828-8666.htm](http://www.emeraldinsight.com/0828-8666.htm), Vol 24, No 1,2008, h.28-48.
- Hammad, Nazih. (2001). *Qadaya Fiqhiyyah Mu'asirah fi al-Mal wa al-Iqtisad*. Damsyiq : Dar al-Qalam.
- Hammad, Nazih. (1993). *Mukjam al-Mustalahat al-Iqtisadiyyah fi Lughah al-Fuqaha*. Herndon: The International Institut of islamic Thought.
- Hamud, Sami Hasan. (1991). *Tatwir al-A'mal al-Masrafiyyah bima Yattafiq wa al-Syariah al-Islamiyyah*. Kaherah: Maktabah Dar al-Turath.
- Harold A.Wolf. (1986). *Money, Encyclopedia Americana*. Vol 19, Connecticut: Grolier Incorporated.
- Harran, Saad Abdul Sattar al-, (1993). *Islamic Finance: Partnership Financing*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications(M) Sdn Bhd.
- Hasani, Ismail al-. (1995). *Nazariyyah al-Maqasid inda al-Imam Muhammad al-Tahir bin 'Asyur*. Virginia: International Institute of Islamic Thought.
- Hassan Subhi Ahmad (1971). *Al-Madkhal ila al-Fiqh al-Islami wa Ba'du al-Nazariyyat al-Ammah*. Lubnan: Matba'ah al-Risalah.
- Hassan, M. Kabir& Lewis, Mervyn K. (Eds.). (2007). *Handbook of Islamic Banking*. United Kingdom: Edward Elgar Publishing Limited.

- Hattab, Abu Abdullah Muhammad b Muhammad al-Maghribi al-. (1992). *Mawahib al-Jalil li Syarh Mukhtasar Khalil*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Hill, Charles W.L. (1999). *International Business: Competing in the Global Marketplace*. Irwin: Mc Graw-Hill.
- Hinkelman, Edward G *et al.* (2002). *Dictionary of International Trade*. US: World Time Press.
- Hinkelman, Edward G.(2009). *A Short Course in International Payments*. 3<sup>rd</sup> Edition, US: World Trade Press.
- Hooker, Cf.M, B. (1970). *Reading in Malay Adats Laws*. Singapore.
- Hydzulkifli b Hj Hashim. (2004). *Pembiayaan Perdagangan Islam dalam Sistem Perbankan: Kajian Perbandingan antara Bank Muamalat Malaysia Bhd dan Bank Islam Malaysia Bhd* (Disertasi Sarjana Syariah yang tidak diterbitkan). Jabatan Syariah dan Ekonomi, UM.
- Ibn Abi Syaibah, Abu Bakr Abdullah b Muhammad b Ibrahim. (2004). *Al-Musannaf*. Riyadh: Maktabah al-Rusyd.
- Ibn Abidin, Alauddin Amin b Umar. (t.t). *Radd al-Mukhtar 'ala al-Durr al-Mukhtar (Hasyiah Ibn Abidin)*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Ibn Abidin, Muhammad Amin b Umar b Abd al-Aziz. (1966). *Hasyiah Ibn Abidin*. Kaherah: Matbaah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Auladuhu.
- Ibn Duyan, Ibrahim b Muhammad b Salim. (t.t). *Manar al-Sabil fi Syarh al-Dalil*. Riyadh : al-Maktab al-Islami.
- Ibn Faris, Abu Hasan Ahmad. (1981). *Mu'jam Maqayis al-Lughah*. Kaherah: Maktabah Al-Khanji.

- Ibn Hajar, Ahmad b Ali b Hajar al-‘Asqalani. (1964). *Talkhis al-Habir fi Ahadis al-Rafie al-Kabir*. Madinah al-Munawwarah.
- Ibn Hajar, Ahmad b Ali b Hajar al-‘Asqalani. (2001). *Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari*. Riyadh: Maktabah al-Malik Fahd al-Wataniyyah.
- Ibn Hazm al-Andalusy. (1350H). *Al-Muhalla*. Mesir: Matba’ah al-Muniriyyah.
- Ibn Humam, Kamaluddin. (1970). *Fath al-Qadir*. Kaherah: Matba’ah Mustafa Muhammad.
- Ibn Juzay, Muhammad b Ahmad al-Gharnati al-Maliki. (1982). *Qawanin al-Ahkam al-Syariyyah wa Masail al-Furu’ al-Fiqhiyyah*. Tunisia: Al-Dar al-Arabiyyah lil Kitab.
- Ibn Katsir, Abu al-Fida’ Ismail b Katsir al-Damsyiqi. (1988). *Tafsir Ibn Katsir*. Beirut: Dar al-Qalam.
- Ibn Manzur, Abu al-Fadhl Jamal al-Din Muhammad b Mukarram al-Ansari. (t.t). *Lisan al-Arab*. Beirut: Dar Sadir.
- Ibn Muflih, Ibrahim b Muhammad. (1400H). *Al-Mubdi’ fi Syarh Al-Muqni’*. Beirut: Al-Maktab al-Islami.
- Ibn Nujaim, Zain b Ibrahim b Muhammad. (t.t). *Al-Bahr al-Raiq Syarh Kanz al-Daqaiq*. Beirut: Dar al-Makrifah.
- Ibn Qayyim al-Jauziyyah. (1323H). *I’lam al-Muwaqqi’in ‘an Rabb al-‘Alamin*. Jeddah: Dar Ibn al-Jauzi.
- Ibn Qudamah al-Maqdisi. (1997). *Al-Mughni fi Fiqh al-Imam Ahmad b Hanbal*. Riyadh: Dar ‘Alam al-Kutub.
- Ibn Rusyd, Muhammad b Ahmad. (1988). *Bidayat al-Mujtahid wa Nihayat al-Muqtasid*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

- Ibn Taimiyyah. (2005). *Majmu'ah al-Fatawa*. Al-Mansourah: Dar al-Wafa'.
- Idris Awang. (2001). *Kaedah Penyelidikan: Satu Sorotan*. KL: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Imam Bernadib. (1982). *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan*. Yogyakarta: Yayasan Penerbit FIPIKIP.
- Iqbal, Zamir dan Mirakhor, Abbas. (2007). *An Introduction to Islamic Finance: Theory and Practice*. Singapore: John Wiley and Sons.
- Irsyaid, Mahmud Abdul Karim Ahmad. (2007). *Al- Syamil fi al Mu'amalat wa Amaliyyat al- Masarif Al- Islamiyyah*. Jordan: Dar al-Nafais.
- Ismail Mahayudin. (1997). *International Trade Operations: A Guide*. Kuala Lumpur: BIMB Institute of Research and Training Sdn. Bhd.
- Isnenah bt Hj Othman. (2001). *Kesan Perdagangan Antarabangsa Ke Atas Pertumbuhan Ekonomi Negara-negara Asean : Kajian Kes Tahun 1976-2000* (Disertasi Sarjana yang tidak diterbitkan). Sekolah Siswazah, Universiti Utara Malaysia (UUM).
- Iwad, Muhammad Hashim. (t.t). *Tawsif Tafsil li Muqarrar Tatbiqat Iqtisadiyyah Islamiyyah Mu'asirah*. Jeddah: Jamiah al-Malik Abdul Aziz.
- Jaffer, Sohail (Ed.). (2005). *Islamic Retail Banking and Finance: Global Challenges and Opportunities*. United Kingdom: Euromoney Books.
- Jammal, Muhammad Abd al-Mun'im al-. (1986). *Mawsu'ah al-Iqtisad al-Islami wa Dirasah Muqaranah*, Beirut: Dar al-Kitab al-Lubnani.
- Jassas, Abu Bakr Ahmad b Ali al-Razi al- .(t.t). *Ahkam al-Quran*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Jaziri, Abd Rahman. (t.t). *Al-Fiqh 'ala al-Mazahib al-Arba'ah*. Kaherah: Dar al-Hadith.

- Joni Tamkin b Borhan. (2005). Pelaksanaan Prinsip Syariah Dalam Amalan Perbankan Islam di Malaysia, dalam Abdullah Alwi Hj. Hassan *et al.* *Teori dan Aplikasi Kontemporari Sistem Ekonomi Islam di Malaysia*. KL: Utusan Publications and Distributors.
- Judith. (2001). *Law of International Trade*. 3<sup>rd</sup> Edition. London: Old Bailey Press.
- Jurjani, Ali b Muhammad al-. (1988). *Kitab al-Ta'rifat*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Kamal Khir, Lokesh Gupta & Bala Shanmugam. (2008). *Islamic Banking: A Practical Perspective*. Petaling Jaya: Pearson Malaysia Sdn.Bhd.
- Kamus Dewan. (1994). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Kasani, Alauddin Abi Bakr b Mas'ud. (2003). *Badai' al-Sanai' fi Tartib al-Syarai'*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Katsioloudes, Marios I., and Spyros Hadjidakis. "Chapter 1 - *Challenges in International Business*". *International Business: A Global Perspective*. Butterworth-Heinemann. © 2007. Books24x7. [http://common.books24x7.com/book/id\\_28113/book.asp](http://common.books24x7.com/book/id_28113/book.asp).
- Khan, Mohsin S dan Mirakhor, Abbas (Eds). (1987). *Theoretical Studies in Islamic Banking and Finance*. Texas: The Institute for Research and Islamic Studies.
- Khan, Shahrukh Rafi. (1987). *Profit and Loss Sharing: An Islamic Experience in Finance and Banking*. Karachi: Oxford University Press.
- Kharqy, Abu al-Qasim Umar b al-Hussain. (1403H). *Mukhtasar al-Kharqy*. Beirut: Al-Maktab Al-Islami.
- Khattabi, al-. (1351H). *Ma'alim al-Sunan*. Halab: Matbaah al-Ilmiyyah.
- Khayyat, Abd Aziz al-. (1988). *al-Syarikah fi al-Syariah al-Islamiyyah*. Beirut: Muassasah al-Risalah.

- Lincoln, Y.S. & Guba, E.G. (1985). *Naturalistic enquiry*. London: Sage.
- Louy Safi. (1998). *Asas-asas Ilmu Pengetahuan: Satu Kajian Perbandingan Kaedah-kaedah Penyelidikan Islam dan Barat*. Kuala Lumpur: The International Institut of Islamic Thought.
- M.Mansoor Khan and M.Ishaq Bhatti. (2008 ). *Islamic banking and finance: on its way to globalization*. [www.emeraldinsight.com/0307-4358.htm](http://www.emeraldinsight.com/0307-4358.htm), Vol 34, No 10, 2008, h.708-725.
- Mahyuddin, Ismail Alam al-Din. (1996). *Al-I'timadat Al-Mustanadiyyah*. Kaherah: Al-Maahad Al-Alami lil Fikr Al-Islami.
- Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia. (2010). *Resolusi Syariah Dalam Kewangan Islam*. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.
- Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti. (2002). *Keputusan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti*. Kuala Lumpur: Suruhanjaya Sekuriti.
- Mani', Abdullah Sulayman (1425H), "*Al-Ta'sil al-Fiqhy li al-Tawarruq fi daw' al-Ihtiyajat al-Tamwiliyyah al-Mu'asirah*". Majallah al-Buhuth al-Islamiyyah. bil 72, Rabi'al al-Awwal-Jumad al-Ula 1425H, h.351.
- Mansor Jusoh dan Antoni. (2009, Februari ). *Hubungan Kadar Pulangan Deposit Perbankan Islam Dengan Kadar Bunga Di Malaysia: Satu Analisis Penumpuan Stokastik* . Kertas kerja Seminar Ekonomi Islam Peringkat Kebangsaan 2009 (SEIPK 09) anjuran Jabatan Syariah & Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaysia, Kuala Lumpur pada 10-11 Februari 2009 di APIUM.
- Mansur, Isa Daifullah. (2007). *Nazariyyat al Arbah fi al Masarif al Islamiyyah*. Jordan: Dar al Nafais.

- Marghinani, Burhanuddin Abu al-Hassan Ali b Abi Bakr b Abd Jalil al-. (t.t). *Al-Hidayah Syarh Bidayah al-Mubtadi*. Kaherah: Maktabah wa Matbaah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladuhu.
- Marjan Muhammad, Lokmanulhakim Hussain, Md Som Sujimon & Wan Norhaziki Wan Abdul Halim. (2011). *Operasi Perdagangan Pertukaran Matawang Asing oleh Individu Secara Lani (Individual Spot Forex) Melalui Platform Elektronik: Satu Sorotan Dari Sudut Syariah*. ISRA Research Paper, No: 24/2011.
- Mawardi, Abu al-Hassan al-. (1994). *Al-Hawi al-Kabir*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Md. Akhir Hj Yaacob. (2002). *Undang-undang Sivil Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mei Pheng, Lee & Ivan Jeron, Detta. (2007). *Islamic Banking and Finance Law*. Petaling Jaya: Pearson Malaysia Sdn Bhd.
- Merriam, S.B. (1988). *Case study research in education: A qualitative approach*. San Francisco: Jossey Bass Publishers.
- Minichiello, V., Aroni, R., Timewell, E. and Alexander, L. (1990). *In-depth Interviewing: Researching People*. Melbourne: Longman Cheshire.
- Misri, Abd al-Sami’ al-. (1988). *Al-Masraf al-Islami: ‘Ilmiyyan wa ‘Amaliyyan*. Kaherah : Maktabah Wahbah.
- Mohamad Akram Laldin. (2008). *Islamic financial system: The Malaysian experience and the way forward*. Humanomics, Vol.1, No.3, Emerald Group Publishing Limited, h.217-238.

- Mohammad Hashim Kamali. (1995, April). *The Shari'ah Perspective on Transaction*. Seminar on Contemporary Dimensions in Islamic Financial System. Kuala Lumpur.
- Mohd Ali Haji Baharum. (2003). *Undang-undang Kontrak Perbandingan Islam dan Inggeris*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Daud Bakar. (2008). *Contracts in Islamic Commercial and Their Application in Modern Islamic Financial System*. CERT Publications Sdn.Bhd.
- Mohd Daud Bakar. (1997, Julai). *As-Suyulah: The Islamic Concept of Liquidity*. Kertas Kerja yang dibentangkan di International Islamic Capital Market Conference 97.
- Mohd Daud Bakar. (1997). *Aspek-aspek Pembiayaan Projek dalam Amalan Perbankan Islam*. Jurnal Syariah, Jld 5, Bil 2, Julai 1997. Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Syariah, Universiti Malaya, h.205.
- Mohd Nasir Mohd Yatim & Amirul Hafiz Mohd Nasir. (2007). *The Principles and Practice of Islamic Banking and Finance*. Petaling Jaya: Prentice Hall.
- Mohd Sabri Abdul Ghaffar. (2009). *Al-Ijarah: Doktrin dan Praktik dalam Sistem Perbankan Islam Masa Kini*. Shah Alam: UPENA,UiTM.
- Mohammad Khairi b Saat, Razli b Ramli dan Haryani bt Aminuddin. (2011). *Islamic Banking Practices: From The Practitioner's Perspective*. Kuala Lumpur: IBFIM.
- Mohammad Nejatullah Siddiqi. (2006). *Islamic banking and Finance in Theory and Practice: A survey of state of the Art*. Islamic Economic Studies, Vol 13, No.2, Februari 2006.
- Muhammad, Ali Jum'at *et al.* (2010). *Mausuah Fatawa al-Muamalat al-Maliah lil Masarif wa al-Muassasat al-Maliah al-Islamiyyah*. Kaherah: Dar al-Salam.

- Muhammad Beltaji Hassan. (1998). *Al-Milkiyyah al-Fardiyyah fi al-Nizam al-Iqtisadi al-Islami*. Kaherah: Maktabah al-Syabab.
- Muhammad Bakr Ismail. (1996). *Al-Qawaid al-Fiqhiyyah baina al-Asalah wa al-Taujih*. Kaherah: Dar al-Manar.
- Muhammad Yusuf Musa. (1952). *Al-Amwal wa Nazariyyah al-'Aqd fi al-Fiqh al-Islami*. Mesir: Dar al-Kitab al-Arab.
- Muhammad Yusuf Musa. (1958). *Al-Fiqh al-Islami Madkhal li Dirasat Nizam al-Muamalat fih*. Kaherah: Dar al-Kitab al-Arabi.
- Muslim al-Naisaburi, Abu al- Hussain Muslim b al-Hajjaj. (1980). *Sahih Muslim*. Tahqiq Muhammad Fuad Abd Baqi. Kaherah: Tab' Isa al-Halabi.
- Mustafa Hamat. (2002, Jun). *Pembangunan Produk Kewangan Islam Mengikut Perspektif Syariah*. Kertas Kerja Seminar Kewangan Islam di Akademi Pengajian Islam, UM, Kuala Lumpur 18 Jun 2002, h.1.
- Mustafa Hj Daud. (1995). *Perniagaan Menurut Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd.
- Nabil A.Saleh. (1986). *Unlawful Gain and Legitimate Profit in Islamic Law*. Cambridge Najhoft.
- Nasaie, Abu Abdul Rahman Ahmad b Syuaib al-. (2001). *Al-Sunan al-Kubra Li al-Nasaie*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Nawawi, Muhyiddin Abu Zakariyya Yahya b Sharaf al-. (t.t). *Al-Majmu' Sharh al-Muhazzab*. Jeddah: Maktabah al-Irsyad.
- Nawawi, Muhyiddin Abu Zakariyya Yahya b Sharaf al-. (2003). *Raudah al-Talibin wa 'Umdatul Muftin*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

- Neuman, W. Lawrence. (1997). *Social Research Methods-Qualitative and Quantitative Approaches*. Boston: Allyn and Bacon.
- Nizam, Sheikh *et al.* (1991). *Al-Fatawa Al-Hindiyyah fi Mazhab al-Imam al-A'zam Abi Hanifah*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Nor Mohamed Yakcop. (1996). *Teori, Amalan dan Prospek Sistem Kewangan Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd.
- Norafifah Ahmad dan Sudin Haron. (2002). *Perceptions of Malaysian Corporate Customers Towards Islamic Banking Products & Services*. International Journal of Islamic Financial Services, Volume 3, Number 4.
- Noraini Idris. (2010). *Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill Malaysia Sdn Bhd.
- Omar, Fuad dan Abdel-Haq Muhammed. (1996). *Islamic Banking Theory, Practice & Challenges*. Karachi: Oxford University Press.
- Osman Sabran. (2001). *Urus Niaga al-Qard al-Hasan Dalam Pinjaman Tanpa Riba*. Skudai: UTM.
- Pang, Johnson. (1988). *Financing and Practice of Domestic and International Trade*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications (M) Sdn.Bhd.
- Pang, Johnson. (1997). *Banking, Business and International Trade*. Singapore: Federal Publications.
- Patton, M.Q.(1990). *Qualitative Evaluation and Research Methods*. Newbury Park, CA: Sage.
- Paul A. Samuelson. (1980). *Economics*. USA: McGraw-Hill International Book Company.

- Perry, C. (1998). *Processes of a case study methodology for post graduate reasearch in marketing*. European Journal of Marketing. 32(9/10).
- Punch, K.F. (1998). *Introduction to Sosial Research Quantitative and Qualitative Approaches*. London: Sage.
- Punch, K.F. (2001). *Developing Effective Research Proposals*. London: Sage.
- Qahf, Monzer. (1992). *Principles of Islamic Financing*. Jeddah: Islamic Research and Training Institute, Islamic Development Bank.
- Qahf, Monzer. (2011). *Asasiyyat al-Tamwil al-Islami*. Kuala Lumpur: International Shariah Research Academy for Islamic Finance (ISRA).
- Qal'ahji, Muhammad Rawwas. (2005). *Al-Mu'amalat al Maliyah al Mu'asirah fi Daw'i al fiqh wa alSyariah*. Beirut: Dar al-Nafais.
- Qal'ahji dan Qanibi. (1988). *Mu'jam Lughat al-Fuqaha: 'Arabi-Inkalizi*. Beirut: Dar al-Nafais.
- Qal'ahji, Muhammad Rawwas. (1991). *Mabahith fi al-Iqtisad al-Islami min Usulih al-Fiqhiyyah*. Beirut: Dar al-Nafais.
- Qarafi, Syihabuddin Ahmad b Idris al-. (1994). *Al-Zakhirah fi al-Fiqh al-Maliki*. Beirut: Dar al-Gharby al-Islami.
- Qarafi, Syihabuddin Ahmad b Idris al-. (t.t). *Al-Furuq*. Beirut: Dar al-Makrifah.
- Qazwini, al-. (1997). *Al- 'Aziz Syarh al-Wajiz*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Qurtubi, Abu Abdullah Muhammad b Ahmad b Abi Bakr al-. (2006). *Al-Jami' li Ahkam al-Quran*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Qurtubi, Ibn Rusyd al-. (1988). *Al-Bayan wa al-Tahsil*. Beirut: Dar al-Gharb al-Islami.

- Rabiah, Sauud Muhammad al-. (1992). *Tahawwul al-Masraf al-Ribawi ila Masraf Islami*.  
Kuwait: Markaz al-Makhtutat wa al-Turath wa al-Wathaiq.
- Rahim Abdullah. (1996). *Pengurusan Perniagaan Antarabangsa*. Kuala Lumpur: Utusan  
Publications and Distributors.
- Raisuni, Ahmad. (1995). *Nazariyyat al-Maqasid inda al-Syatibi*. Riyadh: al-Dar al-  
Alamiyyah li al-Kitab al-Islami.
- Ramli, Syams al-Din Muhammad b Abi al-Abbas al-. (1984). *Nihayat al-Muhtaj ila  
Syarh al-Minhaj*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Razi, Muhammad bin Abi Bakr bin Abd al-Qadir al-. (1987). *Mukhtar al-Sihah*. Lubnan  
: Maktabah Lubnan.
- Ready, R.K. (1967). *The Egyptian Municipal Saving Bank Project*. International  
Development Review, Vol 9, No.2, h.2-5.
- Reza Djojosingito. (2008). *Mitigating legal risk in Islamic banking operations*.  
[www.emeraldinsight.com/0826-8666.htm](http://www.emeraldinsight.com/0826-8666.htm), Vol 24, No 2, 2008.
- Robson, C. (2002). *Real World Research: A Resource for Social Scientists and  
Practitioner-Researchers*. Oxford Blackwell.
- Rohaini Mustaffa. (1991). *Teori Perdagangan Antarabangsa*. KL: Dewan Bahasa dan  
Pustaka.
- Rosli Mahmood. (1994). *Konsep Asas Perbankan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan  
Pustaka.
- Rosli Mahmood. (1998). *Perdagangan Antarabangsa: Konsep, Amalan dan Pembiayaan*  
. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd.

- Rosmawani Che Hashim. (2009). *Pengenalan Undang-undang Perdagangan Antarabangsa*, KL : Dewan Bahasa dan Pustaka
- Sa'dy, Abd al-Rahman bin Nasir al-. (2001). *Ibhaj al-Mu'minin bi Syarh Minhaj al-Salikin*. Riyadh: Dar al-Watan.
- Sa'id Bouheraoua. (2009). *Tawarruq in The Banking System: A Critical Analytical Study of Juristic Views on The Topics*. OIC, The International Islamic Fiqh Academy, Ninetinth Seminar, United Arab Emirates, h.7.
- Saad al Harran. (1993, 23 September ). *Philosophical Mission of Islamic Banking*. New Straits Times, h.15.
- Sabiq, Al-Sayyid. (1999). *Fiqh al-Sunnah*. Mesir: Dar al-Fath lil 'Ilam al-Arabi.
- Saiful Azhar Rosly & Mahmood M.Sanusi. (1999, April). *Financial Instrument for Project Financing in Malaysia and Arab Countries: A Comparative Analysis* . Kertas kerja Konferensi Islamic Project Financing di JW Marriot Hotel, KL, h.2.
- Salus, Ali Ahmad al-. (1996). *Al-Iqtisad al-Islami wa al-Qadaya al-Fiqhiyyah al-Muasirah*. Doha: Dar al-Thaqafah.
- Samarqandy, Ala'uddin al-. (1993). *Tuhfat al-Fuqaha*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- San'ani, Muhammad b Ismail al-Amir al-. (1995). *Subul al-Salam*. Riyadh: Maktabah al-Ma'arif.
- Sanhuri, Abd al-Razzaq. (1954). *Masadir al-Haq fi al-Fiqh al-Islami*. Kaherah: Jami'ah al-Dual al-Arabiyyah.
- Sano Koutoub Moustapha. (2001). *The Sale of Debt as Implemented by The Islamic Financial Institutions in Malaysia*. Kuala Lumpur: UIAM.
- Sarakhsi, Shams al-Din al-. (1978). *Al-Mabsut*. Beirut: Dar al-Makrifah.

- Sauud Muhammad al-Rabiah. (1992). *Tahawwul al-Masraf al-Ribawi ila Masraf Islami*.  
Kuwait: Markaz al-Makhtutat wa al-Turath wa al-Wathaiq.
- Sawi, Mohammad Solah al-. (1990). *Musykilah al-Istismar fi al-Bunuk al-Islamiyyah wa kaifa 'Alajaha al-Islam*. Kaherah: Dar al-Wafa'.
- Sawi, Ahmad b Muhammad . (1952). *Bulghat al-Salik li Aqrab al-Masalik ila Mazhab al-Imam Malik*. Mesir: Matbaah Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Selwood, Dominic, Dr. (2009). Islamic Contracts in a Modern Legal Context dalam Humayon A.Dar & Umar F.Moghul (Eds.). *The Chancellor Guide to the Legal and Shari'a Aspects of Islamic Finance*. United Kingdom: Chancellor Publications Limited.
- Sharan, Vyuptakesh. (2006). *International Financial Management*. Fourth Edition. New Delhi: Prentice Hall of India.
- Shari'a Standards For Islamic Financial Institutions*. (1429H-2008). Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions. Bahrain.
- Sharifah Faigah Syed Alwi. (2004). *Pembiayaan Hutang Dalam Kewangan Islam: Amalan di Bank Islam Malaysia (BIMB )*.Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan. Jabatan Syariah Pengurusan, Bahagian Pengajian Syariah, UM.
- Sharifah Faigah Syed Alwi. (2006). *Pembiayaan Hutang Dalam Perbankan Islam*. Shah Alam: Universiti Teknologi MARA (UiTM).
- Sherlock, Jim & Jonathan Reuvid. (2008). *The Handbook of International Trade: A Guide To The Principles and Practice of Export*. Global Market Briefing.

- Siddiqi, Mohammad Nejatullah. (2006). *Islamic banking and Finance in Theory and Practice: A survey of state of the Art*. Islamic Economic Studies, Vol 13, No.2, Februari 2006, h.4.
- Siti Hawa Abdullah & Santhiram Raman. (2001). *Quantitative and Qualitative Research Methods: Some Strengths and Weakness*. Jurnal Pendidik dan Pendidikan, Jld 17.
- Soleh Zainudin. (2004). *Surat Jaminan Bank Menurut Perundangan Islam dan Pelaksanannya di Bank Muamalat Indonesia*. Disertasi Sarjana Syariah yang tidak diterbitkan, Fakulti Pengajian Islam, UKM Bangi.
- Strauss, A.L. (1987). *Qualitative Analysis for Scientist*. England: Cambridge University Press.
- Subhi Mahmassani. (1948). *Al-Nazariyyat al-'Ammah li-Mujibat al-'Aqd*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Sudin Haron. (1996). *Prinsip dan Operasi Perbankan Islam*. Kuala Lumpur: Berita Publishing.
- Sudin Haron. (2005). *Sistem Kewangan dan Perbankan Islam*. Kuala Lumpur: KL Bussiness School Sdn Bhd.
- Sudin Haron and Wan Norsufiza. (2008). *Determinants of Islamic and conventional deposits in the malaysian banking system*. [www.emeraldinsight.com/0307-4358.htm](http://www.emeraldinsight.com/0307-4358.htm), Vol 34, No. 9, 2008, h.618-643.
- Sulaiman Masri. (2005). *Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penyelidikan*. KL: Utusan Publication.
- Sulayman, Abd Rahman b Muhammad. (1998). *Majma' al-Anhar fi Syarh Multaqa al-Abhar*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

- Suwaylim, Muhammd. (t.t). *Idarah al-Masarif al-Taqlidiyyah wa al-Masarif al-Islamiyyah*. Kaherah: Dar al-Tiba'ah al-Hadithah.
- Suwaylim, Sami Ibrahim al-. (2003, Oktober) *Al-Takafu' al-Iqtisadi bayn al-Riba wa al-Tawarruq*, kertas kerja dibentangkan di Seminar Al-Barakah ke 24 pada 25-27 Oktober 2003, h.18.
- Syafii, Muhammad b Idris al-. (1973). *Al-Umm*. Beirut: Dar al-Makrifah.
- Syaibani, Muhammad b al-Hasan al-. (1990). *Al-Jami' al-Saghir*. Pakistan: Idarah al-Quran.
- Syarbasi, Ahmad al-.(1981). *Al-Mu'jam al-Iqtisadi al-Islami*. Mesir: Dar al-Jayl.
- Syarbini, Syamsuddin Muhammad b Muhammad al-Khatib al-. (t.t). *Mughni al-Muhtaj*. Mesir: Al-Maktabah Al-Taufiqiyyah.
- Syarqawi, Abdullah b Hijazi b Ibrahim al-Syafii al-Azhari al-. (1996). *Hasyiah al-Syarqawi*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Syaukani, Muhammad b Ali b Muhammad al-. (2004). *Nail al-Autar Syarh Muntaqa al-Akhar*. Jordan: Bait al-Afkar al-Dauliyyah.
- Syirazi, Abu Ishak Ibrahim b Ali al-. (1976). *Al-Muhazzab fi Fiqh al-Imam al-Syafii*. Mesir: Matbaah Isa al-Babi al-Halabi wa Syurakauhu.
- Syed Arabi Idid. (1992). *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Mohd Ghazali Wafa Syed Adwam Wafa et al. (2005). *Pengantar Perniagaan Islam*. Petaling Jaya: Prentice Hall Pearson Malaysia Sdn Bhd.
- Syubair, Muhammad Usman. (2001). *Al Muamalat al Maliyyah al Muasirah fi al Fiqh al Islami*. Jordan: Dar al-Nafais.

- Tabari, Abu Ja'far Muhammad b Jarir al-. (t.t). *Tafsir al-Tabari*. Kaherah: Maktabah Ibn Taimiyyah.
- Tabtabaie, Mohammad Abdul Razaq al-.(2008). *Al-Ta'wid 'an al-Darar wa al-Gharamah 'ala al-Ta'khir fi al-Duyun: Dirasah Tatbiqiyyah 'ala al-Muassasat al-Maliyyah al-Islamiyyah fi Daulati al-Kuwait, al-Qadaya al-Mu'asirah fi al-Tamwil al-Islami*. Munaqasyah fi al-Nadwah al-Alamiyyah li 'Ulama' al-Syariah 2006, Bank Negara Malaysia.
- Tirmizi, Muhammad b Isa b Tsaurah al-. (t.t). *Sunan al-Tirmizi*. Riyadh: Maktabah al-Maarif.
- Tuckman, B.W.(1999). *Conducting Educational Research*.USA: Harcourt.
- Uthmani, Muhammad Taqi. (2009). *Verdicts on al-Tawarruq and Its Banking Applications*. OIC, The International Islamic Fiqh Academy, Ninetinth Seminar, United Arab Emirates, h.2.
- Uthmani, Taqi. (2005). *An Introduction to Islamic Finance*. Pakistan: Maktabah Ma'ariful Quran.
- Vaughan, E & Vaughab, T. (2003). *Fundamentals of Risk and Insurance*. New York: John Wiley & Sons.
- Wan Marhaini Wan Ahmad, Asmak Abd Rahman, Nor Aini Ali & Azizi Che Seman. (2005). *Riba dan Gharar dalam Insurans: Satu Analisis Fiqh*. Jurnal Fiqh, no 2 (2005), APIUM, KL, h.97-118.
- William J.Baumol & Alan S.Blinder. (1997). *Economics: Principles and Policy*. Florida: The Dryden Press.

- Wizarah al-Auqaf wa al-Syuun al-Islamiyyah. (1988). *Al-Mausu'ah Al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah*. Kuwait: Wizarah al-Auqaf wa al-Syuun al-Islamiyyah.
- Yasin Ahmad Ibrahim Daradikah. (t.t). *Nazariyyah al-Gharar fi al-Syariah al-Islamiyyah*. Amman: Wizarah al-Auqaf.
- Yubi, Muhammad Sa'ad al-.(1998). *Maqasid al-Syariah al-Islamiyyah*. Riyadh: Dar al-Hijrah.
- Yusof Ramli. (2008). *Mudarabah Dalam Fiqh Islam*. Shah Alam: UITM.
- Yusuf, Mar'ie b. (1389H). *Dalil al-Talib 'ala Mazhab al-Imam Ahmad b Hanbal*. Beirut : al-Maktab al-Islami.
- Za'tary, Alauddin. (2008). *Al-Khadamat al-Masrafiyyah wa Mawqif al-Syariah Minha*. Damsyiq: Dar al-Kalim al-Tayyib.
- Za'tary, Alauddin. (2010). *Fiqh al-Muamalat al-Maliyyah al-Muqaran*. Damsyiq: Dar al-Asma'.
- Zaharuddin Abd Rahman. (2006, 19 Julai). *How Islamic Banks Complying With The Shariah Requirements*. NST Bussiness Time, h.14.
- Zaharuddin Abd Rahman. (2009a). *Murabahah, Teori Aplikasi dan Isu Dalam Perbankan Islam Semasa*. Selangor: True Wealth Sdn Bhd.
- Zaharuddin Abd Rahman. (2009b). *Panduan Perbankan Islam: Kontrak dan Produk Asas*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn Bhd.
- Zaharuddin Abd Rahman (2009c). *Wang, Anda dan Islam: Halal dan Haram Dalam Kewangan dan Perbankan*. Seri Kembangan: Dolphin Press Sdn. Bhd.
- Zaila'iy, Jamaluddin ibn Muhammad Abdullah b Yusuf al-. (t.t). *Nasb al-Rayah li Ahadith al-Hidayah*. Mekah: Muassasah al-Rayyan.

- Zamakhsyari, Abul Qasim Mahmud b Umar al-. (1998). *al-Kasyaf*. Riyadh: Maktabah al-‘Abikan.
- Zarkasyi, Badr al-Din Muhammad b Bahadur al-. (1982). *Al-Mantsur fi al-Qawaid*. Kuwait: Matbaah al-Falij.
- Zarqa’, Mustafa Ahmad al-. (2010). *Fiqh al-Muamalat al-Maliyyah al-Muqaran*. Damsyiq: Dar al-Asma’.
- Zarqa’, Mustafa Ahmad al-. (1968a). *al-Madkhal al-Fiqhi al-‘Am*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Zarqa’, Mustafa Ahmad al-. (1968b). *Sharh al-Qanun al-Suri: Al-‘uqud al-Musawwamah*. Damsyiq: Dar al-Kitab.
- Zuhaily, Wahbah. (1987). *Al-‘Uqud al-Musammah fi Qanun al-Muamalat al-Madaniyyah al-Imarati wa al-Qanun al-Madani al-Urduni*. Damsyiq : Dar al-Fikr.
- Zuhaily, Wahbah. (1989). *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*. Damsyiq: Dar al-Fikr.
- Zuhaily, Wahbah. (1997). *Al-Tamwil al-Iqtisadi: ‘Aqd al-Salam wa al-Istisna’ fi al-Fiqh al-Islam*. Damsyiq: Dar al-Maktabi.
- Zuhaily, Wahbah. (2009a). *Al-Muamalat al-Maliyyah al-Muasirah*. Damsyiq: Dar al-Fikr.
- Zuhaily, Wahbah. (2009b). *Al-Tawarruq: Haqiqatuhu wa Anwa’uhu al-Fiqhi al-Ma’ruf wa al-Masrafi al-Munazzam*. OIC, Majma’ al-Fiqh al-Islami al-Dawli, Ninetinth Seminar, United Arab Emirates, h.7.

## LAMAN SESAWANG

<http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=13&cat=banking&type=IB&fund=0&cu=0>.

18/04/2012

[http://www.mifc.com/index.php?ch=menu\\_exp&pg=menu\\_exp\\_prop](http://www.mifc.com/index.php?ch=menu_exp&pg=menu_exp_prop) 18/04/2012

[http://www.exim.com.my/download/ECR\\_GUIDELINE.pdf](http://www.exim.com.my/download/ECR_GUIDELINE.pdf), 9.7.2012

[http://www.rhb.com.my/business\\_banking/trade\\_service/main/main.html#2](http://www.rhb.com.my/business_banking/trade_service/main/main.html#2).24.04.2012

[http://www.maybank2u.com.my/mbb\\_info/m2u/public/personalChannel01.do?channelId=BFIN02-TradeFinancing&chCatId=/mbb/Business/BFIN-Financing/BFIN02-TradeFinancing](http://www.maybank2u.com.my/mbb_info/m2u/public/personalChannel01.do?channelId=BFIN02-TradeFinancing&chCatId=/mbb/Business/BFIN-Financing/BFIN02-TradeFinancing) .24.04.2012

[http://www.eonbank.com.my/biz/biz\\_trade\\_financing.shtml](http://www.eonbank.com.my/biz/biz_trade_financing.shtml) .24.04.2012

<http://www.affinbank.com.my/banking/conibcredit/conibcredit.htm>.24.04.2012

<http://www.hlb.com.my/wsb/cc/biztrade.jsp?flag=biztrade>.24.04.2012

[http://www.cimbbank.com.my/index.php?ch=cb\\_biz\\_tr&pg=cb\\_biz\\_tr\\_tra&tpt=cimb\\_bbiz&tpt=cimb\\_bbiz](http://www.cimbbank.com.my/index.php?ch=cb_biz_tr&pg=cb_biz_tr_tra&tpt=cimb_bbiz&tpt=cimb_bbiz)24.04.2012

[http://www.pbebank.com/en/en\\_content/business/financing/index.html](http://www.pbebank.com/en/en_content/business/financing/index.html).24.04.2012

<http://www.ambankgroup.com/>.24.04.2012

<http://www.alliancebank.com.my/tradefinancingservices.html>.24.04.2012

<http://wholesalebanking.standardchartered.com/en/capabilities/transactionbanking/tradeservices/Pages/importexport.aspx> 24.04.2012

<http://www.hsbc.com.my/1/2/business-banking/products-services/trade-and-supply-chain/export-finance>.24.04.2012

[http://www.pbebank.com/en/en\\_content/business/financing/index.html](http://www.pbebank.com/en/en_content/business/financing/index.html).24.04.2012

<http://www.bankislam.com.my/bm/Pages/BusinessBanking.aspx> , 24.04.2012

<http://www.muamalat.com.my/wholesale-banking/trade-finance/product-and-services>,  
23.04.2012

<http://www.allianceislamicbank.com.my/tradefinancing.html>, 23.04.2012

<http://www.ambankgroup.com/en/Islamic/Business/TradeServices/ProductServices/Pages/default.aspx>, 23.04.2012

[http://www.asianfinancebank.com/product\\_services/corporate\\_institutional\\_trade.html](http://www.asianfinancebank.com/product_services/corporate_institutional_trade.html),  
23.04.2012

[http://cb.cimbislamic.com.my/index.php?ch=ci\\_biz\\_tr&pg=ci\\_biz\\_tr\\_tra&tpt=cimb\\_ibiz](http://cb.cimbislamic.com.my/index.php?ch=ci_biz_tr&pg=ci_biz_tr_tra&tpt=cimb_ibiz),  
23.04.2012

[http://www.hlisb.com.my/wb/ts\\_loc.htm](http://www.hlisb.com.my/wb/ts_loc.htm), 23.04.2012

<http://www.hsbcamanah.com.my/1/2/amanah/commercial/amanah-trade-services-importing-exporting>, 23.04.2012

[http://www.kfh.com.my/kfhmb/v2/contentView.do?contentType=3000&displayPage=%2Fver2%2Fcontent%2Fstandard.jsp&channelPath=%2Fver2%2Fv2\\_Navigation%2FCommercial+Banking&programName=03\\_BBFinancing&tabId=2&cntName=01-TradeFinancing](http://www.kfh.com.my/kfhmb/v2/contentView.do?contentType=3000&displayPage=%2Fver2%2Fcontent%2Fstandard.jsp&channelPath=%2Fver2%2Fv2_Navigation%2FCommercial+Banking&programName=03_BBFinancing&tabId=2&cntName=01-TradeFinancing), 23.04.2012

<http://www.maybankislamic.com.my/business.html>, 23.04.2012

[http://www.ocbc.com.my/OCBCAI\\_Amin/business-banking/financing/islamic-trade-financing/](http://www.ocbc.com.my/OCBCAI_Amin/business-banking/financing/islamic-trade-financing/), 23.04.2012

[http://www.rhb.com.my/business\\_banking/islamic\\_banking/enterprise-banking/trade\\_main.html](http://www.rhb.com.my/business_banking/islamic_banking/enterprise-banking/trade_main.html), 23.04.2012

<http://www.standardchartered.com.my/islamic-banking/wholesale-banking/islamic-trade-finance/en/>, 23.04.2012

[http://www.alrajhibank.com.my/business\\_trade\\_finance\\_overview.shtml](http://www.alrajhibank.com.my/business_trade_finance_overview.shtml), 23.04.2012

<http://www.affinislamic.com.my/banking/business/financing/trade.htm>, 23.04.2012

[http://www.publicislamicbank.com.my/pibb/en/en\\_content/business/trade.html](http://www.publicislamicbank.com.my/pibb/en/en_content/business/trade.html),  
23.04.2012

[http://www.asianfinancebank.com/product\\_services/corporate\\_institutional\\_trade.html](http://www.asianfinancebank.com/product_services/corporate_institutional_trade.html))

<http://isra.my/fatwas/commercial-banking/financing/tawarruq/429-oic-fiqh> academy  
4/6/2010)

<http://www.bankislam.com.my/bm/Pages/CorporateProfile.aspx?tabs=1> /13.3.2011)

[http://www.bankislam.com.my/bm/Annual%20Reports/Laporan%20Tahunan%202009.p  
df](http://www.bankislam.com.my/bm/Annual%20Reports/Laporan%20Tahunan%202009.pdf) /13.3.2011) :

[http://www.rhb.com.my/islamic\\_banking/main/main.html](http://www.rhb.com.my/islamic_banking/main/main.html) /13.3.2011).

[http://www.rhb.com.my/islamic\\_banking/wealth\\_management/main.html](http://www.rhb.com.my/islamic_banking/wealth_management/main.html)/13.3.2011).

[http://www.rhb.com.my/business\\_banking/islamic\\_banking/treasury/main.html](http://www.rhb.com.my/business_banking/islamic_banking/treasury/main.html)  
13.3.2011).

[http://www.maybank.com/maybank-subsiidiaries/commercial-and-islamic-  
banking/maybank-islamic-berhad](http://www.maybank.com/maybank-subsiidiaries/commercial-and-islamic-banking/maybank-islamic-berhad), 23.4.2012).

<http://www.kfhonline.com.my/kfhmb/ep/home.do?tabId=2> /20/ 4/ 2011

<http://iccwbo.org/products-and-services/trade-facilitation/incoterms/2010>

<http://www.noorbank.com/english/trade-services/import-services> 14.08.2012

<http://www.bisb.com/Corporate/tradefinance.as> 14.08.2012

<http://www.qib.com.qa/index.php?page=operations-sector-services> 14.08.2012

<http://www.barwabank.com/corporate-banking/corporate-finance.aspx> 14.08.2012

<http://dibpak.com/TradeRelated.aspx> 15.08.2012

<http://www.meezanbank.com/corporateBanking.aspx> 15.08.2012

## LAMPIRAN A

### 1. SENARAI RESPONDEN TEMUBUAL

| No  | Nama Responden              | Institusi/ Jawatan  | Tarikh Temubual |
|-----|-----------------------------|---|-----------------|
| 1   | Azizi b Che Seman           | Pengerusi Jawatankuasa Syariah BMMB, Pensyarah Jabatan Syariah dan Ekonomi, APIUM, KL     | 2.6.2012        |
| 2   | Azahari b Awang Ahmad       | Ketua Bhg Pembiayaan Perdagangan, Rhb Islamic Bank, KL                                    | 21.2.2011       |
| 3   | Ahmad Suhaimi b Yahaya      | Regional Head Syariah, KFHM   | 25.3.2011       |
| 4   | Ahmad Turmuzi b Hamezah     | Eksekutif Syariah, KFHM   | 25.3.2011       |
| 5.  | Ahmad Tarmizi b Abu Hanifah | Eksekutif Bhg Pembiayaan Perdagangan, Maybank Islamic, KL                                 | 14.4.2012       |
| 6   | Dayang Atikah bt Zakaria    | Pegawai Perhubungan Bhg Pembiayaan Perdagangan, Butterworth Trade Finance Centre, Maybank | 14.3.2011       |
| 7   | Hafiz b Yusof               | Eksekutif Senior, Penasihat Pembangunan Syariah dan Sekretariat, Rhb Islamic, KL          | 4.3.2011        |
| 8.  | Ismail b Mahayuddin         | Penasihat CIMB Islamic, KL, Felo Kanan Accounting Research Institute, UiTM, Shah Alam.    | 5.7.2012        |
| 9.  | Joni Tamkin b Borhan (Prof) | Ketua Jabatan Syariah dan Ekonomi, Bhg Pengajian Syariah, APIUM, KL                       | 22.7.2011       |
| 10. | Mohammad Akram b Laldin     | Pengarah Eksekutif ISRA   | 21.7.2011       |
| 11  | Mohd Daud b Bakar (e mel)   | Pengerusi MPS, BNM dan  | 10.7.2011       |

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

|     |                              |   |                                  |
|-----|------------------------------|---|----------------------------------|
| 12  | Muhd Ramadhan Fitri Ellias   | Vice President/ Head Syariah Management Maybank Islamic                       | 5.12.2011<br>14.4.2012           |
| 13  | Nordalina bt Mohd Tormoti    | Head of Section, Business Development, Trade Finance Department, BMMB, KL     | 14.10.2011<br>14.4.2012          |
| 14  | Noorul Amilin bt Abu Bakar   | Eksekutif Bhg Perkembangan Perniagaan, Trade Finance Dept. BMMB, KL           | 14.10.2011                       |
| 15. | Roshashimi b Ahmad           | Eksekutif Bhg Operasi, Perkhidmatan Perdagangan, BIMB, KL                     | 14.4.2012<br>18.6.2012<br>(emel) |
| 16  | Saharuddin b Jaafar          | Assistant General Manager, Trade Services Management, BIMB, KL.               | 8.9.2011                         |
| 17  | Sharifah Faigah bt Syed Alwi | Pensyarah Perbankan Islam, Fak. Pengurusan Perniagaan, Uitm Shah Alam         | 4.7.2012                         |
| 18  | Sofiyusalam b Mohamad Johari | Senior Eksekutif, Shariah Advisory, Development and Secretariat, RHB Islamic. | 19.6.2012                        |

---

## LAMPIRAN B

### 2. SOALAN-SOALAN TEMUBUAL

#### **A. Soalan-soalan Untuk Pegawai-pegawai Pembiayaan Perdagangan Bank**

1. Apakah jawatan dan bidang tugas tuan/puan
2. Apakah produk-produk pembiayaan perdagangan yang ditawarkan oleh bank tuan/puan
3. Mohon juga penjelasan tentang kontrak-kontrak syariah yang digunakan dalam produk-produk tersebut
4. Mohon penjelasan dan perincian bagaimana aplikasi produk-produk tersebut dan pelanggan yang bagaimanakah memerlukan(konsep,syarat-syarat, tempoh dan margin pembiayaan )
5. Keuntungan/ kadar ditentukan oleh pihak bank sendiri atau BNM?
6. Apakah produk-produk yang popular di kalangan pelanggan dan mengapa
7. Apakah panduan dan rujukan tuan dalam perlaksanaan produk-produk tersebut
8. Apa tindakan bank tuan sekiranya berlaku kes-kes berikut:
  - i. kegagalan pelanggan membayar mengikut tempoh
  - ii. kegagalan pelanggan dari terus membayar
9. Apakah langkah awal yang diambil oleh bank tuan untuk mengatasi masalah di atas
10. Penjelasan tentang status barang semasa proses penghantaran dilakukan (dalam produk-produk pembiayaan perdagangan):
  - i. siapa pemilik sebenar barang tersebut
  - ii. sekiranya berlaku kerosakan, pihak mana yang bertanggung jawab
  - iii. kelewatan penghantaran barangan
  - iv. barangan tidak menepati spesifikasi seperti yang didokumenkan
11. Adakah bank tuan mengenakan deposit tertentu kepada pelanggan sebelum proses eksport atau import berlaku
12. Adakah caj tertentu dikenakan ke atas perkhidmatan tersebut dan bagaimanakah pengiraannya (keuntungan bank)
13. Selain isu-isu di atas apakah lagi isu-isu berkaitan syariah yang timbul semasa perlaksanaan produk-produk Islamic trade finance. Mohon penjelasan dan bagaimana bank puan menyelesaikannya
14. Mohon penjelasan berkaitan pemilihan bank luar yang berhubung dengan bank tuan dalam aplikasi pembiayaan perdagangan ini
15. Bagaimana pula dengan caj yang dikenakan antara bank-bank yang berurusan dengan bank tuan
16. Bagaimanakah pihak bank memperolehi keuntungan daripada perkhidmtan pembiayaan perdagangan ini
17. Boleh tuan jelaskan tentang UCP 600 dan perkaitannya dengan perdagangan antarabangsa dan adakah ada unsure-unsur yang bertentangan dengan syariah dalam klausa-klausanya

18. Boleh tuan jelaskan kecenderungan pelanggan dalam memilih produk-produk pembiayaan perdagangan, sama ada pembiayaan secara Islam atau konvensional.

## **B. Soalan-soalan Untuk Eksekutif/ Pegawai Syariah Bank**

### **i. Soalan-soalan Umum**

1. Apakah jawatan dan latarbelakang tuan secara ringkas
2. Sebagai pegawai syariah bank, apakah peranan utama tuan?
3. Adakah bank tuan menawarkan produk pembiayaan perdagangan secara Islam?
4. Mohon tuan perelaskan prinsip syariah yang diaplikasikan bagi setiap produk.
5. Mohon huraian dan perincian tuan bagaimanakah aplikasi prinsip-prinsip syariah ke atas setiap produk
6. Mohon penjelasan mengapakah bank tuan memilih prinsip-prinsip syariah tertentu dalam pelaksanaan sesuatu produk pembiayaan perdagangan
7. Adakah parameter tertentu digunakan untuk menetapkan sesuatu caj perkhidmatan tersebut
8. Apakah standard dan rujukan bank tuan dalam memastikan pelaksanaan sesuatu produk itu bertepatan dengan syariah
9. Mohon penjelasan tuan, mengapakah terdapat perbezaan terhadap prinsip-prinsip syariah yang digunakan ke atas satu produk antara bank-bank Islam
10. Bagaimanakah bank tuan menyelesaikan isu-isu syariah berikut :
  - i) status pemilikan komoditi dalam isu jual beli murabahah
  - ii) kerosakan berlaku semasa proses penghantaran barangan
  - iii) dua atau tiga kontrak dalam satu akad
11. Selain isu di atas, apakah lagi isu-isu syariah yang berlaku ketika pelaksanaan produk-produk pembiayaan perdagangan secara Islam? Mohon tuan jelaskan juga kaedah penyelesaiannya
12. Apakah cabaran yang dihadapi bank tuan terutamanya dari aspek aplikasi kontrak syariah dalam produk pembiayaan perdagangan secara Islam ( contohnya isu UCP 600 dll).
13. Bagaimana tuan sebagai pegawai syariah memastikan aplikasi setiap produk adalah mematuhi syariah
14. Adakah tuan berpuas hati terhadap pelaksanaan produk-produk berteraskan syariah di bank tuan
15. Adakah bank tuan mematuhi standard syariah yang dikeluarkan oleh BNM sahaja atau standard syariah antarabangsa juga seperti AAOIFI , Majlis Fiqh OIC dll?
16. Adakah prospek untuk mengaplikasikan kontrak syariah yang baru dalam produk-produk pembiayaan perdagangan secara Islam di bank tuan
17. Pada pandangan tuan, apakah kelemahan-kelemahan yang perlu diperbaiki dalam perbankan Islam di negara kita untuk memastikan produk-produk yang ditawarkan benar-benar mematuhi syariah

## ii. Soalan-Soalan Khusus Isu-Isu Dalam Produk ITF

### 1. Isu-isu berkaitan surat kredit-i

- rasional mengapakah bank menawarkan *surat kredit wakalah* dan *murabahah*
- apa tindakan pihak bank dalam operasi LC wakalah apabila pelanggan tidak mampu menyediakan bayaran (100%) apabila sampai tempohnya? Bolehkan pelanggan bertukar kepada LC-i *murabahah* (pembiayaan).
- hak milik barangan dalam (*title of goods*) dalam LC *wakalah*, sma ada pihak bank atau pelanggan
- perlantikan bank sebagai agen pembayaran dalam LC *wakalah*, bagaimana prosedur yang diamalkan (prosedur perlantikan wakil)
- adakah sebarang charge dikenakan untuk pengeluaran LC-i *wakalah* dan *murabahah*
- bagaimana status *qabadh* ditentukan dalam LC-i *murabahah* untuk memastikan bank benar-benar sebagai pemilik barangan
- bagaimanakah penentuan keuntungan ditentukan (*pricing*) dalam kontrak *murabahah*, adakah berdasarkan BLR? Mohon penjelasan tuan dalam isu ini

### 2. Isu-isu berkaitan Bank Guarantee-i (BG-i)

- metode penentuan yuran perkhidmatan (fee) yang dikenakan kepada pelanggan untuk *BG-i kafalah* ( actual cost/ BNM / ? dan mengapa ?
- apabila pelanggan *default* (gagal melaksanakan tanggungjawabnya), pihak bank perlu menjelaskan bayaran menggunakan dananya. Adakah ia dikira sebagai hutang (*qardh*) dan adakah charge2 lain dikenakan kepada pelanggan?
- adakah BG-i mempunyai tempoh yang tertentu ( tempoh tamat jaminan).

### 3. Isu-isu berkaitan jaminan perkapalan-i (SG-i)

- adakah SG-i mempunyai tempoh tertentu ( tempoh tamat jaminan) dan mengapa?

4. Apakah rasional bank menawarkan produk **resit amanah-i** (*Trust receipt-i*) sedangkan dari segi operasinya ia amat berbeza dengan TR yang ditawarkan oleh perbankan konvensional. Dalam perbankan konvensional barangan adalah milik pihak bank dan pelanggan cuma pemegang amanah sahaja, manakala dalam perbankan Islam pihak bank menjual barangan kepada pelanggan (konsep *murabahah*) dan pelanggan merupakan pemilik barangan.

### 5. Isu berkaitan dokumentasi

- adakah dokumentasi yang digunakan dalam produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam di BIMB khususnya dokumen-dokumen perjanjian dan kontrak adalah patuh syariah ( syariah compliant).
- siapakah yang menyediakan dokumen-dokumen tersebut? Adakah tuan bersetuju pandangan yang mengatakan dokumen-dokumen tersebut ( kontrak dan perjanjian) adalah dokumen-dokumen konvensional yang dimasukkan istilah-istilah islamik sahaja?
- adakah penasihat syariah @ eksekutif syariah mempunyai autoriti dan peranan dalam penyediaan dokumen-dokumen dan borang2 tersebut

5. Apakah rasional bank masih menawarkan produk-produk berteraskan kontrak *bay' al-dayn* sedangkan majoriti fuqaha (terutamanya Timur Tengah) tidak membenarkannya. Mohon penjelasan

6. Berdasarkan laman sesawang bank tuan, didapati (**Maybank Islamic**) merupakan bank yang paling banyak menawarkan produk-produk Islamic Trade Finance. Apakah rasional penawaran produk-produk tersebut? Mengapa Maybank Islamic masih menggunakan kontrak-kontrak kontroversi dalam produk-produk tersebut iaitu *bay' bithaman ajil* dan *bay' al-inah*? Mohon penjelasan....

7. Berdasarkan pengalaman tuan, area manakah lagi wujudnya isu-isu syariah yang masih belum selesai, khususnya dalam trade finance.

### **c. Soalan-soalan Untul Ahli Akademik (Perbankan dan Kewangan Islam)**

1. Apakah jawatan dan latarbelakang tuan secara ringkas
2. Sejauh mana keterlibatan tuan dalam kajian dan penyelidikan berkaitan perbankan Islam khususnya
3. Pandangan tuan berkaitan perkembangan sektor perbankan Islam di Malaysia
4. Pandangan tuan berkaitan aspek pembiayaan yang ditawarkan oleh perbankan Islam di Malaysia, khususnya kontrak-kontrak syariah yang digunakan
5. Apakah standard dan rujukan yang biasanya dipatuhi oleh bank-bank Islam di Malaysia untuk memastikan produk-produk yang ditawarkan adalah *syariah compliant*
6. Pandangan tuan berkaitan isu beberapa kontrak pembiayaan yang masih ditawarkan oleh sebahagian bank-bank Islam di Malaysia sedangkan ianya ditolak oleh ulamak Timur Tengah seperti *bay' al-inah* dan *bay' al-dayn*
7. Pandangan tuan terhadap isu-isu syariah berkaitan pembiayaan yang diamalkan dalam perbankan Islam di Malaysia:
  - i. penggunaan dua atau lebih kontrak syariah dalam satu akad
  - ii. status pemilikan barang dalam jualbeli *murabahah* (apabila barang dihantar melalui udara atau laut ,barang dibawah tanggungjawab pihak mana?)
  - iii. konsep “janji untuk membeli atau *al-waad* yang diamalkan dalam perbankan Islam di Malaysia
  - iv. konsep “*hilah*” dalam kontrak-kontrak tertentu
  - v. caj perkhidmatan (upah) yang dikenakan oleh bank dalam sesuatu perkhidmatan(sejauh mana dibenarkan)?
  - vi. *Al-ta'widh* (compensation) dalam kes lewat bayar dll, adakah situasi yang berlaku sekarang di bank-bank menepati kehendak syariah
9. Pernahkan tuan membuat penyelidikan berkaitan pembiayaan perdagangan secara Islam. Jika “ya” mohon pandangan tuan tentang perlaksanaannya dalam perbankan Islam di Malaysia kini

10. Mengapakah perbankan Islam di Malaysia cenderung menggunakan kontrak *murabahah* dari aspek pembiayaan berbanding kontrak *musyarakah* ?
11. Ada pandangan umum mengatakan, perbankan Islam hari ini berfokuskan keuntungan dan mengabaikan matlamat asas penubuhannya. Mohon pandangan tuan berkaitan isu ini.
12. Pandangan tuan tentang kelemahan-kelemahan khususnya dari aspek pembiayaan secara Islam dalam perbankan Islam di Malaysia dan cadangan untuk memperbaikinya.
13. Rasional mengapakah pihak bank memilih kontrak *wakalah*, *murabahah* dan *musyarakah* dalam pengeluaran surat kredit-i?
14. Dalam pengeluaran LC wakalah, apabila sampai tempoh bayaran (100%), pelanggan mahu menukar kepada pembiayaan ( LC murabahah )- apa pandangan tuan dalam isu ini
15. Metod penentuan yuran perkhidmatan yang dikenakan kepada pelanggan untuk BG-i kafalah? Dan mengapa?
16. Apabila pelanggan default (gagal melaksanakan tanggung jawabnya), tindakan bank ialah menjelaskan bayaran menggunakan dananya. Adakah ia dikira sebagai hutang dan adakah charge2 lain yang dikenakan?
17. Adakah dokumentasi yang digunakan dalam produk-produk pembiayaan perdagangan antarabangsa Islam khususnya berkaitan dokumen-dokumen perjanjian dan kontrak adalah patuh syariah (syariah compliant)?